DEWAN NEGERI PAHANG
TINGKAT 1, BLOK A,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG,
WISMA SRI PAHANG,
25503 KUANTAN, PAHANG.
TEL: 09-5126623
FAKS: 09-5161443
E-MEL: dun@pahang.gov.my

PENYATA RASMI
DEWAN NEGERI PAHANG

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN
04, 05, 06 & 08 DISEMBER 2023

PENYATA RASMI

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN
04, 05, 06 & 08 DISEMBER 2023

DEWAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-15

HARI PERTAMA
04 DISEMBER 2023
(ISNIN)

KANDUNGAN

TARIKH: 04 DISEMBER 2023 (ISNIN)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	AHLI DEWAN NEGERI MENGANGKAT SUMPAH	1
4	MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT	2
5	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	2
6	RANG UNDANG-UNDANG: RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024) 2023 DN27/2023 BELANJAWAN NEGERI PAHANG 2024 DN29/2023	23
7	UCAPAN BELANJAWAN NEGERI PAHANG 2024	25
8	USUL: i) USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR TAHUN 2024 ii) USUL TERGEMPAR BERHUBUNG ISU PALESTIN	49
9	PERBAHASAN USUL TERGEMPAR BERHUBUNG ISU PALESTIN	53
10	PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024) 2023 DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2024	55

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Tarikh : 04 Disember 2023 (Isnin)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan
EXCO Kerajaan Tempatan

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim. - **Muadzam Shah**
EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan.

Yang Berhormat Dato' Sabariah binti Saidan, - **Guai**
DIMP., SMP.
EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga

Yang Berhormat Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, - **Dong**
DSM., AMP.
EXCO Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan

Yang Berhormat Tuan Sim Chon Siang - **Teruntum**
EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia

Yang Berhormat Cik Leong Yu Man **EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan**	-	**Triang**
Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Bilut**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sharim bin Haji Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai,	-	**Sabai**
Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP.	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang	-	**Semambu**
Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**

Yang Berhormat Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	**Lepar**
Yang Berhormat Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Tuan Hasan bin Omar	-	**Lanchang**
Yang Berhormat Tuan Hassanuddin bin Salim	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Tuan Nazri bin Ahmad	-	**Bukit Ibam**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob,
SSAP., SIMP,. DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato’ Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato’ Sri Haji Ir. Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. **EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan**	-	**Benta**
Yang Berhormat Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. **EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi** **EXCO Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau**	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong	-	**Ketari**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Isnin, 04 Disember 2023
bersamaan 20 Jamadilawal 1445 Hijriah

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan ayat Al-Quran]. Bismillahirrahmanirrahim [Bacaan ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Dewan, dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami, berhimpun. Dipohonkan anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh, memandu kepada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenankan. Amin, Amin Ya Rabbal A'lamin.

AHLI DEWAN NEGERI MENGANGKAT SUMPAH

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kedua: Ahli Dewan Negeri mengangkat sumpah.

Dengan ini, saya mempersilakan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri kawasan Pelangai masuk ke Dewan.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Bismillahirrahmanirrahim, bahawa saya, Dato' Amizar bin Abu Adam yang telah dipilih menjadi seorang Ahli Dewan Negeri dengan sesungguhnya mengangkat sumpah bahawa saya dengan setianya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai Ahli Dewan Negeri, dengan seberapa daya upaya saya, dan saya akan benar-benar taat dan setia kepada negeri Pahang, dan akan memelihara, memperlindungi dan mempertahankan Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang. Wallahi, Wabillahi, Watallahi. Ya Allah, tolongi akan daku bagi yang demikian.

MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Mengesahkan Peringatan Mesyuarat.

Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Ke-2 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 5 September 2023 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin membawa cadangan bahawa peringatan Mesyuarat Ke-2 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 5 September 2023 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan disahkan.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, soalannya ialah suatu cadangan bagi mengesahkan Peringatan Mesyuarat Ke-2 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 pada 5 September 2023 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan, telah pun mendapat sokongan. Sekiranya tiada apa-apa pindaan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan “tidak”. Tiada. Peringatan Mesyuarat tersebut disahkan dengan tiada pindaan.

SETIAUSAHA DEWAN

Peringatan Mesyuarat disahkan dengan tiada pindaan dan dibawa untuk pengesahan Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara keempat: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli… Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah SWT, kerana kita semua dapat menghadiri Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Yang Ke-15 pada pagi yang berbahagia ini. Umum mengetahui bahawa, Dewan Negeri Pahang mestilah bersidang setiap 3 kali setahun. Jika persidangan ini… jadi, persidangan ini perlu diadakan seperti biasa mengambil kira ketetapan yang telah ditetapkan dan tentunya ada perkara-perkara yang penting dibawa pada persidangan kali ini. Pada lazimnya, persidangan ke-3 di hujung tahun ini adalah Pembentangan Belanjawan Negeri Pahang 2024. Tunggulah pengumuman-pengumuman penting yang akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat…. kepada ADUN dulu kita nak ucap tahniah kepada Ahli Dewan Negeri Pelangai yang baru iaitu Yang Berhormat Dato' Amizar Abu Adam yang baru mengangkat sumpah pada hari ini. Tahniah juga kita ucapkan kerana berjaya menang kerusi Dewan Negeri Pelangai yang dianggap satu ujian getir kepada Kerajaan Perpaduan di negeri ini. Tahniah kita ucapkan kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar iaitu Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail kerana berjaya mencapai sasaran hasil melebihi RM1 bilion, 2 tahun berturut-turut.

Malah tahun ini, setakat ini ianya melebihi dari sasaran. Kejayaan ini membuktikan kemampuan Kerajaan Negeri Pahang dalam memelihara kemakmuran dan kesejahteraan rakyat di negeri ini. Syabas kepada Kerajaan Negeri Pahang. *To make things possible and achieve our targeted outcome.*

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Perpaduan atas pembentangan Belanjawan 2024 iaitu Kerajaan Malaysia Madani, yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 13 Oktober 2023 yang lalu, yang disifatkan sebagai amat komprehensif dengan semua segmen masyarakat diambil kira tidak terkecuali pembangunan ekonomi dan infrastruktur negeri.

Yang Amat Berhormat… Yang Amat Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, semua usaha dirangka dalam belanjawan itu meliputi setiap keutamaan dan penanda aras Kerajaan Madani yang mencakupi tatakelola dan tadbir urus terbaik demi ketangkasan perkhidmatan. Kedua, pengstrukturan semula ekonomi bagi melonjak pertumbuhan dan yang ketiga meningkatkan darjat hidup rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Konflik Palestin-Israel yang terbaharu berlarutan sejak 7 Oktober yang lalu, menyaksikan peningkatan jumlah korban dan individu yang cedera. Sehingga kini, lebih 10,000 rakyat Palestin terkorban dan angka ini dijangka akan terus meningkat susulan serangan rejim Zionis Israel ke atas Semenanjung Gaza. Kita tahu bahawa konflik ini telah berlarutan sejak

75 tahun yang lalu tetapi masih tiada jalan penyelesaian. Kita merasa cukup sedih dengan konflik ini. Walaupun dunia ketika ini berada di kemuncak tamadun, sebenarnya konflik seperti ini tidak sepatutnya berlaku di dalam abad ke-21 ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Sebagai tanda sokongan solidariti Kerajaan Negeri Pahang kepada Kerajaan Palestin, saya menyeru kepada semua untuk mengenakan mafla yang kita bagi yang telah diedarkan kepada setiap ADUN sepanjang persidangan berlangsung bermula pada hari ini hingga Jumaat, 8 Disember ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa sesi pertanyaan kepada Menteri Besar kebiasaanya disusuli dengan beberapa pertanyaan lisan. Bagaimanapun… bagaimanapun saya ingin memaklumkan bahawa saya akan menghadkan bilangan pertanyaan yang dikemukakan. Pertanyaan lisan mestilah ringkas dan padat supaya kita dapat bersidang dalam masa yang ditetapkan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari kawasan Padang Tengku untuk mengemukakan pertanyaan.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebelum itu, saya ingin mengucapkan selamat datang juga kepada rakan baru kita, ADUN Pelangai *joint* kelab *backbenchers* kita insya-Allah. Soalan saya soalan yang pertama.

[Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) Pahang.

i) Mohon senaraikan projek-projek berimpak tinggi yang telah dilaksanakan oleh Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) sejak penubuhannya di seluruh negeri Pahang dan berapakah kos bagi membangunkan projek-projek berkenaan.

ii) Nyatakan faedah daripada aspek peluang pekerjaan dan peningkatan kuasa beli kepada penduduk setempat hasil daripada pelaksanaan projek berimpak tinggi yang dibangunkan di daerah Lipis.]

YAB DATO’ SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada ADUN kawasan Padang Tengku, yang telah bertanyakan soalan mengenai Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur ataupun ECERDC Pahang, yang meminta saya mengemukakan senarai projek-projek berimpak tinggi yang telah dilaksanakan oleh Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur. Sukacita saya maklumkan bahawa, berikut adalah senarai projek-projek berimpak tinggi yang telah dilaksanakan sejak penubuhannya di seluruh negeri Pahang dengan kos berjumlah RM4 bilion meliputi kluster Pelancongan, Pembuatan, Pembangunan Infrastruktur, Perniagaan Tani dan Sosio-ekonomi.

Projek yang telah disiapkan semenjak ianya ditubuhkan ialah daripada segi sektor pelancongan Taman Negeri Tasik Chini yang menelan belanja sebanyak RM63.4 juta. Yang kedua, Pembangunan Pelancongan Warisan Pekan RM66 juta. Yang ketiga, Kuantan Waterfront Menara Kuantan 188, Serambi Teruntum dan Laman Teruntum RM132.5 juta. Jumlah kos keseluruhan bagi Kluster Pelancongan ialah RM261.9 juta. Manakala bagi sektor Pembuatan, Taman Automotif Pekan RM152.9 juta, Taman Industri Halal Gambang RM63.3 juta, Taman Teknologi Pahang RM120 juta, Taman Industri Kuantan Malaysia-China (MCKIP) RM223.7 juta. Keseluruhannya, sektor pembuatan ialah sebanyak RM559.9 juta.

Bagi Kluster Pembangunan Infrastruktur, Loji Rawatan Air Panching sebanyak RM189.6 juta, Sistem Bekalan Air dan Loji Rawatan Air Ganchong RM341.2 juta, Peluasan Pelabuhan Kuantan RM1,407 juta ataupun RM1.4 billion. Pembangunan Bandar Pelabuhan Kuantan RM2,419.7 juta, jumlah keseluruhannya. Manakala bagi kluster Perniagaan Tani, Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu Muadzam Shah, RM66 juta, Pembangunan Ladang Nanas Bersepadu Rompin RM73.7 juta, keseluruhannya RM139.7 juta. Manakala bagi Sosio-ekonomi Agropolitan Pekan, Tanjung Baru, Batu 8 dan Runchang RM408 juta menjadikan kos keseluruhannya ialah RM3,790 juta.

Manakala projek-projek dalam Pelaksanaan Sektor Pelancongan ialah Pusat Informasi dan Konservasi Penyu Cherating RM10 juta. Menaik taraf bangunan lama di Pekan Lama Pekan RM6 juta. Sektor pembuatan MCKIP 3 Kerja Tanah dan Infrastruktur RM80 juta, manakala kluster Pembangunan Infrastruktur Paip Agihan dari Kemaman, Terengganu ke Gebeng, Pahang RM114 juta.

Manakala soalan kedua yang dikemukakan ialah, apakah faedah aspek peluang pekerjaan dan peningkatan kuasa beli hasil daripada projek-projek yang dilaksanakan oleh Majlis Pembangunan Ekonomi Pantai Timur? Sukacita saya maklumkan bahawa melalui projek-projek ini, Program Pembangunan Insan seperti *empower* ECER, Latihan Kemahiran dan Pembangunan Usahawan serta *entrepreneur* ECER yang telah dilaksanakan di daerah Lipis, mewujudkan sebanyak 1,250 peluang pekerjaan dan 1,850 peluang keusahawanan yang telah diwujudkan yang secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan taraf sosio ekonomi dan peningkatan kuasa beli masyarakat tempatan di Lipis.

Program *empower* ECER, Latihan Kemahiran dan Pembangunan Usahawan adalah bertujuan mewujudkan usahawan baru dan melahirkan tenaga kerja melalui bimbingan bagi menjana dan meningkatkan pendapatan. Manakala program *entrepreneur* ECER bertujuan untuk membangunkan usahawan Industri Kecil Sederhana yang sedia ada ke tahap yang lebih tinggi melalui dua kaedah iaitu Dana Pinjaman Mudah dan Pembangunan Kualiti Produk bagi jaminan pemasaran pasaran. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Soalan tambahan, Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan kerajaan dan saya lihat banyak RM4.4 bilion telah diperuntukkan untuk pembangunan di negeri Pahang ini. Tapi sayangnya saya tengok tak nampak pun dia tertumpu ke sebelah Pahang Timur, tak nampak ke sebelah Pahang Barat ini kecuali kalau di Lipis ni hanya peluang dari segi berkaitan dengan e*mpower*, *imperial empower* dan pembangunan usahawan sahaja.

Soalan yang saya nak kemukakan di sini ialah apakah perancangan ECERD er... bagi menyokong pembangunan di Pahang Barat dan apakah er... projek-projek yang akan dilaksanakan di sana, itu satu yang keduanya ialah er... kami di Lipis ni tertunggu-tunggu satu projek yang pernah dicadangkan di daerah Lipis berikutan dengan lawatan Menteri er... Kewangan pada ketika itu Tengku Dato' Tengku Zafrul iaitu pembinaan *waterfront* di Lipis itu dan Pejabat Daerah telah pun menghantar permohonan dan katanya tidak diluluskan. Saya mohon supaya projek ini diangkat semula kerana ia merupakan satu projek penting untuk er... merealisasikan pembangunan Lipis sebagai *jog park* dan juga er... apa nama Lipis Bandar Bersejarah. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Padang Tengku yang begitu prihatin berkenaan dengan pembangunan di kawasan Pahang Barat. Memang saya tidak dapat nafikanlah ya. Terdapat er... Peruntukan yang terlebih kepada Pahang Timur dan juga er... Pahang Tengah. Tapi untuk maklumat Yang Berhormat daripada Padang Tengku er... dalam perbincangan kajian Pelan Induk ECER 3 yang kita panggil ya, insya-Allah beberapa projek akan kita bincangkan untuk kita bawa ke Pahang Barat supaya ianya nampak lebih seimbang. Namun begitu Kerajaan Negeri tidak semata-mata bergantung kepada ECER.

Malahan semenjak er... 2018, iaitu di tahun pertama, takdir Allah saya menjadi Menteri Besar, kita telah menubuhkan Pahang Barat Plus. Dan hasilnya banyak juga projek-projek yang telah kita sedang dan akan laksanakan. Manakala, bagi projek yang disentuh oleh Yang Berhormat daripada ADUN Padang Tengku tadi yang dikatakan tidak mendapat kelulusan, sebenarnya kita kemukakan dua untuk daerah Lipis ini. Projek Mega, satu projek yang dikatakan oleh Yang Berhormat Padang Tengku tadi, yang kedua ialah Kolej Komuniti Jelai dan alhamdulillah daripada dua kita dapat satu. Iaitu di mana Kolej Komuniti Jelai telah pun diluluskan oleh pihak Federal. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Wakil Beserah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya hanya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada pihak Kerajaan. Didalam kita membangunkan er... pelbagai kluster yang dijalankan oleh ECERDC ini, er... adakah

pembangunan ikut kluster ini disekalikan dengan er... pembangunan dan juga penambahbaikan infrastruktur setempat itu? Kerana dibimbangi er... dengan kerancakan pembangunan yang dibuat, terutamanya sektor industri dan pembuatan ini, dia tidak mengambil kira pembangunan infra setempat telekomunikasi terutama sekali, begitu juga jalinan jalan raya, sehingga mengganggu penduduk setempat akibat daripada er... pembangunan yang dibuat oleh pihak ECERDC dan juga pihak pelabur ini. Jadi, seolah-olah dia ketepikan er... pembangunan infrastruktur untuk nak menampung dan juga menyokong pembangunan kluster-kluster yang disebutkan tadi. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam apa jua pembangunan, memang kita tidak dapat nafikan ada sedikit gangguan. Tetapi itu hanyalah sementara sahaja. Sementara sesuatu projek itu disiapkan dan er... Yang Berhormat daripada Beserah tadi mengatakan pembangunan infrastruktur tidak diambil kira dalam pembangunan. Saya dah telah katakan tadi, Loji Rawatan Air di Panching itu adalah pembangunan infrastruktur juga. Kemudahan asas juga daripada segi bekalan air dan juga sistem bekalan air di dan Logi Rawatan Air Ganchong dan juga kawasan Pelabuhan Kuantan. Itu semua adalah yang melibatkan infrastruktur.

Bermaknanya, kita dalam masa yang sama, selain daripada kita mengadakan mewujudkan projek-projek yang dilaksanakan oleh ECER, dalam masa yang sama kita tidak ketepikan juga pembangunan infrastruktur. Manakala, dari segi kluster, jalan raya dan sebagainya, kita ada pihak Jabatan Kerja Raya dan kita ada peruntukan-peruntukan tertentu yang kita khususkan supaya ianya dapat diselarikan dengan pembangunan yang dilaksanakan oleh ECER. Ada perkara yang kita pergi *concurrent,* serentak. Ada perkara yang kita dahulukan, yang lain itu kita kemudiankan. Terima kasih, Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya, Wakil daripada Tioman. Soalan nombor 2.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua

Saya mohon mengajukan soalan ataupun pertanyaan nombor 2

> [Apakah status pembinaan masjid di Kampung Desa Selesa Perpat, Kampung Sg. Puteri serta di Kg. Tekek Pulau Tioman, Rompin?]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada sahabat saya dari Tioman yang menanyakan tentang status pembinaan masjid Kampung Sungai Puteri, Kampung Perpat dan juga Kampung Tekek di Pulau Tioman.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang sememangnya berusaha gigih di dalam pembinaan masjid. Kalau kita tengok statistik, pada tahun lepas kita ada 688 buah masjid. Dengan kerja gembleng tangan di antara semua pihak JKR, Pejabat Pembangunan Luar Bandar dan sebagainya. Sehingga kini kita telah dapat meningkatkan sebanyak 8 buah masjid lagi kepada 696 buah masjid. Ini kerana apa... kerana kita ada sedikit sebanyak peruntukan kita dapat bina masjid. Cuma ada di dalam beberapa tempat lokasi seperti di Kampung Lubuk Paku, Maran, Kampung Sungai Puteri, Kampung Perpat, ada berlaku sedikit tergendala.

Ada kontraktornya *surrender* dan ada faktor-faktor kelewatan pihak bekerja termasuklah masjid Sungai Puteri ini. Sungai Puteri ini dah 98% Dato' Sri, tak lama lagi saya akan jemput ADUN Tioman untuk solat Jumaat bersama bagi membuka masjid berkenaan. Namun demikian, Masjid Perpat ini agak terlewat kerana ada beberapa faktor pembinaan yang terpaksa mendapatkan peruntukan tambahan dan kontraktor pun *surrender* kita terpaksa tender semula dan dapatkan peruntukan baru. Insya-Allah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ini disebut projek sakit lah.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ya, yang sebagaimana Yang Amat Berhormat, Menteri Besar sebut semalam dalam ucapan er... Seminar Ekonomi Negeri Pahang. Jadi, insya-Allah, dapat peruntukan tambahan yang dipohon oleh Pejabat Pembangunan Negeri, kita akan *tender* semula dan kita akan usahakan masjid ini berdiri di Kampung Perpat. Ada pun Kampung Tekek, peruntukan masih lagi dalam proses dah... dah... mohon dan kita menunggu kalau lulus sahaja bukan sahaja Kampung Tekek kita ada beberapa buah masjid kita sedang menunggu kelulusan. Seandainya dapat kelulusan, kita akan minta pihak yang berwajib membina masjid-masjid. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Soalan tambahan. Saya nak mohon sedikit penjelasan kalau dapat *detail* sikit tetang masalah Masjid Lubuk Paku tadi. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya rasa dah *detail* dah apa yang saya cakap, projek itu sakit. Maknanya kotraktor dia *surrender,* pemilik kontraktor telah kembali ke rahmatullah. Kita doakan semoga rohnya dirahmati dengan maghfirah dan kontraktor baru kita terpaksa cari. Tapi untuk mencari kontraktor baru, kita terpaksa mendapatkan sedikit peruntukan tambahan. Apabila peruntukan tambahan itu lulus, masjid Lubuk Paku juga, sebagaimana masjid Kampung Perpat akan dibina. Sebagaimana juga masjid-masjid lain yang dah siap kita bina. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Soalan seterusnya Wakil daripada Pulau Manis.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Yang Berhormat Tuan Speaker.

Soalan saya nombor 3.

> [Progress kerja perlahan. Contoh Jalan Semambu dan *flyover* Tanah Putih.Atasi masalah trafik sesak pagi dan petang terutama hari Jumaat. Contoh lokasi di Kuantan Jalan Taman Tas ke Batu 11 dan sebaliknya, lampu isyarat (Permatang Badak, Tanah Putih, Bukit Rangin). Kadang-kadang ada lori muatan berat bergerak awal pagi. Adakah tiada kawalan?]

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada Wakil Pulau Manis. Yang untuk makluman sidang Dewan, pihak Kerajaan Negeri akan sentiasa bersama dengan pihak JKR akan sentiasa memantau dan mengambil maklum setiap projek-projek yang dilaksanakan dalam Negeri Pahang ini dan untuk makluman Pulau Manis, kerja-kerja membina jalan konkrit *pavement* telah dilaksanakan di kawasan Semambu iaitu sebelum ini kita dapati bahawa jalan tersebut memang sentiasa menghadapi masalah apabila tibanya musim hujan lebat dan jalan tersebut akan rosak dengan teruk dan memerlukan peruntukan tambahan setiap tahun.

Tetapi kita bersama dengan pihak Jabatan Kerja Raya Negeri telah mengambil satu pendekatan baru di mana kita telah membina konkrit *pavement* dan dibinakan di kawasan Semambu tersebut dan kelewatan ini bukanlah kita sengajakan YB. Inilah... kelewatan ini adalah disebabkan kita terpaksa menggali jalan tersebut dan apabila telah digali, kita menemui pelbagai *utilities* seperti TM, fiber optik, TNB, PAIP dan berbagai lagi dan usaha-usaha tersebut telah menyebabkan masa lebih diperlukan untuk mengalih utiliti-utiliti tersebut. Dan saya mengambil kesempatan ini nak mengucapkan terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan seperti TM, PAIP, TNB yang telah turut serta untuk mengalihkan utiliti tersebut dengan segera bagi membolehkan jalan tersebut telah dapat dilaksanakan.

Dan alhamdulillah, setakat ini, apabilanya tiba musim yang hujan lebat, kita dapati jalan tersebut masih lagi tidak mempunyai, tidak terdapat kesan akibat pada hujan tersebut, tidak ada berlubang, tidak ada apa-apa dan apabila kita gali juga, untuk makluman Yang di-Pertua, bila kita gali, di dalam bawah jalan tersebut ada aliran air. Jadi kita terpaksa membuat, mengambil masa untuk meletakkan satu teknologi baru, kita gunakan *main drain*

dan untuk kita menjadikan jalan tersebut tidak akan mendap lagi pada masa akan datang. Insya-Allah kita berharap jalan tersebut tidak memerlukan peruntukan yang lebih pada masa-masa akan datang.

Bagi pertanyaan YB tentang jalan merentasi Sungai Kuantan. Jadi jalan merentasi Sungai Kuantan ini adalah sebanyak 96.78% daripada 100% dan projek-projek tersebut sedang giat dilaksanakan untuk menyiapkan projek tersebut dan dianggarkan projek ini akan disiapkan pada Disember 2023. Kita harapkan dengan siapnya *flyover* ini merentasi Sungai Kuantan ini, akan dapat menyuraikan trafik. Salah satu alternatif kepada pengguna-pengguna kenderaan yang ingin ke Pekan dan sebagainya, tidak hanya menggunakan jalan di Bukit Rangin semata-mata tapi boleh menggunakan jalan Bukit Setongkol dan seterusnya merentasi Sungai Kuantan iaitu menghubungkan Kuantan dan juga bandar Tanjung Lumpur.

Jadi, untuk masalah trafik sesak ini, untuk makluman Pulau Manis dan Sidang Dewan, negeri Pahang ini memang ramai orang suka datang dah sekarang. Maknanya, baru-baru ini kita adakan dapat National Geo Park di Lipis, satu benda yang baru. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato Sri MB. Yang keduanya, kita ada kawasan pelancongan yang antara nombor satu kawasan pelancongan yang paling cantik dalam dunia, diumumkan di Cameron Highlands. Jadi menyebabkan orang suka, banyak nak datang ke Kuantan, ke Pahang ini terutamanya kita dah diumumkan sebagai Majlis Bandaraya, pun menyebabkan ramai, menyebabkan kesesakan pada jalan raya kita. Dan kerja-kerja senggaraan jalan ini, senggaraan lampu isyarat sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa oleh pihak JKR iaitu Jabatan Kerja Raya kita. Dan untuk tahun ini, kita telah mencuba *Smart Traffic Light* yang kita pasang di persimpangan Paya Besar, persimpangan Sungai Isap, persimpangan U Tanah Putih dan persimpangan Tanah Putih.

Dan kerja pemasangan *traffic light* ini telah selesai pada 15 November 2023 dan kini dalam pengujian dan pentauliahan di tapak dan dijangkakan pemasangan *traffic light* ini, masalah kesesakan lalu lintas di lokasi persimpangan yang dipasang tersebut, dapatlah kita kurangkan sebanyak 10 hingga 20% daripada keadaan sebelumnya dan ini dalam peringkat kita nak menengok keberkesanan pelaksanaan *Smart Trafic Light* ini. Jadi bagi tindakan jangka panjang, kerajaan melalui Rolling Plan 1-4, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP1-4) telah memohon kepada Kementerian Kerja Raya bagi pertimbangan dan kelulusan pihak Kementerian Ekonomi dan Kewangan Malaysia untuk melaksanakan persimpangan lampu isyarat Bukit Rangin, kita mohon dalam... kepada kementerian dan juga persimpangan lampu isyarat Jalan Semambu, Jalan Tengku Muhammad, persimpangan lampu isyarat Taman Tas, persimpangan lampu isyarat Jalan Sungai Lembing, Jalan Sultan Abdullah.

Kementerian Ekonomi juga, untuk makluman Sidang Dewan, telah meluluskan Cadangan Pembinaan Persimpangan Bertingkat Panching, Jalan Kuala Lumpur–Kuantan (FT02), daerah Kuantan, Pahang di bawah Rolling Plan Ke-3, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3, RMKe-12) yang lalu kepada pihak KKR. Projek ini dalam peringkat pelantikan juru ukur dan kerja penyiasatan tanah sebelum proses penyediaan reka bentuk awalan oleh pihak JKR Malaysia.

Kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan setelah kerja-kerja reka bentuk dan perolehan selesai kelak. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kita sentiasa mengambil serius tentang kesesakan disebabkan oleh kenderaan berat dan kerajaan dari masa ke semasa

melalui Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Kuantan (JSPT) dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), kita sentiasa melakukan operasi khas terhadap lori dan bas dengan melibatkan pasukan-pasukan daripada seluruh penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Alam Sekitar. Pertamanya, seperti operasi bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan. Kedua, operasi khas perdagangan. Ketiga, waktu larangan di kawasan-kawasan larangan kenderaan berat dan operasi timbang berat.

Sehingga kini, 114 operasi telah dijalankan sepanjang tempoh Januari hingga September 2023 dan jumlah tangkapan sebanyak 8 dan 3,141 saman telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan. Jadi, inilah yang ingin saya nyatakan kepada pihak YB, maknanya tindakan penguatkuasaan, seliaan dan pemantauan sentiasa dilaksanakan oleh pihak kerajaan dari masa ke masa dan tindakan yang sebaiknya akan diambil untuk menambah baik apa-apa jua yang kita hadapi pada masa ini dalam Kerajaan Negeri Pahang kita. Sekian, terima kasih.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya nak tanya berkenaan Jalan Tebat ke Ganchong di dalam kawasan Pulau Manis. Terima kasih kepada pihak JKR telah membaik pulih jalan itu tapi persoalan saya adalah apakah tindakan daripada pihak kerajaan untuk memastikan sebab jalan itu rosak disebabkan ada loji pasir di situ. Lori rajin keluar masuk itulah yang menyebabkan jalan itu rosak dan telah dibaiki. Apakah tindakan kerajaan yang akan ambil supaya mengelakkan kekerapan. Asal rosak je nak *repair*, asal rosak je nak bela jalan itu, yang mengakibatkan pembaziranlah. Nak tanya, apa langkah kerajaan untuk mengekang masalah itu daripada terus membaik pulih jalan itu setiap tahun?

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih YB kepada soalan yang dikemukakan. Kita sentiasa memantau tentang kondisi jalan-jalan yang berada dalam seluruh negeri Pahang, termasuklah jalan persekutuan yang disenggara oleh pihak Roadcare dan juga jalan negeri yang dilaksanakan disenggarakan oleh pihak YP Maintenance dan baru-baru ini kita juga telah mengadakan... melaksanakan projek di kawasan yang terbabit daripada Jalan Langgar hinggalah ke Jalan Paloh Hinai tersebut melalui Jalan Ganchong dan beberapa tempat telah dibaik pulih dan kawasan YB tersebut mungkin akan kita laksanakan *Notice of Defect*, dengan izin Yang di-Pertua, untuk dilaksanakan pembaik pulih.

Dan pada masa sama juga kita telah meminta kerjasama daripada semua pihak sebagai contohnya Jabatan Pengangkutan Jalan untuk melaksanakan penguatkuasaan dan keduanya lori dengan muatan supaya dengan setiap kelulusan yang melalui jalan negeri ini dengan hanya mempunyai muatan-muatan tertentunya, tak lebih daripada 30 tan. Dan usaha-usaha ini sedang kita laksanakan bersama dengan pihak Kerajaan Negeri terutamanya di Jabatan Tanah dan Galian supaya penguatkuasaan ini dapat dilaksanakan dan *di'enforce'kan* pada masa-masa akan datang dan melibatkan kelulusan pengangkutan tersebut.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya nak ambil peluang dan kesempatan ini merakamkan ribuan terima kasih kepada kerajaan, terutama sekali pihak Jabatan Kerja Raya yang telah banyak membantu mengatasi masalah ini. Setahun yang lalu seingat saya, Pahang ini dikenali sebagai Darul Lubang, maknanya jalan dia penuh lubang. Saya faham Wakil Kerajaan, Yang Berhormat Wakil Kerajaan selalu kena hentam dengan netizen teruk tahun lepas, setahun. Alhamdulillah dalam tempoh setahun, kita dapat berjaya memulihkan keadaan dengan keadaan yang baik.

Namun soalan saya adalah bila kita lepas buat setahun, tak sampai setahun pun dia rosak balik dan ianya kerosakan tersebut jadi... semakin... kos untuk nak membaik pulihnya semakin tinggi. Seolah-olah tidak ada satu koordinasi penyelarasan kerja antara pihak JKR dengan pihak-pihak lain. Contohnya macam Yang Berhormat sebut tadi, ada air di bawahnya disebabkan oleh perparitan, paip yang bocor dan sebagainya.

Bagaimana kita nak mengatasi, selaraskan, adakah penyelarasan itu dibuat antara agensi-agensi dengan JKR supaya tidak ada kejadian, tak berulang benda ini dan juga supaya tidak berlaku pembaziran, bila kita *repair*, paip bocor tak *repair*, dia akan rosak balik. Kalau kita *repair* jalan, longkang tak baik, tak *repair*, air akan bertakung balik. Maka ini akan berulang, kita akan berada dalam situasi yang sama sepanjang masa. Maka ada tak penyelarasan dibuat sama ada di peringkat projek ke dan sebagainya dengan agensi-agensi lain? Terima kasih.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih kepada sahabat saya daripada Beserah, sentiasa bagi soalan. Jadi untuk makluman Yang di-Pertua, kita sentiasa akan menambah baik daripada setiap daripada apa projek-projek ataupun penambahbaikan yang kita laksanakan, terutamanya berkaitan dengan jalan. Sebagai contohnya kalau kita menghadapi paip bocor. Bila paip bocor ni, pihak PAIP akan datang bersama dengan *team* dia dan membaikpulih paip bocor tersebut dan apabila ia melibatkan jalan, kita telah minta pihak PAIP agar segera berurusan dengan pihak YP Maintenance ataupun *Road Care* ataupun Kerja Raya bagi memastikan jalan yang telah dikorek tersebut dapat dibaiki semula mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Sebelum ini pihak PAIP melantik sendiri jalan yang nak diturap balik itu, pihak PAIP telah melantik sendiri dan kita telah meminta supaya prosedur ini telah dibaikpulih ataupun ditambahbaik dengan meminta pihak PAIP merujuk kepada pihak konsesi yang terbabit, sama ada jalan persekutuan atau jalan negeri supaya menepati spesifikasi jalan yang telah ditetapkan tersebut oleh pihak konsesi. Ini bagi mengelakkan supaya jalan itu tak rosak pada masa akan datang. Jadi itu antara yang kita penambahbaikkan lah. Kerjasama daripada semua pihak juga kita sentiasa ada kan bersama kita adakan apa… sesi libat urus supaya kita dapat meningkatkan lagi perkara-perkara yang dapat kita tambah baik dalam usaha sama diantara semua agensi-agensi, anak-anak syarikat kerajaan negeri kita dalam memberikan atau membuat satu projek itu dengan jaya untuk masa akan datang.

Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya wakil dari Chini.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan pertanyaan yang ke 4.

> [Berapakah jumlah peserta Projek Pembangunan Peneroka (PPP) yang terlibat dalam negeri Pahang serta apakah kategori projek yang diberikan?

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih daripada Chini. Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Chini bertanyakan soalan berkenaan dengan projek, Peserta Projek Pembangunan Peneroka yang terlibat dalam Negeri Pahang. Program Pembangunan Peneroka adalah inisiatif untuk meningkatkan pendapatan peneroka melalui aktiviti pertanian dan ternakan. FELDA telah mengenalpasti program tanaman dan gantian yang mampu memberi hasil tuaian dalam tempoh yang singkat dan berpotensi untuk menjana aliran tunai dengan cepat dan konsisten serta memberi manfaat kepada peneroka dalam pelbagai bentuk sama ada pendapatan secara langsung. Usaha ini dijalankan melalui kerjasama antara agensi kerajaan dan juga pihak swasta.

Jadi jumlah keseluruhan peserta Projek Pembangunan Peneroka yang terlibat di Negeri Pahang adalah seramai 11,379 peserta dan maklumat berikut mengikut percahan wilayahnya ialah wilayah... FELDA Wilayah Kuantan- 7,079 peserta, FELDA Wilayah Mempaga- 2,954 manakala FELDA Wilayah Jengka- 1,349 dan Chini juga bertanya tentang, apakah kategori projek yang diberikan? Kategori projek yang ditawarkan kepada peserta terbagi kepada tiga iaitu melibatkan pertanian sebagai contohnya nenas MB2, cili, belimbing buluh, cendawan dan juga *Golden Melon* ataupun *Rock Melon*. Ternakan seperti arnab, ayam kampung, kelulut, kambing dan lembu dan juga kategori projek akuakultur seperti talapia. Sekian terima kasih.

YB DATO’ SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan tambahan satu. Pertama tahniah kepada kerajaan yang telahpun melaksanakan program ini. Saya fikir ini mekanisme untuk meningkatkan pendapatan kepada peneroka FELDA. Cuma kita ada satu isu yang saya ingin mendapat penjelasan ialah berhubung dengan generasi kedua. Generasi kedua FELDA ni antara mekanisme yang bagi memajukan usaha PPP tadi. Isu ialah Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pembinaan rumah kedua di atas lot pertama. Ini saya saya rasa telah dijelaskan di dalam sidang Parlimen dulu.

Isu kita ialah setengah-setengah peneroka FELDA yang bila mereka buat rumah kedua, mereka tidak mendapat kelulusan bekalan elektrik atau air. Saya fikir ini jadi masalah lah sebab kita nak kekalkan generasi kedua kalau boleh, tak keluar daripada FELDA. Jadi menyumbang kepada tenaga kerja di FELDA dan saya harapkan perkara ini kita dapat selesaikan, selaraskan supaya rumah kedua yang dibina di atas kelulusan pihak FELDA

sendiri pun dapat dipastikan bekalan air dan elektrik diberi supaya agenda PPP dapat kita jayakan dengan cemerlang. Terima kasih.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Yang Hormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Cheka yang bertanyakan soalan berkenaan dengan bekalan elektrik dan juga air. Untuk makluman Yang di-Pertua... Cheka, baru-baru ini Pengerusi FELDA telah mengumumkan bahawa bekalan... penyambungan bekalan air dan elektrik boleh disambung semula dan dibagi peluang sehingga hujung tahun ini sehingga 22 Disember 2023. Jadi mana-mana peneroka atau anak peneroka yang membina rumah yang kedua dalam lot peneroka itu, rumah mak ayah apa ni… keluarganya boleh menyambung bekalan elektrik dan air. Sekian.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya sila. Sekejap… sekejap. Ini bagi wakil daripada Jengka.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima Kasih Dato' Sri yang di-Pertua. saya ingin penjelasan daripada EXCO FELDA, dalam DUN saya ada 9 FELDA jadi tengah riuh sekarang ni D Mart akan ditutup dan diambil alih oleh satu syarikat bukan bumiputera. Jadi menimbulkan kebimbangan kepada peneroka FELDA dan saya cuba dapatkan maklumat ini daripada beberapa orang pengurus tapi mereka tak ada maklumat. Jadi saya inginkan penjelasan berkaitan perkara tersebut.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua dan juga soalan daripada Jengka. Sebenarnya perkara ini masih dalam kajian dan belum ada keputusan lagi. Jadi kita tunggulah keputusan daripada pihak FELDA, insya-Allah bila dapat keputusan nanti kita akan maklumkan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Seterusnya soalan wakil daripada Mentakab.

YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 5

> [Sejak kebelakangan ini, keganasan rumah tangga semakin menjadi-jadi dan agak membimbangkan.
>
> a) Berapa jumlah kes yang berlaku pada tahun 2022 di negeri Pahang?
>
> b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya keganasan tersebut?

c) Apakah langkah-langkah yang diambil kerajaan untuk membendung perkara ini terus berlaku?]

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada sahabat daripada Mentakab yang bertanyakan beberapa soalan berkenaan keganasan rumah tangga yang dikatakan semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini.

Bagi soalan yang pertama, berapa jumlah kes yang berlaku pada tahun 2022 di negeri Pahang? Jumlah kes yang berlaku pada tahun 2022 di negeri Pahang adalah sebanyak 253 kes iaitu daerah Kuantan adalah sebanyak 84 kes, daerah Bera-29 kes, daerah Maran-28 kes, daerah Temerloh-27 kes dan daerah Pekan-17 kes, daerah Kuala Lipis-16 kes, daerah Bentong-15 kes, daerah Rompin-14, daerah Raub-11, daerah Jerantut-10 dan daerah Cameron Highlands-2 kes. Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2023 adalah sebanyak 131 kes. Bagi daerah Kuantan adalah sebanyak 41, daerah Maran-15, daerah Temerloh-13, daerah Rompin-11, daerah Jerantut-12, daerah Bera-10, daerah Bentong-10, daerah Pekan-7 kes, daerah Kuala Lipis-6 kes, daerah Maran-5, dan daerah Cameron Highlands-1 kes sahaja, tahun 2023, dari tempoh Januari sehingga Jun.

Dan soalan daripada Mentakab yang kedua adalah apakah faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya keganasan tersebut? Mengikut kajian, faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya keganasan tersebut berdasarkan daripada 384 laporan polis yang dibuat bagi tahun 2022 dan sepanjang tempoh Januari hingga Jun 2023, di negeri Pahang adalah selisih faham sebanyak 296 kes, ini er... disebabkan selisih faham, masalah kewangan 38 kes, masalah anak 9 kes, cemburu 5 kes, mabuk 13, perebutan harta 2 kes, perebutan anak juga 2 kes, proses penceraian 1 kes, masalah keluarga 5 kes dan penyalahgunaan dadah adalah sebanyak 13 kes yang telah dicatatkan.

Selain itu, keganasan terhadap wanita boleh berlaku dalam pelbagai bentuk tanpa mengira tempat, status dan sebagainya. Berdasarkan kepada kes yang telah dirujuk, antara faktor-faktor berlakunya keganasan rumah tangga ialah perselisihan faham dan pelaku seorang yang panas baran. Pelaku seorang penagih dadah, pelaku mempunyai masalah kewangan dan pelaku mengalami tekanan jiwa juga antara faktor terjadinya keganasan rumah tangga. Seterusnya untuk soalan yang ketiga, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk membendung perkara dari terus berlaku? Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk membendung perkara ini daripada berlaku, mempunyai pelbagai pendekatan.

Antara aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh PDRM adalah melalui pencegahan dan pemulihan. Err... dimana pencegahan mengadakan kempen kesedaran keganasan rumah tangga menggunakan platform ceramah, forum, hebahan, pameran, pamplet dan pelbagai perkara yang berkaitan. Talian Kasih iaitu 15999 adalah salah satu inisiatif Kerajaan bagi memudahkan mangsa keganasan rumah tangga melaporkan kejadian tersebut. Dan keduanya dari segi pemulihan memberi perlindungan sewajarnya kepada mangsa seperti perintah perlindungan kecemasan dan juga di mana sumber mengenai keganasan rumah tangga ini juga boleh dilawati melalui laman web JKM melalui EPO. Kerajaan Negeri Pahang juga telah membuka kaunter Aduannita dan Anggun Care iaitu talian *hotline* yang

dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Wanita dan Sosial Negeri Pahang dalam membendung masalah keganasan rumah tangga ini.

Sekian terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya, err… Wakil daripada Tras.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan Nombor 6.

> [Sebanyak 165 tapak struktur telekomunikasi dengan liputan 5G telah siap dan beroperasi di lapan daerah di Pahang setakat bulan Jun 2023. ini memberi perkhidmatan 5G kepada pengguna di beberapa daerah iaitu Kuantan (104 lokasi), Bentong (14 lokasi), Pekan (17 lokasi), Rompin (11 lokasi), Temerloh (15 lokasi), Raub (2 lokasi), Lipis (1 lokasi) dan Cameron Highlands (1 lokasi) telah mencapai 38.7 peratus dan dijangka mencapai 64.2 peratus siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2023 ini.
>
> Soalannya:
>
> a) Apakah jaminan kolaborasi yang telah dibuat dengan pihak Digital Nasional Berhad (DNB) bagi memastikan teknologi 5G dapat memberi manfaat yang lebih besar khususnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi termasuklah dalam industri utama di Pahang seperti pelancongan, perladangan, automotif, pelabuhan dan juga penyediaan pusat internet percuma terutamanya di kawasan luar bandar.
>
> b) Apakah langkah Kerajaan Negeri Pahang bagi mengaktifkan semula Pusat Internet Percuma yang tidak berfungsi yang terdapat di kawasan luar bandar dan juga di tempat pelancongan?]

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Assalamualaikum WBT, selamat pagi. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih juga DUN Kawasan Tras atas soalan yang ditanyakan. Pertanyaan ini ada dua pecahan soalan. Pertamanya mengenai 5G dan yang kedua adalah berkenaan dengan pusat internet percuma.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pertanyaan ini ada dua pecahan soalan. Pertamanya mengenai 5G dan yang kedua adalah berkenaan dengan pusat internet percuma.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Teknologi 5G dicipta dengan kelajuan sehingga 100 kali ganda pantas berbanding 4G melalui kapasiti yang lebih besar dan kadar lengahan atau *latency rate* hampir sifar. 5G bakal membuka kunci inovasi dan ekonomi digital memudahkan pelbagai urusan meliputi setiap aspek kehidupan seharian manusia. Sebagai usaha berterusan dalam menambah baik perkhidmatan komunikasi di Pahang, pelaksanaan 5G di bandar-bandar utama di Pahang telah dimulakan pada penghujung tahun lalu oleh Digital National Berhad atau DNB, itu syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan.

Bagi memastikan pelaksanaan ini dijalankan mengikut perancangan, Kerajaan Negeri bersama dengan SKMM Pahang sentiasa memantau dan menyelia pelaksanaan 5G di Pahang bagi memastikan perkhidmatan tersebut dapat dinikmati dan dimanfaatkan oleh seluruh rakyat di negeri ini. Bagi mencapai sasaran 80% liputan 5G di kawasan berpenduduk di Malaysia pada penghujung tahun 2023, seperti mana yang ditetapkan, pihak DNB perlu menyiapkan sebanyak 7,509 tapak 5G di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut 361 tapak adalah di negeri Pahang.

Sehingga 30 September tahun ini sebanyak 215 tapak atau 60% di Pahang telah siap dibangunkan oleh DNB. Tapak-tapak ini melibatkan berapa lokasi di daerah Kuantan 132 lokasi, Pekan 19 lokasi, Temerloh 17, Bentong 21 lokasi, Bera 1, Cameron Highlands 3 lokasi, Lipis 1, Maran 3, Raub 3 lokasi dan Rompin 15 lokasi. Manakala baki 146 tapak lagi sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan dan dijangka akan siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun ini. Pihak pemberi perkhidmatan yang menyediakan akses 5G kepada pengguna di Pahang ketika ini adalah Celcom, Digi, Maxis, YTL, UMobile, TM dan Yoodo.

Bagi pecahan soalan yang kedua, berkenaan dengan pusat internet percuma. Pihak kerajaan melalui SKMM Pahang telah membina Pusat Digital Ekonomi Keluarga Malaysia atau PEDi yang dilengkapi dengan kemudahan internet bagi kawasan yang kurang mendapat liputan. Selain berperanan sebagai pusat pembelajaran yang menyediakan pelbagai program latihan, program kesedaran dan penglibatan komuniti, PEDi juga membimbing dan melahirkan usahawan kecil luar bandar yang menggunakan teknologi digital.

Sehingga kini sebanyak 111 PEDi terdapat di Pahang, dipergiatkan sebagai pusat sehenti untuk aktiviti ekonomi digital luar bandar. PEDi telah menjadi antara platform bagi usahawan luar bandar untuk menjana pendapatan melalui platform e-dagang seterusnya meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar. Malah pelbagai program latihan dan aktiviti keusahawanan disediakan di PEDi untuk membantu usahawan kecil memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan dengan memasarkan produk secara dalam talian.

Selain itu, Dato' Sri Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Pahang telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta pada tahun lalu bagi melaksanakan projek Pahang Rural Internet Services and Multimedia Access atau dikenali juga sebagai PRISMA. PRISMA adalah projek langganan perkhidmatan jalur lebar satelit di kawasan pedalaman dan kampung Orang Asli yang mempunyai masalah capaian internet. PRISMA adalah inisiatif secara interim oleh Kerajaan Negeri Pahang sebelum menara komunikasi di bawah plan digital negara atau JENDELA berjaya dilaksanakan sepenuhnya.

Melalui inisiatif ini Syarikat Pahang Go Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pembekal perkhidmatan di 50 kawasan di seluruh Pahang yang mempunyai masalah capaian internet. Manakala Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, SKMM Pahang dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri telah diamanahkan bagi memantau pelaksanaan projek ini. Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan berjumlah RM3 juta pada tahun 2023 ini untuk kesinambungan projek ini. Sebanyak 50 lokasi baru dan 26 lokasi sedia ada telah dikenalpasti untuk kesinambungan PRISMA sehingga penghujung tahun 2024. 24 lokasi sedia ada tidak akan disambung langganan kerana penggunaan perkhidmatan PRISMA yang rendah serta kawasan tersebut telah pun menerima capaian internet melalui inisiatif pelaksanaan menara telekomunikasi di bawah JENDELA. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya soalan yang ke-7 wakil daripada Padang Tengku.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mendengar tadi talian komunikasi dengan liputan seluruh negeri Pahang. Saya mendapat aduan daripada kawasan sayalah, *especially* di Jengka 1, pengendali menara telekomunikasi ini tidak membayar bil kepada TNB. Jadi TNB telah potong bekalan elektrik. Jadi liputan di kawasan itu, Telekom, Maxis, Digi semua tak dapat sehingga hari ini. Saya mohon Yang Berhormat bantulah. Terima kasih.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih ADUN Kawasan Kuala Sentul atas soalan yang ditanyakan. Saya tak dapat nak jawab *spesific* untuk kes ini sebab saya tak terima maklumat. Walau bagaimanapun, untuk makluman Kuala Sentul dan Ahli-ahli Yang Berhormat sidang Dewan sekalian, kita telah minta SKMM Pahang untuk buka kaunter bermula esok dan lusa, Selasa dan Rabu untuk mendengar permasalahan sebegini. Jadi Yang Berhormat boleh ajukan pertanyaan ini untuk kita buat semakan terus tentang tentang segala isu berkaitan dengan menara telekomunikasi dan juga perkhidmatan yang disediakan oleh pihak berkepentingan di kawasan masing-masing. Terima kasih Yang Berhormat.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya soalan nombor 7.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum Dato' Sri Yang di-Pertua. soalan saya nombor 7.

> [Nyatakan jumlah pekerja asing yang telah didaftarkan yang terlibat dalam penjanaan ekonomi negeri Pahang seperti peladangan, pembinaan, perniagaan, perkhidmatan dan lain aktiviti ekonomi di seluruh negeri Pahang]

YB TUAN SIM CHON SIANG

Salam Sejahtera. Untuk menjawab soalan nombor satu. Berdasarkan data yang diperolehi daripada Jabatan Imegresen Pahang, permohonan mengikut sektor setakat Januari sampai September 2023 adalah seperti berikut: Pertanian 4,639 orang, Perladangan 10,553 orang, Perkilangan 3,983 orang, Pembinaan 4,870 orang, Perkhidmatan 2,870 orang, Perlombongan 50 orang, Pembuatan 30 orang, Pembantu Rumah 596 orang. Jumlah sekali adalah 27,591 orang. Jumlah keseluruhan pekerja asing yang terdiri daripada adalah Indonesia, Nepal, Myanmar, India, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh, China, Vietnam, Thailand, Filipina, Kemboja dan Laos.

Untuk menjawab soalan no. 2, kemasukan pekerja asing bukan bagi mengganti pekerja tempatan tetapi memenuhi pekerja tempatan terutama di dalam sektor 3D yang tidak… yang minat oleh pekerja tempatan ada seperti yang apa dikatakan dengan izin ini, *dirty, dangerous dan difficult*. Setiap permohonan perlu melalui tapisan yang ketat bagi memastikan hanya majikan yang memerlukan pekerja asing saja yang dibenarkan untuk mengaji pekerja asing. Walau bagaimanapun bagi pekerja tahap kemahiran tenaga, kerja mahir dan separuh mahir masih lagi diisi oleh rakyat tempatan. Namun keadaan ini masih perlu diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri dalam menangani lambakan pekerja asing di negeri ini. Sekian.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Pertama sekali saya ucapkan tahniahlah kepada YB Padang Tengku. Dua soalan naik pagi ini. Jarang berlaku dalam sejarah dunia dan Dato' Sri Yang di-Pertua, saya cadang kalau boleh untuk kita pertimbangkan soalan-soalan masa jawapan Menteri dan EXCO, iyalah daripada agak sama ratalah di antara pembangkang dengan pihak kerajaan. Sebab ada soalan yang kita hantar, ada kepentingan tersendirilah soalan-soalan tersebut, kalau dapat diagihkan sebab dua soalan Padang Tengku pagi ini. Tahniah.

Soalan saya balik pada, dibangkitkan, ialah tentang jenayah yang dilakukan oleh warga asing. Kalau tengok data yang ada, data agak lama 2016 sampai Ogos 2019, 42,451 kes jenayah yang berlaku dalam negara berpunca daripada warga asing. Kalau kita lihat data yang ada kecurian 11,802, pecah rumah dan curi 11,862 dan curi motosikal 4,842. Walaupun data yang ada ini kelihatan agak menurun dan ini tahniah pada pihak polis, anggota pasukan keselamatan kita. Cuma saya ingin dapat penjelasan. Apakah mekanisme supaya warga asing yang masuk ini dapat kita bendung kadar jenayah yang berlaku termasuk gangguan seksual dan jenayah-jenayah yang melakukan begitu lah bila warga asing yang berlaku. Minta penjelasan.

Terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Cheka. Untuk kalau pekerja asing ini, kalau ada berlaku jenayah, kita minta sesiapa yang kena kacau atau kena di apa-apakan kita minta buat laporan polis, kita tangkap okey. Terima kasih.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Er… soalan tambahan. Terima Kasih Yang Berhormat...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat. Saya ingat saya nak pergi ke soalan seterusnyalah. Soalan tambahan kemudianlah. Pasal tersilap sampai 2 hari ini. YB daripada Padang Tengku ya.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Saya hantar 5 soalan sebenarnya. hari ini saja 2, esok lusa semua tak ada dah. Boleh tak satu?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Saya nak tanya pasal inilah tadi yang disebut sektor yang menjadi pilihan ialah keutamaan ialah 3D, tapi bila kita tengok ke lapangan, sebenarnya banyak mereka-mereka ini juga bergiat dalam sektor-sektor yang sepatutnya menjadi milik kita, umpamanya perniagaan. Di Lipis, saya kena pasti sekurang-kurangnya ada 3 kedai Pakistan. Itu belum masuk lagi yang pergi ke karpet, jual karpet masuk ke kampung-kampung dan sebagainya.

Jadi persoalan saya di sini ialah adalah adakah pemantauan dibuat oleh pihak kerajaan? Dan kalau ada tangkapan, berapa tangkapan, tindakan dan sebagainya terhadap mereka ini yang saya difahamkan menyalahgunakan permit-permit yang diberikan kepada mereka. Jadi patutnya perniagaan itu di kawasan perumahan mestilah warganegara tapi kita pastikan berlaku penyalahgunan di situlah. Minta pemantauan dan tangkapan berapa yang telah dilakukan tindakan.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Padang Tengku. Saya minta Padang Tengku bagi maklumat kepada kita dan kita akan ambil tindakan. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey soalan ke-8. Sila wakil daripada Cameron Highlands kerana wakil daripada Ketari beliau berada di luar negara dan insyaAllah balik pada minggu ini. Ada program rasmi. Sila.

YB TUAN HO CHI YANG

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Ketari mengemukakan soalan ke 8.

> [Apakah perancangan jangka masa panjang Kerajaan Negeri untuk menjadikan daerah Bentong hub pelancongan dan/atau tempat peranginan yang terunggul di Malaysia?]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Cumanya saya ingin mengucapkan terima kasihlah wakil daripada Cheka. Insya-Allah kita akan kekalkan rekod daripada Padang Tengku itu tak akan ada lagi dua soalan untuk satu lagi. Sila jawab. Wakil. Sila.

YB CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Daerah Bentong mempunyai pelbagai produk pelancongan. Kedudukannya strategik berhampiran dengan Lembah Kelang dan ianya merupakan bandar transit bagi laluan utama ke Pantai Timur. Jadi, perancangan jangka masa panjang kerajaan untuk menjadikan daerah Bentong sebagai hub pelancongan terunggul di Malaysia termasuk: pertama, Majlis Pembandaran Bentong sedang merangka pelan strategik bagi tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2024 hingga 2034 di mana salah satu tumpuan utama adalah membangunkan Bentong sebagai bandar eko Pelancongan. Kedua, Unit Pembangunan Wilayah Ekonomi Pahang Barat PLUS mencadangkan satu hub pengangkutan awam di lokasi berhampiran dengan stesen ECRL Bentong dan dikenali sebagai Terminal Bersepadu Bentong. Terminal ini berkonsepkan Pusat Sehenti untuk memenuhi keperluan pelancong dan penduduk sekitar dengan 3 mod pengangkutan utama iaitu kereta api, bas, teksi atau *e-hailing*.

Ketiga, penyediaan tapak untuk hub jualan buah-buahan bermusim, sebagai contoh durian juga dijalankan oleh Majlis Perbandaran Bentong. Selain daripada perancangan jangka masa panjang kerajaan selalu prihatin untuk menaik taraf dan menyelenggara produk pelancongan dan fasiliti pelancongan di Negeri Pahang termasuk di Bentong. Jadi untuk tahun ini kita ada projek untuk papan tanda destinasi pelancongan. Kita ada projek di Kolam Air Panas, Taman Eko-Rimba Chamang dan juga Kampung Janda Baik. Dan tahun depan, kerja menaik taraf Taman Sultan Abu Bakar akan dijalankan dan dari semasa ke semasa kerajaan selalu berkolaborasi dengan pemain industri untuk mempromosikan destinasi pelancongan di Pahang termasuk Bentong sebagai contoh *FAM Trip*, dengan izin B2B, B2C dan juga eksposisi pelancongan dan *firming* dan banyak lagi. Terima kasih.

YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Dato' Sri, soalan tambahan. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Jalan-jalan di Kuantan selalu sesak oleh kerana ada pihak-pihak tertentu yang juga membantu dengan meramaikan pelancong ke Negeri Pahang. Soalan saya ialah apakah insentif serta manfaat yang akan diberikan oleh pihak kerajaan. Contoh seperti bantuan dalam bentuk kewangan kepada pihak-pihak NGO dan persatuan sukan yang telah menganjur pelbagai program dan aktiviti yang telah membantu sektor pelancongan dan ekonomi setempat.

YB CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Memang kerajaan selalu menyokong usaha untuk membangunkan pelancongan melalui pelbagai cara termasuk penganjuran acara. Jadi Yang Berhormat boleh merujuk kepada Kalendar Acara Pelancongan Negeri Pahang di mana Tourism Pahang kita selalu

menyokong mana-mana er… pihak termasuk agensi kerajaan, NGO atau syarikat yang menganjurkan acara pelancongan untuk membangunkan er… sesuatu tempat. Pada masa yang sama untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, tahun ini bahawa inisiatif Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerajaan telah juga menyediakan Bantuan Prihatin Pahang untuk membantu pemain industri dalam negeri Pahang termasuk malim gunung, pemandu bot dan juga pemandu pelancongan alam semula jadi untuk membantu mereka masa musim tengkujuh dan negeri Pahang antara negeri pertama yang menyediakan skim insurans kepada pemain industri. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya sahaja nak berkongsi. Semalam Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan ketika seminar er… seminar ekonomi bahawa negeri Pahang adalah negeri yang tertinggi dari segi purata penginapan iaitu daripada bulan Januari ke Jun pada tahun ini di hotel-hotel. Maknanya *occupancy rate* kita adalah 73%, iaitu berbanding dengan negeri-negeri lain yang hanya… yang paling tinggi selepas kita adalah Kuala Lumpur 57%, maknanya memang kita ucap tahniahlah kerana negeri Pahang masih lagi menjadi negeri pilihan kepada pelancong-pelancong tempatan dan luar negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita telah selesai membincangkan 8 pertanyaan-pertanyaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan pagi ini untuk minum pagi dan persidangan disambung semula pada pukul 11.45. Persidangan ditangguhkan. Yang Berhormat, bukan er… bukan 11.45, 11.15… 11.15 (Ahli Dewan ketawa) *sorry* minta maaf ya. Sepatutnya kita habis 10.30 sampai pukul 11… 11.15, tak apa kita 11.15 kita jalan juga (ketawa).

[Persidangan ditangguhkan pada jam 10.51 pagi]

[Persidangan disambung semula]

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024) 2023 DN27/2023, BELANJAWAN NEGERI PAHANG 2024 DN29/2023

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kelima: Rang Undang-Undang. Rang Undang-Undang Perbekalan (2024) 2023 DN27/2023, Belanjawan Negeri Pahang 2024 DN29/2023.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terlebih dahulu mari kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana berkat limpah rahmatnya kita dikurniakan kesejahteraan serta peluang untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam sesi pembentangan negeri Pahang 2024 pada hari ini. Pada masa yang sama, marilah kita melafazkan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Semoga kita semua menjadi umat kebanggaan baginda, insya-Allah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Amat Berhormat, er… minta maaf kena bentang dulu. Dia ada er… Yang Amat Berhormat er… kena bawa cadangan untuk mengemukakan Rang Undang-undang dulu Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Teknikal.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mengemu…mengemukakan Rang Undang-undang Perbekalan (2024) 2023.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat, sila sokong.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menyo…mohon izin menyokong cadangan tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

> **"Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan Untuk Perkhidmatan Tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu."**

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang… Yang Berhormat boleh baca untuk kali yang kedua pula. Dia apa nama… mencadangkan untuk kali yang kedua.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali kedua pada hari ini juga.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menyokong cadangan tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2024) 2023 dibaca bagi kali yang kedua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya sukacita menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyampaikan ucapan Belanjawan Negeri Pahang 2024. Yang Amat Berhormat silakan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan,

> **"Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu"**.

UCAPAN BELANJAWAN NEGERI PAHANG 2024

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

terlebih dahulu marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana berkat limpah rahmatnya kita dikurniakan kesejahteraan serta peluang untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam sesi pembentangan Belanjawan Negeri Pahang 2024 pada hari ini. Pada masa yang sama, marilah kita melafazkan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Semoga kita semua menjadi umat kebanggaan baginda, Insya-Allah.

Seterusnya Patik menjunjung setinggi-tinggi kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang yang juga merupakan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar sepanjang patik mengurus tadbir Kerajaan Negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pembentangan Belanjawan Negeri Pahang 2024 yang bakal saya bentangkan ini bukan sahaja akan menjadi salah satu panduan utama di peringkat negeri, bahkan ia turut berperanan sebagai kerangka perancangan perbelanjaan dan pembangunan negeri. Belanjawan ini akan mengandungi agenda-agenda pembangunan yang merangkumi aspek-aspek sosial ekonomi yang menyeluruh serta seimbang untuk negeri Pahang. Pada masa yang sama, Belanjawan Negeri Pahang 2024 juga menjadi pakej pembang… pembangunan yang padat dengan pelbagai bentuk, imbuhan, bantuan, insentif serta rangsangan bagi tujuan memastikan rakyat menjadi fokus dalam setiap agenda negeri.

Sesungguhnya Belanjawan Negeri Pahang 2024 adalah ikhtiar Kerajaan Negeri yang ikhlas dan tuntas untuk meletakkan negeri Pahang ke satu tahap yang lebih baik serta menjadikan rakyat sebagai keutamaan dalam agenda pembangunan negeri. Bersandarkan kepada perspektif ini, maka tema "Pahang Prihatin, Rakyat Makmur" telah dipilih menjadi teras utama kepada intipati keseluruhan Belanjawan Negeri Pahang untuk tahun 2024.

Yang Berhormat Dato Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin mulakan sorotan pencapaian utama Kerajaan Negeri sepanjang tempoh lima tahun yang lalu, yang mana terdapat empat kejayaan utama yang wajar kita sama-sama imbas kembali dengan penuh rasa bangga dan syukur.

Pertamanya, prestasi kutipan hasil pendapatan negeri yang konsisten saban tahun sejak lima tahun yang lepas sehingga berakhir 3 Disember 2023. Kutipan hasil negeri adalah sebanyak RM1.164 bilion, berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu RM1.083 bilion. Ini bermakna Kerajaan Negeri sudah berjaya mencapai 107.42% daripada sasaran yang ditetapkan. Pencapaian ini adalah amat membanggakan memandangkan Kerajaan Negeri

telah berjaya mengekalkan prestasi kutipan hasil negeri melebihi RM1 bilion bagi tempoh dua tahun berturut turut sekali gus meletakkan negeri Pahang setanding dengan negeri-negeri maju yang lain seperti Selangor dan Johor.

Keduanya, kejayaan menarik pelaburan ke negeri Pahang. Pada tahun ini sehingga 28 November 2023, negeri Pahang telah mengumpul pelaburan berjumlah RM16.441 bilion. Pelaburan tersebut yang terdiri daripada RM4.775 bilion pelaburan domestik serta sebanyak RM11.66 bilion pelaburan asing. Statistik ini adalah petunjuk jelas keyakinan para pelabur terhadap potensi serta kestabilan yang ada di negeri ini. Senario ekonomi negara terus mempamerkan daya tahan disebalik cabaran ekonomi global yang suram dengan pencapaian Keluaran Dalam Negara Kasar ataupun KDNK Malaysia pada tahun 2022 melonjak sebanyak 8.7% berbanding 2021 iaitu sebanyak 3.3%.

KDNK Pahang mencatat 10.8% bagi tahun 2022 mengatasi pertumbuhan 8.7% di peringkat nasional. Ekonomi Pahang mencatat perkembangan ketara dengan nilai KDNK RM61.4 billion, naik daripada tahun 2021 dengan nilai RM55.4 bilion. Maka kerajaan negeri telah berada pada landasan tepat untuk memenuhi aspirasi menjadi negeri maju. Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri telah menerima peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM2.836 bilion untuk 511 projek dan termasuk kelulusan lima projek utama. Antaranya adalah Pembinaan Jalan Pintasan Cameron Highlands dengan kos RM480 juta dan Pembinaan Persimpangan Bertingkat Panching, Jalan Kuala Lumpur - Kuantan dengan kos RM160 juta.

Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri bakal menerima peruntukan sebanyak RM3.197 bilion melibatkan 520 projek daripada pelbagai kementerian iaitu kenaikan sebanyak 12.7% berbanding tahun 2023. Justeru itu, Kerajaan Negeri amat menghargai komitmen yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam usaha menjadikan Pahang sebagai sebuah negeri maju. Pelaksanaan projek-projek mega untuk menarik... untuk menaik taraf jaringan pengangkutan se... seperti Pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuantan, Projek Laluan Rel Pantai Timur ataupun ECRL dan Pelabuhan Kuantan akan menjadikan negeri ini sebagai gerbang pelaburan ke pantai timur Semenanjung Malaysia.

Ketiga, pengurangan hutang Kerajaan Negeri daripada RM1.03 bilion pada tahun 2022 kepada RM983.49 juta sehingga 30 November 2023 iaitu pengurangan sebanyak 4.44% untuk tahun 2023. Suka untuk saya kongsikan bahawa kita telah berjaya mengurangkan sebanyak RM2.25 bilion atau 69.59% hutang Kerajaan Negeri yang keseluruhannya berjumlah RM3.2 bilion sepanjang tempoh lima tahun ini [Ahli Dewan menepuk meja].

Sekiranya prestasi pengurangan hutang ini dapat diteruskan dengan komitmen dan kerjasama semua pihak, maka negeri Pahang akan kekal konsisten dalam usaha untuk mengurangkan lagi hutang pada masa yang akan datang, insya-Allah. Keempat, kejayaan penyaluran bantuan dan program kebajikan kepada rakyat berjumlah RM70 juta sehingga 24 November 2023. Daripada jumlah itu, RM39.71 juta telah dibelanjakan untuk tujuan kebajikan segenap lapisan rakyat melalui pemberian insentif Bantuan Prihatin Pahang dan Pahang Makmur.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya, saya akan membentangkan Anggaran Belanjawan Pendapatan, Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi Tahun 2024.

Bagi tahun 2024, kita mensasarkan kutipan hasil Kerajaan Negeri mencecah RM1.137 bilion. Unjuran hasil ini adalah yang paling tinggi dalam sejarah dengan peningkatan sebanyak 5% berbanding Belanjawan Tahun 2023. Daripada jumlah ini, RM1.125 bilion akan diperuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus yang merangkumi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan kenaan bayaran tetap serta perbelanjaan lain dan aset, dengan peningkatan sebanyak RM54 juta atau 5.04% berbanding tahun 2023.

Manakala bagi perbelanjaan pembangunan, peruntukan yang akan disediakan adalah sebanyak RM301.29 juta. Jumlah ini merangkumi projek infrastruktur sebanyak RM171.98 juta dengan pembiayaan secara langsung. Manakala RM129.30 juta atau bersamaan 42.92% adalah daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi membiayai Projek Bekalan Air.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Belanjawan Negeri Pahang bagi Tahun 2024 akan menggariskan lima tunjang belanjawan. Yang pertama, memacu daya saing dan pertumbuhan ekonomi. Kedua, meningkatkan kemudahan asas dan infrastruktur. Ketiga, memperkasa tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan. Keempat, menjamin keunggulan generasi akan datang. Kelima, memperteguh kemakmuran negeri dan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang terus komited untuk mempertingkatkan lagi sektor pertanian negeri dan seterusnya menyumbang kepada proses keterjaminan makanan-makanan negeri. Bagi sektor pertanian dan industri asas tani, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM58.93 juta pada tahun 2024 bagi mengembangkan lagi sektor pertanian dan industri asas tani negeri ini.

Oleh itu, beberapa langkah dan inisiatif telah dirancang dan disusun oleh Kerajaan Negeri. Yang pertama, menambah baik kemudahan dan fasiliti pusat pertanian di 14 kawasan Parlimen dengan peruntukan RM900,000.00.

Kedua, menyediakan pelbagai insentif dalam bentuk pembungkusan, pelabelan, penjenamaan serta promosi produk melalui kesinambungan Program Pembangunan Usahawan Tani dengan peruntukan RM200,000.00. Ketiga, menyediakan dana pusingan persijilan halal sebanyak RM15 juta bagi membantu pengusaha projek industri asas tani mendapatkan pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri ataupun MeSTI dan pensijilan halal melalui kerjasama Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agro Bank). Keempat, memperuntukkan RM300,000.00 melalui bantuan penyediaan atau sewaan mesin *retort kepada* 50 usaha industri asas tani bagi menambah nilai jangka hayat produk-produk mereka.

Kelima, memperuntukkan RM1.3 juta untuk bantuan input pertanian bagi meningkatkan pengeluaran hasil tanaman. Keenam, memperuntukkan RM300,000.00 untuk Projek Pemerkasaan Tanaman Bernilai Tinggi seperti vanila dan *sacha inchi* kepada *agropreneur*. Ketujuh, pemerkasaan dusun buah-buahan seperti durian, mesta, manggis, rambutan, longan, jambu air, mangga serta strawberi melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sebanyak RM2.71 juta.

Kelapan, melaksanakan kajian Projek Perintis Tanaman Petai dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00. Kesembilan, merintis Projek Pemulihan Tanaman Kelapa melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sebanyak RM570,000.00.

Selain daripada itu, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang ataupun PKPP sentiasa mengambil langkah ke hadapan dalam membangunkan sektor pertanian di negeri ini. Pada tahun 2024, PKPP mensasarkan pencapaian margin keuntungan 10% dan komitmen pembayaran sukuk sebanyak RM105 juta. PKPP juga akan melaksanakan penanaman semula kelapa sawit di kawasan seluas 15,200 hektar dengan kos sebanyak RM75 juta serta menjangkakan penghasilan buah tandan segar sebanyak 556 - 527 metrik tan pada tahun 2024.

PKPP akan terus menerokai potensi sumber kekayaan dan pelaburan yang baru serta pembukaan kawasan tanaman tembikai dan pembukaan ladang strawberi sebagai satu tarikan pelancongan di negeri... di Cameron Highlands. PKPP juga bercadang untuk mewujudkan satu destinasi agro pelancongan baru di Paya Laka, Rompin. Bagi tujuan mendapatkan lebih ramai penglibatan golongan muda, menceburkan diri dalam sektor pertanian, Skim Latihan Agropreneur Muda yang berbentuk program latihan dan praktikal secara amali ataupun dengan izin *hands-on dengan* tujuan menaik taraf ekonomi belia dan komuniti setempat akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM60,000.00.

Konvensyen Agropreneur Muda Peringkat Negeri Pahang yang mensasarkan agropreneur muda daripada Ahli-ahli Pertubuhan Peladang Kawasan ataupun PPK di negeri Pahang juga akan diadakan dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00. Industri penternakan turut menjadi tumpuan Kerajaan Negeri bagi memastikan keterjaminan makanan dapat diatas… diatasi dan pada masa yang sama menjadikan negeri Pahang sebagai salah satu negeri pengeluar utama makanan berasaskan ternakan.

Untuk itu, Projek Industri Penternakan bagi warga penternak dan pengusaha industri hiliran serta pengusaha pusat jagaan haiwan akan diberi penekanan dengan peruntukan sebanyak RM2.275 juta merangkumi sembilan program dan projek. Yang pertama, Skim Makmur Ternak. Kedua, Projek Transformasi Ayam Pedaging. Ketiga, Skim Tingkat Ekonomi dan Produktiviti Pahang. Keempat, Projek Memperkasa Ekonomi Agropreneur Rizab Makanan Ternak. Kelima, Projek Pendidikan Kesihatan Awan… Haiwan. Keenam, Projek Pembangunan Usahawan Ternak. Ketujuh, Program Pengembangan Veterinar. Kelapan, Bantuan Program Jaminan Makanan Berasaskan Haiwan dan… dan akhirnya Program Bantuan Pematuhan Kebajikan Haiwan.

Selain daripada itu, industri ruminan melalui Projek Pengeluaran Baka Ternakan Terpilih Lembu Wagyu dan Projek Peningkatan Genetik Ternakan yang bermula pada tahun ini akan diperkukuhkan dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan Program Latihan Penyembelih Profesional yang akan dikendalikan oleh Kolej Yayasan Pahang Advance Skills dengan pemantauan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang melibatkan 60 orang golongan belia dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Pembangunan pusat kajian dan penyelidikan serta kilang makanan dedak ternakan akan diteruskan dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM100,000.00.

Bagi sektor perikanan darat, bantuan akan diberikan kepada penternak ikan air tawar yang berdaftar dalam bentuk makanan rumusan ikan, benih ikan tilapia dan batin... dan patin, serta lain-lain input penternakan ikan khusus atau bengkel kemahiran serta pembinaan teknologi dengan peruntukan RM100,000.00. Selain itu, program kesedaran kepada orang awam mengenai keancaman spesies ikan asing di Sungai Pahang diteruskan untuk mengekalkan dan menjaga ekosistem sungai. Untuk itu, sebanyak RM110,000.00 diperuntukkan bagi menghapuskan spesies ikan asing melalui program kesedaran dan pertandingan memburu spesies ikan asing. Kerajaan negeri juga akan meningkatkan lagi usaha memelihara baka asli ikan Pahang dengan genetik ikan yang tahan lasak, kadar kemandiran yang tinggi, serta membesar dengan cepat menerusi kerjasama pakar dari luar negara.

Untuk itu, sebanyak RM100,000.00 diperuntukkan melalui Penyelidikan Bioteknologi Genoma Genetic Group melibatkan para penyelidik tempatan daripada Institut Perikanan Jabatan Perikanan dan Universiti Putera Malaysia. Kerajaan Negeri akan meneruskan beberapa pendekatan untuk meningkatkan bidang keusahawanan dalam usaha meningkatkan pendapatan rakyat dan menjadikan bidang keusahawanan sebagai salah satu penyumbang ekonomi negeri Pahang. Untuk itu, beberapa inisiatif telahpun dirancang dan diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2024.

Yang pertama, pembangunan identiti produk premium perusahaan mikro, kecil dan sederhana Pahang dengan anggaran peruntukan sebanyak RM300,000. Kedua, skim pembiayaan kewangan usahawan mikro Negeri Pahang diteruskan dengan pentukan berjumlah RM5 juta. Ketiga, melaksanakan sistem maklumat usahawan sedia ada yang akan menjadi pusat data keusahawanan Negeri Pahang yang dinamakan sebagai Pahang Entrepreneur System, memperuntukkan RM250,000.00.

Keempat, memperuntukkan RM1.5 juta untuk menyertai program dan pameran perdagangan antarabangsa bagi memastikan permintaan produk usahawan Pahang sentiasa meningkat di pasaran global, seperti Malaysia International Halal Showcase, MIHAS, dan Halal International Festival, HALFEST dan sebagainya. Kelima, memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 untuk melaksanakan program adaptasi dan pecutan digital bagi perniagaan dan usahawan negeri Pahang. Kerajaan Negeri akan memberikan tumpuan kepada usaha-usaha merancakkan sektor pelancongan dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan bagi membantu pembangunan infrastruktur dan aktiviti promosi pelancongan yang seterusnya akan meningkatkan kehadiran pelancong ke Negeri Pahang terutamanya dalam persediaan sempena program Melawat Malaysia tahun 2026.

Malah pada tahun ini, beberapa pengiktirafan telahpun diberikan kepada egeri Pahang melibatkan sektor pelancongan serta penjagaan alam semula jadi. Antaranya Yang pertama, daerah Lipis telah diperakui sebagai Geo Park Kebangsaan pada 9 November 2023 yang lalu dan dikenali sebagai Lipis Geopark. Kedua, Cameron Highlands telah dipilih sebagai salah satu daripada 51 destinasi tercantik didunia oleh Condé Nast Traveler iaitu majalah dan web pelancongan terkenal di dunia. Ketiga, mengekalkan Kelestrian Tasik Bera sebagai tapak lembak berkepentingan antarabangsa atau Ramsar yang merupakan tasik semula jadi terbesar di Malaysia.

Keempat, mengekalkan status tapak Rizab Biosfera Tasik Chini di bawah Pertubuhan Pelajaran Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun UNESCO pada 14 Jun

2023. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi tujuan penyediaan infra dan fasiliti perancangan untuk memastikan semua kawasan pelancongan di Negeri Pahang bersedia dari segi infrastruktur dan kemudahan fasiliti untuk menerima kedatangan pelancong. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM7.1 juta bagi geran mengurus dan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM10.1 juta kepada Tourism Pahang pada tahun 2024.

Di samping itu juga usaha-usaha untuk mempromosi serta mengetengahkan lagi tarikan destinasi pelancongan negeri akan dipertingkatkan melalui program promosi pelancongan bertaraf dunia yang melibatkan beberapa aktiviti dengan peruntukan RM7 juta. Antaranya ialah Fraser Hill International Bird Race, Royal Pahang Billfish International Challenge, Rimba Raid, Cameron Ultra dan Lake Bera International Canoe Fest dan pelbagai lagi.

Bagi tujuan Pengembangan Industri Pelancongan, Latihan Khas dan Tauliah kepada Penggiat Industri Pelancongan Negeri seperti malim gunung, pemandu pelancong, juru mudi serta juru alu dan *caving* ataupun *hiking guide* peruntukan sebanyak RM500,000.00 disediakan malah RM300,000.00 lagi diperuntukkan bagi menyediakan pelindungan insurans berkelompok kepada mereka Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, ini ada kaitan soalan daripada Yang Berhormat daripada mana tadi. Pulau Manis ya? Yang dijawab oleh Yang Berhormat EXCO Pelancongan. Maknanya sebelum Yang Berhormat tanya tu, Kerajaan Negeri dah prepare lebih awal lagi. Kita dah buat dulu dah.

Seterusnya, bagi memantapkan lagi industri pelancongan Negeri Pahang, pelbagai aktiviti menarik telah dirancang pada tahun 2024.

Yang pertama, melaksanakan festival Dodol Mangga Tioman, dengan peruntukan sebanyak RM15,000.00.

Kedua, menaiktaraf kemudahan infrastruktur dan memelihara kawasan tinggalan sejarah Tok Gajah - Mat Kilau dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00.

Ketiga, menaiktaraf kemudahan pelancongan di hutan Lipur Parit Fall Cameron Highlands dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00.

Keempat, mengadakan Malaysia Pahang International Tourism EXPO 2024 dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Kelima, terlibat dengan Penyertaan pameran Domestik dengan sebanyak RM500,000.00; dan

Akhirnya geran penuntukan mengurus dan pembangunan Perbadanan Muzium Negeri Pahang sebanyak RM29.77 juta bagi membangunkan infrastruktur dan program permuziuman Negeri Pahang.

Bagi memastikan keselesaan pengunjung ke Kompleks Perkampungan Budaya Orang Asli di Lipis dalam usaha mempromosikan sebagai pusat tarikan pelancong, sejumlah RM300,000.00 telah diperuntukkan bagi tujuan menaik taraf, fungsi pusat Rehat dan Rawat Betau, Lipis.

Bagi merancakkan sektor pelancongan berasaskan flora atau perhutanan Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2.2 juta. Manakala bagi memajukan sektor ekopelancongan di sepanjang Sungai Pahang, sebanyak RM3 juta diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Bagi usaha meningkatkan pelaburan dan pembangunan ekonomi dalam kluster industri pelancongan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM600,000 bagi Projek Merapoh *The Caving Paradise* yang merangkumi kerja-kerja menaik taraf fasiliti di Gua Sisik Naga dan penyediaan kemudahan penginapan *cabin resort*. Selain daripada itu, RM150,000 diperuntukkan bagi mempromosikan pakej pelancongan keretapi di laluan wilayah ekonomi Pahang Barat Plus yang melibatkan lima stesen KTM iaitu di Kemayan, Mentakab, Jerantut, Kuala Lipis dan Merapoh.

Dalam usaha merealisasikan hasrat menjadikan Pahang sebagai hub pelaburan pilihan, maka promosi pelaburan perlu diadakan secara proaktif. Untuk tujuan itu kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan RM3 juta bagi tujuan *Invest Pahang Business International Summit* dan RM500,000.00 bagi mengadakan edaran bahan promosi pelaburan ke Pejabat Kedutaan Luar Negara dan pelbagai agensi lagi.

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang ataupun PKNP memainkan peranan yang penting dalam memajukan sektor perindustrian terutamanya sektor perkilangan di negeri ini. PKNP berperanan mewujudkan iklim pelaburan yang menarik bagi pelabur yang berpotensi serta menggalakkan pelaburan asing. Antara projek-projek pelaburan berpotensi untuk dilaksanakan oleh PKNP pada 2024 adalah seperti berikut:

Yang Pertama, cadangan usahasama projek tenaga boleh diperbaharui di Taman Ilmu Pekan seluas 139 ekar dengan anggaran nilai pelaburan berjumlah RM200 juta.

Kedua Cadangan membangunkan kawasan komersial dan kawasan perindustrian kecil di Kawasan Perindustrian Gebeng seluas 19.6 ekar dan

Ketiga cadangan membangunkan *Green Ship Recycling Centre* di Kawasan Perindustrian Tanjung Agas seluas 10 ekar dengan nilai pelaburan RM250 juta.

Kerajaan Negeri komited untuk menjadi antara hub utama pembangunan industri mineral di negara ini. Oleh itu, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM2.21 juta bagi penubuhan Akademi Mineral Malaysia Pahang di Lipis yang berperanan sebagai pusat pembelajaran dengan menawarkan program pendidikan dan latihan serta perkhidmatan teknikal berasaskan industri mineral. Akademi Mineral Malaysia Pahang merupakan salah satu komponen di bawah cadangan Pembangunan Taman Teknologi Bersepadu Lipis dan akan menyumbang kepada penyelidikan dalam industri mineral bagi menghasilkan teknologi dan proses yang lebih cekap, inovatif dan mesra alam.

Yang Berhormat Dato' Sri yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM301.29 juta untuk projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas di negeri Pahang. Melalui jabatan dan agensi kerajaan di bawah kerajaan negeri. Infrastruktur dan kemudahan asas di bawah rancangan Malaysia Ke-12 Negeri Pahang adalah meliputi projek sambungan dan baru untuk dilaksanakan dan menjadi pemangkin pembangunan dan seterusnya ekonomi negeri Pahang. Kerajaan Negeri Pahang melalui Pengurusan Air Pahang ataupun PAIP dari 2018 sehingga 2023 telah menyiapkan 226 bilangan projek dengan peruntukan sebanyak RM275.1 juta.

Antaranya adalah pembinaan Loji Rawatan Air Karak Fasa 2 yang telah menyelesaikan masalah tekanan air di sekitar Karak termasuk Lanchang, kerja penggantian pam di muka sauk Rumah Pam Kobat dan kerja menaik taraf Loji Rawatan Air Sungai Jelai. PAIP juga sedang giat melaksanakan pelbagai projek dalam pembinaan secara berterusan di seluruh negeri Pahang. Sehingga hari ini sejumlah 37 projek dengan kos keseluruhan RM465 juta sedang dilaksanakan.

Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan bekalan air, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada 7 langkah utama:

Pertama, menyelesaikan masalah kekurangan rizab margin bekalan air serta memastikan kestabilan pengoperasian loji rawatan air.

Kedua, mengatasi masalah putus bekalan dan tekanan air yang rendah.

Ketiga, mengatasi masalah kekerapan paip pecah yang menyumbang kepada kadar kehilangan air atau air tidak terhasil NRW dengan izin, dengan sasaran pada tahun 2024, sebanyak 46% berbanding tahun 2023 sebanyak 47.86%.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, yang paling tinggi NRW ini daerahnya ialah di Temerloh, 60%. Yang ini pun kita akan usahakan supaya dapat dikurangkan sehingga ke 47% insya-Allah.

Yang keempat, menyelesaikan masalah kekurangan air.

Kelima, menjamin sumber air mentah yang berterusan.

Keenam, meluaskan kawasan liputan bekalan air luar bandar dan

Ketujuh, memastikan bekalan air stabil di kawasan perindustrian Gebeng.

Kerajaan negeri akan melaksanakan projek bekalan air dengan melibatkan 229 projek. Bagi mengatasi masalah putus bekalan dan tekanan air rendah, sebanyak 79 bilangan projek telah disenaraikan. Antaranya di Kampung Temai Pekan, Pekan Awah Maran, FELDA Sungai Retang Jerantut, *Carnation Park* dan Tringkap Puncak Cameron Highlands.

Bagi mengatasi masalah kekerapan air pecah… bagi mengatasi masalah kekerapan paip pecah yang menyumbang kepada kadar kehilangan air tidak terhasil, sebanyak 33 projek penggantian paip telah dikenal pasti dan antaranya di Kampung Sungai Ular dan Kampung Jeram Landak Lipis, Pekan Tajau hingga Sri Jaya Maran, Pekan Sungai Lembing Kuantan dan FELDA Selancar 3 Rompin.

Usaha kerajaan negeri untuk memastikan bekalan air sentiasa mencukupi memerlukan rizab margin bekalan air bagi pengeluaran air di setiap loji rawatan air sentiasa berada pada tahap yang sepatutnya. Oleh yang demikian, sebanyak 47 bilangan projek menaik taraf dan pembinaan baru loji rawatan air berserta program penggantian sistem mekanikal dan elektrikal di loji rawatan air, antaranya:

Menaik taraf Loji Rawatan Air Triang Fasa 1 Bera,

Kedua, Loji Rawatan Air Janda Baik, Bentong,

Ketiga, Loji Rawatan Air Jenderak Kampung Temerloh,

Keempat, Loji Rawatan Air Sepayang,

Kelima, Loji Rawatan Air Muadzam, dan

Akhirnya, pembinaan baru loji rawatan air di Bukit Puling, Kuantan.

Berhubung isu kekurangan air mentah, kerajaan negeri telah mengambil inisiatif membina empat kolam pra pemendapan, setiap satu di loji rawatan air Bilut, Kelau, Semantan di Raub, dan Benta Lipis, serta merancang untuk membina satu kolam pra pemendapan di loji rawatan air Benta Lipis.

Menurut sumber air mentah, masalah sumber air mentah yang berkemungkinan berlaku terutamanya pada musim kemarau telah mendorong kerajaan negeri serta Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ataupun FELDA membina inisiatif dengan membina 2 projek *off river storage* atau takungan air pinggiran sungai di Loji Rawatan Air Chini, Pekan dan *off-river storage* Kuala Medang, Lipis.

Kerajaan Negeri turut konsisten berusaha meluaskan kawasan liputan bekalan air luar bandar di bawah Projek Bekalan Air Luar Bandar termasuk perancangan pelaksanaan Projek Bekalan Air Kampung Dada Kering serta menaik taraf loji dan sistem agihan loji rawatan air di Lipis, menaik taraf loji dan sistem agihan Loji Rawatan Air Batu Balai di Jerantut serta Projek Bekalan Air Kampung Tekek, Pulau Tioman, Rompin melalui Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah.

Pada masa yang sama, jaminan bekalan air yang stabil di Kawasan Perindustrian Gebeng turut menjadi fokus Kerajaan Negeri untuk memastikan pihak industri tidak terjejas dan memberi kesan kepada pengoperasian mereka melalui pelaksanaan Projek Bekalan Air Kemaman Gebeng yang dijangka siap pada suku tahun pertama 2024.

Secara keseluruhannya, bagi tujuan memastikan pelaksanaan projek bekalan air dapat dilaksanakan oleh kerajaan negeri sebagaimana dirancang dan yang sedang berjalan, maka sebanyak RM129.3 juta diperuntukan untuk tujuan tersebut pada tahun 2024.

Inisiatif yang menambah baik, projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas di negeri Pahang terus mendapat bantuan daripada kerajaan persekutuan di mana Kerajaan Negeri Pahang telah menerima peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan ataupun MARRIS sebanyak RM401.72 juta pada tahun 2023 sehingga 30 November 2023 yang menjalankan sepanjang 43,658 km jalan negeri. Kerajaan Negeri akan terus komited untuk memastikan jumlah peruntukan ini terus disalurkan agar kemudahan asas, terutama jalan raya, sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.

Kerajaan Negeri juga memperuntukan sebanyak RM171.98 juta bagi memastikan pembinaan dan naik taraf bangunan, asrama pelajar, klinik haiwan, mahkamah, pengairan dan saliran, serta infrastruktur lain dilaksanakan untuk penggunaan pada tahap optimum dari segi keselamatan dan keselesaan.

Kerajaan Negeri akan terus memberi fokus kepada Rancangan Pemuliharaan Koridor di Lembangan Sungai Negeri Pahang serta projek tebatan banjir dengan tujuan mengurangkan risiko banjir kepada penduduk di Pahang. Bagi projek tebatan banjir sebanyak tiga projek dengan anggaran keseluruhan kos projek berjumlah RM212.31 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di mana kesemua projek ini dijadualkan bermula pada akhir tahun ini secara reka dan bina.

Yang pertama ialah di Rancangan Tebatan Banjir Sungai Betong, Jerantut, yang kedua Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Temai dan Sungai Ketapang Pekan dan ketiga rancangan tebatan banjir Sungai Kenau di Sungai Lembing, Kuantan.

Melalui peruntukan daripada Kerajaan Negeri yang secara keseluruhannya berjumlah RM4.3juta pula peruntukan bagi tujuan pelaksanaan program inisiatif serta projek yang berkaitan dengan Rancangan Tebatan Banjir adalah sebagaimana yang dinyatakan berikut:

Yang pertama, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Ikan di daerah Cameron Highlands dengan peruntukan sebanyak RM100,000.00.

Kedua, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Gementi di daerah Bentong dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00.

Ketiga, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Damak di daerah Jerantut dengan peruntukan sebanyak RM700,000

Keempat, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Telang di daerah Lipis dengan peruntukan sebanyak RM2 juta

Kelima, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Cengang di daerah Temerloh dengan peruntukan sebanyak RM1 juta

Selain dari itu kerajaan negeri akan melaksanakan projek-projek saliran seperti berikut:

Yang pertama, sistem saliran bandar melibatkan Projek PISMA Rompin, Triang Central dan Saliran MCKIP dengan peruntukan sebanyak RM6 juta.

Kedua, kerja-kerja pengambilan tanah untuk tujuan pengairan dan saliran di Bukit Setongkol dan RTB Gementi dengan peruntukan sebanyak RM4.4 juta.

Ketiga Rancangan Naik Taraf Skim Luar Jelapang di daerah Maran dengan peruntukkan sebanyak RM500,000.

Dan keempat Menaiktaraf Sistem Hidrologi dengan peruntukan sebanyak RM2 juta.

Manakala bagi tujuan pengurusan lembangan sungai di negeri Pahang, sebanyak RM1.93 juta akan diperuntukkan untuk program dan projek pengurusan lembangan sungai pada tahun 2024 yang turut akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang. Kerajaan Negeri bersetuju untuk membina dan mambaikpulih fasiliti awam dalam kawasan pihak berkuasa tempatan negeri Pahang sebanyak 10 projek dengan peruntukan sebanyak RM500,000.

Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan 16 projek pengurusan kolam takungan negeri Pahang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.5 juta. Bagi program pasca banjir negeri Pahang 2024, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM30 juta untuk pembinaan 4 Pusat Penempatan Tetap di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Pusat Penempatan Tetap ini dibina daerah Kuantan, Pekan, Lipis dan Temerloh. Malah, Kerajaan Negeri telah berjaya menyiapkan sebuah Pusat Pemindahan Tetap yang pertama di Malaysia iaitu Pusat Pemindahan Penempatan Tetap di Kampung Luit, Maran yang dirasmikan pada 22 November yang lalu dan telah beroperasi sepenuhnya.

Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta pada tahun 2024 kepada Kumpulan Wang Amanah Malapetaka Negeri Pahang iaitu peningkatan sebanyak 31.5% bersamaan RM2.4 juta berbanding peruntukan 2023 sebanyak RM7.6 juta.

Selari dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang telah digariskan dalam Pelan Digital Negeri Pahang 2021-2025, maka sejumlah RM1.35 juta telah diperuntukkan bagi tujuan meneruskan kesinambungan Program Langganan Perkhidmatan Jalur Lebar Satelit 2 untuk kawasan-kawasan yang menghadapi masalah capaian internet. Kawasan kampung tradisi dan perkampungan masyarakat orang asli yang menghadapi masalah capaian internet akan dilengkapi teknologi satelit bagi membolehkan capaian internet diperluaskan sebelum inisiatif Jalinan Digital Negara dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.
Kerajaan Negeri juga akan menyambung langganan jalur lebar satelit kawasan yang mempunyai masalah capaian internet untuk program PRISMA 3.0 dengan peruntukan RM500 ribu ringgit. Di samping itu, Projek (JENDELA) Fasa 2 juga akan diteruskan dengan sasaran untuk meningkatkan kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk di Pahang daripada kadar semasa 94.31 peratus kepada 100 peratus pada penghujung tahun 2026.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri komited dalam memberi tumpuan kepada pembangunan bandar yang terancang dan dilaksanakan secara teratur ke arah meningkatkan kualiti hidup rakyat serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi khususnya dengan berpandukan kepada Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan Daerah dan Rancangan Kawasan Khas. Penggantian Rancangan Tempatan Daerah ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) serta hala tuju Rancangan Struktur Negeri Pahang dengan Rancangan Fizikal Negara Ke-3.

Selaras dengan keperluan pembangunan masa kini, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM328,000.00 bagi tujuan penyediaan empat (4) Rancangan Tempatan Daerah iaitu yang pertama; Rancangan Tempatan Daerah Maran 2035 (Penggantian). Yang kedua; Rancangan Tempatan Daerah Bera 2035 (Penggantian), Ketiga; Rancangan Tempatan Daerah Rompin 2035 (Penggantian) dan Keempat; Rancangan Tempatan Daerah Lipis 2035 (Penggantian).

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah menyediakan geran penyelidikan dan pendidikan Perhutanan Taman Negeri Rompin untuk menggalakkan pelaksanaan penyelidikan dan kajian perhutanan melalui pengumpulan maklumat baru mengenai biodiversiti dan meningkatkan penerbitan saintifik berkaitan penyelidikan dan kajian perhutanan di Taman Negeri Pahang. Untuk itu, sebanyak RM150,000.00 diperuntukkan untuk 10 kajian melibatkan Taman Negeri Rompin dan sebanyak RM75,000.00 untuk 5 kajian di Lubuk Yu, Maran dengan menjadikan jumlah peruntukan

keseluruhan sebanyak RM225,000.00 menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan.
Kempen penanaman 100 juta pokok di seluruh negara adalah bertujuan untuk mengekalkan kawasan hijau di seluruh negara selain memelihara serta memulihara kawasan hutan. Kempen ini mensasarkan penanaman 100 juta pokok dalam tempoh lima tahun bermula dari tahun 2021 sehingga 2025.

Bagi meneruskan pelaksanaan kempen ini di negeri Pahang. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1 juta bagi melaksanakan Kempen Penanaman 100 juta pokok peringkat Negeri Pahang dengan pelaksanaan aktiviti seperti seminar dan aktiviti tanaman bersama agensi kerajaan, swasta dan NGO, institusi pendidikan awam, swasta dan sebagainya.

Selain daripada itu, bagi mengadakan seminar ekspedisi saintifik kepelbagaian biologi hutan *Mossy Forest* pula, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM150 ribu ringgit untuk melaksanakan Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan *Mossy Forest.*

Kerajaan Negeri juga akan menyalurkan peruntukan kepada Perbadanan Taman Negeri Pahang untuk pelaksanaan inisiatif-inisiatif berikut. Yang pertama, pelaksanaan kajian pewartaan dan pembangunan tapak di bawah Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun UNESCO dengan peruntukan RM500,000.00. Kedua, pelaksanaan Kajian Pewartaan dan Pembangunan Taman Negeri dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00. Ketiga, melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan Projek *Tiny House* Eko Pelancongan di negeri Pahang dengan peruntukan sebanyak RM250,000.00. Dan keempat mengadakan pertandingan *Rock Climbing* dan Karnival Speleologi bagi peminat sukan *rock climbing* di peringkat kebangsaan dengan peruntukan sebanyak RM 500,000.00.

Kerajaan Pahang turut mengambil langkah proaktif untuk melindungi khazanah hutan negeri selari dengan status keluasan hutan terbesar di Semenanjung Malaysia melalui inisiatif berikut. Yang pertama, pelaksanaan Program Pendidikan Biodiversiti *Mossy Forest* Highlands 360 *Degree* Tahun 2024 dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00. Kedua, pelaksanaan Ekspedisi Penyelidikan dan Pembangunan Biodiversiti Negeri Pahang bagi mengenal pasti potensi habitat dan spesies bagi tujuan Bio-Ekonomi, Bio-Pelancongan dan Program Konservasi yang diperlukan dengan peruntukan sebanyak RM400,000.00. Ketiga, melaksanakan fasa pertama Projek Pembangunan Pusat Pangkalan Data Sumber Biodiversiti Negeri Pahang dengan peruntukan sebanyak RM380,000.00 dan yang akhirnya mengadakan projek Penilaian Biodiversiti berperingkat untuk Rizab Harimau Al-Sultan Abdullah dengan peruntukan sebanyak RM450,000.00.

Kerajaan Negeri Pahang juga telah menerima peruntukan Pemindahan Fiskal Ekologi ataupun EFT untuk Pemuliharaan Biodiversiti sebanyak RM22.8 juta ringgit daripada Kerajaan Persekutuan bermula pada tahun 2019 sehingga kini. Pada tahun ini, peruntukan sebanyak RM14 juta telah disalurkan dan sudah tentu dapat memberi manfaat kepada aktiviti pemuliharaan dan penggunaan hutan serta kepelbagaian bioteknologi di negeri ini.

Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri akan meneruskan agenda Pemantapan Infrastruktur ICT bagi pelaksanaan perkhidmatan dalam talian agensi kerajaan dengan meningkatkan keupayaan infrastruktur ICT di 14 buah Pejabat Agama Islam Daerah dan 18 buah Sekolah Menengah Agama Negeri untuk penambahbaikan pelaksanaan Sistem Maklumat

Perkahwinan Islam Pahang ataupun e-Munakahat dan Sistem Pengurusan Sekolah Menengah Agama dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00.
Bagi menjamin kelestarian perkhidmatan rangkaian pula, peruntukan sejumlah RM300,000.00 akan disediakan untuk membolehkan kerja-kerja menaik taraf rangkaian 1PahangNet dilakukan dan persediaan perpindahan ke Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah ataupun PPSAS. Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi negeri memerlukan kombinasi gerak kerja yang efektif lagi efisien di samping bersifat memenuhi keperluan rakyat. Bagi tujuan ini, infrastruktur ICT dan pangkalan data yang bersepadu perlulah dibangunkan. Oleh itu, Kerajaan Negeri bersetuju memberikan memberikan peruntukan bagi inisiatif-inisiatif berikut.

Pertama, menaik taraf sistem e-Rakyat dengan mewujudkan pangkalan data yang bersepadu dengan peruntukan sebanyak RM100,000.00. Kedua, memantapkan keselamatan infrastruktur ICT dengan pelaksanaan *Security Posture Assessment* terhadap kemudahan ICT di pejabat SUK Pahang dengan peruntukan sebanyak RM120,000.00. Ketiga, melaksanakan penggantian perisian dan peralatan ICT yang usang di semua jabatan Kerajaan Negeri dengan peruntukan sebanyak RM7.27 juta ringgit. Dan keempat, pembangunan Sistem Maklumat Geografi dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00 bagi memantapkan sistem kesiapsiagaan bencana, mengenal pasti zon berisiko tinggi, menilai kelemahan dan membangunkan pelan pengurusan bencana lebih berkesan.

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan menghargai bakat kreatif tempatan. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM100,000.00 bagi Program Karya Anak Pahang sebagai satu insentif kepada orang ramai yang berkongsi karya berkaitan negeri Pahang dan seterusnya bagi menggalakkan penghasilan lebih banyak karya kreatif di negeri ini. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menganjurkan Karnival Makmur di setiap daerah dengan pelbagai karnival yang akan diadakan bersekali seperti Karnival Tanah Pahang, Karnival Buah- Buahan dan Program-Program turun padang dengan peruntukan RM5 juta ringgit pada tahun 2024.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh penjawat awam yang terus menerus memberikan dokongan dan keyakinan dalam melaksanakan amanah ini. Sikap profesionalisme dan saling hormat menghormati menjadi adunan penting dalam memastikan negeri Pahang kekal maju dan makmur. Justeru, sebagai menghargai sumbangan dan motivasi kepada mereka untuk meneruskan kerja baik dan meningkatkan pencapaian di masa hadapan, saya mengumumkan suatu Bantuan Khas Kewangan kepada anggota perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Pahang.

Untuk itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan Bantuan Khas Kewangan sebanyak satu bulan setengah dengan minima RM2,000.00 kepada setiap penjawat awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang. Bayaran ini akan dikreditkan pada tahun 2024 yang melibatkan keseluruhan peruntukan sebanyak RM39.6 juta ringgit.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk minum.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat. Boleh *take two* Yang Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhomat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Generasi yang berada di bangku persekolahan dan institusi pengajian tinggi merupakan golongan yang amat penting dalam menentukan kepimpinan dan hala tuju negara dan negeri pada masa hadapan, terutamanya dalam memastikan kemakmuran yang dikecapi sekarang akan dapat terus dinikmati. Justeru itu, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pahang akan menyediakan insentif dan bantuan yang diharap membantu pembentukan generasi cemerlang sebagaimana berikut.

Yang pertama, mengukuhkan pendidikan tahfiz dengan pembangunan dua Maahad Tahfiz iaitu Maahad Tahfiz Turath di Lipis dan Maahad Tahfiz Mahir (TVET) di Penor dengan peruntukan sebanyak RM20 juta.

Kedua, Program Pendekatan Pendidikan Murid Asli ataupun PEDULI yang bertujuan membimbing murid dalam kalangan masyarakat Orang Asli untuk meneruskan pengajian selepas tamat sekolah menengah dengan sasaran 50% daripadanya.

Ketiga, mengurangkan kadar keciciran murid Orang Asli ke sekolah dengan menyalurkan bantuan kewangan sebanyak RM500,000 kepada sekolah K-11, iaitu Sekolah Kebangsaan Betau.

Keempat, melaksanakan Program Baca Cepat Kawanku bagi semua murid tahun 1 dan er.. bagi semua murid tahun 1 di 12 sekolah rintis, Orang Asli dan kawasan pendalaman. Dan akhirnya, melaksanakan Program Kecemerlangan Pendidikan Negeri Pahang bagi mensasarkan Pahang sebuah negeri yang berada dikedudukan lima teratas dalam pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia melalui peruntukan sebanyak RM2 juta.

Kerajaan Negeri juga menekankan pemekasasan dan potensi dan bakat murid yang beridentitikan anak Pahang yang hebat. Oleh itu, RM1 juta diperuntukkan untuk melaksanakan Program *Pahang Lead* bagi melahirkan ciri-ciri pemimpin pelajar yang mempunyai sifat kepimpinan serta menjadi model insan di segani dan dihormati mengikut acuan negeri Pahang secara holistik.

Peranan dan fungsi Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah ataupun UnIPSAS akan diperkasakan dengan pemberian geran tahunan mengurus dan pembangunan sebanyak RM11.86 juta selaras dengan status yang telah dinaik taraf pada 1 Disember 2021 sebagai universiti penuh pertama milik Kerajaan Negeri yang menawarkan pelbagai jurusan pengajian daripada peringkat Diploma sehingga ke Doktor Fasafah.

Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang secara proaktif berusaha memperbagaikan aktiviti literasi dan program-program berkualiti dalam mendidik masyarakat berbudaya, membaca dan cintakan ilmu. Oleh itu, pada tahun 2024, Kerajaan Negeri memperuntukan

RM9.22 juta untuk terus memperkasa perkhidmatannya kepada seluruh rakyat Pahang. Di samping itu, penganjuran Pesta Buku Pahang 2023 telah mendapat sambutan yang cukup hebat. Oleh itu, Kerajaan Negeri memperuntukan RM500,000.00 untuk pelaksanaan Pesta Buku Pahang 2024. Program ini sudah tentu dapat merancakkan lagi industri buku dan mendedahkan kepada masyarakat berkaitan penerbitan buku-buku baharu serta memberikan faedah kepada rakyat negeri ini.

Kerajaan Negeri Pahang memandang serius tentang masalah pengangguran dengan menyediakan platform dan ruang bagi golongan anak muda untuk mendapatkan peluang pekerjaan dengan menghimpunkan syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan melalui Program *Pahang 1st Job*. Menerusi program ini, organisasi atau syarikat dapat memberi sokongan, bimbingan dan peluang kepada graduan yang baharu tamat belajar untuk memasuki pasaran pekerjaan. Peruntukan disediakan untuk pelaksanaan program ini adalah sebanyak RM1.5 juta.

Kerjaan Negeri juga akan mewujudkan pangkalan data utama Pekerjaan Pahang atau dikenali CariKerja@Pahang. Sistem Pangkalan Data Utama ini merupakan sebuah medium yang menintegrasi maklumat berkaitan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat untuk mencapai objektif perbadanan... Untuk mencapai objektif padanan pekerjaan. Peruntukan disediakan untuk pelaksanaan sistem ini adalah sebanyak RM2.5 juta.

Kerjaan Negeri sentiasa komited untuk meringankan beban rakyat terutamanya bagi membuka lebih banyak peluang pekerjaan, antaranya melalui inisiatif seperti berikut.

Yang pertama, pelaksanaan analisis keberkesanan terhadap keperluan pekerjaan negeri Pahang untuk memahami perubahan lanskap pekerjaan dan sumber manusia berdasarkan sektor di Pahang dengan peruntukan sebanyak RM100,000.00.

Kedua, mengadakan siri Wacana Pekerja Harmoni, Ekonomi Lestari bagi membincangkan isu-isu pekerjaan serta memberi informasi perkembangan ekonomi dan pelaburan di Pahang yang memberi berkesan kepada peluang pekerjaan sekurang-kurangnya dua kali setahun dengan peruntukan sebanyak RM150,000.00.

Dan ketiga, melaksanakan Karnival Kerjaya Negeri Pahang dengan peruntukan sebanyak RM290,000. Selain daripada itu, Pahang Skills telah merancang untuk menaik taraf kemudahan latihan kepada pusat kecemerlangan dengan membangunkan kursus baharu iaitu penyelenggaraan Dana Sains Keretapi selaras dengan Projek Laluan Rel Pantai Timur. Kerajaan Negeri memperuntukan RM2 juta bagi perlaksanaan kerja-kerja menaik taraf makmal komputer yang sedia ada dan menambah baik sistem penyampaian maklumat secara digital kepada para pelatih. Peruntukan ini juga meliputi kerja-kerja penyelenggaraan bangunan dan kampus Pahang Skills.

Kerajaan Negeri juga memperuntukan RM2.5 juta bagi pembinaan Kompleks Pentadbiran Baharu, dan Asrama Pintar Pahang skills. Pembinaan Kompleks ini adalah untuk menampung ruang kerja yang ketika ini tidak mencukupi dan untuk menyediakan kemudahan penginapan kepada pelajar serta peserta khusus sekaligus memberi ruang kepada Pahang Skills melahirkan lebih ramai tenaga mahir.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri pada tahun hadapan akan meneruskan pelaksanaan Projek Rumah Rakyat Pahang atau RRP yang diberikan secara percuma kepada golongan miskin dan miskin tegar yang tidak mempunyai rumah atau rumah terlalu uzur untuk didiami dengan kos pembinaan bernilai RM75,000 seunit ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Sebanyak 470 unit Rumah Rakyat Pahang akan dibina tahun hadapan yang melibatkan 8 unit rumah untuk setiap Dewan Negeri dan 1 unit di setiap Parlimen serta 120 unit rumah lagi untuk masyarakat Orang Asli dengan peruntukan berjumlah RM48 juta. Disamping itu juga Kerajaan Negeri turut penyalurkan RM2,000.00 kepada setiap penerima Rumah Rakyat Pahang untuk membeli peralatan isi rumah yang asas dengan jumlah peruntukan keseluruhan RM940,000.00.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan program baik pulih rumah daif pada tahun depan bagi memastikan golongan miskin dan miskin tegar dapat hidup dalam keadaan rumah yang selamat dan selesa.

Seterusnya patik menjunjung kasih kepada ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri-ayatudin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al Mustain Billah atas keprihatinan serta kecaknaan dalam membantu rakyat jelata yang tidak punya kediaman atau kediaman rosak akibat pencana dengan mengurniakan Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah atau Ru'RASA dengan kerjasama Kerajaan Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Negeri. Program ini akan diteruskan pada tahun hadapan melibatkan 274 buah rumah di seluruh Pahang dengan peruntukan sebanyak RM25.03 juta.

Projek Skim Tanah Warisan yang telah dilaksanakan di Kuala Medang, Lipis akan diperluaskan ke Nenasi, Pekan. Melibatkan penyediaan infrastruktur asas serta akses jalan masuk, bekalan air dan elektrik serta fasiliti awam lain dengan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi menjayakan projek ini.

Peranan institusi agama Islam akan terus diteguhkan pada tahun 2024 dan usaha menjamin syiar islam kekal utuh. Oleh yang demikian, peruntukan sebanyak RM162.5 er... peruntukan sebanyak RM162.53 juta telah disediakan kepada Jabatan Agama Islam Negeri Pahang, Jabatan Kehakimah Syariah Negeri Pahang, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Pahang dan Jabatan Mufti Negeri Pahang. Peruntukan ini bertambah sebanyak RM14.3 juta berbanding peruntukan tahun 2023.

Selain daripada itu, antara projek dan program yang mendokong usaha dalam memartabatkan syiar Islam di negeri ini seperti berikut;

Yang Pertama melaksanakan kerja-kerja pembinaan Kompleks Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan, di Indera Mahkota dengan peruntukan sebanyak RM4.5 juta.

Kedua, melaksanakan pembinaan masjid baharu iaitu Masjid Al-Falah Sungai Isap 2, Kuantan sebanyak RM3 juta.

Ketiga, melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan, surau, masjid dan makam diraja di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Negeri Pahang sebanyak RM3.4 juta.

Keempat melaksanakan kerja-kerja pembinaan baharu asrama perempuan 4 tingkat di Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan, Kuantan dan asrama lelaki 4 tingkat Sekolah Agama

Chenor, Maran dan kerja-kerja penyelenggaraan di berapa sekolah agama negeri dengan peruntukan sebanyak RM1.6 juta.

Kelima, melaksanakan kerja-kerja pembinaan dan menaik taraf Kompleks Mahkamah Syariah Temerloh dan pembangunan er... bangunan-bangunan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang dengan peruntukan RM1 juta.

Dan keenam, Kerajaan Negeri bersetuju untuk peruntukan sebanyak RM1.43 juta untuk bayaran bantuan makanan termasuk asrama di 4 buah sekolah menengah agama iaitu Sekolah Menengah Agama Darul Makmur Ganchong di Pekan, Sekolah Menengah Agama Darul Naim di Kuala Krau di Temerloh, Sekolah Menengah Agama Al-Asriah Ulu Cheka di Jelantut dan Sekolah Menengah Agama Al-Taufikiah Al-Asriah di Benta di Lipis.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebelum ini Kerajaan Negeri tak bantu pun, tapi kali ini Kerajaan Negeri bantu dengan peruntukan RM1.43 juta.

Seterusnya berkenaan dengan kesejahteraan dan kesihatan rakyat adalah salah satu agenda yang termasuk dalam tumpuan Kerajaan Negeri pada tahun 2024 dengan pelaksanaan Program Komuniti Sihat Pembina Negara dan Karnival Kekal Sihat KOSPEN Negeri Pahang dengan peruntukan sebanyak RM1 juta yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pahang dengan kerjasama rakan-rakan strategik yang berkaitan.

Kerajaan Negeri juga melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang akan menyediakan inisiatif dan bantuan sepertimana yang dinyatakan berikut.

Yang pertama Program Khidmat Bantu Di Rumah yang akan memberi manfaat kepada seramai 7,712 orang penerima bantuan daripada kalangan warga emas serta orang kurang upaya dengan kerjasama Majlis Tindakan Sosial Pahang dan gabungan pertubuhan sukarelawan kebajikan dengan peruntukan sebanyak RM2.058 juta.

Kedua, pemberian secara *one-off* kepada penyelia dan petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti dengan jumlah sebanyak RM500.00 kepada seramai 300 orang penyelia dan petugas PPDK bagi tujuan menghargai sumbangan yang telah diberikan kepada golongan OKU dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM150,000.00.

Ketiga, pemberian bantuan secara *one-off* kepada pelatih OKU di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00.

Keempat, sambutan Hari Kebajikan yang menggabungkan sambutan Hari Orang Kurang Upaya, Hari Warga Emas dan Hari Kanak-Kanak di bawah satu program yang sama melalui peruntukan sebanyak RM250,000.00 dan yang akhirnya pelaksanaan penanda aras premis mesra OKU dengan tujuan untuk mengiktiraf kemudahan mesra OKU dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00.

Bagi tujuan mengiktiraf sumbangan dan peranan wanita kepada kesejahteraan keluarga dan pembangunan negeri yang amat besar, Kerajaan Negeri akan melaksanakan inisiatif-

inisiatif khusus sebagai penghargaan kepada kaum wanita melalui Unit Pembangunan Wanita dan Sosial Negeri Pahang sebagaimana dinyatakan seperti berikut:

Yang pertama, pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang dengan peruntukan sebanyak RM1 juta dan kedua latihan dan pengukuhan peserta Pusat Pengembangan Ekonomi Usahawan Wanita khusus untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan usahawan dalam bidang pengurusan kewangan, pemasaran, tadbir urus korporat dan pengurusan am dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00. Selain daripada itu, sebagai menghargai peranan wanita sebagai tunjang kesejahteraan keluarga dan pembangunan negeri, Kerajaan Negeri dengan ini memperkenalkan inisiatif baru iaitu;

Yang pertama, pelaksanaan program Anggun Suri melibatkan peruntukan keseluruhan RM500,000.00 kepada pasangan yang akan terlibat dalam majlis perkahwinan secara beramai-ramai.

Yang kedua, program pemerkasaan kepimpinan wanita muda sebagai satu bentuk inisiatif untuk memberi peluang, sokongan dan pembangunan kepada seramai 200 wanita muda dengan peruntukan sebanyak RM250,000.00.

Ketiga, pelaksanaan Anggun Maju iaitu kursus dan latihan berkaitan usahawan kepada seramai 1,000 orang usahawan wanita yang terdiri daripada penerima Anggun Niaga dan Anggun Usahawan pada tahun 2022 dan 2023 dengan peruntukan sebanyak RM420,000.00 dan

Keempat, Usahawan Suri Rumah di mana peserta yang terdiri daripada suri rumah diberikan latihan intensif dalam bidang keusahawanan dan perniagaan secara dalam talian dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00.

Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan aspek pembangunan sukan dan mengambil berat terhadap keperluan kemudahan sukan di negeri Pahang. Penyediaan kemudahan sukan untuk kegunaan latihan dan persiapan para atlet sebelum menyertai kejohanan dan juga untuk menggalakkan penglibatan generasi muda dalam aktiviti-aktiviti kesukanan tidak pernah dipinggirkan. Lantas, untuk tahun 2024, Kerajaan Negeri akan menaik taraf dan menyelenggara kemudahan sukan Majlis Sukan Pahang melibatkan arena lapang sasar menembak, asrama, gelanggang terbuka, gimnasium dan bangunan pejabat dengan peruntukan sebanyak RM1.65 juta.

Pada tahun 2024, Sukan Malaysia akan diadakan di Sarawak. Kerajaan Negeri sudah tentu mengambil berat dan akan aspek pembangunan sukan sebagai persediaan untuk menghadapi SUKMA 2024. Bagi memastikan program latihan serta persediaan atlet dapat diperkemaskan, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan bantuan sebanyak RM2 juta kepada kontinjen SUKMA Negeri Pahang. Manakala melalui penglibatan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang, beberapa inisiatif dan program akan dilaksanakan dalam usaha untuk mengiktiraf dan menggalakkan penglibatan rakyat negeri Pahang dalam bidang sukan dan aktiviti belia sebagaimana yang dinyatakan berikut:

Yang pertama, Program Persatuan Pemerkasaan Belia dan Bengkel Pemurnian Modul YES Negeri Pahang dengan peruntukan sebanyak RM350,000.00.

Kedua, Anugerah Perdana Belia Negara dan pengurniaan Anugerah Diraja Negeri Pahang dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00.

Ketiga, penganjuran Hari Belia Pahang melibatkan peruntukan sebanyak RM400,000.00.

Keempat, penganjuran Hari Sukan Pahang dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00.

Kelima, Majlis Anugerah Persatuan dan Badan-Badan Sukan Massa Negeri Pahang yang diadakan dengan tujuan memberi pengiktirafan kepada persatuan dan badan-badan sukan yang cemerlang dengan peruntukan sebanyak RM150,000.00 dan

Keenam Program Sukarelawan Anak Muda Pahang dengan peruntukan sebanyak RM220,000.00.

Kerajaan Negeri juga akan memberikan sumbangan kepada Majlis Belia Negeri Pahang bagi tujuan pengurusan aktiviti dan latihan belia melibatkan peruntukan sebanyak RM750,000.00. Sepertimana kata azimat mengatakan golongan belia mencerminkan harapan dan masa depan negara serta menjadi asas kemajuan sesebuah negara, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM250,000.00 bagi pelaksanaan program-program kepimpinan belia melibatkan pelaksanaan program Dewan Belia Pahang, pembangunan Sekolah Kepimpinan Tun Abdul Razak dan pewujudan penggerak belia kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di setiap daerah.

Kerajaan Negeri juga akan mengadakan Himpunan Permotoran Anak Muda Pahang pada tahun 2024 dengan hasrat murni menghimpunkan anak-anak muda di seluruh negara yang terlibat di dalam permotoran di negeri Pahang melalui peruntukan sebanyak RM310,000.00. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Sekretariat Perantau Anak Pahang yang berpusat di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur dengan fungsinya sebagai pusat sehenti bagi mengkoordinasi program-program pembangunan, kebajikan dan pembangunan untuk anak-anak Pahang di perantauan.

Malah, menerusi sekretariat ini juga, anak-anak Pahang di perantauan akan memperoleh maklumat yang betul, tepat dan tidak mengelirukan tentang apa yang berlaku di negeri Pahang. Insya-Allah Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Sekretariat Perantau Anak Pahang ni akan mula beroperasi pada 01.01. 2024.

Seterusnya Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Penglibatan masyarakat Orang Asli dalam pembangunan negeri Pahang tidak pernah dilupakan dan sentiasa diberi penekanan dalam aspek pembentangan belanjawan. Beberapa inisiatif disediakan untuk masyarakat Orang Asli pada tahun 2024.

Yang pertama, Program Baik Pulih Rumah Orang Asli dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta.

Kedua, Insentif Perkahwinan Kali Pertama Orang Asli sebanyak RM300.00 untuk setiap pasangan dengan jumlah peruntukan RM300,000.00.

Ketiga, program sambutan Hari Orang Asli Sedunia Peringkat Negeri Pahang dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00.

Keempat, mengadakan program E-Doa ataupun *education* demi Orang Asli peringkat sekolah menengah dengan peruntukan RM200,000.00 dan

Akhirnya, program Pembangunan Belia Orang Asli melibatkan aktiviti sukan, perniagaan dan ICT dengan peruntukan RM200,000.00.

Kerajaan Negeri juga akan memberikan perhatian kepada golongan komuniti rentan dalam membangunkan satu pusat komuniti dikenali sebagai Pusat Prihatin Pahang yang ditubuhkan oleh Yayasan Pahang dan dilengkapi dengan fasiliti seperti asrama pelajar, perpustakaan, pusat pembelajaran dan latihan *soup kitchen* dan *cafe* dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00.
Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sesungguhnya menyantuni mualaf amat penting. Jika tidak, masakan Allah SWT meletakkan mereka di posisi keempat sebagai asnaf dalam surat at-Taubah ayat 60 iaitu "*Sesungguhnya sedekah-sedekah itu adalah untuk fakir miskin, amil dan mualaf*." Maka dengan ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM500,000.00 bagi mengadakan program Santuni Saudaraku melibatkan program utama dalam kalendar Islam seperti Maulidur Rasul, Maal Hijrah, Ramadan dan Israk Mikraj.

Kerajaan Negeri juga mengutamakan perpaduan di setiap pelusuk negeri dan dengan itu memperuntukkan RM500,000.00 bagi pelaksanaan aktiviti dan program penggalakkan perpaduan negeri Pahang. Program dan aktiviti ini sudah pasti dapat menerapkan elemen integrasi dan silang budaya sebagai pengukuhan, pemahaman dan penghayatan perpaduan pelbagai kaum.

Kerajaan Negeri akan meneruskan inisiatif Juadah Makmur iaitu satu inisiatif Kerajaan Negeri yang disediakan untuk rakyat di negeri ini melalui agihan makanan selepas Solat Jumaat di sebuah masjid di setiap Parlimen pada setiap minggu. Pelaksanaan Juadah Makmur akan dengan peruntukan sebanyak RM8.5 juta ini bertujuan untuk merapatkan hubungan dan berkongsi rezeki antara rakyat dan Kerajaan Negeri demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyediakan Tabung Prihatin Pahang dengan peruntukan sebanyak RM5 juta pada tahun 2024 sebagai satu tabung kepada golongan kumpulan B40 yang memerlukan bantuan yang bersesuaian untuk meneruskan kelangsungan hidup serta untuk membiayai penyakit kronik.

Sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang prihatin terhadap kemaslahatan rakyat, agenda kebajikan rakyat Pahang sentiasa diberi perhatian dan keutamaan menerusi bantuan Prihatin Pahang yang merangkumi segenap lapisan masyarakat tanpa mengambil kira umur, kaum, agama dan fahaman politik.

Untuk itu, bagi memastikan agenda kebajikan rakyat diteruskan, selaras dengan tema Belanjawan Negeri Pahang 2024 iaitu "Pahang Prihatin, Rakyat Makmur'. Insentif bantuan Prihatin Pahang diteruskan pada tahun 2024 dengan peruntukan berjumlah RM38.08 juta.

Bagi penerima bantuan kluster pertama iaitu pelajar dan anak muda yang terdiri daripada pelajar tahun 1 akan menerima RM100.00 seorang melibatkan 22,000 penerima dengan jumlah keseluruhan RM2.2 juta.

Pelajar SPM dan STPM akan menerima RM100.00 seorang melibatkan 18,000 calon SPM dan 3,500 calon STPM melibatkan peruntukan berjumlah RM2.15 juta. Pelajar Tahfiz akan menerima RM100.00 seorang melibatkan 8,800 penerima dengan jumlah RM880,00.00.

Mahasiswa, mahasiswi di IPTA, Politeknik dan Kolej Komuniti akan menerima RM400.00 seorang berbanding RM300.00 pada tahun ini yang melibatkan 35,464 penerima dengan jumlah RM14.18 juta ringgit.
Namun begitu mahasiswa anak-anak Pahang diminta untuk mendaftar dengan Yayasan Pahang dan pemakluman mengenai pendaftaran ini akan disiarkan menerusi media sosial Yayasan Pahang. Kerajaan Negeri Pahang, Pahang Media…semua media sosial dan akhirnya sumbangan ini untuk mengambil lesen motor pada anak muda berusia 18 hingga 21 tahun yang akan menerima RM200 seorang melibatkan 3,600 penerima dengan jumlah RM720,000.00.

Kluster kedua ialah golongan B40 yang terdiri daripada anak yatim di pusat jagaan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menerima RM250.00 melibatkan 450 penerima dengan jumlah RM112,500 Ibu Tunggal Miskin akan menerima RM200 melibatkan RM10,500 penerima dengan jumlah RM2.1 juta.

Ketiga, nelayan akan menerima RM200.00 melibatkan 4,500 penerima dengan jumlah RM900,000 dan keempat, petani akan menerima RM200.00 melibatkan 5,500 penerima dengan jumlah RM1.1 juta.

Kluster ketiga, masyarakat umum yang terdiri daripada rumah anak yatim yang berdaftar dengan JKM akan menerima RM10,000 melibatkan 14 buah pusat jagaan dengan jumlah RM140,000. Maahad Tahfiz akan menerima RM2,000 melibatkan 200 Pusat Tahfiz yang berdaftar dengan jumlah RM400,000.

Masjid dan surau yang mengadakan solat jumaat akan menerima RM10,000.00, melibatkan 700 buah masjid dan surau dengan jumlah RM7 juta. Jemaah Haji Pahang akan menerima kenaikan bantuan daripada RM500 kepada RM750 seorang. (Ahli Dewan menepuk meja) melibatkan 2,000 dengan jumlah RM1.5 juta. Mu'alaf akan menerima RM200.00 melibatkan 5,000 penerima dengan jumlah RM1 juta. Warga emas yang akan menerima subsidi RM3,000.00 untuk pembedahan katarak mata yang melibatkan 500 penerima dengan jumlah RM1.5 juta.

Insentif perkahwinan kali pertama sebanyak RM300.000 kepada 10,000 pasangan pengantin melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM3 juta dan program Berkhatan Anak Pahang dengan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk 3,500 penerima.

Manakala bagi kluster keempat, pemberian apresiasi dan penghargaan kepada golongan dan entiti berikut. Persatuan Isteri Tentera (BAKAT) dan Polis (PERKEP) Negeri Pahang yang akan menerima RM60,000.00 bagi setiap persatuan dengan jumlah RM120,000.00.
Pengurusi JPKK, Pengerusi JPKKOA, Tok Batin dan Timbalan Pengurusi JKKR, masing-masing akan menerima RM500.00 seorang, manakala Setiausaha akan menerima RM200.00 seorang yang melibatkan 2,165 penerima dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM1.68 juta dan Majlis Kebajikan Negeri Pahang akan menerima sebanyak RM600,000.00.

Program Pahang Makmur merupakan satu lagi inisiatif kebajikan negeri untuk rakyat negeri ini, di mana ia merupakan penjenamaan semula program Kebanggaan Pahang yang telah berjaya dilaksanakan sebelum ini. Program ini merupakan inisiatif khas bagi menghargai anak-anak Pahang. Permata Makmur atau Pahang Pride Kid iaitu pemberian sebanyak RM300.00 kepada 25,000 bayi baru lahir pada tahun 2024 dengan setiap kelahiran akan menerima barangan bayi bernilai RM50.00 dan Simpanan Pendidikan Nasional bernilai RM250.00 yang akan dikreditkan secara berfasa dengan melibatkan peruntukan keseluruhan RM7.5 juta.

Kerajaan Negeri akan meneruskan pelaksanaan program Tunas Makmur ataupun Pahang Pride Student pada tahun hadapan. Malahan Kerajaan Negeri dengan kerjasama MBS Bookstore akan memperluaskan penerimaan Kad Diskaun 20% kepada ibu bapa yang mempunyai anak di TADIKA atau TASKA dan semua guru yang mengajar di semua TADIKA atau TASKA, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Ini akan beri manfaat kepada 341,648 pelajar dan lebih 25,000 guru yang menabur bakti di negeri Pahang.

Kerajaan Negeri juga akan memperuntukkan sebanyak RM7.5 juta untuk pemberian set bantuan pembukaan sekolah kepada pelajar kategori miskin tegar. Ini sudah semestinya akan menambah keceriaan 61,982 pelajar dengan kategori tersebut yang akan memulakan persekolahan pada bulan Mac 2024.

Menerusi Pahang Makmur Orang Asli atau Pahang Pride Orang Asli, Kerajaan Negeri akan meneruskan pemberian komputer riba kepada pelajar Orang Asli yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPTA, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, Kolej Komuniti dan Politeknik dengan peruntukan sebanyak RM750,000.00.

Kerajaan Negeri juga akan meneruskan insentif Atlet Makmur atau Pahang Pride Athlete sebagai penghargaan kepada setiap atlet yang telah mengharumkan Negeri Pahang. Untuk itu, Kejayaan Negeri bercadang untuk memberikan sumbangan secara one-off RM300.00 kepada seramai 1,000 orang atlet yang layak dengan peruntukan-peruntukan RM300,000.00 supaya ia menjadi pencetus dorongan dapat mengekalkan prestasi yang cemerlang dalam sukan masing-masing untuk terus mengangkat nama Pahang diperingkat lebih tinggi dalam bidang sukan.

Menerusi inisiatif Kasih Makmur ataupun Pahang Pride Kasih, Kerajaan Negeri akan meneruskan pelalaksanaan kad kesihatan kepada seramai 31,600 orang warga emas dan orang kurang upaya yang berkelayakan dan bersesuaian meliputi seramai 21,000 orang penerima bantuan daripada JKM dan seramai 250 orang dari setiap 42 Kawasan Dewan Negeri melibatkan perutukan sebanyak RM16.8 juta.

Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi sagu hati kepada Anak Pahang yang telah mencatat pencapaian luar biasa dan mengharumkan nama negara dan negeri di peringkat antarabangsa seperti Insentif Inspirasi Makmur ataupun *Pahang Pride Achiever*. Sebagai contoh, pada tahun ini, insentif ini diberikan kepada atlet pelayaran wanita negara, Nur Shazrin Muhammad Latif yang memenangi pingat emas pertama negara dalam Sukan Asia Hangzhou 2022 pada bulan September yang lepas.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Demikianlah perancangan pembangunan dan perbelanjaan Kerajaan Negeri untuk tahun 2024. Sebelum saya menutup pembentangan belanjawan ini, saya ingin mengajak kita semua untuk merenung-renung masa hadapan, merenung-renung perjalanan kehidupan, merenung-renung realiti politik, sosial dan ekonomi hari ini yang penuh cabaran.

Kerajaan negeri mempunyai wawasan yang jelas untuk mencapai tahap negeri maju. Berdasarkan prestasi tahun-tahun kebelakangan ini, bukanlah sesuatu yang mustahil untuk kita capai. Selagi kita berganding bahu, "banyak sama dilapah, sedikit sama dicicah", segulai sejalai mencari titik persamaan di sebalik perbezaan pendapat, sudah tentu, Kerajaan negeri mempunyai strategi untuk mencapai visi dan misi, serta melakukan penambahbaikan tadbir urus dari semasa ke semasa.

Kita akan visualkan belanjawan ini dengan meningkatkan prestasi dalam kotak pemikiran pemimpin, penjawat awam selaku pelaksana dasar maupun di kalangan rakyat kerana ianya mendorong untuk mencapai kejayaan. Insan yang berwawasan adalah bak pelita yang menyuluh kegelapan, bak guru yang menerangi kejahilan dan bak umarak yang mendorong kejayaan.

Walaupun dalam persaingan politik, akan sentiasa ada pihak yang menuduh kononnya mereka dizalimi, mengamalkan politik menajamkan kebencian, menghasut rakyat dengan memainkan sentimen agama dan perkauman sempit, namun kita berharap akhirnya rakyat akan menilai prestasi, bukannya persepsi. Sejak 5 tahun lalu, kita bina negeri ini dengan penuh wawasan, dengan penuh keazaman dan dengan penuh semangat bagi memastikan Pahang yang ada pada hari ini mencapai kejayaan yang luar biasa. Hasil negeri meningkat, pembangunan mampan terus dilaksanakan dan kebajikan rakyat terus dibela.

Namun begitu segala kejayaan yang kita bina selama ini telah dikaburi dengan sengketa politik yang tidak berkesudahan. Permainan sentimen, persepsi, fitnah dan tohmahan mula merasuk akal fikiran rakyat, kononya Agama Islam Pahang terancam, perpaduaan Kerajaan Pahang akan runtuh. Kononnya ada empat ADUN Barisan Nasional akan lompat parti dan isu perkauman mula dicetuskan bagi menghasut rakyat untuk hilang keyakinan dan kepercayaan terhadap Kerajaan Negeri.

Hakikatnya Kerajaan Perpaduan Pahang masih kekal berdiri teguh, akan terus berkhidmat atas dasar kepercayaan, keikhlasan dan kebersamaan bagi memastikan Pahang terus melangkah megah dengan rakyatnya terus hidup dalam suasana harmoni, makmur dan sejahtera. [Ahli Dewan menepuk meja].

Sebagai rakyat Pahang, marilah kita tanam rasa kesyukuran tentang apa yang kita miliki dan kejayaan yang telah kita capai. Seikhlas apapun kita, sesayang dan secinta apapun kita, dan sebesar apapun pengorbanan kita, tak akan berharga sedikitpun di hadapan orang yang tidak pernah bersyukur memilikinya. Jangan pernah menjadi pelangi untuk orang yang buta warna. Kalau dengan segelas air boleh menghilangkan dahaga, kenapa kita mahukan selauk gelombang yang akan menenggelamkan kita.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam memberikan yang terbaik kepada negeri Pahang. Penjawat awam negeri, Kerajaan Negeri dan Persekutuan, wakil sektor swasta,

Gerakan Belia dan orang muda, para professional, ahli agama, penggiat seni dan aktivis alam sekitar, pengamal media, pakar ekonomi dan pendidik, golongan wanita dan pelajar, mereka yang di bandar dan di desa dan seluruh rakyat negeri Pahang.

Dan kemuncaknya sudah pastilah persembahan ucapan setinggi-tinggi junjung kasih kesisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang yang juga merupakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah kerana telah memberi kepercayaan kepada patik untuk mengalas tugas mengurus tadbir Negeri Pahang Darul Makmur ini.

Ampun Tuanku.

Belanjawan perihatin, rakyat makmur,
tingkat prestasi jadilah juara.
Rakyat disantun tak kira umur,
agar negeri aman sejahtera.

Saban tahun pendapatan meningkat,
akhirnya rakyat mendapat manfaat.
Kepada Tuhan di pohon berkat,
kehidupan masyarakat akan selamat.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya dengan ini mohon mencadangkan Belanjawan Negeri Pahang bagi Tahun 2024 dan saya mohon mendapat sokongan semua. Wabillahhi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang ini telah dicadang dan disokong dan dibaca bagi kali yang kedua. Sebelum perkara ini dibuka bagi dibahaskan, sukacita saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekian kepada Peraturan 66(2). Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negeri Pahang bahawa:

> **"Perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini hendaklah dan mestilah ditangguhkan sekurang-kurangnya satu jam".**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perbahasan atas Rang Undang-undang ini akan dimulakan di sebelah petang ini dan akan dibahaskan bersekali dengan Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air 2024 yang akan dibentangkan sebentar lagi. Sekarang mesyuarat beralih kepada Aturan Urusan Mesyuarat selanjutnya.

USUL

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keenam (1): Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2024.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

> **"Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu."**

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada ahli-ahli Yang Berhormat menyokong?

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya akan menempohkan perbahasan ini untuk dibahaskan bersama-sama Rang Undang-undang Perbekalan (2024) 2023 pada sebelah petang ini bermula pada jam 2.30 petang. Untuk makluman, saya telah mengatur jadual susunan perbahasan pada hari ini, Isnin 4 Disember 2023 dan Selasa 5 Disember 2023 seperti mana jadual yang diedarkan.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat mematuhi jadual yang disediakan. Saya juga berharap penempohan yang diberikan ini akan dapat memberikan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meneliti kandungan ucapan Pembentangan Bajet (2024) 2023. Sekarang saya beralih kepada Aturan Mesyuarat seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keenam (2): Usul Tergempar Berhubung Isu Palestin.

Usul menangguhkan mesyuarat di bawah Perkara 17, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negeri Pahang. Yang Berhormat EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang akan membawa cadangan.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang hendak disegerakan.

Saya mohon mencadangkan Usul yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini menzahirkan ketegasan membantah sekeras-kerasnya kekejaman dan kezaliman tentera Zionis terhadap negara Palestin"

Yang berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pergolakan Palestin bukannya satu isu baru yang mengejutkan dunia selepas tercetusnya peperangan antara Hamas dan Israel sejak 7 Oktober 2023 yang lalu. Tetapi konflik ini sebenarnya sudah pun menjangkau usia 75 tahun apabila tanah Palestin mula diduduki secara haram menerusi gerakan zionisme bagi menubuhkan negara Israel di bumi Palestin. Pada tahun 1948, sebanyak 750 orang pelarian Palestin telah dianggarkan akibat daripada penjajahan serta pencerobohan yang dilakukan oleh Zionis. Tidak termasuk puluhan rumah-rumah penyembelihan secara zalim yang dilakukan oleh pihak Zionis dan diikuti pula ratusan kampung-kampung asal yang diduduki oleh rakyat Palestin telah diubah menjadi tempat-tempat ataupun perkampungan orang-orang Zionis pada ketika itu.

Mereka juga telah mengubah bandar-bandar utama Palestin menjadi bandar-bandar Zionis Israel yang menonjolkan kekejaman mereka ini. Sebenarnya, kejahatan mereka ini bukanlah sekadar 70 tahun yang lampau, 1948. Tetapi kalau kita rujuk kepada apa yang diceritakan daripada kisah Nabi Allah Musa AS dengan puak-puak Bani Israel ini, apabila mereka dibantu oleh Nabi Allah Musa, akibat daripada serangan Fir'aun mereka diajak untuk menduduki Bumi Palestin sebagai mana Firman Allah SWT di dalam surah Al-Ma'idah (bacaan ayat Al-Quran) "*Wahai kau, bani Israel, masuklah kamu di bumi yang suci ini, iaitu bumi Palestin yang telah Allah SWT anugerahkan kepada kamu tetapi jangan sama sekali kamu berpaling tadah di atas ajaran yang telah aku bawakan ini, nescaya kamu akan menjadi orang-orang yang rugi*".

Hal ini, telah mereka ingkari daripada didikan aturan yang telah dibawa oleh Nabi Allah Musa dengan keangkuhan yang ada pada diri mereka. Sehingga mereka diceritakan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala disebabkan sombongnya mereka di dalam menguasai tempat itu, maka mereka telah sesat selama 40 hari sebagaimana… selama 40 tahun, sebagaimana yang digambarkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala di dalam Firman (bacaan ayat al-Quran) mereka sesat selama 40 tahun di bumi padang pasir kerana mereka angkuh terhadap apa yang telah dididik oleh Nabi Allah Musa AS.

Bahkan mereka ini telah diatur cara hidup mereka oleh Nabi Allah Daud AS selepas Nabi Allah Musa, mereka tetap juga sombong dan tidak mahu mengikut aturan yang telah disusun oleh Allah SWT melalui Nabi Allah Daud mereka tetap juga kekal di dalam kerakusan dan kezaliman. Kemudian, dikunjungi oleh Nabi Allah Sulaiman AS, untuk mentadbir mereka dengan cara yang tersusun rapi dan indah, tetapi mereka tetap juga angkuh dan sombong tidak ingin mengikut apa aturan yang telah disusunkan oleh Anbiyaillah alaihimussalam tussalam dan mereka masing-masing membawa cara masing-masing sehinggalah mereka tidak mempunyai tempat oleh kerana Allah SWT menyatakan (bacaan ayat al-Quran) kamu nanti akan merasa meratapi kerugian ke atas kesilapan dan kerakusan kamu itu sendiri.

Malangnya mereka cuba muncul setelah kezahiran agama kita Islam yang dibawa oleh junjungan besar Nabi kita Muhammad SAW dan mereka masuk ke bumi Palestin kembali di era 75 tahun yang lampau 1948 dan mereka telah merampas bumi Palestin daripada rakyat yang ada pada ketika itu dan mereka melakukan pelbagai kerakusan sehinggalah ke hari ini pergolakan demi pergolakkan yang terbaru ini sejak 7 Oktober 2023 yang lalu merupakan satu lagi tragedi kekejaman rejim Israel yang dilihat lebih kepada penghapusan etnik masyarakat Palestin di Gaza di mana sehingga kini lebih 13,000 orang rakyat Palestin telah terkorban dengan 5,500 daripada mereka merupakan kanak-kanak dan lebih 3,500 adalah wanita. Serangan yang tidak berkeperimanusiaan ini bukan sahaja mensasarkan kediaman penduduk tetapi juga masjid, gereja, sekolah dan juga hospital turut dibom tanpa menghiraukan kemarahan masyarakat dunia.

Oleh yang demikian, kerajaan negeri Pahang berasa amat dukacita dan kesal dengan ketidakmampuan masyarakat antarabangsa terutamanya Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menghentikan dengan serta-merta keganasan Israel yang dilakukan ke atas wilayah Palestin di Bumi Gaza.

Kerajaan Negeri Pahang bertegas bahawa tiada alasan kukuh penggunaan kekerasan yang dilakukan secara tidak seimbang sembrono dan melampau ke atas palestin dan juga menolak sekeras-kerasnya tindakan hukuman kolektif ke atas orang-orang awam di Gaza. Ini bukan sahaja bertepatan dengan apa yang telah diperintahkan oleh Allah SWT di dalam surah al-Isra' (Bahasa ayat al-Quran) yang bermaksud "*janganlah kamu membunuh satu jiwa pun dengan cara yang haram yang diharamkan oleh Allah SWT melainkan jika ada kebenarannya"*. Barang siapa yang membunuh dengan kezaliman ini, maka sudah tentulah mereka akan beroleh kerugian bahkan hal ini di dalam soal kemanusiaan sendiri pun, tidak dapat menerima dan menyokong atas apa yang dilakukan oleh orang-orang zionis ini. Justeru itu kerajaan negeri Pahang menggesa untuk mengambil ketetapan berikut mengecam sekeras-kerasnya serangan ketenteraan Israel ke atas wilayah Palestin di Gaza sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa rakyat awam Palestin.

Kedua, menggesa Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, PBB, membuat ketetapan agar Israel menghentikan serta merta serangan ketenteraannya ke atas wilayah Palestin di Gaza melalui gencatan senjata. Ketiga, melalui pertubuhan dan wakil tetap di pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyeru seluruh masyarakat dunia, masyarakat sivil, merangkumi seluruh organisasi agama, organisasi masyarakat dengan memperakui secara formal bahawa apa yang dilakukan oleh Israel ke atas warga Palestin ini adalah jenayah yang perlu dikutuk sekeras-kerasnya. Keempat, menzahirkan sokongan padu rakyat Malaysia dan rakyat negeri Pahang khasnya sebagai tanda solidariti kepada pejuang rakyat palestin ke arah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat. Kelima, mengutuk pencabulan hak asasi rakyat Palestin di Semenanjung Gaza. Dan keenam mencadangkan kerajaan Malaysia mengisytiharkan Israel sebagai negara apartheid, negara apartheid iaitu negara yang penuh dengan kejahatan kemanusiaan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kerajaan negeri Pahang akan terus berpendirian memberikan bantuan kepada rakyat Palestin. Atas rasa tanggungjawab dan atas rasa soladiriti kerajaan negeri Pahang dengan menyalurkan bantuan kewangan kepada Tabung Pahang for Palestin 2.0 semasa dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Wan Rosdy Sempena Himpunan Pahang for Palestin di dataran Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) pada 28 Oktober 2023. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sekian saja Resolusi Kerajaan Negeri Pahang yang diangkat melalui Dewan

Negeri. Saya berharap agar usul yang dibentangkan ini mendapat persetujuan Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya diluluskan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada ahli yang menyokong?

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahi-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah dibentang dan mendapat sokongan. Saya bersetuju menangguhkan mesyuarat mengikut peraturan 17, perkara 17 (3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negeri Pahang. Usul ini hendaklah ditempohkan sehingga Dewan bersidang semula pada sebelah petang untuk dibahaskan oleh seorang wakil daripada kerajaan dan seorang wakil daripada pembangkang.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya menangguhkan persidangan sebelah pagi ini, sukacita saya ingin memaklumkan bahawa hari ini Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Pahang mengadakan kempen menghentikan keganasan terhadap wanita *To Eliminate Violence Against Women.* Saya memohon Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menurunkan tandatangan sebagai tanda sokongan kepada kempen tersebut bertempat di Lobi Blok A, berhadapan lift Wisma Sri Pahang.

Seterusnya pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) Negeri Pahang juga menyediakan perkhidmatan kaunter aduan dalam usaha menambah baik perkhidmatan komunikasi dan internet di seluruh negeri Pahang semasa sidang Dewan Negeri kali ini. Seperti yang dinyatakan oleh EXCO komunikasi tadi, bahawa kita boleh menyenaraikan kawasan-kawasan yang kita fikirkan bahawa pencapaian internet atau pencapaian 3G atau 4G atau 5G tidak begitu baik. Kaunter aduan ini dibuka selama 2 hari, saya ingatkan semula iaitu pada 5 dan 6 Disember 2023 Selasa dan Rabu berhampiran di ruang lobi blok A berhadapan lif Wisma Sri Pahang. Inisiatif ini adalah hasil usaha sama kerajaan negeri dan pihak SKMM Pahang atas tindakan proaktif ini. Saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai isu atau masalah liputan kawasan masing-masing, gunakanlah kesempatan ini dan boleh melawat kaunter aduan tersebut.
Baiklah, saya akan menempohkan persidangan sebelah pagi ini dan persidangan kita akan bersambung semula di sebelah petang bermula pada jam 2.30 petang. Persidangan ditangguhkan.

[Persidangan ditangguhkan jam 01.08 tengah hari]

[Persidangan disambung semula]

PERBAHASAN USUL TERGEMPAR BERHUBUNG ISU PALESTIN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketujuh (1): Perbahasan Usul Tergempar Berhubung Isu Palestin.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat petang. Persidangan kita akan disambung semula. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, kita semua baru sahaja selesai mendengar pembentangan bajet yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dan kita pun telah pun balik, sebentar tadi kita telah pun berehat seketika. Dan saya lihat bahawa Yang Berhormat semua nampak segar-segarlah. Saya ingat boleh kita sampai pada malam ni insya-Allah. Kita selesaikan, insya-Allah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Err...kita masih lagi di atas perbahasan usul yang berbunyi;

> **"Bahawa dewan ini menzahirkan ketegasan, membantah sekeras-kerasnya kekejaman dan kezaliman Tentera Zionis terhadap negara Palestin".**

Sekarang saya kini membukakan usul tersebut kepada Majlis untuk dibahaskan. Saya mempersilakan wakil daripada kerajaan.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Bismillahirahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Rentetan sejarah 75 tahun lepas 1949, PBB telah menyerahkan 55% tanah Palestin kepada pendatang haram Israel. PBB telah meluluskan resolusi 67/19 pada 4 Disember 2012 iaitu negara Palestin. Di atas ketamakan dan tidak ketamadunan Israel, mereka mula memindahkan pendatang Israel, pendatang haram Israel, merampas tanah rakyat Palestin, meroboh serta mengusir penduduk Palestin sekara…secara kejam. Israel tidak lagi menghormati resolusi PBB 67/19, terus menganas dan meluaskan *empire*nya.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Konflik Israel-Palestin ini selama 75 tahun. Ia telah mengorbankan sekurang-kurangnya 100,000 mangsa. Isu ini bukan lagi menjadi isu agama tetapi isu perkauman ataupun isu manusia sejagat. Justeru kezaliman Israel ini, negara Malaysia, New Zealand, Senegal dan Venezuela telah menandatangani usul bersama menentang kekejaman Israel memindahkan pendatang Israel merampas, meroboh rumah serta mengusir penduduk Israel.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Konflik 7 Oktober 2023 lalu sehingga dalam catitan saya 2023 setakat ini hampir 13,000 hingga 15,000 mangsa yang terdiri daripada kanak-kanak kurang lebih 5,500, wanita 3,500. Lebih 30,000 orang mengalami kecederaan, 75% adalah kanak-kanak, 6,000 orang yang hilang disyaki tertimbus dalam runtuhan bangunan, 82 buah masjid yang hancur musnah, manakala 166 buah rosak, termasuk 3 gereja juga turut menjadi sasaran. 43...43,000 buah rumah musnah, 225,000 buah rumah rosak. Anggaran kasar 60% tempat kediaman terjejas.

Fasiliti atau kemudahan kesihatan lumpuh, 25 hospital dan 52 pusat kesihatan tidak dapat beroperasi semenjak pencerobohan. 55 buah ambulans jadi sasaran dan tidak dapat beroperasi. Perdana Menteri Malaysia telah meluluskan RM10 juta bagi Tabung Kemanusiaan Palestin. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri Pahang juga di atas solidariti bersama telah menyalurkan RM100 ribu melalui tabung Pahang *for* Palestin 2.0. Di Dewan Yang Mulia ini, saya menyeru semua Ahli Mesyuarat untuk mensetujui ketetapan-ketetapan yang telah dibacakan oleh EXCO sebentar tadi. Sekian terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah seterusnya dipersilakan Wakil daripada pihak pembangkang. Wakil dari Jengka.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Bismillahirahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Dato' Sri yang di-Pertua memberikan kesempatan kepada saya untuk membahaskan isu bersama, isu Palestin. Kami barisan pembangkang menyokong 300% Usul Kerajaan Negeri ini. [Ahli Dewan menepuk meja]

Dan semua usul yang dibacakan tadi oleh err...EXCO kita setuju dan kita sokong kerana isu Palestin adalah isu umat Islam sedunia. Bukan isu rakyat ataupun umat Islam di Palestin sahaja. Kerana Nabi SAW dengan izin, mengatakan (Bacaan dalam Bahasa Arab) Nabi umpamakan orang mu'min ni dengan orang mu'min yang lain seperti jasad. Jasad kita ini kalau satu anggota merasa sakit, seluruh anggota badan tak boleh tidur dan demam. Oleh itu kita umat Islam di Malaysia juga bertanggungjawab dalam isu Palestin ini, apatah lagi ada beberapa faktor utama yang menunjukan kebersamaan kita dengan umat Islam di Palestin.

Antaranya yang pertama ialah masjid, Masjid Al-aqsa adalah masjid pertama sebagai qiblat umat Islam. Masjid yang kedua ialah masjid yang kedua dibina selepas Makka-tul muqarrama. Yang ketiga merupakan tanah yang diberkati. Dengan izin, disebut dalam Al-Quran (Bacaan dalam Bahasa Arab) tanah yang Allah berkati sekelilingnya. Yang keempat merupakan lokasi ketiga paling suci bagi umat Islam. Kalau kita sembahyang di Makkah, kita sembahyang di Masjid Nabawi, dan yang ketiga pahalanya di Masjid Al-Aqsa. Dan yang kelima merupakan bumi dan tanah para Nabi, para Rasul SAW.

Yahudi sebenarnya tiada negara. Mereka duduk di Amerika, mereka duduk di Rusia, mereka duduk di serata dunia. Dia tak ada negara asalnya. Sehinggalah tahun 1948…48, dengan bantuan daripada Britain mengisytiharkan sebahagian daripada Palestin sebagai negara Israel. Sampai sekarang 1975, mereka berusaha untuk keluarkan sepenuhnya rakyat Palestin termasuk di Gaza supaya keluar daripada bumi Gaza. Barangkali, saya bila

baca banyak-banyak hadis Nabi SAW, seolah Nabi telah memberi satu isyarat 1,400 tahun yang lampau. Nabi kata akan berlaku peperangan antara orang Yahudi dengan orang Islam. Sampai ke satu tahap Islam memenangi dalam perang ini. Sehingga Yahudi lari bertempiaran di belakang batu, di belakang pokok. Batu dan pokok pun benci kepada orang Yahudi sehingga bersuara. (Bacaan dalam Bahasa Arab) dengan izin. Inilah orang Yahudi di belakang aku, datang dan bunuhlah mereka.

Jadi apabila mereka dikumpulkan satu tempat, barangkali isyarat Nabi itu jelas dan hari ini pun kalau kita tengok dalam peperangan dah dua bulan ini. Walaupun Hamas kecil sahaja, Israel dibantu oleh Amerika Syarikat tetapi kalau perang tentera lawan tentera, kita lihat Yahudi Israel mengalami kekalahan. Tetapi mereka bom di tempat awam. Bom hospital, bom rumah kediaman, bom sekolah menyebabkan kematian begitu ramai. Tetapi tentera lawan tentera, nampak dia lebih kepada tentera Hamas. Tentera umat Islam memenangi dalam peperangan tersebut.

Oleh itu, saya suka menambah sikit tentang usul yang dibawa tadi bahawa, kita mesti mendesak Perdana Menteri Israel dihadapkan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Yang kedua, mendesak Majlis Keselamatan melaksanakan gencatan senjata dan menghantar pasukan pengaman bagi mengelak kezaliman berterusan di Palestin. Yang ketiga mendesak Mesir melonggarkan kawalan bagi kemasukan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza melalui Rafah dan mempercepatkan proses penghantaran. Sebagai solidariti, maka kami telah mengumpul sumbangan derma daripada parti PAS sebanyak RM369,632.00. Insya-Allah hari Rabu kita akan buat *mock cheque* serahan kepada wakil NGO PASRelief. Sekian terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah Usul ini telah dicadang, disokong dan dibahaskan. Soalnya sekarang ialah usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini sila nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan “tidak”. Usul tersebut diluluskan.

PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024) 2023 DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2024

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketujuh (2): Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2024) 2023 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2024.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli ahli Yang Berhormat,

Masalah di hadapan Majlis sekarang ini ialah suatu enakmen untuk mengeluarkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tersebut. Dan satu Usul yang berbunyi;

> **"Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan Seksyen 9 Akta Kumpulan Wang Pembangunan dan mengikut ketetapan yang menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Perbekalan Air, dengan ini bersetuju meluluskan anggaran perbelanjaan bagi tahun 2024 daripada kumpulan wang tersebut sebagaimana yang ditetapkan di dalam Rang Anggaran Perbelanjaan bahagian I, II dan III tahun 2024 yang dibentangkan dalam persidangan sebagai Kertas DN29/2023"**.

Rang Undang-undang dan Usul ini telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada sebelah pagi tadi dan telah pun mendapat sokongan.

Rang Undang undang dan Usul ini akan dibuka untuk dibahas. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa ruang perbahasan yang diberikan perlulah digunakan dengan sebaiknya. Ahli-ahli Yang Berhormat perlulah berbahas dengan berhemah menyampaikan hujah dengan bernas dan tidak terlalu panjang. Setiap ahli Yang Berhormat diberi masa 15 minit sahaja untuk perbahasan. Seperti yang dimaklumkan, saya telah mengatur jadual perbahasan yang melibatkan seramai 10 ahli Yang Berhormat pada sebelah petang ini.

Oleh itu, saya menjemput Ahli Dewan Undangan... Ahli Dewan Negeri kawasan Tioman yang menyokong Rang Undang-Undang dan Usul untuk berucap. Silakan Wakil Tioman.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan dalam bahasa Arab). Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana telah memberi laluan kepada saya terlebih dahulu untuk membahaskan ucapan pembentangan Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat pada awal sidang pagi tadi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini mendoakan mudah-mudahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang yang juga merupakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas segala nikmat yang ada di atas muka bumi ini mudah-mudahan karar bersemayam di atas singgahsana Kerajaan Negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Alhamdulillah, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy, Menteri Besar Pahang yang telah membentangkan Belanjawan Negeri Pahang 2024 yang telah dibentangkan pagi ini sarat dengan kerajaan yang cakna kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Tahniah dan syabas Kerajaan Negeri Pahang khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri yang telah berjaya mencipta sejarah dua tahun berturut-turut pendapatan kerajaan negeri melebihi RM1 billion lebih. Bahkan kejayaan ini Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bukan sekadar pada angkanya kita bangga, tetapi juga agihan kutipan daripada kerajaan negeri telah peroleh itu disumbangkan balik kepada rakyat jelata di luar sana.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Menteri Besar ada menyebut “Berbelanja Jangan boros, berjimat jangan kedekut" maka tema "Pahang Prihatin, Rakyat Makmur" tonggak kepada Belanjawan Negeri Pahang 2024 menyaksikan kesungguhan kerajaan negeri yang cakna rakyat menganugerahkan pelbagai bentuk berupa imbuhan, bantuan, intensif serta ransangan yang tinggi demi kemakmuran negeri dan rakyat sejahtera. Kalau dalam bahasa Arab juga disebut (bacaan dalam Bahasa Arab) Alam dunia yang baik, sejahtera, Tuhan Maha Pengampun. Kutipan hasil RM1.164 bilion berbanding RM1.083 bilion, iaitu berjaya mencapai 107.42% sasaran yang telah ditetapkan. Inilah satu kebanggaan dan prestasi kejayaan Kerajaan Negeri Pahang yang menjadi inspirasi kemakmuran penduduk di negeri ini dan malahan, program kebajikan kepada rakyat sejumlah RM70 juta adalah manifestasi kesejahteraan kerajaan yang cakna rakyat di luar sana.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga mengikuti beberapa program, atas nama "Bantuan Prihatin Pahang" di mana pendapatan-pendapatan ataupun hasil kutipan kerajaan di negeri Pahang itu disumbangkan kepada rakyat yang jumlah hampir 70 juta saya katakan tadi, semuanya ini kepada rakyat di luar sana. Nak cari kerajaan sebagaimana lagi, yang cakna kepada rakyat yang akhirnya, rakyat ini perlu bersyukur kita bersama-sama agar terus mendukung kerajaan yang sedia ada ini, Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kita.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya bagi tahun 2024, saya yakin dan percaya sasaran atau Belanjawan Pendapatan, anggaran perbelanjaan mengurus dan anggaran perbelanjaan pembangunan, bagi tahun 2024 yang disasarkan ini, insya-Allah hasil Kerajaan Negeri akan mencecah RM1.137 bilion, mudahan tercapai, insya-Allah. Ini berdasarkan pengamatan rekod kutipan hasil negeri beberapa tahun yang lalu, yang telah menunjukkan prestasi yang konsisten sebagaimana Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sebutkan dalam ucapan Belanjawan pagi tadi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya juga tidak bercadang untuk menghuraikan panjang lebar tentang angka-angka dalam belanjawan ini. Sekadar cukup untuk menyatakan pelbagai aspek yang telah diperkatakan untuk mensejahterakan belanjawan-belanjawan ini kepada rakyat yang mana menjadi tonggak utama yang digariskan dalam Belanjawan Negeri Pahang bagi tahun 2024.

Saya bacakan sekali lagi, iaitu yang pertama memacu daya saing dan pertumbuhan ekonomi. Yang kedua meningkatkan kemudahan asas dan infrastruktur, memperkasakan tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan. Yang keempat menjamin keunggulan generasi akan datang. Dan yang kelima akhirnya memperteguh kemakmuran negeri dan rakyat.

Saya ambil dua tiga perkara Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Pertama, saya nak sebut tentang perumahan, yang dijanakan oleh Kerajaan Negeri, Rumah Rakyat Pahang. Sehingga kini, Alhamdulillah, mudah-mudahan 48 juta yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan hampir 300 lebih atau 400 lebih buah Rumah Rakyat Pahang ini, akan menjadi kenyataan, untuk rakyat di luar sana yang menginginkan rumah penginapan yang baik, sebagaimana yang telah dilaksanakan pada sepanjang tahun ini dan juga tahun-tahun yang lalu, bagaimana kita melihat pasangan-pasangan ataupun ibu tunggal apabila mendapat bantuan Rumah Pahang ini, betapa bersyukurnya mereka terhadap anugerah yang diberikan oleh Allah SWT melalui sentuhan Kerajaan Negeri Pahang.

Jadi saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, sebagaimana cadangan untuk memberi 8 buah lagi kepada setiap ADUN dan juga satu untuk Parlimen, akan menjadi kenyataan pada tahun-tahun yang akan datang.

Ini kerana, kutipan hasil Kerajaan Negeri sebagaimana saya katakan tadi, bila mendapat kutipan yang banyak ataupun kutipan yang memberangsangkan, maka Kerajaan Negeri akan pulangkan balik kepada rakyat. Ini yang dikatakan… yang saya katakan tadi, Yang Berhormat Yang di-Pertua, kerajaan yang sungguh-sungguh cakna rakyat. Bahkan bukan sekadar Rumah Rakyat Pahang. Oleh kerana kerajaan ini stabil, ada juga sentuhan Ru'Rasa sebagaimana yang diperkatakan dalam perbahasan tadi, juga dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, melalui sentuhan Kerajaan Negeri Pahang kepada rakyat di luar sana.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas, kepada Kerajaan Negeri dalam beberapa pencapaian lain. Antara lain ialah, pengiktirafan kepada Geopark di Lipis. Begitu juga tentang penubuhan Akademi Mineral Pahang. Ini adalah antara pencapaian-pencapaian, yang kita semua juga tak sangka, ya. Bagaimana sebuah Akademi Mineral, boleh ditubuhkan di negeri Pahang. Ini cetusan idea yang bernas, dan pada perkiraan saya memang sangat bagus dan sangat baik kalau kita boleh buat akademi macam-macam akademi. Sebelum ini akademi sukan dan sebagainya. Tapi hari ini kita ada Akademi Mineral di negeri Pahang. Tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri.

Begitu juga, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Akademi Fantasia bukan ya?

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Bukan, itu akademi lain Dato' Yang di-Pertua. Ini khas untuk mineral kerana Kerajaan Negeri Pahang atau bumi di Pahang ini kaya dengan mineral. Itu yang dikatakan syabas. Tak terfikir bagaimana Yang Berhormat Dato' Sri MB tengah sibuk-sibuk, dapat cetusan idea Akademi Mineral hari ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Begitu juga tentang mengambil kira kesusahan perpindahan rakyat masa banjir, ya. Kita sebelum ini, pusat pemindahan banjir ditempatkan di sekolah-sekolah. Tetapi pada hari ini, kita ada satu *benchmark* ataupun *landmark* di Maran, dengan izin, iaitu pusat pemindahan banjir yang tetap. Ini satu usaha yang pada perkiraan saya sangat bagus, dan memang tahniahlah kepada Kerajaan Negeri, bahkan kalau boleh bukan sahaja di daerah Maran, insya-Allah di daerah-daerah lain yang zon merah yang selalu dinaiki air, selalu banjir besar seperti Temerloh, Pekan, Rompin juga kalau ada ruang insya-Allah, mudah-mudahan pusat pemindahan tetap banjir ini juga akan dibina di daerah-daerah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Begitu juga, saya ingin sebutkan tentang PAIP. Dalam peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri, Belanjawan Negeri Pahang 2024, anggarannya lebih kurang RM200 lebih juta dan ada yang yang sedang berjalan pun projek pada masa kini. Saya mengharapkan mudah-mudahan, PAIP akan terus berusaha untuk meningkatkan kredibiliti dalam memberi manfaat saluran air terawat ini kepada semua ataupun seluruh rakyat-rakyat negeri Pahang ini, supaya mendapat, orang kata tiada gangguan, ya mustahil tak ada gangguan sepenuhnya tetapi, saya ambil contoh di Rompin sebagai contohlah ya, saya dah jadi Wakil Rakyat hampir 20 tahun. Jadi saya selalu berdepan dengan masyarakat, boleh kata, nak kata tiap-tiap minggu ni, takut kata tak percaya. Tetapi memang kita dapat projek yang juta-juta di Pulau Tioman pun dapat, lulus dah sebut harga dan sebagainya begitu juga di Mukim Endau dan sebagainya.

Jadi kita mengharapkan supaya projek-projek ini dapat ditadbir urus, dilaksanakan dengan baik dan dapat menyelesaikan masalah rakyat di zon-zon merah ini, termasuklah di Raub dan sebagainya. Jadi apa yang saya lalui dalam pengalaman saya. Saya pernah mohon duit daripada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kita, untuk membeli tong-tong air. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri, sangat membantu.

Kalau tidak mungkin kalah juga pilihan raya yang sudah PRK tapi dengan bantuan ini tadi, dengan bantuan kawan-kawan tadi, bayangkan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bukan senang. Kalau bertahun-tahun ni, dah sebati dah masalahnya. Tapi oleh kerana tadi, sedikit sebanyak bantuan daripada Kerajaan Negeri, kita terpaksa juga bekerjasama dengan PAIP. Kalau ikut ya tak payah beli dah tong ni. Cukup dengan apa yang ada oleh PAIP tu, tapi oleh kerana nak jaga juga rakyat tadi, nak tengok juga keperluan masalah rakyat ni terpaksa minta dengan yang Berhormat Dato' Sri MB hampir dekat RM40,000.00 beli tong hantar rumah ke rumah.

Sampai tahap itu, hantar ke rumah-rumah. Sampai satu rumah itu, saya jumpa pak cik itu. Dia cakap apa, Yang di-Pertua, “YB terima kasihlah hantar tong ini. Tapi YB sampai bila? Pakcik ini dah umur 70 tahun dah”. Maknanya, kita buat itu bagus dah dan boleh lah secara bertempoh untuk menyelesaikan masalah air di sana, tetapi dengan perkiraan saluran peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan negeri kepada PAIP nanti, saya berdoa mudah-mudahan PAIP akan mengambil kira apa yang kita bangkit kali ini bahkan bukan saja di daerah Rompin, juga daerah-daerah lain bagaimana janji Yang Amat Berhormat Dato' Sri, Menteri Besar Pahang dalam beberapa siri perjumpaan melibatkan PAIP dan juga pegawai-pegawai daerah dalam seluruh Negeri Pahang untuk menyelesaikan isu air ini pada tahun 2026, insya-Allah akan dapat diselesaikan.

YB YANG Di-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat boleh gulung?

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Ada lagi sikit ni.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh gulung? Gulung lah.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sikit lagi saya nak ambil dalam 2,3 tahniah lagi kepada Kerajaan Negeri iaitu berhubung kait dengan Skim Tanah Warisan yang telah diluluskan di er... Kuala Medang bahkan untuk makluman sidang dewan, bukan saja STW atau Skim Tanah Warisan, juga Skim Tanah Rakyat yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri, juga memberi ruang dan peluang kepada rakyat di luar sana untuk memiliki sebidang tanah bercucuk tanam. Ini juga merupakan satu idea ataupun perkenalan daripada Kerajaan Negeri untuk rakyat memiliki sebilang tanah, walaupun tidak luas sekurang-kurang atas nama rakyat negeri Pahang tadi dapat juga merasa sebidang tanah.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sebelum saya mengakhiri ucapan perbahasan ini, juga saya ingin nyatakan bahawa aspek pelancongan juga oleh kerana negeri Pahang ini kaya dengan sumber-sumber hasil bumi baik, Alam Floranya baik, pulau, pantai, hutan dan sebagainya maka saya ingin syorkan juga…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, bukan Alam Flora, Flora dan Fauna.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Flora dan Fauna, mohon izin mohon izin, sebab Alam Flora baru masuk Pulau Tioman baru ini. Minta maaf minta maaf. Maklumlah sekarang ini ombak bergelora. Jadi sekali-sekala mari dengan gelora itu dengan otak-otak gelora. Minta maaf Yang di-Pertua. Betul saya sebut Alam flora tadi ya? Flora dan Fauna. Ya, sebab saya berdepan dengan Speaker yang pernah merangkap jawatan EXCO Pelancongan dengan izin. Jadi saya mengharapkan semoga, bukan sahaja kita melihat kos melepas ini terhadap hutan simpan yang mana yang YAB seringkali menyebut ye di Pahang baik, di luar Pahang baik, kita kos melepas ini RM17 bilion, betul... Yang Berhormat Dato' Sri? RM17 bilion kos melepas, kerana apa? Mengekalkan hutan simpan, memberi kesejahteraan dan kelestarian bukan sahaja negeri Pahang, bahkan kepada seluruh negeri-negeri di dalam Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak, kita cerita yang di semenanjung.

Jadi saya ingin mengesyorkan juga…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Tioman. Saya kena bagi penjelasan yang lebih jelaslah. Angka RM17 bilion itu adalah ekoran daripada Kerajaan Negeri. Er... menetapkan *reserve* hutan sebanyak 57.07% daripada jumlah hutan di negeri Pahang ini sebanyak RM3.6 juta. 57% ini yang merupakan hutan simpan dan juga merupakan kawasan tadahan air dan air ini kita salurkan bukan sahaja untuk Pahang, tapi untuk Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan lain-lain.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Seluruh Malaysia.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Seluruh Malaysia. Ekoran daripada itu, Tanah 57.07 hektar ni tidak boleh dibangunkan dan hasil-hasilnya tidak boleh diambil. Dan kiraan mendapat RM17 bilion itu hanyalah kiraan kasar tidak dibuat secara...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Maknanya dinilai, juga dinilai

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kita nilai secara kasar. Contohnya kayu-kayu balak di kawasan tersebut kalau ditebang habis, mineral yang ada di dalam bumi yang kita ambil habis, adalah RM17 bilion. Ekoran daripada itu saya telah memohon dengan Kerajaan Persekutuan, supaya kos melepas ini seharusnya diganti oleh Kerajaan Persekutuan dengan jumlah tertentu. Tetapi sehingga hari ini, kita belum mendapat apa-apa cuma Kerajaan Negeri… Kerajaan Persekutuan cuma memberi kita dalam bentuk EFT. ASFINO, EFT apa dia? Pemindahan Wang Secara Elektronik tetapi dalam bentuk projek. Apa yang kita nak ialah dalam bentuk *hard cash* supaya kita boleh dapat duit tersebut untuk kita salurkan kembali kepada rakyat.

Jadi kalau boleh rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat semua perjuangkan yang ini lah 57% ini tinggi, yang mana kos melepas bagi Kerajaan Negeri Pahang. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila teruskan.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Jadi untuk penggulungannya, saya mohon juga Yang Berhormat Yang di-Pertua, bukan sekadar hutan yang disebutkan tadi, kos melepas RM17 bilion tadi, kalau boleh juga dapat dilihat tentang taman laut ini, ya. Taman laut ini kos melepas juga. Kita kalau boleh sebagai contoh saya tengok di Pulau Tioman lah. Oleh kerana taman laut terlalu luas, akhirnya satu pulau tu jadi taman laut, hampir. Bila jadi satu pulau ini hampir taman laut, maka bila COVID berlaku baru-baru ini, saya tengok dasyat. Kalau Palestin itu dasyat, maknanya sedih jugalah tengok mereka ini dari segi ekonomi mereka, memang tak ada, memang tak ada. Nak ke laut tak boleh. Bayangkanlah dua batu nautika taman laut, kiri kanan taman laut.

Jadi apa benda dapat orang kampung pada masa itu bila berlaku krisis COVID itu, maka memang bergantung harap banyak bantuan dari luar. Jadi kalau boleh mohon kerajaan negeri melihat juga tentang taman laut ini. Kalau boleh bagi pulau yang tak ada penduduk itu. Yang tak ada penduduk tu banyak, boleh bagi untuk jaga pulau tersebut ataupun kecilkan sedikit yang di Pulau Tioman supaya penduduk ini boleh cari makan kerana bayangkan nak pergi dua batu nautika dengan bot yang kecil, kalau dipepah ombak, maksudnya dilambung ombak tak dan balik dia orang ini. Maknanya terguling begitu je tengah laut. Jadi saya mohon mencadang supaya... agar perkara ini dilihat kembali oleh kerajaan negeri agar rakyat di Pulau Tioman atau di mana-mana pulau yang berada di persekitaran Laut Cina Selatan, Pahang ini, yang mana pulau hampir 33 buah pulau dapat dilihat secara lebih sistematik dan untuk akhirnya saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya saya menjemput wakil daripada Cheka. Silakan

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. (Bacaan dalam Bahasa Arab) Assalamualaikum WBT. Memulakan perbahasan saya memetik firman Allah dalam Surah Al-A'raf (Bacaan dalam Bahasa Arab). Maksudnya *"Dan kalaulah penduduk sebuah negeri beriman kepada Allah dan bertakwa kepada Allah, nescaya Allah akan bukakan pintu keberkatan, yang akan turun daripada langit, yang keluar daripada perut bumi, akan tetapi mereka mendustakan ayat Allah Ta'ala, lalu Allah timpakan pada mereka azab dengan apa yang mereka sendiri lakukan".*

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mendengar dengan teliti ucapan pembentangan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Satu belanjawan yang sangat prihatin, yang saya rasa melihat kepada hasil, anggaran hasil sebanyak RM1.137 bilion dengan perbelanjaan sebanyak RM1.125 bilion, menjadikan ada lebihan sebanyak RM12….12 juta 16,000 lebih. Walaubagaimanapun bila kita teliti keseluruhan konten kandungan belanjawan ini, dia termasuk sejumlah RM6,674,600.00 deposit yang tidak dituntut. Bermaksudnya kalau deposit ini dituntut, kita hanya lebihan hampir RM5 juta lebih, tak sampai RM12 juta.

Cuma saya ingin dapat penjelasan, RM6,674,000.00 ribu ni tak dituntut, kenapa? Sebab apakah kerana projek itu terhenti, kontraktor lari ataupun dari faktor-faktor lain yang menyebabkan nilai kerugian keseluruhan sejangkau lebih besar daripada apa yang kita perolehi sebab setiap projek tu dia kosnya besar. Yang kedua tentang peningkatan hasil. Kalau kita lihat peningkatan hasil tahun 2022 sebanyak RM1.288 bilion dan 2021 daripada RM860.95 juta, ini peningkatan yang agak tinggi. Walau bagaimanapun, kalau kita bandingkan tahun ini dengan tahun lepas, kita tahun ini kita ada peningkatan hasil sebanyak RM46 juta. Sedangkan tahun 2022, RM51.58 juta. Kita kerugian hasil sebanyak RM5 juta.

Bila saya teliti laporan ini, yang mengejutkan ialah tentang bayaran permohonan permit ruang udara. Tahun 2023, kita ada hasil sebanyak RM3,850,500.00. Tetapi tahun 2024, dianggarkannya 200 saja. Bayangkan daripada RM3 juta, tahun 2023, 2024 hanya 200 saja. Dan saya ingat kita perlukan, Dewan perlukan penjelasan berhubungan kenapa kita hilang lebih pada RM3 juta lebih hasil? Dan kalau kita lihat kekurangan hasil, maka kita dapati apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebanyak RM8 juta. Walaupun kita ada lebihan, tapi saya ingat sebenarnya kita mempunyai beberapa elemen yang boleh kita dapat lebih baik daripada apa yang kita ada.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga melihat tentang pelan pembangunan wilayah, tahniahlah Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua EXCO Kerajaan Negeri yang prihatin tentang projek pembangunan yang agak seimbang di antara wilayah-wilayah di negeri Pahang, wilayah Pahang Timur dan Pahang Barat. Tapi apa yang jelas ini ialah tentang perlunya suatu mekanisme. Sebab saya tengok faktor besar pembangunan di kawasan Pahang Barat ini ialah masalah er... masalah jalan raya. Kita akui bahawa kawasan di belah Jerantut, Lipis, Raub dan sebagai kawasan-kawasan berhampiran dengan sempadan Kelantan, kita berdepan dengan masalah jaringan jalan raya yang tidak begitu selesa. Menyebabkan pelabur-pelabur kalau nak membuat pelaburan pun dia fikir 2 kali.

Kita berdepan dengan isu air. Tadi dah Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya rasa dah ada perancangan untuk selesaikan masalah air. Tapi jaringan jalan raya. Walaupun kita ada jalan lebuh raya baru, *Central Spine Road.* Tapi sejauh mana manfaat kepada kawasan Lipis khususnya dan saya fikir ini di antara benda yang menyebabkan pelabur-pelabur fikir 2,3 kali kalau nak membangunkan, nak buat projek-projek di kawasan Pahang Barat. Akhirnya, kita ketinggalan berbanding dengan kawasan-kawasan wilayah-wilayah lain. Untuk itu, saya bila saya meneliti analisa tentang sumber, kawasan ini Jerantut, Lipis, Raub dan sebagainya, dia hasil mineral dan hasil hutan sangat tinggi.

Tapi sayangnya, semua hasil itu tak dapat ke daerah. Semua hasil akan pergi ke negeri. Ada dua perkara. Pertama sekali, sejauh mana berlaku er... apa kita panggil… ketirisan pada sumber, ketirisan pada waktu sumber. Contohnya siapa, apa agensi yang nak mengesahkan jumlah emas yang dikeluar betul sebagai dilaporkan. Kalau dilaporkan kalau dilaporkan 5kg apakah agensi yang nak pantau betul ke syarikat ini keluar 5kg? Kalau dikeluar 10kg, 20kg. Jadi menyebabkan hasil tak ada. Saya mencadangkan supaya agensi di peringkat daerah diberi kuasa untuk mengawal hasil di peringkat sumber. Oleh sebab, kalau daerah *control*, daerah ada kuasa, saya fikir daerah lebih dekat dengan projek yang berlaku. Pembalakan, pelombongan, pasir dan sebagainya.

Sebagai imbuhan, kerajaan boleh pertimbangkan 10% hasil diberi pada daerah tersebut. Dengan ini, PBT akan dapat hasil untuk majukan kawasan dia. Kalau PBT tak ada sumber pendapatan, bergantung pada cukai, dia tak boleh membangunkan wilayah dia. Tak banyak hasil. Jadi saya fikir ini mekanisme yang boleh dipertimbangkan oleh kerajaan ini. Melihat kebaikan bersama. Tanpa mengira dari segi sentiment parti politik sebagainya, kita letak tepi dulu. Yang ketiganya ialah soal penerokaan sumber baru. Pahang antara negeri yang punya *rare earth*, nadir bumi dan kalau kita lihat data yang ada di peringkat Persekutuan, *reserve* kita sangat besar dan sebahagiannya perlu dikawal sebab REE ini sangat mudah dicuri. Sangat mudah dicuri.

Dia hanya 5 meter di bawah. Kebetulan saya jawatankuasa khas di peringkat Parlimen tentang isu ini. Kita panggil semua agensi, kita dengar pembentangan. Ia sangat mudah. Dia pasang di paip satu, dia buat bahan kimia, Ia terus boleh buat keluar. 1 Hilux, RM500 ribu belum diproses. 2 Hilux, RM1 juta. Jadi oleh kerana itu, kawalan kepada sumber REE ini perlu dibuat dan saya fikir kebetulan kawasan Yang Berhormat Menteri Besar ini antara kawasan yang punya *reserve* REE yang banyak.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih, Yang Berhormat daripada Cheka. Saya setuju dengan Yang Berhormat daripada Cheka tadi mengatakan bahawa bahan-bahan mineral ini mudah dicuri. Sebab itulah Yang Berhormat daripada Cheka, saya telah er... baru-baru ni telah memperkenalkan, bukan memperkenalkan, saya telah minta penguatkuasaan, telah beritahu Penasihat Undang-undang sebelum ini mana-mana yang berlaku kecurian, kita kompaun. Hari Isnin kita tangkap kita kompaun, hari Rabu dia buat balik. Jadi sebulan yang lepas saya telah mengarahkan supaya tidak ada kompaun lagi di Pahang. Bila berlaku pemindahan mineral yang tidak ada lessen, kita terus bawa ke Mahkamah dan sekarang ni keberkesanannya dapat dilihat.

Kalau dulu seminggu sampai tiga kali, sekarang ni kita nak dapat dua minggu sekali pun dah susah. Jadi maknanya keberkesanan membawa mereka ke Mahkamah ini memang wajar dan ini adalah salah satu cara untuk mengurangkan supaya bahan mineral ataupun *rare earth* ini dicuri. Itu salah satu tindakan serta merta yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pahang, Yang Berhormat Yang di-Pertua.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas tindakan tegas dan saya fikir kita tindakan-tindakan begini sebenarnya menjamin hasil negeri tidak dicuri dan tidak keluar, menyebabkan kita kerugian sumber. Saya ingin untuk er... perkara yang ke 3 ialah agak berbeza pandangan dengan rakan saya daripada Tioman. Kalau kita tengok dalam laporan audit Negara 2022, Pahang ada mengesyorkan agar Tioman dan 3 pulau lain iaitu Pulau Soyak, Pulau Renggis dan Pulau Tumuk, dikeluar daripada gugusan taman laut.

Er... untuk makluman semua, kebetulan kajian *master* saya bidang di Pulau Tioman. Ketiga-tiga pulau ini sebenarnya menjadi daya tarikan utama kepada pelancong-pelancong luar, khususnya mereka yang menyelam dan mereka yang *snorkeling* dan sangat dia popular di luar pantai barat Tioman. Dan saya melihat bahawa kalau sekiranya Kerajaan Negeri pertimbang untuk bawa cadangan ini, pertama sekali dia akan lari daripada matlamat yang dibuat oleh peringkat Kerajaan Persekutuan di mana Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk mengklasifikasikan 3,126,000 km persegi kawasan Taman Laut menjelang tahun 2030. Yang ada sekarang ini pun tak cukup lagi. Jadi kalau kita bawa keluar 3 pulau bererti dia tak sampai sasaran yang dikehendaki.

Walau bagaimanapun, pertimbangan wajar harus diberi terhadap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ahli ADUN daripada Tioman tentang masalah nelayan yang terdesak mencari sumber pendapatan sebagainya. Tapi bagi saya, saya sangat minta supaya kalau boleh kawasan ini dikekalkan sebagai taman gugusan, taman laut, kerana dia menyumbang pendapatan ekonomi bagi sumber pembiakan ikan dan sebagainya.

Demikian juga, perkara lain yang saya ingin juga sebut adalah tentang Rizab Hutan dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli Parlimen daripada Tioman. Kita ada 17 bilion kos melepas. Selain daripada faktor kita cuba dapatkan daripada sumber Kerajaan Persekutuan sebenarnya kita juga 3.6 juta hektar ini juga adalah sumber pendapatan bagi negeri. Saya difahamkan Kerajaan Negeri sebenarnya telah pun mengadakan satu perundingan dengan Shell Malaysia Berhad, ikut laporan pada 17 September 2019 untuk mengadakan satu kajian terhadap *protection* dan *conservation* kawasan hutan tersebut untuk dijadikan sebagai *offset* kepada *carbon* dan saya ingin, saya fikir ini di antara sumber pendapatan negeri yang kita ada taman negara, kita ada taman laut, taman negeri, Endau Rompin dan semua kawasan hutan ini sebenarnya boleh jadi permintaan yang sangat tinggi sekarang khususnya daripada pihak industri, bahkan negara-negara luar.

Kalau Sabah, dia telah mengadakan perundingan dengan satu syarikat daripada Singapore untuk jual, dapatkan *carbon credit* sebanyak 2 juta hektar dan perjanjian selama 200 tahun. Walaupun kuasa di peringkat negeri, dia boleh perunding dan *focus point*nya ialah Kerajaan Persekutuan. Tetapi saya lihat peluang kita, negeri Pahang, untuk menjana pendapatan daripada sumber ini, untuk *offset carbon* khususnya, kita punya potensi yang sangat besar ke arah itu. Dan saya menyokong apa yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya Kerajaan Persekutuan membayar pampasan pada negeri yang telah korban hutan, balak kita bawa keluar, mineral kita bawa keluar, hasilnya bilion di situ. Tapi kita sanggup korban. Tapi kalau Kerajaan Persekutuan sebab ini bukan taman negeri, ini taman negara untuk negara kita. Pengorbanan Kerajaan Pahang *reserve* kawasan tersebut perlu diberi perhatian serius oleh Kerajaan Persekutuan supaya satu pampasan dipertimbangkan.

Akhir sekali, sedikit tentang kawasan Cheka. Saya nak bangkitkan dua, tiga perkara sahaja. Yang pertama sekali tentang inilah, kita ada masalah sikit tentang bekalan air. Tadi saya tengok dalam senarai LRA yang dicadangkan untuk dibangunkan, ada satu LRA yang boleh timbangkan iaitu LRA Mela dan Mela ini sebenarnya dah uzur sangat. Kemudian, kapasiti yang keluar pun tidak dapat menampung keperluan khususnya di Relai, di kawasan Kampung Putu dan sebahagian seringkali bekalan air masalah. Tadi juga saya telah bincang dengan EXCO tentang laluan Gading dan Kampung Dala, yang ini agak kritikal sangat dan saya akan susulkan dengan secara rasmi, secara bersurat rasmi di mana kawasan itu mendapannya yang agak serius jalan tersebut dan juga timbul masalah mendapan sepanjang beberapa lokasi di jajaran sungai... Sungai Jelai.

Yang di-Pertua,

Saya akhirnya ingin menimbulkan... mencadangkan supaya dinaik taraf jalan daripada Kerambit ke Jerantut, seperti telah kita laksanakan daripada Lipis ke Kerambit tapi Kerambit ke Jerantut ini masih jalan lama dan jalan itu sangat kritikal. Baru ini bila berlaku laluan utama daripada Jerantut ke Benta tutup di Batu 40 kepada kenderaan besar, menyebabkan semua kenderaan besar terpaksa ambil jalan alternatif di Jerantut ke Kerambit. Isunya jalannya memang kritikal dan beberapa buah lori besar terbalik dan tersangkut di atas kerana itu. Jadi, saya fikir jalan ini perlu dinaik taraf ya, perlu sangat naik taraf dan saya mohon kepada Kerajaan Negeri dapat bantu supaya jalan dapat kita tingkatkan. Demikian juga jalan...

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Dato' Sri, mencelah sikit. Terima kasih daripada Cheka. Untuk makluman, Sidang Dewan, jalan-jalan yang terdapat di negeri Pahang ini kita ada dua jenis jalan, jalan persekutuan dan juga jalan negeri, di mana jalan negeri kita dapati mempunyai peruntukan daripada MARRIS dan jalan persekutuan ini dalam peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi untuk makluman daripada Sidang Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat, di setiap kawasan di daerah ini, kita ada konsesi-konsesi yang telah kita lantik. Pertama, jalan persekutuan, kita melantik Roadcare untuk jalan persekutuan dan jalan negeri kita ada Yayasan Pahang Maintenance.

Tugas Yayasan Pahang Maintenance atau pun konsesi-konsesi ini adalah untuk membuat penyenggaraan dan rutin *maintenance* dan juga *inspection*, dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua, yang mana di setiap daerah ini dia akan ronda. Makna 2 hari sekali dia mesti akan siap jalan itu. Maknanya kalau ada jumpa *port hole*, kalau ada jumpa *port hole* dengan lubang atau kurang daripada satu meter, dia semestinya dalam 24 jam lubang tersebut akan ditampal. Ini adalah menjadi kewajipan kepada setiap konsesi sekarang ini di setiap daerah seluruh daerah Pahang kita pastikan supaya dia menjalankan kerja-kerja untuk menyiasat dan melaporkan apa yang berlaku di kawasan daerah masing masing.

Sebab itu dalam kawasan Cheka tadi dan kita saya nak tahu kawasan tersebut dan boleh memanjangkan maklumat tersebut kepada saya dan kita ingin melihat sama ada *Notice Of Defect* (NOD) telah diangkat untuk baik pulih atau pun tidak. Jadi kita kalau diangkat, maknanya kerja tersebut telah dilaksanakan oleh pihak konsesi. Jadi saya harap Yang Berhormat, kalau ada apa-apa masalah boleh beritahu saya secara terus je boleh. Mesej tepi pun tak apa.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Insya-Allah. Terima kasih atas respons segera dan saya akan susul dengan rasmi perkara ini. Akhir sekali Dato' Sri Yang di-Pertua ialah tentang banjir walaupun Cheka ini tidak banyak kawasan pemindahan banjir. Cuma ada satu kawasan PPRT iaitu di Jalan Pahang Club. Dia tak rumah, tapi sangat di tepi sungai, dibuat rumah tersebut untuk PPRT ini di tepi sungai. Bila air Sungai Jelai itu naik, memang mereka terpaksa pindah, kadang pukul 2 pagi, 3 pagi dan sebahagian mereka ini orang susahlah, orang miskin, rumah pun rumah PRT. Tak banyak, tapi saya cadangkan supaya kalau boleh dipertimbangkan untuk dicari tapak baru yang lebih sesuai kepada mereka. Demikian juga Jambatan Kuala Kenong yang seringkali bila air naik, dia... jambatan itu tak boleh lalu dan menyebabkan hubungan terputus. Terima kasih. Saya fikir itulah pandangan saya dan saya menyokong belanjawan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil daripada Cheka. Seterusnya saya menjemput wakil daripada Tras.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, sekali lagi kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahas Bajet 2024 yang dibentang oleh Dato' Sri MB pagi tadi. Saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Sri MB kerana Kerajaan Pahang dapat mengekalkan prestasi yang baik selama dua tahun berturut-turut melebihi RM1 bilion setanding dengan negeri-negeri seperti Selangor, Pulau Pinang dan juga Perak. Dato' Sri, saya bukan nak mengampu ya. Saya bercerita atas dasar fakta kerana Dato' Sri pun tahu sebelum ini saya bekas ADUN Mentakab dan saya ada simpan data-data di sini untuk tontonan semua kepada ADUN-ADUN baru. Data-data yang saya ada di sini daripada tahun 2010 sehingga 2023. Tak apa, tak payah ambil gambar, nanti saya bagi.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Di sini, saya ingin berkongsi data-data yang diberi pada tahun 2010 hingga 2023. Dalam tempoh 15 tahun, ini boleh dilihat prestasi hasil amat memberangsangkan. Hasil purata dari tahun 2010 hingga 2019 kurang lebih menaik sebanyak 15%. Hasil purata dari tahun 2019 sehingga 2024, ini bajet yang dibagi, lebih kurang naik 35% peratus. Ini menunjukkan pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang berada trek yang baik dan betul. Walau apapun, secara puratanya perbelanjaannya amat besar tetapi hasil-hasil ini dikembalikan kepada rakyat dalam ucapan Dato' Sri MB sebentar pagi tadi, saya tak perlu ulaslah ya. Saya mencadangkan juga supaya pengurusan air bersih ini dapat dipantau serta dipercepatkan urusannya supaya dapat mengurangkan beban kepada rakyat.

Saya ingin bawa juga isu air bersih di tempat saya, loji Bilut yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Ianya bermula daripada masalah reka bentuk sehingga masalah pekerja. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin memohon peruntukan tambahan daripada Kerajaan Negeri untuk menukar dua *culvert* besar yang berhampiran dengan Hotel Indigo. Kerana hujan yang lebat daripada kebiasaan, ia akan menyebabkan banjir di jalan pintu utama masuk ke bandar Raub. Ia akan memalukan bandar Raub yang mana pelancong akan datang dia tengok oh Raub banjir dulu, *entrance* atau pun pintu masuk. Di kesempatan ini juga saya ingin mencadangkan pihak PBT, Pihak Berkuasa

Tempatan juga JPS supaya dapat membuat kajian masa depan untuk kawasan perumahan dan mengambil kira faktor cuaca luar biasa bagi mengekalkan banjir... bagi mengelakkan banjir kilat dan banjir yang lain berlaku.

Saya juga ingin menyentuh dua perkara berkenaan Eco Tourism ataupun pelancongan, khas untuk di bandar Raub ya, DUN Tras. Supaya satu bajet juga dapat disediakan untuk kawasan bandar Raub untuk membina satu muzium perlombongan emas. Saya rasa benda ini dah lama mungkin dibawa. Sebab kita tahu Raub sebelum ini adalah bekas tapak perlombongan emas di zaman lepas. Sekiranya satu muzium perlombongan emas dapat diadakan, ia dapat menarik pelancongan atau pun pelancong ke Raub selain daripada menikmati buah durian Musang King. Satu lagi cadangan untuk membuat taman selera berserta satu kawasan untuk *petrol station* di jalan pintu naik ke Bukit Fraser. Itu berada di Gap.

Ianya dapat menarik minat kepada pemandu motor besar ataupun kumpulan *bicycle* ataupun dipanggil *mountain bike* untuk mereka beriadah. Mungkin tiap-tiap minggu. Dengan ini ia akan secara tidak langsungnya akan mendapat… menambah hasil ke kawasan ataupun daerah Raub. Saya rasa itu saja Dato' Yang di-Pertua daripada ADUN Tras. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. ADUN... Ahli Dewan Undangan dari Tras. Seterusnya, saya ingin menjemput ADUN dari Lepar.

YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Bismillahirrahmanirrahim. [Bacaan doa].

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

"Demi masa sesungguhnya manusia itu adalah dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran". Berikut adalah petikan dari surah Al-As ayat ini diturunkan pada 1004 tahun yang lepas memperingatkan kepada kita siapakah itu manusia yang dalam kerugian. Marilah kita renung isi kandung surah ini. Hari ini saya menyampaikan pesanan ayat tersebut iaitu berpesan-pesan kepada kebenaran dan berpesan-pesan kepada kesabaran di Dewan Yang Mulia ini, majoriti yang hadir adalah umat Islam. Kita tidak seharusnya mengingkari pesanan dari ayat ini.

Kita sebagai orang Islam paduan kita adalah pada Al-Quran dan Sunnah. Janganlah kita ingkarnya agar untuk memastikan kita semua akan ditempatkan ke syurga Allah insya-Allah. Kami dari Perikatan Nasional yang terdiri daripada Parti BERSATU dan PAS, GERAKAN sering memikirkan bagaimana untuk memastikan rakyat di Negeri Pahang tidak mengalami kerugian disebabkan ketidakstabilan politik dan akhirnya hak-hak pribumi anak Melayu dipinggirkan, diendahkan serta dipermainkan.

Oleh itu, saya menyatakan di sini kepada Parti Barisan Nasional UMNO jika Barisan Nasional UMNO mempunyai masalah atau diganggu oleh pihak-pihak terdentu berkaitan hak-hak orang Melayu dan agama Islam, insya-Allah kami akan sentiasa mempertahankan

serta menyokong segala usaha-usaha yang jujur dan murni yang ingin dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri Pahang.

Timbalan Yang di-Pertua, kita lihat sekarang…

YB CIK LEONG YU MAN

Minta laluan. Minta laluan. Mohon Yang Berhormat Lepar menjelaskan apa yang dimaksudkan tadi?

YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Apa tu?

YB CIK LEONG YU MAN

Tentang hak-hak orang Melayu mungkin akan terjejas. Apakah yang dimaksudkan tadi? Sila nyatakan dan sila bagikan *sample*, contoh secara spesifik.

YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Banyaklah hak-hak yang sepatutnya berlaku.

YB CIK LEONG YU MAN

Sila bagi contoh.

YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Seperti tanah, apa semua, pencerobohan. Okey, saya sambung.

Dato' Timbalan Yang di-Pertua,

Kita lihat sekarang musim hujan telah tiba kerisauan kita adalah jika berlaku banjir yang tidak dapat dijangka suasananya. Namun saya ucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Pahang yang telahpun memulakan langkah-langkah awal untuk memastikan rakyat mendapat bantuan yang sepatutnya jika berlaku banjir. Yang pasti libatkan kami semua dan kita juga perlu bantuan dari pihak-pihak NGO atau pihak luar dari Negeri Pahang jika keperluan mendesak bagi memastikan kebajikan rakyat diutamakan. Saya ada pantun untuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana Kerajaan Negeri Pahang telah banyak membantu sektor pelancongan namun mungkin Yang Berhormat EXCO Pelancongan lupa nak salurkan.

Dari Jelai ke Paya Besar,
Singgah di Lanchang melihat gajah,
Yang Amat Berhormat Menteri Besar berjiwa besar,
Sentiasa kuat, sentiasa gagah.

Dato'... Timbalan Yang di-Pertua,

Manifesto Pakatan Harapan yang lepas kalau tak salah saya menyatakan tentang pemberian, peruntukan yang saksama dan sama adil. Saya tak tahulah di negeri Pahang ini PH bukan BN dan BN bukan PH. Namun saya lihat baru-baru ini kedua-dua belah pihak ada di antara PH dan BN telah menandatangani satu memorandum, tidak pastilah memorandum persefahaman ataupun memorandum tidak persefahaman. Namun kita perlu tahu kefahaman rakyat serta pengetahuan rakyat bermula di zaman milennium ini adalah amat matang. Dengan adanya teknologi maklumat yang boleh memberikan maklumat tanpa sempadan, mudah diakses hanya dengan hujung jari melalui telefon bimbit. Kerajaan yang telus tanpa banyak birokrasi akan diminati ramai. Itulah berlaku pada Perikatan Nasional, rakyat suka kepada kepimpinan Abah, Walaupun satu gabungan yang baru tapi telah mengoncang persada politik Malaysia dan hampir menjadi Kerajaan Persekutuan sekali lagi dan tak lama lagi, insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua,

Israel tidak henti-henti menzalami rakyat Palestin. Setahu kami di Malaysia, tiada Israel, tiada Zionis, tiada Yahudi, laknatullah. Kita rasa, kita rasa lega menjadi rakyat Malaysia kerana boleh memandu dan bersiar serta melancong dengan aman dan tenang. Tiada hospital di bom, tiada bangunan yang diletupkan. Kanak-kanak sihat boleh pergi ke sekolah dan ke taman permainan. Di universiti penuh dengan anak-anak muda dan mereka tidak perlu mengangkat senjata untuk jihad dan menjaga keamanan keluarga serta negara.

Namun hanya yang rakyat Malaysia ingin lihat ialah, bilakah peruntukan sama rata, saksama dan adil akan diberikan kepada Yang Berhormat pembangkang di Pahang? hampir semua enam negeri yang telah habis PRN dan negeri-negeri lain memberi peruntukan kepada ADUN-ADUN pembangkang di dalam negeri mereka. Saya tahu perkara ini sudah ada dalam pemerhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah seorang yang berjiwa murni dan amat baik hati orangnya. Rasanya pada Jumaat ini mungkin yang amat berhormat Menteri Besar akan melakukan sesuatu perkara yang baik insya-Allah.

Roh roh roh,
Deh deh deh,
Buang yang keruh,
Ambil yang jernih.

Yang Berhormat Tioman tadi dia suruh saya banyak pantun hari ni.

Pak Wahab petani yang berkat,
Buah gajus pengeluaran utama,
Jika kita ingin nampak hebat,
Kebajikan rakyat perlu diutama,

Pak Wahab suka berladang,
Buah kekacang dan gajus tanaman utama,
Rakyat kita minta disayang,
Semoga terpahat jasad dan nama.

Kita sedar sesuatu hubungan yang tidak direstui ramai selalunya sering akan menjadi masalah berlaku tolak menolak dan cubit-cubitan. Adakah ianya benar? Tepuk dada tanya selera. Ikatan telah dijalinkan tetapi perjanjian dinodai, undang-undang mana di dunia yang mengizinkan pencerobohan di negeri kita, menceroboh tanah kita. Ya, mungkin ada iaitu undang-undang jahiliyah 1,500 tahun dahulu ataupun undang-undang zaman dinosaur, zaman manusia kononnya pakai cawat. Zaman itu tanah amat luas dan tak bertuan. Jika ada yang masih seronok untuk suka menceroboh dan bertani sesuka hati, pakai lah cawat dan kembalilah mereka-mereka semua ke zaman dinosaur.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua,

Ajaran seks songsang ianya amat memalukan apabila jika tidak dibendung mungkin nanti ramai lelaki akan berjalan pimpin tangan. Dulu kita ketawakan bila pekerja Bangla berjalan pimpin tangan, sekarang kita pula nak ditertawakan, nak terasa dihina. LGBTQ port tu disanjung tapi Allahuakbar dan Qunut Nazilah dicabar-cabar langsung tak malu, tak ada maruah, tak ada moral. Jika kita lihat dalam kitab Al-Quran, kitab Bible, kitab Perjanjian Lama, kitab Veda. Cuba kita beritahu kitab mana yang menyokong LGBTQRSTUWXYZ ini.?

Timbalan Yang di-Pertua,

Zaman sekarang ni semua orang bukan beragama Islam dah pandai mentafsir surah-surah dalam Al-Quran dan mereka juga faham maksud surah Al-Kafirun. Kalau dah faham oleh itu, janganlah sombong, jangan nak jadi tuan pula di tanah Melayu ini. Kamu jaga agama kamu, kami jaga agama kami. Kononnya buat Minggu Solidariti Palestin di sekolah. Tapi dalam masa yang sama, orang-orang mereka pula yang menolak termasuk ada seorang Yang Berhormat dalam Dewan ini juga menolak sungguh tidak sopan, menjaga tepi kain orang, kain sendiri dihurung lalat. *But you must face it* sayang.

Kami faham rakan-rakan kita di sebelah sana yang sebangsa dan seagama, rasa tidak senang dan tidak selesa dan seharusnya lebih kecewa kerana perjuangan anda yang dahulu untuk agama, bangsa dan negara sekarang ini telah diperkotak-katikkan oleh mereka. Namun apa boleh buat, tahi kambing dah jadi bulat boleh... bolehlah dibuat ubat untuk mereka yang pening lalat. Tapi tidak mengapa kita belum lagi sampai ke…

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kita Alhamdulillah, sembahyang Jumaat boleh, sekolah agama tahfiz berjalan dengan lancar…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Minta maaf, minta maaf. Sila duduk, sila duduk.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dulu... dulu ada sebuah Maahad Tahfiz Kerajaan Negeri. Sekarang dah tiga buah. Kemudian ada tahfiz apa tadika. Ada pula tahfiz sekolah rendah, dah 28 buah. Kemudian tu tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar umum pula nak bantu sekolah agama rakyat yang bersendirian supaya asrama dia apa… diberikan apa bantuan. Saya tengok kawan-kawan dalam Dewan tak ada seorang pun membantah sama ada daripada pembangkang ataupun daripada kerajaan dan bagaikan masing-masing itu menyokong apa yang nak dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tak ada... tak ada apa namanya hina-menghina, nafi-menafi, menidakkan dan kita alhamdulillah kita berjalan dengan baik. Kita berjalan dengan sempurna.

Budak-budak sekolah agama boleh kita kembangkan. Dulu kita sebagai kolej dapat dinaikkan jadi pula apa… kolej universiti dan terbaru ini diisytihar pula sebagai universiti Islam sepenuhnya tanpa ada satu ganggu gugat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kita, Dato' Sri Wan Rosdy di dalam kerajaan apa namanya pakatan yang telah kita binakan selama ini. Jadi apa… silalah sahabat saya daripada Lepar bentangkan apa hasrat, apa masalah di kawasan, apa benda yang patut kita buat tanpa ada prejudis yang seolah-olahnya macam kita di Pahang ini tak lama lagi sekejap lagi hancurlah Islam kita dan musnahlah agama kita dan orang Melayu kita hilirlah ke Laut China Selatan.

Saya rasa tak perlu begitu. Berikan je apa patut kita buat. Budak Melayu patut kita ramaikan lagi sekolah, berikan cadangan. Er... masjid patut kita imarahkan berikan saranan supaya kita boleh fikirkan bersama. Mungkin Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang boleh apa rancangkan lagi bersama Barisan EXCO untuk kita menyemarakkan agama. Kita tak ada masalah. Saya tak ada lagi kena *ambush* untuk bercakap pasal agama. Kita berjaya membentangkan 14 RUU. Rang Undang-undang ini yang beri ini *one-off* ni… ini benda ada duit kita boleh bagi.

Alhamdulillah, Dato' Sri MB dengan kepimpinan Kerajaan dapat mengatur ada duit bagi. Tapi nak buat RUU dasar ni bukan satu benda yang mudah. RUU Jenayah Syariah, RUU Pentadbiran Islam, RUU Perpindahan Agama, itu murtad maknanya. RUU apa nama wakaf dan sebagainya, banyak. Jadi tak ada halangan dan kita dapat bergerak dan kami ini bukanlah bodoh. Dari cakap tu tadi makna macam YAB Menteri Besar ini bodoh, EXCO ni bangang.

Maknanya terjemahannya (Bacaan dalam Bahasa Arab) dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu. Kita buat sesuai dengan keupayaan yang ada. Jadi tak payahlah *istizab* dengan izin apa sindiran yang seolah-olah yang kami ni bodoh sangat dan bangang, tak perlu Dato' Yang di-Pertua, minta maaflah. Tapi silakan Lepar teruskan apa patut kita buat, berikan saranan, berikan macam Cheka tadi, cantik sangat. Contoh tauladan yang diberikan oleh Cheka tadi, perbahasan yang diberikan, saranan yang diberikan, cadangan yang sangat lapang dada kita mendengar. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua... Tuan Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Terima kasih er... YB Kerdau atas nasihat dan pandangan, terima kasih. Saya ingin memberi pandangan berkaitan bajet bagi belia dan sukan. Seperti semua kita sedia maklum, belia adalah penyambung legasi kita untuk masa akan datang. Jika kita tidak didik dan bentuk mereka dengan curahan ilmu serta sifat-sifat kesopanan dan kesusilaan, sudah tentu selepas tahun 2050 negeri Pahang akan menjadi negeri yang paling Berjaya, maju di Malaysia, insya-Allah. Belia melalui sukan pula dapat mengelakkan gejala-gejala yang tidak sihat di kalangan anak muda serta menjadikan rakyat Pahang menjadi lebih cergas dan berinovasi.

Seperti yang kita maklum, negeri Pahang pernah dan sering melahirkan ramai atlet bertaraf kebangsaan dan dunia. Walaupun bilangannya kecil, namun kita dalam sukan SUKMA… walaupun bilangannya kecil namun kita masih boleh berbangga dengan pencapaian kita. Dalam sukan SUKMA. Pencapaian kita yang paling tinggi hanyalah setakat di kedudukan kelima dan keenam dan pada SUKMA tahun lepas kita di kedudukan nombor 9.

Pada 5 Disember ini iaitu esok, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Kejohanan Hoki Remaja Dunia dan empat orang atlet negeri Pahang telah pun dipilih untuk mewakili negara iaitu Wan Muhammad Najmi bin Mohd Zaid daripada Lepar Hilir 1 Kuantan, Syamil Rizmi bin Shamsul daripada Lepar Kuantan, Muhammad Haris Iskandar Rosman daripada daerah Bera dan keempat Mohd Syafiq Ikmal Daniel bin Suzaini daripada daerah Temerloh. Tahniah kepada mereka berempat, mereka berempat ini perlu diberi sedikit insentif bagi menyemarakkan semangat mereka untuk berjuang bermati-matian demi sukan hoki negara.

Untuk makluman semua, pasukan bola sepak Malaysia juga amat membanggakan dan amat cemerlang kebelakangan ini. Mungkin kerana pengurus pasukan Malaysia adalah anak Pahang iaitu Dato' Kamarul dan untuk makluman semua juga pasukan hoki Malaysia yang sekarang sedang berada dalam ranking yang ketiga Asia dan ke-12 dunia juga yang menguruskan adalah anak Pahang iaitu ialah Dato' Najmi yang baru-baru ini telah menang dan bertanding dan menjadi Timbalan Presiden Konfederasi Hoki Malaysia, syabas kepada mereka berdua.

Kita perlu fikirkan apa yang akan berlaku kepada atlet-atlet kita selepas itu. Di manakah mereka akan berada, apakah kebajikan yang telah kita berikan kepada mereka, apakah mereka berjaya masuk ke universiti dan selepas itu adakah mereka mendapat pekerjaan yang...yang sepatutnya. Kita perlu sentiasa memantau, membantu dan membimbing mereka agar dapat memberi motivasi kepada orang lain yang ingin bersukan. Kita ada ramai atlet yang bertaraf dunia, namun kemanakah mereka sekarang? Ada yang membuka warung makan, ada yang membuka perniagaan cuci kereta dan macam-macam lagi. Ya, ada juga sebilangan kecil yang berjaya seperti pelari 200 meter kebangsaan dahulu iaitu Ghaneshwaran yang menjadi pramugara dan pelari 100 meter negara, Azmi Ibrahim yang menjadi jurulatih kecil-kecilan. Untuk memastikan kita terus melahirkan bakat…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat… Yang Berhormat sila gulung ya.

YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Haa gulung…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB TUAN MOHD YAZID BIN MOHD YUNUS

Okey er... untuk memastikan kita terus melahirkan bakat-bakat bertaraf dunia serta berjaya dalam sukan SUKMA dan jika kita ingin berada di dalam kedudukan sekurang-kurangnya nombor tiga. Oleh itu, kita seharusnya memanggil balik atlet-atlet hebat kita untuk menjadi jurulatih di Pahang. Kita perlu sediakan biasiswa sukan dan menghantar atlet kita menimba ilmu yang lebih tinggi di luar negara. Belajar sambil bersukan seperti Australia, sukan-sukan hoki dan olahraga dan sukan yang bersesuaian dengannya. Majlis Sukan Pahang perlu mengenal pasti universiti-universiti yang bersesuaian di luar negara dan adakan program persefahaman dan suasana… persefahaman dan usaha sama dengan mereka.

Apakah kepuasan yang ibu bapa atlet Pahang ingin kecapi setelah anak mereka meninggalkan keseronokkan hidup mereka berlatih pagi dan petang, tiada cuti sekolah untuk mereka, tiada hari raya untuk mereka dan tidak dapat bercuti serta berseronok bersama keluarga mereka. Pengorbanan mereka perlulah dibalas dengan setimpal, insya-Allah. Dengan ini saya akhiri perbahasan saya er... kena banyak skip ya. Er... dengan pesanan tak perlu kita menjadi intan berlian untuk disukai ramai, tetapi jadilah seperti garam yang diperlukan oleh orang ramai. Dengan ini, saya menyokong bajet yang dibentang oleh YAB Menteri Besar. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil dari Lepar. Sebelum saya menjemput er... Wakil dari Semambu. Saya ingin mengingatkan rakan-rakan, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jika Ahli-Ahli Yang Berhormat memberi laluan kepada sesiapa er... yang beri laluan tu, sila duduk kerana Dewan ikut peraturan Dewan tidak boleh... tidak dibenarkan dua orang berdiri serentak dalam satu masa. Seterusnya saya ingin menjemput wakil daripada Semambu.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani.

Terima kasih Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam pembahasan Belanjawan 2024 Negeri Pahang pada kali ini. Sebelum saya memulakan perbahasan saya, pertama saya ingin menjawab kenyataan saudara dari Lepar tadi. Pertama, saya rasa Pakatan Harapan sama juga, saya tidak

mewakili ke semuanya, tapi selaku ADUN Pakatan Harapan kami juga memperjuangkan dan mempertahankan kedudukan orang Melayu dan anak-anak muda Melayu.

Kedua, berkenaan dengan isu Minggu Solidariti Palestin. Kenyataan saya bersama dengan 11 Ahli Parlimen dengan ADUN dengan jelas. Kami cuma minta Kementerian Pendidikan untuk mengkaji semula pelaksanaan Minggu Solidariti Palestin di sekolah terutamanya di sekolah rendah. Yang itu sahaja. *Stand* kami clear. Pendirian kami jelas. Kami menyokong Palestin dan kami berharap peperangan tersebut dapat berhenti segera betul dan berharap United Nations, PBB, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dapat mencari satu solusi untuk *Two State Solution* dengan izin, Timbalan Yang di-Pertua izinkan saya untuk teruskan perbahasan saya.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana sekali lagi mencatat hasil Kerajaan Negeri Pahang sebanyak RM1.164 bilion dan melebihi sasaran yang ditetapkan. Kerajaan tersebut merupakan usaha barisan pimpinan Kerajaan Negeri Pahang yang dipimpin oleh Dato' Sri Menteri Besar dan setiap penjawat awam Negeri Pahang dengan tatakelola serta tadbir urus yang baik. Limpahan hasil cukai perlu dimanfaatkan untuk membantu rakyat Negeri Pahang dalam meningkatkan daya ekonomi yang makmur ini

Timbalan Yang di-Pertua,

Saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri dalam isu untuk meningkatkan darjat kehidupan rakyat terutamanya Negeri Pahang dalam isu yang melibatkan pemilikan rumah dan pengangkutan awam. Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan projek perumahan mampu milik dengan izin *affordable housing* seperti Rumah PR1MA, Projek Rumah Makmur, Projek Perumahan Rakyat, PPR dan kewajipan untuk penyediaan 30% kos sederhana rendah di Negeri Pahang. Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri tadi juga menyentuh untuk teruskan Rumah Rakyat Pahang RRP yang diberikan secara percuma kepada golongan miskin dan miskin tegar dengan 470 unit dibina dengan kos hanya RM75,000.00 dan yang akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Tahniah atas usaha Kerajaan Negeri Pahang selama ini yang berusaha untuk membantu dalam pemilikan rumah mampu milik bagi rakyat Negeri Pahang terutamanya Keluarga Miskin dan Miskin Tegar. Namun, saya ingin mencadangkan bahawa proses permohonan pemilikan rumah Prima, Projek Rumah Makmur dan Projek Rumah Mampu Milik dapat dipendekkan dan lebih telus untuk rakyat. Saya mengambil contoh rumah mampu milik atau social housing di Singapura atau lebih dikenali sebagai flat ataupun apartment HDB dengan izin *Housing Development Board* dalam laman web mereka yang menyatakan dengan jelas bahawa tempoh masa untuk menunggu keputusan untuk memperolehi satu unit HDB adalah kurang daripada setahun ataupun lebih spesifik dua bulan selepas tutup permohonan.

Proses pemilikan HDB yang lebih murah, mudah dan cepat daripada flat yang ditawarkan daripada pihak swasta menyebabkan HDB flat menjadi pihan rakyat Singapura. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, lebih 80% warga Singapura menghuni di HDB flat. Menurut tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua yang dikeluarkan oleh BNN, Bank Negara Malaysia pada Mac 2022, kemampuan isi rumah untuk membeli rumah masih membimbangkan susulan berlaku ketidakpadanan dari segi harga yang ditawarkan oleh

pemaju di mana 76% isi rumah Malaysia adalah berpendapatan atau kurang daripada RM8,333 sebulan yang mana mereka hanya mampu memiliki rumah berharga sekitar RM300,000.00 atau ke bawah.

Apa yang menyedihkan adalah hanya 36% dari unit perumahan yang baru dilancarkan kurang daripada RM300,000.00 pada tahun semasa. Kadang-kadang saya juga dapat rintihan berkenaan dengan permohonan rumah mampu milik yang tiada berita ataupun telah hantar lebih daripada berapa lima tahun. Saya yakin jika Kerajaan Negeri dapat memberi tumpuan yang serius untuk memudahkan, menyenangkan, mempercepatkan dan menjadikan permohonan pemilikan Rumah PR1MA ataupun rumah mampu milik lebih terus saya yakin ia pasti akan menggembirakan semua pihak. Pemilikan Rumah PR1MA atau mana-mana rumah mampu milik ia akan mengurangkan bebanan isi keluarga dan mutu kehidupan sekeluarga secara tidak langsung dapat meningkatkan dan menjadi semakin baik.

Timbalan Yang di-Pertua,

Saya menarik perhatian Kerajaan Negeri Pahang berkenaan dengan isu pengangkutan awam terutamanya ibu negeri Pahang iaitu Kuantan. Terima kasih atas usaha EXCO Kerajaan Pahang, Dato Fakhruddin dalam perkenalkan laluan bandar T201 atau *Kuantan City Loop* untuk pelancong-pelancong tempatan dan luar negara termasuk dengan pengenalan perkhidmatan tambang tanpa tunai *Touch n Go* bagi semua penumpang-penumpang Rapid Kuantan. Termasuk juga dengan pelaksanaan *Smart Traffic Light System* yang bakal dilaksanakan di Kuantan. Ibu negeri Pahang, Kuantan menghadapi masalah kesesakan trafik yang teruk ketika waktu puncak sama ada di simpang traffic light di Jalan Teluk Sisek, Jalan Gambang ataupun Jalan By-Pass di Bukit Rangin.

Perbincangan kami sering tertumpu dengan keperluan untuk membina *flyover* atau jalan alternatif yang baru tetapi ia sepatutnya lebih tertumpu dengan meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam kami yang sedia ada. Timbalan Yang di-Pertua, menurut pakar keselamatan jalan raya UPM, Universiti Putra Malaysia Profesor Dr Kulanthayan menyatakan bahawa sebanyak 33.3 juta kenderaan berdaftar disuruh negara berbanding dengan jumlah penduduk yang hanya seramai 32.6 juta pada tahun 2020. Peningkatan pemilikan kenderaan meningkat setiap tahun dan jika ia berterusan ia hanya akan menyebabkan kesesakan trafik yang lebih teruk. Saya tidak pasti peratusan…

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada YB Semambu telah menyuarakan masalah pengangkutan trafik di Kuantan dan kita dari pihak Kerajaan Negeri kita telah mencadangkan kepada Pihak PLANMalaysia supaya melaksanakan satu kajian yang terperinci tentang keperluan pengangkutan awam yang komprehensif yang melibatkan bas Rapid dan sebagainya yang tertumpu di kawasan bandar raya kita. Contohnya dari Kompleks Pak Mahat sampai ke Bandar Kuantan dan jaringan-jaringan yang perlu kita tambah baik dan juga tempat-tempat pondok menunggu bas yang lebih baik supaya ia memberikan kemudahan kepada rakyat.

Dan kita juga dimaklumkan ada juga daripada Pihak Kerajaan Persekutuan memperkenalkan subsidi kepada pelajar-pelajar dan mungkin kita akan melihat kajian ini dengan lebih terperinci kesesuaian bagi menggalakkan lebih ramai lagi pengguna-

pengguna jalan raya daripada menggunakan motor ataupun kereta dan mereka lebih suka menggunakan bas yang lebih efisien dengan tempat pondok bas yang lebih baik supaya ini dapat mengurangkan kesesakan dalam bandar raya kita. Terima kasih.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih atas ulasan YB EXCO. Izinkan saya teruskan. Peningkatan pemilikan kenderaan meningkat setahun… setiap tahun dan jika ia berterusan, ia hanya akan menyebabkan kesesakan trafik yang lebih teruk dan saya tidak pasti peratusan pemilikan kenderaan di Pahang atau Kuantan tetapi untuk mengurangkan isu kesesakan, penaiktarafan sistem pengangkutan awam perlu disegerakan. Kerajaan Negeri terutamanya Majlis Bandaraya Kuantan dan Pejabat Kejuruteraan Kuantan, JKR Pahang perlu memberi tumpuan dalam isu kesalinghubungan, patuhan pertama dan akhir atau lebih dikenali sebagai dengan izin *first last mile connectivity*.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Timbalan Yang di-Pertua, saya nak beri sikit data kepada YB Semambu. Untuk tahun 2020, peningkatan kenderaan baru di Pahang sebanyak 15,000 setahun. Dan untuk 2021, 9,000. Dan untuk 2022, 11,000. Maknanya pertambahan yang hampir kepada 50,000 kenderaan di dalam Negeri Pahang. Bertambah 10,000 peratus setahun. Terima kasih

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Tuan Speaker, mencelah sedikit. Boleh tak kalau kita slot ADUN yang bercakap ini, Pihak Kerajaan jangan menjawab dulu. Sebab kita 15 minit je. Saya ingatkan subuh habis.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Dah tak apa, saya pun mencelah bukan nak apa ni… nak lama-lama. Cuma nak memberi pengetahuan kepada sidang Dewan supaya maklumat ni tepat. Supaya jangan kita cakap benda yang bukan-bukan dalam Dewan. Lebih baik cakap bukan-bukan memberi fakta kepada sidang Dewan untuk sebagai ilmu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih pandangan ADUN dari Luit. Saya rasa ini terpulang balik kepada er… sesiapa yang tengah berbahas. Jika beliau memberi laluan, kita berilah laluan kepada yang sesiapa yang nak minta er… pencelahan itu. Sila.

YB TUAN CHAN CHUN KUANG

Terima kasih YB EXCO kerana sudi memberi er… data yang tepat yang 50,000 pemilikan kenderaan di Kuantan. Er… saya izinkan saya teruskan. Masih di Kuantan, kami masih menghadapi masalah kekerapan *bus station*, perhentian bas yang kurang sesuai yang mungkin terletak di hanya di tepi jalan utama, tiada laluan pejalan kaki selamat yang menghubungkan taman perumahan dengan *station* perhentian bas. Terima kasih dengan YB EXCO kerana sudi er… memberi penjelasan bahawa tengah usaha dengan PLANMalaysia untuk meningkatkan er… sistem pengangkutan awam di Kuantan.

Saya rasa jika kami dapat meningkatkan *first and last-mile connectivity* ini dan juga mutu perkhidmatan pengangkutan awam di daerah Kuantan ia pasti akan meningkatkan penggunaan orang awam dan bukan hanya untuk belajar kolej atau universiti sahaja. Jika Kuantan mempunyai rangkaian pengangkutan awam yang lengkap, efisien dan baik pasti pemilikan dan penggunaan kenderaan dapat dikurangkan yang boleh mengurangkan isu kesesakan ketika waktu puncak dan er… secara tidak langsungnya mutu kualiti kehidupan rakyat dapat dipertingkatkan dengan penjimatan kenderaan dan kos penjagaan kenderaan. Dan saya memahami ia memerlukan perancangan dan bajet yang besar.

Justeru itu saya memohon untuk mencadangkan kepada Kerajaan Negeri terutamanya di bandar Kuantan untuk memastikan setiap persimpangan trafik jalan raya mempunyai lintasan pejalan kaki atau lebih dikenali sebagai *zebra crossing* dahulu dengan laluan pejalan kaki yang selamat.

Timbalan Yang di-Pertua,

Saya juga memohon mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Pahang juga jikalau peruntukan mencukupi untuk memperuntukkan… er… untuk memperuntukkan pada tahun depan dan tahun-tahun yang akan datang kepada Rumah Ibadat Bukan Islam yang meliputi gereja, tokong, kuil dan gurdwara yang tidak termasuk dalam Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri tadi.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya minta untuk membawa beberapa isu setempat di kawasan saya. Saya membangkitkan beberapa isu banjir kilat yang melibatkan di kawasan perkampungan disebabkan sistem perparitan yang tidak sempurna seperti di Lorong Bukit Setongkol Jaya 40 dan perkampungan kecil di simpang lampu trafik kawasan Cenderawasih. Kawasan tersebut merupakan rumah kampung yang dibina di atas lot persendirian. Tiada sistem perparitan yang sempurna menyebabkan banjir kilat berlaku. Saya memohon Kerajaan Negeri Pahang dan agensi yang berkaitan dapat membantu untuk menaik taraf sistem perparitan di kedua-dua kawasan tersebut.

Isu kedua, laluan jalan Sungai Lembing menuju ke Tol Kuantan. Saya juga ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri berkenaan dengan keperluan untuk menaik taraf jalan Sungai Lembing terutamanya dari Petronas Jalan Sungai Lembing sehingga ke Simpang Lampu Trafik Tol Kuantan. Jalan tersebut perlu dinaik taraf kepada empat laluan dan satu jejantas perlu dibina untuk kegunaan penduduk Kampung Padang Darat ke Masjid Kampung Padang dan SK Kampung Padang.

Isu ketiga, Taman Etnobotani Kuantan di Bukit Sekilau… di Kampung Bukit Sekilau juga memerlukan perhatian dan perancangan untuk dibangunkan sebagai tempat riadah warga Kuantan dan tumpuan pelancong. Keadaan Taman Etnobotani sekarang tidak terjaga dan tidak terurus. Saya memohon perhatian daripada Kerajaan Negeri untuk menjadikan ia sebagai salah satu tempat beriadah dan menjadikan ia satu tempat pelancongan. Sekian sahaja perbahasan saya dan saya memohon perhatian Kerajaan Negeri dalam isu-isu yang dibangkitkan tadi. Dengan itu saya menyokong Belanjawan 2024 Negeri Pahang yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil dari Semambu. Seterusnya saya menjemput wakil dari Jengka.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Timbalan Speaker. Ada teguran manja untuk Timbalan Speaker er… kita diminta untuk mengikut peraturan Dewan maksudnya kalau ada yang mencelah, bangun dan *floor* seseorang itu dia duduklah tapi yang nak bangun mencelah itu dia tak minta pun kebenaran dia terus bangun. Speaker er… Timbalan Speaker tak tengok pun. Jadi ingat kena cakna sedikit la yang itu kot, insya-Allah. Baik er…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih atas peringatan dari wakil dari Jengka. Jadi saya haraplah semua Ahli-ahli Yang Berhormat ikut peraturan mesyuarat.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih er… Timbalan Speaker. Jadi saya tambah dua minit la kot. [ketawa] kerana memberi ruang kepada saya untuk turut sama membahas Belanjawan 2024 yang bertemakan Pahang Prihatin, Rakyat Makmur yang dibentangkan pagi tadi melebihi RM1 bilion untuk kali kedua, tahniah. Saya dalam kesempatan pada petang ini, saya ingin menyentuh tentang Unit Pengurusan Tanah yang diwujudkan di bawah PTG beberapa tahun lepas, yang kita maklum telah menyumbang lebih dari 10% hasil pendapatan negeri pada tahun pada tahun 2022 dan saya difahamkan dijangka pada tahun ini akan mencapai 20% dari hasil Kerajaan Negeri, maka saya merakamkan ucapan tahniah kepada unit pengurusan tersebut ya.

Soalan saya, dari manakah kutipan hasil yang diperolehi oleh unit tersebut? Adakah dari hutang tertunggak yang belum dibayar oleh beberapa agensi kerajaan dari premium kelulusan tanah? Soalannya adakah, masih ada agensi kerajaan yang masih belum melunaskan hutang kepada premium tanah tersebut. Sekiranya dibandingkan dengan hasil perhutanan negeri, nampaknya unit kecil ini lebih besar perolehannya. Soalan saya, berapa lamakah unit pengurusan tanah PTG ini boleh berperanan untuk mengutip tunggakan premium dan hasil cukai tanah yang belum dipungut.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Beberapa tahun lepas, Pihak Berkuasa Negeri telah membuat perubahan dalam pentadbiran tanah negeri. Antaranya penurunan kuasa diberikan lebih banyak kepada PTG dan Pentadbir Tanah untuk membuat keputusan pindah milik tanah dan sebagainya mengikut Seksyen 12 Kanun Tanah Negara dan diselaraskan dalam Arahan Peraturan Tanah Negeri (APTN) kita telah melihat ada perubahan transformasi berlaku dalam pentadbiran tanah negeri sedikit sebanyak mengurangkan kerenah birokrasi dalam pentadbiran kerajaan. Berdasarkan perubahan yang baik ini, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat penurunan kuasa kepada PTG dan Pentadbir Tanah Daerah di dalam proses kelulusan tukar syarat serentak dengan pecah tanah lot bagi tujuan projek perumahan atau pembangunan bercampur atau industri?

Pada pandangan saya, kita telah pun sekian lama melalui proses teknikal ini yang dilibatkan banyak jabatan-jabatan teknikal daerah dan negeri. Oleh yang demikian, perlulah… ini pandangan saja, perlulah penurunan kuasa ini dilaksanakan supaya tempoh masa proses kelulusan boleh dipercepatkan dan Kerajaan Negeri boleh menerima bayaran hasil kelulusan permohonan tersebut dalam masa yang singkat manakala projek pembangunan khususnya perumahan, bangunan, perniagaan dan industri dapat dipercepatkan.

Yang Berhormat Timbalan Speaker,

Saya menarik perhatian Dewan dan mohon penjelasan dari pihak kerajaan di mana kita sedia maklum bahawa sumber hasil dari perhutanan negeri adalah antara penyumbang kedua penting kepada Kerajaan Negeri. Hasil perhutanan negeri, kita juga masih dalam masa yang sama, kita masih mengekalkan kawasan tadahan air, taman negara, simpanan PERHILITAN dikecualikan dari menjadi kawasan pengeluaran hasil hutuan. Dalam masa yang sama, pihak kerajaan masih meneruskan aktiviti pengeluaran kawasan kuota kayu balak seperti kuota ASPA dan Yayasan Pahang. Adakah pemilik konsesi yang memiliki kuota tersebut dapat melaksanakan pengeluaran mengikut prosedur yang ditetapkan?

Sehingga hari ini, adakah mana-mana syarikat kontraktor pembalak telah menyaman Kerajaan Negeri? Tanda tanya soalan. Sekiranya ada, apakah alasan saman tersebut terhadap Kerajaan atau Jabatan Hutan? Kalau ada, berapakah saman yang telah didaftarkan di mahkamah? Kami di pihak pembangkang mengharapkan agar pihak Kerajaan menjalankan kerja-kerja di Jabatan-jabatan Negeri ini secara telus mengikut peraturan dan lunas undang-undang tanpa dicampuri oleh mana-mana pihak yang berkepentingan dalam membangunkan ekonomi negeri ini khususnya. Sekiranya ada kesilapan dalam pentadbiran yang boleh diambil tindakan undang-undang oleh Syarikat atau individu terhadap Kerajaan maka Kerajaan sekali lagi dalam keadaan kesulitan untuk mencari penyelesaian dan menjejaskan reputasi Kerajaan sendiri.

Yang berhormat Timbalan Speaker,

Saya ingin menyentuh isu menaik taraf jalan di kawasan saya, DUN Jengka. Jadi Bebar jangan bangun lagi ya. Saya di kawasan saya, dalam Sidang Dewan Rakyat baru-baru ini, baru sudah saja ya Yang berhormat MP Kuala Krau, Yang Berhormat Ustaz Kamal Ash'ari meminta Menteri Kerja Raya menyatakan berkenaan naik taraf jalan utama daripada TNB Jengka hinggalah ke Jengka 8 dan daripada Rumpun Makmur sehinggalah ke Bandar Pusat Jengka. Soalan kepada Menteri Kerja Raya. Jawapan yang diterima ialah jalan daripada Bandar Jengka… daripada TNB ke Jengka 8 dan daripada Rumpun Makmur ke Bandar Pusat adalah jalan persekutuan dan jalan utama Jengka Utara Barat.

Permohon projek, ini dijawab, permohonan projek di bawah *Rolling Plan* Rancangan Malaysia adalah berdasarkan keutamaan yang diterima daripada Kerajaan Negeri. Semakan Kementerian mendapati permohonan diterima daripada Kerajaan Negeri mengikut *Rolling* 4 Rancangan Malaysia Ke-12. Berdaca…berdasarkan jawapan ini, er… pihak Kementerian tidak menerima permohonan daripada Kerajaan Pahang.

Jadi berdasarkan jawapan itu, saya mohon Pihak Kerajaan membuat semakan dan mungkin boleh buat tindakan selanjutnya untuk kepentingan rakyat dalam DUN Jengka dan DUN Kerdau, YB EXCO dia punya kawasan Kerdau di situ ye, Rumpun Makmur. Jadi,

akhir kalam sebab saya dua kali bangun, saya cakap saya pendek sajalah petang ini suara pun dah hilang Dato' Sri MB ya. Akhir kalam dengan rasa rendah diri saya menyokong Bajet 2024 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang tengah hari tadi. Sekian.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil dari Jengka. Seterusnya saya menjemput wakil dari Sabai.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Salam sejahtera. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya memulakan ucapan di Dewan yang mulia ini dengan serangkap pantun.

Genap setahun sebagai ADUN Pahang,
Membawa suara aspirasi warga Sabai,
Agenda rakyat menjadi fokus sidang,
Moga segalanya berjaya dan tercapai.

Pertama kali, saya ingin menjunjung kasih di atas pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang akan menyempurnakan Penggal Baginda sebagai Ketua Negara Malaysia bulan depan. Baginda telah menyelesaikan banyak isu dan konflik di negara ini secara adil dan bijaksana sepanjang pemerintahan Baginda. Semua peristiwa yang berlaku sepanjang pemerintahan Baginda selama 5 tahun ini menjadi catatan sejarah yang tidak dapat dipadam dan dinafikan.

Negara juga menyaksikan perubahan landskap politik yang sangat drastik dengan dilanda badai dan pasang surut yang tidak terjangkau oleh pemikiran. Namun atas kebijaksanaan Tuanku, ianya diatasi dengan jayanya. Baginda membolehkan kita semua bangkit dan mempertahankan kestabilan dan kesejahteraan negara tercinta ini. Kerajaan Perpaduan yang lahir daripada cetusan kebijaksanaan Tuanku telah berjaya mempertaut kesatuan permuafakatan dan selanjutnya mewujudkan kestabilan politik negara. Lantas memberi ruang ke arah pertumbuhan ekonomi negara, keyakinan pelabur domestik dan luar negara serta mengatur tata kelola pemerintahan yang mampan dan wajar menjamin kesejahteraan dan keselesaan rakyat.

Saya ingin menzahirkan sekalung penghargaan kepada Tuanku sejak bersemayam di atas takhta dalam menzahirkan sikap pe… keprihatinan yang tinggi. Semoga Baginda Tuanku dan Raja Permaisuri Agong serta seluruh kerabat dikurniakan kesihatan yang baik, kebahagiaan dan dikabulkan segala aspirasi. Saya juga ingin menjunjung kasih ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang berperanan sebagai Ketua Negeri Pahang tatkala Baginda Sultan menggalas amanah sebagai Ketua Negara selama 5 tahun ini. Kewibaan Baginda Pemangku Raja Pahang memimpin Negeri Pahang merestui segala agenda rakyat Kerajaan Negeri Pahang pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail memastikan

Kerajaan Negeri berada di dalam landasan yang betul dengan hasil negeri yang meningkat dan pelbagai inisiatif yang baik untuk rakyat Pahang.

Sesungguhnya seluruh Kerabat Diraja Negeri Pahang menawar naratif baru kepada konsep Raja dan Rakyat Berpisah Tiada dengan kewibawaan, kebijaksanaan dan keprihatinan yang amat tinggi dan mulia. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pahang pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Sri di atas kejayaan terus mentraf…mentransformasikan negeri kita sebagai negeri yang berdaya maju dengan pelbagai inisiatif ekonomi mampan dan peningkatan pelaburan asing.

Kesejahteraan rakyat sentiasa diutamakan melalui inisiatif dan insentif berfokuskan rakyat seperti Skim Rumah Rakyat Pahang, Bantuan Prihatan…Prihatin Negeri Pahang yang merangkumi bantuan persekolahan, siswa Pride Student Kid, Program Kebanggaan Anak Pahang, Kad Perubatan Warga Emas, Bantuan Keusahawanan iPUSH, Program Juadah Makmur, Pelbagai Bantuan Kluster Bersasar dan banyak lagi. Semuanya hebat dan berteraskan kesejahteraan rakyat, tiada yang terpinggir dan terkecuali. Segalanya teserlah dalam belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang pada pagi tadi. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri, semoga Pahang terus bergerak ke hadapan dan menjadi negeri teladan kepada yang lain.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua,

Ucapan saya pada hari ini akan bertumpu kepada 5 isu yang berkaitan dengan kepentingan rakyat di kawasan DUN Sabai iaitu yang pertama, fasiliti dewan serbaguna di kawasan Karak sebuah dewan serbaguna yang serba lengkap menjadi keperluan dan permintaan berterusan rakyat Sabai. Dewan serbaguna akan berfungsi sebagai pusat aktiviti kemasyarakatan, majlis keraian, majlis rasmi dan sebagainya. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Hormat Dato' Pegawai Daerah Bentong ada di sini ya? Dan er… di atas usaha mengenal pasti tapak tanah yang sesuai bagi pembinaan dewan tersebut. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, tapak tanah sesuai sudah dikenal pasti, saya mohon pertimbangan dan kelulusan tanah Kerajaan Negeri bagi pembinaan dewan berkenaan yang dijangka akan mencecah kos lebih kurang RM4 juta. Harap impian warga DUN Sabai dapat direalisasikan segera.

Yang kedua, Projek Rumah Mampu Milik. Kebanyakan projek swasta di kawasan Sabai menawarkan rumah kos sederhana dan tinggi, di mana ianya di luar kemampuan rakyat kategori B40. Warga kampung, pekerja estet, pekerja kilang, golongan sedemikian memang kurang mampu, malah permohonan pembiayaan pinjaman mereka tidak akan berjaya dan kebanyakannya memang gagal. Maka perlu ada projek baru dengan tawaran Rumah Mampu Milik dengan skim pembiayaan mampu bayar. Maka saya mohon Kerajaan Negeri agar mengikhtiarkan dan perluaskan Projek Perumahan Kos Rendah dan Sederhana Rendah di kawasan DUN Sabai.

Yang ketiga atas tajuk Pemerkasaan Ekonomi Kawasan Sabai. Saya mohon Kerajaan Negeri mengkaji potensi dan peluang bagi ekonomi kawasan Sabai di perka... perkasakan melalui strategi yang sewajarnya. Lokasi Sabai amat strategik dengan jaringan lebuh raya LPT, CSR kurang satu jam dari ibu negara.

Saya cadangkan agar tawaran insentif dan fasiliti yang menarik dikaji, di mana ianya dapat menggalakkan pelbagai industri dan pelaburan baru. Pada masa yang sama, Sabai juga potensi sebagai lokasi bagi institut pengajian tinggi seperti kampus cawangan. Usaha sedemikian akan pasti meningkatkan peluang kerjaya, tingkatkan ekonomi dan pendapatan rakyat. Saya juga memohon Kerajaan Negeri agar potensi Sabai sebagai hub Rancangan Tanah Pertanian bagi agropreneur seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan dikaji dan dilaksanakan. Sama-sama kita makmurkan Sabai.

Dato' Sri Menteri Besar menyentuh mengenai impak banjir 2021. Terdapat satu kes mangsa banjir di DUN Sabai yang rumahnya musnah sepenuhnya. Walaupun telah membuat permohonan bagi pembinaan semula rumah di bawah Skim Bantuan Banjir Keluarga Malaysia, namun... namun namanya telah tercicir. Saya telah memanjangkan perkara ini kepada perhatian Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang dan harap Kerajaan Negeri dapat menyantuni mangsa banjir tersebut.

Saya juga mohon bantuan dan tindakan Kerajaan Negeri bagi menangani beberapa isu infrastruktur yang sering dibangkitkan oleh warga DUN Sabai, antaranya jalan-jalan kampung yang perlu dibaiki, Kampung Jambu Rias, Kampung Lengkong, Kampung Karak Setia, Kampung Parih, Kampung Haji Kubur dan Kampung Cinta Manis.

Sistem perparitan dan longkang yang tidak diurus sebab di luar kawasan sempadan Majlis Perbandaran Bentong seperti Kampung Karak Setia dan Kampung Teroh. Pembaik pulihan dan penaiktarafan fasiliti balai raya dan dewan setempat, kawasan perumahan dan kampung.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Sambil menggalas tanggungjawab sebagai Wakil Rakyat DUN Sabai, saya juga memikul amanah sebagai suara tunggal kaum India di Dewan Negeri Pahang. Walaupun kaum India adalah minoriti di Pahang, namun kebajikan dan kesejahteraan kaum India tetap disantuni oleh kerajaan inklusif Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Sesungguhnya tiada pihak yang tertinggal atau terbiar dari menikmati hasil agenda pembangunan negeri Pahang. Pelbagai bantuan pendidikan, bantuan kepada sekolah Tamil, bantuan rumah ibadat bukan Islam termasuk kuil, bantuan keusahawanan, kebajikan dan banyak lagi yang telah disalurkan kepada masyarakat India di negeri Pahang ini. Memang terbaik dan terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri MB Pahang.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan beberapa isu yang telah dimajukan kepada saya oleh masyarakat India Pahang untuk disuarakan dalam Dewan Yang Mulia ini. Yang pertama adalah berkaitan dengan isu kuil di kawasan Maran. Minta maaf bukan langgar kawasan ya. Kuil Sri Marathandavar di Maran yang kini berusia lebih 130 tahun merupakan antara pusat ibadah utama penganut agama Hindu. Perayaan tahunannya setiap tahun menyaksikan ratusan ribu pengunjung membanjiri kuil berkenaan. Seni bina unik, sejarah kuil dan fasiliti yang disediakan menjadi faktor tarikan pengunjung, bukan sahaja rakyat tempatan, malah pelancong dari luar negeri juga. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 1996…

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Minta laluan Yang di-Pertua, ingin mencelah sikit.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Er... sebab Sabai dah sebut pasal Kawasan saya tadi ya. Memang tidak melanggar, cuma saya nak bagitahu yang kawasan kuil tu er... merupakan kawasan banjir. Saya tahu kuil ini memang kuil yang... *second largest* yang... yang kedua terbesar di dunia. Jadi kawasan tu er... mengalami banjir pada tahun lepas je sudah tiga kali.

Jadi saya harap YB Sabai la... sebab kita dah bercakap pasal kuil ni, ambil sekali tindakan untuk menangani masalah banjir juga mencari solusi er... jangka pendek dan juga jangka panjang. Sebab kuil ini memang satu tarikan kepada Kuala Sentul lah, kawasan saya ya er... dan saya difahamkan penganut Hindu dari seluruh dunia datang. Jadi er... begitu juga tak… minggu lepas, saya diberitahu Menteri Pertahanan Singapura datang ke situ tapi secara senyaplah, sembahyang. Jadi memang kuil ini memang satu tarikan di Kuala Sentul dan sekiranya er... YB Sabai mengambil er... inisiatif untuk memajukan kuil ini dengan isu-isu yang ada, saya sangat berterima kasih. Okay terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Sila.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Terima kasih YB Kuala Sentul. Memang er... Jawatankuasa Kuil telah datang jumpa saya juga dan mereka telah memaklumkan juga mereka telah jumpa dengan YB juga, Kuala Sentul juga dan kita sama-sama ikhtiarkan mencari penyelesaian terhadap isu yang mereka hadapi.

Er... saya sambung ya. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 1996 telah bersetuju merizabkan tapak Kuil Maran sebagai kawasan *historical site* dengan izin er... kawasan bersejarah di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara. Perkara ini telah dimaklumkan kepada pengurusan kuil oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang melalui surat rasmi. Namun, sehingga kini hampir 27 tahun keputusan berkenaan, pengurusan kuil masih belum menerima warta kerajaan rasmi bagi perizaban berkenaan. Mohon Kerajaan Negeri dapat memberi pencerahan mengenai status isu ini.

Kedua, berkaitan dengan banjir yang telah dibangkitkan oleh YB Kuala Sentul. Setiap tahun ketika musim tengkujuh, kawasan Kuil Maran ini dan persekitarannya akan ditenggelami air banjir beberapa kali. Betullah macam YB sebut tadi, tiga kali banjir tahun lepas. Kuil... pihak kuil memohon bantuan Kerajaan Negeri bagi meminimumkan impak banjir dengan pelaksanaan projek tebatan banjir di kawasan berkenaan.

Ketiga, Kuil Maran juga dapat dipromosikan sebagai salah satu pusat tarikan pelancong negeri Pahang berdasarkan potensi dan er... fasiliti yang dimilikinya dan secara tidak langsung ia dapat memacu ekonomi setempat.

Yang berikut, isu tapak tanah Dewan Komuniti India Cameron Highlands. Yang ini juga saya telah bincang dengan er… YB Fadzli ya. Er... saya juga di sini ingin membangkitkan isu tapak tanah pembinaan Dewan Komuniti India Cameron Highlands di Lembah Jasar, Tanah Rata, saya di Pahang... difahamkan, tapak tanah seluas 1.2 ekar telah dikenal pasti oleh mantan Ahli Parlimen Cameron Highlands, Dato' Sri G. Palanivel pada tahun 2013, dengan peruntukan RM3 juta juga telah disalurkan untuk pembinaan dewan perke... berkenaan di Cameron Highlands.

Kerja-kerja pembersihan tapak dimulakan pada tahun 2015 oleh kontraktor yang dilantik oleh Majlis Daerah Cameron Highlands, namun telah dihentikan pada tahun 2016. Saya juga difahamkan rekod menunjukkan mesyuarat Jawatankuasa Tanah telah meluluskan tanah berkenaan bagi pembinaan dewan. Isunya sekarang didapati ada projek pembangunan pencawang telekomunikasi yang sedang dilaksanakan di kawasan tanah yang telah diluluskan untuk Dewan tersebut. Maka timbul kegusaran di kalangan pemimpin dan masyarakat india Cameron Highlands timbul pelbagai persoalan mengenai status tanah dan dewan peruntukan RM3 juta yang disalurkan oleh mantan ahli parlimen bagaimana pencawang telekomunikasi dibina di atas tanah bagi dewan dan sebagainya. Maka saya mohon tindakan kerajaan negeri Pahang bagi meneliti isu ini mengihtiarkan penyelesaian dan pembinaan dewan komuniti yang dirancang sebelum ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini bagi mengajukan dua cadangan untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Pahang demi kesejahteraan rakyat…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, minta gulung. Masa dah sampai.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Cadangan saya dalam penggulunganlah ni. Saya harapkan program-program yang berfokuskan kepentingan rakyat seperti Rumah Rakyat Pahang, yang kita pada mulanya enam bagi setiap ADUN, DUN kawasan masing-masing, telah ditingkatkan kepada lapan. Dan harapkan dalam bajet pada kali ini ada peningkatan daripada lapan ke sepuluh. Berdasarkan peningkatan hasil negeri. Tapi walau bagaimanapun, itu Rumah Rakyat Pahang merupakan suatu idea yang cukup bagus untuk dilaksanakan. Terdapat ramai di luar sana, turut sama di kawasan perkampungan yang mana menghadapi masalah pemilikan rumah dan yang betul-betul miskin tegar kita dapat bantu dengan Rumah Rakyat Pahang inisiatif yang telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Er…saya ringkaskan. Akhir kata tahniah dan terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan Kerajaan Negeri di atas segala usaha memacu pembangunan, kemakmuran dan kesejahteraan negeri Pahang dan rakyatnya. saya

menyokong belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pagi tadi. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil dari Sabai. Seterusnya saya menjemput wakil dari Pulau Manis.

YB TUAN MOHAMMAD RAFIQ KHAN BIN AHMAD KHAN

Alhamdulillah ... (Bacaan dalam Bahasa Arab) Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli sekalian. Terima kasih ucapkan kepada semua Ahli Berhormat dan juga Timbalan Yang di-pertua kerana memberi ruang kepada Pulau Manis berucap pada hari ini. Pertama kali, saya mewakili rakyat Pulau Manis ingin mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih kami kepada seluruh kakitangan kerajaan dan agensi-agensi di bawah kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan seluruh kawasan di dalam DUN Pulau Manis ini terbela kebajikannya dan keselesaannya terjaga.

Alhamdulillah. Tahniah juga diucapkan kepada pihak kerajaan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah membentang bajet yang kita boleh kira sebagai prihatin rakyat dan tahniah juga telah berjaya mendapatkan kutipan hasil sebanyak RM1.164 bilion dan kita semua yakin jumlah hasil ini akan diturunkan kepada rakyat melalui inisiatif-inisiatif yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya mengucapkan taniah dan syabas kepada kerajaan Negeri Pahang kerana berani menyatakan pendirian iaitu mengecam dan mengeji tindakan zalim rejim Zionis di dalam Dewan Yang Mulia ini. Seharusnya ini yang harus berlaku di dalam semua sidang DUN setiap negeri.

Yang berhormat Timbalan Yang di-pertua,

Pulau Manis ini kawasannya agak besar. Kebanyakan geografi dan demografinya yang menjadikan ia bertambah unik dan perlu dan boleh dipandang serius oleh kerajaan. Antaranya tempat tumpuan pelancongan, terdapat beberapa tempat yang boleh digazetkan sebagai pusat pelancongan. Antaranya di Seri Makmur, terdapat *track* motorcross dengan izin, yang boleh dikomersialkan untuk dijadikan sebagai tarikan penggemar-penggemar sukan lasak dan secara langsung dapat meningkatkan ekonomi setempat.

Penduduk Pulau Manis juga ada dikalangan mereka petani yang mengusahakan sawah. Apabila berkaitan dengan penanaman padi ini, mereka tidak terlepas dengan masalah serangan kulat dan unsur-unsur yang boleh membuatkan penuaian tidak mencapai tahap optimum dan ketika pesawah ini tidak dapat mencapai hasil tuaian yang membolehkan mereka membuat penanaman semula. Jadi, hal ini menyebabkan pendapatan-pendapatan penduduk setempat terganggu dan mereka terpaksa mencari inisiatif lain untuk mencari sumber rezeki dan diharap pihak kerajaan dapat menyediakan peruntukan dari segi bantuan penanaman semula bagi membantu pesawah-pesawah ini membuat penanaman semula selain daripada itu pihak kerajaan juga boleh memberi penumpuan kepada pesawah-pesawah ini dengan harapan menjadi antara negeri pengusaha padi dan secara langsung dapat meningkatkan ekonomi di sektor pertanian.

Saya juga ingin menyentuh isu setempat yang sedang yang hangat diperkatakan adalah isu pembuangan sampah di dalam kawasan Pualu Manis, sekitar Kampung Jaya Gading dan Kampung Seri Damai. Isu ini timbul apabila tong sampah sekitar kawasan tersebut yang disediakan oleh PBT, Majlis Bandaraya Kuantan ditutup atas sebab-sebab tertentu. Hal ini telah menyebabkan penduduk kampung tidak ada tempat untuk membuang sampah. Akibatnya mereka membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya dibuang dan mengakibatkan pencemaran yang sangat menjolok mata. Diharap pihak yang terlibat dapat datangkan solusi yang baik bagi menangani masalah ini tambahan pula kawasan ini adalah kawasan yang sering berhadapan dengan bencana banjir.

Isu berkenaan tanah juga adalah antara isu yang sangat kritikal di kawasan DUN Pulau Manis. Kerap kali saya didatangi oleh penduduk-penduduk mengadu masalah tanah yang hampir… yang belum selesai. Permohonan telah dilakukan hampir 40 tahun. Akan tetapi sampai ke harini masih belum menemui sinar. Saya optimis dengan kerajaan akan mencari satu resolusi yang baik untuk menangani isu pemilikan tanah yang sekian lama tidak pernah selesai.

Akhir kata saya ingin menyebut berkenaan tentang isu hiburan tanpa lesen di sekitar DUN Pulau Manis. Saya pernah bersama-sama dengan pihak PBT menyerbu satu premis saya buat *part time* jadi PBT menyerbu, menyerbu pusat hiburan tanpa lesen dan Alhamdulillah, pihak PBT telah menyita beberapa alat di situ dan apa yang mendukacitakan, tak lama selepas itu pusat itu kembali beroperasi. Di sini saya rasa pihak yang menjalankan operasi ini tidak… apabila tidak disita, dia tidak mendatangkan masalah kepada mereka dan mereka boleh menebus balik barang mereka dan mereka boleh beroperasi seperti biasa. Saya mengharapkan tindakan yang lebih keras supaya timbul perasaan serik kepada mereka agar, macam mana Yang Amat Berhormat datangkan solusi mengenai *rare earth* tadi agar ini pun boleh diimplimentasi oleh PBT agar memastikan pusat hiburan tanpa lesen ini tidak lagi ada beroperasi.

Akhir sekali, saya ingin ada menyampaikan pantun.

Menangkap ikan turun ke paya,
Turun ke paya berbaju pagoda,
Tok Wan handsome penuh bergaya,
Senyuman manis ramai tergoda,

Makan kenduri nasi minyak,
Kenduri dibuat orang Jerantut,
Kan dah untung banyak,
Hulur-hulurlah mana yang patut.

Sekian dari Pulau Manis. Timbalan Yang di-Pertua, Pulau Manis mohon menyokong.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil Pulau Manis. Seterusnya saya menjemput Wakil dari Damak.

YB TUAN HAJI ZURIDAN BIN MOHD DAUD

Bismillahhirahmannirahim, assalamualaikum WBT. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Pahang di atas perbentangan Belanjawan Pahang 2024 yang bertemakan "Pahang Prihatin Rakyat Makmur" ya. Mudah-mudahan belanjawan yang dibentangkan ini akan dapat dirasai kenikmatannya, kesannya kepada seluruh rakyat negeri Pahang dan juga kepada pembangkang, insya-Allah.

Tidak lupa juga kepada semua barisan EXCO dan juga rakan-rakan Yang Berhormat sekalian. Berdasarkan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ada beberapa tunjang yang telah disebut dan saya ingin menyentuh yang pertama ialah berkaitan dengan tunjang ke-2 belanjawan iaitu meningkatkan kemudahan asas dan infrastruktur, yakni yang berkaitan meningkatkan perkhidmatan air.

Kita telah dimaklumkan bahawa pihak PAIP semenjak 2013 hingga 2023 telah melaksanakan 226 projek sebanyak 207… yang bernilai RM275.1 juta. Ya, tahniah saya ucapkan. Jadi saya terus membangkitkan isu yang berkaitan dengan tunjang ke-2 ini yang berkaitan dengan kawasan Damak. Jadi isunya ialah seperti mana yang telah saya sebut dalam Sidang Dewan Undangan Negeri yang lalu, terdapat kawasan-kawasan yang masih lagi berisiko tinggi yang tidak mempunyai bekalan air dan ada kawasan-kawasan ini yang bergantung sepenuhnya kepada bekalan air bersih ataupun sumber air bukit.

Jadi lokasi-lokasi yang berterusan ataupun er… hingga kini, maknanya saya sudah penggal kedua berada dalam dewan ini, yang masih lagi pihak penduduk mengadu yang mereka tidak dapat bekalan air sama ada air sama ada air paip tidak ada langsung ataupun yang mereka ada paip tetapi airnya sangat perlahan dan mereka terpaksa bergantung dengan air bukit.

Jadi kawasan-kawasan yang berisiko ini saya sebut satu persatu supaya pihak-pihak yang berkaitan mungkin boleh memfokuskan terus kepada lokasi-lokasi tersebut iaitu terutamanya di Mukim Ulu Cheka iaitu di Kampung Bukit Batu, Kampung Koi, Kampung Chap, Kampung Tanjung Puteri, Kampung Tengah, Kampung Jelai, Kampung Jenerih, Kampung Berau, Kampung Jingau, Kampung Perluk dan sekitar Pekan Sehari Ulu Cheka, Kampung Batu 35, Kampung Anak Gajah, Kampung Sempadan, Kampung Sungai Terlang, Kampung Jo'o, Kampung Sungai Berjuang yang mana serata-rata kawasan ini tidak mendapat bekalan air.

Saya sebut ini nak mempromosi tuan-tuan supaya datang ke kampung-kampung tersebut, insya-Allah di Mukim Ulu Cheka. Kemudian juga ada kawasan-kawasan contohnya di kampung Bukit Genting, ada 3 buah rumah yang air paip ada tapi er… tekanan terlalu rendah dan air kadang-kadang sampai pada waktu malam sahaja.

Hingga terpaksa kita minta kepada pihak PAIP untuk menyediakan tangki dan sehingga hari ini mereka sentiasa terjejas bekalan air dan saya harap pihak yang berkaitan memberikan perhatian kepada isu ini kerana ia berlanjutan sudah begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua,

Suka saya membacakan satu hadis Nabi SAW yang mengingatkan kita tentang sumber air ini. Di mana baginda bersabda [bacaan dalam bahasa Arab] Maksudnya *"barang siapa yang melarang manusia dari kelebihan air yang dia miliki atau dari sisa tanaman rumput liar miliknya, maka Allah akan melarang, yakni menghalanginya dari anugerahnya di hari kiamat*". Jadi hadis ini kalau kita fahami secara mafhum mukhalafah, ataupun faham secara terbalik, maknanya kalau kita berusaha untuk memastikan air ini sampai kepada penduduk yang terjejas, maka sudah pasti kita akan mendapat anugerah besar ganjaran di sisi Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara yang ke-2 yang ingin saya sentuh juga berkaitan dengan er… isu infrastruktur ataupun kemudahan asas rakyat ini ialah berkaitan dengan pengurusan banjir yang telah disebut disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di dalam pembentangan belanjawan. Saya ingin mengulangi kembali ia juga berkaitan dengan isu secara khususnya di Kampung Batu Balai. Apabila tiba musim hujan, musim tengkujuh sekarang ini, maka ada 9 buah rumah yang berada di Jalan Aki Ayub 1 makna saya sebut ni dan 4 rumah lagi berada di Batu 35, Kampung Jo'o Batu Balai.

Saya telah mencadangkan pada sidang yang lalu, kawasan ini memang kalau hujan je mesti tenggelam dan mereka akan berdepan dengan kerosakan barangan mereka dan terpaksa dipindahkan ke PPS. Jadi cadangan saya ialah penduduk di kawasan ini dipindahkan ke kawasan baru dan ada satu cadangan tempat iaitu berhampiran dengan Loji Air Batu Balai. Jadi kerana saban tahun kawasan ini bila hujan, musim hujan je, musim tengkujuh pasti akan berlaku banjir.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu yang ketiga yang berkaitan dengan meningkatkan er... keterhubungan jalur lebar seperti mana yang telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Belanjawan. Jadi sepertimana yang kita maklum bahawa pihak kerajaan telah melaksanakan rangkaian 5G dan dimaklumkan insya-Allah, hujung tahun 2023, maka capaian internet ini akan mencapai 80%. Dalam DUN Damak, beberapa lokasi capaian internet sering terganggu dan semenjak bulan Oktober dan November ini hingga ke hari ini, ada kawasan-kawasan yang teruk terjejas capaian internetnya. Antaranya ialah di Kampung Temin. Tuan-tuan tahu Kampung Temin di mana? Yang di-Pertua tahu tak? Tuan Yang di-Pertua? Sibuk ya.

Timbalan Yang di-Pertua tahu tak Kampung Temin di mana? Jadi Kampung Temin tu kampung saya jadi jemput datang insya-Allah. Dato' Sri MB telah beberapa kali datang ke Kampung Temin. Jadi di Kampung Temin ni khususnya di pejabat saya sendiri capai internet sangat-sangat berat lah, sangat-sangat teruk. Begitu juga di Kampung Sungai Badak, Kampung Pekan Damak dan Kampung Sepadan. Manakala, di jalan utama hutan Simpan Kenong, langsung tiada talian, sedangkan kawasan ini adalah kawasan berisiko berlaku kemalangan dan juga pokok er... tumbang di atas jalan. Jadi jika berlaku kecemasan, maka sukar pihak-pihak yang terlibat untuk berhubung ya dengan pihak. Jadi justeru itu saya harap perkara ini diberikan perhatian.

Perkara yang keempat saya ingin menyentuh kembali isu berkaitan gajah naik minyak. Sebab sidang kali ini saya duduk sebelah Tahan, Tahan ini adalah antara orang yang

ADUN, bukan ADUN gajah ya, ADUN yang kawasannya banyak terlibat dengan gangguan gajah. Tetapi gajah ini juga telah mengancam kawasan DUN Damak iaitu khususnya di kawasan Kampung Som. Pada 14 November 2023, gajah liar ini telah menyerang kawasan kampung dan 100 batang pokok pisang dirosakkan dan ada pondok kebun penduduk juga dirosakkan. Jadi apa yang berlaku dan saya telah pernah pergi ke lokasi yang kawasan er... kawasan ini sebenarnya ada satu kawasan yang dibangunkan dengan projek Musang King. Namun demikian ada *gate* yang dibina tapi pintu *gate* itu telah dibuka dan saya pergi waktu siang hari *gate* itu terbuka.

Jadi tidak hairanlah gajah itu boleh masuk dan menceroboh kawasan penduduk kampong. Jadi saya harap pihak yang berkaitan berikan perhatian serius kepada perkara ini dan saya dimaklumkan gajah-gajah di sini sudah beranak pinak er... ada anak kecil dan seumpamanya dan kalau mereka masuk, kalau ia masuk dalam kawasan kampung sudah pasti bukan sahaja tanaman yang terjejas tapi dibimbangi nyawa pun akan terancam.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara kelima dan terakhir yang saya ingin sentuh pada hari ini ialah berkaitan dengan tunjang kelima Belanjawan 2024 iaitu memperteguh kemakmuran negeri dan rakyat di bawah tajuk menegakkan syiar Islam. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan juga kepada EXCO Agama. Ini bukan bodek ya, YB EXCO, sebab ini ada dalam teks. Sebelum ini tadi pun dah ada dalam teks. Jadi bukan bodek. Bodek tak apa ya.

Jadi alhamdulillah, ya sebanyak RM162.53 juta yang telah diperuntukkan untuk JAIP, untuk Jabatan Kehakiman Syariah, Jabatan Pendakwaan Syariah dan Jabatan Mufti. Jadi ini satu inisiatif yang sangat baik dan saya lihat tadi pembangunan institusi tahfiz dan bantuan kepada sekolah agama rakyat dan sekolah tahfiz persendirian. Ini adalah suatu inisiatif yang sudah pasti kami pihak pembangkang memberikan sokongan 100%.

Tuan Yang di-Pertua,

Ada satu perkara yang saya ingin bangkitkan berkaitan dengan menegakkan syiar Islam ini iaitu dari sudut ekonomi. Kita di Pahang ini mengenali satu institusi perniagaan milik Majlis Ugama Islam iaitu Pasaraya Darul Makmur, yang mana walaupun di bawah MUIP, tetapi dia adalah milik kita ya, untuk mempastikan kita mendapat produk halal dan juga meng*commercialized* produk halal ini supaya lebih meluas. Dan saya dimaklumkan bahawa PDM atau Pasaraya Darul Makmur ini yang telah ditubuhkan pada 2017 dan ada 7 cawangan dan termasuk PDM MART hingga saya rasa 11 cawangan.

Namun demikian, saya dimaklumkan yang pada hari ini hanya tinggal 4 sahaja yang daripada 11 itu, tinggal 4 sahaja dan yang tinggal di Kuantan, Temerloh, Jerantut dan saya juga mendapat makluman bahawa yang di Jengka pun bakal ditutup. Jadi sedangkan ini adalah merupakan syiar kita dan saya memang bila ada PDM ini mudah untuk mendapat produk-produk daripada Muslim dan produk halal ya, produk sahabat-sahabat kita dan juga daripada IKS ya. Tetapi hari ni bila kita pergi sudah tak ada produk-produk ini sukar untuk kita temui. Jadi justeru itu, saya berharap agar pihak kerajaan juga memberikan perhatian agar PDM ini boleh menjadi satu alternatif ya bukan kita boikot tempat lain, tapi ini satu alternatif kepada orang yang ingin mencari yang halal.

Jadi justeru itu, saya ingin bertanyalah, apa perancangan pihak kerajaan untuk memulihkan kembali PDM sebagai satu pasaraya tumpuan umat Islam dan juga kepada rakyat Pahang secara umumnya? Saya rasa itu saja yang ingin saya sampaikan pada petang ini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertua dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di atas Belanjawan yang bertemakan "Pahang Prihatin, Rakyat Makmur". Mudah-mudahan Pahang ini akan menjadi (bacaan dalam Bahasa Arab). Damak mohon menyokong. Assalamualaikum WBT. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil Damak.

Untuk makluman Damak dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti yang mana Dato' Sri Speaker bangkitkan pagi tadi iaitu, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pahang (SKMM) akan menyediakan perkhidmatan kaunter aduan dalam usaha untuk menambahbaik perkhidmatan komunikasi dan internet di seluruh negeri Pahang semasa Sidang Dewan Negeri kali ini. Dan perkhidmatan ini dibuka selama dua hari iaitu pada 5 dan 6 hari bulan Disember bertempat di ruang Lobi Blok A, berhadapan lif Wisma Sri Pahang.

Jadi saya harap er... wakil dari Damak boleh mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan isu yang dinyatakan tadi. Jadi sebelum saya memberi peluang kepada ahli yang mengambil bahagian dalam perbahasan, saya ingin mengucap tahniah kepada Ahli Pelangai kerana dipilih sebagai Ahli Dewan Negeri Pelangai dan kali ini adalah kali pertama Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan dan saya harap Yang Berhormat jangan rasa gementar. Saya menjemput Yang Berhormat Pelangai.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

(Bacaan dalam Bahasa Arab). Bismillahirrahmanirrahim.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin, Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang, Yang Berhormat Dato' Sri ... Dato' ... Yang Berhormat... Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang, Ketua-ketua Jabatan, Negeri dan juga Persekutuan, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan juga Puan-Puan sekalian. Alhamdulillah, marilah kita merafat sembah, merafatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan izinnya kita dapat bersama-sama hadir ke Persidangan Dewan Negeri Pahang pada kali ini.

Patik ingin merafak sembah dan menjunjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah di atas pembukaan Dewan ini.

Saya Yang Berhormat Dato' Amizar bin Abu Adam, Ahli Bongsu Dewan ini yang baharu seikhlasnya menzahir rasa syukur kepada Allah SWT di atas rahmat dan takdir ke atas diri saya sebagai hambaNya. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail selaku Pengerusi Barisan Nasional Negeri Pahang di atas kepercayaan beliau kepada saya dan saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Sri DiRaja Tan Sri Haji Adnan bin Yaakob, mantan Menteri Besar Pahang serta seluruh saf Kemimpinan UMNO Bahagian Bentong di atas kejayaan untuk bersama di dalam Pilihan Raya Kecil Pelangai baru-baru ini.

Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih khususnya kepada pengundi-pengundi di DUN Pelangai yang telah mengundi saya bagi mewakili Pelangai juga kepada parti-parti komponen di dalam Kerajaan Perpaduan. Sudah tentu … sudah tentunya saya menjadikan ini semua sebagai tamsilan hidup dan juga satu obligasi besar, penting dan wajib untuk saya jalankan. Sesungguhnya di saat ini 16,456 pengundi DUN Pelangai adalah menjadi keutamaan saya.
Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Patah tumbuh hilang berganti, menjadi citra penerus legasi, berpandu uslub tersendiri, tidak akan sesekali saya lupakan jasa dan bekas tangan yang telah membentuk saya pada hari ini, iaitu Allahyarham Yang Berhormat Dato' Sri Johari bin Harun mantan EXCO Kerajaan Negeri Pahang Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang ... Negeri Pelangai.

Segala wejangan dan juga bukti dan juga budi beliau senantiasa menjadi ingatan dan juga kenangan saya apaketah... apatah lagi ke badan saya disini untuk meneruskan legasi beliau di DUN Pelangai. Al-Fatihah sekudusnya. (Bacaan Doa)

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Tunduk hormat dan sanjungan tinggi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang di atas Pembentangan Belanjawan Negeri Pahang tahun 2024 yang menggambarkan waksa kecemerlangan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri Pahang dengan mengumumkan kutipan hasil Kerajaan Negeri Pahang selama ini yang telah mencecah 1.164 bilion yang melebihi sasaran iaitu asal jumlahnya RM1.08 bilion.

Di samping itu, dengan kerajaan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang dan juga Kerajaan Negeri Pahang menarik dan juga mencambah nilai pertumbuhan pelaburan sejumlah 16.441 bilion ke Negeri Pahang secara tuntas menzahirkan tunjang pertama belanjawan Negeri Pahang tahun 2024 iaitu Memacu Daya Saing Pertumbuhan Ekonomi. Sejurus nilai-nilai kerajaan, Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang ini, Kerajaan Negeri Pahang terus sedang giat dan juga yakin menyalurkan manfaat kerajaan ini kepada seluruh rakyat bertuah Negeri Pahang Darul Makmur. Saya begitu teruja mendengar pembentangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang mengumumkan peruntukan sebanyak RM301.29 juta bagi memenuhi tunjang kedua belanjawan negeri Pahang, iaitu tahun 2024 iaitu meningkatkan kemudahan asas dan juga infrastruktur.

Saya juga ingin mengzahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang di atas pengumuman berkenaan peruntukan belanjawan kebajikan melalui Program Bantuan Perhatian Pahang berjumlah RM38.80 juta di bawah tunjang kelima Belanjawan Negeri Pahang tahun 2024, iaitu memperteguh kemakmuran negeri dan juga rakyat, yang secara jelas menunjukkan kerajaan Negeri Pahang terus yakin dan juga komited untuk membantu dan juga menjaga kebajikan rakyat Negeri Pahang Darul Makmur.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan juga syabas khusus kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang dan juga Kerajaan Negeri Pahang pada hari ini. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, galibnya jika dahulu DUN Pelangai ini dibina bersama prihatin Pelangai dengan pendekatan “Pelangai Sejahtera Jaya”. Kini saya cuba meneruskan perjalanan DUN Pelangai ini dengan wadah ikhtiar Pelangai dan juga membawa pendekatan kebersamaan, kejayaan dan juga keberkatan. Saya menerapkan pemikiran Pelangai kita kepada setiap penduduk DUN Pelangai. Seniji ini amat perlu ketika Pelangai berada di titik membangun dan juga ingin maju. Saya percaya konsep berkongsi peranan dan tanggungjawab kepada setiap penduduk DUN Pelangai ini akan memangkitkan semangat dan juga swadaya ingin maju serta membangun kepada setiap warganya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Memetik sumber Berita Harian Online bertarikh 18 Mei 2023, projek pembinaan Lingkaran Tengah Utama (LTU) atau *Central Spine Road* dengan izin, bernilai RM1 bilion antara Karak ke Simpang Pelangai bakal dibina selepas reka bentuk laluan jajaran itu siap menjelang bulan Ogos ini. Menurut petikan kata Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Rahman bin Muhammad, Timbalan Menteri Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, JKR kini dalam peringkat menyediakan reka bentuk jajaran laluan berkenaan. Bermula dari Lebuh Raya Pantai Timur 1 LPT 1 ke Simpang Pelangai kira-kira sejauh 30 km. Selepas itu pihak Jabatan Kerja Raya, JKR akan membawa kepada pengetahuan Kerajaan Negeri Pahang untuk dibentangkan dalam Bajet 2024.

Maka itu, saya memohon di dalam sidang Dewan yang mulia ini supaya projek yang paling dinantikan oleh warga Pelangai untuk menjadikan sebenar-benarnya kenyataan. Sesungguhnya hasrat terbesar warga DUN Pelangai ini adalah melihat projek ini menjadi kenyataan setelah diperjuangkan oleh warga tempatan dan kepimpinan begitu lamanya. Saya yakin percaya keseluruhan Ahli Yang Berhormat dan juga seluruh warga-warga yang berada di dalam Sidang Dewan ini yang telah menuju ke Pelangai semasa PRK Pelangai yang lalu, yang telah melihat keindahan Pelangai, betapa indahnya Pelangai di alam fauna pada masa ini.

Saya melihat projek ini mendatangkan pelbagai manfaat besar dari aspek keseluruhan baik kepada warga DUN Pelangai dan orang awam dan juga salah satu yang boleh disentuh adalah manfaat darjah ketersampaian. Setelah lebih daripada 50 tahun jalan lama ini digunakan sebagai penghubung Simpang Pelangai ke Karak maka kondisi dan keselamatannya sudah tidak dapat diyakini dan dijamin lagi. Apatah lagi jaraknya dari Simpang Pelangai ke Karak masih jauh dan menjadi keluhan sepanjang masa warga DUN Pelangai ingin keluar berurusan mahupun mencari rezeki.

Ditambah pula dengan kejadian banjir yang setiap tahun berlaku di Jalan Sungai Perdak, Jalan Sungai Gapoi, Telemong yang sudah tentunya memutuskan hubungan antara DUN Pelangai dan juga kawasan luar. Disamping itu saya memohon agar jalan daripada Pekan Telemong ke SImpang Pelangai dalam warta JKR, jalan 9, dapat dibaik pulih terutamanya laluan rosak akibat banjir dan juga selekoh yang mengakibatkan kemalangan dan ketidakselesaan pengguna jalan raya sementara menunggu Projek Lingkaran Tengah Utama disiapkan serta pemasangan lampu jalan yang perlu untuk keselesaan dan juga keselamatan pengguna.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Isu yang terkini ingin saya bawakan di Dewan yang mulia ini adalah gangguan bekalan elektrik, air dan juga talian telefon. Dan yang telah dibentangkan oleh Yang di-Pertua, bahawasanya pihak SKMM sudah juga hadir, insya-Allah pihak saya yang akan bertemu dengan pihak yang seterusnya. Namun saya ingin menitikberatkan iaitu gangguan bekalan elektrik dan juga air yang acap kali berlaku di DUN Pelangai ini. Hal ini juga menyangkat hati dan juga emosi serta menganggu urusan harian di seluruh warga Pelangai.

Saya ingin menarik perhatian warga Dewan yang mulia ini, melalui laporan dan juga aduan penduduk Simpang Pelangai hampir 10 kali terjadinya gangguan bekalan elektrik dan juga air sepanjang minggu lepas sahaja, 10 kali, 10 kali untuk minggu lepas sahaja. Saya mengambil maklum dan juga memuji juga langkah perlu dan juga tindak patut yang dijalankan oleh pihak TNB, Tenaga Nasional Berhad dan juga Pengurusan Air Pahang PAIP yang tidak invansif berkenaan ini. Sebaliknya, kerap turun padang memantau dan mengambil tindakan ke atas setiap aduan yang dibuat oleh warga DUN Pelangai.
Saya juga terima kasih kepada Yang Berhormat SUK kerana membantu baru-baru ini telah menyelesaikan satu isu yang paling besar, kolam ataupun tangki yang diletakkan di Simpang Pelangai telah disambung semula paip tersebut yang boleh diguna pakai oleh orang Simpang Pelangai dan Alhamdulillah mereka kirim salam kepada Yang Berhormat SUK untuk cari lagi lah inisiatif terbaik untuk Pelangai selesaikan kepada isu air ini, insya-Allah.

Namun pada hari ini saya ingin mengambil peluang di ruang hujah ini untuk mengadvokasikan isu ini kepada pihak yang diberi tanggungjawabkan. Masalah paip bawah tanah yang bocor terlalu kerap berlaku di DUN Pelangai. Setiap kali berlaku langkah penyelesaian jangka pendek dibuat dengan membaiki paip bocor tersebut. Kemudiannya selang beberapa hari kejadian yang sama juga yang berlaku. Ironinya, masalah kebocoran paip ini berlaku di tempat yang sama dan mengikut jawapan daripada pihak PAIP bahawa bahan-bahan paip yang digunakan sudah melebihi daripada 20 tahun iaitu jenis AC dengan izin, *asbestos cement*. Maka itu, saya mencadangkan agar pihak yang berwajib seperti Pengurusan Air Pahang, PAIP menilai semula tahap kualiti sistem paip yang sedia ada dan jika wajar untuk digantikan dengan yang baharu dan juga kualiti dan teknologi yang terkini. Pada hemat saya ianya wajib diambil kira demi kemasahatan penduduk di DUN Pelangai.

Begitu juga dengan bekalan elektrik yang acap kali terputus, terutama di beberapa perkampungan tradisional di Pelangai yang mengakibatkan bekalan elektrik terputus yang mana pernah berlaku sehingga 4 ke hingga 6 jam yang boleh menganggu kehidupan seharian serta penutupan beberapa permis perniagaan dan agensi serta tempat beribadah. Maka itu, saya berharap satu diagnosis yang membawa kepada satu keputusan yang mampan, mesti dibuat oleh pihak Pengurusan Air Pahang dan juga Tenaga Nasional

Berhad agar masalah ini dapat disesaikan walaupun bukan secara drastik, namun beransur dan juga progresif.

Talian telefon dan juga internat yang sentiasa terputus juga menganggu kehidupan seharian penduduk Pelangai. Antara yang sering terjejas adalah daripada FELDA Chemomoi. FELDA Chemomoi tempat saya duduk, tempat saya tinggal. Ada orang aduan tidak dapat saya layani disebabkan talian internet yang tidak ada. Kalau hujan yang terlalu lebat pun, akan mengakibatkan talian internet yang terputus. Ini dapat kita perhatikan iaitu perkara ini dapat boleh mengakibatkan sektor ekonomi, perubatan, perkhidmatan, pendidikan akan terjejas serta menyangkal dan juga menganggu urusan seharian penduduk Pelangai.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,
Kejadian banjir kilat dan juga kawasan yang selalu dinaiki air antaranya di Kampung Semerting, Kampung Mancis, Pekan Telemong, Kampung Hayat, Kampung Agropolitan dan juga FELDA Sungai Kemahal adalah kawasan yang sering dinaiki air yang mana perlu satu kajian dan pelaksanaan secara holistik perlu disegerakan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mengambil peluang yang bermakna ini ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang yang memimpin Kerajaan Negeri Pahang ini yang mana telah mengisytiharkan 18 kawasan di dalam Wilayah FELDA sebagai Skim Tanah Rakyat, SDR untuk generasi baru FELDA di Negeri Pahang. Apatah lagi saya bersyukur Wilayah Mempaga juga termasuk di dalam skim berkenaan. Sesungguhnya langkah yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang dan juga Kerajaan Negeri Pahang ini boleh dilihat secara eksplisit iaitu membolehkan generasi baru FELDA berpeluang untuk membina rumah mereka di atas tanah yang akan diberi hak milik oleh Kerajaan Negeri Pahang dan juga dengan infrastruktur. Maka itu, saya memohon dan amat berharap kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar yang sangat saya hormati, kasihi agar tiga buah FELDA yang terdapat di DUN Pelangai seperti FELDA Kemansul, FELDA Chemomoi dan juga FELDA Sungai Kemahal juga termasuk di dalam Skim Tanah Rakyat untuk generasi FELDA di negeri Pahang

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Ianya perlu diselaraskan ke semua FELDA agar satu garis panduan yang lebih baik dapat diadaptasikan kepada semua Rancangan FELDA yang terlibat antaranya iaitu isu GSA, pinjaman dan juga infrastruktur.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Akhir kalam dari saya, saya menyusun jari sepuluh juga memohon ampun dan juga maaf kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri Pahang dan seluruh warga Dewan, jika ucapan dan juga hujahan kali pertama saya di Dewan mulia ini, Dewan mulia ini terdapat khilaf, kekhilafan, kekurangan dan juga kelemahan. Maklumlah anak bongsu yang baru ada

pertama kali di dalam Dewan. Saya berjanji akan terus setia teguh dan berdiri teguh dan juga siap sedia menabur bakti di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang dan juga Pahang demi untuk masyarakat terutama di DUN Pelangai.

Akhir kalam,

Beras segantang sudah disukat,
Langsung dibawa ke Bukit Cahaya,
Kerajaan Pahang, kerajaan hebat,
Maju terus Pahang ke puncak jaya.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil daripada kawasan Pelangai. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk hari ini saya perhatikan bahawa seramai 10 orang ahli telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai tanda ukhuwah, agenda kita pada malam ini ialah Sukan Mesra ADUN, sukan boling yang akan diadakan pada pukul 8.00 malam bertempat di Premium Lanes, Kuantan Plaza. T-shirt sukan telah diedarkan oleh pihak Dewan Negeri dan diharapkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat mengenakan t-shirt tersebut. Baiklah, persidangan kita akan disambung pada hari esok, Selasa, 5 hari bulan Disember 2023 bermula pukul 9.30 pagi. Insya-Allah. Sekian, terima kasih.

[Persidangan ditempohkan pada jam 5.27 petang]

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-15

HARI KEDUA
05 DISEMBER 2023
(SELASA)

KANDUNGAN

TARIKH: 05 DISEMBER 2023 (SELASA)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1
4	PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) 2023; DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2024	24

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Tarikh : 05 Disember 2023 (Selasa)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan
EXCO Kerajaan Tempatan

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim. - **Muadzam Shah**
EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan.

Yang Berhormat Dato' Sabariah binti Saidan, - **Guai**
DIMP., SMP.
EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga

Yang Berhormat Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, - **Dong**
DSM., AMP.
EXCO Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan

Yang Berhormat Tuan Sim Chon Siang - **Teruntum**
EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia

Yang Berhormat Cik Leong Yu Man **EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan**	-	**Triang**
Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Bilut**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sharim bin Haji Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai,	-	**Sabai**
Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP.	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang	-	**Semambu**
Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**

Yang Berhormat Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	**Lepar**
Yang Berhormat Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Tuan Hasan bin Omar	-	**Lanchang**
Yang Berhormat Tuan Hassanuddin bin Salim	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Tuan Nazri bin Ahmad	-	**Bukit Ibam**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Zulkifli bin Haji Yaacob,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato’ Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato’ Sri Haji Ir. Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP. **EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan**	-	**Benta**
Yang Berhormat Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. **EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi** **EXCO Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau**	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong	-	**Ketari**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

Encik Muhamad Anuarudin bin Mohd Yusoff@Ahmat, AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Selasa, 05 Disember 2023
bersamaan 21 Jamadilawal 1445 Hijriah

DOA

Perkara Pertama: Doa.

SETIAUSAHA DEWAN

Bacaan doa. Al-Fatihah [bacaan ayat Al-Quran]. Bismillahirrahmanirrahim [Bacaan ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Dewan, dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkatMu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan TaufikMu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bersyukur kita kerana dapat meneruskan persidangan pada hari ini. Baiklah, Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kemayan mengemukakan pertanyaan.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor 1.

[Jumlah rumah RRP yang telah dibina dan apakah perancangan seterusnya Kerajaan Negeri dalam membina rumah bagi rakyat yang tidak mampu memiliki rumah ini?]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih. Yang Berhormat daripada Kemayan yang bertanyakan soalan berkenaan dengan Rumah Rakyat Pahang dan apakah perancangan seterusnya Kerajaan Negeri dalam membina rumah bagi rakyat yang tidak mampu memiliki rumah ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin memaklumkan di Dewan yang Mulia ini bahawa rumah adalah satu keperluan asas bagi setiap insan dan ketika saya menjadi EXCO Perumahan, saya melihat data-data yang ada di Pejabat SUK yang berdaftar untuk memiliki rumah ini begitu ramai dan ramai yang ingin membeli tetapi tidak berupaya untuk membeli kerana masalah pinjaman dengan bank, masalah tidak ada *payslip* dan sebagainya.

Ekoran daripada itulah, takdir Allahnya, apabila saya menjadi Menteri Besar dan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri semakin bertambah, saya telah memperkenalkan Rumah Rakyat Pahang di mana ketika itu bermula pada tahun 2020 kerana pada tahun 2018, 2019 kedudukan kewangan kita tidak begitu mengizinkan. Sehingga sekarang, ada 4 fasa dan bermula dengan RM65,000.00, sebuah rumah akhirnya kita naikkan kepada RM75,000.00 disebabkan kenaikan bahan-bahan untuk membina rumah.

Pada peringkat awalnya, setiap ADUN hanya boleh… hanya dibenarkan mendapat sebuah rumah sahaja. Daripada 42 ADUN, sebuah rumah, Ahli Parlimen pun satu dan akhirnya kita tingkatkan sehinggalah sekarang ni setiap ADUN diberi 8 buah rumah yang mana Pengerusi untuk pembinaan rumah ni adalah Yang Berbahagia Pegawai Daerah dan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan nama mereka yang layak untuk mendapat rumah ni dan rumah ni kita beri secara percuma dan kita akan tingkatkan dan walaupun ianya agak *costly* tetapi kita tidak ada pilihan dan Kerajaan Negeri insya-Allah, akan memikirkan kiranya boleh ditingkatkan lagi untuk masa yang akan datang.

Sehingga hari ini, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat daripada Kemayan, Kerajaan Negeri telah membina sebanyak 1,029 unit Rumah Rakyat Pahang [Ahli Dewan menepuk meja] secara percuma dengan melibatkan kos hampir RM75 juta dan rumah ini contohnya kalau pada tahun depan, kita bagi 8 unit. Tahun ini pun 8 unit. Tetapi kalau sekiranya di setiap ADUN tersebut masih belum siap, katalah di Jelai kawasan saya, kita bagi 8 unit. Tetapi untuk tahun depan sekiranya 8 unit yang pada tahun ini tidak dapat disiapkan, kita tidak akan benarkan 8 unit berikutnya dibina kerana kita tidak mahu ada *backlog* dan sebagainya dan ini merugikan pihak Kerajaan.

Dan insya-Allah sambutan yang begitu baik dan selebihnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, apabila saya pergi merasmikan rumah ni, kita dapati ada rumah tersebut kosong, makna tuan rumah masuk, mereka yang masuk ini adalah mereka yang tidak berkemampuan, miskin tegar, kosong dan Kerajaan Negeri memikirkan untuk memberikan RM2,000.00 secara tunai untuk membeli peralatan perabot kepada mereka [Ahli Dewan

menepuk meja] dan inilah prihatinnya Kerajaan Negeri Pahang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Insya-Allah, setakat ini semuanya berjalan dengan elok, rumah pun dijaga dengan elok dan mereka yang menerima rumah ini sangat berterima kasih kepada Kerajaan yang ada pada hari ini. Ini *feedback* yang saya dapat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Soalan tambahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya beri peluang kepada Kemayan dulu.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Er… Yang Berhormat Dato Sri, er… soalan saya, adakah ada perancangan untuk er… mungkin tadi Dato' Sri dah ulas untuk penambahan, tapi dari segi jumlah barangan di dalam rumah yang sekarang diberikan bernilai RM2,000.00. Adakah di masa akan datang ada perancangan untuk menambah jumlah barangan di dalam rumah?

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Kemayan yang begitu prihatin. Er… setakat ini RM2,000.00 kita dapati mencukupi dan mereka er… terpulang kepada mereka sebabnya bukan semua yang pindah tu tidak ada barang langsung, ada yang dah ada katil, ada tilam tetapi tidak ada peti ais ataupun peti aisnya dah rosak dan sebagainya. Setakat ini belum ada permintaan yang khusus daripada mereka yang menerima rumah ni tetapi Kerajaan akan sentiasa memikirkan kiranya ada keperluan, insya-Allah kita akan tambah peruntukan untuk er… daripada RM2,000.00 mungkin kepada RM1,000.00… mungkin kepada RM3,000.00 ataupun kepada RM4,000.00. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya beri laluan kepada er… Cheka.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Terima kasih Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ucap tahniahlah di atas usaha yang murni ini, semoga dipermudahkan Allah pada masa hadapan.

Soalan saya dua. Yang pertama sekali tentang berapakah jumlah permohonan sehingga setakat ini dan er… jumlah rakyat Pahang yang memang tak didaftarkan… daftar jumlah rakyat Pahang yang memang tak ada langsung rumah yang boleh dipertimbangkan dengan unjuran tahunan? Er… sehingga setakat ini difahamkan 8 buah rumah 1 DUN tapi unjuran untuk masa dalam 10 tahun 20 tahun sekiranya pihak Kerajaan Negeri ada? Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Cheka. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kita di Pahang ni, kita bukan hanya bergantung kepada Rumah Rakyat Pahang. Kita bermula dengan rumah PR1MA Pahang yang bernilai harganya RM150,000.00, 10% diskaun untuk penjawat awam. Apabila kita buat Rumah Rakyat Pahang, kita dapati masih ada yang belum mampu. Jadi kita pergi kepada Rumah Makmur yang bernilai RM80,000.00, yang ni untuk RM5,000.00 ke bawah pendapatan dan bila kita pergi ke Rumah Makmur, kita dapati masih ada yang belum mampu, dan itulah timbulnya Rumah Rakyat Pahang.

Bagi di Pahang ni, yang tidak ada, yang melarat, tidak ada rumah, tidur di bawah pokok, tak ada, yang ada menumpang, dia menumpang dengan ibu bapa dia, dengan adik beradik dia dan sebagainya dan keutamaan adalah kepada mereka yang benar-benar memerlukan rumah dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah supaya mereka ini yang terpilih, yang patut dapat… dapat dan kita tidak mahu yang tak patut dapat… dapat. Dan setakat hari ini, alhamdulillah, saya ucapkan syabas, tahniah kepada semua Pegawai Daerah kerana telah memilih mereka yang… yang untuk mendapat Rumah Rakyat Pahang ni dengan sewajarnya [Ahli Dewan menepuk meja]. Tidak ada komplen. Tidak ada komplen kepada saya, sepatutnya saya dapat sebab saya miskin, duduk dengan ipar ramai, anak ramai, tapi tak ada.

Cuma yang ada sekarang ini, mereka kata mereka belum dapat lagi. Saya kata sabar sebab projek ni akan berterusan. Kalau sekiranya Kerajaan yang ada pada hari ini, kestabilan politiknya ada, perpaduan antara kaumnya kukuh, tidak mustahil satu masa nanti hasil boleh tingkat sampai RM1.5 bilion, RM2 bilion, kita tambah daripada 8 ni kepada yang lebih banyak lagi. Dan ramai lagi yang boleh kita selesaikan untuk mendapatkan rumah ni, Tuan Yang di-Pertua. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang di-Pertua…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Soalan tambahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, Yang Amat Berhormat. Er… saya rasa cukuplah.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Soalan penting juga ni Tuan Yang di-Pertua kerana melibatkan perumahan ini mungkin ramai yang nak tahu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Bagilah, jadi saya jemput er… Tioman.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri dalam usaha untuk memberi kediaman yang selesa dan difahamkan kos lebih kurang RM75,000.00 sebuah. Jadi dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan beberapa permohonan yang melibatkan kawasan yang ekstrem. Di mana kawasan ekstrem ini biasanya kalau RM75,000.00 sebuah, ia akan meningkat kepada RM150,000.00. Sebagai contoh, kawasan di Hulu Tembeling, Cameron Highlands dan juga Pulau Tioman antara lokasi-lokasi yang dikenal pasti ataupun memang tempat ini *extreme cost* ataupun *double cost,* dengan izin.

Jadi saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri adakah Kerajaan Negeri bercadang akan memberi kelulusan permohonan yang dimohon daripada kawasan-kawasan tersebut? Sebagaimana telah diluluskan suatu ketika dahulu di Pulau Tioman yang mana kosnya RM150,000.00. Jadi adakah akan diteruskan di kawasan-kawasan *extreme cost* ini jika ada permohonan? Sekian, terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih kepada sahabat saya daripada Tioman. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri ini sangat prihatin. Oleh sebab itu kalau sekiranya ada apa-apa pertambahan kos dan sebagainya kita akan pertimbangkan dan kita amat sedar bahawa Cameron Highlands, Tioman, Hulu Tembeling dan sebagainya kosnya adalah kos pengangkutan dan oleh sebab itu pembinaan rumah itu lebih daripada sewajar… daripada sepatutnya dan ini pun telah dilaksanakan di dalam rumah PPRT. Di mana harganya pun ditingkatkan kerana kawasannya yang agak jauh. Jadi yang ini kita pertimbangkan *case by case* dan sekiranya ada kewajaran, Kerajaan Negeri tidak ada masalah untuk menambahkan kos. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Minta laluan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Baiklah, saya rasa…

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Saya tiga kali bangun dah, tak dapat.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kerana kita lihat…

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Tioman bangun dapat terus.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

…tiga… tiga…

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Sikit, sikit je.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tiga soalan.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Sikit je.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, sila.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih YB Yang di-Pertua ya. Pertama saya ucap tahniahlah kepada Kerajaan Pahang kerana berjaya buat rumah *free,* 1,029 buah. Saya ingat waktu mula-mula Penggal 14 dulu, masa itu kita kahwin. Saya antara yang dia panggil, nama itu diberi kepada YB setempat untuk memilih nama yang telah dipilih oleh Kerajaan Negeri. Jadi kita pilih. Lepas tu mungkin kita dah bercerai, cerai kali pertamalah. Bukan kali ketiga ya. Jadi bermula daripada 2 buah kepada 3 buah sekarang 8 buah.

Jadi apa kata tahun 2024 ini setiap kali penyerahan tu jemput pun, tak pe dah. Jadi saya sebagai… kami sebagai Wakil Rakyat dapat bersama dalam majlis penyerahan tersebut. Apatah lagi, saya ini pula di belakang rumah saya. Tanah lapan ekar itu rumah RRP tu belakang rumah saya. Nangis saya nengok orang, tak dijemput pergi. Jadi kot 2024 ni Yang Berhormat EXCO Kerdau boleh panggil, saya hadirlah, insya-Allah. Sekian.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Tuan Yang di-Pertua,

Kalau rumah RRP tu belakang rumah, tak payah jemput, YB pergi je lah. [Ketawa]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya jemput kenduri pun dia tak datang baru ni. [Ahli Dewan ketawa]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey, terima kasih. Baiklah. Jika ada berpeluang, ada masa, saya jemputlah apa tu Wakil dari Jengka menghadirilah program Kerajaan Negeri. Saya rasa Yang Amat Berhormat mengalu-alukan kedatangan semua. Seterusnya, saya menjemput Wakil dari Chini.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan pertanyaan yang kedua.

> [Bagaimanakah usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan sosioekonomi masyarakat kampung tradisional?]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada sahabat saya daripada Chini yang bertanya tentang bagaimanakah kerajaan meningkatkan sosioekonomi masyarakat kampung tradisional? Saya… soalan ini sangat baik kerana sememangnya di antara agenda utama kerajaan daripada dahulu lagi. Semenjak mula merdeka berusaha untuk membantu masyarakat luar bandar dengan sebaik-baiknya. Sebab itulah kita tengok hari ini, ramai di dalam Dewan ini adalah anak-anak luar bandar yang hasil daripada acuan yang telah dibuat oleh FELDA, oleh FELCRA, oleh MARA dan pelbagai agensi luar bandar yang telah diwujudkan oleh kerajaan pada ketika itu. Hal ini tidak terhenti begitu saja sehinggalah sampai ke hari ini agensi-agensi berkenaan terus digerakkan supaya masyarakat luar bandar dapat dibangunkan dengan sebaik-baiknya.

Banyak sangat maklumat kalau saya nak bacakan kepada Dewan yang Mulia ini tentang pembangunan masyarakat luar bandar. Di antara perkara yang dibuat oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, diperkenalkan satu program yang dinamakan Desa Lestari. Desa Lestari ini, kampung-kampung itu yang berpotensi dipilih oleh Kementerian melalui Kerajaan Negeri dan agensinya seperti PKPP dan lain-lain untuk dimajukan kampung berkenaan yang mempunyai potensi. Sebanyak… yang terbaru ni sebanyak dua kampung yang terpilih.

Sebelum ini kita dah ada Kampung Kuala Medang, Kampung Seri Makmur, Kampung Mercong, Kampung Peruas, Kampung Relong, Kampung Charuk Puting, Kampung Seberang Guai, Kampung Sungai Pasu, Kampung Pantai Bernas, Kampung Hulu Cheka dan yang terbaru ini, insya-Allah kalau di Chini itu, kita ada Kampung PPSK Salong. Insya-Allah ada usahawan di kampung berkenaan telah dicadangkan untuk dimajukan usaha kerja mereka supaya dapat lebih berkembang sosioekonomi mereka di kawasan berkenaan.

Begitu juga KKW memperkenalkan program yang dinamakan Program Pemajuan Kawasan (PPK). PPK ini dia akan membangunkan kampung-kampung berkenaan untuk kemudahan asas dan sebagainya bagi membangunkan penempatan baru dan menyediakan kemudahan infra kepada penempatan sedia ada. Program ini bertujuan membantu meningkatkan kesejahteraan sosiopenduduk. Seumpama kata di Kampung PPK Paya Laman, Temerloh, PPK Kampung Kawah, Kuantan, PPK Kampung Bangkung, Pekan, PPK Kampung Siam, Jerantut dan juga Kampung Pantos, Lipis.

KKDW juga dengan kerjasama Kerajaan Negeri mengenal pasti kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai potensi untuk menyalurkan peruntukan kepada agensi. Bagi pelaksanaan untuk membangunkan infra awam, projek perumahan dan pembangunan projek ekonomi di kawasan PROSPEK. Projek PROSPEK di Pahang adalah PROSPEK Raub dengan PKPP sebagai pelaksana dan mengangkat durian Musang King sebagai produk untuk dibangunkan dan diperkembangkan bagi meningkatkan sosioekonomi.

Begitu juga kalau kita tengok apa yang dilaksanakan oleh MARA. MARA, pelaksanaan Program Keusahawanan yang dilaksanakan di peringkat Pejabat MARA Negeri dan Pejabat MARA Daerah. Terdapat 11 Pejabat MARA Daerah di seluruh negeri Pahang. Selain daripada Pejabat MARA Daerah, MARA sebagai agensi pelaksana melalui peruntukan KKDW melaksanakan dengan memantau aktiviti 20 Pusat Komuniti Desa (PKD) di seluruh negeri Pahang.

Peruntukan yang disalurkan untuk melaksanakan program dengan kluster latihan kemahiran, ICT, keusahawanan, Pusat Aktiviti Wanita, perkhidmatan setempat, kesukarelawan dan pengumpulan produk. Produk yang dilaksanakan adalah untuk meningkatkan sosioekonomi kampung tradisional dan meningkatkan pendapatan peserta. Berikut adalah senarai PKD dan pecahan peruntukan sebanyak RM300,000.00 yang disalurkan kepada negeri Pahang bermula daripada Kampung Kuala Pahang, Pekan, Kampung Pamah Kulat, Raub, Sungai Panching Utara, Kuantan, Shafie, Bentong, Kampung Baru Salong, Pekan, Kampung Sri Makmur, Pekan, Ubai, Pekan, Kuala Mai, Temerloh, Paya Luas, Temerloh, Kerdau, Temerloh, Sanggang, Temerloh, Bolok Hilir, Temerloh, Tanjung Besar, Temerloh, Janglau, Rompin, Paya Serai, Bera, Tembangau, Bera, Ulu Cheka, Jerantut, Kuala Medang, Lipis, Sungai Temau, Lipis, Jerkoh Melayu, Lipis.

RISDA pula melaksanakan program bagi meningkatkan sosioekonomi kepada pekebun-pekebun kecil selaras dengan objektif pekebun kecil memperoleh purata pendapatan kolektif RM4,500.00 sebulan sekeluarga pada akhir tahun 2025. Berikut adalah program yang dilaksanakan oleh RISDA melibatkan masyarakat menjadi… yang pertama menjadikan sebuah transformasi pemindahan teknologi yang mengamalkan semua teknologi-teknologi yang bersesuaian dengan lima Amalan Pertanian Baik (GAP). Yang pertama, penanaman dan penyelenggaraan. Yang kedua, pembajaan. Yang ketiga, rangsangan. Yang keempat, penorehan dan penuaian. Yang kelima, strategi pemasaran hasil.

Keduanya, RISDA melakukan… melaksanakan program Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK). Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) bertujuan melatih dan membimbing wanita pekebun kecil dalam membentukkan keluarga pekebun kecil yang sejahtera melalui aktiviti pendidikan, khidmat masyarakat, keagamaan, ekonomi, keusahawanan, sukan, kebudayaan dan pelaksanaan. Pelaksanaan aktiviti PWPK adalah

menggalakkan penglibatan pekebun kecil wanita dan ahli isi rumah wanita dan aktiviti RISDA. Peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak RM435,000.00 untuk daerah Jerantut, Temerloh, Kuantan, Bera, Maran, Raub, Bentong dan Lipis.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

RISDA juga menyediakan tuisyen rakyat. Pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat bertujuan memberi pendidikan tambahan secara percuma kepada anak-anak pekebun kecil di kawasan luar bandar dan sekali gus mengurangkan beban ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke kelas tuisyen. Sedemikiannya prestasi pelajar luar bandar dapat ditingkatkan supaya terus dapat bersaing dengan pelajar di kawasan bandar. Kelas tuisyen rakyat memberi tumpuan dan keutamaan kepada 5 mata pelajaran teras iaitu Matematik Moden, Matematik Tambahan, Sains, Sains Tulen, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sejarah. Peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak RM378,750.00.

Begitu juga FELCRA Berhad di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah sentiasa merancang dan memberikan galakan melalui pelbagai inisiatif dan bantuan untuk meningkatkan lagi keupayaan sosioekonomi masyarakat kampung khususnya bagi peserta-peserta di bawah FELCRA Berhad… di bawah FELCRA Berhad. FELCRA Berhad Wilayah Pahang mempunyai sebanyak 25 koperasi peserta FELCRA Berhad yang menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi dan kerja-kerja di bawah FELCRA Berhad. Koperasi peserta FELCRA Berhad Pahang dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah berkembang dan mampu memberi pulangan sedikit sebanyak membantu menyediakan peluang pekerjaan yang meningkatkan sosioekonomi masyarakat kampung tradisional.

Di samping itu, Pertubuhan Wanita Dinamis FELCRA (WADIRA) yang dianggotai oleh kaum wanita, sama ada pasangan mahupun anak-anak peserta sentiasa diberi galakan untuk menjalankan aktiviti ekonomi seperti *catering* atau produk kraftangan. Sebagai contoh, WADIRA di PPSK Salong menjalankan aktiviti ekonomi seperti menghasilkan madu kelulut, menerima tempahan *catering*, jualan produk, Tenun Pahang dan lain-lain. FELCRA Berhad telah menyalurkan peruntukan untuk membantu WADIRA dari segi peralatan, pembaikan, infrastruktur dan kemudahan lain. Begitulah usaha Kerajaan Negeri membantu masyarakat luar bandar, kalau saya nak baca, tak dan pula orang lain menjawab kang.

Jadi saya rasa sekadar itu, Yang di-Pertua, saya harap dapat memenuhi apa yang dimaksudkan oleh sahabat saya daripada Chini sebentar tadi tentang pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Terima kasih, YB Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, seterusnya saya menjemput wakil dari Bukit Ibam.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 3.

> [Bilakah kerajaan akan memulakan pembinaan jambatan Selancar bagi menggantikan jambatan *bailey* yang ada sekarang?]

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Bismilahirahmanirahim. Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada Ibam yang telah mengemukakan soalan nombor 4. Untuk makluman sidang Dewan, pembentung di jalan FT2490, iaitu jalan masuk ke Perwira Jaya dan Selancar, Rompin, telah runtuh dan roboh semasa banjir Monsun Timur Laut pada 1 haribulan Mac 2023. Dan kerja-kerja pemasangan jambatan *bailey bridge* telah bermula pada 3 haribulan Mac 2023 oleh pihak JKR dengan kerjasama pihak ATM. Saya ingin mengambil kesempatan Dewan pada hari ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi kerana telah turun ke lapangan dengan segera dan terus memastikan bahawa jambatan *bailey bridge* itu telah dapat dilaksanakan dan juga telah siap dipasang pada 7 haribulan Mac 2023.

Bagi… untuk makluman ADUN Ibam er… bagi projek penggantian pembentung ini peruntukannya telah diluluskan oleh Kementerian Ekonomi kepada Kementerian Kerja Raya di bawah program gantian jambatan. Dalam *Rolling Plan* Ke-4, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP4, RMKe-12) dan projek ini akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia bermula pada tahun 2024 dengan proses pelantikan kerja ukur dan penyiasatan tanah terlebih dahulu bagi penyediaan reka bentuk sebelum proses tender dan pembinaan dilaksanakan kelak. Sekian, terima kasih.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bebar, cuma struktur jambatan *bailey* ini sekarang ni agak mendap oleh kerana laluan kenderaan yang berat jadi agak membahayakanlah kepada pengguna jalan raya, bagi makluman kepada pihak EXCO la. Terima kasih.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih ADUN Ibam. Yang pertamanya pihak kita mengambil maklum… pihak JKR mengambil maklum perkara ini dan sentiasa… pemantauan sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa dan juga kita akan cuba sedaya upaya untuk memulakan kerja ini dengan seberapa segera bagi mengganti dan membaik pulih jambatan *bailey bridge* yang sedia ada.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima Kasih. Seterusnya saya ingin menjemput wakil dari Jenderak.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih, Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan saya nombor 4.

> [Skim Pembiayaan Usahawan Negeri Pahang (i-PUSH) telah memberi impak yang besar kepada usahawan di negeri Pahang terutamanya dalam usaha mereka untuk membina perniagaan.
>
> Adakah pelaksanaan Skim Pembiayaan Usahawan Negeri Pahang (i-PUSH) akan diteruskan pada tahun hadapan?]

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih kepada Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada sahabat saya daripada Jenderak yang bertanyakan berkenaan dengan Skim Pembiayaan Usahawan Negeri Pahang ataupun i-PUSH, adakah ianya akan diteruskan pada tahun hadapan?

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang sememangnya prihatin dan amat komited dalam membantu para usahawan di negeri Pahang dari sudut pelbagai aspek sama ada dari segi kewangan mahupun pembangunan fizikal.

Oleh itu, pembiayaan Skim Kewangan Usahawan Mikro Negeri Pahang, skim i-PUSH yang mana telah dimanfaatkan hampir 2,500 penerima yang melibatkan peruntukan RM24.15 juta meliputi fasa pertama dan kedua yang telah bermula sejak tahun 2022 dan juga tahun ini. Alhamdulillah, dalam belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari semalam, telah dimaklumkan bahawa Skim Pembiayaan Kewangan Usaha Mikro Negeri Pahang (i-PUSH) akan diteruskan pada tahun hadapan dan dengan peruntukan berjumlah RM5 juta. Sekian, terima kasih.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ MD ZAIN

Soalan tambahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ MD ZAIN

Soalan saya, untuk i-PUSH ini bila untuk tahun hadapan… bila dibuka dari segi untuk er… apa permohonan pada semua?

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih er... Yang Berhormat Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Chini yang bertanya soalan tambahan. Insya-Allah untuk tahun hadapan, pendaftaran… ataupun untuk daftar akan dibuka seawal tahun depan, insya-Allah ya mungkin dalam bulan Januari, sebab benda ni dah diluluskan, insya-Allah dia akan dibuat lebih awal jadi kepada pemohon boleh memohon melalui portal rasmi Kerajaan Negeri er... di pautan *smu.pahang.gov.my.*

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Seterusnya saya menjemput wakil dari Mentakab.

YB TUAN WOO CHEE WAN

Yang berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 5.

[Prestasi pelaburan Malaysia dalam tempoh Januari hingga Jun 2023 sangat memberangsangkan iaitu sejumlah RM132.6 bilion pelaburan telah diluluskan.

a) Berapakah jumlah pelaburan yang negeri Pahang dapat dalam tempoh tersebut?

b) Apakah kekuatan dan kekangan kita dalam menarik pelaburan?

c) Apakah langkah atau tindakan yang diambil untuk mempertingkatkan prestasi kita dalam daya saing menarik pelaburan di negeri Pahang?]

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Mentakab. Jadi saya mengambil bahagian untuk jawab bagi pihak rakan saya. Pertamanya, jumlah pelaburan yang masuk ke dalam negeri Pahang sehingga Jun 2023 berbanding dengan pelaburan yang masuk ke dalam seluruh negara pada tahun 2023 sebanyak… Jun 2023 iaitu RM132 bilion. Jumlah kemasukan pelaburan ke negeri Pahang sehingga Jun 2023 adalah sebanyak RM10.415 bilion dan untuk pengetahuan Ahli Sidang Dewan juga sehingga Disember 2023 sebanyak RM16.4 bilion pelaburan telah masuk ke negeri Pahang. Dan di antara kekuatan kita, iaitu Kerajaan Negeri Pahang yang kita adakan pada hari ini adalah dengan mengaplikasikan strategi pelaburan yang berasaskan lokasi iaitu *location centric approach* dengan izin, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Di mana lokasi projek ditentukan mengikut *zoning,* sektor kluster industri di kawasan-kawasan contohnya seperti kawasan berikut. Seksyen 1 Gebeng: Pelabuhan Kuantan dan khas untuk *Petrochemical Industrial Park* dan Seksyen 2 Gebeng: bagi industri berat dan medium, Seksyen 3 Gebeng: hub industri perkayuan dan hub industri digital dan teknologi, Seksyen 4 Gebeng: Lapangan Terbang Antarabahasa Kuantan dan Bandar Aeroangkasa, kawasan industri Tanjung Agas iaitu industri Maritim perkilangan dan pembuatan, hub Martitim Gebeng, industri perkapalan, kawasan komersial serta *oil and gas* dan kawasan perindustrian Kechau Tui, Lipis iaitu kawasan berasaskan industri pertahanan.

Dan di antara tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan lagi prestasi kita dalam daya saing menarik pelaburan di negeri Pahang, Kerajaan Negeri sedang memberi fokus utama kepada usaha dan pelan tindakan ke arah penambahbaikan infrastruktur untuk menyokong inisiatif menarik lebih banyak pelaburan ke pantai timur semenanjung khususnya ke negeri Pahang melalui kerja-kerja menaik taraf Pelabuhan Kuantan yang telah dimaklumkan sebanyak RM2.3 bilion akan dilaburkan oleh kerajaan oleh pelabuhan dan juga ECRDC.

Dan juga memastikan pembinaan *East Coast Rail Link* (ECRL), dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua, disiapkan dengan segera supaya seiring dengan Pelan Pembangunan Daerah Kecil Gebeng yang dijangka mampu untuk menjadi hub logistik nasional menjelang 2027 nanti. Selain itu, pelaksanaan projek pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuantan perlu kita realisasikan dengan segera bagi menaik taraf jaringan pengangkutan dan peningkat nilai tambah negeri Pahang sebagai gerbang pelaburan pantai timur ke Asia Tenggara.

Dan di antara lain juga, pembangunan untuk menarik lebih banyak pelaburan atau mempertingkatkan lagi prestasi negeri Pahang dalam daya saing yang menarik adalah dengan wujudkan Bahagian Pelaburan dan Penswastaan (BPP) yang bertindak sebagai *one-stop agency* bagi memudah cara urusan pelaburan bersama-sama dengan syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan atau *Government Link Company,* dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua serta agensi-agensi teknikal di peringkat negeri dan persekutuan terutamanya Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) khususnya berkaitan tawaran insentif kepada projek-projek pelaburan yang berimpak tinggi.

Dan juga mewujudkan pembangunan dan tayangan video korporat negeri Pahang melalui sesawang *investpahang.com* dan penyertaan ke beberapa program pameran-pameran pelaburan oleh Kerajaan Negeri Pahang telah dilaksanakan sebagai promosi dan publisiti bagi menarik pelaburan baru.

Di antaranya, Pavilion Negeri Pahang di Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) Tahun 2022, *booth* Kerajaan Negeri Pahang di Jelajah Eksplorasi Keluarga Malaysia Pahang tahun 2022, Pameran *Invest* Pahang di *Invest Day*, ECER Siri Pahang sempena Sambutan Ulang Tahun ECERDC ke-15 pada 4 Julai 2023 dan pameran *Invest* Pahang di *East Coast Oil & Gas Services & Equipment (OGSE) Roadshow* 2023 dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua. Dan penyertaan sebagai rakan Pempamer serta Sesi Klinik *Meet & Greet* pada 27 Julai 2023 dan terakhirnya Selangor *International Business Summit di KLCC* pada Oktober 2022. Sekian.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada jawapan yang diberi. Saya ini ada dua soalan. Yang pertama sekali, tentang berdasarkan jawapan tadi, kerajaan menggunakan *approach… location centric approach*, bagi setiap lokasi. Saya ingin mendapatkan penjelasan untuk zon di Jerantut dan Temerloh, apakah bidang pelaburan yang difokus di kawasan tersebut?

Yang keduanya, kita tahu bahawa syarikat Lynas telah pun dapat sambung lesen sampai tahun 2026. *Company* daripada Australia ini telah pun import dia punya bahan REE yang mengandungi kadar er... kadar apa… yang agak tinggi dan isu saya ialah tentang berapa hasil yang diperolehi Kerajaan Negeri dengan kilang Lynas? Sebab kilang ni kilang Australia. Selain pada faktor peluang pekerjaan, 1,000 lebih pekerja kita ada di sana dan dia telah meninggalkan kesan yang besar pada... pada alam sekitar bila kerajaan telah putuskan sampai 2026. Jadi persoalan saya ialah berapa *benefit* kewangan yang Pahang dapat daripada kilang Lynas? Terima kasih.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada soalan daripada Cheka. Untuk menjawab soalan Cheka ini, soalan itu macam tiada maklumat terperincilah pada saya untuk jawab dan mungkin kita akan

boleh memberi jawapan secara bertulis. Bagi maklumat untuk pelaburan di kawasan sebelah Pahang Barat ini, kita menunjukkan tadi saya kata Kawasan Perindustrian Kechau Tui, Lipis yang berasaskan pertahanan. Buat masa ini di Temerloh, belum dalam pemakluman saya dan insya-Allah kita pun boleh bagi jawapan secara yang bertulislah kepada Cheka.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Satu lagi.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Untuk zon Temerloh dan Jerantut sahaja.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, saya minta duduk dulu. Oleh kerana er… Yang Berhormat Peramu Jaya mohon cuti, oleh itu jika ada apa-apa soalan boleh minta Ahli-ahli Yang Berhormat er... menge… mengemukakan secara bertulis kerana beliau tidak ada dalam Dewan ini. Jadi saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat jika ada soalan tambahan boleh mengemukakan soalan bertulis kepada beliau. Beliau akan er... jawab kemudian. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang di-Pertua,

Saya ada sikit pandangan saya sebab saya melihat bila EXCO menjawab bagi pihak beliau itu er... jadi kena buka soalan bentuk soalan tambahan. Saya mencadangkan kalau sekiranya EXCO berkenaan tak dapat hadir kerana faktor kesihatan, soalan beliau tu di… di… di*skip* supaya kita boleh terus, sebab kita dah bagi soalan bertulis pada peringkat awal. Jadi dia terus boleh menjawab secara bertulis. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih pandangan dari Ahli Yang Berhormat Cheka. Kami akan ambil berat tentang pandangan tersebut. Seterusnya saya menjemput Ahli Yang Berhormat Lanchang.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 6.

> [(a)Kerajaan Negeri telah melancarkan kad kesihatan untuk warga Pahang yang berkelayakan. Setakat ini berapa peratus yang telah diluluskan?
>
> b) Bagaimana langkah kerajaan mempastikan supaya program ini benar-benar sampai ke sasaran dan mendapat sambutan?]

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Lanchang. Pertanyaan Yang Berhormat Lanchang adalah berkaitan *Pride Kasih* yang mana pada tahun 2024 akan dikenali sebagai Kasih Makmur. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Seterusnya berbalik kepada soalan tadi er... bertanya, setakat ini berapa peratus yang telah diluluskan *Pride* Kasih yang telah dipohon? Pada tahun 2023, permohonan yang telah diterima adalah seramai 30,600 yang melibatkan penerima bantuan warga emas dan bantuan OKU tidak bekerja di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, pesara KEMAS, JASA dan juga SERANTA, bekas Ketua Kampung dan juga Ketua Kampung. Setakat ini jumlah yang telah diluluskan adalah sebanyak 97% iaitu seramai 29,771 orang.

Dan untuk soalan kedua adalah bagaimana langkah kerajaan bagi memastikan supaya program ini benar-benar sampai ke sasaran dan mendapat sambutan? Pelbagai promosi dilakukan seperti hebahan dalam media sosial, *Facebook* dan juga *Instagram* serta aplikasi mudah alih di mana aplikasi ini adalah untuk makluman kepada penerima kad ini bagi menyemak baki-baki di dalam kad. Maksudnya telah berapa jumlah telah digunakan dan berapa baki yang tertinggal*. So,* memudahkan mereka untuk mendapatkan rawatan selanjutnya.

Di samping itu juga, ADUN-ADUN Kawasan dan pemimpin setempat juga telah turun padang bagi mengenal pasti siapakah yang benar-benar layak untuk menerima bantuan *Pride Kasih* ini tanpa mengira fahaman politik, bangsa dan juga agama. Dan penambahbaikan akan dilakukan bagi memastikan semua penerima kad mendapat manfaat lebih awal bagi tahun 2024, insya-Allah. Sekian, terima kasih.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Tuan Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Saya sering didatangi daripada aduan di pejabat bahawa di kalangan kita di bawah ini tidak ramai yang mengetahui. Oleh kerana kita banyak menggunakan media elektronik untuk permohonan dan sebagainya. Jadi alangkah baik bahawa berita tersebut diturunkan ke bawah secara melalui sama ada pejabat ADUN ataupun mungkin di setengah-setengah tempat berita tersebut tidak sepenuhnya walaupun di bawah kelolaan Ketua Kampung dan sebagainya. Jadi untuk itu, saya rasa satu mekanisme yang lebih baik perlu digunakan kerana kita faham bahawa sejak akhir-akhir ini di kalangan warga kita pun ramai yang berpenyakit dan mereka ni di kalangan B40 lah yang tidak berkemampuan. Terima kasih.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih sahabat daripada Lanchang. Seperti yang telah saya katakan tadi kita telah er... ADUN-ADUN juga pemimpin setempat telah turun kawasan… turun padang untuk

mengenal pasti dan saya rasa tidak ada masalah bagi mereka tidak mengetahui program *Pride Kasih* ini kerana setakat ini kami telah menerima 30,000 lebih pemohon dan insya-Allah apa pun kami akan cuba yang terbaik untuk memastikan semua pihak mengetahui tentang program ini. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil daripada…

YB CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sila izinkan saya berkongsi sikit sebab untuk penggal pertama dan penggal kedua, saya adalah ADUN Pembangkang pada masa itu. Tapi ini tidak menghalang pusat khidmat kita untuk membantu menghebahkan inisiatif ataupun bantuan daripada kerajaan. Baik Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri. Jadi kita boleh apa yang kita boleh buat adalah kita boleh *follow social media* Yang Amat Berhormat Menteri Besar ataupun jabatan-jabatan tertentu Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Jadi kita sebagai ADUN, kita boleh mengambil inisiatif untuk mengambil tahu apakah inisiatif bantuan yang ditawarkan dan kita sendiri, baik pembangkang ataupun kerajaan, memainkan peranan untuk mengehebahkan apakah jenis bantuan yang kita boleh membantu penduduk di kawasan-kawasan. Jadi, tidak semestinya maklumat rasmi disampaikan kepada Pejabat ADUN sebab banyak cara kita boleh dapat maklumat melalui sosial media atau berita. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Triang. Seterusnya, saya menjemput wakil dari Sabai.

YB TUAN ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 7.

> [Apakah usaha dan perancangan menambah baik aspek kebajikan atlet, jurulatih dan infrastruktur sukan di negeri Pahang?]

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Assalamualaikum WBT, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat dari Sabai atas soalan yang ditanya berkenaan dengan aspek kebajikan atlet, jurulatih dan infrastruktur sukan di negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula tahun ini Kerajaan Negeri Pahang melalui Majlis Sukan Pahang telah melakukan transformasi besar dan perubahan drastik bagi menambah baik aspek kebajikan jurulatih, atlet serta infrastruktur sukan di negeri ini. Dari sudut kebajikan atlet... maaf, dari sudut kebajikan jurulatih Kerajaan Negeri Pahang telah menaikkan gaji jurulatih sepenuh masa kepada sekurang-kurangnya RM2,000.00 sebulan bermula Mac tahun ini. Selama ini gaji minima jurulatih di Pahang ini adalah bermula RM1,500.00 sebulan sahaja. Inisiatif ini penting bagi menaikkan moral, semangat serta kredibiliti para jurulatih untuk berkhidmat sepenuh jiwa raga serta penuh dedikasi melatih para atlet di negeri ini agar memiliki mentaliti juara. Kenaikan gaji ini jika dibandingkan sudah semakin hampir dengan gaji yang ditawarkan kepada para jurulatih di Majlis Sukan Negara di mana gaji minimum jurulatih di Majlis Sukan Negara adalah sebanyak RM2,100.00.

Dari sudut kebajikan atlet pula, Kerajaan Negeri Pahang telah bersetuju untuk menambah baik kadar elaun bulanan latihan untuk para atlet di negeri ini. Melalui inisiatif ini, setiap atlet yang layak ke SUKMA di Sarawak pada tahun depan bakal menerima elaun minimum berjumlah RM250.00 sebulan. Sebelum ini, kadar elaun bulanan atlet-atlet ini hanyalah sekitar RM100.00 sebulan manakala atlet-atlet yang pernah memenangi pingat di SUKMA sebelum ini bakal menerima kenaikan elaun maksimum sehingga RM500.00 sebulan.

Bayaran elaun ini akan bermula pada Januari bulan depan. Langkah menaikkan kadar elaun sehingga 150% ini adalah sebagai pengiktirafan, dorongan serta pemangkin semangat kepada para atlet untuk berjuang dengan segala kudrat yang ada demi Pahang yang tercinta. Selain gaji jurulatih dan elaun bulanan para atlet, Kerajaan Negeri Pahang turut membantu atlet Pahang bertaraf kebangsaan di bawah Program Podium Majlis Sukan Negara dengan menyediakan elaun Gading Emas bernilai RM700.00 sebulan dan turut meliputi bantuan pembelian peralatan latihan individu berjumlah RM1,300.00 setahun.

Sementara itu berkait dengan infrastruktur sukan, pelbagai usaha dan inisiatif telah dilakukan oleh kerajaan negeri Pahang untuk menambah baik prasarana dan infrastruktur sukan sedia ada. Pertamanya, Stadium Darul Makmur pada tahun ini saja telah dibaik pulih dan dinaik taraf dengan kos sebanyak RM1.3 juta. Melalui baik pulih ini, Stadium Darul Makmur kini telah dilengkapi dengan tandas dan surau yang lebih selesa. Bangunan luar yang berwajah baru, landskap yang lebih cantik dan pelbagai lagi. Malah rakyat turut mendapat manfaat daripada usaha baik pulih ini kerana turut diberi ruang menggunakan kemudahan trek dan balapan setiap hari Isnin hingga Jumaat dari jam 4 hingga 7 petang secara percuma.

Bagaimanapun, Stadium Darul Makmur masih memerlukan sokongan padu daripada Kerajaan Negeri Pahang khususnya untuk menggantikan lampu limpah yang semakin uzur. Keduanya, Kerajaan Negeri Pahang turut membaik pulih fasiliti sukan seperti berikut dengan kos keseluruhan berjumlah RM1.198 juta melibatkan kerja baik pulih iaitu menaik

taraf Lapang Sasar Menembak SUKPA, menaik taraf kemudahan asrama SUKPA dan pembinaan *dry gym* pasukan terjun.

Selain itu, Majlis Sukan Pahang turut mengenal pasti dua fasiliti yang bakal dinaik taraf pada tahun depan iaitu Pusat Latihan Pelayaran Balok dan Pusat Latihan Muay Thai di Jerantut dengan anggaran… anggaran kos keseluruhan berjumlah hampir RM300,000.00. Salah satu infrastruktur sukan lain yang perlu dibaik pulih selepas ini adalah Sekolah Sukan Pahang Seberang Temerloh yang terbukti telah berjaya melahirkan ramai atlet-atlet Pahang yang berpotensi.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Pahang melalui Majlis Sukan Pahang turut memperkenalkan inisiatif baharu iaitu penubuhan Tabung Pembangunan Sukan Pahang. Penubuhan tabung ini telah disempurnakan pelancarannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah pada 19 September lalu.

Penubuhan tabung ini merupakan satu langkah besar dan komitmen tidak berbelah bahagi Kerajaan Negeri Pahang untuk memperkasakan kemajuan sukan berprestasi tinggi di negeri ini. Setiap penyumbang bakal diberikan pengecualian cukai pendapatan berdasarkan terma dan syarat yang telah ditetapkan.

Penubuhan Tabung Sukan Pahang memberi fokus kepada enam objektif utama iaitu memperkasa program pembangunan sukan prestasi tinggi, mengutamakan kebajikan atlet dan jurulatih, merancakkan program pembangunan bakat sukan, mempertingkat kualiti dan fasiliti sukan, memperkukuh kepakaran dan profesionalisme sains sukan serta meningkatkan penajaan sektor swasta dan juga korporat.

Hasil sumbangan kepada Tabung Sukan Pahang telah dimanfaatkan sebaik mungkin untuk memastikan pencapaian sukan di negeri ini terus dipertingkatkan. Kita berhasrat lebih ramai atlet dari negeri Pahang akan mewakili negara ke temasya sukan antarabangsa. Antaranya Sukan Olimpik, Sukan Asia, Sukan Komanwel mahupun Sukan SEA pada masa depan. Melalui sumbangan ke Tabung Sukan Pahang ini, diharapkan lebih ramai atlet Pahang bakal mencipta kejayaan yang lebih gemilang.

Malah, melalui Tabung Sukan Pahang ini, diharapkan selepas ini lebih banyak program latihan di luar negara dan penyertaan ke kejohanan bertaraf antarabangsa dapat dilaksanakan, bagi memberi nilai tambah kepada atlet yang mempunyai potensi besar untuk menyumbang pingat kepada negara. Justeru, saya menyeru kepada semua pihak sama ada pihak swasta, korporat dan tidak terkecuali *State GLC* dengan izin, agar menyumbang kepada tabung ini yang turut diberi pengecualian cukai.

Semoga segala perhatian dan dokongan tidak berbelah bahagi Kerajaan Negeri Pahang di samping perancangan yang teliti, kesungguhan dan komitmen semua pihak dapat menyaksikan lebih banyak kejayaan gemilang kepada bidang sukan di negeri ini. Terima kasih.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Soalan tambahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Sila, Sabai.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Dalam pada kita hargai apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam pembangunan sukan di negeri Pahang ini, saya tertarik untuk melihat dalam aspek kebajikan atlet. Sekadar meraikan mereka-mereka yang telah memberi sumbangan, jasa dan pengorbanan untuk pembangunan sukan mungkin di peringkat kebangsaan ataupun di peringkat antarabangsa. Apakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang bentuk penghargaan yang membolehkan atlet-atlet ini dapat meneruskan kelangsungan hidup selepas tamat tempoh penguasaan atlet-atlet ini dalam bidang sukan tersebut? Sekian, terima kasih.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat Sabai yang bertanya khusus soal kebajikan atlet dari surut… sudut kerjaya dan sebetulnya inilah tumpuan Kerajaan Negeri Pahang ketika ini yang mana tadi kita telah sebut perancangan untuk tahun hadapan fokus kepada SUKMA atau persiapan dan latihan atlet-atlet Pahang untuk SUKMA yang mana dari sudut kebajikannya telah ditambah baik dan selain daripada itu saya lupa sebut tadi, kita juga ada Bantuan Prihatin Pahang khusus untuk atlet ini iaitu *Pahang Pride Athlete* di mana setiap atlet di Pahang hampir 1,000 orang turut diberikan Bantuan Prihatin Pahang berjumlah RM300.00 seorang sebagai galakan dan dari aspek kerjaya ini kita memang bagi tumpuan kepada atlet-atlet Pahang yang pernah mengharumkan nama negara di persada dunia.

Saya… antaranya adalah jaguh silat yang telah tiga kali memenangi kejohanan di peringkat dunia telah diserap sebagai jurulatih silat dan banyak lagi atlet-atlet Pahang yang kita tengok potensinya, selepas bergelar atlet, jika melepasi syarat-syarat tertentu. Yang pertamanya, kita akan serap sebagai jurulatih sambilan atau sepenuh masa dalam sukan-sukan tertentu. Khususnya sukan berprestasi tinggi dan juga pembangunan bakat atlet di peringkat sekolah.

Ramai atlet-atlet Pahang yang turut ketika ini berkhidmat di Majlis Sukan Pahang itu sendiri dan dari aspek kerjaya ini, kita faham bahawa satu pembelaan yang serius perlu dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk membela nasib atlet-atlet ini dari sudut kerjaya masing-masing dan perkara ini sedang diperincikan, sedang diperhalusi bersungguh-sungguh sepertimana yang diaju oleh Yang Berhormat Lepar semalam, berkenaan dengan kerjaya atlet ini. Dan kita akan maklumkan insya-Allah pada awal tahun depan. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Soalan tambahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya jemput Bukit Ibam.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Selain daripada kebajikan kepada atlet, jurulatih dan infrastruktur, saya melihat antaranya ialah akademi sukan, contohnya macam Akademi Bola Sepak, pertubuhan-pertubuhan yang adakan pergi ke sekolah… sekolah di pedalaman dan FELDA. Contohnya minggu lepas, Akademi Elephant FC yang buat, mencungkil bakat-bakat di anak-anak kampung ini. Adakah… soalan saya adakah Kerajaan berhasrat untuk memberikan insentif kepada mereka sebagai galakan kerana usaha murni yang mereka lakukan? Terima kasih.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih Yang Berhormat dari Ibam atas soalan tersebut. Sememangnya Kerajaan Negeri Pahang sentiasa membantu, bukan sahaja akademi-akademi yang disebutkan, *Elephant Army* dan sebagainya tetapi juga kelab dan persatuan-persatuan Sukan yang membantu Kerajaan Negeri dari segi proses pencarian bakat yang terlibat dengan pembangunan bakat di seluruh negeri Pahang mahupun yang menganjur sukan acara-acara tertentu di seluruh negeri Pahang.

Malah, untuk sukan berprestasi tinggi misalnya, Majlis Sukan Pahang, Kerajaan Negeri Pahang melalui Majlis Sukan Pahang sentiasa bantu persatuan-persatuan, kelab dan akademi ini jika atlet-atlet di bawah jagaan mereka menghantar atlet ke kejohanan di luar daripada Pahang dan juga di luar daripada Malaysia. Sama ada di peringkat kebangsaan ataupun di peringkat antarabangsa. Malah, kejohanan-kejohanan atau acara-acara sukan di peringkat negeri Pahang pun, Kerajaan Negeri sentiasa bantu. Asalkan mereka mengajukan permohonan atau memaklumkan kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih Yang Berhormat.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih, seterusnya. *Sorry.*

YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Satu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Oleh kerana masa singkat *sorry*, nanti boleh bincang di masa minum pagi. Jadi seterusnya saya menjemput wakil dari Tras.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Bismillahirrahmanirrahim, terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan saya nombor 8.

[Apakah strategik tindakan Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Pusat bagi membendung masalah bekalan makanan utama daripada terputus atau disabotaj oleh pihak tertentu seperti beras, minyak masak, telur dan sebagainya?]

YB TUAN SIM CHON SIANG

Salam sejahtera dan selamat pagi. Terima kasih, ADUN Tras yang mengeluarkan soalan tentang er... isu beras, minyak masak dan telur. Untuk menjawab soalan ADUN Tras, er... untuk beras dulu er..., memang tiada aktiviti sorok beras tak ada sebuah sabotaj. Sebab itu, setiap kedai runcit tetap ada jualan beras. Kerajaan menyediakan 250,000 metrik tan beras untuk memastikan bekalan beras sentiasa ada. Pemantauan sentiasa dibuat di kedai-kedai dan pemborong beras untuk memastikan bekalan beras sentiasa cukup.

Beras Makmur bukanlah beras tempatan tetapi Beras Makmur adalah beras import yang disubsidikan oleh Kerajaan Negeri. Untuk makluman, di pasaran selalu kata yang ada 60% beras tempatan. Tapi 60% ini termasuklah sekali tender kerajaan, kem askar, sekolah, penjara, hospital dan lain-lain. Dari 60% ini, dia juga kena ikut apa hasil dapat semasa menuai. *So*, selepas tolak tender dikeluarkan, mana mungkin kita hanya tinggal 40% di… beras tempatan di pasaran dan 40% ini, mungkin juga kena tengok, musim menuai, macam mana hasil dia. *So*, selepas total, tolak-tolak mungkin tinggal sikit saja di pasaran.

So, untuk isu beras tempatan, dah pulih atau tidak kerana beras tempatan sememangnya tidak mencukupi kerana dia itu kerajaan mengimport beras untuk menampung ketidakcukupan beras di pasaran. Tetapi orang ramai sekarang telah beralih untuk tidak membeli beras import tetapi membeli beras tempatan, menyebabkan bekalan beras tempatan cepat habis di pasaran, terutamanya peniaga restoran. Kerajaan er... mendapat kuota di Pahang ya, 900 metrik tan itulah kuota negeri Pahang tetapi bergantung kepada bekalan yang kita dapat dari negeri masa menuai juga hasil dia. Mungkin kita dapat 850, bukan tiap-tiap bulan… tiap-tiap kali kita dapat 900 metrik tan. Ini untuk beras tempatan.

Untuk er... minyak masak, KPDN selalu membuat pemeriksaan terperinci setiap lapisan rantaian pengedaran seperti pembekal kepada peruncit, bagi memastikan pemantauan perundangan berjalan seperti yang telah dikuatkuasakan. Pemantauan bekalan secara harian terhadap premis bungkusan minyak masak bungkusan *polybag* 1 kilogram ini bertujuan untuk mengesan sama ada pengeluaran bekalan adalah sampai dan mengikut seperti telah diisytiharkan.

Er... untuk isu gula ya saya tambah ya juga sebab kita ada masalah gula, telah membuat pemeriksaan dan pemantauan secara terperinci dan bersasar kepada sektor industri, supaya penggunaan barangan yang tidak mempunyai elemen subsidi di dalam industri seperti yang gula ini. *So*, untuk kita menyelesaikan semua masalah ini, KPDN juga mengadakan sesi mesyuarat dan penjumpaan dengan pihak-pihak pengeluar, pemborong dan peruncit sebagai strategi untuk mendapat maklumat status bekalan di pasaran.

KPDN juga menjalin… menjalankan kerjasama bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi-agensi terlibat seperti Kawalselia Padi dan Beras, FAMA bagi memastikan bekalan dan harga makanan khususnya melibatkan barang kawalan, sentiasa mencukupi, tidak terjejas dan berada dalam keadaan harga yang stabil. Pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih agresif meliputi seluruh rantaian pengedar

dan pembekalan barangan dan perkhidmatan di seluruh negeri dan mengingatkan operasi… meningkatkan operasi bersepadu dengan agensi-agensi berkaitan dalam siri operasi seperti Ops Terjah, Ops Manis, Ops Tiris, Ops Jamin bagi memantau situasi bekalan dan harga barangan keperluan rakyat. Sekian.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Seterusnya saya menjemput wakil dari Tioman.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, mohon mengemukakan soalan nombor 9. Terima kasih.

> [Terima kasih kerajaan di atas usaha menaik taraf Pantai Hiburan yg berjumlah RM8 juta yang mana pembangunan disalurkan melalui ECER. Persoalan saya, sejauh mana Pantai Hiburan ini dijadikan salah satu pusat pelancongan di daerah Rompin dan adakah pantai ini diiktiraf oleh Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia untuk sebarang aktiviti termasuk menjadikan Rompin Fest sebagai salah satu tarikan dan tumpuan pelancongan terutama sumber ekonomi masyarakat setempat dan sekitarnya? dan bilakah Pantai Hiburan Rompin dibuka kepada orang ramai?]

YB CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada yang Yang Berhormat Tioman yang bertanyakan Pantai Hiburan. Pantai Hiburan Rompin merupakan tempat pelancongan utama di daerah Rompin dan negeri Pahang dan ianya terbukti apabila ia dipilih oleh ECERDC untuk projek naik taraf. Pada tahun lepas, Pantai Hiburan dipilih untuk penganjuran acara bertaraf antarabangsa iaitu *Pahang Ocean Paddle International Challenge*, ianya adalah satu usaha Kerajaan Negeri untuk mempromosikan Pantai Hiburan kepada pelancong dalam dan luar negara dan Tourism Malaysia juga turut mempromosikan acara ini.

Kerajaan Negeri sentiasa menyokong penganjuran program pelancongan, sebagai contoh Rompin Fest yang dianjurkan pihak Majlis Daerah Rompin dan juga pelbagai program di Pantai Hiburan untuk menjana ekonomi penduduk setempat. Jadi, untuk maklumat Tuan Yang Berhormat Yang di-Pertua, projek naik taraf Pantai Hiburan telah siap pada bulan lepas dan ianya adalah dalam proses untuk penyerahan projek dan lawatan tapak untuk CCC. Selepas proses ini selesai, ia akan dibuka secara rasmi. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita selesai membincangkan 9 pertanyaan dan jawapan. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan pagi ini untuk minum pagi dan persidangan disambung semula pukul 11.15 pagi. Persidangan ditempohkan.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 10.51 pagi*]

[*Persidangan disambung semula*]

SAMBUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) 2023 DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2024

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan (2024) 2023 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2024.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kita masih lagi dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2024) 2023 dan Usul Anggaran Perbelanjaan, Pembangunan dan Perbekalan Air 2024. Rang Undang-undang dan Usul ini telah dibentang dan dibahas pada hari semalam, 4 Disember 2023. Perbahasan disambung semula pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman, seramai 10 orang Ahli Dewan telah berucap kepada majlis. Sukacitanya, saya memaklumkan bahawa setiap Ahli Yang Berhormat diberi masa 15 minit sahaja bagi perbahasan dan sebelum saya menjemput Ahli Dewan yang seterusnya, saya ingin memberi peringatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peraturan perbahasan, 35 (6):

> **"seseorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibacanya cabutan daripada buku-buku atau surat-surat kerana hendaknya menyokong hujahnya dan boleh ditengoknya peringatan-peringatan bagi mengingatkan balik apa yang dihendak dicakapnya."**

Kerana semalam, ikut Yang Berhormat Yang di-Pertua ada beberapa Ahli Dewan Negeri mengambil teks, baca. Jika rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, menyediakan teks boleh letak di atas meja tetapi jangan pegang untuk membacanya. Ini ikut peraturan-peraturan perbahasan. Jadi saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat, jika dah menyediakan teks sila letak di atas meja dan bukan pegang di tangan.

Seterusnya, bagi memulakan perbahasan, saya menjemput Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri kawasan Panching untuk memulakan ucapan.

YB TUAN MOHD TARMIZI BIN YAHAYA

Assalamualaikum WTB dan selamat pagi. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan dalam Bahasa Arab). Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas, tahniah pada Kerajaan Negeri Pahang di atas kejayaan menyediakan bajet serta belanjawan yang *surplus* berturut-turut. Er... semoga limpahan ini dapat dinikmati dan sampai kepada rakyat dalam negeri Pahang, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua,

Er... pertama, sebelum saya pergi pada perbahasan, suka untuk saya mencadangkan beberapa kepada acara Dewan. Yang pertama, saya mohon sekiranya acara er... Dewan kita ini dapat ditayangkan secara langsung ataupun secara *live* di media sosial, karena ia memberi peluang kepada rakyat untuk melihat perjalanan er..., perbincangan, perkembangan, perbahasan yang dibincang dalam Dewan Undangan Negeri Pahang dan ini secara tak langsung juga dapat memberi peluang kepada kita sendiri untuk memaklumkan setiap inci maklumat perbahasan kepada rakyat dan tanpa lagi kita perlu untuk er... apa kita potong video masing-masing untuk kita sebarkan, mereka boleh sahaja mengikutinya secara langsung.

Yang keduanya, suka juga saya cadangkan kalau boleh soalan-soalan yang akan kita er... baca setiap pagi dapat diberikan lebih awal kalau sekarang ni cuma dikongsikan giliran sahaja ataupun nombor keluar soalan, okay. Jadi kalau dapat sebagaimana yang berlaku di Parlimen, soalan dikeluar sehari awal supaya yang bertanya soalan, kadang-kadang kita hantar 5 soalan, 6 soalan kita tahu soalan mana yang masuk pagi tu jadi kalau kita tahu soalan apa yang masuk, *so* kita juga boleh sedia soalan tambahan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya merujuk kepada laporan Audit Negara er... pada muka surat 63 tentang audit agensi-agensi dalam negeri Pahang saya lihat tidak ada laporan audit daripada Majlis Agama Islam Negeri Pahang. *So*, soalan saya adakah laporan kewangan MUIP ini tidak boleh dimasukkan ke dalam laporan audit ataupun tidak disenaraikan dalam Audit Negeri Pahang dan adakah er... benar yang saya dimaklumkan bahawa MUIP telah er... mengubah ataupun menukar Enakmen MUIP untuk melantik juruaudit sendiri tidak menggunakan er... juruaudit ataupun daripada Ketua Audit Negara?

Jadi, adakah perkara ini tidak bercanggah dengan Perlembagaan Negara kita? Perkara ini penting juga untuk kita tahu kerana er... secara tidak langsung er... duit daripada MUIP yang kita kutip antaranya zakat dapat juga kita tahu sikit sebanyak kutipannya, perjalanannya dan biasanya digunakan untuk asnaf yang juga termasuk dalam er... apa sebahagian besarnya rakyat dalam kawasan kita dan kalau pernah dimasukkan dalam er... laporan kewangan negeri, bilakah kali terakhir dibentangkan di Dewan Negeri kita ini?

Saya juga dalam perjalanan pulang daripada sidang kita melihat hospital kita, hospital MUIP iaitu Hospital Al-Farabi tidak lagi dikenali dia dah ditukar nama kepada Hospital *Aurelius* tak silap sayalah terlupa dah nama dia, jadi adakah hospital ni telah bertukar milik er... bertukar milik ataupun adakah hospital ni telah dijual dan kalau dijual, kenapa? Kalau kita boleh tahulah kenapa hospital ini dijual? Adakah kerugian dan kenapa?

Baik, er... Tuan Yang di-Pertua,

Kalau kita lihat hari ini banyak pembangunan yang di... yang berjalan dalam negeri kita terutamanya pembinaan lot-lot rumah atau kawasan perumahan terutamanya di kawasan-kawasan pinggir bandar. Saya berharap supaya pihak yang terlibat terutamanya daripada PBT, JPS, mungkin PLB dan sebagainya untuk melihat pembangunan yang dibangunkan di tempat-tempat baru ini seiring dengan pembangunan-pembangunan infra. Pada sidang yang lepas saya bangkitkan bagaimana ada kawasan perumahan yang airnya mengalir ke

longkang-longkang tanah yang menyebabkan aliran air tadi tidak berjalan dengan sempurna bahkan memberi kesan kepada penduduk setempat.

Saya suka mencadangkan beberapa perkara untuk kerajaan melihat antaranya ialah mana-mana projek perumahan yang dibina di kawasan-kawasan baru terutamanya kawasan kampung, perlu dinaik taraf beberapa perkara antaranya laluan… jalan. Saya ambil contoh kalau di sini contohnya jalan daripada Permatang Badak ke Sungai Isap Jaya yang dah jadi laluan yang utama hari ini sebagai laluan alternatif… laluan alternatif tetapi infranya masih lagi tidak ada naik taraf jalannya sempit… longkangnya masih lagi longkang tanah yang biasanya semak er... dan tidak ada bonggol baru yang dibina, tidak ada *line* jalan yang dicat baru dan sebagainya.

So, kalau dapat pihak kerajaan untuk melihat supaya jalan yang bersaiz contohnya 12 kaki boleh dinaik taraf kepada 14 kaki, dibina longkang konkrit sebab biasanya longkang er... naik taraf jalan ini ada kalanya tidak dilakukan juga naik taraf longkang di tepinya menyebabkan bila berlakunya musim tengkujuh, air yang bertakung ataupun air yang melimpah tadi merosakkan jalan yang dibina.

Begitu juga bila mana berlakunya perumahan-perumahan baru, berlakunya kesibukan trafik di laluan tersebut tetapi tidak ada bonggol baru yang dibina dan menyebabkan biasanya berlaku kemalangan... kemalangan walaupun kemalangan kecil dan melibatkan juga banyak melibatkan orang kampung. Orang kampung ini dia guna laluan tu dia tak pakai helmet, biasalah kampung dia. Tetapi trafik dah makin sibuk kerana banyaknya projek perumahan dan sebagainya.

Begitu juga saya sebut tadi dengan cat jalan dan juga lampu jalan. Perlu ada kerana tadilah... kesibukan jalan yang telah pun dinaik... telah pun terkait dengan pembinaan atau pembangunan di kawasan tersebut. Di tempat saya antara kawasan yang terlibat seperti di Permatang Badak, di Kampung Cendering, di Pandan, banyak projek-projek perumahan yang dinaik... banyak projek perumahan yang terbina tetapi tidak seiring tadilah dengan pembesaran jalan dan sebagainya.

Saya mohon kalau boleh pihak pemaju diberikan syarat untuk membesarkan jalan... yang jalan di bahagian hadapan kawasan perumahan dan juga membina longkang yang tersusun. Jadi setiap kali naik... perlu naik projek perumahan yang baru mestilah ada laluan jalan yang dibesarkan dan juga longkang-longkang konkrit yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua,

Suka juga untuk saya menarik perhatian bahawa di Taman Tas contohnya makin banyak juga perumahan baru yang dibina tetapi longkang utama yang mengalir menyalurkan air kumbahan tadi tidak juga dinaik taraf. Saya ambil contoh di Taman Tas... Taman Tas Ria ini banyak perumahan-perumahan yang mahal, yang dinaik taraf yang juga dibina akhirnya, laluan air contohnya laluan air daripada Taman Tas menyeberang ke jalan utama dalam... dengan *culvert* yang kecil dan akhirnya menyebabkan setiap kali musim tengkujuh pasti akan berlaku limpahan air terutamanya kepada penduduk kampung dan juga penduduk perumahan kos rendah.

Setiap tahun jadi mangsa banjir, yang perumahan yang kita kata sama ada sederhana atau mewah ni mereka hanya melimpahkan air lalu kepada kawasan perumahan kos rendah

dan bila banjir mereka tak kena, yang kena ialah penduduk-penduduk yang memiliki rumah kos rendah ini. Jadi saya harap, sebagai pihak kerajaan menilai untuk menaik taraf *culvert* itu daripada Taman Tas menyeberangi jalan utama berhampiran dengan Masjid Khairiah. Bila saya buat lawatan dululah dengan JD, JPS dan sebagainya dia kata memang tak boleh *cover* ustaz laluan air ini, kalau musim hujan memang longkang yang dalam yang datangnya besar dia pergi kepada *culvert* yang kecil.

Yang seterusnya juga saya ingin bangkitkan isu lombong di Permatang Badak, banyak lombong ini dan lombong ini dia tinggalan daripada projek tak silap saya, bata dulu dan lombong ini membahayakan sebahagian daripada penduduk, laluan tu... laluan masuk sangat-sangat berhampiran dengan kawasan lombong yang sangat dalam. Saya kira dulu ada cadangan er... untuk jadikan sebagai taman bandar tak silap saya dulu ada pernah dengarlah cuma tanah tersebut tanah persendirian, tak silap saya, hasil carian saya mendapati ada 3 pemilik tanah lombong kat situ jadi mungkin kerajaan boleh pertimbangkan untuk melihat, lombong yang sangat cantik tetapi tak ada orang. Kalau tuan persendirian tak akan mungkin boleh bangunkan tempat tadi tapi dengan lombong yang ada tadi mungkin boleh dibangunkan sebagai tempat riadah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga membangkitkan isu tanah, isu perumahan RRP yang disebut oleh Menteri Besar Pahang. Pertama, saya nak ucapkan syabas kerana senantiasa ada peningkatan tawaran kepada pembinaan rumah RRP cuma antara masalah yang berlaku yang biasa kita hadapi kepada mereka yang susah ini ialah mereka tidak ada tanah... tidak ada tanah. Jadi nak beli, nak dapatkan rumah PPRT atau PAKR kalau di tempat saya tu dulu dah tak ada dah, dah tutup. Nak beli Rumah Makmur atau Rumah PRIMA tak mampu, datang pejabat minta nak rumah RRP, kita tanya ada tanah? Tak ada tanah.

So, saya harap pihak kerajaan juga melihat bagaimanakah peluang yang dapat juga dinikmati oleh mereka yang memang benar-benar susah tetapi mereka tidak mampu untuk memiliki rumah dalam bentuk pinjaman tadi, bagaimana nasib mereka yang kita juga boleh sediakan juga rumah kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan tentang status pelajar-pelajar yang kita hantar ke Mesir baru-baru ini. Pertama, saya ucapkan terima kasih kepada pihak MUIP, kepada pihak kerajaan yang memberikan bantuan dan mempermudahkan urusan penghantaran pelajar-pelajar kita ke Mesir. Cuma seingat saya sehingga kini pelajar-pelajar ini belum lagi memulakan pengajiannya di Universiti Al-Azhar. Jadi perkara ini sangat merunsingkan hati ibu bapa, kerana sangkaan mereka, anak-anak mereka yang pergi ini telah pun menerima tawaran dan akan masuk ke Universiti Al-Azhar.

Jadi hari ini pelajar-pelajar ini masih lagi menunggu dan menunggu. Bagaimanakah nasib mereka, sebahagian mereka mula berkira-kira untuk balik semula ke Malaysia kerana belum ada jaminan yang betul-betul konkrit dibenarkan masuk untuk belajar di Universiti Al-Azhar. Baru-baru ini saya dapat dengar juga ada dah usaha yang baik juga daripada kerajaan. Cuma jaminan memang boleh masuk pada 24 hari bulan 12 contohnya, belum ada.

Tuan Yang di-Pertua,

Satu lagi masalah air... gangguan bekalan air. Jadi saya harap pihak kerajaan dalam belanjawan kita yang *surplus* dalam jumlah yang banyak ini dan juga kita dapat pinjaman yang besar daripada Kerajaan Pusat supaya dapat segerakan selesaikan masalah air terutamanya di kawasan kepadatan penduduk. Saya ambil contoh di Taman Tas kalau boleh dapat ditukar ganti segera paip daripada AC kepada MSCL. Dan juga masalah air di Panching Utara yang hari itu juga ada lawatan daripada Ahli Parlimen juga untuk sama-sama membantu penduduk yang masalah airnya bukan sehari, bukan dua hari bahkan dah berbulan juga dah, kadang-kadang sampai 4 hari, 5 hari tak ada air. Dulu bila kita buat lawatan adalah hantar juga air ke tangki-tangki yang disediakan tetapi lama-kelamaan, penghantaran air makin berkurang, makin perlahan dan sangat menyukarkan penduduk untuk urusan harian.

Baru minggu lepas saya pergi, mereka kata, "kalau dulu 2 pagi ada air, sekarang 2 pagi pun tak ada air dah YB", dia kata. Jadi saya harap sangat, masalah air ni masalah yang agak besar bagi kalangan penduduk kita, jadi harap dapat diselesaikan dengan baik terutamanya... begitu juga di Pandan 2 yang hari itu bila kita pergi siasat masalah saiz paip yang kecil. Walaupun kawasannya pinggir bandar tetapi saiz paip yang kecil tadi tidak mampu juga menyalurkan air yang cukup kepada penduduk di kampung berkenaan. Itu saja ucapan saya Yang di-Pertua. Terima kasih, saya menyokong. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil dari Pancing. Seterusnya saya menjemput Wakil dari Luit.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Assalamualaikum WBT. (Bacaan dalam Bahasa Arab). Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ucap syukur pada hari ini dapat diberi peluang untuk bersama-sama dalam sesi perbahasan atas pembentangan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Jelai hari semalam. Saya ambil kesempatan ucap tahniah jugalah kepada Yang Amat Berhormat Jelai dan pihak kerajaan kerana prestasi kutipan melebihi sasaran daripada kutipan itu RM1.164 bilion berbanding dengan RM1.08, alhamdulillah. Untuk makluman Yang Amat Berhormat, saya pun melepasi sasaran juga iaitu sasaran jatuhan pin. Saya berjaya menewaskan Mentakab yang menewaskan saya tahun lepas. Tapi saya kalah dengan Sabai sebab dia pakai baju hijau, saya bagi dia menanglah [ketawa].

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Semalam kita telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Jelai tentang belanjawan kita untuk tahun depan dengan 4 pencapaian dan kejayaan. Kutipan hasil yang tinggi, keupayaan menarik pelabur, pengurangan hutang negeri dan juga penyaluran bantuan-bantuan kepada seluruh lapisan masyarakat di negeri Pahang. Dengan 5 tunjangnya iaitu Belanjawan yang berdaya saing kemudian yang mampu meningkatkan kemudahan asas, meningkatkan tahap urus tadbir kepada perkhidmatan yang lebih baik, keunggulan generasi... keunggulan generasi dan memperteguhkan kemakmuran.

Ini semua untuk faedah kita sebagai rakyat negeri Pahang dan pelbagai langkah yang dibentangkan semalam termasuk 9 langkah meningkatkan industri pertanian. 9 lagi projek ternakan perikanan sebagainya. Program-program keusahawanan dan juga memperkasakan industri pelancongan.

Tetapi apa yang lebih menarik perhatian saya ialah Belanjawan ini nampaknya macam dengan izin, *synchronies* dengan satu dokumen yang baru… draf dokumen, Dokumen Rancangan Tempatan Daerah Maran yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Maran. Dokumen ini disediakan berdasarkan kepada peruntukan subseksyen 16(1), Akta Perancangan Desa 1976 oleh Majlis Daerah ni.

Saya tengok dokumen ini bagus dan saya menyokong penuh kerana dalam dokumen ni ada matlamat-matlamat dia untuk Program Rancangan Tempatan Daerah Maran. Ada 7 objektifnya, ada 5 teras pembangunan, ada 27 strategi pembangunan, ada 124 cadangan projek dan program pembangunan, ada 6 fasa pelaksanaan dan dianggarkan kos dalam dokumen ni untuk program daerah Maran RM4.5 bilion. Dokumen ni sebenarnya Dokumen Rancangan Tempatan Daerah Maran 2035. Maknanya, sama ada 15 tahun lagi apa yang nak dirancang untuk pembangunan daerah Maran.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang di-Pertua, Maran ini tak besar mana dalam negeri Pahang ni. Dia cuma 5.5% berbanding keluasan negeri iaitu keluasan 1,978 kilometer persegi je, dikelilingi oleh 6 lagi daerah sekelilingnya ada Jerantut, Temerloh, Kuantan, Bera, Pekan, Rompin. Jadi Maran ini macam *centre* la dalam negeri Pahang ini. Saya boleh membayangkan bahawa kerajaan boleh melihat lokasi di daerah Maran ini di tengah-tengah negeri boleh dimanfaatkan seumpamanya untuk dijadikan contohnya kawasan industri di bahagian tengah negeri Pahang sebagainya atau zon ekonomi Pahang Tengah bolehlah kita fikirkan. Kemudian matlamat dokumen ni terutamanya saya lihat dia nak mengangkat Maran sebagai satu hub untuk pertanian moden dengan sokongan bandar-bandar pintar, Bandar Maran dan juga apa ni sektor pelancongan yang lestari.

Untuk makluman sidang Dewan, DUN Luit ni dulu nama dia DUN Bandar Maran satu-satunya DUN Bandar dalam Pahang ini. Masa tu Wakil Rakyat dia Almarhum Abdul Jalil Mohd Seh. Saya pun bin Abdul Jalil juga ya arwah ayahanda saya. Jadi bila Maran dah berubah apa ni… dipanggil persempadanan semula tu jadi nama Maran tu dipindahkan kepada Parlimen Maran. Jadi Maran… DUN Bandar Maran tu bertukar menjadi DUN Luit. Jadi Bandar Maran tulah DUN Luit. Siapa yang lalu Bandar Maran satu termasuk kawasan sayalah tu.

Jadi objektif... objektif apa ni rancangan tempatan tadi antaranya merancakkan aktiviti pertanian berskala besar, kemudian pembangunan sosioekonomi daerah Maran, kemudahan infra untuk pelancongan juga program mengurangkan impak risiko banjir dan juga meningkatkan kualiti hidup komuniti, kemudahan telekomunikasi dan memelihara alam sekitar juga ada cadangan *flagship*, canggih juga perkataan ni cadangan *flagship*. Canggih juga perkataan ni, cadangan *flagship*. Saya ingat Proton je ada *flagship* rupanya daerah Maran pun ada. Ada 4 perkara cadangan *flagship* ni di daerah Maran. Terminal depoh, yang ni pelabuhan darat, saya rasa bersesuaian dengan bila siap pembinaan ECRL tu, kemudian er… menyemarakkan industri-industri IKS, ladang-ladang, buah-buahan… manggis, mesta dan sebagainya juga ternakan-ternakan… industri ternakan.

Tapi apa yang menarik dalam dokumen ini iaitu perkara yang diperjuangkan oleh Wakil Rakyat Luit ni sejak dulu lagi iaitu pembinaan hospital dan Jambatan Lubuk Paku ada dalam dokumen ni. Sebenarnya inilah yang saya nak tekankan dalam perbahasan saya kali ini sebab saya rasa kalau dapat dua perkara ini direalisasikan di DUN Luit ini saya rasa syukur sangatlah… saya kata gembira sebab ini memang satu keperluan dan dah berkali-kali saya berbahas dalam Dewan ini atas kepentingan sama ada hospital dan jambatan tu sebab jambatan ni kalau tuan-tuan tengok sebelah Maran di tebing Sungai Pahang sebelah sini memang pelaburan kerajaan tu banyak sangat, berjuta-juta.

Kita ada keretapi, ada lebuh raya ada agensi kerajaan, macam-macam. Jadi, siapa nak guna? Kecuali kita buat jambatan Sungai Pahang tu supaya penduduk di sebelah seberang sana boleh datang manfaatkan apa kemudahan-kemudahan kerajaan yang dibina di sebelah Bandar Maran ini. Jadi saya sebut juga pada hari ini sebab nak beri penekanan agar pihak kerajaan dengan rancangan yang ada dah tertulis dalam dokumen ini dan saya percaya maklumat-maklumat dokumen ini telah pun dikaji dengan teliti dan terperinci sebelum ditulis… didraf dalam dokumen ini dapat dilaksanakan dalam tempoh.... segera berbanding dengan matlamatnya tahun 2035.

Kemudian saya nak sentuh juga sektor pelancongan yang disebut dalam Belanjawan kalau kita rujuk muka surat 14 nombor 40 tu, saya baca sini. Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada usaha-usaha merancakkan sektor pelancongan dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan bagi membantu pembangunan infrastruktur dan aktiviti promosi pelancongan yang seterusnya akan meningkatkan kehadiran pelancong ke negeri Pahang terutama dalam persediaan Program Melawat Malaysia. Apa yang saya fokus dalam ayat ini kerajaan fokus pelancongan… kepada kemudahan fizikal pelancongan.

Sebenarnya pelancongan ini kalau kita tengok kita ada satu produk pelancongan yang kita tak manfaatkan iaitu sikap ramah mesra rakyat Malaysia ni . Saya perasan bila kita tengok melalui *youtuber… youtuber.* Bahasa Melayu, apa ya? *Youtuber*, Bahasa Melayu gitu juga, sama ya? Dan *influencer*, *influencer* ni pempengaruh, ya. Tuan-tuan tengok bukan orang Malaysia, orang luar negara kebanyakan mereka dalam *Youtube*, dalam *Tik Tok* sebagainya mereka memang tertarik dengan sikap ramah mesra rakyat kita.

Sampai ada... ada *youtuber* buat eksperimen, buat *experimental…* apa eksperimen… uji kaji baik sungguh ke orang Malaysia ni? Dia menyamar pergi tengah bandar, dia kata dia tak ada duit, dia nak balik hotel dia tak ada duit, dia akan tanya sorang-sorang orang Malaysia dan kebanyakan respons-respons yang kita tengok dalam *youtube* ni memang jelas orang Malaysia memang sangat baik, sangat ramah, menyantuni pelancong-pelancong ni sehingga ada nak bagi duit, ada. Ada yang naik *Grab* menyamar tak ada duit, *Grab* boleh hantar percuma ke hotel sebagainya.

Jadi, saya melihat ini untuk menarik perhatian pihak kerajaan supaya tengok ramah mesra rakyat kita ni boleh jadi satu produk pelancongan sebenarnya. Kita boleh bina satu program sebagainya. Mohon kerajaan fikirlah macam mana untuk menjadikan ramah mesra ini satu produk pelancongan kepada kita sebab dalam… dalam…

YB TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Mohon mencelah sikit Yang Berhormat. Boleh? Sikit.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Sila.

YB TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Saya... saya, Yang di-Pertua, saya setuju apa yang disebut oleh Luit tadi bahawa sikap ramah mesra rakyat Malaysia ini memang terkenal cuma dia ada *side back* dia, dia akan jadi sasaran *scammer,* baiknya rakyat Malaysia sebab tu kita ramai yang tertipu dengan *scammer* sebab kita baik hati. Jadi kena... kena timbang juga bila kita *promote*kan sikap er... baik hatinya rakyat Malaysia ini akan diambil peluang oleh mereka yang tidak... er... yang tidak berniat baik. Akhirnya rakyat kita jadi *scammer*. Memang perlu *promote*, betul tapi kena ada awasan di situ. Terima kasih.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Beserah. Saya rasa Beserah pun baik hati juga, lepas ni belanja makan. Baik, yang keduanya dalam sektor pelancongan juga ada satu je yang saya rasa kita tertinggal ataupun kita terlepas pandang iaitu muzik. Kita Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita orang PAS pun main muzik juga bukan tak main... ada. Baru-baru ni program Palestin pun saya main gitar juga, orang PAS tak marah, boleh.

Tapi muzik saya maksudkan di sini ialah gendang tradisional. Sebenarnya Pahang ini dia ada satu gendang tradisional yang saya berhajat sangat… bercadang sangat kalau dapat pihak-pihak tertentu yang buat *authority,* muzium, sejarah-sejarah dan sebagainya mengangkat balik, memartabatkan balik gendang tradisional Pahang ni. Sebab kita tengok Kebawah Duli Tuanku kita menjadi Agong di Kuala Lumpur dalam TV pun tak nampak program majlis-majlis dengan gendang-gendang tradisi Pahang itu tiada ya, sunyi dengan gendang-gendang tu sedangkan benda itu ada.

Untuk makluman Dewan, gendang tradisional Pahang ini memang dah dimainkan di istana, di daerah-daerah terutama masa tu di Kuala Lipis masa Istana Pahang berada di Kuala Lipis sebelum dia menghilir ke… berpindah ke Pekan. Dan kisahnya pemain-pemain gendang ni pun sama turut menghilir ke Pekan, menghilir tahu ya Tuan Yang di-Pertua? Menghilir… menghanyut. Jadi antara dalam perjalanan itu bukanlah sekejap, jadi singgah di Jerantut, ada orang Jerantut belajar sikit, singgah Temerloh orang Temerloh belajar sikit, sampai Lubuk Paku ada orang Lubuk Paku belajar, sampailah ke Pekan.

Cuma apa yang berlaku di sini mengikut er... perbualan kita dengan masyarakat di Lubuk Paku je yang dapat menguasai gendang Pahang ni dengan 16 lagu, dia ada 17 lagu sebenarnya. Dalam permainan gendang itu ada 17 irama gabungan 17 lagu. Tapi di Lubuk Paku mereka dapat menguasai 16 lagu berbanding dengan daerah-daerah lain Jerantut ke, Temerloh ke tak banyak 7,8 lagu dan kadang-kadang lagu yang diambil itu ada pun separuh. Tak tahulah Kerdau boleh main gendang ke tak, Nampak senyum macam boleh main gendang juga tu [ketawa].

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Hai macam apa... menguji pula Luit. Kita *try* lah dulu. [Ahli Dewan ketawa]

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Er... tambahan sikit. Saya ucap tahniahlah isu dibangkitkan tadi. Kita sebenarnya tradisi Pahang banyak bahkan Kuala Lipis tu sebenarnya sebagai ibu negeri pertama di Pahang yang juga perlu dibuat sesuatu kalau tidak sejarahnya akan hilang dan kita punya istana barang-barang yang ada di kawasan Lipis itu sendiri akan... akan di... rosak, musnah.

Jadi saya cadangkan supaya pihak muzium atau pihak-pihak tertentu dapat kita garapkan… bangunkan semula sejarah Lipis sebagai ibu negeri pertama Pahang dengan mengekalkan bangunan-bangunan yang bersejarah di sana. Saya fikir Yang Berhormat Padang Tengku setuju dengan saya sebab banyak usaha telah pun dibuat ke arah itu, terima kasih.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Cheka. Baik kisah gendang tu habis dah kot cuma saya nak bagi tawaran istimewa kepada Teruntum kalau nak belajar gendang boleh jumpa saya [Ahli Dewan ketawa]. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Itulah dua perkara yang nampak saya nak sentuh dalam sektor pelancongan. Kemudian saya nak sentuh juga tempat saya ni er...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, minta gulung ya, masa dah…

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Lipat je gulung tak boleh ni. Baik Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ringkaskanlah saya di Luit ni syukurlah apa yang kita bincangkan pada penggal lepas. Masalah utama kita air dengan banjir. Alhamdulillah sekarang ini petugas-petugas, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja sedang bertungkus-lumus bekerja menyempurnakan projek-projek bekalan air di Maran terima kasih pada pihak kerajaan yang lalu, yang lalulah ya Kerajaan hari ni Menteri Besar je sama Kerajaan lain dah rasanya. Terima kasih pada Kerajaan dan terima kasih kepada petugas-petugas yang sedang melaksanakan kerja-kerja juga tebatan banjir dan jalan... Jalan Serengkam yang akan dinaik taraf sebagainya.

Kemudian cuma itulah ralat... ralat juga tuan-tuan. Tuan-tuan ingat pada hari Jumaat lepas, berapa hari bulan… 1 haribulan, khatib membaca khutbah dia menyebut tentang kita ni berada di akhir zaman. Banyak tanda-tanda kiamat dia kata telah berlaku dan sedang berlaku. Jadi itulah kadang-kadang kita sembang-sembang orang kampung kita kena beritahu juga. Tuan-tuan, alhamdulillah Kerajaan dah buat juga bekalan air... baiki bekalan air, banjir dan sebagainya. Walaupun dah nak dekat nak kiamat baru dapat, takpelah kata. Dan kini kita nak minta pula jambatan dengan hospital harap-harap cepatlah sikit tak tahu takut tak dan je, insya-Allah.

Kemudian yang terakhirnya, yang tadi minta izin dengan YB Triang saya nak sebut nama ayah dia sebab saya biasa juga jumpa dengan ayahanda YB Triang ni, dia mantan YB juga

dalam ni. Kami senasib, ayah dia pernah duduk juga dalam ni, ayah saya juga pernah duduk sini juga, senasiblah kita cuma yang itu bujang, saya dah tak bujang dah [ketawa]. Baik Yang di-Pertua, er... sikit je. Apa yang disebut oleh Tokoh Politik Pahang yang berpengalaman ni ayahanda… kita panggil *uncle* Leong Ngah Ngah. Ini dia kata kita politik mahu aman dan maju sahaja dia kata.

Saya setuju dan saya rasa banyak Ahli Dewan pun bersetuju dengan kenyataan ini. Kita nak aman dan maju tapi untuk aman tu… untuk maju tu dia kena aman dulu dan untuk aman tu tunjang dia ialah perpaduan dan perpaduan itu kalau kita dalam negeri Pahang perpaduan tu mesti diasaskan kepada perpaduan majoriti. Majoriti kita orang Melayu Pahang dan hari ni kalau kita tengok orang Melayu memang terbahagi dualah, belah sana puak belah sini puak tapi tidak menghalang kita bersatu-padu... tak menghalang. Kita meraikan kebebasan-kebebasan pandangan dan pendapat semua tiada masalah sebab kita orang Melayu kita ada tali yang mengikat kita yang takkan berpisah antara tali paling kuat agama kitalah dengan Islam, Quran dan Hadis kita.

Dan keduanya, kita ada Raja-Raja Melayu itu antara tali yang mengikat antara kita. Dan saya rasa lebih cantik lagi, kalau kita dengan kawan-kawan kita daripada kaum Cina dan India dapat memainkan peranan menyatu-padukan majoriti ini. Inilah satu yang paling cantiklah dalam sesebuah negeri ya kerana dapat. Kalau berlaku perpecahan di kalangan majoritinya orang Melayu contohnya, orang Cina, India datang menyatukan kita orang Melayu, inilah satu saya rasa paling manis dan paling nikmat, paling bahagia rasanya kalau dapat suasana yang sebegitu kerana inilah rahsia perpaduan, inilah rahsia kekuatan sesebuah negeri dan barulah kita boleh bercerita tentang kita nak maju ke mundur negeri ini. Jadi saya rasa tadi suruh gulunglah ya, habis dah gulung. Jadi, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih dan menyokong...

YB CIK LEONG YU MAN

Minta… minta laluan.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Ya, sila… sila.

YB CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Luit kerana *quote*kan nama ayah saya. Er... memang beliau seorang Wakil Rakyat selama enam penggal di negeri Pahang. Er... satu sifat penting yang saya belajar daripada beliau adalah untuk menjadi seorang manusia yang ikhlas… ikhlas dengan semua orang. Jadi sesiapa sahaja biasanya kalau hadir ke Pusat Khidmat, kita tidak lihat dia orang Melayu ke, Cina, India kesemuanya sama rakyat Malaysia, rakyat Pahang, rakyat Kawasan Triang. Siapa yang perlu kita bantu. Jadi, kita harap bahawa untuk bab perpaduan ini kita pun bersama kita melihat satu sama lain bukan mengikut bangsa atau kaum, kita sama-sama ini tanah air kita.

Dan inilah masa saya rasa baik Pembangkang atau Blok Kerajaan kita bersama-sama untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat. Tanpa perpaduan susah negeri kita,

negara kita untuk terus maju dan dengan er... hasrat daripada Yang Berhormat Luit saya nampak kita boleh bekerjasama untuk mendorong perpaduan di kalangan rakyat. Jangan asyik-asyik kita membangkitkan isu-isu yang akan... yang akan mencederakan ataupun menyakitkan hati sesatu sama lain. Terima kasih.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih Triang atas *respons* ya. Er... rasa sekadar itu dapat saya katakan pada hari ini er... menyokong pembentangan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Jelai. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil dari Luit. Seterusnya saya menjemput Wakil dari Batu Talam.

YB DATO' ABD AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera dan selamat pagi, 12.05 minit.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk ucap banyak terima kasihlah atas laluan yang diberi untuk turut sama bagi membahaskan Ucapan Belanjawan Tahun 2024 serta Rang Undang-Undang Enakmen Pembekalan 2024 dan 2023. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya ini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah pun membentangkan Bajet 2024 yang saya anggap begitu komprehensif yang merangkumi sebahagian besar daripada sektor kluster aktiviti berada di negeri Pahang. Keduanya, kalau kita tengok ianya amat mudah difahami dengan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Tengok kata contoh, saya dapat viral infografik mengenai sumbangan Kerajaan Negeri kepada… bonus penjawat awam ia cukup mudah sumbangannya tapi dalam masa begitu pun saya dimaklumkan sepatutnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini nak beri lebih lagi tapi ni SFINO potong separuh. Jadi sebabnya tulah tinggal RM2,000.00 sepatutnya lebih lagi tu, mungkin penjawat awam ni kena rapat-rapatlah dengan Pegawai Kewangan Negeri Dato' Indera kita.

Jadi, ianya amat mudah dan difahami oleh rakyat dan kita dan ianya berbentuk satu angka bukanlah persepsi, dapat berapa kan… kita meningkatkan pertumbuhan ekonomi, kita dapat menarik pelabur-pelabur waima pun daripada dalam dan luar negara dan juga keluaran negara kasar, KDNK iaitu melepasi belaka kalau kita nak *reference* dengan negara baik pertumbuhan ekonomi dan juga KDNK ianya melepasi tahap di peringkat nasional ataupun peringkat Malaysia. Sebab itulah nilai KDNK Pahang sebanyak RM61.4bilion… RM61.4 bilion. Jadi tidak dapatlah membayangkan banyak kita dapat membangunkan KDNK di dalam negeri Pahang.

Seterusnya dari segi hasil, mungkin pada peringkat awal kita berangan untuk nak mendapatkan hasil melebihi satu bilion ataupun sebagaimana negeri-negeri lain, Selangor, Penang, Johor, negeri-negeri lain. Tetapi kita Pahang dapat bersama dengan negeri-negeri lain dan ianya dapat menunjukkan kita telah tidak secara langsung setanding dengan negeri-negeri yang kita anggap maju dan Pahang sekarang telah pun menduduki tempat yang terbaik… yang kedua… yang ketiga di dalam Malaysia. Jadi, insya-Allah kita harap anggaran hasil tahun 2024 ini akan menjadi kenyataan dan ini akan dapat lagilah memberi faedah dan manfaat kepada rakyat negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Dalam perancangan 2024 dengan bertemakan 'Pahang Prihatin, Rakyat Makmur' yang berteraskan 5 tunjang yang saya anggap ianya telah memberikan kesemua aspek-aspek ataupun kluster di dalam negeri Pahang. Cuma saya ingin menambahlah sikit beberapa tumpuan yang dicadangkan. Pertamanya ialah mengenai kluster pertanian iaitu macam-macam pembangunan aktiviti pertanian yang dibangun dan saya nampak Kerajaan Negeri harus mewujudkan satu lembaga iaitu Lembaga Durian sebagaimana lembaga-lembaga lain, Lembaga Koko, Lembaga Nenas dan sebagainya.

Jadi saya nampak apa yang terjadi khususnya di daerah Raub kita nampak durian ni dia bergerak sendiri je. Jadi dengan adanya lembaga ini ia dapat mewujudkan satu pusat ini R&D dan ianya akan dapat membangunkan banyak lagi ini aktiviti-aktiviti ini durian. Yang saya nampak ianya akan dapat dikemaskinikan melalui tambah nilai aktiviti macam contoh hari ini kita menjual durian mengikut biji tapi sebenarnya ianya boleh… boleh jual mengikut ulas… ulas. Ulas ni biji juga biji yang besar, ulas ni dalam biji tu dan ada juga sekarang kita menjual pes… ha pes dan selepas tu kita boleh jual tempoyak. Jadi, banyak produk-produk yang boleh kita tambah nilai kepada buah durian itu sendiri. Jadi sebab itulah saya mengharapkan agar ianya dapat… kerajaan dapat mencadangkan… mewujudkan satu lembaga, Lembaga Durian khusus untuk pembangunan durian.

Keduanya mengenai kluster pelancongan. Saya melihat dalam Tourism Pahang telah memperuntukkan sebahagian besar juga peruntukan. Kalau saya congak-congak lebih kurang RM30 juta dan tidak termasuk menaik taraf muzium sebanyak RM29.7 juta dan aktiviti-aktiviti di dalam pelancongan Pahang begitu banyak. Jadi, saya bimbang ianya oleh kerana ada sedikit bukanlah percanggahan tetapi Jabatan Pelancongan Pahang ini berasaskan kepada Perbadanan Bukit Fraser. Jadi dua entiti ini nampaknya dia… dia sekali sama, sekali tak sama.

Jadi oleh kerana peruntukan yang telah disediakan begitu banyak saya mencadangkan elok kita lebih memfokuskan kepada pelancongan negeri Pahang yang mana kita sekarang di antara negeri yang menerima pelancong yang kedua ramai selepas Selangor. Dan kalau dari segi orang kata penglibatan apa… aktiviti ianya menjadi nombor satu kerana kalau kita tengok kebanjiran… kehadiran pelancong-pelancong adalah lebih ramai masuk ke negeri Pahang. Saya pun tengok hari ini, 2,3 hari, sebagaimana kita maklum dulu terganggu sikit oleh COVID tetapi hari ini di kampung-kampung banyak chalet-chalet, *homestay* dan sebagainya memang menerima tempahan yang begitu banyak sehingga saya dimaklumkan sehingga bulan 12 ini kebanyakan chalet-chalet khususnya di daerah Raub itu telah penuh.

Jadi inilah menunjukkan bahawa sektor pelancongan ini mungkin boleh berkembang dengan lebih baik lagi dan kita haraplah ia kerajaan dapat memfokuskan pelancongan ini dan saya minta Perbadanan Bukit Fraser ini dijadikan sebagai asal iaitu membangunkan Fraser's Hill sendiri. Jadi kalau hari ini sekejap di Bukit Fraser sekejap di Kuantan jadi tumpuan tu kurang. Jadi di Bukit Fraser itu sendiri ramai di antara netizen juga *complaint* mana ianya tak berkembang.

Hari ini sebenarnya ada bas-bas yang tidak lepas lagi naik ke atas tu ke Bukit Fraser kerana pokok buloh tu dah dia mengacau bas tu. Ini adalah kerana kurang, mungkin kurang tumpuan dan sebahagian besar daripada jalan yang naik ke Bukit Fraser tu adalah di antara negeri Pahang dengan negeri Selangor. Jadi mungkin antara satu sama lain tidak dapat membantu untuk nak mengembangkan lagi Bukit Fraser. Jadi sebab itulah saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Pelancongan Pahang mewujudkan satu identiti yang khusus yang fokus kepada pelancongan dan Bukit Fraser tu dikembalikan peranannya sebagaimana di peringkat ni… asal.

Seterusnya ialah mengenai kemudahan asas dan infrastruktur. Sebagaimana kita maklum, Pahang sedang pesat membangun dengan pelbagai program jalan seperti CSR, Central Spine Road, ECRL dan saya ingin mencadangkan apabila saya melihat ada di antara satu hubungan jalan yang agak penting jugalah yang telah pun masuk di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 lagi Tahun 2020 iaitu jalan di antara Raub ke Slim River er… yang ini bukan ditangguh tapi di er… dianjakkan sehingga pada Rancangan Malaysia Ke-12 ini tak tahu ada ke tak ada lagi perancangan untuk membina jalan daripada Raub ke Slim River.

Sebenarnya kita sudah dua… dua kali menandatangani dengan Kerajaan Negeri Perak er… saya sendiri terlibat sama sekali saya… er… saya rasa saya pergi tapi hari ini projek ini ditangguh daripada Rancangan Malaysia Ke-11 itu, sekarang kita telah pun berada Rancangan Malaysia Ke-12 tetapi kita tidak dapat tengok lagi er… tanda-tanda untuk ia dapat dilaksanakan. Jadi saya harap… mengharaplah supaya Kerajaan Negeri dapat menyokong, membantu agar dapat melaksanakan ini… perhubungan jalan di antara Raub dan ini… Perak nanti.

Ketiga, bukan ketigalah tak tahu ke berapa dah ini er… mengenai ECRL la kan. ECRL sebagaimana kita maklum daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur yang kita nampak pada hari ini ada cadangan dan saya pun telah mendengar er… hujung telinga ada kajian. Kajian di antara Bentong dengan Kuala Lipis la kan untuk menghubungkan Bentong. Jadi saya nampak ianya memang perlu agar dapat mewujudkan selain daripada Kota Bharu-Kuala Lumpur jadi ianya dapat menghubungkan satu laluan baru yang sekarang ini yang kita nampak keretapi ini hanya di sebelah Pantai Timur tetapi dengan adanya hubungan baru Bentong dengan Lipis ianya dapat menghubungkan laluan keretapi iaitu di sebelah ini Pantai Barat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih Batu Talam. Sebenarnya ECRL ini akan siap pada tahun 2026 insya-Allah dan akan beroperasi pada tahun 2026. Di dalam Mesyuarat EXCO, dua, tiga bulan yang lepas, saya telah membangkitkan perkara ini. Kita buat permohonan baru, jangan tunggu ECRL ini siap 2026… 2027 beroperasi baru kita nak minta laluan baru. Jadi saya telah er…

minta Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri melalui BPEN membuat satu permohonan daripada Bentong ke Raub ataupun ke Jerantut dan terus ke Lipis dan dari Kuantan ke Pekan dan ke Rompin. Maknanya kita mengambil tindakan awal, kita jangan tunggu siap baru kita nak minta sebab ianya mengambil masa yang lama. Itu kedudukan dia yang sebenarnya.

Maknanya dengan kata lain, saya nak bagi tahu kepada rakan-rakan Sidang Dewan bahawa Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan aktif… proaktif supaya ECRL ini dapat dipanjangkan lagi selepas ECRL yang ada sekarang ini beroperasi sepenuhnya pada tahun 2027. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Terima kasih Yang Amat Berhormat di atas penjelasan tadi. Jadi, inilah di antara yang saya nampak pembangunan perancangan masa depan yang boleh disesuaikan dengan pembangunan di dalam negeri Pahang dan dengan adanya perancangan-perancangan ini saya nampak Pahang akan lebih maju lagi sebagaimana hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini. Sekarang ini kita kutip RM1 bilion, kalau boleh nak kutip RM2 bilion… dapat RM2 bilion besar sedikit bonusnya er… Dato' Sri MB. Sekarang 2 bulan, mungkin 4 bulan pula bagi penjawat awam.

Jadi, inilah di antara perancangan-perancangan yang saya nampak dan dengan adanya program-program mega ini, ianya tidak er… tidak secara langsung akan membawa ini program-program ataupun aktiviti-aktiviti di peringkat… er… daerah-daerah. Contohnya, saya sendiri pun baru-baru ini sebenarnya kita ada buat mengenai er… *rehab* ataupun pemulihan er… ungka di… di Raub ini. Kita buat *bird race*, tetapi pengerusi *bird race* ini Encik Henry itu baru-baru ini telah membawa sebanyak 15 negara untuk datang ke Pahang tapi hari ini 15 negara pun tak boleh nak tidur di mana dah Bukit Fraser itu dah… dah penuh dah hotel itu kan…yang saya pun nak buat ini apa Mesyuarat Persatuan Ungka di dunia ini pun saya dah berlawan dengan Vietnam dan insya-Allah pada bulan 10, persatuan telah memberi kebenaran untuk membuat di Raub tetapi saya tak dapat nak membayangkan di mana nak diletak er… 50 negara termasuklah kedutaan-kedutaan yang nak datang ke Raub.

Jadi sebab itulah, er… makna selari dengan perancangan-perancangan kita di peringkat negeri kan, kita kena tengok jugalah perancangan-perancangan yang akan tak secara langsung mengikuti produk-produk ataupun perancangan-perancangan kita di peringkat negeri. Jadi itu sajalah sedikit sebanyak pandangan saya. Sekali lagilah saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kita haraplah segala perancangan ataupun Bajet 2024 ini dapat kita realisasikan dan mencapai di antara ini… matlamat dan tujuan ini dan dengan ini saya menyokong Belanjawan Tahun 2024 dan Usul Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2024. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil dari Batu Talam. Seterusnya, saya jemput wakil dari Lanchang.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim (bacaan dalam Bahasa Arab).

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Jelai er… Dato' Sri Menteri Besar yang telah pun berjaya membentang Belanjawan untuk negeri Pahang dan alhamdulillah banyak peruntukan-peruntukan yang kita lihat telah pun disenaraikan dan kita harapkan insya-Allah dengan er… pembentangan bajet ini ia akan dapat disalurkan kepada rakyat keseluruhannya di bawah kepada lebih-lebih lagi kepada yang er… memerlukan, dibantu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin, pertamanya ingin mengambil ruang yang ada ini adalah ingin menyebut beberapa perkara iaitu pertamanya ialah dari sudut penyaluran ini kita lihat ialah untuk pertanian sebanyak RM58.93 juta telah pun diperuntukkan untuk negeri Pahang ini dan alhamdulillah, pertanian masih lagi menjadi agenda utama bagi kerajaan kerana ia merupakan satu perkara yang pentinglah dengan faktor kesesuaian di negeri Pahang sendiri bahawa ia merupakan tempat ataupun tanah yang cukup sesuai untuk pertanian tetapi alangkah baiknya kalau… untuk akan datang diberi lebih banyak peruntukan kepada sektor pertanian ini.

Sepertimana yang kita telah maklum bahawa er… baru-baru ini negara kita telah pun mengalami krisis tentang kekurangan beras tempatan apabila meningkatnya harga beras yang diimport yang menyebabkan er… tergempar boleh dikatakan seluruh Malaysia sehingga Kementerian Keterjaminan Makanan sudah tidak lagi terjamin makanan kita. Maka, sehubungan dengan itu banyak negeri-negeri telah mengambil inisiatif untuk mengadakan beras sendiri. Beberapa negeri yang kita sedia maklum yang sebelum ini telah pun disebutnya, di media massa dan sebagainya.

Maka, saya berpandangan bahawa kita negeri Pahang juga sepatutnya mempunyai inisiatif sendiri demi untuk menjaga er… makanan ruji kita untuk rakyat negeri Pahang. Kenapa? Kerana kita mempunyai tanah yang cukup luas dan cukup sesuai dan cukup subur. Kita mempunyai sumber-sumber pengairan yang cukup baik. Mempunyai taburan hujan yang cukup banyak, yang cukup sesuai untuk tanaman padi sebagai pengeluaran beras sendiri.

Dan dalam masa yang sama juga dari rekod Jabatan Pertanian, kita mempunyai tanah terbiar yang paling luas dalam Semenanjung Malaysia iaitu kira-kira 29,000 lebih hektar er… yang terdiri daripada 29,391 hektar yang terdiri daripada 11,292 lot. Ini satu angka yang besar… satu angka yang besar. Apa itu tanah terbiar? Yang kita sedia maklum bahawa tanah yang telah tidak diusahakan yang 0.4 hektar ke atas selama 3 tahun berturut-turut tidak dapat… tidak diusahakan, tidak mengeluarkan hasil maka sudah tentulah mejadi satu kerugian kepada pendapatan negeri dan er… kalaulah kita dapat bayangkan daripada dua er… hampir 30,000 hektar itu ia terdiri daripada tanah sawah ataupun tanah darat yang mana sebahagiannya mungkin sesuai untuk ditanam padi dan sebagainya supaya er… tadilah dengan adanya faktor tersebut maka ia dapat mengurangkan jumlah apa namanya import luar negara juga tapi yang pentingnya dalam

masa yang sama ialah kita dapat mengurangkan tanah terbiar ini yang semakin hari semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Er… dalam pada itu juga kita dapat menyediakan pekerjaan untuk rakyat kita di luar bandar terutamanya anak-anak muda dan sebagainya dan semalam pun saya lihat dalam pembentangan Yang Amat Berhomat, ada Akademi Pertanian yang kita telah tubuhkan dan insya-Allah itu satu perkara yang cukup baik maka mungkin kita boleh menambah silibus kursus tentang pertanian penanaman padi dalam apa latihan kepada anak-anak muda itu supaya mereka terus dengan kerja pertanian mereka di kampung-kampung di mana aset tanah sudah sedia ada dan dalam masa yang sama juga, kita boleh mengelakkan daripada anak muda kita berhijrah ke bandar dan tanah kita jadi tidak terbiar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Kalau mengikut er… sifir pengeluaran padi negara minimumnya ialah lebih kurang 3 hingga 4 metrik tan untuk 1 hektar bagi kawasan yang kurang suburlah. Bagi kawasan yang subur, 6 hingga 8 hektar sampai 10 metrik tan kalau contoh di Selangor. Maka insya-Allah saya kira kalaulah diberi perhatian yang sebaik mungkin, kita bermula daripada sekarang untuk masa hadapan maka saya yakin dan percaya bahawa langkah tersebut akan berjaya dengan adanya usaha bersungguh-sungguh daripada semua pihak sama ada di peringkat kita dan juga kementerian-kementerian berkenaan ataupun jabatan berkenaan di peringkat bawah.

Mungkin er… pada peringkat mulanya mungkin menjadi satu masalah yang besar juga oleh kerana meningkatkan kos. Tetapi kos untuk pertanian ini ia pada peringkat pemulaan mungkin agak besar tetapi apabila er… tempoh tersebut pekerjaan tersebut diteruskan, ia makin lama makin menurun.

Seterusnya Tuan di-Pertua, masih lagi tentang tanah. Er… kita sering mendengar aduan tentang proses kelambatan pengeluaran geran tanah kepada pemilik-pemilik. Ada yang sampai mungkin 10 tahun, ada 15 tahun, mungkin ada 20 lebih dan saya pernah melihat er… aduan yang sampai di pejabat ada hampir sampai 30 tahun. Jawapan yang diterima mungkin ada setengahnya tidak mendapat maklumat yang betul dan sebagainya. Dan alangkah baiknya apabila kita dari pihak Kerajaan memudahkan urusan penganugerahan tanah kepada rakyat kita supaya dengan itu mereka dapat… mendapat penempatan yang sah untuk keluarga dan sebagainya.

Menjadi satu sebab juga kerugian saya melihat bahawa apabila tanah terbiar ini berlaku, bila kita proses lambat er… penganugerahan pada tanah pemilik yang telah pun mungkin ada yang telah diusahakan. Er… bila kita usahakan kepada pemilik tanah tersebut supaya menjadi sah, umur sudah lanjut 50, 60 dan sebagainya ya dan tidak sempat untuk dihibah atau diapa… di… kepada anak-anak dan sebagainya menyebabkan apabila berlaku er… kematian pemilik asal. Tanah tersebut menja… berpotensi menjadi tanah terbiar.

Sebab tadilah, dia tidak memperuntukkan kepada siapakah tanah tersebut. Sama ada kepada anak sulung ataupun anak tengah dan sebagainya. Maka menyebabkan tanah tersebut menjadi terbiar. Dan inilah antara faktor yang saya lihat bahawa kita menanuge… er… menganugerahkan tanah tersebut biarlah kepada pemohon yang apa nama usianya masih gagah dan bertenagalah untuk mengusahakan tanah-tanah tersebut. Dan saya

penuh yakin bahawa usaha itu akan dapat dilaksanakan apabila mereka mendapat tanah yang sah nanti.

Seterusnya Dat… Yang di-Pertua Tuan Speaker, saya juga ingin menyebut bahawa er… di Temerloh, dalam bidang pendidikan ia merupakan satu elemen yang penting dalam masyarakat kita. Lebih-lebih lagi kalau kita di peringkat orang Islam pendidikan beragama. Ia menjadi satu perkara yang penting supaya er… generasi-generasi selepas kita ini mempunyai seorang yang beradab dan sebagainyalah dan seterusnya dia berkhidmat kepada negara, beragama dan sebagainya.

Maka saya melihat di Temerloh ini cuma ada dua buah Sekolah Agama Kerajaan di mana sekolah tersebut adalah Sekolah Agama Al-Khairiah dan juga Sekolah Agama Al-Wosto dan peningkatan permohonan untuk memasuki sekolah-sekolah tersebut meningkat setiap tahun menyebabkan tempat-tempat kekosongan tidak ada dan mereka-mereka ini ada kalanya terus menerus pergi ke Sekolah Menengah Kebangsaan, tetapi ada yang tidak minat tidak meneruskan pelajaran ke mana sahaja mereka akan pergi apa yang kosong dan yang apa yang yang tersedia adalah dan kebetulan juga di sebelah saya ni Yang Berhormat Kuala Semantan merupakan Yang di-Pertua PIBG Sekolah Menengah Al-Khairiah.

Dia boleh mengesahkan bagaimana permohonan bilangan murid-murid setiap tahun yang ramai tetapi kita punya boleh ambil sekadar 200 hingga 300 murid setiap tahun. Jadi saya rasa dalam perkara ini saya memohonlah supaya Lanchang dipilih sebagai satu penambahan Sekolah Menengah Agama daripada Kerajaan… Kerajaan Negeri kerana kedudukan Lanchang ini di tengah-tengah di antara Bentong dengan Temerloh ini dengan jarak yang jauh menyebabkan er… membolehkan penduduk-penduduk sekitar kedua-dua kawasan itu dapatlah… mendapat khidmat yang terbaik apabila Sekolah Menengah Agama ini diwujudkan di Lanchang nanti.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu juga saya ingin memberitahu ialah tentang er…pengurusan gerai-gerai, peniaga-peniaga, penjaja-penjaja oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sepertimana yang kita sedia maklum, kita telah pun berbelanja banyak menyediakan ruang niaga dan sebagainya dengan tujuan penduduk setempat dapat berniaga di tempat yang telah disediakan supaya mereka berniaga dengan cara teratur, bersistem dan sebagainya tetapi malangnya er… ada terdapat dan saya kira fikir banyak kalau saya mengambil contoh di Lanchang beberapa tempat di satu gerai di persimpangan jalan besar Lanchang menghala ke Kampung Mempatih yang tidak di apa… tidak digunakan premis tersebut sehingga sekarang yang saya kira mungkin melebihi 10 buah premis dan sudah beberapa kali dibaik pulih, dicat baru dan sebagainya, sudah cantik tetapi masih tidak ada yang meniaga.

Dan saya difahamkan bahawa sudah ada penyewa tapi tidak meniaga dan kita mendapat *complaint* daripada sebahagian yang lain bahawa ada setengah itu mendapat ruang perniagaan yang telah diberi apa… diberi ruang untuk berniaga tapi tidak meniaga dan ada setengah pula menyewakan kepada orang lain menyebabkan er… pemilik yang kedua itu juga tidak dapat berniaga mungkin dapat sewa yang mahal dan sebagainya.

Jadi saya kira kemungkinan adakah molek supaya kita mengadakan peraturan diberi satu tempoh dalam masa tertentu, sesiapa saja yang diberi apa peluang untuk berniaga tetapi

tidak berniaga dalam tempoh tersebut kita ambil balik. Beri kepada orang yang betul-betul nak berniaga dan dia memang ada alatan berniaga. Masalah kita ialah yang tak berniaga dapat ruang tapi yang betul-betul nak berniaga tak dapat tempat. Itu memang bermasalah. Yang keduanya juga ialah dengan ruang 10 x 10 kaki ni untuk kita letak meja ni cuma dapat dua meja sahaja. Satu meja 4 x 4, 4 kerusi kalau dua meja… 8.

Bagi kedai ruang makan ni dalam tempoh satu masa, pelanggan duduk dia makan masa antara 20 hingga 30 minit. Jadi dalam keadaan begitu kita boleh fikir 1 gerai boleh duduk 8 orang dan tak mungkin 8 orang sebab kalau datang 6 orang yang 2 orang tak akan tumpang lagi situ maka menyebabkan ruang tu sempit dan inilah mungkin yang menyebabkan peniaga kita tak berminat nak berniaga sebab dalam tempoh-tempoh masa pelanggan tak ramai menyebabkan tempat duduk itu.

Jadi saya suka mencadangkan di tempat tersebut di… ditambah baik er… diadakan bumbung besar maksudnya seperti *food court* itu supaya peniaga-peniaga tersebut dapat er… berkongsi tempat duduk. Apabila pelanggan duduk, dia boleh duduk di mana-mana sahaja dan dalam masa yang sama pelanggan tersebut boleh er… membuat tempahan makanan di pelbagai gerai yang tadi yang banyak yang mungkin ada 10 dan sebagainya yang mana saya kira itu lebih baik daripada kalau kita tinggal keadaan yang terbiar yang tersebut, kita mungkin dapat sewa tetapi kita rugilah, kerana apa? Tujuan kita ialah nak menghidupkan bandar tersebut, nak menghidupkan tempat tersebut dan dalam masa yang sama, kita nak menaikkan ekonomi penjaja-penjaja kita.

Jadi saya kira itulah yang boleh kita beri perhatian terhadap gerai-gerai tersebut, bukan sahaja di situ, mungkin di tempat-tempat lain jugalah yang saya kira yang seumpama tersebut.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua,

Masih lagi tentang er... semalam, Yang Amat Berhormat sebut tentang banyak er... peruntukan yang telah pun kita buat selama ini untuk bekalan air bersih. Saya mengucapkan terima kasih banyak dan alhamdulillah er… Lanchang merupakan antara tempat yang kritikallah sebelum ini, air bersih dan baru-baru ini dalam bulan September saya rasa, atau bulan Ogos telah pun er... Loji Rawatan Air di Karak, di Jambu Rias telah pun beroperasi dan sebahagian daripada Lanchang telah pun menerima bekalan air bersih tersebut daripada Loji Karak, tetapi tidak sepenuhnyalah. Bermula daripada Kampung Sempadan, Kuala Kaung, Dala sehingga er... Kampung Punjong. Tetapi tidak dapat menampunglah di keseluruhan Lanchang terutamanya bandar Lanchang.

Maka saya sekali lagi ingin menyeru bahawa er… alangkah baiknya sepertimana telah dijanjikan dulu, Loji Rawatan Air di Mempateh itu dinaiktarafkan ataupun loji baru kerana saya melihat bahawa kepentingan loji ini kepada Lanchang dan juga seluruh kawasan yang berhampirannya adalah penting. Kerana kita tahu er... dengan adanya bekalan air yang cukup ini ialah dia dapat menghidupkan sesuatu tempat ni. Sebab tu dalam al-Quran pun banyak Allah Taala sebut tentang air hujan turun ni, menghidupkan kawasan yang mati. Sebab kalau bekalan air turun, menghidupkan pokok, menghidupkan manusia dan haiwan dan sebagainya. Jika ada bekalan air yang hidup ni ialah apa yang kita dapat, bandar-bandar baru dapat diwujudkan, taman-taman perumahan juga dap… dapat di apa… dapat dinaikkan dan sebagainya.

Dan sekarang ni apa yang menjadi masalahnya ialah er... kita dapati pemaju-pemaju juga bersungut kerana er... cadangan-cadangan taman baru tidak dapat diluluskan. Kerana apa? Kerana bekalan air tak cukup. Kalau buat taman baru, rumah baru naik, air lagi tak ada. Jadi menyebabkan kit... pihak yang berkenaan tidak dapat meluluskan ujian... pewujudan taman baru tersebut. Maka dengan itu sudah tentulah er… apa yang kita cadangkan sepertimana kita nak membangun satu tempat itu tergendala. Dan dalam masa yang sama juga, er… di Lanchang juga seperti yang kita maklum bahawa ia mempunyai pusat-pusat pelancongan er… sama ada...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat... Yang Berhormat, minta gulung ya.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

... pelancong daripada er... negara luar dan sebagainya. Kita ada Pusat er… Konservasi Harimau Malaya, Rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah, kita juga ada Rizab Hidupan Liar Tengku Hassanal. Jadi ia merupakan satu imej yang pentinglah pada kita, di kesempatan.

Ada sikit lagi Tuan Speaker, iaitu mengenai er... jalan. Saya terima kasih juga kepada kerajaan baru-baru ini telah pun disiapkan satu jalan er... premix yang berkonkrit iaitu jalan er… di sekitar jalan ke Bera daripada Pengkalan Manggis, Buntut Pulau dan juga Lebak dan er... bermula juga jalan daripada tam... Bandar Lama Lanchang sehingga ke Jambatan Mempateh. Tetapi kita masih memerlukan apa nama... daripada Jambatan Mempateh sampai ke Lakum.

Jalan tersebut penting kerana di situ juga terda... merupakan jalan alternatif untuk ke Pantai Timur, ke Kelantan, Gua Musang dan kalau kita lihat setiap hari, kadang-kadang ia lebih sibuk daripada jalan besar, Lanchang ke Karak, kerana di situ adalah kita mempunyai kuari... er... kuari di Lanchang yang merupakan laluan utama kepada kenderaan-kenderaan berat. Maka sudah tentulah er... pros... apa nama perjalanan trafik di situ menjadi begitu er... sesak apabila waktu kemuncak dan sebagainya.

Dan yang akhirnya ialah er... berhubung dengan kuari itu juga saya sangat bersetuju dengan Cheka semalam bahawa di Lanchang ini banyak juga bahan galian. Kita ada pasir, kita ada kuari, ada bijih besi dan berbagai lagi. Alangkah baiknya 10% daripada hasil itu disumbangkan kepada daerah Temerloh supaya dijadikan tabung apabila berlaku kecemasan, membaiki dan membangunkan itu dapat digunakan terus.

Sebab kita nak menunggu peruntukan daripada kerajaan terutamanya Kerajaan Pusat untuk baiki jalan memang memakan masa yang lambat, setahun, dua tahun dan sebagainya. Maka saya cukup bersetuju dengan cadangan daripada Cheka tu lah dan akhirnya ialah saya ucapkan terima kasih kepada er... Yang Berhormat Guai yang telah menjawab soalan saya tadi dan juga Yang Berhormat Triang dan inilah jawapan yang saya tunggu sebenarnya terutama jawapan Triang, bahawa tadi bahawa... pembangkang juga boleh mendapat maklumat dan sebagainya. Dan saya... dengan itu merupakan jawapan yang terbuka hari ini.

Jadi saya nak menyerulah bahawa kami ini walaupun begitu kita semua bekerja untuk kemudahan rakyat. Maka, kita memohon bahawa jabatan-jabatan kerajaan dan sebagainya, apabila kita pergi ke pejabat, janganlah takut dengan kami kerana kita juga berurusan menjadi jabatan untuk bawa maklumat daripada bawah naik ke jabatan. Dan dalam masa yang sama, kita nak bawa maklumat yang betul daripada jabatan turun ke rakyat di bawah supaya pandangan serong itu tidak berlaku sepertimana sebelum-sebelum inilah. Dan oleh kerana itulah, saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong er… pembentangan Yang Berhormat Jelai, Dato' Sri Menteri Besar di atas Belanjawan yang telah dikemukakan pada hari semalam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Sila.

YB CIK LEONG YU MAN

Er... minta laluan sekejap er... *sorry* Yang Berhormat er... Lanchang. Jadi, saya percaya bahawa jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan memang mereka er... bertugas secara profesional. Sebagai contoh, dulu walaupun saya sendiri sebagai ADUN Pembangkang, tapi itu... itu isu kebajikan rakyat, saya percaya semua orang akan bantu tanpa mengira Kawasan. Jadi, saya rasa tidak wujud di mana untuk kita membantu isu kebajikan rakyat ADUN Pembangkang akan ditolak. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Seterusnya saya menjemput Wakil dari Jenderak.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Terima kasih Yang di-Pertua, diberi peluang di dalam er… perbahasan Belanjawan 2024. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh dan salam sejahtera. Syukur alhamdulillah sudah lebih setahun selaku Ahli Dewan Negeri Pahang yang memegang amanah rakyat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang telah menerajui Kerajaan Negeri Pahang dengan begitu cemerlang sekali. Alhamdulillah, dua tahun berturut-turut Kerajaan Negeri Pahang telah mencapai hasil lebih RM1 bilion. Saya amat menghargai usaha Kerajaan Negeri yang menguruskan negeri Pahang ini dengan baik, sempurna sehingga membawa Pahang setanding dengan negeri-negeri maju yang lain.

Saya juga berharap Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan terus kekal menerajui negeri Pahang yang tercinta ini untuk kemakmuran dan kesejahteraan rakyat negeri Pahang. Pembentangan Belanjawan Negeri Pahang 2024 yang berteraskan 'Pahang Prihatin, Rakyat Makmur' ini adalah sangat inklusif. Lima teras yang menjadi tunjang kepada Belanjawan itu, iaitu memacu daya saing dan pertumbuhan ekonomi, dua, meningkatkan kemudahan asas dan infrastruktur, ketiga, memperkasakan tadbir urus dan pencapaian perkhidmatan, keempat, menjamin keunggulan generasi akan datang, memperteguhkan kemakmuran negeri dan rakyat.

Pada pandangan saya, kesemua tunjang ini telah mengambil kira semua aspek-aspek yang diperlukan seperti pembangunan tadbir urus, pembangunan modal insan serta keharmonian dan ianya saling lengkap-melengkapi.

Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan kebersamaan dalam usaha untuk menjayakan sosioekonomi rakyat di negeri Pahang terutamanya di DUN Jenderak. Ini terutamanya melalui pembangunan, ekonomi, pertanian dan pelancongan. Saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana telah memasukkan Projek Naik Taraf Loji Rawatan Air Jenderak Kampung sebagai sebahagian daripada Belanjawan kali ini.

Saya juga menyokong penuh hasrat Kerajaan Negeri Pahang yang akan meneruskan projek Rumah Rakyat Pahang melalui belanjawan kali ini. Pada tahun ini, di DUN Jenderak saja terdapat sebelas rumah RRP telah dibina dan ianya telah memberi manfaat kepada semua lapan penerima termasuk daripada kaum-kaum lain dan tambahan tiga buah rumah untuk masyarakat Orang Asli. Sudahlah mereka mendapat rumah dan dapat pula set kelengkapan yang menilai RM2,000.00. Begitu hebat Kerajaan Negeri Pahang yang sentiasa mencari jalan dan solusi demi kebaikan rakyat.

Yang di-Pertua,

Saya amat menghargai usaha Kerajaan Negeri Pahang yang meneruskan pembangunan untuk masyarakat Orang Asli. Insentif seperti Program Baikpulih Rumah Orang Asli, Insentif Perkahwinan Kali Pertama, Program e-Doa dan Program Pembangunan Belia Orang Asli sudah pasti memberi manfaat kepada Orang Asli termasuk di DUN Jenderak. Untuk makluman, di DUN Jenderak sahaja terdapat 10 perkampungan Orang Asli yang dihuni lebih daripada 4,000. Di kesempatan ini, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk menjadikan perkampungan Asli di DUN Jenderak sebagai salah satu hub pelancongan.

Yang di-Pertua,

Di kesempatan ini juga ingin mencadangkan agar diwujudkan satu kompleks sukan di Kuala Krau. Ini memandangkan kompleks sukan adalah satu keperluan untuk anak-anak muda Kuala Krau khususnya di DUN Jenderak. Pembinaan kompleks sukan ini juga boleh menjadikan tanda kebersamaan dalam meningkatkan lagi pembangunan sukan negara memandangkan anak-anak muda Jenderak ini juga amat berpotensi untuk menjadi atlet yang boleh mengharum nama negara kelak. Kompleks sukan ini juga boleh menjadi salah satu pusat pemindahan sementara sekiranya berlaku banjir di dalam kawasan Jenderak.

Yang di-Pertua,

Saya ingin menyatakan hasrat agar diwujudkan sebuah sekolah menengah baru yang diberi nama Sekolah Menengah Kuala Krau 2. Cadangan ini telah diketengahkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Temerloh dan tanah untuk pembinaan sekolah ini juga telah tersedia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pembinaan sekolah ini penting memandangkan penduduk di DUN Jenderak ini semakin hari semakin bertambah.

Yang di-Pertua,

Bagaimana mungkin persepsi yang mengatakan negeri Pahang tidak mengutamakan Agama Islam sedangkan Kerajaan Negeri Pahang sangat prihatin dengan pelbagai insentif yang dizahirkan untuk terus meneguhkan syiar Islam melalui belanjawan kali ini. Sebanyak RM162.5 juta diperuntukkan untuk kepentingan Agama Islam merangkumi pembinaan masjid baru, penyelenggaraan masjid dan surau, mahkamah syariah, asrama sekolah, begitu juga dengan pemberian Bantuan Prihatin Pahang. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri tidak pernah sama sekali meminggirkan kepentingan Agama Islam.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana bersetuju melalui belanjawan ini untuk memberi peruntukan membayar bantuan makanan bermasak asrama Sekolah Menengah Darul Naim, Kuala Krau. Dalam pada itu, saya ingin mencadangkan agar Tadika Tahfiz di Negeri Pahang yang dah ada sebanyak 21 cawangan diperluaskan ke seluruh DUN dalam negeri Pahang ini termasuk di DUN Jenderak.

Yang di-Pertua,

Saya ingin berterima kasih sekali lagi kepada yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang atas inisiatif untuk penternakan ikan air tawar. Bantuan yang diberikan di dalam bentuk makanan ikan, benih ikan talapia dan patin serta lain-lain ini sudah pasti dapat membantu penternak ikan air tawar termasuk penternak ikan sangkar di DUN Jenderak. Saya juga amat menyokong penguatkuasaan terhadap aktiviti seperti menuba ikan secara haram. Aktiviti haram ini sebenarnya boleh memupuskan ikan yang bernilai tinggi terutamanya di hulu-hulu sungai dan gangguan ekosistem. Denda yang tegas juga perlu dikenakan terhadap mereka yang menuba ikan menggunakan apa ni… racun kimia.

Yang di-Pertua,

Kuala Krau amat memerlukan klinik kesihatan yang baru. Sebelum ini ada perancangan untuk membina baru klinik kesihatan dan Menteri Kesihatan pun pernah turun dan melihat tapak tapi untuk makluman sehingga hari ini tidak diketahui status atau perkembangan kemajuan. Jadi, klinik kesihatan yang ada hari ini sudah agak uzur. Usia bangunan di klinik kesihatan ini juga mencecah hampir 57 tahun. Kedudukan klinik kesihatan ini sebenarnya tidak sesuai lagi kerana sebahagian bangunan klinik ini akan ditenggelami air apabila berlaku banjir malah dari segi kenderaan ada satu saja ambulans yang berusia lebih daripada 10 tahun dan dalam keadaan uzur, maknanya odometer dia pun dah lebih kurang 500,000 kilometer.

Dalam lawatan saya baru-baru ini ke sana, saya juga diberi taklimat oleh staf kesihatan dan juga doktor. Banyak peralatan juga yang tidak lagi boleh diguna pakai. Malah, menurut mereka kawasan operasi bagi klinik sedia ada juga yang terlalu luas. Kes kecemasan di luar waktu pejabat juga agak tinggi dan klinik ini tidak lagi dapat menangani kes-kes dengan lebih efisien. Besarlah harapan saya dan warga Jenderak yang semakin hari semakin bertambah agar dapat direalisasi pembinaan baru klinik kesihatan ini.

Yang di-Pertua,

Dengan adanya pembangunan seperti Kompleks Sukan Kuala Krau, Sekolah Menengah Kuala Krau 2, Tadika Tahfiz dan pembinaan projek lain seperti Esplanade, naik taraf Pekan

Sehari Kuala Krau, semua ini sudah pasti akan menambahkan lagi populasi penduduk di Kuala Krau. Jenderak akan sentiasa turut serta untuk bersama pembangunan negeri terutamanya dalam menjayakan pembangunan populasi penduduk. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih tidak terhingga kepada Yang Hormat Dato' Khairur Rizal bin Ramli, Pegawai Daerah Temerloh yang turut bersama pada hari ini dan juga Tuan Haji Suris Bin Mihat, YDP Majlis Perbandaran Temerloh kerana sentiasa bekerjasama dan prihatin di dalam pembangunan di dalam kawasan DUN Jenderak.

Akhirnya, marilah kita sama-sama menyokong usaha murni Kerajaan Negeri Pahang. Lihatlah kepada prestasi yang baik dalam tempoh setahun ini dan bukannya melihat kepada persepsi yang tidak tepat. Inilah kepimpinan yang melalui teladan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Akhir sekali, izinkan saya mengakhiri perbahasan saya ini dengan serangkap pantun.

Berjalan-jalan ke pekan sehari,
Pergi mencari baung kenderak,
Terima kasih Kerajaan Negeri,
Sentiasa bantu masyarakat Jenderak.

Sekian, Jenderak menyokong Belanjawan Negeri 2024.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil dari Jenderak. Selepas ini saya ingin menjemput Wakil yang terakhir dalam sesi pagi ini iaitu Wakil dari Tanjung Lumpur.

YB TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua di atas memberikan kesempatan kepada saya untuk menyertai perbahasan pada tengah hari ini. Di pertama-tama, saya juga mengucapkan terima kasih dan tahniah atas Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pembentangan bajet yang kita harapkan… sama-sama kita harapkan mudah-mudahan rakyat mendapat manfaat yang semaksima mungkin daripada bajet yang telah di… dibentangkan.

Jadi saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk membicarakan beberapa isu tempatan. Isu yang sangat penting kepada saya. Walaupun isu ini… isu yang dah lama kita bicarakan iaitu isu projek pembentungan kerana kita melihat kesan daripada projek itu yang kita tak tahu entah bila siap.

Tiap hari sentiasa ada masalah daripada setahun jadi dua dan sekarang dah mencecah dah empat tahun dah. Jadi tak siap-siap yang mana projek ni sangat menimbulkan isu daripada kalangan masyarakat, apatah lagi kalangan pengguna jalan rayalah. Apatah lagi projek ini pula sebahagian besarnya berada di DUN Tanjung Lumpur.

Jadi dia memberikan kesan yang besarlah bukan saja kepada saya sebagai Wakil Rakyat tetapi juga kepada pihak Kerajaan Negeri sendiri sebab sebahagian besar rakyat… dia tak memahami pun bahawa projek itu adalah projek Kerajaan Persekutuan. Dia tak tahu pun projek itu daripada er… apa Jabatan Pembentungan.

Tapi yang mereka tahu ini adalah projek dalam Kerajaan Negeri er… negeri Pahang. Maka kita melihatlah bagaimana kesan rakyat yang menghentam bukan sahaja dia hentam YB setempat, tapi juga Kerajaan… Kerajaan Negeri. Jadi, kita saya memohonlah kepada pihak kerajaan untuk supaya mengambil berat.

Sebab kita melihat juga er… beberapa isu berlaku. Di antaranya ialah apabila projek ini, tuan-tuan sekalian, berlaku saman-menyaman di antara syarikat kontraktorlah Jalur Cahaya yang menjalankan projek ini dengan pengurusan pemaju er… Aman Plus yang er… mana mereka mendakwa. Walaupun Kerajaan Negeri dah tahu, tapi saya sebut sikit lagi supaya semua jelas bagaimana mereka mendakwa bahawa rumah mereka ni retak kesan daripada lubang yang yang digali jadi berlaku saman- menyaman.

Kesan daripada itu ialah mereka tidak dapat meneruskan… meneruskan kerja penggalian untuk siapkan satu lubang yang… yang besarlah yang besar. Jadi juga menyebabkan kerja-kerja di er… kawasan lain, lubang-lubang… *point-point* yang lain juga tidak dapat dijalankan sebab semua *point-point* itu dia berkait. Maka sampai bila? Sampai bila pula rakyat terpaksa berhadapan dengan isu jalan, isu kesan daripada kerja-kerja pembentungan er… pembentungan tersebut.

Dan bukan setakat itu juga, kita ada dapat aduan daripada pihak-pihak peniaga di tepi jalan yang perniagaan mereka jadi rugilah disebabkan kerana adanya telaga-telaga, *point-point* yang di hadapan tu yang menutup kedai dan menutup jalan untuk pergi ke restoran dan sebagainya. Jadi mereka juga pernah bertemu dan pernah juga bertemu dengan pihak pengurusan minta sekurang-kurangnya sedikit pampasanlah disebabkan rugi lah er… tak boleh nak berniaga tetapi tak diberi jadi saya kira pihak Kerajaan Negeri kena ambil perhatian. Sebab yalah projek persekutuan tetapi mangsa itu adalah rakyat negeri kita. Mangsa tu adalah rakyat di setempat kita yang saya kira semua pihak… pihak kerajaan terutama sekali Yang Amat Berhormat dapat memahami bahawa sememangnya rakyat akan menyalahkan kita, dia tak salahkan tentang… tentang projek itu.

Yang kedua, saya juga nak menyebut tentang isu air. Tak lama ya Yang Berhormat Yang di-Pertua, tak berapa sihat hari ini. Jadi, isu air. Air, saya kira tempat-tempat lain pun dah sebut, saya juga nak sebut bahawa Tanjung Lumpur ni ialah kawasan pinggir bandar. Kawasan pinggir bandar yang melibatkan banyak taman-taman. Dan isu air ini ialah isu antara isu yang besarlah tuan-tuan sekalian. Dia hampir sama je dengan tadi. Tadi isu jalan, ini isu air.

Isu yang menyebabkan pandangan rakyat kepada kepada kerajaan tu menjadi tidak baik kan, bila tak boleh nak selesai. Rakyat ni kalau tak ada air memang… memang marah sangatlah, tuan-tuan sekalian, kita pun faham. Jadi di antara kawasan Peramu, Kempadang dan kawasan disebut sebagai pinggiran-pinggiran tu boleh dikatakan selalu sangat berlakunya masalah-masalah air, gangguan masalah air.

Kalau gangguan masalah jin ni ada jugak tok bomoh boleh berubat, tapi masalah gangguan air ni tuan-tuan sekalian yang boleh berubatnya PAIP dan Kerajaan Negeri. Jadi kita faham bahawa… kami pun ada buat kunjungan ke PAIP dan sebagainya untuk mendapat maklumat dan kita faham bahawa air di sekitar Peramu, Kempadang dan sebagainya adalah yang dialirkan daripada Loji Panching. Jauh Loji Panching dan kita tahu Loji Panching ini pula, dia bekalkan air ni sampai ke Paya Bungor. Jauh Paya Bungor, Batu

10 dan sebagainya dan kemudian masuk semula ke sini dan Kempadang adalah *point* yang terakhir.

Kempadang, Peramu dan sebagainya yang terakhir ini menyebabkan tekanan air ini terlalu rendah… sangat rendah dan kadang kala tidak ada sampai adalah pula daripada kalangan penduduk-penduduk yang berhadapan dengan tindakan undang-undanglah sebab mereka terpaksa ambil jalan yang salah, mereka gunakan motor untuk sedut air supaya air mereka lebih laju.

Memang ini menyalahi undang-undang. Mereka tak curi air, mereka bayar lebih tetapi salah sebab dengan sebab mereka ni curi air menyebabkan tempat lain jadi tak ada air. Jadi ini juga perlu diberi perhatian dan hasil daripada pertanyaan, ada beberapa cadangan bukan cadanganlah, er… bagi pihak PAIP sendiri pun ada kemukakan, pandangan-pandangan, cadangan-cadangan yang mungkin Kerajaan Negeri tahu dan kita sedar bahawa ini er… menelan belanja yang puluhan juta di antaranya untuk selesaikan masalah air di sebelah Kempadang, Peramu dan sebagainya.

Maka mestilah paip-paip dipasang daripada Loji Air Semambu. Itu untuk jangka masa panjang, kita faham ini puluhan juta belanja dia punya belanja dan untuk yang jangka pendek ialah melalui paip yang menembusi melalui sungai, menyeberang sungai itu tuan-tuan sekalian apa Ahli Dewan sekalian yang ini kita difahamkan menelan belanja lebih kurang dalam RM15 juta. Jadi nampak bajet negeri Pahang pada kali ini dan *surplus* pun boleh tahan.

Maka bolehlah rasanya difikir-fikirkan untuk selesaikan masalah air yang saya kira sangat lama sangat dah air di sebelah Tanjung Lumpur dan sebagainya dan kemudian yang ketiga sikit lagi ialah masalah nelayan darat di Tanjung Lumpur ini bukan sahaja ada nelayan laut tapi ada nelayan darat terutama sekali di kawasan pinggiran muara-muara sungai Kuantan.

Ada di antara di Tanah Putih, di Sungai Isap dan sebagainya. Jadi kita ada buat beberapa pertemuan dengan nelayan darat khususnya di Tanah Putihlah dan di Sungai Isap pun ada. Yang mana mereka memaklumkan pihak JPS tidak membenarkan lagi untuk mereka meletakkan bot dan sebagainya. Jadi memang tidak ada surat rasmi dan saya sendiri ada buat surat rasmi untuk bertemu dengan JPS jadi mungkin ada halangan yang menyebabkan kami tidak dapat berjumpa. Memang kami nak bertanya khususlah berkaitan dengan nasib nelayan darat.

Mana kalau sekiranya di situ, di Tanah Putih Baru itu tak boleh mereka mendaratkan bot-bot mereka maka kita minta pihak kerajaan beri cadangan di mana tempat-tempat yang terbaik untuk mereka meletakkan bot supaya mereka dapat mencari rezeki dengan lebih… dengan lebih baik.

Begitu juga di Sungai Isap yang saya kira di antara inisiatif nelayan-nelayan darat ini bukan sahaja mereka mencari rezeki dengan itu dan mereka juga bina rumah-rumah rakit dan sebagainya yang saya kira itu adalah sebahagian daripada usaha yang menarik minat orang orang ramai. Tapi begitu juga tidak ada surat rasmi daripada JPS. Cuma bila kita berjumpa, saya tak kata apa-apa pada JPS, cuma mohon penjelasan sahaja.

Sebab er… saya dah buat surat pertemuan tapi tak dapat bertemu mungkin ada jawapan-jawapan yang… yang… yang munasabah er… yang munasabah supaya er… rakyatlah

mereka ini mendapat jawapan-jawapan yang… yang… yang jelas er… yang jelas er… terhadap isu mereka dan yang terakhir juga saya nak mengucapkan terima kasihlah kepada pihak Kerajaan Negeri juga pihak JPS di atas kalau pada sidang yang lepas saya banyak membicarakan soal saliran, longkang dan sebagainya di sebelah padang tapi alhamdulillah untuk persiapan banjir pada kali ini kita melihat banyak aduan-aduan tersebut dan keluhan kita di dalam Dewan pun telah di… dibuatlah terutama sekali di sebelah Kempadang… itu sebab situ adalah di antara kawasan-kawasan yang apabila naik air agak besarlah menimbulkan kebimbangan.

Jadi kita mengharapkan er… apa kerja-kerja yang telah dibuat tu dapat menampung, namun kuasa Allah SWT kita tak er… kita tak tahu, cuma alhamdulillah kita berharap… kita harapkan usaha-usaha itu dia dapat er… dia dapat menyelesaikan masalah kita ataupun sekurang-kurangnya dapat mengurangkan er… risiko banjir yang berlaku di … di sebelah sana. Jadi saya er… sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada er… semua agensi-agensi kerajaan yang telah memberikan er… kerjasama yang baik er… di sepanjang er… sepanjang perkhidmatan saya er…. Jadi cukup sekadar tu pada hari ini er… alhamdulillah assalamualaikum dan saya er… menyokong bajet yang telah dibentangkan. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Ahli daripada kawasan Tanjung Lumpur. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di sebelah pagi ini seramai 6 orang ahli telah pun mengambil bahagian dan persidangan kita akan disambung di sebelah petang. Jadi, saya akan menempohkan persidangan di sebelah pagi ini dan persidangan kita bersambung semula jam 2:.0 petang. Persidangan ditempohkan.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 01.14 tengah hari*]

[*Persidangan disambung semula*]

SAMBUNGAN PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) 2023 DAN USUL ANGGARAN PERBELANJAAN PERBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR 2024.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga : Sambungan Perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2024) 2023 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2024.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmannirahim. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam perpaduan dan selamat petang. Persidangan kita akan disambung semula. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kehadiran pemerhati kita iaitu daripada Kolej Profesional Mara yang bersama-sama dengan kita, 8 orang. Widad University College, seramai 8 orang, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abu Bakar Kuantan (SABS) [Ahli Dewan menepuk meja] dan Puteri UMNO.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan, rakan-rakan Yang Berhormat sekalian. Kita masih lagi dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul yang telah dikemukakan kepada kita pada petang ini dan akan menyambung Perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul ini. Dengan ini saya menjemput Ahli Yang Berhormat daripada Mentakab, silakan.

YB TUAN WOO CHEE WAN

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang menyampaikan pandangan saya di Dewan yang Mulia ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah berjaya membuat Pembentangan Belanjawan 2024.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya telah membangkitkan isu ini daripada hari pertama saya menjadi ADUN Mentakab tetapi sehingga kini masih belum ada cahaya di hujung terowong. Saya tidak jemu dan saya percaya Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua Ahli Dewan juga tidak jemu mendengar keluhan saya mewakili bukan sahaja rakyat di DUN Mentakab tetapi seluruh daerah Temerloh iaitu isu air.

Pada persidangan yang lalu, saya telah menyebut isu ini kerana saya merasakan ianya isu yang serius tetapi kali ini, saya membangkitkan isu ini kerana sudah sampai ke tahap kritikal. Keperluan air bukan sahaja untuk kegunaan harian penduduk tetapi juga menjadi pemangkin ekonomi setempat. Inilah yang berlaku di Mentakab dan Temerloh. Apabila saya diberitahu oleh pemaju-pemaju perumahan ditolak permohonan untuk memajukan kawasan perumahan dan rumah kedai disebabkan ketidakkeupayaan PAIP menyediakan bekalan air yang mencukupi. Masalah ini yang saya percaya tidak seharusnya berlaku sekiranya tindakan segera dan proaktif diambil bagi menyelesaikannya menyebabkan

kerugian kepada tuan tanah, pihak pemaju dan tentunya daerah Temerloh keseluruhan dan negeri Pahang juga apabila pembangunan tidak dapat dijalankan.
Adanya taman perumahan baharu akan merancakkan ekonomi yang membolehkan kerajaan juga secara langsung mendapat faedah daripada kutipan cukai misalnya. Dan tentunya ekonomi setempat akan lebih rancak. Saya mencadangkan, sepertimana yang pernah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-9, peruntukan RM100 juta bagi menyelesaikan masalah bekalan air di Mentakab dan Temerloh segera digunakan bagi menaik taraf Loji Air Lubuk Kawah yang telah berumur 40 tahun. Saya difahamkan, loji tersebut selama ini tidak pernah dinaik taraf dan ia hanya diselenggarakan secara berkala. Juga ada keperluan mendesak untuk membina loji air yang baharu, moden tanpa berteknologi tinggi, dengan kadar segera. Pada masa yang sama dengan izin, saya tertanya-tanya apakah peruntukan RM100 juta ini telah diturunkan ke peringkat negeri.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya percaya Dato' Sri Yang di-Pertua sebagai anak Temerloh, juga memahami sangat-sangat akan masalah yang dihadapi oleh penduduk dan saya percaya Dato' Sri Yang di-Pertua berkongsi kerisauan yang sama dengan saya. Terutamanya dengan pertambahan penduduk yang ketara di Temerloh dan adanya perbezaan demografi penduduk berbanding 40 tahun yang lalu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, RM100 juta itu saya mohon pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

YB TUAN WOO CHEE WAN

Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ketika itu.

YB TUAN WOO CHEE WAN

Saya memohon pertimbangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang kini menjadi sahabat seperjuangan saya untuk memberikan perhatian khusus bagi mencari penyelesaian segera bagi isu ini dan saya meyakini iltizam Yang Amat Berhormat Menter Besar untuk mensejahterakan kami di Mentakab dan di Temerloh.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Izinkan saya membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada isu yang dekat dengan saya dan saya yakin sangat dengan Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua iaitu Temerloh sebagai Titik Tengah Semenanjung. Kita telah membelanjakan RM11.8 juta dengan keluasan kawasan 1.7 hektar untuk menguar-uarkan Kampung Paya Siput sebagai Titik Tengah Semenanjung. Kita bersyukur kepada Tuhan dengan Temerloh diwartakan sebagai Titik Tengah Semenanjung.

Namun begitu, saya melihat tidak ada impak yang signifikan dengan pengisytiharan tersebut. Saya suka mencadangkan agar promosi yang lebih hebat perlu dijalankan. Saya mohon perhatian pihak kerajaan supaya dapat menjadikan Titik Tengah Semenanjung sebagai suatu komoditi pelancongan dan secara langsung untuk merancakkan ekonomi setempat.

Saya mencadangkan produk-produk pelancongan sedia ada seperti ekotourism, sejarah, kraftangan, seni budaya termasuk Orang Asli dan tentunya Pekan Sehari Temerloh dipromosi dan dipergiatkan lagi dengan Titik Tengah Semenanjung itu sebagai jenama. Saya mengucapkan tahniah dan sebagai anak Temerloh sangat berbangga apabila Pekan Sari Temerloh telah diiktiraf di dalam Malaysian Guinness Book of Records, dengan izin sebagai pasar pagi terpanjang dan paling ramai peniaga, iaitu lebih daripada enam ratus peniaga. Saya mohon pula, satu kajian ilmiah dibuat bagi mengesahkan bahawa Pekan Sari Temerloh sebagai yang tertua dan paling lama. Bukan sahaja di Pahang, tapi juga di Malaysia.

Pada masa yang sama, saya menzahirkan ucapan tahniah khususnya kepada Majlis Perbandaran Temerloh kerana memenangi anugerah Bandar Paling Mampan 2023 sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan. Sekali lagi, sebagai anak Temerloh dan saya percaya Dato' Sri Yang di-Pertua, juga berkongsi kebanggaan.

Selain daripada itu, yang lebih penting saya memohon kepada Kerajaan Negeri Pahang supaya mengambil inisiatif untuk memasukkan Temerloh sebagai Titik Tengah Semenanjung di dalam buku teks sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Saya percaya dengan cara ini akan lebih memberi manfaat kepada anak-anak sekolah di samping memahami elemen sejarah di Temerloh itu sendiri.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya hendak sebut tentang Stesen Bas Mentakab. Difahamkan, tanah itu sudah dijual kepada pihak swasta. Sehubungan itu, adakah sebuah stesen bas baru akan dibina di lokasi yang baru? Memandangkan stesen bas yang sedia ada sekarang ini berada di dalam keadaan yang sangat mendukacitakan. Usang dengan siling dan atap yang sudah pecah sejak banjir hujung tahun 2021. Penumpang yang menggunakan stesen bas tersebut juga tidak selesa dan ramai yang datang mengadu kepada saya. Malah, lampu jalan juga tiada dan lampu di stesen bas tersebut banyak yang rosak. Keadaan yang sangat kelam dan menakutkan.

Oleh itu, saya memohon supaya sementara menunggu stesen bas baru dibina, stesen bas sedia ada itu hendaklah dibaiki, ditambah baik dan diselenggarakan untuk keselesaan masyarakat. Saya juga berasa malu apabila pelancong luar negara yang tiba di stesen bas tersebut dengan keadaan yang sangat menyedihkan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya percaya ramai yang menyedari keunikan Temerloh. Saya percaya Mentakab adalah satu-satunya bandar negeri Pahang atau mungkin juga di Semenanjung Malaysia yang mempunyai dua kemudahan sistem pengangkutan iaitu KTM dan ECRL. Di Mentakab, kita sudah ada sejak sebelum merdeka Stesen KTM dan Stesen ECRL juga dibina di dalam

Mentakab yang dijadualkan siap di hujung tahun 2026. Saya suka mencadangkan supaya Stesen KTM di Mentakab dinaik taraf dan diperkemaskan.

Saya fikir Kerajaan Negeri Pahang boleh mencadangkan kepada KTM Berhad untuk menaik taraf stesen KTM memandangkan ECRL juga mempunyai stesen yang cantik dan canggih yang berhampiran. Adalah diharapkan khususnya DUN Mentakab mendapat manfaat besar dari limpahan pembinaan ECRL dan KTM sedia ada ini. Saya mencadangkan untuk memanfaatkan sepenuhnya ECRL dan KTM. *Tagline* 'Temerloh Sebagai Titik Tengah Semenanjung' perlu dijadikan tarikan utama supaya orang ramai dari luar menggunakan kemudahan keretapi ini dapat singgah ke Temerloh dan tentunya akan merancakkan ekonomi.

Saya menaruh keyakinan dengan kombinasi sistem pengangkutan yang canggih di Mentakab dan kelebihan sedia ada di Temerloh dari segi ekotourism dan faktor sejarah serta *foodie destination* dengan izin, akan mampu mengembangkan ekonomi setempat. Akan tetapi Dato' Sri Yang di-Pertua, semua ini jalinan keretapi ECRL dan KTM, produk pelancongan sedia ada dengan *tagline* 'Temerloh Titik Tengah Semenanjung' akan pasti memberikan manfaat dengan syarat masalah bekalan air diselesaikan dengan segera. Terima kasih, Mentakab mohon menyokong. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil daripada Mentakab. Seterusnya saya menjemput Wakil dari DUN Sungai Lembing.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum dan selamat petang. (bacaan dalam Bahasa Arab).

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk menyertai Perbahasan Bajet pada petang ini. Sebelum saya membahaskan RUU Perbekalan Belanjawan 2024, saya mewakili warga Sungai Lembing bersolidariti bersama rakyat Palestin menentang kezaliman dan kejahatan rejim Zionis Israel. Di saat hari ini, kita selesa berbahas dalam Dewan yang serba selesa ini. Rakyat Gaza dihimpit dengan perasaan cemas dan takut setiap hari kerana berhadapan dengan kekejaman dan kezaliman oleh tentera Israel laknatullah dengan serangan tembakan dan bom pada setiap masa.

Marilah bersama kita doakan semoga saudara kita di bumi Palestin dikurniakan kekuatan dan kemenangan dalam mempertahankan agama Islam dan tanah suci Palestin. Saya juga mengharapkan kebersamaan dan ketegasan kita semua untuk terus istiqamah bersama dengan perjuangan rakyat Palestin, sekali gus menolak sebarang bentuk kerjasama dan toleransi yang akan merugikan agama Islam dan rakyat Palestin termasuklah cadangan penyelesaian *two-state solution*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya meneliti Belanjawan 2024 yang dibentangkan oleh Menteri Besar semalam. Satu justifikasi signifikan perlu diperhalusi dan disemak semula apabila Kerajaan Negeri

memfokuskan perbelanjaan pengurusan melebihi peruntukan pembangunan. Sungguhpun begitu, saya juga ingin merakamkan setinggi tahniah kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Jelai atas kesungguhan menambah hasil pendapatan Kerajaan Negeri sehingga melebihi RM1 bilion setahun yang boleh meletakkan negeri Pahang sebaris dengan pendapatan negeri-negeri maju yang lain.

Oleh yang demikian, sewajarnya pengagihan kepada ADUN Pembangkang juga mendapat limpahan daripada hasil ini untuk rakyat di DUN masing-masing secara adil dan munasabah. Saya percaya kejayaan ini didasari oleh tadbir urus yang baik oleh Yang Amat Berhormat Jelai dengan sokongan terbaik daripada kakitangan awam Kerajaan Negeri dalam memastikan pengutipan hasil negeri dijalankan secara kondusif dan inklusif.
Oleh itu, besar juga harapan saya untuk Yang Amat Berhormat Jelai menjalankan tatakelola dan tadbir urus yang sama juga dalam menguruskan perbelanjaan dan peruntukan Kerajaan Negeri yang juga mesti bersifat kondusif dan inklusif untuk semua termasuklah peruntukan yang adil dan saksama untuk semua Ahli Dewan Negeri tanpa bersikap prejudis kepada mana-mana pihak terutama dari pihak pembangkang.

Suka juga saya peringatkan kepada sesi Dewan di saat kita berbangga dengan peningkatan hasil… peningkatan hasil pendapatan Kerajaan Negeri, namun realiti rakyat di bawah menunjukkan dapatan yang *contradict*. Pada saat dan ketika ini rakyat kita sedang berhempas-pulas meneruskan kelangsungan hidup dengan cabaran ekonomi yang sangat menekan dengan kadar pendapatan yang kecil dan statik serta kadar kos sara hidup pula terus memuncak menyebabkan kuasa beli rakyat semakin mengecil.

Maka, suka saya menyeru kepada Kerajaan Negeri untuk bersikap adil dan saksama dalam menguruskan pembahagian kek ekonomi hasil pendapatan Kerajaan Negeri agar dinikmati oleh semua lapisan rakyat Pahang tanpa mengenal latar belakang… latar belakang dan fahaman politik.

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, dalam masa yang terhad ini, saya hanya ingin memfokuskan perbahasan saya kepada beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian dan penjelasan oleh pihak kerajaan bagi memastikan belanjawan ini kelak menjadi belanjawan yang terbaik dan adil untuk semua.

Perkara utama yang saya ingin sentuh adalah seruan untuk minimum… meminimumkan kadar penggunaan hasil kerajaan kepada perkara yang tidak perlu dan utama. Dalam hal ini, saya ingin fokuskan kepada peruntukan RM1 juta kepada 60 orang golongan belia yang mengikuti latihan penyembelihan profesional yang akan dikendalikan oleh KYP Advanced Skill. Secara purata, seorang peserta yang mengikuti program ini diperuntukkan RM17,000.00 seorang. Maka soalan saya, berapa lama kursus ini dijalankan? Apakah kos utama kursus ini sehingga menelan belanja yang begitu tinggi? Apa perancangan Kerajaan Negeri terhadap alumni program ini?

Saya juga ingin mencadangkan agar peruntukan sebegini juga diperuntukkan kepada para pendidik di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri untuk menyambung pelajaran mereka dalam ikhtisas pendidikan bagi memastikan mereka mampu menjadi tenaga pendidik yang kompeten kepada modal insan negeri Pahang.

Saya juga ingin melahirkan rasa sedih dan terkilan sebaik sahaja mendengar pembentangan belanjawan ini semalam khususnya dalam perkara merancakkan

pelancongan yang tiada langsung memperuntukkan bajet khusus untuk program dan projek untuk merancakkan sektor pelancongan di Sungai Lembing. Malah sepanjang pemerhatian saya, peruntukan pelancongan hanya berkisar di kawasan Pahang Barat sahaja dan hanya sejumlah kecil diperuntukkan untuk merancakkan sektor pelancongan di kawasan Pahang Timur. Sedangkan Sungai Lembing terkenal sebagai destinasi pelancongan alam semula jadi, ekotourism pelancongan, warisan sejarah, *historical tourism* dan pelancongan pertanian dan sumber bumi agrotourism.

Banyak aktiviti berpotensi dan baru yang boleh dimajukan dan dipromosikan di Sungai Lembing seperti berkayak di arus Sungai Pasir Puteri, mendaki Gunung Tapis dan pelbagai aktiviti yang menarik dan unik. Dalam hal ini, saya ingin memohon penjelasan berkenaan dengan peruntukan sejumlah RM10.1 juta diperuntukkan kepada Tourism Pahang. Namun, hanya RM3 juta sahaja diperuntukkan bagi tujuan penyediaan infra dan fasiliti pelancongan. Selebihnya RM7.1 juta iaitu hampir 70% daripada peruntukan ini digunakan sebagai peruntukan mengurus Tourism Pahang. Saya mohon penjelasan… saya mohon penjelasan apa fungsi sebenar yang dimainkan oleh Tourism Pahang dalam mengembangkan destinasi pelancongan di Pahang khususnya Sungai Lembing? Berapa bilangan kakitangan dan berapa jumlah emolumen tahunan Tourism Pahang?

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin menyatakan penghargaan atas keprihatinan Kerajaan Negeri dengan menyenaraikan pekan Sungai Lembing sebagai salah satu projek penggantian paip bagi mengatasi masalah kekerapan paip pecah yang membawa kadar kehilangan air tidak terhasil (NRW). Sungguh pun begitu ingin saya tegaskan dilema masalah air bagi masyarakat sekitar Sungai Lembing dan perumahan Taman Perdana FELDA Bukit Goh masih belum selesai. Isu utamanya adalah bekalan air yang sering terputus untuk jangka masa yang lama dan kerap berlaku walaupun bukan musim cuti dan… musim cuti sekolah dan perayaan.

Paip lama yang sudah tamat tempoh dan tekanan air rendah dikenal pasti menjadi punca berlakunya masalah ketiadaan air ini. Suka saya rekodkan ini ialah permohonan dan rayuan kedua saya di dalam Dewan ini untuk memohon peruntukan pembinaan loji rawatan air yang baru sebagai tambahan bagi menampung keperluan penggunaan warga Sungai Lembing yang semakin hari semakin meningkat dan saya juga ingin tahu tentang status pembinaan loji air di Bukit Kuin dan Bukit Goh.

Saya juga ingin rekodkan di Dewan ini, Sungai Lembing ingin memohon sejumlah peruntukan MARRIS 4.0… 4.0.1, RM401.72 juta bagi tujuan penyelenggaraan dan pembesaran jalan-jalan di sekitar Sungai Lembing terutamanya Jalan Kuantan-Sungai Lembing dan Jalan Bukit Goh-Neram.

Jalan Bukit Goh-Neram ini telah saya bangkitkan sebelum ini di dalam Dewan yang Mulia ini bahawa jalan ini sangat bahaya kerana agak sempit dan uzur ditambah dengan kehadiran lori-lori besar daripada YTL dan kilang sawit FGV yang banyak menggunakan jalan ini. Jalan yang agak sempit dan uzur ini sangat membahayakan kenderaan kecil terutamanya motosikal apabila berselisih dengan kenderaan berat ini.

Walaupun jalan-jalan ini berstatus Jalan Persekutuan, namun saya mohon juga perhatian Kerajaan Negeri untuk memberikan perhatian khusus bagi tujuan penyelenggaraan dan

pembesaran jalan-jalan ini. Untuk perhatian sidang Dewan, saya sangat berasa sedih dan terkilan apabila sering kali menerima laporan dan berita kemalangan sehingga meragut nyawa yang berlaku di jalan ini.

Saya juga adalah pengguna utama jalan ini yang sering kali rasa bimbang kejadian tidak diingini juga menimpa diri saya juga. Selain itu, isu binatang ternakan yang berkeliaran di kawasan jalan ini juga menjadi penyumbang kepada kemalangan yang mengakibatkan kecederaan parah dan kerosakan kenderaan pengguna. Maka saya merayu kepada Kerajaan Negeri untuk menguat kuasa peruntukan undang-undang khusus bagi menangani isu haiwan ternakan yang berkeliaran bebas ini yang berisiko mendatangkan masalah kepada pengguna jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin memohon… bercakap soal Orang Asli, Pahang telah membuktikan bahawa Orang Asli mempunyai potensi yang hebat. Tentu kita masih tidak lupa bagaimana kerjasama antara UMNO dan PAS atau nama Muafakat Nasional telah berjaya menghantar seorang Ahli Parlimen mewakili Cameron Highlands yang hari ini telah diangkat menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Bajet yang dibentangkan YB Jelai… Yang Berhormat Jelai ada menyentuh berkaitan Orang Asli.

Bagi Sungai Lembing, antara antara fokus penting yang perlu ditekankan juga adalah pembangunan modal insan Orang Asal. Bukan sahaja bajet untuk pembangunan material tetapi penekanan kepada pembangunan dari sudut intelektual dan kerohanian sangat penting diberi perhatian. Saya juga ingin memohon perhatian khusus untuk jaringan jalan ke Kampung Orang Asli di kawasan Sungai Lembing iaitu Kampung Sungai Mas dan Bukit Bakong yang perlukan penyelenggaraan dan pembesaran bagi meningkatkan kualiti hidup, kesinambungan masyarakat Orang Asli dengan kawasan sekitar.

Begitu juga dengan Inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA) juga perlu diperluas dan dipertingkatkan di kawasan perkampungan Orang Asli ini. Terima kasih di atas inisiatif RM1.5 juta untuk program baik pulih rumah Orang Asli ini. Di Bukit Bakong dan Sungai Mas, Sungai Lembing sendiri memang banyak rumah-rumah Orang Asli yang memerlukan peruntukan untuk dibaik pulih.

Di kesempatan ini juga, saya ingin bawakan berita yang baru sahaja saya terima beberapa minggu lepas daripada orang kampung saya iaitu berkenaan dengan pencerobohan haiwan liar terhadap hasil tanaman penduduk setempat. Dalam hal ini, suka saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk memperuntukkan sejumlah peruntukan khusus bagi memulihara biodiversiti bagi menangani isu pencerobohan haiwan liar seperti gajah, babi hutan dan kera kepada hasil tanaman penduduk setempat yang membawa kepada kerugian ekonomi dan fizikal kepada penduduk setempat.

Kehadiran gajah yang semakin kerap di kawasan penduduk FELDA Bukit Sagu 1 dan Bukit Kuantan bukan sahaja memusnahkan tanaman mereka malah menimbulkan ketakutan kepada mereka. Selain itu, saya juga ingin menyeru Kerajaan Negeri agar mengoptimumkan penggunaan sumber dan kemudahan yang ada dan seboleh mungkin mengelakkan kebocoran kantung hasil Kerajaan Negeri ke saluran-saluran yang tidak efisien dan membazir.

Saya ambil contoh program *Pahang1st Job* dan pangkalan data utama Pekerjaan Pahang atau dikenali sebagai Cari Kerja@Pahang. Saya faham kedua program ini yang menelan belanja RM4 juta bertujuan untuk menyediakan platform padanan kerja untuk warga negeri Pahang sekali gus mengatasi masalah pengangguran di negeri ini. Namun, langkah ini saya sifatkan sangat tidak efisien dan tidak keterlaluan saya katakan membazir.

Hal ini adalah kerana program dan sistem yang sama juga telah disediakan dan ditawarkan oleh *Myfuture Job*S dan *Jobs Malaysia* yang diperkenalkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Sistem ini juga boleh menjadi pengkalan data cari kerja di negeri Pahang. Adalah lebih berbaloi sekiranya peruntukan RM4 juta itu diperuntukkan untuk kursus-kursus peningkatan dan pengasahan bakat dan kemahiran rakyat negeri Pahang yang lebih menjamin kebolehpasaran dan kelangsungan modal insan di negeri Pahang.
Saya cadangkan agar suatu penyelarasan antara Kerajaan Negeri dan Kementerian Sumber Manusia dilakukan bagi memastikan penggunaan platform pencarian kerja dapat dioptimumkan sekali… sekali gus mengelakkan pembaziran dan kebocoran hasil Kerajaan Negeri.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam isu anak muda, saya ingin menjelaskan… saya ingin penjelasan tentang RM570,000.00 yang diperuntukkan khusus bagi program Persatuan Pemerkasaan Belia (YES) dan Program Sukarelawan Anak Muda Pahang. Apa hala tuju dan impak kedua-dua program ini kerana saya bimbang program-program baik sebegini menjadi lubuk menjana pendapatan kepada pihak-pihak tertentu yang sudah pasti tidak memberikan manfaat kepada keseluruhan belia Negeri Pahang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat boleh gulung ya.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Begitu juga dengan peruntukan RM250,000.00 yang diperuntukkan bagi pelaksanaan program kepimpinan belia yang… yang lain… yang antara lain mewujudkan penggerak belia kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Saya ingin penjelasan mendalam tentang kewujudan penggerak belia di setiap daerah ini bagaimana pemilihan mereka? Apa kriteria? Berapa orang jumlah penggerak belia untuk setiap daerah? Saya ingin tegaskan, jangan pernah ada usaha untuk menggunakan duit rakyat negeri Pahang untuk tujuan kepartian dan kepentingan mana-mana individu.

Saya juga ingin mengingatkan kepada semua kepimpinan dan entiti Kerajaan agar tidak menyulitkan proses pemberian dan penyaluran peruntukan dan hak yang sepatutnya dinikmati oleh rakyat. Janganlah hanya kerana ingin serahkan wang tunai RM100.00 dibuat majlis menelan belanja yang besar dan memaksa penerima untuk memperuntukkan masa mendengar syarahan politik.

Yang di-Pertua… Dato Sri Yang di-Pertua,

Di akhir ini, suka saya mengambil seruan Yang Amat Berhormat Jelai, "berganding bahu untuk memajukan negeri ini segulai sejalai". Mencari titik persamaan di sebalik perbezaan

pendapat. Sistem demokrasi moden mengiktiraf kewujudan dua pihak di dalam Dewan. Ada Pihak Kerajaan yang berfungsi menjadi pentadbir kepada operasi Kerajaan dan Pembangkang sebagai penyemak dan pengimbang kepada setiap dasar dan keputusan Kerajaan.

Jika ini berjalan dengan sebaiknya, sudah pasti akan memberikan kebaikan dan nikmat kepada rakyat. Setelah hampir setahun menjadi Wakil Rakyat, barulah sekali kami Wakil Rakyat khususnya Sungai Lembing sebagai Wakil Rakyat Pembangkang dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah bagi mendengar dan menyuarakan isu-isu rakyat di kawasan kami.

Saya berharap agar usaha ini diteruskan dan diperluaskan khususnya dalam peruntukan kepada rakyat. Apakah Kerajaan merasa rugi jika Wakil Rakyat Pembangkang membantu meringankan kerja Kerajaan bagi menjaga kebajikan rakyat dalam negeri Pahang ini.
Jika hal ini diatasi, saya yakin keharmonia… keharmonian dan perbatuan… perpaduan utuh dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat di negeri ini. Ianya juga adalah selari dengan titah Tuanku Pemangku Raja Pahang yang menitahkan agar peruntukan diagihkan dengan adil kepada semua Ahli Dewan Negeri untuk kebaikan semua rakyat.

Akhirnya, Sungai Lembing mengharapkan kerjasama ini dapat diteruskan termasuk pihak agensi Kerajaan Persekutuan, negeri dan daerah, teruskanlah melibatkan kami dalam pembangunan di daerah kami. Berikan kami peranan dalam mencorak kawasan kami. Jangan risau dengan ziarah kami, kita sama-sama mahu berkhidmat dan berbakti di kawasan kami.

Setakat ini sahaja perbahasan saya bagi RUU Perbekalan (2024) Dewan Undangan Negeri Pahang Ke-15. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Lembing, seterusnya saya jemput Wakil daripada Chenor.

YB TUAN MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK

Assalamualaikum WBT. Alhamdullilah, (bacaan dalam Bahasa Arab). Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, barisan EXCO dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, serta semua yang hadir pada petang yang mulia ini, Dewan yang Mulia. Pertama-tamanya, saya ucapkan terima kasih kerana mengizinkan dan juga memberikan kepada saya peluang untuk membahaskan Belanjawan Pahang bagi Tahun 2024.

Di mana saya mulakan dengan Firman Allah SWT, (bacaan ayat al-Quran), "Allahlah yang mengeluarkan daripada yang hidup itu, daripada yang mati keluar yang hidup, daripada yang hidup keluar yang mati dan Allah SWT yang merezekikan kepada siapa yang dikehendaki". Mudah-mudahan Allah SWT merezekikan kepada Kerajaan Negeri Pahang, rezeki yang banyak yang akhirnya diagih-agihkan kepada rakyat supaya ianya dapat merealisasikan, 'Pahang Prihatin, Rakyat Makmur'.

Jadi pada perbahasan ini, saya berhasrat untuk menyampaikan beberapa perkara yang berkaitan dengan kepentingan rakyat di DUN saya. Sebelum itu, saya ucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan dan semua yang terlibat dalam menggariskan Belanjawan 2024 ini. Di mana semua perkara-perkara yang terkait dengan belanjawan ini adalah untuk memberikan kesenangan dan kemudahan kepada rakyat. Jadi oleh kerana itu, isu-isu yang besar sepertimana yang berlaku di mana-mana tempat. Tidak juga terlepas daripada tempat saya berkenaan dengan isu air.

Merujuk kepada Belanjawan Negeri Pahang yang telah dibentangkan, sejumlah RM301.29 juta akan dibelanjakan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan bekalan air. Jadi saya nak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan juga pihak Pengurusan Air Pahang (PAIP) yang telah pun melaksanakan dua projek di kawasan Chenor. Yang pertama, projek menggantikan paip air di Bukit Kening yang telah pun siap 100% dan tiada lagi aduan tentang paip pecah, alhamdulillah.

Dan yang keduanya projek berkenaan dengan pembinaan *booster* di Kampung Awah yang sedang berjalan lancar dan insya-Allah bekalan air ini dapat menyelesaikan masalah yang telah lama dihadapi oleh penduduk di sekitar Pekan Awah. Jadi saya mengharapkan apabila selesai sahaja kerja ini maka pembangunan Pekan Awah dapat dirancakkan semula selepas daripada ini, kerana masalah air kita lihat peniaga-peniaga dan juga penyewa-penyewa ramai yang lari kerana masalah air. Maka berbagai usaha telah pun dibuat, alhamdulillah. Pada kali ini kita melihat bahawa kerja yang lancar ini diharapkan mengikut jadual dan insya-Allah moga-moga ianya dapat memajukan lagi Pekan Awah dan saya mengharapkan agar Pekan Awah ini kalau boleh ditukar nama menjadi Bandar Baru Awah, insya-Allah.

Yang keduanya, saya juga nak ucapkan terima kasih kepada kerajaan dan juga EXCO Agama yang telah merasmikan Kompleks Pemulihan Al-Quran di Chenor. Ia merupakan projek yang... kompleks yang dikira sebagai yang terbesar di Pahang. Walaupun saya tidak dijemput untuk hadir pada waktu itu. Jadi apapun, alhamdulillah kita mengharapkan moga-moga bangunan Pejabat Agama Daerah Chenor yang dahulunya ada dan telah pun ditutup dan alhamdulillah dihidupkan menjadi Kompleks Pemulihan Al-Quran ataupun Pusat Pelupusan Al-Quran yang terbesar di negeri Pahang.

Kemudian berkenaan dengan pertanian di mana kita melihat bahawa negeri Pahang ini merupakan negeri yang besar dan serata tempat namanya paya. Bermula dari Paya Kecil sampai Paya Besar. Paya Panjang sampai Paya Pendek ada belaka paya dalam negeri Pahang ini. Jadi oleh kerana itulah kalau dapat dimanfaatkan paya-paya tersebut, sama ada dengan penanam padi ataupun perusahaan ikan air tawar supaya ia dapat sekurang-kurangnya untuk menyelesaikan masalah krisis makanan yang juga sangat dirisaukan oleh dunia pada hari ini. Jadi oleh kerana itulah pada Sidang DUN yang lepas di mana kita telah pun mendapat maklumat bahawa sebanyak 348 hektar yang telah pun diusahakan berkenaan dengan penanaman padi dengan jumlah keseluruhan 10,174 hektar di seluruh negeri ini.

Jadi, alhamdulillah kebetulan di Chenor banyak paya-paya yang terbiar dan ada beberapa pengusaha yang telah pun mengusahakan seperti di Kampung Bukit Cempedak, di Kampung Sekara, di Kampung Pesagi. Maka ia boleh diluaskan lagi untuk melihat ataupun untuk menjadikan ia sebahagian daripada jelapang padi selain daripada Rompin dan juga Pekan.

Kemudian berkenaan dengan isu kesihatan. Di mana 'Rakyat Sihat, Negara Sejahtera'. Masa hadapan rakyat untuk hidup di negara di dalam nikmat kesihatan yang baik berkemungkinan tergugat, apabila tidak dapat dibendung isu berkenaan dengan *vape* yang hari ini kita baca tiap-tiap hari dalam akhbar laporan-laporan berkenaan dengan kesakitan dan juga kematian berkenaan dengan *vape* ini. Menurut kajian Persatuan Pulau Pinang, di Malaysia sudah ada 5 juta perokok dan 1.5 juta penghisap *vape*. Manakala melalui saringan khusus yang dijalankan mendapati 4,300 pelajar terjebak dengan rokok dan inilah jumlah yang ada dalam negara kita.

Oleh itu, Chenor mohon perhatian pihak Kerajaan Negeri mengenai isu ini. Adalah sangat wajar kita mencontohi Kerajaan Negeri Johor yang kekal melarang penjualan *vape* di negeri itu seperti yang telah pun diputuskan pada tahun 2016. Di samping itu, penguatkuasaan secara lebih komprehensif mengenai 23 tempat larangan merokok yang telah dikuatkuasakan pada Januari 2019 seperti di premis makanan, premis kerajaan dan sebagainya, perlu diambil kira. Kegagalan kita membendung isu *vape* ini akhirnya nanti akan membuatkan sistem kesihatan negara kita kekal di takuk lama. Firman Allah SWT, (Bacaan ayat Al-Quran), "telah nampak kerosakan di darat dan juga di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada akibat perbuatan mereka agar mereka kembali ke jalan yang benar".

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin menarik perhatian Dewan ni berkenaan dengan banjir. Kita mengharapkan supaya tahun ini kita tidak ditimpa oleh banjir. Jadi apa yang pentingnya apabila keadaan berlaku, kawasan Chenor ni seperti mana banjir yang berlaku pada 2014. Kita melihat bahawa Chenor ni menjadi pulaulah, sebelah ke Temerloh di Paya Pulai tenggelam, kemudian di Paya Pasir tenggelam, di Sungai Nerek tenggelam. Jadi tak ada tempat nak pergi. Jadi oleh kerana itu, saya ingin menarik perhatian supaya Jambatan Sungai Nerek yang sering ditenggelami air banjir saban tahun. Jambatan ini merupakan penghubung utama di antara jalan utama Bandar Tun Razak ke Pekan Awah.

Pada waktu ini semua bantuan termasuk keperluan, kalau banjir itu maka bantuan-bantuan akan terputus. Maka dengan sebab itulah, jambatan ini yang saya maklum, saya dapat maklumat bahawa ia pun telah pun diluluskan. Jadi dapat diharapkan pembinaan Jambatan Sungai Nerek ini diberikan keutamaan dan disegerakan kerana saya telah dimaklumkan berkenaan dengan projek ini telah pun mendapat kelulusan. Begitulah juga dengan jambatan-jambatan yang kecil, yang tidak diperbaharui lagi. Seperti mana Jambatan Sungai Sering dan juga Jambatan Jengka.

Dato' Sri Yang DiPertua, seterusnya…

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sebelum pindah, saya minta laluan sikit. Chenor, terima kasih. Tentang isu banjir ni, saya ingat dalam tahun 1971. Pahang antara negeri yang paling terkesan dengan banjir pada waktu itu. Sehingga Kerajaan Negeri pada waktu itu telah pun bersetuju untuk membuat penempatan baru rumah banjir… disebut sebagai rumah banjir. Saya fikir agenda ini sangat bagus dan kalau tengok Chenor dan beberapa kawasan kita ni memang kawasan yang memang serius isu banjir. Selain daripada penempatan yang dibuat di Maran, pemindahan tetap, saya juga melihat bahawa, minta pandangan kalau sekiranya Chenor

bersetuju supaya kerajaan juga pertimbangkan tentang meneruskan agenda perumahan rumah banjir kepada penduduk yang miskin berada sepanjang sungai yang setiap kali banjir rumah mereka akan rosak teruk dan terpaksa ambil kos untuk baiki. Kalau agenda perumahan banjir dapat diteruskan, seperti ini penyelesaian yang jangka panjang dapat kita adakan. Terima kasih

YB TUAN MUJIBUR RAHMAN BIN ISHAK

Terima kasih Cheka dan saya setuju. Baik saya… masukkan dalam ucapan sayalah.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya saya ingin bawakan satu suara yang dikira sangat memerlukan tindakan daripada pihak berkuasa mengenai penambahbaikan dan penyelesaian kepada masalah jalan. Isu jalan yang pertama adalah jalan di Bukit Kertau yang terhakis ataupun yang mendap. Saya mohon disegerakan proses pembaikan jalan ini kerana ia sangat membahayakan pengguna dan jalan ini bukanlah jalan terpencil tetapi ia merupakan laluan oleh pelbagai jenis kenderaan menghubungkan Pekan, Maran dan juga Bera dan kedua, jalan yang menimbulkan kesesakan lalu lintas di bahagian hadapan Sekolah Menengah Tengku Ampuan Afzan, Chenor khususnya di waktu pagi dan tengah hari dengan keadaan jalan yang sempit, berselekoh dan juga berbukit, saya minta pihak kerajaan dapat membuat kajian kepenggunaan dan juga usaha menyelesaikan perkara ini mungkin dilihat sesuai melebarkan bahu jalan di sekitar kawasan sekolah itu.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh isu pemasangan lampu isyarat di beberapa kawasan kritikal khususnya di persimpangan Tol Chenor yang menghubungkan laluan Sungai Nerek-Jengka 19. Banyaklah kenderaan yang *accident* di situ. Kedudukan simpang yang berada di selekoh jalan, pandangan yang terhad, kecenderungan memandu laju serta terlalu kerap berlaku kemalangan yang tidak diduga menjadi faktor utama keperluan disegerakan pemasangan lampu isyarat di kawasan tersebut.

Dan akhirnya, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan seluruh EXCO Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai kerajaan dalam usaha memajukan negeri Pahang Darul Makmur. Saya juga telah meneliti kesemua tunjang yang disebutkan dalam Belanjawan Negeri Pahang dan juga telah menyentuh berkenaan dengan pembinaan asrama di Sekolah Menengah Agama Chenor yang telah saya suarakan tempoh hari. Alhamdulillah, tuntasnya Belanjawan bertemakan 'Pahang Prihatin, Rakyat Makmur' ini dapat dilaksanakan dan juga insya-Allah ia memberikan kebaikan kepada rakyat keseluruhannya. Jadi oleh kerana itu saya mengharapkan mudah-mudahan Allah SWT memberikan kemudahan untuk kita melaksanakan apa yang telah pun ditulis dan juga yang telah diatur, dirancang di dalam Belanjawan 2024 ini.

Pahang negeri makmur dan harmoni,
Moga dilimpah rahmah dan barakah,
Benar dan adil pemimpin berdiri,
Sesuai menurut Quran dan Sunnah.

Chenor mohon menyokong. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Berhenti pada tepat masanya. Terima kasih Wakil daripada Chenor. Seterusnya saya menjemput Wakil dari Padang Tengku.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Bismillahirahmanirahim (bacaan ayat Al-Quran). Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri MB, Rakan-rakan, Ahli Dewan yang dihormati Allah sekalian. Alhamdulillah pada petang ini saya dapat bersama-sama untuk membahaskan satu bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari semalam. Satu bajet yang cukup komprehensif di atas tema, 'Pahang Prihatin, Rakyat Makmur'. Saya melihat bajet ini satu bajet yang cukup baik dan saya ucapkan tahniah kepada Menteri Besar dan *team-team*nya, pasukan-pasukan yang menyediakan bajet ini sehingga sebagai rakyat saya kira semua lapisan masyarakat telah pun diliputi oleh bajet ini.

Saya di kawasan Padang Tengku khususnya dan Lipis merasakan satu bajet yang memberikan satu harapan yang tinggi dan satu bajet yang amat memberikan peluang dan harapan kepada penduduk-penduduk di kawasan saya khususnya. Dan kita kira dengan petunjuk-petunjuk yang diberikan melalui peningkatan hasil-hasil kutipan negeri yang telah melebihi daripada sasaran dan dua tahun berturut-turut juga kurangnya pengurangan hutang berkaitan juga dengan kejayaan menarik pelabur-pelabur dan juga ekonomi Pahang yang makin berkembang, insya-Allah negeri kita akan seiring dengan negeri-negeri maju yang lain. Justeru itu saya mengucapkan sekali lagi tahniah dan saya di Padang Tengku begitu merasa cukup gembira kerana banyak bajet-bajet ini memberikan peluang untuk orang di Padang Tengku.

Saya tengok ada dua, tiga perkaralah. Pertama, tentang Lipis Geopark. Lipis Geopark ini merupakan satu program yang kita tunggu-tunggu. Penduduk di kawasan Lipis, khususnya Padang Tengku menunggu dah begitu lama. Dan saya dalam Dewan ini dah banyak kali saya cakap tentang isu ini. Pernah satu ketika dulu saya bawa isu ini, ada yang kawan-kawan yang mungkin mengusik-usik saya dan sebagainya… sebagai… bila saya sebut tentang potensi gua yang ada. Tapi alhamdulillah ini apa yang kita rancangkan telah berjaya Pahang… Lipis Geopark adalah antara yang ke-11. Dan insya-Allah *target* Kerajaan Negeri Pahang sebagaimana yang disarankan oleh Menteri Besar kita akan berjuang dan mengusahakan untuk menjadikan Lipis sebagai Lipis Geopark… sebagai Global Geopark UNESCO.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat… terima kasih kepada ADUN Padang Tengku kerana memberi laluan kepada saya. Dua, tiga hari yang lepas, ADUN Padang Tengku ni dia berucap lain. Dia kata, "Kuantanlah, Pekanlah… tak ada pun Lipis". Tapi hari ni nada dia lain pula. Jadi alhamdulillahlah, maknanya Yang Berhormat Yang di-Pertua, Padang Tengku tu saya tak tinggallah sebab dia sebelah dengan Jelai. Terima kasih, Yang di-Pertua. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Terima kasihlah, Dato Sri MB. Itulah gunanya orang Lipis jadi Menteri Besar. Jadi, selain daripada itu, saya kira ini merupakan perancangan-perancangan Menteri Besarlah apa ni di antaranya bila diwujudkan Unit Wilayah Pahang Barat. Ini juga adalah pemangkin untuk pembangunan di Pahang Barat ini. Saya tengok di antara Usul kita, bajet ini ada menyebutkan tentang satu program yang telah pun saya sebut dalam Dewan ini, potensi iaitu pelancongan keretapi. Jadi pelancongan keretapi telah pun diberikan peruntukan sebanyak RM150,000.00. Dan kita harap ini akan menggerakkan bukan sahaja di kawasan Lipis, tapi bermula daripada Kemayan itu akan dibangunkan sebab di sepanjang jalan keretapi itu memang banyak potensi-potensi dan setiap daerah itu ada kekuatan-kekuatan masing-masing.

Dan kita juga merasakan kehadiran ataupun kewujudan Perbadanan Taman Negeri Pahang. Juga satu usaha yang cukup baik. Dan inilah di antara yang menyebabkan banyak kawasan-kawasan seperti Padang Tengku ini mendapat perhatian. Dan saya difahamkan agensi seperti Taman Negeri Pahang ini, Taman Negeri ini di antara agensi yang akan menjadi pemaju utama kepada perancangan atau pembangunan Lipis Geopark. Dan kebetulan apabila saya ada sebut dengan Taman Negeri ini, nak mengesyorkan satu kawasan yang saya kira perlu diberikan perhatian iaitu apa nama ni Lembah Tanum sebagai satu kawasan yang cukup berpotensi.

Lembah Tanum ini bermula daripada Merapoh sampailah ke Bukit Betong, di kawasan Dato' MB. Jadi di sini banyak potensi-potensi yang cukup baik dan saya dah menghantar pun video beberapa kepada EXCO Pelancongan untuk beliau berikan perhatian dan saya kira ini satu lagi *baby*, sebab saya yakin… *baby* kepada taman negeri. Sebab sekarang ni taman negeri saya yakin sedang mencari-cari beberapa lagi kawasan untuk dijadikan kawasan-kawasan yang akan dibangunkan.

Juga pembangunan di Lipis ini insya-Allah akan dipertingkatkan lagi dengan Bandar Lipis 3.0. Kita berharapkan sebagai satu tempat pembangunan yang baru dan yang akan merancakkan pembangunan di daerah Lipis ini, khususnya di Padang Tengku. Dan hari ini saya telah tengok dalam pembentangan yang telah dibuat di peringkat daerah, dia akan diwujudkan Akademi Mineral Malaysia Pahang yang telah diperuntukkan sebanyak RM2.1 juta untuk pembinaan ataupun pembangunan Akademi Mineral Malaysia Pahang ini dan dinyatakan di situ akan dibina di kawasan Bandar Lipis 3.0 ini.

Tapi apa yang saya harapkan, kalau boleh kita segerakan lagi… banyakkan lagi pembangunan di situ, kawasan tanahnya begitu luas, 700 ekar di situ. Dan bagi merancak pembangunan di situ, saya cadangkan supaya kerajaan mengangkat kompleks… permohonan kompleks guna sama Kerajaan Negeri-Kerajaan Persekutuan. Sebab sekarang ni Kerajaan Persekutuan di Lipis tu berterabur. Duduk sana, duduk di sini dan juga amat terdedah kepada banjir yang saban tahun berlaku. Dan saya cadangkan kerajaan mengangkat pembinaan kompleks guna sama Kerajaan Persekutuan ini sebagai keutamaan nombor satu di dalam daerah Lipis.

Jesterunya saya juga tertarik dengan usaha untuk menjadikan Lipis ataupun Padang Tengku ini sebagai kawasan perindustrian berasaskan pertahanan, *defend city* di kawasan Kechau Tui sebagaimana yang telah disebutkan oleh EXCO yang menjawab bagi pihak EXCO Pelaburan dan saya nak maklumkan, tuan-tuan dan ucapkan terima kasih kepada

pihak Kerajaan Negeri kilang peluru fasa pertama telah pun hampir siap dan insya-Allah kalau tidak ada apa-apa aral melintang akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong pada bulan sebelum beliau kembali ke negeri Pahang. Tapi apa yang saya nak tekankan di sini, selain daripada kilang yang telah disediakan dan telah pun mengambil pekerja. Sekarang ini ada di tapak lebih daripada 100 orang pekerja, er... kita harapkan satu lagi kilang yang akan dibina iaitu kilang kereta perisai ataupun Tarantula yang dicadangkan di kawasan bersebelahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, kilang peluru ada. Kilang senapang ada, tak ada?

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Insya-Allah, lepas ni kita fikirlah pula untuk senapang. Mungkin lebih daripada senapang lagi, meriam, bom dan sebagainya. Tapi yang pentingnya kita buat yang... yang ini dulukan, sebab tanah dah diberi. Cuma yang kita harapkan supaya apa yang er... pihak kerajaan melalui Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga PKNP supaya memuktamadkan urusan kita untuk memastikan pelabur itu tetap melabur di negeri Pahang ni. Sebab ada ura-ura dan saya dengar di hujung-hujung telinga bahawa ada pihak-pihak di negeri lain sedang berminat untuk apa ini meletakkan atau mengambil projek yang kita kira amat besar impak ini ke negeri yang lain.

Seterusnya er... satu perkara yang cukup menarik yang saya kira juga sebagai pem... pemangkin kepada pembangunan di kawasan Padang Tengku ialah kewujudan *Central Forest Spine* yang di Sungai Yu, kawasan seluas lebih kurang er... 864 hektar telah pun kita er... berikan ataupun kita lupuskan untuk pembinaan, apa nama, pemajuan kepada *Central Spine... Central Forest Spine.* Apa yang ada di situ walaupun kita nak menekankan kepada satu projek bagi mesra kepada haiwan, binatang-binatang yang kita perlu pelihara dan perlu jaga. Bukan perlu pelihara… perlu jaga. Tetapi kita juga mengharapkan dia ada impak juga kepada manusia. Di situ kita ada satu kawasan iaitu Perhentian Riadah Rekreasi Sungai Yu yang hari ini agak terbiar. Kita pernah mencadangkan supaya kawasan itu ataupun pusat perhentian itu dijadikan sebagai pusat penyelidikan ataupun *FRIM*, Institut Penyelidikan Hutan Malaysia.

Kawasan itu atau tempat itu. Sekarang ini terbiar, tak ada orang menjaga, bertolak-tolak di antara Jabatan Hutan dengan Majlis Perbandaran… kita… Majlis Daerah dan baru ini kita dah kita tambah pula bangunan di situ tetapi terbiar begitu saja kita buat satu surau yang baru, kita buat tempat, apa nama ini apa nama tandas mandi yang baru tetapi terbiar tidak terurus dan saya kira perlu dimuktamadkan supaya ianya dibangunkan dan kita amat mengharapkan ianya boleh dijadikan sebagai pusat penyelidikan untuk perhutanan sesuai dengan kawasan yang ditempatkan itu.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya sekarang ini nak beralih sikit kepada isu-isu yang ada di kawasanlah. Pertama, tentang bekalan air bersih. Saya mengucapkan terima kasih setiap kali Dewan ini, isu berkaitan pembekalan air bersih di Kampung Dada Kering dan di Kampung Petola memang dicatatkan. Ini sekali lagi timbul, masukkan di sini. Dan saya memang tidak akan jemu-jemu untuk menyebutkan isu ini walaupun ada dalam bajet, sebab saya nak pastikan

benar-benar jadilah. Sebab kita dah menunggu 10 tahun dah. Saya ingat ucapan saya pertama sebagai ADUN 19... 2013, isu ini telah saya timbulkan. Tetapi belum selesai sehingga ke hari ini.

Jadi walaupun saya ada sebut kepada penduduk-penduduk di kawasan saya… Kampung Dada Kering dan Petola ini, mereka pun memang macam berserahlah. Alhamdulillah, mudah-mudahan jadilah tu. Jadi ayat ni tak berapa bukan kegembiraan, tapi macam satu ayat yang sinis. Jadi tuan-tuan, Dato' Pengerusi, Dato' Pengerusi pula…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Nama... nama kampung itu apa? Dada Kering?

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Er… Dada Kering. Memang…

YB DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN

Patutlah tak ada air.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Mungkin nama pun kena tengok jugalah. Tapi tak kisah... kisahlah itu. Tapi yang pentingnya ada air. Sebab bagi orang penduduk ni, bajet-bajet ini dah tidak kira sangat. Yang penting ini air tu keluar. Selagi air itu tak keluar, walaupun tiap-tiap kali kita sebutkan, dia kira belum selesai. Ya, itu satu perkara.

Kemudian meningkatkan kapasiti loji air di Merapoh. Saya dah sebutkan tentang perkara ini sebab kita dah jadikan Merapoh ini sebagai lokasi utama untuk apa nama Lipis Geopark tapi apabila kita nak bangunkan sesuatu temasuk hotel, termasuk tempat penginapan memang akan terbantutlah di situ sebab masalah air ini tak ada dalam bajet ini er... saya tak tahu di mana harapan untuk kita curahkan dan kita harapkan diberikan perhatian sebab sekarang ni… saya nak ucapkan terima kasih Majlis Daerah Lipis sedang membangunkan apa nama ni satu… Pejabat Daerah Lipis sedang memulihkan 10 unit rumah pekerja-pekerja… kaki… apa ni… Merapoh dulu sebagai Pusat Pentadbiran Kecil Daerah di bangunan JKR itu ada lagi, sekarang sedang dipulihkan.

Tapi bila saya pergi baru ini, tengok-tengok kat situ, dia tanya, " ini air besok macam mana, YB?" Kita masalahnya kita boleh buat, kita boleh baiki. Tapi air tak ada, takde juga tak selesai juga masalah. Jadi minta tengok hat di Merapoh ni buatlah loji baru kita nak jadikan Merapoh ni sebagai bandar pelancongan sebagaimana yang pernah disarankan oleh Tuan Speaker, YDP dulu. Kita sama-sama usahakan itu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tetap kena gulung sekarang, masa. Walaupun puji. [Ahli Dewan ketawa]

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Okey, takpe bolehlah saya gulung tak ada masalah. Yang seterusnya saya nak sebutkan tentang kilang peluru tadi apa. Dia pun bercerita pasal masalah air apa jadi kena selesaikan, bagaimana kita nak operasikan kilang peluru, air dia pun mesti tak selesai itu jadi kena tengok isu. Yang seterusnya saya nak sebutkan nak tanya juga tentang perumahan di Tanjung Jambu minta tengok Dato' Sri MB banyak kali lalu situ ye, sama-samalah kita menjawab ye. Jadi saya nak minta bila penyelesaian boleh diselesaikan tentang isu di Tanjung Jambu itu?

Dan ada 2, 3 perkara lagi saya nak sebutkan iaitu pembinaan bangunan akademik di Sekolah Menengah Padang Tengku. Bangunan er… dewan memang dah berjalan sekarang ni yang akademik ni tak selesai-selesai ni. Tarik tali di antara kita dengan ni… saya dengar hujung-hujung telinga macam selesai tapi di tapaknya belum ada apa lagi dan kita harapkan ianya dapat diselesaikan sebab isu ini… kelulusan ini telah pun diberikan sejak tahun 2021 lagi. Begitu juga bila sebut Sekolah Menengah Padang Tengku ini siapa pergi malam-malam gelaplah… pencahayaan tak cukup. Hari tu saya jemput seorang penceramah apa nama terkenal dari Kuala Lumpur antara yang dia *complain* ialah masuk-masuk dia kata gelap. Jadi taraf pencahayaan tidak begitu cukup kita pun ialah orang-orang agama ni kadang-kadang syaitan besar daripada kita mengganggu dia. Jadi macam-macam benda boleh berlaku jadi tolong tentang isu itu.

Dan yang akhirnya isu saya nak bawa ialah tentang sediakan sedikitlah peruntukan kepada pelajar-pelajar yang sekarang ini penilaian di sekolah ni dia menekankan kepada apa pentafsiran berdasarkan kokurikulum. Aktiviti-aktiviti sukan, aktiviti-aktiviti macam-macamlah yang di luar bilik darjah ini jadi budak-budak ini dia kena pergi situ, kena ambil situ tapi Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pelajaran katanya bagi bajet yang terlalu ciput. Jadi saya sebagai ADUN Kawasan banyak kalilah saya senarai-senarai 40 kali dah orang datang jumpa ke saya datang pula pengurus pasukan, hantar bola sepak, datang pula cikgu nak bawa budak dia bermain bola jaring, nanti datang nak pergi pula untuk perbahasan dan sebagainya.

Jadi banyak aktiviti ni tidak ada kewangan yang cukup dan saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri boleh mencari jalan atau memperuntukkan sedikit peruntukan untuk dilaksanakan ataupun diberikan sikitlah pada bentuk yang wajarlah mungkin kita letakkan pada PPD ke, PIBG ke, bagilah RM5,000.00 ke, RM6,000.00 ke, kurang-kurangnya isu untuk perkara ini dapat diselesaikan ataupun diredakan.

Dan akhirnya sebagai penutup kepada… ataupun kesimpulan yang gulung… penggulungannya saya nak menyeru EXCO-EXCO ini, jenguk-jenguklah ke Padang Tengku. Saya nak ucapkan tahniah, ini EXCO dia pandang EXCO dari sukan dah datang sekali. EXCO-EXCO lain ni datanglah tengok, Padang Tengku ni tuan-tuan saya nak beritahukan Padang Tengku pemandangan cantik… pemandangan cantik.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, boleh gulung.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Nak gulunglah ini. [Ahli Dewan ketawa]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Dari tadi nak gulung.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Pemandangannya cantik, budayanya menarik... budayanya menarik, makanannya terbaik, orangnya molek-molek. Jadi dengan itu tuan-tuan, selesai saya merayu dan saya menyeru kita datang sama-sama membantu Padang Tengku untuk majukan Padang Tengku. Dengan kata-kata itu, saya...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Antara orangnya macam Yang Berhormatlah.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Dengan kata-kata itu...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Antara orang Padang Tengku tu macam Yang Berhormatlah.

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Insya-Allah, insya-Allah. [Ahli Dewan ketawa]. Dengan kata-kata itu, saya menyokong. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil daripada Padang Tengku. Seterusnya kita jemput Wakil dari… Wakil daripada Kuala Semantan.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Assalamualaikum WBT (Bacaan dalam Bahasa Arab). Terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua yang memberi ruang kepada saya untuk membahaskan ucapan belanjawan pada sidang kali ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan seluruh pemerhati Sidang DUN pada kali ini. Tahniah daripada saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pembentangan belanjawan dengan kutipan hasil melebihi RM1 bilion buat kali kedua berturut-turut dan semoga keadaan ini dapat diteruskan pada masa-masa mendatang bagi memacu negeri Pahang menjadi sebuah negeri yang maju pada masa-masa akan datang.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menggariskan lima tunjang utama dalam pembentangan belanjawan pada kali ini. Pertamanya, saya menyentuh berkaitan tunjang yang pertama iaitu memacu daya saing pertumbuhan ekonomi. Meneliti kutipan hasil negeri, ianya sebahagian besar datangnya daripada hasil cukai yang merupakan 45.6% daripada jumlah anggaran pendapatan bagi tahun 2024 berbanding dengan hanya 38.8% hasil bukan cukai.

Dan selebihnya 15.6% adalah terimaan bukan hasil oleh Kerajaan Negeri. Hasil cukai ini pula diterima daripada cukai tanah, tunggakan cukai tanah, lesen galian, royalti kayu-kayan, perlombongan serta pengeluaran bahan batu-batan yang merupakan hasil semula jadi yang memang telah menjadi sumber pendapatan negeri sejak sekian lama dan sumber semula jadi ini akan habis atau makin berkurangan berkadaran dengan masa kecuali hasil tanah yang akan terus dikutip.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita juga maklum peningkatan hasil di zaman Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang ini adalah sebahagiannya adalah hasil daripada kenaikan cukai tanah dan bayaran-bayaran berkaitan dengan proses berkaitan perolehan tanah, penukaran hak milik tanah dan hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan tanah. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana pada era beliau telah berjaya meningkatkan keupayaan dan penguatkuasaan dalam memastikan kutipan hasil dapat dioptimumkan dan hasilnya kita dapat lihat dan nikmati bersama pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin menarik perhatian semua kepada perlunya Kerajaan Negeri meneroka bidang-bidang baru bagi menambahkan hasil negeri dengan tidak terus bergantung kepada sumber-sumber tradisi seperti yang dinyatakan. Usaha-usaha menarik pelabur dan membawa masuk kepakaran, mengadakan usaha sama dengan pihak-pihak industri dan institusi-institusi pengajian tinggi dan penyelidikan bagi meneroka bidang-bidang baru untuk menambah hasil negeri dengan tidak hanya bergantung kepada sumber-sumber sedia dan tradisi. Usaha mengembangkan industri hiliran dan pembuatan daripada bahan-bahan galian yang banyak dan kaya dalam negeri Pahang kita ini seperti bijih besi, REE, bahan logam dan mineral yang lain, mesti diusahakan dan digalakkan. Industri pembuatan berteknologi tinggi seperti LYNAS, seperti juga yang disebut oleh Yang Berhormat apa ni Padang Tengku tadi, buat senapang, buat peluru, buat senjata, mestilah digalakkan pertumbuhannya dalam negeri Pahang kita ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam hal ini saya memuji usaha Kerajaan Negeri menubuhkan Akademi Mineral Negeri Pahang di bawah cadangan Pembangunan Taman Teknologi Bersepadu, Lipis (TBBL). Semoga dengan penubuhan ini akan menjadi pemangkin kepada pengembangan industri perlombongan dengan tidak hanya menjual hasil mentah daripada perlombongan tetapi akan mewujudkan industri hiliran daripada usaha-usaha perlombongan ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam hal mempertingkatkan sektor pertanian, saya ingin menarik perhatian langsung kepada usaha penternakan ikan sangkar di Sungai Pahang dan Sungai Semantan di kawasan saya di DUN Kuala Semantan. Saya mengharapkan pihak kerajaan melalui Jabatan Perikanan atau agensi-agensi lain dapat memberikan perhatian kepada masalah-masalah yang semakin mencabar yang dihadapi oleh para penternak ikan sangkar khususnya di DUN Kuala Semantan ini. Akhir-akhir ini mereka berhadapan dengan cabaran kematian benih ikan yang kadang kala boleh mencapai 70% daripada benih yang dilepaskan ke sangkar dan hanya 30% hasil yang dapat mereka tuai. Bermaksud jika 1,000 ekor anak ikan dilepaskan ke dalam sangkar sebagai permulaan, hanya 300 ekor yang membesar dan hidup selamat untuk dijual hasil ini.

Ini mungkin disebabkan air sungai yang tercemar atau kualiti benih ikan yang tidak baik yang ada pada hari ini. Begitu juga harga makanan ikan yang terus meningkat naik dengan cepat yang memberikan cabaran yang sangat getir kepada para penternak untuk terus bertahan di dalam industri ini. Itu belum lagi mengambil kira cabaran musuh seperti memerang, memerang kepala hitam, perubahan iklim dan alam sekitar seperti banjir dan juga tebing runtuh.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menyentuh mengenai pengembangan industri pelancongan berkait langsung dengan DUN Kuala Semantan ataupun Bandar Temerloh. DUN Kuala Semantan ini hakikatnya adalah pusat bandar Temerloh itu sendiri. Bandar Temerloh ini sebenarnya adalah lembangan pertemuan kuala Sungai Semantan dan Sungai Pahang. Bandar Temerloh ini menjadi perhatian dengan Pekan Sarinya yang tadi dah disebut oleh Yang Berhormat Mentakab tadi yang terbesar dan terpanjang di Malaysia. Ia sebenarnya adalah satu tarikan pelancongan yang besar jika diolah dan dirancang dengan baik oleh pihak kerajaan, negeri dan PBT setempat. Persisiran Sungai Pahang dan Sungai Semantan ini boleh dijadikan tarikan pelancongan dengan membangunkan industri bot pelancongan bagi menyusuri di pesisiran kedua-dua sungai ini.

Chalet terapung ataupun rumah rakit yang sudah mula dibangunkan, disekalikan dengan usaha bot pelancongan menyusur pesisir kedua-dua sungai ini dan juga pakej memancing udang dan ikan dengan hidangan restoran-restoran patin tempoyak yang tumbuh begitu banyak adalah tarikan pelancongan domestik yang wajar diberi perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri untuk dibantu pembangunannya supaya lebih terancang dan menarik dan boleh terus berkembang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya beralih kepada tunjang yang kedua iaitu meningkatkan kemudahan asas dan infrastruktur. Untuk ini, pertamanya saya mengucapkan terima kasih ke atas pihak kerajaan di atas projek pembesaran jambatan lama Temerloh. Menyeberangi Sungai Pahang daripada satu laluan sehala kepada dua laluan sehala apabila siap jambatan ini kelak. Berkaitan dengan hal ini ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh kerana jambatan ini berada di dalam DUN Kuala Semantan.

Pertama, pembinaan jambatan ini telah membuat pengambilan tanah masjid Kampung Tebal dan tapak masjid ini adalah sebahagian daripada projek tersebut. Saya difahamkan pampasan pengambilan tanah telah pun dibayar kepada pihak MUIP. Tetapi sehingga hari ini pihak kerajaan belum memuktamadkan tapak pembinaan masjid gantian dan menyediakan bajet untuk pembinaan masjid baru ini. Semasa kunjungan saya ke pejabat tapak projek ini, beberapa bulan yang lepas saya bertanyakan mengenai jaminan keselamatan penggunaan masjid yang masih lagi digunakan pada masa sekarang. Dan pihak JKR menjelaskan adalah atas risiko sendiri para ahli qariah yang terus menggunakan masjid tersebut.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin sikit kalau boleh.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Masjid Kampung Tebal ni memang kita selalu bercakap dan kita selalu sebut-sebutkan. Memanglah itu pihak yang membuat kerja jambatan itu memberikan pampasan tapi hanya RM700,000.00 dia serahkan kepada Majlis Agama. RM700,000.00 ini untuk Kampung Tebal, buat surau pun tak cukup Dato' Sri Yang di-Pertua. Jadi kita perlukan...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Barang-barang mahal sekarang.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Kalau murah pun tak cukup di Kampung Tebal itu. Orangnya ramai.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sebab kampung pun dah tebal.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ha... penduduknya ramai, jadi apa namanya, tak memadai RM700,000.00 yang diserahkan. Kita perlukan kos sekurang-kurangnya RM7 juta.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

7 ya?

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ha... untuk membina Masjid Kampung Tebal. Proses mencari peruntukan itu sedang giat dijalankan. Jadi kalau ada dapat, kita bukan Kampung Tebal sahaja, kelmarin Kampung

Perpat, Kampung Lubuk Paku, Kampung apa namanya Batu Lapan Lepar, Kampung Temai, Pekan, kam… Kampung Sungai Puteri, Kampung Tekek. Tapi dalam waktu yang sama, kita dah berjaya membina 19 buah masjid baru di negeri Pahang, Dato' Sri Yang di-Pertua. Itu apa untuk makluman Dewan. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua. Boleh jawab waktu penggulungan, tapi sahaja jangan sunyi.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak apa, terima kasih.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Terima kasih, terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Sri EXCO yang telah sudi mencelah tadi dan terima kasih juga. Semoga usaha-usaha yang dibuat untuk mendapatkan bajet bagi pembinaan Masjid Kampung Tebal ini dapat berlaku dalam jangka masa yang terdekat insya-Allah, dan jangan lupa juga disebut tadi banyak nama-nama masjid yang disebut, saya suka juga nak sebutkan satu masjid dalam DUN Kuala Semantan ini yang masjidnya masih kekal lagi masjid papan kayu lama cuma baru-baru ni pihak orang… orang kampung dia bangunkan sendiri iaitu Masjid Kampung Loyang.

Masjid ini pula selalu kena bah Dato' Sri, jadi tolong masukkan dalam senarai jugalah mudah-mudahan. Itu berkaitan dengan masjid Kampung Tebal. Yang kedua…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Itu, itu masjid kampung Yang Berhormat [ketawa].

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

[Ketawa] Terima kasih Dato' Sri. Kedua, masalah penyelenggaraan jambatan lama dan jalan berkenaan sepanjang tempoh kerja-kerja pembinaan pembesaran jambatan ini. Saya sering kali mendapat aduan berkaitan selenggaraan jambatan sedia ada yang kurang diberi perhatian berkaitan lekukan di bahagian sambungan ataupun dengan izin, *construction joint* di tengah-tengah jambatan dan jalan yang mendap di hujung kedua kepala jambatan, yang mendatangkan keadaan yang tidak selesa kepada pengguna di laluan tersebut, terutama pengguna motosikal dan kereta-kereta lama yang boleh mendatangkan masalah kepada dan kerosakan kepada kenderaan mereka.

Kalau kita ini, kereta-kereta masing-masing, kalau EXCO terutamanya, kereta besar dan selesa, tak ada masalah. Kereta-kereta yang orang-orang kampung yang ulang-alik pergi kerja dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berkaitan isu penyelenggaraan jalan ini juga saya ingin menyentuh mengenai penyelenggaraan jalan-jalan sedia ada berhampiran ataupun di laluan projek ECRL, yang sedang berjalan sekarang. Ada beberapa laluan sebagai contohnya yang sering diadukan oleh pengguna seperti laluan di Jalan Tualang dan juga jalan ke Kampung Pamah Kasih atau Charuk Puting, yang selalu terjadi lubang, *pothole* dengan izin, akibat penggunaan kenderaan pembinaan ECRL di kawasan tersebut.

Saya percaya isu berkaitan jalan di kawasan pembinaan ECRL ini banyak terjadi di tempat-tempat lain juga. Mohon perhatian daripada pihak-pihak berkenaan dan PBT setempat yang terlibat untuk memastikan penyelenggaraan yang baik dapat dilaksanakan ke atas jalan sedia ada sepanjang pembinaan ECRL di kawasan-kawasan terbabit.

Ketiga, dalam ucapan saya semasa sesi sidang pembukaan DUN yang lalu, masa baru… masa kali pertama jadi ADUN dulu, saya menyentuh mengenai Koridor Utiliti Pahang (KUP). Syarikat yang bertanggungjawab mengenai pemetaan utiliti bawah tanah dan proses kerja pembinaan berkaitan utiliti bawah tanah, oleh pihak pemaju, kontraktor, agensi-agensi yang terlibat dengan utiliti bawah tanah seperti TNB, Telekom, PAIP, Alam Flora dan lain-lain yang mengenakan deposit atau bayaran yang tinggi berkaitan dengan proses kerja utiliti bawah tanah ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Apa yang saya ingin bangkitkan adalah keberkesanan peranan KUP ini dalam memastikan kerja-kerja pengorekan yang melibatkan utiliti bawah tanah dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan tidak melibatkan kerosakan utiliti yang boleh melambatkan kerja-kerja pembinaan dan kerosakan utiliti di kawasan terbabit jika maklumat yang dibekalkan berkaitan utiliti dipastikan ketepatannya dan KUP memainkan peranannya dengan lebih berkesan dalam memastikan kerja-kerja pengorekan di kawasan melibatkan utiliti bawah tanah dapat dilaksanakan dengan selamat dan efisien bersesuaian dengan bayaran yang dikutip oleh pihak KUP.

Sebagai contoh, tadi juga Yang Berhormat ADUN Tanjung Lumpur…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat boleh gulung ya.

YB TUAN HASSANUDDIN BIN SALIM

Terima kasih, insya-Allah. Sebagai contoh tadi ADUN Tanjung Lumpur juga menyebut tentang projek pembentungan di bandar Kuantan ini yang lewat. Saya rasa kelewatan itu juga antara lainnya disebabkan oleh masalah utiliti bawah tanah sebagaimana yang kita tahu.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Jadi mohon pihak Kerajaan Negeri beri perhatianlah kepada peranan KUP ini. Keempat, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak Kerajaan melalui JKR dan Konsesi Penyelenggaraan yang telah menyelenggara jalan-jalan dalam DUN Kuala Semantan dengan baik selepas aduan-aduan sebelum ini.

Tetapi saya ingin menarik perhatian kepada kualiti selenggaraan yang dilakukan dan penyelarasan antara agensi terutamanya dengan PAIP. Berikutan apabila berlakunya paip bocor, jalan akan berlubang. Seperti yang dijelaskan oleh EXCO kelmarin, telah ada pun penyelarasan di antara pihak selenggaraan JKR dan juga PAIP dan saya mengharapkan SOP yang ada itu dapat dipertingkatkan supaya pembaikan jalan tersebut dapat dilakukan

dalam tempoh masa yang segera. Kerana kedapatan sebelum ini, pembaikan kalau isu-isu berkaitan dengan paip bocor ini, pembaikannya terlalu lewat.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Hal ini… dalam hal ini juga saya ingin mengemukakan kes khusus berkaitan dengan pembaikan pembentungan ataupun *culvert* di Laluan C119 berhampiran jalan utama Temerloh-Jerantut di Kawasan Perindustrian Songsang. Ini ceritanya pembaikan *culvert* ini dah berapa kali dibuat? Saya rasa ini dah masuk kali ketiga kontraktor baru dilantik.

Kali pertama saya difahamkan buat… buat kemudian sampai separuh jalan, didapati ada perkara-perkara teknikal yang tak selesai kambus balik boleh lalu sementara. Kemudian sekitar bulan Ogos yang lalu, dibuat pembaikan kali kedua disebutkan bahawa akan selesai pada bulan November tetapi sekali lagi tidak dapat diselesaikan.

Dan baru sahaja pada 1 hari bulan Oktober yang lalu dilantik pula kontraktor yang baru dan dijangka akan diselesaikan pada 30 Januari 2024 kalau saya tak salah. Saya sangat-sangat memohon perhatian daripada pihak yang berkenaan JKR dan juga Kerajaan Negeri supaya memberi perhatian kepada pembaikan *culvert* ini sebab laluan sementara ataupun apa ini, yang dibuat juga agak merbahaya kepada pengguna di situ terutama pada waktu malam, lalu dengan cahaya yang apa ini tak ada lampu dan sebagainya, merbahaya pada pengguna-pengguna setempat.

Dan ada sikit lagi Dato' Sri Yang di-Pertua. Berkaitan dengan air ini. Air ini saya rasa kalau saya tak sentuh tak sah. Sebab semalam disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana… apa ini… Menteri Besar semasa pembentangan belanjawan dia sebut tentang Temerloh ini adalah daerah yang NRW ataupun kadar kehilangan air terawatnya paling tinggi iaitu 60%. Dan saya semak dalam senarai projek-projek yang ada disebut dalam kertas belanjawan ini tak ada disebutkan akan adanya pembaikan atau penukaran paip berlaku di daerah Temerloh ataupun khususnya di DUN Kuala Semantan.

Jadi, saya harap walaupun tak ada dalam senarai, akan adalah projek-projek menukar paip untuk mengurangkan kadar NRW yang sangat tinggi di Temerloh ini, 60% ini sebenarnya satu kerugian sumber yang sangat tinggi kepada PAIP dan juga Kerajaan Negeri. Jadi, saya rasa wajar diberikan perhatian kepada daerah Temerloh.

Kemudian berkaitan dengan Loji Lubuk Kawah disebutkan juga oleh sahabat-sahabat saya daripada kawasan Temerloh Yang Berhormat ADUN Mentakab dan sebagainya. Loji Lubuk Kawah ini telah tua dan keupayaannya juga telah terhad tetapi dia perlu menampung bukan sahaja bandar Temerloh, tetapi juga kawasan Lanchang. Jadi kita sangat memerlukan satu loji yang baru supaya Loji Lubuk Kawah ini hanya boleh menumpukan perbekalannya kepada kawasan Temerloh yang sekarang ini masalah bekalan air ini cukup-cukup kritikal.

Antaranya saya nak sebut kawasan yang tinggi dan jauh daripada sistem, air tak sampai. Antaranya saya sebut secara khususlah, Kampung Baru, Sanggang, tempat tinggal Yang Berhormat ADUN Jenderak. Rumah dia saya difahamkan dah setahun lebih dia kata bekalan dihantar dengan lori dua hari sekali tangka… tangki air. Itu di apa ini Kampung Baru Simpang… Kampung Baru Sanggang tempat Yang Berhormat ADUN Jenderak, insya-Allah.

Jadi ini keadaan-keadaan yang sebenarnya sangat memerlukan perhatian daripada Kerajaan Negeri dan juga PAIP supaya dilakukan pembaikan dan juga penambahbaikan kepada paip dan juga loji.

Yang terakhir ini, Dato' Sri Yang di-Pertua, berkaitan dengan tunjang yang keempat, menjamin keunggulan generasi akan datang. Tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar yang beri perhatian kepada peruntukan berkaitan dengan agama Islam. Cuma saya nak fokus langsung kepada SMAN ini.

Saya… saya tertarik dengan SMAN ini sebab banyak perkara yang boleh diberi perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri berkaitan dengan Sekolah Menengah Agama Negeri. Sekolah Menengah Agama Negeri ini telah melahirkan ramai sebenarnya pemimpin-pemimpin masyarakat pegawai-pegawai Kerajaan dan juga para profesional termasuklah Yang Berhormat Dato' Sri EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Orang Asli ini adalah kelahiran daripada SMAN. Saya nak minta ni je, 3 perkara yang saya nak sebut.

Yang pertama, mohon diberi perhatian khusus bagi kenaikan pangkat guru-guru lepasan diploma yang tetap dan telah menyambung ijazah untuk naik ke Gred DG42 seperti yang berlaku pada guru-guru di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia. Perkara ini saya difahamkan telah mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang.

Yang kedua, mohon diberi perhatian yang serius berkaitan infrastruktur kelas dan asrama Sekolah Menengah Agama Negeri yang telah uzur… yang telah uzur dan perlu bangunan yang baru untuk keselesaan dan keselamatan pelajar. Yang ketiga, mohon atasi masalah kekurangan guru di Sekolah Menengah Agama Negeri terutama setelah guru sedia ada, berhenti kerana mendapat tawaran jawatan guru tetap di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang berlaku hampir setiap tahun, mohon dapat disegerakan pengambilan gantian bagi memastikan penerusan yang baik kepada proses pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Agama Negeri. Akhirnya sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, saya ingin berkongsi serangkap pantun.

Negeri Pahang aman harmoni,
Hasil mahsulnya banyak tak terperi,
Andai peruntukan saksama dapat diberi,
Pastinya ia lebih memberi erti.

Sekian, Kuala Semantan mohon menyokong.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil daripada Kuala Semantan. Selanjutnya kita jemput Wakil dari Beserah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamulaikum WBT, salam sejahtera (bacaan dalam bahasa Arab). Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Bekalan Air Negeri Pahang 2024.

Sebelum saya meneruskan kepada perbahasan belanjawan ini, saya ingin minta sedikit pencerahan daripada pihak Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya meneliti laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini, berkaitan dengan Perbadanan Muzium Negeri Pahang, dan bila kita teliti, saya dapati bahawa yang menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah Muzium… Perbadanan Muzium Negeri Pahang inilah Tuan Yang di-Pertua sendiri. Persoalan dan pencerahan saya perlu ada. Boleh ke Yang di-Pertua memegang jawatan dalam agensi?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Beserah, saya dah meletakkan jawatan dah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Okey, tak pelah sebab…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Dah lama dah letak jawatannya.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sebab ni tahun 2022, sebab tu saya mohon pencerahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

2022 tu akhir tahun lepas tu saya letak jawatan.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Maknanya Yang di-Pertua tidak boleh memegang jawatan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tidak ada apa-apa jawatan…

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Okey, alhamdulillah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

…kecuali pengerusi di rumah je dan pengerusi di mesyuarat ni.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Kerana apa saya bangkitkan, kerana saya nak menjaga institusi Yang di-Pertua itu. Sebab bila ada teguran audit, dia akan dipanggil dan disiasat oleh PAC. PAC dilantik dalam Dewan. Takkan anggota PAC nak panggil Yang di-Pertua untuk disiasat.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak, memang dah habis dah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sebab itu tujuan kita tanya tu.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Memang kita tahu itu, sebab tu saya letak jawatan. Kalau tidak saya pegang 2,3 lagi.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sebab kita… sebab nama tu ada di sini… dalam laporan audit.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Itu yang lama, sebab kita ada Pilihan Raya pada bulan 11 tahun lepas er... bulan 11 tahun 2022 lepas tu kemudian selepas tu saya meletakkan jawatan setelah saya dilantik sebagai Yang di-Pertua.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Okey, takpe Alhamdulillah, selesai. Okey, baik saya nak teruskan kepada perkara sebelum saya nak bangkit pada belanjawan ni, adalah perkara yang berkaitan dengan kawasan saya. Kawasan Beserah ini kalau kita masuk daripada sempadan Kemaman sampai kepada Beserah itu, dalam jalinan raya itu ada lebih ada 10 buah jambatan yang melintasi 10 batang sungai, dan daripada 10 jambatan ini, hanya 4 saja yang baru dibina dalam bawah pada 10 tahun. Yang lain-lain, 6 lagi jambatan adalah jambatan yang telah dibina hampir 50 tahun lebih. Dia bukan sahaja kecil dan sempit malahan struktur… integriti struktur itu sendiri diragui.

Er... pengguna-pengguna mula merasa tidak selesa, keselamatan jambatan yang digunakan ada 6 jambatan yang telah uzur dari sudut fizikal bila kita tengok, cuma saya minta supaya pihak kerajaan terutama sekali pihak Jabatan Kerja Raya, melakukan penilaian integriti jambatan tersebut. Tahap keselamatan dia kerana bukan sempit itu memang tak selamat dah. Jalan besar dah tapi bila sampai situ jambatan sempit. Ada *sign*lah jambatan sempit. Tapi ianya mengganggu dari sudut kelancaran perjalanan dan juga mengganggu dari sudut keselamatan pengguna jalan raya. Jadi saya mohon pihak Jabatan Kerja Raya melakukan kajian, penilaian, integriti atau keselamatan… tahap keselamatan jambatan-jambatan yang ada di kawasan saya.

Yang kedua adalah projek perumahan. Ada dua projek.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sekejap… sekejap saya minta laluan sikit je.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sila… sila.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih Beserah. Saya kebetulan bila disebut tentang mantau, tentang jambatan saya teringat keperluan untuk Kerajaan Negeri menyediakan satu skuad pemantau terhadap empangan ni, minta maaf tadi jambatan ni empangan. Untuk makluman ya, kita di peringkat Persekutuan… peringkat Persekutua kita ada *flying squad* tapi di peringkat negeri, kita di Pahang ini, ada banyak empangan-empangan yang berisiko. Contohnya Empangan Chereh. Empangan Chereh dah pecah untuk makluman semua, ya tahun 2001. Sehingga sekarang belum dibaiki.

Nasib baiknya dia pecah di bahagian tepi. Aliran air keluar ke kawasan ladang. Sampai sekarang belum dibaiki 20% air Empangan Chereh ini masih belum dipulihkan. Kos peringkat awal dulu RM40 juta tak cukup sebab ia melibatkan jambatan. Saya cadangkan supaya apa dibangkitkan tadi ialah perlunya satu pemantauan terhadap keselamatan empangan-empangan di seluruh negeri Pahang. Kalau boleh peringkat negeri kita juga ada sebagai *back up* sistem kepada Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Cheka. Er... yang penting untuk kita jaga integriti ini kerana ianya akan mengganggu tahap keyakinan pengguna dan juga rakyat seliaannya. Maka perlu ada satu pemantauan dan penilaian dibuat. Yang kedua pasal projek perumahan. Di kawasan saya tu ada dua projek PR1MA yang dikategorikan sebagai projek sakit. PR1MA Cherating yang tak pernah dapat dilaksanakan sampai *clear* tapak tapi sekarang dah naik jadi hutan balik. Yang kedua, PR1MA Sungai Karang. Kedua-dua projek ini sakit atas alasan kontraktor, kelemahan kontraktor. Walaupun dah tukar dua, tiga kontraktor, masih lagi tidak boleh berjalan.

Maka, saya ingin bertanya, pihak kerajaan, apakah kriteria yang diguna pakai semasa melantik kontraktor ini? Sehingga bila kita lantik gagal, sampai dua kali lantik gagal itu, mesti ada kelemahan dan kepincangan di mana-mana. Sehingga kontraktor tersebut tidak mampu untuk nak melaksanakan… menyelesaikan. Maka saya mohon pihak kerajaan, projek PR1MA yang di kawasan saya ni Sungai Karang dan juga Cherating ni dah ada pembeli. Pembeli dah kena tolak apa ni pinjaman dia. Kena bayar pinjaman di bank. Maka ini akan membebankan mereka. Saya harap ada satu langkah drastik yang diambil untuk projek-projek sakit ini, yang melibatkan rakyat secara keseluruhan diambil tindakan segera.

Yang ketiga juga berkaitan dengan kawasan saya adalah, ada satu pondok warga emas yang dipanggil sebagai Pondok Warga Emas At-Tahwil yang menempatkan warga emas yang dah pencen, warga emaslah memang dah pencenlah. Warga emas yang berkeinginan untuk nak mendalami ilmu agama dan melaksanakan aktiviti harian dia, fokus kepada ibadat. Pondok Warga Emas At-Tahwil di Cherating. Isu yang berbangkit adalah, pada peringkat awalnya, pondok ini ditadbir dan diuruskan oleh orang perseorangan dan juga dipersetujui oleh penghuni punya, ada 27 penghuni pondok At-Tahwil sekarang, warga emas sebahagiannya telah dengan komitmen telah jual rumah di tempat di kampung masing. Ada orang Kelantan, ada orang Melaka ada, orang Johor pun ada.

Jual rumah dia semata-mata nak apa ni menghabiskan hayat mereka di pondok ini, dengan mendalami agama tapi separuh jalan, dah 5 tahun, berlaku krisis dengan tuan tanah dan tuan rumah sehingga terpaksa dipotong elektrik mereka dah 3 bulan menggunakan generator, surau dan rumah tempat tinggal mereka. Bila minta TNB masuk, tak boleh kerana tuan tanah dah tak benarkan izin lalu tak boleh. Maka mereka duduk dalam keadaan yang tidak selesa. Warga emas ni, mereka dah jual rumah dan sebahagiannya dah jual harta nak hidup di sini tapi akhirnya terpaksa berdepan dengan suasana. Maka saya mengharapkan ada intervensi, ada sedikit bantuan daripada pihak kerajaan, keprihatinan untuk lihat isu ini, bagaimana kita boleh bantu mereka supaya boleh dapatkan bekalan elektrik, boleh masuk dan bekalan air.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat boleh beri laluan.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sila… sila.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sekejap. Terima kasih ADUN Beserah. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Kalau sekiranya ada kes-kes yang begini, diharapnya boleh dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak… tidak menjamin bahawa ini boleh diselesaikan. Yang pertama sekali itu adalah tanah milik, tuan tanah tidak benarkan tetapi setakat intervensi tu kita boleh menyokong dan boleh membantu ataupun kita mungkin boleh membantu dengan cara lain. Jadi, saya harap selepas ni Yang Berhormat daripada Beserah… tolong bagi maklumat lengkap, warga emas tersebut dan kita akan cuba bantu setakat mana yang boleh. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Amat Berhormat.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sebab kita semua pun akan jadi warga emas suatu masa. Kita dah warga emas dah ni.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya belum lagilah, insya-Allah. Yang di-Pertua warga emas dah ya?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya dah warga emas. Separuh tiket… separuh tiket keretapi.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Emas tu mahal apa.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya masuk kepada perbahasan berkaitan dengan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat pada semalam. Saya ucap tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat kerana telah berjaya menerajui negeri ini, mencapai tahap dan pencapaian sehingga ke tahap ini dan untuk nak mencapai RM1 bilion, 3 tahun lepas mungkin kita rasa sangat kita hebat tapi lebih hebat bila kita mampu mempertahankan pencapaian tersebut. Maka inilah saya kata tahniahlah [Ahli Dewan menepuk meja] kepada seluruh pasukan negeri Pahang yang telah berjaya memacu negeri ini sehingga berada pada tahap ini dan juga kita mengharapkan tema yang diangkat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkaitan dengan 'Pahang Prihatin, Rakyat Makmur' ini dapat dilaksanakan dengan baik dan jayanya kerana keprihatinan negeri akan mempastikan bahawa rakyat ini berasa selesa dan sejahtera dan baru kita kata kemakmuran itu dapat kita rasai bersama.

Saya ingin sentuh sedikit tentang belanjawan yang telah dibentangkan semalam berkaitan dengan sektor pertanian di dalam tunjang memacu daya saing dan pertumbuhan ekonomi. Kerajaan Negeri telah memberikan peruntukan sebanyak RM58.93 juta untuk nak mempertingkatkan sektor pertanian. Namun bagi saya, seperti mana Lanchang juga sebut pagi tadi, jumlah ini RM58.93 juta ini tidak sepadan dan tidak sepatutnya kita ambil sebagai angka yang boleh membantu mempertingkatkan pertanian kerana RM58.93 juta ataupun kita katakanlah RM60 juta ini hanya 5% daripada jumlah hasil Kerajaan Negeri RM1 bilion, hanya 5%. Macam mana kita nak mempertingkatkan sektor pertanian sekiranya peruntukan hanya 5% daripada hasil? Sedangkan, mengikut laporan dan statistik, sektor pertanian telah menyumbang sejak 4 tahun yang lepas secara konsisten antara 22 dan 23% kepada KDNK Negeri Pahang.

Maknanya sumbangan dia besar, sektor pertanian. Menyumbang 22 hingga 23% kepada KDNK Pahang dengan nilaian antara 12 hingga RM13 bilion ringgit setahun. Maka kalau sekiranya kita betul ingin mempertingkatkan sektor pertanian ini, nilaian RM58 juta ini tidak setara dengan sumbangan sektor pertanian tersebut. Ini yang saya maksudkan, kita akan tak dapat tingkatkan sektor pertanian sekiranya angka yang kita beri kepada sektor pertanian RM58 juta ini dikekalkan. Maka saya cadangkan, jika boleh diberi pertimbangan oleh Kerajaan Negeri supaya dipertingkatkan jumlah peruntukan kepada sektor pertanian dan keterjaminan makanan ini kepada 10% daripada hasil Kerajaan Negeri.

Baru ada satu *injection* di dalam *circle* ni dengan izin, baru ada satu suntikan di dalam kitaran sektor pertanian kalau tidak kita akan berpusing pada tempat yang sama tidak ada peningkatan kerana kita gunakan angka yang sama, cara yang lama tanpa sebarang *injection* atau suntikan kadar baru, ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang semasa pembukaan Titah Diraja 2021 Dewan ini. Baginda menyarankan supaya Kerajaan Negeri mencari jalan supaya mengubah konsep pertanian konvensional kepada konsep pertanian berteknologi tinggi terutama sekali yang melibatkan *Internet of Things (IoT)* dan untuk nak melibatkan sektor pertanian dengan teknologi tinggi, memerlukan dana atau pelaburan yang juga tinggi. Maka saya mengharapkan dipertimbangkan supaya kita mampu untuk nak mengangkat sektor pertanian dan keterjaminan makanan ini supaya kita Pahang ini boleh *sustain* dengan diri sendiri.

Maksudnya kita boleh keluarkan keperluan makanan rakyat negeri Pahang ini sendiri dan ianya boleh dilaksanakan kerana apa yang kita lihat daripada statistik ini lagi, Jabatan

Pertanian telah keluarkan pengeluaran beras, padi dan beras 2021. Negeri Pahang purata hasil padi yang dikeluarkan adalah sebanyak 2.8 tan 1 hektar, 2.8 tan 1 hektar sedangkan negeri Kelantan 4.5 tan 1 hektar, negeri Terengganu 3.7 tan 1 hektar, negeri Perak 3.3 tan, semua negeri ini mengatasi produktiviti negeri Pahang dari pengeluaran padi dan beras. Sedangkan kita ini negeri yang luas sebab kenapa kita kata begitu, kerana keluasan penanaman padi kita adalah sebanyak 13,497 hektar dan berjaya mengeluarkan 37,817 tan dalam satu musim.

Maka ini bermakna kita masih lagi rendah dari sudut produktiviti. Kita tidak meningkatkan produktiviti kerana kemungkinan banyak faktor termasuklah kita masih lagi mengekalkan corak pertanian konvensional. Sehingga kita sentiasa berharap kepada mesin dan jentera yang juga terhad dan terbatas sumbangannya. Maka, untuk nak mempertingkatkan pertanian dan untuk nak memberikan er... apa tu keterjaminan makanan kepada rakyat Pahang lebih kekal, saya sarankan supaya diberikan penekanan dan peruntukan yang lebih tinggi. Begitu juga...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat boleh gulung ya.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Eh gulung dah? Awalnya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya menjaga masa.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Begitu juga dalam sudut pengeluaran beras tempatan saya setuju dengan wakil daripada Kerajaan tadi kata bahawa beras ini tak ada yang sorok mungkinlah, saya... saya terimalah jawapan itu. Tapi mungkin permintaan dan harga barang beras import mahal, orang beli tempatan. Tapi sampai bila perkara ini harus kita bergantung dan berharap kepada keputusan itu? Kalau kita tidak ada, tindakan kita sendiri. Saya harapkan pembentangan baru ini, Menteri Besar mungkin ada cita-cita nak Pahang akan keluarkan beras tempatan sendiri. Kita akan jadi negeri ke-2 atau ke-3 yang...

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN HAJI SHARIF

Dato' Sri Yang di-Pertua, boleh mencelah?

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sila-sila. Tambah masa, ya?

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN HAJI SHARIF

Sikit je, ingin tahu, di Beserah tu ada ke menanam padi kat Beserah tu?

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Dulu ada, sekarang dah tak ada. Itu cerita zaman orang dulu ada pernah buat tanam padi. Kawasan tu ada kawasan paya dan kawasan padi. Sekarang dah tak ada dah.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN HAJI SHARIF

Tempat saya ada.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ya, memang kawasan tu kawasan orang pertanian masih kekal. Apa yang saya nak maksudkan, saya mengharapkan Pahang dengan keluasan tanah ni tadi disebutkan beberapa hektar yang masih terbiar yang sesuai untuk pertanian yang tidak di*explore* termasuk padi bukit kita boleh gunakan kaedah baru, padi huma atau padi bukit untuk Pahang keluarkan beras tempatan jenama sendiri maka ini akan memberikan…

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHD ZULDIN

Mohon mencelah ya.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Sila… sila.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHD ZULDIN

Dato' Sri… Dato' Sri.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya bila sebut pasal beras ni ataupun padi ni memang satu benda yang boleh dikatakan *fingertip* lah sebabnya yang pertama sekali sebelum jadi Wakil Rakyat saya daripada BERNAS, Padi Beras Nasional Berhad dan kita di Pahang ni masalahnya… masalah tanah dia tu tidak subur dan memang benar yang dikatakan tadi yang paling rendah daripada segi *yield*nya ialah di Pahang sebab kita cuma ada, di Rompin dengan di Pekan dan di tempat-tempat lain, dah buat sekali 2 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Beserah, kita di Pahang masih sekali setahun.

Kita masih belum ke arah itu dan untuk kita buat 2 kali setahun ni dia punya *irrigation* tu, sistem saliran air di bendang tu perlu ditingkatkan ataupun perlu dibaiki dan ini melibatkan kos yang sangat tinggi. Kerajaan Negeri ada mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Persekutuan dan sehingga hari ni kita belum mendapat jawapan yang daripada Kerajaan Persekutuan. Untuk Kerajaan Negeri buat sendiri, kita tidak mampu kerana kosnya beratus-ratus juta, bukan mudah. Untuk kita melahirkan beras makmur… beras Pahang ni kita sendiri pun tak cukup padi. Kita ada 1.6 juta. Kalau dulu, sekarang ni dah berubah ya.

Dulu, 1 orang kita ni makan 100 kilo beras setahun. Ataupun 1 jalur... 1 guni jalur dan yang paling mengejutkan saya baru-baru ni, bila saya jumpa dengan rakan-rakan saya daripada BERNAS, keadaan orang Malaysia sekarang dah berubah. Dulu makan beras, makan nasi, makan nasilah bukan makan beras. Makan nasi 100kg setahun seorang. Tetapi sekarang ini secara purata telah menurun kepada 80kg. Kita menjangkakan sepatutnya makin ramai orang, makin ramai yang makan nasi. Tetapi oleh disebabkan adanya makanan segera, Kentucky, McDonald, burger... dan ini menyebabkan peralihan daripada makan nasi kepada makanan yang...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Pizza, Yang Hormat. Yang Amat Berhormat, pizza. Jangan lupa pizza.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ha... pizza. Jadi itulah apa ini, isu-isu ataupun perkara-perkara semasa yang ingin saya nyatakan. Pertama sekali di Pahang ini, hasilnya yang paling rendah. Tak boleh banding dengan Selangor, tak boleh banding dengan Kedah, tak boleh banding dengan Kelantan. Sebab tanahnya memang begitu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Amat Berhormat, macam beginilah. Kalau Musang King ditanam di Raub, beza dengan Musang King yang tanam di Selangor, begitulah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Lebih kurang macam itulah. Kemudian beras kita ini, beras yang dihasilkan di Pahang ini, minta maaflah. Saya pun orang Pahang. Tapi kalau kita makan dengan beras daripada Kedah, rasanya lebih sedap daripada beras daripada Pahang. Itu hakikat dia. Kalau kita nak sedap boleh, kita campur dengan beras Siam. Beras Pahang, padi Pahang, beras Pahang campur dengan beras Siam. Dia memang lagi sedaplah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ini pakar betul bercakap ini [ketawa].

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tapi itu... saya boleh cakap sampai pukul 6.00 pasal padi dan beras. Kalau yang betul Yang di-Pertua, daripada sebiji padi, saya boleh kupaskan macam mana dia menjadi beras. Daripada padi, kulit padi, satu padi itu, satu tan padi dia akan menghasilkan 22% sekam. Daripada sekam, dia akan menghasilkan temukut. Daripada temukut, dia menghasilkan dedak. Daripada dedak, dia akan menghasilkan hancur kasar, hancur halus dan lepas itu barulah ada kepala beras.

Masalahnya, padi kita di sini, bila kita kisar, dia tak jadi kepala beras banyak. Dia jadi hancur. Itu menyebabkan rasanya tidak sedap. Walau bagaimanapun, saya menyahut seruan Yang Berhormat daripada Beserah tadi, memang patut kita adakan beras makmur tetapi apabila kapasitinya cukup, apa ini, *yield*nya tinggi, mencukupi, insya-Allah suatu

masa nanti kita akan buat beras makmur daripada Pahang, insya-Allah. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih ADUN Beserah bagi laluan. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih. Saya teruskan Yang di-Pertua. Sebab itu saya minta supaya dipertingkatkan peruntukan pertanian untuk mengatasi perkara-perkara begini supaya sekurang-kurangnya *yield* dia itu dapat dipertingkatkan, itu je, okey. Sebelum saya gulung Yang di-Pertua, satu lagi pasal pelancongan. Kita mensasarkan 13 juta pelancong untuk tahun ini. Setakat ini kita telah terima sebanyak setakat bulan Jun, 5 juta saya difahamkan. Tumpuan atau tempat lokasi yang menjadi tumpuan ada 5 tempat negeri Pahang. Cameron Highlands, Genting Highlands, Temerloh, Pulau Tioman, Kuantan. Kalau kita tengokkan kepada tempat-tempat tumpuan ini, daripada Cameron Highlands ke Genting Highlands, dia ada Lipis, dia ada Raub. Ketinggalan Lipis dan Raub ini, maknanya ada jurang.

Kenapa dia pergi Cameron Highlands, ke Genting Highland? Pergi pula ke Temerloh, mana pergi Bera tak masuk dalam sini. Daripada Temerloh ke Kuantan, Maran ketinggalan. Dari struktur...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, dia lalu *highway*, sebab dia tak lalu bandar Maran.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, tak... maksud saya tarikan untuk nak pergi tempat ini. Kalau pelancong boleh pergi sampai Cameron, kenapa tak boleh singgah di Raub dan Lipis? Sebab tu namanya pakej perlu ada. Jaringan... jaringan menghubung dan juga penarikan tempat-tempat ini perlu diperhebatkan supaya tidak ketinggalan dari sudut pelancongan. Macam Lipis kata tadi macam-macam eko, Geoparklah macam-macam tapi tidak menjadi tumpuan, kenapa ini berlaku? Kerana pakej yang kita tawarkan Cameron Highlands, Cameron Highlands sahaja tumpu. Dia tak bawa sekali untuk sebagai hiliran kepada tempat tersebut di Raub dan Lipis. Daripada Temerloh ke Kuantan tak bawa sekali tempat di Maran. Begitu juga sampai ke Pulau Tioman, Pekan dan juga Bera ketinggalan.

Maka ini yang kita pelancongan harus melihat perkara ini negeri Pahang ini dia semua ada. Itu unik negeri Pahang. Bertuah negeri Pahang. Dia bukan hanya tanah tinggi, bukan hanya pantai. Dia ada banyak lagi benda. Tapi tumpuan duduk situ, tanah tinggi dan juga pantai. Jadi, maknanya yang terancang untuk geopark, ekotourism dan sebagainya kurang mendapat satu... orang kata sambutan dan minat untuk orang ke sana. Akhir sekali Yang di-Pertua, itu pasal pelancongan. Mesti ada *networking* dan jaringan pakej yang lengkap supaya semuanya terlibat, dia tak tertinggal. Tak ada daerah-daerah ataupun tempat-tempat yang tertinggal.

Saya juga ingin menyentuh tentang pembangunan sukan sikit, bola sepak. Sekarang ini dalam Liga Super Malaysia, Sri Pahang FC duduk tangga ke-5 kalau tak silap saya. Jauh ketinggalan dengan yang duduk di atas liga, JDT hampir 30 *point* tak dan kejar dah, tak sempat dah nak kejar. Persoalan saya adalah pembangunan sukan bola sepak ini, bola sepak ini jadi sukan teraslah kita kata dalam mana-mana negeri, sukan teras. Apa yang

kita boleh buat untuk nak mengekal dan juga untuk nak memastikan potensi dan prestasi pemain-pemain yang ada yang baik ini tidak berhijrah ke tempat lain? Macam JDT, dia banyak duit, kita tahu. Tapi di samping dia banyak duit, dia boleh *perform*. Kadang-kadang banyak duit, dia tak boleh ada sistem yang baik, dia juga tak *perform*. Tak boleh nak dapatkan prestasi sepertimana diharapkan. Tapi JDT boleh mengekalkan tahap prestasi tinggi mereka untuk sekian lama. Maknanya orang lain tak boleh nak kacau dah dia, JDT nampak gayanya.

Ada tak perancangan supaya kita jadi macam JDT? Maknanya pasukan boleh sepak Malaysia ini er... Sri Pahang ini tahap dia tahap Asia sekurang-kurangnya kalau tak pergi kepada *international*. Kalau ada perancangan itu, diharapkan pihak kerajaan dapat mencungkil bakat-bakat tempatan, berkhidmat untuk negeri Pahang dan juga menyumbang kepada perkembangan sukan dan membantu anak-anak muda ini memperlihatkan, mempamerkan dan dapat menjana pendapatan diri mereka di dalam sukan bola sepak. Jadi Yang di-Pertua, saya itulah yang saya dapat sama sebab masa tak mengizinkan, saya mohon menyokong. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil daripada Beserah. Sekarang kita jemput Wakil daripada Chini.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya menyampaikan perbahasan Belanjawan Negeri Pahang 2024 pada petang ini sempena Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Ke-15. Pertamanya, saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya memberi ruang dan peluang dapat saya bersama di dalam Dewan yang Mulia ini.

Ke kota mencari cemara,
Tapi cemara ada di hulu,
Sebelum diteruskan perbahasan saya,
Izinkan saya berpantun dahulu.

Teluk Cempedak tempat berhibur,
Pantainya bersih sangat masyhur,
Pohonkan doa tanda bersyukur,
Pahang Prihatin, Rakyat Makmur.

Udara segar di waktu pagi,
Mendung tiba menjelang petang,
Kerajaan baik suka berbagi,
Terserlah dalam Belanjawan Pahang.

Bertemakan Belanjawan Negeri Pahang 2024, ‘Pahang Prihatin, Rakyat Makmur’, sangat bersesuaian dengan prestasi Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 2023 di mana pencapaian membanggakan seterusnya hasil dipulangkan kepada rakyat dalam pelbagai bentuk inisiatif bantuan. Ucapan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri

Besar Pahang, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan di peringkat negeri dan daerah serta yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di atas kejayaan meningkatkan kutipan hasil Kerajaan Negeri pada tahun ini sebanyak RM1.164 bilion melebihi sasaran sebanyak RM1.083 bilion sebagaimana yang telah dibentangkan.

Sepertimana kata-kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sering diungkapkan, angka tidak pernah berbohong. Apa yang saya amati peningkatan kutipan hasil Kerajaan Negeri Pahang ini sangat efektif dan efisien dalam pelbagai aspek demi kesejahteraan dan kemakmuran negeri Pahang. Memetik ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakyat menilai prestasi bukan persepsi boleh dilihat dari segi kejayaan kerajaan menarik pelaburan, peningkatan KDNK dan pengurangan hutang. Ternyata ianya membuktikan Kerajaan Negeri Pahang bukan omong kosong dalam merealisasikan kejayaan demi kejayaan hasil kerjasama semua pihak.

Pada belanjawan kali ini saya melihat lima tunjang yang dirancang telah meliputi keseluruhan agenda memperkasa ekonomi, pentadbiran serta peningkatan hasil pulang kepada rakyat. Seperti kata pepatah, '*kalau sedikit secubit dirasa, kalau banyak sama-sama merasa'*.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam keseluruhan Belanjawan ini juga pepatah mengatakan, *'yang lama dikelek, yang baru didukung',* di mana program-program baru diperkenalkan tanpa memikirkan segala program yang baik sebelum ini. Sebagai contoh, dengan penjenamaan semula Program Pahang *Pride* kepada Pahang Makmur tanpa sedikit pun meninggalkan konsep yang diadakan sebelum ini serta penambahbaikan dan penambahan program-program. Sebagai contoh penambahan Aspirasi Makmur, sagu hati kepada mereka mencapai pencapaian luar biasa sebagaimana yang telah diberikan kepada Nur Shazrin Mohamad Latif atlet kapal layar memenangi pingat emas merupakan anak Kampung Mambang di dalam DUN Chini seterusnya akan mewakili Malaysia ke Sukan Olimpik 2024. Keluarga Nur Shazrin juga merupakan penerima Rumah Rakyat Pahang pada tahun ini dan serahan kunci telah dibuat oleh saya diberikan seminggu sebelum beliau memenangi pingat emas di Sukan Asia Guangzhou.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Selain itu juga penambahan Rumah Rakyat Pahang kepada masyarakat Orang Asli telah membuktikan Kerajaan Negeri Pahang cakna dan tidak meminggirkan mereka dalam agenda memakmurkan negeri. Apa yang menarik perhatian saya juga pada Belanjawan 2024 dengan adanya penubuhan Sekretariat Perantau Anak Pahang yang berfungsi dalam bentuk Program Bantuan dan Kebajikan Rakyat Pahang di perantauan menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri Besar Pahang prihatin bukan sahaja rakyat di dalam negeri malah di luar Pahang juga terbela… terjaga.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seperti sedia maklum Kerajaan Negeri Pahang memandang serius isu bekalan air dengan membelanjakan peruntukan yang besar dalam menyelesaikan gangguan bekalan air di seluruh kawasan yang terlibat termasuklah pembinaan kolam takungan air (ORS) di Chini yang sedang dalam proses pembinaan 90% dan akan siap tak lama lagi. Sebagai Ahli

Dewan Negeri Chini, saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang yang telah berusaha bagi mengekalkan kawasan Rizab Biosfera Tasik Chini di bawah Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Harapan saya juga agar kawasan resort Tasik Chini dibangunkan semula sebagai kawasan tarikan pelancongan di negeri Pahang terus mampu mengembalikan kegemilangan dan keunikan legenda Naga Tasik Chini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Isu penipuan secara *online,* dengan izin, *scammer* pada hari ini sangat membimbangkan. Mengikut laporan daripada pihak PDRM Pekan pada tahun ini nilai kerugian hampir RM500,000.00 dalam bentuk penipuan secara *online* di daerah Pekan. Oleh itu, saya mencadangkan pihak Kerajaan Negeri dan agensi berkaitan dapat mengadakan kempen kesedaran penipuan secara *online* lebih meluas lagi agar rakyat negeri Pahang sentiasa berwaspada dan berhati-hati taktik penipuan secara *online* ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan, pengurusan FELDA dan juga Jabatan Veterinar berkaitan haiwan ternakan berkeliaran di jalan raya utama yang melibatkan ternakan di kawasan ladang peneroka yang berhampiran dengan jalan raya utama sehingga melibatkan kemalangan. Lembu buat masalah, YB kena kecam. Isu ini beberapa kali dibincangkan dan telah diambil tindakan bersama pihak veterinar antaranya memberi notis amaran kepada penternak serta membuat penguatkuasaan tangkapan tetapi ianya masih belum dapat diselesaikan secara keseluruhannya.

Antara pandangan saya, mengawal selia data penternak-penternak agar ternakan ini dapat dikenal pasti pemiliknya terutama yang menternak di kawasan ladang-ladang sawit yang berhampiran dengan jalan raya dan memudahkan tindakan diambil. Ini kerana kebanyakan lembu-lembu yang terlibat dengan kemalangan lembu yang tidak didaftarkan di bawah pihak veterinar di peringkat daerah.

Selain daripada itu, keperluan penempatan generasi baru FELDA ini sangat tinggi permintaannya. Saya sangat mengharapkan pihak FELDA dapat membantu menyediakan lot tapak Perumahan Generasi FELDA terutama di kawasan FELDA Chini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mendoakan segala usaha dan perancangan Kerajaan Negeri Pahang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail dapat diterjemahkan dan direalisasikan apa yang telah dibentangkan dalam Belanjawan Negeri Pahang 2024. Akhir kalam, Chini menyokong Belanjawan Negeri Pahang 2024.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Chini. Wakil Chini. Seterusnya saya minta maklum supaya kita menepati masalah kalau tidak kita akan berlanjutan hingga pukul 7:00. Seterusnya Wakil daripada Pulau Tawar.

YB TUAN YOHANIS BIN AHMAD

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan selamat petang. Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang di-Pertua di atas memberi kesempatan kepada saya untuk berucap pada petang ini dan saya mengucap tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Besar di atas pembentangan Belanjawan mudah-mudahan seluruh rakyat negeri Pahang akan mendapat faedah, insya-Allah.

Jadi perkara pertama yang akan saya sentuh adalah berkait dengan pada 4 Ogos 2022 Yang Berhormat ADUN Lanchang yang merupakan EXCO Kerajaan Negeri Pahang pada ketika itu telah melancarkan e-Ladang. Jadi e-Ladang ni ia ada matlamat untuk membantu Kerajaan Negeri untuk merangka, merancang dasar sektor perladangan dengan lebih baik dan juga objektifnya adalah kemudahan capaian maklumat perladangan mengikut jenis tanaman. Jadi saya mohon penjelasan, apakah kejayaan e-Ladang selepas setahun ia dilancarkan?

Yang kedua, adalah berkait dengan sektor agromakanan. Pada hujung 2021, kita berhadapan dengan banjir yang berlaku pada ketika itu di negeri Pahang dan bulan Mac 2022 dilaporkan di Dewan yang Mulia ini iaitu sektor agromakanan mengalami kerugian RM15.09 juta. Jadi apa yang menjadi masalah adalah bila pekebun-pekebun atau petani-petani yang pekebun sayur, pekebun buah dan sebagainya, mereka sangat terkesan dengan bencana alam tersebut. Maka adalah tabung-tabung yang disediakan oleh pihak kerajaan antaranya Tabung Bencana Tanaman Padi dan juga Tabung Pembangunan Semula Agromakanan dalam bentuk input pertanian. Cuma saya di sini mencadang jika dah ada alhamdulillah, jika belum ada mungkin Kerajaan Negeri boleh mewujudkan Tabung Bencana Pertanian… Bencana Alam untuk pertanian yang melibatkan petani, penternak dan juga perikanan, insya-Allah.

Yang ketiga adalah melibat… melibatkan masalah setempat. Pertama sekali pada 4 hari bulan 11 2023 baru ini, saya ada melakukan satu lawatan kerjalah ke salah satu taman di dalam DUN yang saya wakili iaitu Taman Ibol Jaya. Dalam taman ini dia masalah berkait dengan air kumbahan yang melimpah ke jalan… dia tersumbat. Jadi saya melakukan kunjung hormat… lawatan kerja ke sana saya dapati masalah berlaku sangat kritikallah. Air kumbahan itu melimpah sehingga ke jalan dia berbau menyebabkan rumah-rumah di sana terkesan dengan masalah tersebut dan menjadi er... masalah seterusnya adalah longkang tersumbat dan menyebabkan pintu masuk jalan ke taman tersebut banjir dan sebelah dengan Taman Ibol Jaya ini sedang dibina rumah PR1MA yang sangat besar di situ.

Jadi bila masalah longkang tersumbat, ada banjir dan sebagainya… banjir kilat dan sebagainya maka ia menjadi masalah kepada penduduk setempat untuk keluar masuk dan sebagainya. Pada 16 hari bulan 11 ada lori Indah Water datang untuk sedut air tersebut... air kumbahan tersebut tapi itu untuk jangka masa pendek. Jadi di sana ada satu loji kumbahan yang telah dibina tapi tak dapat berfungsi dengan baik maka saya mencadang

pihak yang berkaitan untuk baiki loji tersebut supaya memudahkan er... urusan penduduk di sana.

Yang keempatnya adalah berkait dengan masalah er... paip pecah yang berlaku di... paip pecah yang berlaku di er... Kampung Pulau Tawar dan Kampung Bukit Nikmat. Dalam er... pembentangan bajet ini disebut er... tentang berapa er... tempat yang akan dibaiki paip tersebut dan melibatkan 33 projek. Jadi saya mohon dalam er... tempat yang akan dibaiki paip pecah ini termasuklah Kampung Pulau Tawar dan juga Kampung Bukit Nikmat yang sangat kritikal pada waktu ni, insya-Allah.

Dan seterusnya saya nak menyebut tentang er... berkait dengan industri pelancongan. Er... ada disebut di sini tentang er… membantu menaik taraf kemudahan infra dan memelihara kawasan tinggalan sejarah Tok Gajah dan Mat Kilau dan peruntukan yang diberi itu RM500,000.00. Saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas er… prihatin perkara tersebut dan sebenarnya bila kita er… nak membaiki infra di situ, alhamdulillah ia akan menjadi kawasan pelancongan dan masalahnya adalah ia berkait dengan paip pecah tadi maka jika orang datang ke tempat tersebut di Kampung Pulau Tawar er... mereka pergi ke masjid, pergi ke tempat-tempat tertentu kadang-kadang bila paip pecah yang kerap berlaku ini menjejaskan persepsi masyarakat luar kepada kawasan pelancongan tersebut. Jadi mohon mudah-mudahan kawasan tersebut dapat kita beri perhatian lebih berkait dengan isu paip pecah yang berlaku di beberapa kampung di sekitar kawasan tersebut.

Dan yang terakhir adalah berkait dengan er… dalam... dalam bajet ini juga disebut tentang menyantuni Program Santuni Saudaraku ataupun kita sebut mualaf dan bajet yang diperuntukkan dalam Program er... Santuni Saudaraku Mualaf ini adalah sebanyak RM500,000.00. Er... saya dulu pernah mengajar satu masa dulu mengajar sambilanlah di program yang dianjurkan oleh PERKIM iaitu program berkait dengan mualaf ini. Jadi apa yang saya tengok dalam pembentangan ini er… disebut tentang program-program yang akan dilaksanakan untuk mualaf ini antaranya Ramadan, Israk Mikraj, Maulidur Rasul dan lain-lainlah.

Cuma er... saya mohon supaya ditambah lagi aktiviti program yang telah ada ini supaya mualaf atau saudara baru kita ini yang ikuti program ini kita jadikan program asasnya adalah mereka mengikuti program asas-asas fardu ain secara berjadual yang kita buat mungkin kita letak masa 2 tahun atau 3 tahun sehinggakan mereka ini yang disebut saudara baru kita ini kalangan mereka ini boleh mengajar pula rakan-rakan mereka yang masuk Islam dalam bahasa mereka, itu lebih cepat.

Dan mereka memahami budaya dan bahasa mereka dan itu lebih memudahkan kerja kita untuk menyantuni kawan-kawan kita daripada kalangan mualaf. Jadi perkara-perkara sebegini mungkin boleh diperbaiki daripada masa ke semasa khasnya berkait dengan kita nak memberi bantuan yang secukupnya kepada saudara baru kita iaitu yang kita sebut mualaf. Inilah beberapa perkara yang boleh saya sebutkan Yang Berhormat er... Yang di-Pertua. Mudah-mudahan perkara yang saya sebut ini mendapat perhatian dan tindakan sewajarnya oleh Pihak Kerajaan Negeri. Jadi saya akhirnya menyokong bajet kali ini, sekian.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil daripada Pulau Tawar. Seterusnya Wakil daripada Tanah Rata.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih kepada Dato’ Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai Kerajaan, selamat sejahtera. Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang dan khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang kerana telah membentangkan Belanjawan Negeri Pahang 2024 yang amat seimbang, komprehensif, inklusif dan bermisi menjana pembangunan negeri dan meningkatkan kesejahteraan rakyat terutamanya golongan yang memerlukan seperti warga emas, ibu tunggal, mahasiswa, pelajar dan banyak lagi.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya izinkan saya membangkitkan dalam Dewan yang Mulia ini, isu pertanian lestari dan sekuriti makanan yang juga adalah agenda yang amat dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Berikutan pergolakan dunia seperti Perang Rusia-Ukraine, isu sekuriti makanan semakin diangkat sebagai agenda utama setiap kerajaan di dunia demi menjamin kelangsungan makanan di negara-negara masing-masing dan kesejahteraan rakyat secara amnya. Walau bagaimanapun, kebergantungan negara kita kepada input pertanian dan makanan import menyebabkan negara kita agak terdedah kepada impak global ataupun beban kewangan negara semakin meningkat kerana perlu menampung kos import yang tinggi.

Berdasarkan data dari Jabatan Perangkaan Malaysia 2018 hingga 2022, sesetengah makanan mencatatkan kurang daripada 50% kadar sara diri (SSR) contohnya sayur-sayuran dan buah-buahan seperti cili 29.7%, halia 15.9%, kubis bulat 45.6% dan sebagainya.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Indeks Sekuriti Makanan Global… *Global Food Security Index* (GFSI) ke-11 pada tahun 2022 yang diterbitkan oleh Economist Impact, sebuah *think tank* antarabangsa, Malaysia berada di kedudukan ke-41 mencatatkan sedikit penurunan berbanding dengan kedudukan ke-39 pada tahun 2021. Dalam indeks ini, negara kita diiktiraf sebagai agak berjaya dalam meningkatkan contohnya dalam sub indeks tahap mampu milik, *affordability*. Antaranya kerana harga makanan di Malaysia terkawal dan tidak meningkat secara mendadak.

Dan kerajaan juga membekalkan Program Jaring Keselamatan Makanan (*Food Safety Net)* bagi membantu golongan berpendapatan rendah untuk membeli… memperoleh makanan yang berkhasiat. Antara contoh yang kita lihat Jualan Rahmah yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang, Beras Makmur iaitu jenama beras murah yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pahang. Semua ini menunjukkan komitmen kerajaan khususnya Kerajaan Negeri Pahang untuk meringankan beban golongan yang memerlukan dan memastikan bekalan makanan mencukupi.

Namun dari segi sub indeks kelestarian dan adaptasi (*sustainability* dan *adaptation*), skor yang Malaysia peroleh tidak cukup memuaskan. Antara subkategori yang dikira tidak memuaskan adalah iltizam politik untuk adaptasi di mana *mean average* bagi semua negara adalah 55.8 tetapi Malaysia hanya memperoleh skor 24.6. Ini adalah salah satu indikator yang menunjukkan bahawa Malaysia perlu menambah baik polisi atau memberi insentif bagi menggalakkan pertanian lestari diamalkan.

Maka saya mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang boleh menjadi perintis atau teladan di seluruh negara dengan mewujudkan persekitaran yang positif ataupun *enabling environment* agar mencetus anjakan paradigma dalam kalangan pekebun termasuk pekebun kecil. Di Cameron Highlands, saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri boleh memberi insentif seperti insentif kewangan, pemotongan sewaan tanah kepada pekebun yang telah atau sedang memohon pensijilan MyGap iaitu Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia.

Kini para pekebun perlu membayar RM4,500.00 ekar setahun sewaan tanah pertanian dan ramai pekebun kecil di Cameron Highlands merasa beban kewangan yang tinggi disebabkan harga sayuran yang rata-ratanya rendah dan kos pertanian yang masih tinggi maka sekiranya penurunan sewaan tanah pertanian diberi, polisi ini bukan sahaja membantu meringankan beban pekebun tetapi juga menggalakkan para pekebun memulakan usaha menuju ke arah pertanian lestari.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Tempoh sewaan tanah pertanian di Cameron Highlands sebanyak 3 + 2 tahun yang ditawarkan oleh Pahang Corporation mulai tahun 2020 akan tamat pada tahun 2024. Di sini saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan kerajaan kerana menawarkan sewaan tanah yang bertempoh lebih panjang dan lebih terjamin berbanding dengan TOL dahulu. Dalam konteks menggalakkan permohonan sijil MyGAP, saya mencadangkan bahawa kerajaan juga menawarkan sewaan tanah pertanian yang lebih panjang kepada pekebun yang sedang atau telah memohon MyGAP. Polisi seperti ini yang berorientasikan *institutional support* akan membantu mencetus transformasi sektor pertanian kerana kerajaan memberi penanda yang jelas bahawa kerajaan mementingkan pembangunan sektor pertanian.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Isu kedua yang ingin saya bincangkan dalam Dewan yang Mulia ini adalah isu banjir kilat yang berlaku di Tringkap, Cameron Highlands semalam ketika kita bersidang pada 4 hari bulan Disember, semalam pada jam lebih kurang 6:00 petang. Banjir kilat berlaku di Kampung Baru, Tringkap dan melanda banyak rumah. Empat buah keluarga terpaksa berpindah kerana didapati struktur rumah berisiko. Di sesetengah kawasan di Kampung Baru, Tringkap paras air adalah amat tinggi dan mencecah separuh daripada ketinggian orang dewasa. Perabot, alat elektrik, alat pengangkutan seperti motosikal telah rosak disebabkan oleh banjir tersebut. Di samping itu, cerun berhampiran dengan Jambatan Tringkap yang baru sahaja diselenggara telah runtuh sekali lagi. Nasib baik, tiada sebarang kehilangan nyawa berlaku tetapi insiden ini sudah tentu menyebabkan penduduk-penduduk dan mangsa-mangsa tidak dapat tidur lena dan bimbang setiap kali hujan lebat turun.

Di sini saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Pegawai Daerah Cameron Highlands dan semua agensi kerajaan yang terlibat dalam segala bantuan dan usaha dan juga respons yang pantas untuk membantu mangsa banjir di Tringkap, Cameron Highlands. Walaupun banjir kilat pernah berlaku di kawasan ini, tetapi banjir kali ini boleh dikira sebagai salah satu banjir yang paling serius. Maka saya memohon Kerajaan Negeri agar mengambil langkah yang sewajarnya dan secepat mungkin termasuk membuat kajian agar mengenal pasti faktor banjir kilat ataupun memulakan Projek Rancangan Tebatan kajian… Banjir, maaf.

Saya juga difahamkan bahawa pihak JPS Daerah Cameron Highlands telah memohon Projek Pembinaan Saliran Mesra Alam Cameron Highlands di Tringkap serta di Brinchang dan Tanah Rata di bawah PISMA… di bawah Kementerian Sumber Asli Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Maka saya memohon bantuan dan sokongan daripada Kerajaan Negeri agar kelulusan tersebut dapat dipercepatkan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Isu ketiga yang saya ingin panggilkan di Dewan yang Mulia ini adalah pembinaan jalan pintasan Cameron Highlands di kawasan Kea Farm iaitu salah satu destinasi pelancongan yang dikira paling popular di Cameron Highlands. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kerajaan dan juga sokongan padu daripada Kerajaan Negeri Pahang kerana meluluskan pembinaan jalan pintasan Cameron Highlands, menaik taraf jalan dari bulatan McDonald's ke persimpangan Brinchang *Time Tunnel* FT-59 dan membina *one-way loop* di Kea farm, Cameron Highlands.

Difahamkan bahawa fasa reka bentuk bagi jalan pintasan tersebut akan tamat pada bulan Disember tahun ini dan projek akan bermula dan dijangka siap pada September 2026. Saya berpendapat bahawa projek ini akan membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kea Farm yang kini sangat serius dan selalu menyebabkan kesesakan lalu lintas sebanyak 2 hingga 3 jam untuk hanya… untuk perjalanan dalam lebih kurang 8km dari Tanah Rata ke Kea Farm.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Difahamkan bahawa satu jejambat baharu sepanjang 0.27 km akan dibina sebagai sebahagian daripada *one-way loop* yang menghubungkan Jalan Majlis di Kampung Baru Kea Farm sepanjang 0.6 km. Namun saya dapati bahawa penduduk risau jika ia mungkin mengundang kepada kesesakan lalu lintas yang serius kerana mungkin mewujudkan *bottle neck traffic* di dalam kawasan Kampung Baru Kea Farm. Hal ini demikian kerana pengguna kenderaan dan pelancong tidak mempunyai pilihan lain tetapi perlu memasuki kawasan Kampung Baru Kea Farm serta melalui kawasan Medan Agro yang di depan Kampung Baru tersebut.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin membincangkan isu penaiktarafan loji rawatan air dan sistem paip air. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah meluluskan projek menaik taraf loji rawatan air di Tringkap dan juga sistem paip air di Carnation Park. Tak akan ada lagi projek penaiktarafan loji rawatan air di Brinchang. Cuma

berdasarkan maklumat yang saya dapat terdapat juga masalah bekalan air yang tidak stabil di beberapa tempat.

Contohnya, Taman Matahari Cerah, Kampung Raja, Taman Mewah, Lembah Bertam dan juga Taman MCA Lembah Bertam. Bukan parti tetapi taman. Terima kasih. Saya juga ucapkan kepada PAIP Cameron Highlands kerana telah membuat semakan dan saya berharap sekiranya perlu projek penaiktarafan, maka peruntukan boleh diluluskan dengan secepat mungkin.

Akhir sekali, saya ingin membincangkan di Dewan yang Mulia ini isu penambahbaikan pangkalan data di negeri Pahang. Pada era informasi ini, akses kepada informasi merupakan satu langkah penting ke arah penglibatan rakyat dan pembangunan demokrasi secara amnya kerana rakyat terutamanya generasi muda boleh diperkasakan untuk melibatkan diri secara aktif untuk menilai maklumat, menjalankan penyelidikan, menjana idea dan sebagainya demi membangunkan masyarakat negeri dan negara. Kerajaan Negeri Pahang mementingkan ketulusan informasi dan sebab itu kerajaan juga memaparkan maklumat-maklumat yang penting seperti Belanjawan, Penyata Rasmi, Rancangan Struktur Negeri 2050 dan sebagainya dengan harapan bahawa informasi tersebut membantu memperkasakan rakyat.

Saya mengucapkan taniah kepada kerajaan atas usaha tersebut dan saya juga mencadangkan agar meningkatkan lagi tahap ketelusan informasi. Contohnya dengan memaparkan Pertanyaan dan Jawapan sidang Dewan di laman web kerajaan. Bukan sahaja informasi ini dipaparkan tetapi cara informasi ditunjukkan kepada orang ramai perlulah mesra pengguna. Seperti informasi yang boleh diklasifikasikan mengikut tema dan fungsi *cross-referencing* disediakan kepada orang ramai. Akhir kata, semoga Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang Mulia ini boleh bersama-sama membawa kesejahteraan kepada rakyat dan negeri Pahang. Dengan ini saya menyokong Belanjawan 2024 yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil daripada Tanah Rata. Seterusnya, Wakil daripada Tahan.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. (bacaan ayat al-Quran)

Terima kasih Yang di-Pertua. Yang saya hormati Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, rakan-rakan dari Ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan seluruh pemerhati. Pertamanya saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2024 pada hari ini. Pertamanya, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana telah membentangkan Bajet 2024 pada hari semalam. Dengan sekali lagi melangkaui angka RM1 bilion kutipan hasil. Semoga hasil pendapatan negeri ini akan terus dinikmati oleh rakyat seluruhnya.

Banyak inisiatif-inisiatif dan insentif-insentif yang telah dikemukakan untuk kesejahteraan rakyat. Ada untuk belia, untuk penggiat pelancongan, untuk Orang Asal, termasuklah

kepada penternak-penternak ikan air tawar ataupun ikan sangkar. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kerana pada bulan 10 baru-baru ni saya dan rakan-rakan daripada pembangkang dihubungi oleh Pejabat Daerah menyatakan bahawa… meminta kami mengemukakan satu cadangan projek kerana ada peruntukan sebanyak RM30,000.00 daripada Kerajaan Negeri dan alhamdulillah projek yang telah kami angkat itu dalam er… rangka hampir siap er… kerja-kerjanya, terima kasih sekali lagi.

Saya teruskan ucapan saya dengan mengemukakan beberapa perkara berkaitan DUN yang saya wakili. Pertamanya, saya ingin menjunjung kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang pada Julai… pada 30 Julai 2023 dalam Majlis Perjumpaan bersama-sama Masyarakat Setempat Ulu Tembeling yang antara lainnya Baginda meminta agar pihak kerajaan memastikan agar jalan perhubungan antara kampung dapat dibina dan diwujudkan di Ulu Tembeling. Walaupun umum mengetahui bahawa projek ini telah diluluskan oleh pihak KKDW dengan peruntukan sebanyak RM158 juta, pihak kontraktornya pun telah dipilih dan sudah memasuki kawasan projek sejak lebih setahun yang lalu namun saya melihat tiada perkembangan yang sepatutnya berlaku. Jika halangannya berkaitan dengan pengambilan tanah dan juga pembayaran pampasan, saya inginkan penjelasan setakat mana perkara ini telah dapat diselesaikan.

Saya bimbang jika projek ini tidak berjalan seperti jadual, ianya akan melibatkan peningkatan kos dan ianya juga turut akan merencatkan projek bekalan air bersih ke Kampung Kembir dan Kampung Tanah Pindah Bukit Mat Daling yang juga telah diluluskan peruntukannya oleh KKDW sebanyak RM5 juta. Saya difahamkan pihak perunding bagi projek bekalan air bersih ini telah pun turun ke lokasi bagi membuat reka bentuk namun kebergantungan mereka kepada jajaran projek jalan perhubungan ini sangat tinggi bagi mereka menyiapkan reka bentuk projek tersebut. Saya mohon agar pihak kerajaan dapat memantau perjalanan projek ini bagi meredakan kegelisahan penduduk di Mukim Ulu Tembeling yang sangat-sangat mengharapkan dua projek ini dapat siap dan terlaksana seperti yang dirancang.

Perkara kedua, ialah berkaitan dengan ladang YP Hevea er… Kampung Kuala Sat. Semenjak ladang ini dibuka sekitar tahun 2011, saya ingin bertanya berapakah peluang pekerjaan telah dibuka kepada penduduk di Mukim Ulu Tembeling khususnya penduduk Kampung Kuala Sat? Kemudian, berapakah pulangan hasil yang telah diperolehi daripada ladang ini? Saya juga ingin… saya juga inginkan kepastian benarkah ada dakwaan yang menyatakan bahawa ada 500 ekar daripada keseluruhan tanah ladang ini telah dimohon pelepasan sekitar tahun 2013, 2014 dengan tujuan umumnya untuk pembangunan ekonomi Mukim Ulu Tembeling. Jika benar, di manakah lokasi tanah tersebut dan apakah bentuk pembangunan ekonomi yang telah dilaksanakan memandangkan ianya adalah pecahan dari tanah ladang YP Hevea? Jika benar, pelepasan 500 ekar itu berlaku siapakah yang menjadi pemilik tanah tersebut?

Perkara ketiga, ialah berkenaan dengan prasarana Sekolah Menengah Kebangsaan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah. Sekolah Menengah Kebangsaan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah telah dibuka secara rasminya oleh Kebawah Duli yang Maha Mulia Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada tahun 1999. Tahun depan genaplah 25 tahun umur sekolah menengah ini. Ada beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian dan tindakan segera oleh pihak kerajaan. Yang pertama, saya menerima aduan bahawa bangunan sekolah er… bangunan surau sekolah yang tidak boleh digunakan sejak

setahun yang lalu atas nasihat pihak JKR kerana kerosakan pada bahagian bumbung dan kerangka atap. Ini menyebabkan aktiviti solat fardu bagi pelajar asrama dibuat di surau asrama manakala bagi pelajar luar solat Zuhur dibuat di rumah mereka setelah pulang.

Yang kedua, masalah pendawaian elektrik di bangunan yang ada termasuklah di kelas pendidikan er… pendidikan khas dan yang ketiga, masalah tekanan air paip yang terlalu rendah dan tidak mencukupi bagi menampung keperluan sekolah sehingga perlu bergantung kepada bekalan air bukit. Sebagai contoh, kuarters guru teres yang ber… er… menggunakan gabungan antara air bukit dan juga air paip. Kuarters guru *apartment* 90% menggunakan sumber air bukit dan juga bangunan asrama 90% menggunakan bekalan air bukit.

Saya mengharapkan segala permasalahan ini dapat ditangas er… ditangani dengan sesegera kerana ianya akan lebih meruncing apabila projek pembinaan SK Kuala Tahan dan KK Kuala Tahan yang baharu berhampiran dengan sekolah ini dilaksanakan nanti. Untuk makluman, masalah tekanan air rendah ini bukan sahaja melibatkan sekolah namun turut… namun turut melibatkan beberapa kampung di sekitar Kuala Tahan. Justeru sebelum sambutan Jubli Perak Sekolah Kebangsaan er… Sekolah Menengah Kebangsaan JPSAS yang jangkaannya diadakan pada tahun hadapan, saya mengharapkan segala kerja naik taraf prasarana dapat dilaksanakan demi keselamatan dan keselesaan para murid, guru dan semua warga SMK JPSAS.

Yang keempat, berkaitan dengan pelancongan. Pertamanya, saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang yang telah mencatatkan kadar purata tempoh penginapan tertinggi di Malaysia dengan kadar 73% sepanjang Januari hingga Jun yang lalu. Ianya menunjukkan negeri kita menjadi destinasi pilihan ramai. Saya mohon Kerajaan Negeri memikirkan satu kaedah bagaimana mewujudkan konsep pelancongan Islam di Taman Negara Kuala Tahan agar ianya menjadi satu identiti baru. Negara kita terpilih sebagai pilihan destinasi dunia oleh pengembara Muslim kerana negara kita memenuhi keperluan yang sempurna. Gaya pelancongan Islam telah membuka dimensi baru dalam kerangka pelancongan sedia ada dan kita perlu bersama-sama berusaha agar konsep ini dapat dilaksanakan.

Hasil kajian merumuskan bahawa pelancongan Halal Malaysia telah menduduki tempat pertama dalam indeks perjalanan Muslim *global*. Malaysia sebagai salah sebuah negara ASEAN dianggap berjaya memanfaatkan pelancongan Halal boleh kita jadikan sebagai asas ini. Taman Negara Kuala Tahan boleh dijadikan sebagai pilihan dalam membina identiti pelancongan Islam dengan penduduk lebih 90% beragama Islam. Tourism Malaysia, MOTAC dan agensi kerajaan yang terlibat dengan kerjasama pakar-pakar bidang ini mesti membuat kajian bagaimana ianya boleh dilaksanakan di Taman Negara Kuala Tahan. Mulakan dengan projek-projek kesedaran kepentingan pelancongan Islam. Pusat pelancongan Islam perlu bekerjasama dengan pemain-pemain industri di Kuala Tahan.

Buatlah seminar, bengkel bagi tujuan pendedahan dan keseragaman dalam membina kredibiliti perkhidmatan pelancong dengan pertimbangan nilai Islam. Masjid Kuala Tahan yang baharu nanti jika diluluskan permohonannya dijadikan masjid pelancongan dengan seni bina Islam yang dapat menarik pengunjung bukan Islam ke masjid. Pakej-pakej boleh diwujudkan bagi membina hubungan budaya dan kefahaman sejarah peradaban manusia, pelbagai kaum dan juga agama. Berapa ramai pelancong yang bukan beragama Islam

yang melahirkan ketenangan apabila mereka mendengar laungan azan Subuh daripada Masjid Kuala Tahan.

Aspek peningkatan kebersihan di komplek pelancongan, tapak pelupusan sampah serta sikap pengguna adalah satu proses berterusan yang penting dalam mewujudkan identiti ini. Penambahbaikan fasiliti seperti jalan, kedai yang terurus, pencahayaan yang baik dan penyediaan mesin ATM dapat meningkatkan lagi perkhidmatan kepada pengunjung di Taman Negara Kuala Tahan. Harapan saya agar Taman Negara Kuala Tahan boleh dijadikan *benchmark* kepada pelancongan Islam di negeri ini pada suatu hari nanti.

Perkara kelima, pada Mei 2020 pihak Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah mengumumkan pembinaan sebuah Pusat Teknologi Getah Wilayah Timur yang kosnya kira-kira RM100 juta di daerah Jerantut dan lokasi yang dipilih ialah di dalam DUN Tahan. Saya difahamkan pihak LGM yang pengerusinya pada ketika itu Dato' Ahmad Nazlan Idris, mantan Ahli Parlimen Jerantut telah bertemu dan berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang bagi mendapatkan tanah yang sesuai untuk tujuan tersebut dan pihak Kerajaan Negeri telah bersetuju memberikan tanah berhampiran Jambatan Tekal dengan keluasan 2,100 ekar dengan pecahan 2,000 ekar akan dijadikan ladang getah yang baharu dan 100 ekar dibina pusat penyelidikan dan prasarana berkaitan.

Saya juga difahamkan bahawa bayaran premium juga telah dibuat kepada Kerajaan Negeri oleh pihak LGM sebanyak RM7.5 juta. Saya amat mengharapkan agar projek ini dapat dilaksanakan kerana ianya sekali gus membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan menjadi lokasi agropelancongan. Justeru saya juga ingin penjelasan apakah status projek berkenaan?

Yang keenam, jalan Paya Garuk merupakan laluan utama ke Taman Negara Kuala Tahan dan Ulu Tembeling yang sering terputus setiap kali berlakunya banjir. Laluan ini akan dinaiki air sehingga lebih dua meter menyebabkan laluan ini ditutup dan akan menjejaskan laluan orang ramai serta terputus bekalan. Susulan lawatan Timbalan Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Datuk Arthur Joseph Kurup pada 31 Disember 2021 ke lokasi tersebut, apakah tindakan jas…apakah tindakan jangka pendek dan panjang yang telah dibuat bagi memastikan keadaan ini tidak lagi berpanjangan setiap kali musim banjir tiba.

Yang ketujuh sebelum akhir, saya telah menerima aduan dan rasa kebimbangan daripada penduduk Kampung Batu Balak berkaitan pembalakan yang bakal dilaku… dilakukan berhampiran kawasan tadahan air di bukit… di hutan Bukit Batu Garam, Seberang Labu Mukim Tembeling Tengah. Saya telah pun menghubungi pihak Pejabat Hutan Daerah Jerantut untuk pengesahan terhadap aduan ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia, penduduk Kampung Batu Balak telah menikmati bekalan air bersih dari kawasan tadahan air ini sejak 23 tahun yang lalu. Ianya adalah projek di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Hingga saat ini, penduduk kampung masih bergantung sepenuhnya dengan bekalan air bukit ini bagi kegunaan harian mereka. Jika bekalan air terputus, penduduk kampung terpaksa menaiki bot dari… daripada jeti Kuala Tembeling yang mengambil masa 40 minit dan selepas itu terpaksa mendaki bukit pula yang juga mengambil masa lebih kurang 40 minit untuk mencari punca dan seterusnya membaik pulih. Aktiviti pembalakan di kawasan ini sememangnya akan memberikan kesan negatif kepada penduduk di kawasan ini disamping akan turut merosakkan ekosistem

hutan tersebut. Justeru, saya mohon agar pihak kerajaan dapat meneliti semula perkara ini.

Akhirnya…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha… bolehlah gulung, eloklah sangat tu.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Akhirnya…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Akhirnya jangan dua tiga ya, satu je.

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Akhirnya, sebagaimana yang sedia maklum tempoh perkhidmatan Ketua-ketua Kampung akan tamat pada hujung tahun ini. Saya mengharapkan agar Ketua-ketua Kampung yang akan dilantik bagi sesi depan diberikan satu panduan khas agar tidak mengamalkan politik kepartian yang melampau yang boleh membina jurang dan perpecahan di kalangan masyarakat yang mempunyai pelbagai pegangan politik. Saya mener… menerima rungutan daripada penduduk bahkan daripada AJK JPKK sendiri yang mengatakan ada di antara Ketua Kampung yang sangat kuat berpolitik dan tidak membina hubungan yang harmonis di dalam masyarakat. Ketua-ketua Kampung yang bersikap sederhana dan berfikiran terbuka sangat disenangi penduduk seterusnya akan menjadi jambatan penghubung dengan pihak kerajaan.

Mungkin ada Ketua-ketua Kampung yang telah berkhidmat lebih daripada 15 tahun akan menamatkan khidmat mereka pada tahun ini atas faktor usia dan juga faktor kesihatan. Justeru, saya mencadangkan agar mereka ini diberikan penghargaan khas oleh Kerajaan Negeri seperti pakej mengerjakan haji atau umrah atau juga pakej percu… percutian tempatan di dalam negeri Pahang. Contoh kalau Tok Empat yang duduk di belah-belah Rompin buat pakej er… percutian di Taman Negara.

Yang berada di Taman Negara boleh buat di Pulau Tioman er… atau apa-apa sahajalah bagi penghargaan yang sewajarnya er… diberikan atas khidmat bakti mereka yang dapat er… menahan segala keluh-kesah dan juga sindiran dan maki-hamun daripada setengah-setengah rakyat. Setengah er…, Dato' Sri Yang di-Pertua, setakat ini sajalah ucapan saya pada petang ini. Tahan dengan ini menyokong penuh Bajet 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil dari Tahan. Seterusnya Wakil dari Kemayan.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi dengan limpah kurniaNya dapat bersama-sama pada petang ini untuk sesi perbahasan er… dan saya bersyukur kerana diberi peluang bagi membahaskan Belanjawan 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang membawa tema, 'Pahang Prihatin, Rakyat Makmur'. Keperhatia… keprihatinan Kerajaan terhadap rakyat Pahang dapat digambarkan dengan jelas dalam belanjawan yang telah dibentangkan semalam.

Semua kita mengakui bajet ataupun belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar cukup komprehensif meliputi semua aspek. Kalau kita lihat daripada anak baru lahir sampailah ke orang warga tua yang akan memperolehi manfaat terhadap bajet ataupun belanjawan yang telah dibentangkan. Setinggi-tinggi tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga pasukan dalam Kerajaan Negeri Pahang kerana telah berjaya meningkatkan kutipan hasil pendapatan Kerajaan Negeri iaitu sebanyak RM1.164 bilion. Ini adalah satu komitmen dan juga kejayaan yang besar tak semua orang boleh… tak semua negeri boleh mencapai kutipan hasil sebegini tambahan pula Kerajaan Negeri Pahang telah berjaya mempertahankan RM1 bilion punya kutipan hasil.

So, tahniah saya ucapkan. KDNK negeri Pahang terus meningkat, pelaburan asing terus meningkat sehingga melebihi RM16 bilion dan juga hutang Pahang. Ini adalah indikator-indikator ekonomi yang menunjukkan prestasi sebuah kerajaan. Prestasi ekonomi sebuah kerajaan inilah dia indikator yang diukur. Sebab itu saya yakin dengan apa yang Yang Amat Berhormat Menteri Besar katakan sebelum ini melihat prestasi bukan persepsi. Jadi kita mengharapkan dengan pencapaian kerajaan hari ini, rakan-rakan daripada Pihak Kerajaan dan juga Pihak Pembangkang maklumkanlah kepada rakyat di tempat masing-masing inilah prestasi sebenar yang dicapai oleh Kerajaan Negeri Pahang pada hari ini.

Kalau kita lihat dalam bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar terdapat 5 tunjang yang menjadi elemen penting dan saya pun tak perlu nak ulas dah 5 tunjang sebab sahabat-sahabat Yang Berhormat lain telah menyentuh banyak perkara dalam tunjang yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang ingin saya sentuh adalah dari segi er… peningkatan pemberian insentif terhadap pertanian dan juga penternakan. Bagi saya, apa yang telah digariskan dalam belanjawan hari ini menunjukkan tadi er… Yang Berhormat Beserah ada timbulkan berkaitan dengan er… beras tapi dalam bajet ini kalau kita fahami tumpuan Kerajaan Negeri Pahang pada hari ini adalah kepada penternakan. Mungkin tanah kita yang cukup luas sesuai untuk ternakan sampai er… bawa benih wagyu ya, ada pulak embrio dan sebagainya untuk diberikan dan di… di…diternak di negeri Pahang.

So, tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pahang yang cukup komited untuk membantu penternakan termasuk ikan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, bagi saya adalah peringkat pelaksanaan. Banyak perkara yang telah dirancang dengan baik tapi kalau pelaksanaan tidak dapat dilaksanakan dengan baik adalah menjadi satu kegagalan. Sebagai contoh, di dalam DUN Kemayan, sebelum ini pada tahun 2000… lebih kurang

2021 telah diluluskan Projek er…Program Pembangunan Peneroka (PPP) di FELDA Sebertak, FELDA Sebertak ini kampung saya, bernilai RM6 juta bagi ternakan lembu dan ini adalah satu projek yang cukup baik.

Satu adalah menyokong hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadi pelopor kepada industri penternakan untuk ketajam… keterjaminan makanan er… di negeri Pahang. Malangnya… malangnya projek ini telah ditangguhkan, projek ini telah ditangguhkan selepas Pilihan Raya Umum ke-15. Makluman yang saya perolehi daripada Bahagian Seliaan FELDA di bawah Jabatan Perdana Menteri menyatakan Lembaga Pengarah FELDA meminta projek ini dinilai semula dan FELDA dalam tindakan menyediakan maklum balas berkaitan projek tersebut.

Bagaimana suatu projek yang dalam proses tender untuk melantik er… melantik er… kontraktor bagi menyediakan infra bagi projek tersebut perlu dinilai semula? Saya mohon supaya pihak kerajaan boleh mempertimbangkan perkara ini untuk diteruskan. Mungkin Wakil Kerajaan yang ada dalam Lembaga Pengarah FELDA dapat membantu, memastikan projek ini terus dilaksanakan.

Projek ini bukan sahaja untuk satu FELDA. Di sekitar itu ada tujuh FELDA termasuk dalam DUN Guai. Tujuh FELDA ini akan dapat manfaat, ada er… rumah sembelih dan sebagainya. Kalau dalam bajet ini, Yang Amat…Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyatakan yang Kolej ya… Pahang Skills akan melahirkan *butcher-butcher* professional, dengan izin. Dan di sinilah tempatnya yang boleh menjadi praktis kepada *butcher-butcher* profesional tersebut. *So*, saya mengharapkan supaya kerajaan boleh membantu supaya projek ini dapat diteruskan.

Selain itu, saya akan menyentuh berkaitan dengan pelancongan. Adinda saya Triang kan… bagi tahu jangan sentuh banyak sangat tapi insya-Allah adinda… untuk di dalam DUN Kemayan ini terletaknya Tasik Bera. Tasik Bera ini daripada mula saya menjadi Wakil Rakyat, dah setahun dah ni bercakap pasal Tasik Bera ini, sampai hari ini operator yang sepatutnya dilantik mengoperasikan tasik… resort di Tasik Bera ini, tapi masih belum dilantik.

Saya mohonlah kepada Kerajaan Negeri menyegerakan pelantikan operator ataupun pengusaha di Tasik Bera sebab di sekitar Tasik Bera ini terdapat lebih kurang 30 kampung-kampung Orang Asli yang akan men… mendapat manfaat daripada er… pembangunan di Tasik Bera. Kalau kita lihat saya di… dimaklumkan oleh er… Dato' DO Bera… Dato' DO Bera ini cukup bagus perancangannya. Dalam Rancangan Khas Kawasan Tasik Bera ini macam-macam nak di*planning* ni, tapi kalau kita nak lantik pengusaha pun makan masa, mungkin menjadi masalahlah untuk seterusnya.

Saya cukup yakin dengan kewibawaan oleh er… adinda daripada Triang untuk terus memastikan er… Tasik Bera dipromosikan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana melas… menggariskan untuk Tapak RAMSAR tersebut untuk diberikan infra dan sebagainya.

Selain daripada er… pelancongan, infra adalah perkara yang sangat penting dan daripada semalam sehingga ke hari ini, kalau kita lihat sahabat-sahabat Yang Berhormat semua menyentuh berkaitan dengan air. *So,* saya pun tak terkecualilah untuk menyentuh

berkaitan dengan air. Mungkin wakil PAIP ini kena serius sikitlah untuk melihat berkaitan dengan air.

Yang pertama, pada tahun 2022, Perdana Menteri yang ke-9 telah meluluskan lebih kurang RM150 juta untuk Projek Bekalan Air di Daerah Bera. Saya tak nak sentuhlah yang keseluruhan itu sebab dia termasuk di dalam DUN Triang dan juga DUN Guai. Cuma yang dimaklumkan, yang ada sekarang ni cuma RM62 juta. Satu, naik taraf Loji Triang RM22 juta adalah bekalan air ke Bandar 34. Ada lagi yang lain yang saya tak tahu sejauh mana er… projek itu akan dilaksanakan ataupun tidak, sedangkan pada 2022 yang lepas er… peruntukan itu telah diluluskan tapi cuma RM62 juta saja yang dimasukkan melalui ICU kepada pihak PAIP.

Perkara yang penting yang perlu disegerakan adalah satu, pemasangan paip MSCL di FELDA Tementi sepanjang lima kilometer yang telah berusia 45 tahun. Maknanya dia lagi tua, paip tu lagi tua pada umur saya. Dia 45 tahun, saya 42 tahun. Saya masuk FELDA pada tahun 1986, paip tu dah ada, tapi sampai sekarang tak dapat ditukar lagi. Saya terima kasih kepada er… sebelum ini yang telah pada er… Perdana Menteri yang ke-6 kerana telah meluluskan pertukaran paip di seluruh FELDA. Walau bagaimanapun, daripada tangka simpanan ini untuk dihantar ke rumah-rumah ini yang tak tukar dalam ladang lebih kurang 5 km dan mengakibatkan gangguan kepada 2,300 akaun melibatkan er… empat FELDA iaitu FELDA Sebertak, FELDA Tementi, FELDA Rentam, FELDA Kumai di dalam DUN Guai dan juga Ladang Bera Selatan 1. *So* ini memberi impak yang besar kepada 2,300 akaun.

Bayangkan kalau bulan Ramadan ataupun musim perayaan, penggunaan yang tinggi pihak PAIP tidak dapat meningkatkan *pressure* ataupun tekanan air kerana kalau tingkatkan tekanan air, paip itu akan pecah. *So,* bila pecah mungkin seminggu baru boleh ada air balik, itu menjadi lagi… lebih sukarlah.

Yang kedua, cadangan membina tangki dan menara simpanan di Tebing Tinggi. Ini pun projek bernilai RM11 juta tapi saya tak tahu sejauh mana… ke mana… apa status projek ini. Yang ketiga, membina tangki air menara simpanan dan pemasangan *pipe* MSL… MSCL 11 km di Gugusan Pos Iskandar. Ini melibatkan belanja sebanyak RM10 juta. Dalam Pos Iskandar ini ada lebih kurang, lebih daripada 10 perkampungan Orang Asli dan kalau projek ini tidak dapat diteruskan, memberi kesan kepada pengguna-pengguna perkampungan Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang di-Pertua, perkampungan Orang Asli di… dalam DUN Kemayan ni masih ada empat lagi perkampungan Orang Asli yang menggunakan perigi disebabkan mungkin keluarga yang ada di dalam kampung itu kurang daripada 20 keluarga dan kos agak tinggilah kalau untuk buat er… paip. Walau bagaimanapun, saya mohon supaya er… bekalan air alternatif dapat disediakan di kampung-kampung tersebut. Daripada tujuh yang telah disediakan *tube well*, empat daripada kampung tersebut *tube well*nya tidak berfungsi. Terima kasih kepada pihak KKDW, tahun lepas telah er… membaiki satu di Kampung Pasal, satu di Kuin Lengut, dan tahun ini pihak KKDW telah menyelenggara satu di Kampung Lubuk Tambangan.

Masih ada lagi satu di Kampung Pathir, satu di Kuala Serting dan satu di Lubuk Perah. Saya mengharapkan penyelenggaraan *tube well* ini dapat dilaksanakan segera supaya er… pengguna terutamanya masyarakat Orang Asli di situ dapat menggunakan sebab

kampung-kampung ini mempunyai keluarga melebihi 50 keluarga dan agak ramai pengguna.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat boleh gulung tak?

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Boleh, sikit je lagi. Yang seterusnya saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana menyediakan STR untuk perumahan generasi kedua. Walau bagaimanapun, saya mengharapkan supaya pihak kerajaan membenarkan generasi kedua membina rumah kedua di lot-lot peneroka. Kita lihat Pengurus Besar FELDA mengeluarkan surat kebenaran sehingga 31 Disember, kalau boleh kebenaran ini diberikan secara berterusan dan setakat ini memang pihak TNB tak ada masalah, dapat kebenaran daripada pihak FELDA dia boleh pasang. Masalah kita adalah daripada pihak PAIP. Pihak PAIP perlukan kebenaran daripada pihak Pejabat Tanah alasannya adalah kerana di dalam hak milik peneroka ada sekatan hanya boleh membina sebiji rumah. Saya merayu dan memohon kepada Kerajaan Negeri Pahang supaya membenarkanlah… memberilah kebenaran kepada generasi kedua ini yang belum buat ke, yang akan buat ke rumah untuk dibenarkan masuk air dan juga elektrik ke rumah tersebut.

So, saya takdelah ingin berucap panjang saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar… Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga terus… turut menggariskan dari segi syiar Islam di negeri Pahang ini. *So*, kita mengharapkan tak ada… jangan jadikan kita polemik agama di negeri Pahang ini sebab Kerajaan Negeri Pahang terus menyiarkan syiar Islam dan tidak ada tentangan daripada mana-mana ADUN-ADUN yang bukan Islam di dalam Dewan ini. *So*, saya mengharapkan supaya kita dapat bersama-sama, bersatu-padu yang di sebelah sana dan juga yang di sebelah sini. Yang penting matlamat kita adalah untuk bekerja dan membantu rakyat. Saya rasa itu saja daripada saya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan Kemayan mohon menyokong.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil daripada Kemayan. Seterusnya kita. menjemput Wakil daripada Bukit Ibam iaitu yang ketiga akhir, yang ketiga akhir bukan yang akhir.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

(Bacaan dalam Bahasa Arab). Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negeri Pahang 2024 di Dewan yang Mulia ini.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para pemerhati sekalian. Firman Allah SWT, (bacaan ayat al-Quran), "dan orang-orang yang apabila membelanjakan harta mereka tidak berlebihan-lebihan dan tidak pula kikir dan adalah perbelanjaan itu di tengah-tengah antara yang demikian."

Keindahan ajaran Islam dapat dilihat apabila kita mengamalkannya dalam kehidupan. Merangkumi ibadat, pendidikan, ekonomi dan politik. Antara suruhan agama juga ialah berlaku adil.

Firman Allah SWT, (bacaan ayat al-Quran), maksudnya, “dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah maha mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Bahkan disebut oleh Nabi SAW, kelebihan pemimpin yang adil akan mengetuai tujuh golongan manusia istimewa yang akan mendapat naungan arasy Allah pada hari kiamat. Maka layanlah pembangkang dengan adil sebagaimana dilayan semua rakyat di dalam negeri ini sesuai dengan slogan perpaduan yang dilaungkan oleh kerajaan selama ini.

Kuih lepat di dalam peti,
Kuih lapis di dalam loyang,
Pemimpin yang adil, pemimpin sejati,
Allah sayang, rakyat pun sayang.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Masalah bekalan air masih menjadi isu utama di beberapa kawasan kampung dan kawasan perumahan di dalam DUN Bukit Ibam seperti Gugusan FELDA Selancar, Canis, Kota Bahagia dan lain-lain. Justeru, cadangan agar Loji Rawatan Air Kampung Rekuh yang kini agak uzur namun terpaksa menyalurkan air kepada lebih 11,000 akaun pengguna dapat dibaik pulih dan dinaik taraf. Dicadangkan juga agar dapat dibina loji rawatan air yang baru di FELDA Selancar. Memandangkan ada sahaja rumah-rumah atau perumahan baru dibina di Gugusan Selancar dan kawasan sekitarnya.

Pihak PAIP juga disarankan supaya lebih proaktif dan segera bertindak bagi menangani masalah paip yang sering bocor, yang menyebabkan tekanan air rendah dan mengakibatkan kerugian yang tidak sedikit kepada Kerajaan Negeri. Ada masalah kebocoran paip yang berbulan-bulan tidak dibaiki walaupun aduan sudah pun dibuat. Kerajaan Negeri juga diharap dapat meneliti untuk menukar saluran paip di sesetengah kawasan perumahan yang ada sudah berusia 40 tahun seperti di Desa Perdana, Bandar Tun Abdul Razak sebagaimana di Kemayan tadi, 45 tahun. Di desa Perdana, 40 tahun.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Jalan raya merupakan alat perhubungan penting kepada manusia. Terima kasih daun keladi, diucapkan kepada kerajaan terutama Jabatan Kerja Raya atas usaha membaiki dan menaik taraf jalan raya yang rosak di beberapa laluan di DUN Bukit Ibam. Namun masih banyak jalan-jalan di Gugusan FELDA dan kampung-kampung yang perlu dibaiki terutama di kawasan cerun di musim tengkujuh ini. Mohon kerajaan mengambil tindakan sewajarnya.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Usaha Kerajaan Negeri mewujudkan perumahan untuk rakyat seperti projek Rumah Rakyat Pahang (RRP) adalah satu tindakan prihatin dan mulia. Namun diharapkan

kerajaan juga memantau *progress* pembinaannya seperti RRP di Canis yang difahamkan sangat perlahan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dalam keghairahan kita menjana ekonomi melalui pelbagai pelaburan, kelestarian alam sekitar juga perlu diambil kira. Pada bulan Ogos yang lalu, berlaku pencemaran air yang teruk di Sungai Pukin yang menyebabkan gangguan bekalan air kepada ribuan pengguna di DUN Bukit Ibam dan DUN Muadzam Shah. Justeru, pemantauan dan penguatkuasaan tegas perlu dilakukan terhadap kilang-kilang yang beroperasi di sepanjang sungai ini. Begitu juga berlaku pencemaran udara di sekitar perkampungan Bukit Ibam akibat daripada aktiviti kilang yang berdekatan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Selain Cameron Highlands dan Genting Highlands, Rompin juga antara daerah yang kaya dengan tempat-tempat menarik. Tidak keterlaluan kalau saya katakan, Rompin adalah gerbang pelancongan bagi negeri-negeri di Pantai Timur. Selain Pulau Tioman dan Taman Negeri, tempat yang boleh dinaik taraf sebagai tarikan pelancong ialah Tasik Biru, Air Terjun Leleh dan Bukit Sembilan yang terletak di dalam DUN Bukit Ibam.

Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Akhirnya, saya ingin menutup ucapan saya dengan sebuah pantun.

Ikan patin, ikan sepat,
Buah mempelam, buah kedondong,
Belanjawan Negeri Pahang 2024,
Bukit Ibam mohon menyokong.

Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil daripada Bukit Ibam. Seterusnya, nombor dua akhir Wakil dari Kuala Sentul.

YB DATO’ JASRI BIN JAMALUDIN

Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.
Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang membentangkan Belanjawan Negeri Pahang 2024 dengan lebihan sebanyak RM12 juta dan mendapat hasil sebanyak RM1.164 bilion. Kuala Sentul juga menyokong negara Palestin yang merdeka.

Sebagai perbahasan untuk Belanjawan, saya nak menyentuh berkaitan Akaun Amanah Tabung Perumahan Rakyat. Mengikut Laporan Audit Negara, rujukan kod hasil er… 74200 sewa bangunan er… 7420 sewa rumah. Terdapat peningkatan baki Akaun Amanah tahun

2021 dan 2022. Baki pada tahun 2021 adalah sebanyak RM18 juta er… RM18.22 juta ya dan baki tahun er… 2022, RM31.166 juta.

Jadi soalan saya, berapa banyak jumlah rumah yang telah dibina melalui tabung ini? Dan dengan baki berjumlah RM31.166 juta ini, adakah tabung ini boleh membantu untuk membayar tunggakan sewa perumahan awam kos rendah PAKR kerana terdapat hapus kira tunggakan sewa berjumlah RM14,400 oleh penyewa mengikut Laporan Audit muka surat 57 di Pejabat SUK Pahang dan berapa banyakkah tunggakan sewa rumah PAKR yang belum dijelaskan dan melibatkan berapa jumlah keluarga?

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin bertanya berkenaan er… Enakmen 26 Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang 2021. Seperti kita sedia maklum, Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang atau lebih dikenali sebagai LPHP ini telah diperbadankan pada tahun 2021. Jadi saya nak bertanya, adakah Laporan Kewangan Tahun 2021 telah dikemukakan kepada Dewan? Dan siapakah pihak berkuasa yang mengesahkan Penyata Kewangan tersebut?

Adakah benar laporan penyata kewangan LPHP boleh diaudit oleh juruaudit bebas dan bukan Ketua Audit Negara? Adakah Akaun Amanah Tabung Perumahan Rakyat Negeri Pahang telah dipindahkan di bawah penyata kewangan LPHP dan berapakah jumlah yang dipindahkan?

Apakah hasil utama Tabung Amanah tersebut? Dan berapa banyak syarikat yang melaksanakan projek di bawah dasar penyediaan Rumah Kos Sederhana Rendah bagi pembangunan tanah milik melebihi 3 ekar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2019 dan berapa banyak syarikat yang telah menyumbang dan berapa jumlah yang telah dikutip? Adakah terdapat hasil yang tertunggak daripada Penyata Tabung Amanah tersebut dan adakah terdapat syarikat yang dikecualikan? Dan berapa jumlah yang dikecualikan serta senarai syarikat terlibat?

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengucapkan tahniah ke atas kejayaan Rumah Rakyat Pahang dalam membantu rakyat miskin tegar yang tidak mempunyai rumah. Walau bagaimanapun, kita mempunyai masalah dengan rumah generasi kedua FELDA yang dikenali sebagai Rumah Pahang. Di kawasan saya, ada satu projek yang terbengkalai sejak er… PRU 13 dan diambil oleh LPHP, Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang pada tahun 2021.

Hasil tinjauan saya mendapati projek ini mula dijalankan semula pada awal tahun 2023. Malangnya projek ini terbengkalai semula di pertengahan tahun 2023, iaitu tahun inilah. Jadi saya juga diberitahu bukan projek di kawasan saya sahaja yang terbengkalai tetapi terdapat 10 kawasan lain yang juga mengalami masalah yang sama. Kawasan-kawasan tersebut adalah di Keratong 7, Jengka 11, Kampung Awah, Bukit Sagu, Sungai Retang, Jengka 1, kawasan sayalah, Kota Gelanggi 2, Jengka 12, Jengka 6 dan Bukit Tajau.

Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Projek ini secara keseluruhan melibatkan sebanyak 1,850 buah rumah dan dijual dengan harga RM120,000.00 seunit rumah. Jadi keseluruhan GDV, *Gross Development Value,*

dengan izin, adalah sebanyak RM222 juta dan ini er… adalah satu projek yang besar dan melibatkan anak-anak peneroka generasi kedua yang telah menunggu lama untuk mendapatkan rumah generasi kedua dan ada setengah yang sudah nak masuk ke generasi ketiga.

Dato' Yang di-Pertua,

Saya berjumpa dengan kontraktor-kontraktor yang terlibat dan hasil dapatan mereka semua ini tidak mendapat bayaran dari pemaju yang mengambil alih projek ini. Jadi kesemua projek adalah di bawah satu pemaju dan projek… dan ada projek-projek ini di antaranya tidak mendapat Kebenaran Merancang atau KM walaupun Surat Setuju Terima telah dibahagi kepada kontraktor-kontraktor utama ini pada awal tahun 2022 dan mengikut jadual kontraktor-kontraktor ini perlu mengambil masa selama 18 bulan untuk siap dan tarikh akhirnya adalah pada bulan ini, bulan Disember.

Tapi malangnya satu rumah pun, satu projek pun belum… belum siap. Jadi, Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin mengajukan beberapa persoalan kepada pihak yang bertanggungjawab. Iaitu bagaimana hanya satu pemaju sahaja dipilih untuk kesemua 10 projek ini dan adakah *due diligence,* dengan izin, dilakukan sama ada pemaju ini layak menjalankan projek dengan *gross development value* sebanyak RM220 juta ini.

Dan yang ketiga adalah syarikat, adakah syarikat pemaju ini *bankable*? Layak mendapat *bank facilities* atau kemudahan kewangan untuk menjalankan projek tersebut? Saya dengan ingin memohon pihak kerajaan untuk mengambil tindakan segera bagi memastikan projek-projek ini dapat berjalan bagi kepentingan peneroka er... anak-anak peneroka generasi kedua yang sangat-sangat memerlukan rumah pada masa ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin memohon penjelasan kepada satu projek perumahan di DUN Kuala Sentul yang diberi kelulusan kepada Syarikat Ras Global Resources Sdn. Bhd. yang mana persetujuan pemunya tanah juga dikeluarkan pada bulan 4, 2023 oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang dan projek ini adalah Cadangan Pembangunan Bercampur bagi Perumahan Rakyat 1Malaysia sebanyak 390 unit dan 13 unit rumah kedai dua tingkat di atas tanah kerajaan seluas 50 ekar Kuala Sentul, Mukim Chenor, daerah Maran, Pahang Darul Makmur dan er... saya dapati syarikat ini sedang membuat tawaran untuk dijual dan tawaran itu sampai kepada saya juga. Jadi saya mohon pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang dapat memastikan projek ini dapat diteruskan untuk kebaikan Kuala Sentul. Kiranya syarikat tersebut tiada upaya untuk melaksanakan, saya mohonlah mengganti kepada syarikat yang baru.

Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Minggu lepas juga ada satu pemberian tanah kepada penduduk di sekitar Kampung Kuala Sentul, di bawah Skim Tanah Rakyat kepada penduduk Kuala Sentul kebanyakannya orang mudalah. Er… saya mohon penjelasan, adakah lokasi-lokasi Skim Tanah Rakyat ini bertindih dengan lokasi projek perumahan yang dicadangkan dan disebutkan tadi? Saya mohon penjelasan pihak kerajaanlah. Sekiranya pertindihan berlaku, kemungkinan salah satu projek tidak dapat di... dilaksanakan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan Pahang juga telah mewartakan Hutan Taman Negeri Lubuk Yu sebagai Hutan Taman Negeri keempat bagi negeri Pahang yang diluluskan menerusi Mesyuarat Kerajaan pada 6 September 2023. Terima kasih kepada kerajaan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya dengan ini ingin memohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya kalau dapat diperluaskan lagi kawasan pewartaan ini sehingga ke kawasan yang ada 5 air terjun yang jaraknya lebih kurang 4 km dari Kampung Kuala Sentul. Dan terdapat 5 air terjun ini, Air Terjun Pelangi, Jeram Kawah, Air Terjun Tangga, Air Terjun Tangga Batu… Air Terjun Batu Hampar dan Air Terjun Tebing Tinggi.

Air terjun ini merupakan tumpuan kepada pengembara ataupun komuniti *hiking* yang setiap minggu akan datang ke Kuala Sentul untuk… untuk pergi ke air terjun… air terjun ini. Dan ia merupakan air terjun antara yang tercantik dan menariklah di... di Malaysia. Saya juga mohon kalau boleh EXCO Pelancongan ambil maklum berkenaan tempat ini sebagai tarikan ekotourism pada negeri Pahang.

Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menurut er… mohon jalan … jalan dari Kuala Sentul ke Bandar Pusat Jengka iaitu di kawasan Bukit Gajah untuk mendap... untuk dibuat lorong mendaki atau susur tepi bagi memudahkan penduduk Kuala Sentul yang berulang-alik ke Bandar Pusat Jengka ini sama ada mereka bekerja, berniaga atau menghantar anak sekolah ataupun belajar di Bandar Pusat Jengka. Ini adalah kerana sekiranya ada kenderaan berat atau lori di jalan tersebut, ini akan mengambil masa yang lama untuk mereka sampai dari Kuala Sentul atau berulang-alik daripada Bandar Pusat Jengka.

Saya mohon kalau boleh, pihak kerajaan dapat melaksanakan jalan ini dan juga lampu jalan, memandangkan kawasan tersebut juga terlalu gelap. Dan saya juga ingin mengulang... mengulangi permintaan saya pada DUN yang lepas untuk membaiki jalan yang beralun di sekitar Jengka Dua. Nampaknya sehingga kini masih tiada tindakan. Saya dah bangkitkan ini dalam ... di sini pada Dewan yang lepas. Jadi saya harap pihak kerajaan dapat mengambil tindakan…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, boleh gulung.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

…sebelum perkara yang tidak diingini boleh berlaku. Saya gulung sekaranglah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ha… eloklah gulung.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Sekian, terima kasih. Kuala Sentul, menyokong.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil daripada Kuala Sentul. Sekarang kita pergi ke wakil kita yang terakhir iaitu untuk perbahasan kita iaitu Wakil daripada Inderapura. Silakan.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Alhamdulillah (bacaan dalam Bahasa Arab) Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah (bacaan ayat al-Quran). Ilmu saya ini tak ada kecuali yang diberi daripada Allah. Jadi saya cuba untuk menghujah, membentangkan rasa sokongan saya kepada ucapan bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail, Ahli daripada Jelai.

Sebelum saya nak meneruskan ucapan saya yang lain, saya suka baca lagi satu ayat Allah, Surah Al-Kafirun**.** Bismillahirrahmanirrahim**,** (bacaan ayat al-Quran)**.** Saya membacakan surah Al-Kafirun ini kerana saya nak menyingkap sedikit sejarah hidup saya. Saya dilahirkan dalam keluarga muslim, persekitaran saya muslim, orang Islam, orang Melayu. Saya bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Abdullah *School* di Jalan Penjara, Kuantan.

Ketika mana saya bersekolah di sekolah rendah, kawan-kawan saya terdiri daripada pelbagai kaum. Kaum Cina, kaum India, apatah lagi kaum Melayu. Begitu juga dengan guru-guru dan cikgu saya. Semua pelbagai kaum dan selepas habis sekolah rendah saya memasuki sekolah, kalau dulu orang panggil sekolah Arab. Saya Sekolah Arab. Sekolah Arab Tanjung Api yang kini dikenali Sekolah Menengah Ugama Al-Ihsan, Kuantan. Selepas Al-Ihsan, minta maaf Dato' Sri Yang di-Pertua, saya cerita sikit. 5:53, saya harap saya…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak apa … tak apa. Yang terakhir. Untuk Dato' ada sampai pagi esok.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Ha… tak boleh. [Ahli Dewan ketawa]. Kesian ke orang lain.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Takde dah orang lain. [Ahli Dewan ketawa].

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Jadi saya bersekolah di Sekolah Ihsan. Lepas ke Ihsan, saya bersekolah tingkatan 4, tingkatan 5 di Kolej Islam Klang. Okey. Selepas saya ke Klang, saya…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Maknanya murid cerdiklah ni.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Tak juga.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

KIK ni.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Kebetulan pandai. Kemudian saya memasuki matrikulasi. Saya merupakan pelajar pertama Matrikulasi Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia. Kemudian 2 tahun, memasuki Fakulti Undang-undang UKM, *first batch,* selama 4 tahun. Apa yang saya nak kongsikan, pengalaman hidup saya itu hanya bergaul, berkawan dengan lain-lain bangsa pada sekolah rendah sahaja.

Form 1 sampai *form* 5 sampai peringkat universiti, persekitaran saya kebanyakannya Melayu. Tetapi selepas saya *grade*, saya untuk mencari rezeki sesuap nasi, saya buka firma guaman saya atas nama Shafiq, Salahuddin & Kamal. Dalam tempoh tersebut, barulah saya mencari rezeki, berjumpa kaum Cina, berjumpa kaum India, *Bank Manager*. Jadi, kena juga melalui proses kaum-kaum lain untuk kehidupan. Jadi hari ini saya nak cakap *survival* politik tidak ada satu bangsa dalam negara ini boleh menguasai politik negara. Saya nak berhujah begitu kerana kita perlu memerlukan antara satu sama lain. Kaum Cina memerlukan Melayu, Melayu memerlukan Cina apatah lagi kaum India.

Kita saling memerlukan untuk membentuk negara dan saya teringat semasa saya menghadiri Majlis Doa Selamat di Istana Negara yang dianjurkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong masa awal ditakhtakan sebagai Yang Di-Pertuan Agong, baginda menyimpan hasrat untuk menyatukan semua ahli-ahli politik yang tak kira berbagai bangsa ini. Dan usaha beliau kita tengok bagaimana usaha Kebawah Duli Tuanku Agong pergi ke Sabah, Sarawak untuk menyatukan hati masyarakat, rakyat negara ini.

Jadi untuk itu saya ingin mencadang kepada pihak Kerajaan Negeri untuk menobatkan beri anugerah ke, bagaimana ke, supaya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Pahang ini menjadi ikon menjadi penyatuan ummah, ikon penyatuan rakyat Malaysia secara keseluruhannya [Ahli Dewan menepuk meja]. Beliau menunjukkan... Kebawah Duli menunjukkan sifatnya begitu tanpa mengira dalam majlis, Parti PAS pun dia jemput apatah lagi UMNO, kerajaan dia menjemput pembangkang pun dia jemput. Itu pengalaman sayalah apatah lagi saya juga menerajui Kelab Golf maknanya di segi hirarki yang nombor 5, Naib Presiden saya terpaksa bercerita.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Maknanya hari ni pukul 6:00 tak boleh main golflah ya? [Ketawa]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Eh... dok... dok... dok. Kena bercakap.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kalau main 6:00 *o'clock news*lah dia panggil macam tu.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Kalau ada lampu boleh kita main. Maknanya untuk saya suka... saya telah buat pembaharuan di kelab golf tapi saya pertandingkan 10 hari bulan nanti berlawan, saya berlawan dengan orang Melayu je tetapi saya mendapat sokongan yang hebat daripada kaum Cina sebab kaum Cina ni dia ada pemikiran dia. Kita jangan sentuh soal pendidikan, soal ini. Tapi dia nak main golf syok kita dah *transform* tetap dia menyokong saya. Saya berlawan dengan sama-sama jawatan kuasa saya jugalah.

Tapi dengan bantuan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kelab golf tu kita dapat *transform*. Tahniah, terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Tolong bagi lagilah, boleh? Boleh, terima kasih. Saya terlupa nak khabar. Terlupa nak khabar. Pada 26 hari bulan 11, tak silap saya. Saya nak ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Tak ada lagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tak ada lagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di Kelab Golf DiRaja Pahang mendapat *hole in one* sekali pukul 4, 3, masuk dalam lubang menggunakan *iron* 7 [Ahli Dewan menepuk meja]. Saya ni puluh tahun juga main golf. Jadi *caddy* lagi, pernah jadi *caddy* tak dapat-dapat *hole in one*.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat kita... Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat *hole in one*, kita *all in one.*

YB DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

All in one, ya. Itulah hebatnya Menteri Besar bukan nak hisap, tapi hakikat [Ahli Dewan ketawa]. Bukan nak hebat nak ceritakan hal. Hadiah? Er... hadial *hole in one* dapat motor weh... motor... motor... motor yang berharga RM15,000.00. Jadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar ni hebat ni, kalau orang bahasa sekarang ni bukan kaleng-kaleng, betul? Bukan kaleng-kaleng, kita beri tepukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar [Ahli Dewan menepuk meja]. Dua kali 1B. Dua tahun berturut-turut RM1 bilion. Dia ada hasrat dia, dia bagaimana dia nak buat, dia buat. Tapi dia ni orang lembut, dia tak pernah marah ke orang. Saya tak pernah nampak dia marah, sebab tu kalau saya hulur je, lulus, terima kasih. Hulur je lulus, tapi saya buat untuk rakyat bukan untuk diri saya, untuk rakyat.

Tapi saya suka kalau Ahli daripada Beserah terpaksalah saya sentuh sikit mengenai orang tua. Mengenai cerita orang tua tadi kan. Saya fikir dalam tunjang yang ke apa ni tadi memperteguhkan kemakmuran negeri Pahang ini. Bolehlah Yang Amat Berhormat Kerajaan Negeri masukkan sikit rumah orang tua ni lah. Bahagian untuk rumah orang tua dan saya teringat kepada firman Allah, Al-Furqan ayat 63 (bacaan ayat Al-Quran). Betul tak ustaz saya baca? Banyak ustaz kat sini.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Betul. Yang Berhormat.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Saya tak tahu, takut saya salah. Sebab saya UMNO.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Elok, alhamdulillah. Taranumnya semua bagus. Tajwidnya, taranum semua elok. Teruskan. [Ahli Dewan ketawa]

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Terima kasih. Maknanya, hamba Allah yang berjalan atas muka bumi ini, yang mendapat reda Allah sifat dia hauna... lembah lembut. Inilah dia MB kita lemah-lembut orangnya, dia tak ganas. Lembut jer. (bacaan ayat al-Quran)

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Amat Berhormat dalam lembut ada keras, jangan main-main.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Ya, tapi dia pegang-pegang. Jangan tak pegang, kalau terpegang, tak jadi keras. Main golf dia ganas. Dia pukul orang, dia boleh pukul, dia pukul. Jadi, bila dia berhujah, walaupun pembangkang, dia bantu. Dia bersedia untuk membantu. Dia cakap apa? (Bacaan ayat al-Quran) ini. (Bacaan ayat al-Quran) lah ini. Bukan saya kata, Quran kata kalau saya salah, bukan saya nak membanggakan diri saya. Tapi (Bacaan ayat al-Quran), lemah-lembut dan jalan selamat dia nak bantu. Itulah pendekatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Lama dah? 6 minit.

Kemudian...

YB YANG DI-PERTUAN DEWAN

Ikut masa Yang Berhormat ada sampai 6:07 petang.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Allah, 3 minit je lagi?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Jadi, Yang Berhormat saya boleh bagi sampai 6:10 petang.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Oh... okey. Jadi, rumah orang tua tadi minta tolonglah. Pada Kerajaan Negeri dapat bantu. Bolehlah sama-sama bantu Ahli Berserah. Walaupun pembangkang, kita geng... kita geng. Kita boleh gurau-gurau.

Dan tempat sayalah. Ini cerita pun tempat pula. Tempat saya. Rancangan Tebatan Banjir. Di tempat saya, Rancangan Tebatan Banjir di tempat saya ini, saya terlibat langsung yang Dato' Sri Yang di-Pertua, 19 kali dah saya bangun baca cakap bajet ini tanpa putus. 19 kali secara berterusan berucap dalam Dewan Undangan Negeri Pahang ini. Alhamdulillah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Alhamdulillah.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Rancangan Tebatan Banjir saya terlibat dengan *public engagement*, tadbir urus dengan masyarakat. Alhamdulillah, dapat menyaksikan apa ini pembangunan yang kerajaan buat, infrastruktur kerajaan buat dapat membantu rakyat. Tapi ada juga kekurangan ini saya nak cakap. Tahniahlah Jabatan Pengairan dan Saliran Air Malaysia ke, negeri Pahang ke, tahniah. Insya-Allah, ini berhasil. Cumanya, ada sikitlah nak ngabornya, 'rumah dah siap, pahat berbunyi'.

Jadi rumah ni, rumah pam ni nak kena tekan suis. Nak kena ada orang jaga. Orang jaga tu tak boleh berak kat situ. Bahasa kasarlah, tak boleh berak, tak boleh kencing. Sebab tidak ada disediakan kemudahan tandas. Kalau tak percaya, tanya wakil... Wakil Jabatan ada sini. Rumah Pam Kampung Kurnia, Rumah Pam Taman Guru, Rumah Pam Bunut Rendang. Tidak ada paip air untuk ke tandas dan tandas tak disediakan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, dia pakai pampers sahaja.

YB DATO' HAJI SRI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Kalau Kerajaan boleh sediakan pampers, alhamdulillah boleh juga. Tapi kena basuh juga. Dan satu lagi masalah keselamatan. Lampu daripada Sekolah Bunut Rendang nak pergi itu gelap. Saya nak memintalah supaya dapat disediakan keselamatan pekerja-pekerja. Kalau kerajaan mengenakan OSHA. *Occupational Safety and Health* kepada pihak swasta. Sama-sama kerajaan ni saya tengok dia tak membantu untuk penyela... selamat kerja... selamat staf dia. Itu saya sebagai cadanganlah.

Dan saya juga mohon untuk dilihat, hakisan pantai di kawasan Pantai Sepat, saya ingat dalam setahun dua lagi ini, entahlah. Saya ingat satu tingkat bangunan je tinggal lebar, satu tingkat bangunan lagi lebar yang tinggal. Jadi saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan er... dua perkara, supaya dalam soal banjir boleh ikut satu anugerah yang dimenangi oleh Kongjian Yu dalam Oberland tahun 2023 dalam World Economic Forum, Center for Nature and Climate, World Economic ni.

Dia tidak buat tebatan banjir, tapi dia cakap, *"man should live with nature, should depend on nature and adapt to nature*." Kalau kita buat longkang, buat tebatan banjir, tak ada kesudahan. Air itu tak muat dalam long... masuk sungai, air itu tak muat dalam longkang. Jadi kita kena perlu tadahan air yang besar. Dia namanya p*rosper city*, maknanya dia ada *opening* dalam tanah sikit-sikit tu kita buat tadahan besar… perlukan tadahan.

Jadi, air masuk ke tanah dulu baru discaj ke sungai. Jadi, untuk mengatasi masalah banjir, saya nak mencadangkan terima kasih kerajaan kerana dapat menyediakan PPS Kuantan. Saya nak *booking* dululah Yang Amat Berhormat Dato' Sri. Kawasan saya kawasan banjir juga. Kalau boleh, pasal kawasan saya yang menang dalam daerah Kuantan termasuk wakil kita daripada Teruntumlah. Seginya saya seorang yang menang. 19 tahunlah dapat bertahan ni... untuk buat tempat saya dulu. Er... tapi saya nak mencadangkan PPS - Penempatan Pemindahan Sementara tu buat dalam bentuk arena, *sports arena*. Bila kita buat macam *sports arena,* dia boleh *multi use.* Satu kita buat yang berdindinglah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Multi purpose ya.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Multi purpose, bukan sahaja kita gunakan untuk untuk buat bilik-bilik tu kita buat *hall* besar ada atap tapi pada masa yang sama boleh main badminton, futsal dan saya nak mencadangkan kepada Kerajaan...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ceramah agama.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Ceramah agama, ya boleh. Jadi, kalau kita tengok di Selangor, contohnya. Saya selalu tengok di Selangor, dia ada arena, dia cantik, dia bukan stadium semata-mata dan dia ada *swimming pool.* Ha... semua tempat satu *one stop centre* lah. Ha… itu dia. Dah abih dah yang boleh, untuk yang digital juga tu.

Jadi buat akhirnya dah nak seminit. Terima kasihlah bagi saya ruang lebih sikit.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak apa… tak apa.

YB DATO' SRI HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Buat akhirnyalah juga sama-sama kita berdoa pada Allah SWT. Doa Nabi Allah -Ibrahim dalam surah Al-Baqarah ayat 126. (bacaan ayat al-Quran), apa maknanya?

"Ya Allah kau jadikanlah (bacaan ayat al-Quran), negeri ini, negara ini aman negeri Pahang ini aman damai. (bacaan ayat al-Quran) berilah rezeki kepada ahli-ahlinya. Kitalah semua ni. (bacaan ayat al-Quran) daripada buah-buahan. Bagi mereka yang beriman kepada Allah dan mempercayai hari kiamat. Ia disebut ni (bacaan ayat al-Quran) bagi orang kafir juga, orang bukan beriman dia dapat juga kesenangan. Dua-dua numpang kita ni menumpang atas muka bumi. Orang Cina menumpang Melayu, Melayu menumpang Cina, ini hidup kita aman. Mohon menyokong terima kasih. Wabillahi taufik wal hidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil daripada Inderapura. Ha… ni cara orang lama, bukan satu bahasa je... 3 bahasa, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Quran.

Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk hari ini saya perhatikan bahawa seramai 20 orang… 20 Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya mengucapkan jutaan terima kasih.

Insya-Allah, persidangan kita akan disambung semula pada hari esok, Rabu iaitu 6 Disember 2023 bermula pada 9.30 pagi di mana pihak kerajaan akan mula menjawab. Seramai 8 orang EXCO yang akan menjawab pada hari besok dan kemudian pada hari Khamisnya kita sama-sama hadir ke perasmian ini, PPSAS iaitu Pusat Pentadbiran Sultan Haji Ahmad Shah yang akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, insya-Allah.

Untuk itu, persidangan ditangguhkan. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 06.17 petang*]

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-15

HARI KETIGA
06 DISEMBER 2023
(RABU)

KANDUNGAN

TARIKH: 06 DISEMBER 2023 (RABU)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1
4	MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024) 2023	25
5	SAMBUNGAN MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024) 2023	47

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Tarikh : 06 Disember 2023 (Rabu)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan
EXCO Kerajaan Tempatan

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim. - **Muadzam Shah**
EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan.

Yang Berhormat Dato' Sabariah binti Saidan, - **Guai**
DIMP., SMP.
EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga

Yang Berhormat Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, - **Dong**
DSM., AMP.
EXCO Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan

Yang Berhormat Tuan Sim Chon Siang **EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia**	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man **EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan**	-	**Triang**
Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Bilut**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sharim bin Haji Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai,	-	**Sabai**
Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP.	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang	-	**Semambu**
Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**
Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**

Yang Berhormat Tuan Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	**Lepar**
Yang Berhormat Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Tuan Hasan bin Omar	-	**Lanchang**
Yang Berhormat Tuan Hassanuddin bin Salim	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Tuan Nazri bin Ahmad	-	**Bukit Ibam**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Zulkifli bin Haji Yaacob,
SIMP,. DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato’ Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. **EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi** **EXCO Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau**	-	**Peramu Jaya**
Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong	-	**Ketari**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

Encik Muhamad Anuarudin bin Mohd Yusoff@Ahmat, AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Rabu, 06 Disember 2023
bersamaan 22 Jamadilawal 1445 Hijriah

DOA

Perkara Pertama: Doa.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum WBT. Salam Sejahtera. Mari kita mulakan dengan membaca surah al-Fatihah.

Al-Fatihah [bacaan ayat Al-Quran]. Bismillahirrahmanirrahim [Bacaan ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Dewan, dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, makmur dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduk sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenankan. Amin, Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera. Salam perpaduan. Selamat pagi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Alhamdulillah marilah kita bersama-sama memanjatkan syukur kehadrat Allah SWT kerana dapat meneruskan persidangan kita pada hari ini.

Kita ingin mengucapkan selamat kembali kepada Wakil dari Benta ya, Kerajaan kerana baru sahaja pulang daripada Dubai mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun patutnya sampai hari semalam juga tetapi disebabkan oleh kita ada Sidang Dewan, Yang Amat Berhormat telahpun meminta

perkenan Kebawah Duli untuk balik awal untuk bersama menyempurnakan er… mesyuarat kita pada kali ini.

Untuk meneruskan aturan mesyuarat, kali ini saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Beserah untuk mengemukakan pertanyaan. Sila.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya, soalan yang pertama. Terima kasih.

[Projek Bekalan Air Pahang 2021-2026

a) Berapakah peratusan kemajuan projek seluruh negeri Pahang sehingga bulan September 2023?

b) Bilakah jangkaan projek pembinaan tangki sedutan dan rumah pam di Taman Batu Hitam boleh dimulakan dan berapa tempoh masa diperlukan bagi menyiapkannya?]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Terima kasih kepada sahabat saya dari Beserah yang mengemukakan soalan berkenaan dengan projek bekalan air daripada tahun 2021 sehingga 2026.

Yang pertamanya berkenaan dengan peratusan kemajuan projek sehingga tahun ini dan yang kedua jangkaan projek pembinaan tangki sedutan dan rumah pam di Taman Batu Hitam.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sukacita saya memaklumkan bahawa pihak Pengurusan Air Pahang Berhad ataupun (PAIP) telah memberikan komitmen yang sepenuhnya bagi menjayakan dan menyiapkan projek-projek bekalan air di seluruh negeri Pahang. Keseluruhan projek pembangunan bekalan air negeri Pahang Fasa Pertama 2021 sehingga 2026 adalah sebanyak 217.

Status pelaksanaan projek-projek bekalan air di seluruh negeri Pahang adalah seperti berikut:

Yang pertama: Projek Yang Telah Siap iaitu sebanyak 93 ataupun 43% daripada 217 projek. Manakala Dalam Pembinaan 37 iaitu 17% daripada 217 dan Pra-Pembinaan 87 iaitu lebih kurang 40%.

Manakala projek merekabentuk bagi soalan (b), iaitu Projek Mereka bentuk, Membina, Menyiapkan Dan Mentauliah Sebuah Tangki Perkhidmatan, Sebuah Tangki Sedutan, Sebuah Rumah Pam Penggalak Lengkap Dengan Sistem Pengepaman, Pemasangan Paip Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Bagi Sistem Bekalan Air Batu Hitam, Beserah, Kuantan merupakan projek yang akan dilaksanakan di bawah pembiayaan Pengurusan Aset Air Berhad ataupun (PAAB). Kos projek ini adalah sebanyak RM17.8 juta.

Projek ini insya-Allah dilaksanakan bagi tujuan menyelesaikan masalah terputus bekalan dan tekanan air rendah di kawasan Kampung Darat Sekolah, Kampung Jeram, Kampung Gulugor dan Taman Batu Hitam yang melibatkan 3,900 akaun pengguna. Status semasa

projek ini adalah di peringkat lantikan perunding yang akan dilaksanakan oleh pihak PAAB. Projek ini dijangka bermula pada pertengahan tahun depan dan dijangka siap pada akhir tahun 2025. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Soalan tambahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat di atas er… jawapan yang diberikan. Cuma apa yang saya ingin bangkitkan adalah bila dinyatakan status projek siap 43% dan sedangkan apa yang dialami sekarang rata-ratalah Ahli-ahli Dewan pun hampir 90% menceritakan masalah air di kawasan masing-masing.

Saya ikuti perbahasan hari semalam, maka 43% yang dah siap ini mampu menyelesaikan berapa banyak masalah yang ditimbulkan di setiap kawasan?

Dan yang kedua; apakah jaminan bahawa tidak akan berlaku kebocoran semula ataupun kehilangan sumber air ini semula daripada projek-projek yang telah siap dilaksanakan sebelum ini? Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada ADUN Beserah. Yang pertama sekali daripada segi jaminan tidak bocor semula tu… kita tidak boleh jamin 100% lah. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, yang kita boleh jamin satu jer, "mati itu pasti", itu jaminlah ya.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN daripada Beserah dan rakan-rakan sidang Dewan, ini adalah status Projek Bekalan Air Negeri Pahang daripada tahun 2021, banyak ni. Kalau saya baca satu-satu ni… tapi, saya tidak ada masalah kalau Yang Berhormat nakkan buku ni, saya boleh bagi untuk kita kongsi bersama ya.

Dan yang kedua; saya nak bagitahu kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ni, bagi tahun 2023, tahun ini sahaja kita telah menyiapkan sebanyak 17 projek. 17 projek yang telah kita siapkan yang bernilai lebih kurang 73… bukan lebih kuranglah tepatnya RM73,988,104.00 juta.

Saya bacakan satu per satu ya. Projek yang pertama di Daerah Lipis iaitu Cadangan Membaikpulih Cerun dan Loji Rawatan Air Kechau RM46 juta, siap. Yang ini pinjaman negeri.

Lipis; Mereka bentuk, membekal dan memasang paip air jenis keluli lembut dari Loji Air Sungai Jelai ke Tangki Air Bukit Bius serta pam lengkap dengan kerja-kerja berkaitan di Loji Air Sungai Jelai, Lipis RM15.8 juta. Ini semua projek siap yang saya baca ni, pada tahun ini sahaja. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada PAIP kerana berjaya dan mampu menyiapkan semua projek yang telah kita rancang untuk tahun 2023.

Yang ketiga menaiktaraf sistem paip Sungai Koyan ke Tanjung Gahai, 3 juta pun siap. Temerloh membekal pam *pontoon*. Pam *pontoon* ni apa dia Dato' Sri?

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Contoh macam ia, macam terapung, macam pelampung.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sebab yang ni pun saya tak tau sebelum orang sebelah tanya *pontoon* tu apa dia, biar saya tanya rakan. [Ketawa].

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Pontoon tu Yang Amat Berhormat, kalau tak silaplah kalau sekiranya tiba-tiba air surut, maknanya *intake* kita tu terpaksa pergi ke tengah sungai.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Kira Dato' Sri Speaker ni hebat jugalah. [Ketawa]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh jugalah. [Ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang keempat di Temerloh, hah dia pun membekal pam *pontoon* juga berkuasa enjin diesel RM500,000.00 di Temerloh juga, struktur Jansen *Box* baru RM300,000.00, di Temerloh juga membina struktur Jansen *box* baru lengkap bertangga besi RM300,000.00, di Bentong mereka bentuk, membina, menyiap dan mentauliah sebuah loji rawatan air jenis konvensional RM38 juta. RM300,000.00 di Bentong juga membekal pam *pontoon* juga, RM500,000.00 Bentong lagi pam *pontoon* juga 500,000, Bentong lagi mereka bentuk dan memasang paip MSCL, ni Mild Steel paip ni.

Di Raub memasang paip air baru, di Raub juga membina segera tangki pemendapan di Loji Rawatan Air Sungai Klau, di Raub juga memasang, membekal dan mentauliah pam air bersih. Di Raub juga pembinaan rumah pam di Bukit Koman. Di Kuantan, membekal dan menghantar, mentauliah 5 bilangan pam *Torishima* baharu ke muka sauk lama, Kuantan dan Bera membekal dan memasang kabel.

Jadi maknanya Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua kita tidak mengabaikanlah bekalan air ini dan ini adalah bukti menunjukkan bahawa pada tahun 2023 sahaja sebanyak tujuh hampir RM74 juta yang telah kita bina dan kita telah siap. Dan untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua dan juga rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Insya-Allah masalah ini kita akan *address* setiap masa dan kita akan cuba percepatkan walaupun sasaran kita menjelang akhir tahun 2026, 90 peratus masalah air di Pahang ni akan dapat diselesaikan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sebelum saya pergi ke soalan seterusnya, saya ingin mengalu-alukan pemerhati kita yang hadir pada hari ini. Jadi, kita bagi tepukan sikitlah kepada diaorang ni. Daripada Pemuda UMNO. Tepuk, kita tepuk. Daripada Wakil daripada MAYC. daripada Amanah, Wakil daripada PAS, Wakil daripada BERSATU, anak-anak kita daripada UNIPSAS iaitu Universiti Islam Sultan Haji Ahmad Shah dan seterusnya daripada Sekolah Menengah

Kebangsaan Astana. Astana ini di Kazakhstan ke? [Ketawa] bukan ya Astana, Kuantan jelah. Seterusnya soalan yang kedua, sila Wakil daripada Tanah Rata.

YB TUAN HO CHI YANG

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan saya soalan 2.

[MyGap di Cameron Highlands

a) Berapakah jumlah pekebun Cameron Highlands yang telah mendftarkan diri di bawah pensijilan MyGap?

b) Berapakah sijil MyGAP telah diluluskan dari tahun 2020 hingga kini?

c) Apakah insentif yang boleh diberi kepada pekebun agar menggalakkan pekebun untuk memohon pensijilan MyGAP?]

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, rasa rindu pula ke Dewan. Rindu ke Yang Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Berhormat Dato' Sri Speaker lah *especially*.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat hadir ke United Nation Climaxs Change Conference ya, CAC 28.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ya, Yang Berhormat Dato' Sri. Betul.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Selain daripada penandatangani perjanjian dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Kebawah Duli Tuanku.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Co-operation 28 di Dubai dan baru *fresh* lagilah maknanya. Saya rasa Wakil dari Cheka pernah Wakil Kerajaan

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Glasgow.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Glasgow ya masa tu berucap dalam bahasa dialek Kelantan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kita terima kasihlah atas peringatan tersebut. Kita mendaulatkan bahasa Malaysia di persada antarabangsa.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ahlan wa sahlan. Dato' Sri Yang Di-Pertua, terima kasih kepada rakan saya daripada Tanah Rata yang membangkitkan soalan mengenai MyGAP. MyGAP ini ialah *Good Agriculture Practices,* dengan izin ya. MyGAP, Sijil Pertanian Amalan Pertanian yang baik di Cameron Highlands. Jadi soalannya ialah berapa jumlah pekebun Cameron Highlands yang telah mendaftar diri di bawah pensijilan MyGAP, yang sebenarnya kita daftarkan ladang. *Register the farm*.

Jadi persoalan itu, iaitu setakat ini. Untuk maklumanlah, saya nak bagi maklum Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua, Cameron Highlands ni dia menyumbang pengeluaran sayur-sayuran di negara kita Malaysia ni 40% daripada jumlah pengeluarannya. 40% datang daripada Cameron Highlands dan di Cameron Highlands ada 2293 ladang ataupun petani yang mendaftar dengan Jabatan Pertanian dan, berapakah jumlah pekebun dia tulis sini yang telah mendaftarkan diri di bawah pensijilan MyGAP. Jumlahnya ialah 221. *Less than 10 %*, 6.6 %, 9.6 %. 10% sahaja daripada semua petani atau peladang yang didaftarkan ni. Tak sampai 10 % yang dapat sijil MyGAP iaitu Sijil Amalan Pertanian yang baik.

Dan YB Tanah Rata bertanyakan dari tahun 2020 hingga 2000…hingga sekaranglah 2023, berapa ramai yang telah lulus, dan mendapat Sijil MyGAP ni. Antara itu ada 62 yang telah lulus, 62. Yang ni YB kena, kena galak lagilah peladang, petani untuk mendaftar ya dan melalui proses penilaian untuk MyGAP.

Apakah insentif yang boleh diberi kepada pekebun agar menggalakkan pekebun untuk memohon pensijilan MyGAP? Antara insentif yang diberikan kepada penerima sijil MyGAP termasuklah peralatan pemasaran seperti penimbang digital, rak bertingkat dan papan tanda projek yang telah mendapat pensijilan MyGAP. Peserta juga diberi kursus bagi meningkatkan kemahiran dari masa ke semasa. Untuk makluman, bercakap mengenai insentif ini, apakah insentif yang paling baik sekali. Saya rasa kita sebagai pengguna, pembeli. Pertama sekali dalam fikiran kita, kita mesti nak membeli produk ataupun hasil yang selamat. *Save* kita kata, selamat.

Jadi, kalau kita makan misal contoh, kita makan sayur, selamat tak, sebab apabila kita…Dato' Sri Yang di-Pertua. Misal contohnya tiap-tiap hasil ni produk ni tadi selain daripada empat puluh peratus pengeluarannya di seluruh… berbanding dengan negara, hasil ni tadi bukan sahaja dipasarkan di dalam negara tetapi juga dieksport dan apabila dieksport, pertama sekali yang akan ditanya ialah sama ada, ada Sijil MyGAP sebab dalam sijil MyGAP ni dia semua benda. Tanah tak haram tanah halallah, maknanya ada syarat-syarat dia dan protokol dia ada. Penggunaan *pestiside* contohnya, penggunaan racun.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Macam *birth certificate*lah. Macam tu.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Birth certificate tu pun ya juga tapi nak kata kan. Ini kiranya, kira macam inilah Dato' Sri. Seluruh negeri Pahang ni, sebenar populasi dia berapa?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

One point six, satu perpuluhan enam, minta maaf cakap orang putih.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

One point six seven, Yang Amat Berhormat Dato' Sri bagi tau. Wakil Jelai. 1.67 juta. Dalam Dewan yang mulia ini berapa orang yang jadi wakil rakyat ni. Berapa orang? 42 je, bukan semua yang rakyat yang 1.67 juta tu boleh jadi wakil rakyat dan duduk dalam Dewan yang mulia ni. Speaker berapa orang Dato' Sri?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Seorang.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Seorang je. Dato' Sri seorang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tapi kalau speaker ini banyaklah. [Ketawa]

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang speaker tu banyak dekat *hi-fi*, ni kedai-kedai *hi-fi* banyak tapi Speaker Dewan Undangan Negeri Yang Mulia ini hanya sorang. Dia keluar sijil. Memang sah memang gitu. Hari kelmarin dulu tu Yang Berhormat Pelangai mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Yang Mulia ni yang baru, mengangkat sumpah. Begitu juga dengan sijil. Bukan semua boleh dapat sijil. Dia kena melalui proses, macam kita melalui proses pilihanraya. Kita bukan dilantik… dipilih Dato' Sri, Jadi MyGAP ni ada protokol yang *very strict* kerana kita nak pastikan supaya MyGAP ataupun sijil di Malaysia ini setanding dengan sijil-sijil di luar negara. Supaya bila beli boleh beli sayur strawberi, Mentakab ada strawberi, ya, wakil Mentakab. Ada, mesti ada sebab strawberi yang dijual di pasar raya ada tapi bukan di tanam dan.

Selalu sekarang ini yang *help consent* Dato' Sri bagi masa sikit sebab baru balik pada Dubai ni, boleh?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh tapi jangan lama sangat

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jadi Yang Berhormat Dato' Sri Speaker sebab itu kita kena galakkan. Sebab kalau kita eksport dia ada satu indikator atau pun penilaian dinamakan sebagai *minimum residual level MRL minimum residual level* dia akan ukur tahap peratusan misal contohnya racun, baja input-input pertanian yang lain, dia akan ukur. Jadi negara pengimport bila tahap itu melebihi pada tahap yang telah ditetapkan *standard*nya, di negara tersebut dia akan tolak. Sebab itu banyak juga sayur-sayur yang ditolak. Tidak boleh dieksport. Kerana apa? Kerana tidak mematuhi *standard*nya.

Sebab itu dalam konteks umpama ini, apakah insentifnya? Insentifnya ialah pembeli akan lebih cenderung untuk membeli hasil-hasil pertanian yang mendapat sijil MyGAP. Jadi yang ini YB Tanah Rata kita kena bertemu dengan pertani sebab hanya 10% sahaja dari 2293, 2221 yang ada sijil maidat. Sedangkan, Yang Berhormat Dato' Sri, Cameron

Highland terletak di di antara 51 pusat atau pun *spot tourism* yang hebat di dunia. Antaranya ialah karena bukit bukau sejuknya. Dan juga…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang terbaik. Antara tempat.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Antara yang terbaik. Dato' Sri Speaker pernah jadi mantan, mantan ya

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Bekas… bekas.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Bekas, jadi, itu insentifnya. Supaya kita dapat galakkan, insya-Allah. Hasil pertanian kita daripada Cameron Highlands ini akan mendapat pasaran yang hebat. Bukan sahaja di dalam Malaysia, tetapi seantara dunia, insya-Allah. Terima kasih.

YB TUAN HO CHI YANG

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat EXCO dari Benta atas jawapan sebentar tadi. Saya amat setuju dengan seruan Yang Behormat Benta bahawa kita perlu menggalakkan pekebun kecil dan semua pekebun di Cameron Highlands untuk memohon sijil MyGAP. Cuma pendapat saya agak sukar untuk kita menggalakkan mereka untuk memohon sekiranya mereka tidak nampak apakah kepentingan ataupun keperluan ataupun manfaat yang pekebun tersebut boleh dapat sekiranya mereka mohon MyGAP?

Kerana semasa memohon MyGAP, mereka perlu membiayai kos-kos untuk meningkatkan kemudahan dan sebagainya. *So*, kos terlibat juga. Jadi, soalan saya, adakah kerajaan boleh mempertimbangkan untuk menawarkan insentif kewangan seperti pemotongan sewaan tanah pertanian di Cameron Highlands ataupun memberi tempoh sewaan tanah yang lebih panjang, kini 5 tahun mungkin kepada 10, 20, untuk menggalakkan mereka memberi suntikan agar mereka memohon persijilan MyGAP. Terima kasih.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang berhormat… Yang Berhormat Dato' Sri, kehidupan ni, kita bukannya masuk dalam satu fenomena yang dipanggil *'Zero-sum game'* dengan izin. '*We are not in zero-sum game zone'* bukan. Maknanya *'Winner takes all'* dengan izin. Bukan begitu. Kita bukan maknanya semuanya yang dapat tu dia menang…menang semua, yang kalah…kalah semua. Tidak. Kehadiran kerajaan sebagai badan yang memerintah dan juga melalui agensi-agensi *regulatory* dia yang memantau dan juga memastikan pematuhan kepada peraturan itu penting. Kalau tidak, misalnya contoh, tidak ada pelabur yang akan mau melabur di dalam sebuah negara yang kacau bilau mahu cakap saya tak mahu namakan misalnya contohnya kalau kita nak pergi ke negara yang kira-kira undang-undang tak ada misalnya contoh semua *free for all* dengan izin tidak ada pelabur yang akan dan meyakinkan diri untuk melabur dalam negara tersebut. Jadi, Alhamdulillah, Yang Behormat Dato' Sri minta maaf. Saya pergi ke COP28.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak apa Yang Behormat, tak buat salah pun, nak minta maaf.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tidak. Saya mintak izin dengan kawan-kawan ni

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya minta izin, minta izin dengan minta maaf ni lain lah.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya dengan YB Speaker ini memang dia rodong lama. Tapi bila hilang-hilang sikit rindu, rinduan lebihan masa gaduh-gaduhan. Okey Yang Behormat Dato' Sri Speaker.

Yang berhormat Dato' Sri,

Sebenarnya yang menjadi kebanggaan kita apabila saya bertemu mengiring Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Raja, berinteraksi, berbincang dan bermesyuarat dan delegasi dari luar negara antara apa yang dinyatakan ialah Malaysia di antara yang teratas terbaik dari segi pengwujudan struktur *statue* dengan izin, perundangan peraturan yang hebat, bukan seperti negara-negara lain maksudnya Malaysia ini amat penting dari segi pematuhan kepada *regulatory* dengan izin, sebab itu tidak terkecuali di Cameron Highland.

Sebenarnya, kebetulan wakil daripada Habitat yang sebenarnya antara wakil Malaysia, Dato' Sri Maimunah Syarif ini, dia dulu pernah jadi, Yang di-Pertua er… YDP di Majlis Bandaraya Seberang Prai. Dia sekarang ini duduk di United Nation Habitat sebagai ketua sekretariat. Dia dah 3 penggal dan dia nyatakan ramai pemimpin dan tokoh-tokoh hebat kagum dengan situasi Malaysia karena kita ada peraturan yang ketat tapi pada masa yang sama, dia katakan, *"Can you do something*?" yang ini datang, *with* Cameron Highlands*. With the rampant, you know, exploration of the highlands*. Ini dia cakap, saya kodnya ini orang bodoh, kod cakap orang Putih, jauh lah tapi maklumnya, maksudnya, *concern,* keprihatinan tentang kita mesti melaksanakan aktiviti pertanian ini mengikut *Sustainable Development Goals, SDG* dengan izin, maksudnya pematuhan.

Yang ini insya-Allah kita akan buat. Saya bersama dengan rakan-rakan, Kerajaan daripada Agensi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan turun ke padang bersama dengan rakan-rakan dalam Dewan Yang Mulia kita bagi penjelasan. Kerana Kementerian akan mulakan pendaftaran untuk petani kita tidak ada itu dan kerjaan lagi insya-Allah di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita akan daftarkan petani tapi kriteria dia tengok misalnya contohnya kalau dia cikgu ataupun wakil rakyat, Ahli Dewan yang mulia, sekarang dia pertanam, saya ada tanam apa nama tanam durian misal contohnya. Dato' Sri Speaker kan? Ada daftar sebagai Dato' Sri Speaker, atau sebagai petani yang itu kita kena tengok…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya tak daftar sebagai petani, saya…

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tu kira haram tu.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Insya-Allah 2 tahun lagi dan saya akan mohon MyGAP.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Insya-Allah Dato' Sri saya ingin bertanya durian tu bila akan keluar hasil…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Insya-Allah 2 tahun lagi.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Insya-Allah 2 tahun lagi kita akan dapat durian Musang King Dato Sri Speaker dengan MyGAP je. Dengan *organic*.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang MyGAP tu saya tak jamin. MyGAP tu saya tak jamin. Tapi durian tu jamin.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dak…*Leadership for example*. Kalau Dato' Sri Speaker yang mulakan dulu, kita semua mesti dah mulakan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Insya-Allah.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jadi insya-Allah yang itu kita tengok. Tapi bukan maknanya tidak semata-mata kita kena bagi long list, tidak semata-mata kita kena turunkan misal contohnya pajakan tanah bukan, *it's not the total the only solution* dengan itu dengan izin bukan itu sebagai satu-satu solusi atau penyelesaian. Ada banyak. Misal contohnya, untuk kita misal contoh untuk anak-anak cucu kita makan sayur selamat tak selamat jangan cerita pasal, "Oh kita mesti kurangkan sewaan" bukan begitu. Kurangkan bajanya, kurangkan. Jadi, beg baja jangan buang dalam sungai.

Misal contohnya, buat permatuhan begitu, insya-Allah. Ini rakan saya daripada Tanah Rata, insya-Allah. *God willing,* insya-Allah kita akan turun dan perjelaskan. Dan pastikan supaya bilangan yang berdaftar dan dapat sijil MyGAP ini dapat dipertingkatkan daripada 271, *at least* kita *short* tambah lagi 10% insya-Allah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil daripada kerajaan.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Soalan tambahan

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila-sila YB, *last.*

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya nak kalau kita lihat data yang ada ni, kita boleh rasa gagal lah. Tak sampai 10% yang berdaftar daripada 2,293. Kita masih gagal lah. Sebab tu perlu ditingkatkan usaha tadi. Cuma bila daripada 221 yang berdaftar, tapi yang lulus hanya 62. Soalan saya ialah, apa faktor kegagalan mereka? Sampai hanya 62 sahaja daripada 3 tahun yang lulus daripada 221 yang berdaftar. Kalau boleh saya nak *straight* pada jawapan kepada faktor kegagalan sahaja.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya tengok Semantan ini menjawab soalan saya. Soalan rakan saya daripada Cheka, Cheka ini mesti nak tanya soalan dan saya pun teringat ke Cheka ini, rindu-rinduan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Tahun 1999 itu.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tapi saya berasa hati bila Cheka pergi ke mana itu, Pulai itu dia kata, saya tahu, dia kata nak belasah UMNO. Yang itu saya terasa hati. Sebab jumpa kita cium-ciuman, peluk-pelukan tiba bantai UMNO, saya pun geram juga. Saya… itu yang saya balik. Ini saya kata *no way, I'm going to see you brother* Cheka. Sebab saya itu ingat itu. Mungkin kibarkan panji-panji. *It's ok* kita. Jadi…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Lepas ni boleh peluk.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Buddy-buddy lah. Dia sini esok sini lompat ke sinilah. Tapi saya dengar cerita ini Cheka, misalnya contohnya... contohnya. Kita di Kuantan, banyak kedai makan. Betul tak? Banyak tak dia jawab. Banyak. Tapi berapa banyak yang ada sijil halal, JAKIM? Berapa banyak? bukan semua. Tapi gerai-gerai misalnya contohnya, bukan saja restoran, gerai-gerai di tepi-tepi jalan misalnya contohnya di Permatang Badak dan sebagainya. Ada tidak sijil JAKIM? Tapi dia kata, "okey, halal sebab apa?" "eh, mak Minah." "Ha, mak Minah." Lepas yang Mak Minah tulah juga." Yang ini, yang ini ADUN Cheka yang ini, yang ini yang anak mak Minah tu *aiya* tengok, *aiya* syok dia makan sini misalnya contohnya, tapi takde sijil halal JAKIM, tidak, begitu kerana apa? Kerana kualiti kita nak dapat sijil ini bukan makna main minta mohon hari ini, terus bagi tidak. Dia akan melalui proses yang cukup ketat?

Proses itu ada protokol dia, protokol ni maksudnya SOP dia 1,2,3,4,5,6 banyak. Barulah dikeluarkan sijil MyGAP. Dan ini penting misal contohnya kita pergi ke luar negara saya yakin macam ADUN Cheka pergi keluar negara kita kena *security* ini, maknanya kita masuk dalam sistem, dia *check* semua sekali poket, apa benda yang ada dalam poket kita keluar, tali pinggang keluar. Kita mungkin merungut tetapi sebenarnya demi untuk kepentingan kita. Supaya ini *screening* itu, ataupun ini… ini… ini… tapisan itu, tapisan itu, dia ketat dan kita rasa yakin duduk dalam kapal terbang. Memang yang masuk ni tak adalah benda-benda yang yang tidak sepatutnya berada dalam pesawat tersebut.

Begitu juga dengan sijil MyGAP ini. Kita tidak mahu mengalakkan supaya seribu mohon seribu lulus, tidak. Walaupun misalnya 10 lulus tak apa. Tapi *at least* itulah yang sebenarnya yang menyakinkan kita iaitu sijil MyGAP Malaysia adalah antara yang terbaik, yang ini yang sebenarnya tetapi kita mesti *capacity building*, *capacity building* maksudnya kemampuan, keupayaan petani itu tadi.

Kita pergi hantar kursus, kita beritahu dia yang ini, yang ini kena buat, yang ini kena buat. Racun tak boleh pakai yang ini, macam ini. Racun yang dah lama mengikut jadual tak boleh digunakan. Jangan dibuang merata, di mana tempat pembuangan? Apakah proses penggunaan? Jadi bila kita buka, misalnya contohnya ini ladang tu mestilah ada *cover crops* dengan izin *so* yang tu memang *strict*, memang ketat. Sebab itu, kelulusan yang dikeluarkan oleh Kementerian memang adalah yang terhebat.

Sebab itu insya-Allah kita akan usahakan bersama-sama dengan rakan-rakan yang mulia di Dewan Yang Mulia ini, kita jangan *compromise, never compromise on the quality.* Jangan sekali-sekali kita berkompromi dari segi kualiti walaupun misalnya contohnya petani ini penyokong kita yang kuat, misalnya contoh. Dia mungkin ketua cawangan, ketua ranting, ketua cabang, *whatever is it*? Yang betul…betul, yang tak betul… tak betul, insya-Allah tapi tak kerajaan saya mewakili Yang Berhormat Dato' Sri dalam barisan EXCO yang bertanggungjawab mengenai Sektor Agro atau Pertanian insya-Allah. Saya bagi jaminan kita akan bantu tapi kita tidak akan kompromi, semata-mata kita nak keluarkan banyak sijil MyGAP ini itu yang saya nak beritahu terima kasih Dato' Sri.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Banyak cakap orang putih ini, banyak makan nasi Arablah. Seterusnya soalan seterusnya saya pergi kepada soalan yang nombor 3, Wakil daripada Bukit Ibam.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 3.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada sahabat daripada Bukit Ibam yang menanyakan tentang status pembelajaran tahfiz yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang yang sangat apa dihargai dan disanjungi oleh rakyat di negeri Pahang. Tetapi beliau ingin mengetahui tentang kedudukan pelajar-pelajar Orang Asli bagaimanakah untuk nasib bahagian mereka di dalam Pendidikan Islam dan juga tahfiz di negeri Pahang ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

kita bersyukur kehadrat Ilahi, Kerajaan Negeri Pahang memang mengambil serius di dalam pembinaan maahad-maahad tahfiz di negeri Pahang ini apabila kita tengok perkembangannya dari sudut jumlah kewujudan dan maahad itu sendiri dan juga jumlah kemasukan pelajar dari masa ke semasa sehingga terpaksa ditemuduga secara halus supaya mereka yang diterima masuk itu benar-benar yang bersedia dan juga berkualiti tinggi hafazan al-Qurannya.

Pelajar-pelajar Orang Asli ini memang kita juga berikan hak mereka seandainya mereka mempunyai minat dan kemahuan. Setelah kita pergi ke kampung-kampung Orang Asli, memang ramailah mereka juga berminat untuk mendapat Pendidikan al-Quran dan juga Fardu Ain. Sebab itulah Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Pahang telah memperkasakan Maahad tahfiz ini dan mengadakan kelas-kelas Fardu Ain sehingga kita mempunyai sekarang ini sebanyak 16 buah sekolah kelas Fardu Ain dan juga kelas Quran di perkampungan Orang Asli. Antaranya 4 buah di Cameron Highlands, 4 buah di Lipis, 2 buah di Muadzam, sebuah di Kuantan, sebuah di Temerloh, 4 buah di Pekan.

Ini sesuai dengan permintaan daripada mereka itu sendiri mengikut kampung-kampung yang telah kita pergi dan kita lawati dan kita bersama dengan mereka. Kita bersyukur, kehadrat ilahi ada di kalangan mereka apabila kita didik di apa…kelas Fardu Ain dan KAFA ini, ada yang memohon pula untuk masuk belajar ke sekolah menengah agama Kerajaan Negeri dan kita terima. Pada baru-baru ini seramai 22 orang dia yang kelas Fardu Ain tadi, kita mempunyai 525 orang pelajar Orang asli yang belajar Aa-Quran.

Kemudian yang nak masuk pula ke sekolah agama baru-baru ini seramai 22 orang pelajar. Apa yang kita rasa bangganya mereka ini telah mula menghafal al-Quran.

Walaupun tidak menghapal keseluruhan, ada surah-surah dan juzuk-juzuk yang tertentu, mereka ini dengan izin lebih itqan pembacaan mereka dengan rakan-rakan mereka yang lain sehingga contohnya adik Nur Dalil... Nur Dalilah Malik daripada Raub, beliau sendiri telah diraikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang apabila berjaya menjadi pelajar cemerlang, mumtaz, yang terbaik di negeri Pahang di dalam pembelajaran agama Negeri Pahang. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah jemput datang sendiri ke pejabat dan beri dia penghargaan, sedikit wang dan juga komputer riba untuk memberi kemudahan kepada adik ini belajar melanjut pelajaran dengan lebih baik dan selesa. Begitulah usaha Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa mendekati saudara baru.

Selain daripada kita dengar sendiri dalam bajet baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang umumkan satu lagi program Santuni Saudaraku. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Seterusnya soalan. Sila.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Ada soalan Dato' Sri. Terima kasih kepada kerajaan atas inisiatif dakwah kepada masyarakat Orang Asli. Cuma selain daripada pelajar-pelajar ini, saya difahamkan usaha briged dakwah untuk pergi ke perkampungan Orang Asli pernah diadakan sebelum daripada ini. Jadi soalan saya apakah perkembangan terkinilah tentang apa ini status gurunya di seluruh negeri Pahang dan apakah ianya masih berjalan lagi? Terima kasih.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kita di negeri Pahang ini di bawah Jabatan Agama Islam Pahang, di bawah Majlis Agama Islam Pahang kita ada guru takmir, kita ada briged dakwah, kita ada imam, kita ada khatib, kita ada qadi. Mereka ini digemblengkan tenaga mereka untuk berdakwah di negeri Pahang bukan saja di tempat Orang Asli, di tempat Orang Bukan Asli dan di tempat mereka yang berminat, minta ada *demand* mereka akan pergi, tak kira lah briged dakwah ke benda ini tadi berlaku kerana ada benda-benda itulah tadi dia tidak jadi *kun faya kun*, macam kunyit dengan kapur.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kita pun Da'i juga Yang Berhormat.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ya… ya... semua berperanan turun padang, buat kerja briged dakwah ke, apa ke, briged dakwah ni di bawah Majlis Agama Islam Pahang dengan kerjasama Jabatan Agama Islam. Jabatan Agama mengenal pasti tokoh-tokoh individu yang minat. Majlis Agama berikan sedikit peruntukan kewangan untuk mereka bergerak ke kampung-kampung Orang Asli. Saya banyak lagi kalau nak ceritakan apa hasil-hasil nanti dalam penggulungan lah ya. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil Kerajaan. Seterusnya soalan nombor 4. Wakil dari Tioman.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan pertanyaan nombor 4. Terima kasih.

> [Apakah status terhadap projek lapangan terbang Pulau Tioman dan status pembinaan atau baik pulih jeti kargo di marina Kg Tekek, Pulau Tioman?]

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih kepada sahabat saya Tioman mengemukakan soalan berkenaan dengan projek lapangan terbang Pulau Tioman. Untuk makluman Tioman, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat berkaitan dengan bidang pengangkutan di Pulau Tioman. Dan usaha-usaha ni dilakukan berterusan oleh Kerajaan Negeri. Terutamanya sentiasa diambil berat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sehingga kan untuk makluman Sidang Dewan, kalau siapa-siapa nak pergi ke Tioman, hari ini kalau untuk orang Pahang, tambang feri tu RM20.00 je, kalau biasa RM30.00 dia bagi RM20.00 sahaja kerana Kerajaan Negeri Pahang beri subsidi sebanyak RM10.00 kepada orang Pahang. Kalau pergi balik, jadi RM40.00, Kalau orang luar, jadi RM60.00.

Jadi bukan sahaja Bantuan Prihatin Pahang dan banyak lagi inisiatif yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri kita tetapi bidang pengangkutan di Pulau Tioman pun kerajaan negeri sentiasa mengambil berat. Jadi Tioman, sahabat saya Tioman mesti bersyukur dan berterima kasih dengan apa yang telah Yang Amat Berhormat Menteri

Besar dan kerajaan negeri usahakan ini dengan meletakkan keutamaan dalam projek pembinaan Lapangan Terbang di Pulau Tioman. Melalui usaha yang berterusan ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM47 juta untuk menaik taraf lapangan terbang sedia ada dengan memanjangkan landasan daripada 850 meter hingga kepada 1,300 meter. Dan ini bagi meningkatkan keupayaan operasi untuk meningkatkan lagi kemasukan pelabur, peniaga dan pelancong ke Pulau Tioman.

Buat masa ini, status terkini adalah melalui pihak Perancang Ekonomi Negeri. Kerajaan Negeri dalam proses permohonan untuk pengambil alihan tanah di bawah Seksyen 3(1)(A) Akta Pengambilan Tanah 1960. Pejabat Tanah dan Daerah Rompin telah mendapatkan nilaian tanah daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPS) bagi lot-lot yang terlibat. Bagi pembinaan atau baik pulih Jeti Kargo di Marina Kampung Tekek, permohonan peruntukan yang telah dimohon kepada kerajaan persekutuan bahawa ini projek menaik taraf Jeti Kargo Kampung Tekek Pulau Tioman juga telah diluluskan dalam Rolling Plan Keempat RP4 Rancangan Malaysia ke-12 dengan kos sebanyak RM40 juta. Tahniah kepada Tioman. Itu sahaja. Sekian.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan soalan tambahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Terima kasih kepada Wakil Kerajaan yang telah memberi data-data ataupun menjawab kepada pertanyaan saya sebentar tadi. Namun soalan tambahan saya dengan pembikinan ataupun penambahan serta pemanjangan lapangan terbang sedia ada di Kampung Tekek, Pulau Tioman adakah akan bersedia menerima *private aircraft* ataupun *private jet* dan penerbangan terus dari luar negara tanpa transit di KLIA.

Ini satu soalan tambahan dan yang kedua juga saya ingin menanyakan kepada Wakil Kerajaan bilakah dijangka projek ini dapat dimulakan kerana kita faham dan mengetahui projek ini telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan Kerajaan Perpaduan dengan inisiatif dan juga cadangan oleh Kerajaan Negeri khususnya melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dengan kelulusan sebanyak RM47 juta dan diharapkan soalan saya ini dapat dijawab sehabis baik oleh pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih kepada Tioman. Untuk buat masa ini dengan kelulusan ini pihak kerajaan sedang menjalankan kajian yang lebih teliti oleh perunding yang dilantik oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia MOT bagi menentukan jarak pemanjangannya, jenis kapalnya yang boleh digunakan dan syarikat penerbangan yang bersedia untuk menjalankan perkhidmatan. Perunding juga telah dilantik, juga sedang menyediakan bagi kos pemanjangan yang terperinci, kos pengambilan balik tanah dan pengoperasian lapangan yang sedia ada di Pulau Tioman. Jadi kita berharapkan dengan adanya pemanjangan ini membolehkan pesawat jenis contohnya ATR42-600 dan pesawat jenis ATR72-600 dapat mendarat di Pulau Tioman pada masa akan datang. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya, soalan wakil daripada Inderapura.

YB DATO' HAJI SHAFIK FAUZAN BIN SHARIF

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan soalan nombor 5.

> Sebagaimana kita semua sedia maklum, pertubuhan koperasi merupakan suatu wadah yang bukan sahaja mampu menyatukan sesebuah komuniti dalam suatu ikatan pertubuhan, bahkan mampu meningkatkan tahap ekonomi dan sosial Masyarakat. Soalan saya,
>
> [Sejauh manakah pertumbuhan gerakan koperasi di Negeri Pahang berbanding negeri-negeri yang lain?
>
> Apakah peranan koperasi yang boleh kita tonjolkan kepada rakyat di Negeri Pahang sebagai galakkan ke arah pertumbuhan yang lebih pesat gerakan koperasi di negeri ini?]

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada sahabat saya daripada Inderapura yang bertanyakan soalan berkaitan dengan pertumbuhan koperasi. Inderapura mengemukakan dua soalan. Yang pertamanya, sejauh manakah pertumbuhan Gerakan Koperasi di negeri Pahang berbanding negeri-negeri yang lain?

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman sehingga 31 Disember 2022 terdapat sebanyak 15,315 koperasi yang berdaftar di seluruh Malaysia dan daripada jumlah tersebut, 1,146 koperasi adalah dari negeri Pahang iaitu mewakili 7.5% daripada keseluruhan koperasi di Malaysia. Bilangan masyarakat yang menjadi anggota koperasi pula adalah seramai 302,884 orang di negeri Pahang ini. Jadi melalui bilangan koperasi dan keanggotaan yang dicatatkan Gerakan Koperasi negeri Pahang telah berjaya mengumpul sebanyak RM443.6 juta syer dan yuran serta pegangan aset berjumlah RM1.65 bilion.

Turut membanggakan kita adalah dari segi perolehan yang dijana oleh gerakan koperasi di negeri Pahang iaitu sebanyak RM970.17 juta yang merupakan penyumbang perolehan kedua terbesar mengikut negeri di Malaysia ini, selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Pahang juga mensasarkan perolehan ini mencapai ke angka RM1 bilion menjelang tahun 2025. Menakala soalan yang keduanya, Inderapura bertanya apakah peranan koperasi yang boleh kita tonjolkan kepada rakyat di Negeri Pahang selain galakan ke arah pertumbuhan yang lebih pesat Gerakan Koperasi di negeri ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Koperasi adalah satu model keusahawanan sosial... yang tidak menjadikan keuntungan semata-mata sebagai matlamat utama, sebaliknya mengutamakan manfaat dan kesejahteraan kepada anggota masyarakat. Antara peranan utama koperasi yang boleh ditonjolkan adalah, koperasi berupaya menyediakan pembekalan perkhidmatan dan barangan yang berkualiti kepada anggota dengan harga yang berpatutan. Contohnya, koperasi-koperasi di kawasan FELDA, di kawasan FELCRA, di kawasan RISDA yang

menjalankan perkhidmatan pengangkutan berupaya menawarkan perkhidmatan yang lebih baik dan harga yang berpatutan, berpatutan kepada anggotanya.

Begitu juga dengan koperasi-koperasi yang terlibat dengan aktiviti pemborongan dan peruncitan berupaya menawarkan harga, keperluan harian dengan harga yang berpatutan kepada anggota dan masyarakat khususnya melalui program "Jualan Rahmah" dan "Jualan MADANI".

Selain daripada itu, koperasi juga berupaya menyediakan peluang pekerjaan kepada anggota dan masyarakat setempat, di samping menyediakan peluang pendidikan dan latihan pelbagai bidang kepada anggota dan juga masyarakat. Selain daripada itu, gerakan koperasi sangat prihatin kepada anggota masyarakat dan perkesi…persi… persekitaran dengan pemberian pelbagai bentuk sumbangan mahupun pelaksanaan program CSR, dana, tabung-tabung yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan, bagi tujuan kecemasan, sukan, rekreasi serta lain-lain tabung.

Koperasi juga berupaya memberi pulangan yang baik kepada anggota dalam bentuk pulangan dividen sekiranya diurus dengan cekap dan amanah oleh barisan anggota lembaga dan pengurusannya. Dan seterusnya dalam konteks kehidupan masyarakat, koperasi juga berupaya menjadi platform untuk membina jati diri masyarakat yang bersatu dan harmoni, mengikut nilai dan etika yang boleh diterimapakai oleh anggota, oleh anggota yang menubuhkannya. Sekian.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon mengemukakan satu soalan tambahan, daripada wakil Kerajaan, ingin bertanya wakil Kerajaan. Apakah jenis-jenis bantuan yang disediakan oleh ataupun untuk koperasi dalam negeri kita ini? Terima kasih.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih kepada Tioman, yang mengemukakan soalan tambahan berkenaan dengan jenis-jenis bantuan yang disediakan, untuk…err…

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Antara jenis bantuan yang disediakan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia, pertamanya adalah dalam bentuk geran, iaitu geran bantuan pembangunan koperasi. Jadi, bentuk geran koperasi yang menjalankan aktiviti, perniagaan yang layak mengikut syarat-syarat SKM dan maksimum bantuan geran ini sehingga ke RM300,000.00 tertakluk kepada kelulusan oleh pihak SKM.

Selain daripada itu, Suruhanjaya Koperasi Malaysia juga ada juga yang menyediakan geran-geran kecemasan. Sekiranya berlaku bencana ataupun faktor-faktor yang luar kawalan, sebagai contohnya, banjir, ribut dan sebagainyalah.

Jadi, bantuan ini, kepada, geran ini kepada koperasi yang terlibat dengan bencana tersebut. Dan selain daripada itu, Suruhanjaya Koperasi juga ada menyediakan tabung modal pusingan, yang ini, pihak SKM memberi pinjaman, dalam bentuk pinjaman iaitu sehingga RM200,000.00 sekiranya tanpa cagaran, manakala pinjaman bercagar boleh sehingga RM30 juta dan dengan faedah yang berpatutan iaitu di antara 1 hingga 6%, tertakluk kepada kelulusan pihak SKM. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya, soalan nombor 6 sila wakil daripada Chini. Soalan menarik ini.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HAJI MD ZAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya kemukakan pertanyaan yang keenam.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua dan juga kepada sahabat daripada Chini ya yang bertanyakan persoalan yang dikatakan oleh Yang di-Pertua tadi satu soalan yang menarik.

Okey, itu mengenai usaha Kerajaan Negeri dalam membantu golongan ibu tunggal muda yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Okey, jawapan kepada persoalan daripada sahabat kawasan Chini tadi adalah usaha Kerajaan Negeri Pahang dalam membantu golongan ibu tunggal muda yang tidak mempunyai pendapatan tetap, tetap ini adalah diantaranya, golongan ibu tunggal muda yang tidak mempunyai pendapatan tetap adalah melalui Program Bantuan Khas Usahawan Muda, Usahawan Kecil Ibu Tunggal yang dinamakan 'Anggun Niaga' yang telah dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Wanita dan Sosial Negeri Pahang pada tahun 2022 dan 2023.

Program ini membantu usahawan kecil ibu tunggal yang mempunyai perniagaan kecil-kecilan, yang berumur 20 hingga 55 tahun dan mestilah daripada, terdiri daripada rakyat negeri Pahang. Dan perniagaan mereka mestilah berdaftar dengan SSM. Jumlah peserta bagi dua tahun ini adalah seramai lebih kurang 980 orang. Bukan lebih kurang ya, memang tepat 980 orang. Program ini juga telah melahirkan ramai usahawan ibu tunggal yang berjaya dalam bantuan secara *one-off* sahaja.

Bantuan peralatan yang berkaitan dengan perniagaan dijalankan oleh ibu tu juga, ibu tunggal juga diberikan melalui permohonan telah dibuat oleh mereka. Seterusnya, menerusi Bantuan Khas Usahawan kecil Ibu Tunggal Anggun Niaga ini, pada tahun 2022, seorang ibu tunggal muda yang berusia 35 tahun berasal daripada Mentakab Pahang, iaitu Puan Noraini binti Hashim telah berjaya membuka perniagaan roti, kuih-muih dan sambal bilis garing.

Dengan bantuan khas tersebut, beliau telah mengembangkan perniagaan beliau dengan lebih luas lagi dengan membeli mesin *breadmaker* dan *sticker labelling.* Dan lebih membanggakan, mereka ini juga berjaya membantu ibu-ibu tunggal lain dalam menambahbaik ekonomi, sahabat-sahabat ibu tunggal yang lain.

Dan pada tahun lepas, Kerajaan Negeri Pahang juga telah memperkenalkan Skim Bantuan Prihatin Pahang, kluster Ibu Tunggal Miskin, seramai 6,000 orang ibu tunggal telah menerima manfaat daripada, dengan mendapat bantuan sebanyak RM200.00 seorang. Selain itu, melalui Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Negeri Pahang, kursus dan latihan diberi secara percuma kepada usahawan-usahawan ibu tunggal. Sebagai contoh, Pemerkasaan Ekonomi, Program Keusahawan Wanita Digital Negeri Pahang dan Bengkel-bengkel Pengurusan Kewangan. Semua kursus-kursus ini diberikan secara percuma kepada mereka.

Selain daripada itu, asnaf-asnaf ibu muda juga telah mendapat, boleh mendapatkan bantuan zakat. Sebanyak 35 skim bantuan telah ditawarkan oleh Pusat Zakat Negeri Pahang. Seperti baucer makanan, modal perniagaan, bantuan baikpulih rumah dan sebagainya. Pemohon-pemohon boleh hadir ke pusat zakat di seluruh negeri Pahang atau melayari laman sesawang www.muip.gov.my. Sekian, terima kasih.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Mohon mencelah, Dato' Speaker.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, wakil daripada Luit.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Saya rasa untuk meringankan beban Kerajaan, soalan ni juga boleh dikemukakan kepada Ahli-ahli Dewan jugalah, janganlah kepada Kerajaan sahaja.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Apa soalannya Yang Berhormat? [Ketawa]

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Bukan soalan, cadangan Speaker, cadang.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Si… sila buat cadangan.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Saya cadangkan soalan begini dibuka juga kepada Ahli Dewan. Sebab saya ada yang berminat untuk pusat.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya sambut soalan ni… saya sambut jawapan ini.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Nampak pembangkang berminat betul.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Ya, sebenarnya saya pergi lebih meluas sikit daripada skop yang ditanya. Kita ada kes kemiskinan mengejut. Contohnya katalah sumber pendapatan keluarga itu hanya satu sumber, suami dia. Tiba-tiba suami dia meninggal. Dalam keadaan mengejut begitu. Dan, dia rumah sewa kena bayar, kereta kena bayar, sekolah anak kena bayar dan sebagainya. Jadi kematian mengejut begini menyebabkan dia hilang punca langsung keluarga tersebut. Apakah mekanisme yang boleh dipertimbangkan? Ini tak semesti ibu tunggallah, bapa tunggal, ke siapa. Punca pendapatan keluarga hanya satu sumber saja… sumber itu tiba-tiba berlaku.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih er... Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, sebab tu dalam Bajet kita baru ini, dalam buku Bajet ni kita ada buat tabung… Tabung Prihatin Pahang RM5 juta. Itu untuk yang mengejut lah tu. [Ahli Dewan menepuk meja]. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

MB tahu soalan yang nak keluar. Yang Berhormat, soalan seterusnya kita bagi pada kita menjemput wakil daripada Kemayang. Soalan nombor 7.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya kemukakan pertanyaan nombor 7.

> [Status pelaksanaan menara telekomunikasi di bawah inisiatif jendela di negeri Pahang?]

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi, terima kasih. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat dari Kemayan, atas soalan berkenaan dengan status pelaksanaan menara telekomunikasi di bawah inisiatif JENDELA di negeri Pahang.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terdapat 4 projek utama yang telah dirancang di negeri Pahang, di bawah pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara atau JENDELA. Projek-projek tersebut ialah yang pertama, pembinaan 270 menara telekomunikasi baru. Kedua, naik taraf 904 stesen pemancar sedia ada ke rangkaian 4G. Tiga, menyediakan capaian internet jalur lebar teknologi satelit di 69 kampungan Orang Asli dan yang keempat, menyediakan rangkaian gentian optik di 118,260 premis di seluruh negeri Pahang.

Saya merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada SKMM Pahang, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Pejabat Daerah dan Tanah seluruh Pahang, Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Pahang. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang, Pahang Corporation dan Koridor Utiliti Pahang, yang memberi kerjasama yang sangat baik bagi menjayakan pelaksanaan program JENDELA di negeri Pahang setakat ini.

Sejak JENDELA dilaksanakan pada suku kedua tahun 2020, pelaksanaan projek-projek ini telah menunjukkan kemajuan pelaksanaan yang cukup baik berbanding dengan negeri-negeri lain di mana pada daripada 270 menara yang dirancang sebanyak 100 menara telah pun siap dan beroperasi. Untuk makluman, menara telekomunikasi pertama daripada 1,661 buah menara yang telah siap dan beroperasi bagi Projek JENDELA Fasa 1 di seluruh negara adalah di Kampung Ulu Teh, Jerantut pada 7 Disember 2022. Usaha dan tumpuan sedang diberikan bagi menyiapkan baki 170 lagi menara telekomunikasi yang kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Sasaran telah ditetapkan untuk menara-menara ini siap dan beroperasi secara berperingkat mula penghujung tahun ini sehingga pertengahan tahun hadapan. Sementara itu, sebanyak 132,737 premis di dalam negeri Pahang telah siap dirangkaikan dengan gentian optik. Manakala, dua lagi projek utama di bawah JENDELA iaitu naik taraf 904 stesen pemancar ke rangkaian 4G dan penyediaan capaian internet jalur lebar teknologi

satelit di 69 Kampung Orang Asli telah siap sepenuhnya. Berdasarkan kepada pencapaian semasa projek-projek JENDELA ini, kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk negeri Pahang telah berjaya ditingkatkan daripada 89.1% sebelum JENDELA bermula kepada 94.33% pada suku ketiga tahun ini.

Kadar ini dijangkakan akan terus meningkat apabila baki 170 lagi menara telekomunikasi yang sedang dalam pembinaan, siap dan beroperasi. Kawasan DUN Kemayan tidak terkecuali daripada usaha menambah baik perkhidmatan telekomunikasi di bawah JENDELA, di mana sebanyak 10 menara telah dirancang untuk dibina. Daripada 10 menara ini, 3 menara telah pun siap dan beroperasi, yang terletak di Kampung Dato' Sri Hamzah, Felda Sebertak dan Kampung Paya Machang. Manakala 7 lagi menara masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Selain pembinaan menara baru, naik taraf stesen pemancar ke rangkaian 4G juga dilaksanakan di DUN Kemayan di mana sebanyak 31 stesen pemancar telah siap di naik taraf pada tahun lalu. Bagi perkhidmatan internet talian tetap, sebanyak 2,280 premis daripada 4,956 premis di DUN Kemayan telah siap dihubungkan dengan rangkaian gentian optik. Terima kasih, Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sebelum itu saya nak ingat kan juga ya bahawa pihak SKMM ada…SKMM ada menyediakan kaunter aduan tentang er...telekomunikasi ini. Hari ini adalah merupakan hari yang terakhir, semalam dan hari ini. Mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang merasakan bahawa ada pencapaian yang…yang tidak baik di kawasan masing-masing, bolehlah membuat pendaftaran di…di di kaunter tersebut iaitu di lobi Blok A, di hadapan lif Wisma Sri Pahang.

Seterusnya soalan yang ke-8. Sila wakil daripada Tras.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 8.

> [Apakah persediaan kerajaan negeri Pahang bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada para belia terutamanya di bidang perindustrian dan pertanian setempat bagi mengurangkan penghijrahan belia keluar bandar terutamanya dari negeri Pahang?]

YB TUAN SIM CHON SIANG

Salam sejahtera dan selamat pagi. Untuk, terima kasih ADUN Tras yang mengeluarkan soalan. Antara inisiatif yang dicadangkan di dalam Majlis Pekerja Negeri Pahang (MPNP) adalah Pahang 1st Job. Organisasi atau syarikat dengan kerjasama Kerajaan Negeri membeli sokongan, bimbingan dan peluang kepada graduan yang baru tamat belajar, untuk memasuki pasaran pekerja atau industri tertentu.

Kedua, Program Sirih Pulang ke Gagang. Penawaran rumah sewa berkadar rendah kepada rakyat Pahang yang bekerja di negeri Pahang dengan kerjasama Lembaga Perumahan Negeri Pahang. Ketiga, meningkatkan kesediaan industri dalam penyediaan latihan dan mengurangkan ketidaksepadanan pasaran buruh di Negeri Pahang.

Persediaan Kerajaan Negeri Pahang dalam penyediaan pulang pekerja buat para belia telah dibuat melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial atau dikenali (PERKESO), di dalam siri-siri temuduga MyFuture Job. Untuk makluman Dewan, sehingga September 2023, terdapat 186 aktiviti temuduga yang telah dianjurkan oleh pihak PERKESO Negeri Pahang, dan berjaya seramai 4,829 orang telah dapat er... dapat berjaya mendapat pekerjaan. Terima kasih Dato' Sri.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya, soalan nombor 9, soalan yang terakhir pada pagi ni kita jemput wakil daripada Tanjung Lumpur.

YB TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Assalamualaikum WBT. Yang Berhormat Yang di-Pertua. saya kemukakan soalan nombor 9.

> [a. Pelancong kian bertambah berkunjung ke Tanjung Lumpur setelah terbinanya hotel dan dijangka lebih ramai apabila siap sepenuhnya Kuantan Waterfront City. Apakah perancangan pihak kerajaan untuk menjadikan Pantai Tanjung Lumpur sebagai kawasan pelancongan.
>
> b. Pantai Kg Anak Air juga kian ramai dikunjungi, apa pula perancangan kerajaan untuk menaik taraf Pantai Anak Air sebagai kawasan pelancongan?]

YB CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjung Lumpur yang bertanyakan tentang pelancongan di kawasan Tanjung Lumpur. Berdasarkan Kajian Daya Saing Kuantan 2022, strategi untuk menjadikan Kuantan sebagai bandar pelancongan turut melibatkan kawasan Tanjung Lumpur sehingga jajaran pantai ke Pantai Sepat di termasuk Biophilic City at Kuantan Riverfront terletak di kawasan hutan paya bakau, Tanjung Lumpur dan Peramu.

Kedua, Blue Carbon Trail di sepanjang pinggir sungai di kawasan Tanjung Lumpur sehingga ke Muara Sungai.

Ketiga, Kuantan Food and Traditional Cuisine Centre di Tanjung Lumpur. Dan Rancangan Tempatan Daerah Kuantan 2035 juga menggariskan strategi untuk menjenamakan Tanjung Lumpur sebagai lokasi makanan tempatan dan makanan laut.

Majlis Bandar Kuantan juga mengambil inisiatif untuk pembangunan kawasan Serambi Teruntum dengan pembinaan pasar ikan basah dengan kos RM3 juta. Jalan pintasan Tanjung Lumpur ke Serambi Teruntum dengan kos RM1.2 juta dan penganjuran pelbagai program, contohnya Food Festival, Pahang Food Fest dan soalan ke-2, Kerajaan Negeri sedang membangunkan pantai-pantai di seluruh negeri Pahang. Bagi daerah Kuantan, beberapa pantai telah dikenal pasti dan projek naik taraf akan dilaksana secara berperingkat untuk memberikan kemudahan kepada pengunjung.

Dan satu info tambahan kepada Yang Berhormat, baru-baru ini, pantai di Kuantan, kita terima satu berita yang baik di mana Pantai di Kuantan telah disebut dalam satu *anime* popular Jepun iaitu *Jujutsu Kaisen* yang ianya menjadi Kuantan sebagai *trending* di sosial

media di peminat *anime* dan Kerajaan Negeri akan mengambil kesempatan ini untuk mempromosikan lagi pantai di Kuantan. Terima kasih.

YB TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Er... soalan tambahan, nama pantai yang disebut tadi itu, pantai apa nama dia, ataupun seluruh pantai di Kuantan?

YB CIK LEONG YU MAN

Mengikut *anime* itu?

YB TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Ya.

YB CIK LEONG YU MAN

Betul, memang betul ada peminat *anime* telah *marking* di *Google Map* pantai untuk mencadangkan, mengadakan *memorial* bagi watak iaitu Kendo Nanami. Tapi Kerajaan Negeri kita tidak mengambil perkara ini dengan mudah. Jadi kita berharap Kerajaan Negeri sedang berusaha dan telah berhubung pihak Jepun supaya kita dapat *endorsement* daripada pencipta *anime* berkenaan untuk menentukan. Kalau berdasarkan *anime* itu kawasan pantai yang disifatkan adalah kawasan pantai yang bersesuaian untuk bersara, untuk membaca untuk watak membina rumah baru. Kita berharap kita ada satu *point* untuk menjadi tempat peminat-peminat *anime* boleh *check in*. Jadi kita menjadi satu daya tarikan yang baru untuk peminat *anime* di seluruh dunia.

YB TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Soalan tambahan, er... untuk maklumat er... Yang di-Pertua bahawa Tanjung Lumpur dan sekitarnyalah, sekitar Peramu er... sejak dulu lagi lah, bukan sekarang adalah merupakan kawasan yang sangat terkenal sebagai interaksilah tempat makan. Terutama sekali pada waktu malam dan apabila waktu puncak, lebih lagilah pada malam minggu dan sebagainya.

Jadi, isu yang sangat berat dan diperkatakan di sana ialah isu *parking* lah. Jadi, banyak *parking* tepi jalan, gitu begini dan sebagainya. Walaupun isu ni dah disebut 2,3 kali dalam Dewan, tapi dia perlu kepada perhatian yang saya kira sangat seriuslah untuk kerajaan cuba menangani masalah sebab kalau malam-malam minggu memang dia berhenti tepi jalan je dan dah beberapa kali berlakunya kemalangan kesan daripada itu. Sekian, terima kasih.

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang ini, memang memberangsangkan apabila kita mendengar bahawa ketibaan pengunjung ke Tanjung Lumpur khususnya waktu-waktu malam untuk tarikan makanan laut. Jadi untuk infrastruktur dan kemudahan *parking*, Kerajaan Negeri akan meneliti tentang perkara ini. Terima kasih.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Soalan tambahan sikit.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terakhir.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terakhir ya. Saya nak tanya sikit kerajaan ya. Apa-apa, apakah tindak balas sekarang ni kan di Indonesia tu viral dia kata Kuantan, Indonesia bukan Kuantan, Malaysia ini untuk *anime* ni ya isu ni. Terima kasih.

YB CIK LEONG YU MAN

Ini tidak jadi isu Yang Berhormat sebab dalam *anime* itu memang sebelum watak meninggal dunia memang dia memang sebut Malaysia. Sebelum sebut Kuantan, dia sudah sebut Malaysia. *Kuantan would be nice*. Jadi mungkin mereka cemburulah dengan kita.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Dia cakap Jepun. Dia… dia... dia cakap Jepun, tapi memang ada *subtitle* dia. Dia menyebut dia akan pergi ke Malaysia dan dia cakap *Kuantan would be better*. Lebih kurang macam itulah. Dia nak pergi ke Kuantan. Tak, saya mengajuk saja. Maknanya Speaker pun tengok juga.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Selesai…kita telah selesai membincangkan 9 pertanyaan dan jawapan. Saya bercadang untuk menempohkan persidangan kita pada pagi ini untuk minum pagi. Walau bagaimanapun, sebelum saya menempohkan, saya nak maklumkan bahawa selepas minum pagi ini pihak kerajaan akan mula membuat pergulungan dan pada hari ini, insya-Allah 8 daripada Wakil Kerajaan akan membuat penggulungan dan menjawab dan insya-Allah Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan menggulung pada hari Jumaat, insya-Allah. Jadi persidangan disambung semula pada pukul 11.30 pagi persidangan ditempohkan.

[*Persidangan ditempohkan pada jam 10.54 pagi]*

[Persidangan disambung semula]

MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024) 2023

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Menimbang Rang Undang-undang Perbekalan (2024) 2023.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang Perbekalan (2024) 2023 telah dibentang dan dibahas pada 4 dan 5 Disember 2023. Seramai 30 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada hari ini pihak kerajaan akan menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan yang lepas. Untuk itu, saya dengan sukacitanya menjemput EXCO Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang.

YB CIK LEONG YU MAN

Salam sejahtera. Salam perpaduan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi penggulungan ini. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang atas pembentangan Belanjawan Tahun 2004 yang komprehensif dan mencakupi seluruh spektrum pentadbiran negeri bertemakan Pahang Prihatin Rakyat Makmur.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas peruntukan bagi portfolio perpaduan, pelancongan dan kebudayaan negeri Pahang secara khususnya bawah tunjang pertama, ke-3 dan ke-5. Ini membuktikan Kerajaan Negeri sangat komited untuk membangunkan sektor pelancongan dan kebudayaan di samping tidak mengenepikan perpaduan sebagai asas kemakmuran negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sektor pelancongan di negeri Pahang menunjukkan prestasi yang membanggakan pada tahun ini. Selain daripada kejayaan yang telah dimaklum sebelum ini, contohnya purata kadar penginapan hotel yang tertinggi di Malaysia. Cameron Highlands sebagai tempat paling cantik di dunia. Lipis Geopark di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, negeri Pahang juga telah menerima pengiktirafan seperti berikut:

Homestay Desa Murni terpilih untuk Anugerah ASEAN Sustainable Tourism Standard (ASTA), dengan izin, untuk kategori rural. Lemang To'ki Bentong, The Lemuni Janda Baik, Homestay Peruas Raub, KHM Strawberry dan Tiny Boutique Cameron Highlands menerima anugerah peringkat kebangsaan bagi kategori yang sama. Kuantan Art Street memenangi MyPlace Award. Majlis Bandaraya Kuantan dan Majlis Perbandaran Temerloh menerima Anugerah ASEAN Clean Tourism Standard tahun 2024-2025 untuk peringkat kebangsaan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Pelancongan Negeri Pahang telah menetapkan hala tuju pelancongan seperti berikut iaitu boleh diringkaskan sebagai satu perkataan TEMU (T.E.M.U).

T bermaksud *task force*. E bermaksud *experience*. M adalah *mantain manage*. U adalah *unite*. Untuk T ,Task Force, kita telah menubuhkan 3 *task force* iaitu *task force* untuk kempen melawat Pahang, *task force* pemain industri pelancongan dan *task force* kapal persiaran. Untuk E, *Experience,* kita melebihkan kepada penganjuran aktiviti atau program yang memberikan pengalaman unik kepada pelancong yang datang ke negeri Pahang.

Sebab kita faham bahawa untuk corak pelancongan pada hari ini, ianya tidak seperti dulu di mana kita sampai satu tempat baru ambil gambar, makan minum, balik tapi pelancong melebihkan... mereka nak satu pengalaman unik atau baru. Tahun ini selain daripada acara sukan pelancongan, kita juga mempromosikan *gastronomy tourism,* dengan izin, dengan penganjuran Pesta Kopi dan *Golfing Tourism* sempena musim monsun.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Yang Berhormat Tioman kerana tahun ini adalah tahun ke-7 Monsun Cup diadakan dan kita memperkenalkan Pahang er... *sorry* padang golf di Rompin sebagai satu tempat untuk pemain-pemain dan peminat-peminat golf masa musim monsun. Sebab masa musim monsun kebanyakan padang golf tidak sesuai untuk dimainkan. Tapi padang golf di Rompin ini unik dengan keadaannya. Ianya sesuai untuk musim monsun. Jadi kita mempromosikan supaya sektor pelancongan masih relevan dalam musim monsun ini dengan *golfing tourism* sempena Monsun Cup.

Kita juga melancarkan *Halal Cultural Tourism* dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan tahun depan kita ada peruntukan untuk mempromosikan pelancongan kereta api. Ini adalah E, *Experience* dan pada masa yang sama semalam, Yang Berhormat Luit ada mengatakan bahawa orang Malaysia ramah mesra. Jadi bagaimana kita nak menonjolkan dan mempromosikan ramah mesra orang Malaysia.

Mungkin salah satu cadangan adalah melalui program *homestay* di mana pelancongon, pelancong luar negara boleh hidup bersama bergaul dengan orang Malaysia dan menikmati cara hidup dan makanan enak orang Malaysia dan orang Pahang. Jadi tahun ini kita ada penambahan satu kluster *homestay* iaitu Homestay Kampung Sentosa, Maran menjadikan jumlah *homestay* di Pahang 17. Untuk tahun depan 3 kluster sedang dalam penelitian iaitu Homestay Ulu Sungai Raub, Homestay Kampung Dusun Kuala Lipis dan Homestay Ulu Cheka Jerantut.

Kita berharap bahawa... bahawa *experience* ini kita akan melebihkan aktiviti di Pahang untuk menarik pelancong.

Yang ke-3, M, m*anage and maintain*. Negeri Pahang kita bersyukur kerana kita diberkati dengan pelbagai tempat pelancongan. Jadi, salah satu cabaran kita adalah bagaimana kita nak er... bagaimana kita nak mengekalkan daya tarikan kita. Bagaimana kita nak menambah baik pengurusan produk-produk pelancongan di negeri Pahang.

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana kita juga turut dapat peruntukan infra dan fasiliti bagi tahun depan sebanyak RM3 juta. Untuk tahun ini, pelbagai projek menaik taraf dan menyelenggara fasiliti pelancongan juga telah dijalankan bawah Kerajaan Negeri dan juga bawah Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC. Di bawah Kerajaan Negeri, kita ada peruntukan melebihi RM1 juta dan bawah MOTAC ada peruntukan melebihi RM3.8 juta yang melibatkan kebanyakan daerah. Sebagai contoh Raub, Bera, Lipis, Bentong, Maran, Kuantan, Cameron Highlands, Rompin, Jerantut dan Pekan. Hampir semua dapat.

Jadi, Tuan... Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua untuk projek Besar RMK-12.

Setakat ini, projek RMK-12 yang sedang berjalan berkenaan dengan portfolio pelancongan adalah projek pembangunan *eco-tourism* di Taman Negara Kuala Tahan. Pembangunan *eco-tourism* Rafflesia di Taman Eko Rimba Lata Jarum, Raub, Pahang. Pada masa yang sama, kita juga mendapat peruntukan untuk pembangunan projek baharu bawah *Rolling Plan* Ke-3 RMK12 iaitu sebanyak RM8.3 juta untuk projek menaik taraf dan membaik pulih jeti Kampung Juara, Pulau Tioman dan menaik taraf jejak laluan merentas hutan di Pulau Tioman.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kini kita sampai ke U. TEMU,T.E.M.U. yang last sekali adalah *unite*.

Unite di mana kita berharap kita dapat mengemas kini segala maklumat berkaitan dengan produk pelancongan seperti tempat tarikan makanan, kebudayaan, program dan produk baru dan pada masa yang sama kita berharap bahawa kita dapat bergabung dan mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara agensi pemain industri dan NGO. Kita faham bahawa di negeri Pahang, setiap daerah ada daya tarikan, setiap daerah ada produk. Jadi, kita berharap bahawa pemain pemain-industri dalam negeri Pahang, kita jangan anggap pemain industri atau produk di daerah lain sebagai persaingan tetapi kita harus melengkapi.

Jadi dalam banyak sesi dialog atupun B2B dengan pemain industri pada tahun ini sudah banyak kali kita menjelaskan, menggalakkan supaya pemain industri dan agensi-agensi dalam negeri Pahang bukan sahaja kita perlu *familiar* dengan produk yang ada di kawasan sendiri tapi kalau boleh kita cuba ambil tahu tentang produk yang ada di kawasan lain di negeri Pahang supaya kita dapat mempromosikan antara satu sama lain. Ini adalah *unite.*

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk Lipis Geopark sekali saya ingin mengucapkan taniah kepada Kerajaan Negeri sebab ini merupakan *geopark* yang terluas di Malaysia dengan 28 tapak warisan geologi, 18 tapak warisan budaya dan 6 tapak warisan biologi. Kerajaan Negeri mensasarkan Lipis sebagai UNESCO Global Geopark. Jadi pelbagai perancangan dan akan dilaksanakan untuk menuju ke arah UNESCO Global Geopark.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai promosi telah juga dijalankan pada tahun ini. Ini termasuk eksposisi pelancong dalam dan luar negara. Semua pasaran di seluruh dunia termasuk pasaran domestik kita menitikberatkan. Jadi tahun ini kita ada mengambil bahagian dalam eksposisi pelancongan di pasaran Eropah, pasaran UAE, pasaran Asia Tenggara, termasuk Indonesia, Singapore dan juga pasaran China. Dengan kerjasama dengan Tourism Malaysia dan MOTAC pelbagai acara juga dianjurkan pada tahun ini yang bertaraf kebangsaan dan juga bertaraf antarabangsa. Terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang untuk penganjuran acara ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sekiranya merujuk kepada statistik ketibaan pelancong pelancong ke negeri Pahang pada tahun ini sehingga bulan September. Kita telah mencatatkan 9.04 juta orang pelancong yang melawat Pahang. Jumlah ini mengambil kira pelancong yang bermalam sekurang-kurangnya satu malam dan tidak termasuk pelancong harian dengan izin, *day-tripper*. Sekiranya jumlah pelancong harian diambil kira jumlah ini akan jauh lebih besar dan statistik setakat bulan September pada tahun ini, kita telah mencatatkan pertambahan sebanyak 30% berbanding dengan suku yang sama pada tahun lepas. Jadi untuk jumlah

ketibaan pelancong pada tahun lepas sehingga September adalah 7 juta, tahun ini sehingga September 9.04 juta. Kita berharap bahawa kita dapat mencapai sasaran kita.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua…

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sedikit soalan untuk penjelasan. Apakah sasaran terkini 9.04 juta itu telah pun melepasi had kedatangan pelancong sebelum COVID-19? C*ompare* dengan waktu COVID sebelum COVID kan kita tahu pelancongan ramai ke Pahang dan yang terkini kita dapat data 9.04 juta. Apakah 9.04 ini telah menyamai kadar kunjungan pelancong sebelum berlakunya COVID?

YB CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tahun lepas bulan April sempadan negara baru dibuka dan kita lihat bahawa tahun 2022, tahun 2023 adalah tempoh untuk pasca COVID di mana masa kita untuk membangunkan semula sektor pelancongan di negeri Pahang dan untuk sasaran 13 juta ini ia juga selaras dengan statistik yang kita anggapkan sebelum COVID. Jadi sebagai contoh sebelum COVID pada tahun 2019 kita juga mencapai melebihi 13 juta tapi kurang daripada 14 juta dan kita berharap bahawa tahun demi tahun kita akan semakin bertambah lagi. Sebab selepas COVID kita nampak ada tempat-tempat pelancongan, ada produk-produk pelancongan ataupun hotel-hotel yang sudah tidak beroperasi. Jadi inilah masa kita untuk membangunkan semula, termasuk infrastruktur.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

sila izinkan saya untuk meneruskan penggulungan saya.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Boleh mencelah sikit Yang Berhormat? Yang di-Pertua, saya cuma ingin bertanya pihak kerajaan, adakah cadangan pihak kerajaan kita pernah mengadakan Visit Pahang Year 2017 kalau tak silap kata 2016 atau 2017.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

2017.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

selepas 5 tahun ni…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

2017.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

2017. Terima kasih Yang Berhormat. Adakah cadangan atau rancangan pihak kerajaan untuk mengadakan program yang sama? Untuk meransang dan juga mempromosi Pahang sebagai destinasi pelancongan. Terima kasih.

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Berserah. Kita telah menubuhkan t*ask force* untuk mengkaji Kempen Melawat Pahang sebab kita difahamkan bahawa tahun Melawat Malaysia mungkin berlangsung pada tahun 2026. Jadi mesyuarat telah diadakan di peringkat negeri dan sekiranya ada pengesahan kita akan mengumumkan nanti.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sila izinkan saya untuk teruskan penggulungan. Kerajaan negeri menyambut baik pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia mengenai pengecualian visa kepada pelancong dari negara India dan negara China bermula 1 Disember 2023. Pengecualian visa ini adalah tambahan pengecualian yang telah diberikan kepada pelancong Arab Saudi, Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, UAE, Iraq dan Iran serta semua negara Asia Barat termasuk Turki dan Jordan. Lanjutan daripada pengecualian ini Kerajaan Negeri akan mengambil peluang untuk meningkatkan lagi usaha-usaha promosi supaya membantu untuk menyumbang kepada ekonomi tempatan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Usaha untuk memupuk perpaduan di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia perlu dijalankan secara berterusan. Ini melibatkan penerapan, penghayatan, pengetahuan, pengenalan…pengamalan nilai-nilai persepahaman, perhubungan, kerjasama, interaksi dan sayangi negara yang selaras dengan Aspirasi Malaysia Madani untuk melahirkan semangat perpaduan yang kukuh dan bersama memelihara, mempertahankan kedaulatan negara. Kembara Perpaduan yang merupakan program *flagship* Kementerian Perpaduan Negara mensasarkan tiga komponen iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Ramah.

Pada tahun ini sebanyak 2890 aktiviti dilaksanakan bermula Januari hingga Oktober. Melibatkan penyertaan 141,280 komuniti rukun tetangga di seluruh negeri Pahang. Manakala 74 program penggalakan perpaduan peringkat negeri dan daerah yang melibatkan 5870 penglibatan masyarakat, belia, pelajar sekolah, mahasiswa, kanak-kanak, komuniti setempat, orang awam telah dilaksanakan bermula seawal Februari hingga November tahun ini.

Selain pelaksanaan program dan aktiviti penggalakan perpaduan, inisiatif untuk promosikan perpaduan di negeri Pahang diperkasakan lagi melalui hebahan mesej-mesej perpaduan dan Kempen Jom… Jom Cakap Baik-Baik di papan-papan digital seperti LED *billboard* dengan kerjasama pihak Berkuasa Tempatan di negeri Pahang dan juga Jingga melalui Pahang FM turut dipergiatkan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Pahang akan meneruskan, melaksanakan inisiatif perpaduan melalui pelaksanaan program dan aktiviti yang menggalakkan perpaduan dan juga menerapkan elemen integrasi dan silang budaya sebagai pengukuhan, pemahaman dan penghayatan perpaduan pelbagai kaum di negeri Pahang. Konsep perpaduan dan kepelbagaian akan dilaksanakan untuk menambah dan mempelbagaikan tapak integrasi dan medium interaksi sosial agar detik-detik perpaduan atau *moment of unity*, dengan izin akan sentiasa dilihat, didengar, dirasa di setiap lapisan masyarakat akar umbi di negeri Pahang.

Yang berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk memartabat dan menyemarakkan kebudayaan, pada tahun ini pelbagai program telah dilaksanakan dengan jayanya. Antaranya melalui program pengukuhan, pemantapan, pengembangan, penyelidikan, dokumentasi, pemerkasaan, kesedaran, pembangunan, pengukuhan jaringan kerjasama strategik dan sebagainya. Program yang diadakan juga telah mendapat menarik pelancong dalam dan luar negara menerusi kepelbagaian program pelancongan budaya.

Pengisian program kebudayaan telah dapat menerapkan nilai budaya tinggi di kalangan masyarakat. Dengan adanya program sebegini secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran dan pemahaman serta mengukuhkan jati diri masyarakat untuk lebih memahami dan menghargai keunikan kepelbagaian budaya yang ada di Malaysia dan Pahang. Ianya juga dapat er... memupuk perpaduan di kalangan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah negeri yang mempunyai masyarakat pelbagai kaum yang mengamalkan kepelbagaian kepercayaan dan budaya, Kerajaan Negeri amat menitikberatkan aspek perpaduan sebagai jaminan kepada kesejahteraan dan kemakmuran rakyat negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini kerana menerusi sesi perbahasan, ramai yang minat dan prihatin tentang sektor pelancongan di negeri Pahang.

Kerajaan Negeri mengambil maklum pandangan dan cadangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sebagai contoh titik Semenanjung... titik tengah Semenanjung Pekan Sehari, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan untuk mempromosikan produk yang dicadangkan. Semua cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat akan kita bawa masuk ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelancongan Negeri akan datang.

Dan mungkin satu maklumat tambahan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, sekiranya ada cadangan tentang produk-produk pelancongan di kawasan masing-masing, Yang Berhormat juga boleh mengemukakan kepada Jawatankuasa Pelancongan Daerah bawah Pejabat Daerah dan Tanah ataupun PBT. Disebabkan kesuntukan masa, sila izinkan saya menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

YB DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Mohon mencelah satu soalan sahaja. Soalan tambahan boleh ya?

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Er…saya melihat er…kerancakan aktiviti pelancongan di daerah Pahang, alhamdulillah lepas ataupun pasca COVID ini semakin hari semakin meriah. Jadi saya kira bukan sahaja di daerah-daerah lain bahkan termasuk di daerah Rompin, saya lihat sama ada di Pulau Tioman mahupun di darat daerah Rompin itu sendiri termasuklah baru-baru ini kita lihat ada satu er… pertandingan Monsoon Golf er... Cup Challenge and Amal di daerah Rompin

yang mana Yang Berhormat Wakil Kerajaan Negeri juga telah datang untuk merasmikan penutupan acara tersebut. Jadi saya lihat er... bukan sahaja hari biasa bahkan hari monsun juga kita ada produk di negeri Pahang ini.

Walaupun kita di monsun ini tak lari daripada bencana banjir dan sebagainya, namun pada ketika-ketika tertentu banjir belum terjadi ataupun belum berlaku namun inisiatif pihak-pihak tertentu dalam penganjuran ini dilihat dapat juga memberi rangsangan ekonomi. Sebagai contoh penginapan bilik-bilik di hotel atau resort, bukan senang untuk *Monsoon Cup* atau pada monsun dipenuhi oleh penghuni-penghuni daripada luar negeri Pahang ataupun Pahang sendiri.

Tapi saya lihat, bila ada produk-produk seumpama ini, er... apa ni... dia punya hiliran ekonomi dapat dinikmati oleh masyarakat setempat. Begitu juga resort-resort penuh dalam dua tiga hari. Jadi saya ingin bertanya kepada Wakil Kerajaan Negeri, adakah selain produk er... ini di musim monsun ataupun apakah pendapat Wakil Kerajaan sendiri dalam melihat atau mengalami pengalaman semasa penganjuran er... aktiviti sukan di musim monsun tersebut. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Tioman. Memang sebab sekiranya orang awam dia lihat negeri Pahang masa musim… masa musim monsun, mungkin ini bukan masa sesuai untuk melancong. Tapi sebenarnya tidak. Jadi Kerajaan Negeri memang berusaha supaya kita nak sektor pelancongan masih relevan masa musim monsoon. Jadi setiap tahun kita ada *Surfing Festival* di Cherating.

Di Cherating masa monsun inilah masa peminat-peminat *surfer* datang untuk berlatih dan juga mengambil bahagian dalam er... pertandingan antarabangsa dan juga ada... kita juga ada *Surfing Festival* di Tioman. Dan untuk Rompin, saya mengucapkan tahniah dan syabas sekali lagi sebab dengan adanya Program *Monsoon Cup*, kita kini masukkan Golfing Tourism sempena monsun sebagai satu produk baru negeri Pahang dan ianya akan dimasukkan dalam kalender acara pelancongan negeri Pahang setiap tahun. Baik terima kasih.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sila izinkan saya menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan yang pertama dari Yang Berhormat Sabai yang mencadangkan Kuil Sri Marathandavar Aalayam di Maran. Untuk makluman Yang Berhormat Sabai, kuil ini memang dipromosikan oleh Kerajaan Negeri sebagai destinasi pelancongan negeri Pahang dan risalah pelancongan yang diterbitkan oleh Tourism Pahang juga telah meletakkan destinasi ini antara tempat-tempat tarikan di daerah Maran.

Untuk Yang Berhormat Luit, yang mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mempromosikan semula gendang tradisional Pahang. Untuk makluman Yang Berhormat, usaha untuk memelihara, memartabat dan mempromosikan gendang Pahang telah dilaksanakan pada tahun 202… 2022 dan 2023 melalui Program Penyelidikan dan Pembangunan Seni Budaya di bawah Program Perantisan Seni Budaya.

Program ini telah melahirkan seramai 76 orang perantis di kalangan umur 6 tahun hingga 47 tahun dan diadakan setiap hari Sabtu selama 3 bulan untuk 2 tahun ini. Tenaga pengajar yang dilantik dan dikenal pasti adalah terdiri daripada tenaga pengajar yang berkemahiran dan diiktiraf. Program yang dilaksanakan selama 2 tahun ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan telah berjaya menghasilkan kumpulan

persembahan dan seterusnya diundang untuk mengadakan persembahan di peringkat negeri.

Yang Berhormat Sungai Lembing. Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Lembing er… Sungai Lembing memang satu tempat yang kita amat menitikberatkan dan peruntukan besar telah diperuntukkan daripada Kementerian Kewangan dan MBK untuk pelbagai projek-projek menaik taraf sebanyak RM5.9 juta.

Untuk Yang Berhormat er... dari Tahan. Untuk makluman kepada Yang Berhormat, statistik ketibaan pelancong ke Taman Negara setakat bulan September tahun ini, mencatatkan 107,912 orang. Ini adalah angka yang tertinggi kalau kita berbanding dengan tahun-tahun dulu termasuk tahun 2017.

Angka setakat September 9 bulan ini jauh melebihi angka yang untuk satu tahun pada tahun 2017, 2018, 2019, 2020, tahun lepas dan 2021 dan kita lihat bahawa Taman Negara ini satu produk pelancongan yang bertaraf antarabangsa menerima pelancong dari seluruh dunia dan juga dari domestik. Jadi kita Kerajaan Negeri tidak merancang identiti baru untuk Taman Negara ini. Sebab kita merisau pengubahan identiti baru mungkin akan menjejaskan ketibaan pelawat. Itu sahaja perkongsian saya.

Dan yang akhir sekali Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rendah diri memohon kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini supaya kita dapat sama-sama memberikan sepenuh komitmen dalam menjayakan misi Kerajaan Negeri. Kejayaan yang bakal kita kecapi adalah hasil dari usaha yang digerakkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan semoga segala usaha yang kita laksanakan akan memberikan manfaat khususnya kepada rakyat negeri Pahang dan menjadikan negeri Pahang yang tercinta ini terus melakarkan sejarah gemilang dan mencapai kejayaan demi kejayaan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon…mohon menyokong RUU Perbekalan (2024) yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Sekian terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil daripada Kerajaan EXCO Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang. Seterusnya kita menjemput EXCO Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Dato' Speaker. Salam sejahtera dan selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan usul Belanjawan yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada Isnin lepas. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana telah membentangkan Belanjawan Negeri Pahang 2024 yang bertemakan "Negeri Stabil, Rakyat Sejahtera".

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Bagi pihak Agensi Kementerian Sumber Manusia, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas keprihatinan pihak Menteri Besar yang telah membentangkan sebanyak

RM4.51Juta bagi melaksanakan pelbagai program dan projek bagi menyediakan lebih banyak ruang dan peluang pekerjaan buat golongan pencari kerja.
Jika dilihat kembali, antara salah satu langkah yang akan memberi impak yang tinggi adalah menerusi penyediaan Pangkalan Data Utama Pekerjaan Pahang atau lebih di kenali CariKerja@Pahang bagi menyelaras data-data peluang pekerjaan yang sedia ada. Langkah ini akan dibangunkan dengan kerjasama PERKESO menerusi MYFutureJobs (Portal Pekerjaan Nasional Malaysia) sehingga bulan September 2023. MYFutureJobs telah membantu seramai 4,829 pencari kerja di negeri Pahang. Usaha ini merupakan usaha yang dibuat bagi memperkukuhkan lagi kerjasama dan penyelarasan program antara pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya percaya bahawa sebarang insiden kemalangan atau penyakit boleh memberi kesan yang buruk kepada individu dan persekitaran sosial. Berdasarkan kepada Pocket Stat Suku Ke-4 yang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, seramai 384,400 individu di negeri ini yang berumur antara 15 hingga 64 tahun yang telah dikategorikan sebagai Luar Tenaga Buruh pada tahun 2022. Golongan Luar Tenaga Buruh ini adalah golongan yang tidak berada di bawah senarai sebagai pekerja ataupun penganggur, namun mereka adalah penyumbang kepada kestabilan dan pembangunan isi rumah di negeri ini.

Bagi memastikan perlindungan keselamatan sosial terhadap golongan ini dapat disediakan, Kerajaan Negeri Pahang akan turut mengkaji semula peruntukan tambahan bagi Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri. Ini adalah bagi memastikan golongan ini diliputi dibawah khususnya buat golongan yang kurang berkemampuan, yang mana selari dengan apa yang disediakan di bawah Peruntukan Belanjawan 2024 Malaysia Madani.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 19 November 2023, sebanyak 7,035 Suri Rumah Berinsurans (SRB) berdaftar di negeri ini di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR). Pada tahun ini sahaja, sebanyak 37 kes telah dilaporkan dengan nilai pampasan faedah sebanyak RM61,900.00. Bagi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) sehingga September 2023, seramai 45,900 Orang Bekerja Sendiri (OBS) telah didaftarkan di negeri ini dan telah memanfaatkan sebanyak 156 pekerja pada tahun ini dengan jumlah pampasan sebanyak RM645,300.00.

Saya percaya kerjasama Pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di dalam Kerajaan Perpaduan pada hari ini akan dapat memastikan manfaat yang menyeluruh dapat disediakan kepada rakyat di negeri ini selain menarik lebih banyak peruntukan yang disediakan bagi manfaat kepada rakyat dan agensi kebajikan yang berkaitan di negeri ini.

Untuk makluman sidang Dewan yang mulia, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mendepani cabaran dalam aspek pekerjaan di bumi makmur ini. Majlis Pekerja Negeri Pahang telah memasuki fasa akhir bagi Pembangunan Rangka Tindakan dan Pelan Strategik Majlis Pekerja Negeri Pahang. Program-program yang dianjurkan oleh Majlis Pekerjaan Negeri Pahang atau dikenali MPNP bagi menjayakan Pelan Strategik ini telah disambut baik oleh semua pihak dan Kerajaan Negeri berjaya mendapatkan hasil yang positif dalam mengenalpasti isu cabaran yang dihadapi oleh pihak industri, agensi, penyedia latihan dan institusi.

Antara isu dan cabaran utama yang dihadapi adalah ketidaksepadanan pekerja dan pendidikan. Di antara Pelan Strategik Majlis Pekerja Negeri Pahang (2023-2028), beberapa langkah telah dicadangkan bagi mengatasi isu dan cabaran tersebut. Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana telah meluluskan beberapa langkah yang dicadangkan oleh Majlis Pekerja Negeri Pahang (MPNP).

Analisis Keberkesanan terhadap peluang pekerjaan negeri Pahang iaitu Kajian untuk memahami perubahan lanskap pekerjaan dan sumber manusia berdasarkan sektor industri di Pahang. Siri Forum "Pekerja Harmoni, Ekonomi Lestari".

Pada 2023, program ini telah berjaya menarik lebih daripada 100 penyertaan yang terdiri daripada Jabatan/Agensi/Badan Bukan Kerajaan / Institut Pengajian Tinggi dan Pemain Industri di negeri Pahang. Program ini adalah satu medium kepada pihak Kerajaan Pahang untuk mendapatkan input dan mengenalpasti langkah atau perkara yang perlu ditambah baik bagi mengatasi isu berkaitan tenaga kerja di taman-taman industri negeri.

Karnival Kerjaya Negeri Pahang, karnival ini akan dilaksanakan di semua daerah di negeri Pahang yang akan melibatkan kerjasama Jabatan/Agensi/Badan Bukan Kerajaan/Institut Pengajian Tinggi dan Pemain Industri di negeri Pahang.

Kerajaan Negeri juga turut memperkenalkan Pahang 1st Job yang mana sejumlah RM1.5Juta telah diperuntukkan untuk program ini. Program ini bakal memberikan manfaat kepada 100 graduan anak Pahang yang akan melibatkan kerjasama organisasi atau syarikat pelabur yang akan memberi sokongan, bimbingan dan peluang kepada graduan yang baru tamat belajar untuk memasuki pasaran pekerjaan atau industri tertentu. Program ini bertujuan untuk memberi pengalaman praktikal kepada graduan dan membantu mereka sesuai kan diri dengan keperluan pasaran pekerjaan. Setiap graduan yang terpilih akan dibantu sebanyak RM2,500.00 sebulan untuk tempoh 6 bulan**.**

Sistem Pengkalan Data Utama Pekerjaan Pahang atau lebih dikenali CariKerja@Pahang juga antara perkara yang diluluskan oleh Menteri Besar Pahang dalam Belanjawan Negeri Pahang 2024. Sistem ini merupakan sebuah medium yang menggabungkan maklumat berkaitan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat. Yang Berhormat, hadap ke mari bukan hadap ke sana. Ha… macam itu. Okey.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Sebab tempat kecil sangat. Nak letak tak cukup.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Boleh. Bukan hadap ke belah sana tapi ke depan.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih Tuan Speaker. Saya sambung ya. Menggabungkan maklumat berkaitan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat untuk mencapai objektif padanan pekerjaan. Sistem ini berupaya mengemaskini secara automatik data berkaitan jawatan

yang telah atau akan diisi. Sistem ini membantu memudahkan antara pencari kerja dan majikan yang mencari pekerja baru.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Untuk portfolio Hal Ehwal Pengguna. Bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Kos Sarah Hidup (KPDN) beberapa inisiatif telah dilaksanakan seperti berikut. Program Jualan Rahmah merupakan program Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di bawah inisiatif Payung Rahmah bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat. Program Jualan Rahmah adalah program er… koperasi… kolaborasi bersama pemain industri sektor peruncitan seperti pasar raya dan *hypermarket* yang menawarkan penjimatan harga barangan keperluan harian di antara 10% hingga 30% lebih murah daripada harga pasaran tempatan.

Program Jualan Rahmah di negeri Pahang ini telah dimulakan pada bulan April tahun ini serentak di 11 daerah di negeri Pahang. Antara barang-barang yang dijual semasa program ini adalah ayam segar, beras, telur ayam, minyak masak 2 kg, minyak masak 5 kg, tepung gandum, biskut, Milo, bawang besar, susu pekat, bihun, maggi, sardin, kicap, cecair pencuci tangan er… pinggan, sabun basuh baju, sos cili dan tomato, sayur-sayuran, ikan, buah-buahan dan barang keperluan asas yang lain.

KPDN telah memperkenalkan Hero Pengguna untuk membentuk komunikasi pengguna…

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mohon mencelah sedikit. Boleh Yang Berhormat? Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mencelah sedikit nak bertanya. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan tentang Jualan Rahmah ini. Terima kasihlah pihak kerajaan kerana menganjurkan Jualan Rahmah cuma pertanyaan saya adakah dengan potongan harga yang diberikan dalam Jualan Rahmah itu ditampung kosnya oleh pihak kerajaan subsidi ke ataupun nilaian itu. Bila dia bagi potongan 10% ke 30%, adakah 10% dan 30% itu dibayar oleh pihak kerajaan kepada peniaga ini.

Sekiranya tidak, kenapa kita tak buat Jualan Rahmah ini secara harian dan diluaskan kepada semua pasar raya ataupun pasaran di tempat-tempat setiap hari di semua tempat. Kenapa perlu buat sebulan sekali atau seminggu sekali sahaja Jualan Rahmah kalau tidak melibatkan kos daripada pihak kerajaan. Tapi kalau sekiranya melibatkan kos ditampung dengan subsidi pihak kerajaan kerana beri diskaun itu kepada… kepada rakyat, maka berapa banyak yang telah kita perlu tampung dalam Jualan Rahmah ini setiap kali kita buat. Terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih er… Beserah. Memang er… Jualan Rahmah ini adalah subsidi yang di er… dibuat oleh kementerian nak memberi satu bajet kepada pasar raya dan kita pilih beberapa *item* yang kita kan er… yang selalu orang beli dan kita kerana itulah… kita kurangkan okey. Memang bersubsidi okey. Kalau tiap-tiap hari bankraplah kerajaan.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Ya, kalau boleh kita tahu berapa kos subsidi yang ditampung oleh pihak kerajaan untuk menjalankan… menjayakan Jualan Rahmah ini setiap minggu ataupun setiap bulan. Terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Okey er… terima kasih Beserah lagi. Yang kos kita tampung kepada satu *hypermarket*, pada satu masa yang jualan itu mungkin dalam RM10,000.00 atau RM15,000.00 kita kena tengok keadaan okey, tapi kita untuk er… setiap Parlimen sebulan kita memang buat 2 kali. Kita tak boleh buat, kita memang tak ada peruntukan cukup untuk setiap hari. Kalau bukan er… kalau bagi saya, saya ingin juga tapi bajet kita terhad. Saya sambung ya. Maaf, kena pusing sini.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang… Yang Berhormat, dia begini. Kalau harga itu RM1.50, Jualan Rahmah harga dia RM1.30. RM0.20 itu ditanggung oleh er… ditampung oleh kerajaan. Haa… dia macam itulah. Itu subsidi dia. Terima kasih, bukanlah saya nak menjawab saya nak bagi kefahaman.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham sebab itu Jualan Rahmah ini terpaksa dihadkan jumlah dan bilangan serta lokasi sebab saya tak tahu kos menganjurkan Jualan Rahmah ini. Tapi kalau sekiranya dengan kos yang besar begini, kita boleh agihkan kos itu kepada pasar raya-pasar raya di tempat-tempat seluruh daerah seluruh tempat ianya boleh menampung lebih luas dan lebih besar *market* dia pasarannya berbandingkan dengan penumpuan kepada satu-satu tempat dan penganjurannya.

Setiap kali nak menganjur, bukan setakat kos barang kena tampung lain pun kena tampung juga dengan khemahnya, dengan pelbagai tempat yang ini semua kita kena ambil kira. Mana lebih baik kalau kerajaan ada kaedah dia mana lebih baik kita… kos yang kita ada ini, subsidi yang ditampung ini diluaskan kepada pasar raya-pasar raya yang ada di seluruh negeri Pahang. Jadi semua rakyat dapat menikmati, walaupun sedikit rakyat akan menghargai tersebut berbanding dengan kita menganjurkan sedikit ataupun satu masa satu masa tertentu. Terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih er… saya ingin menjawab sebab untuk RM15,000.00 itu memang tak berapa banyak sebenarnya okey kadang-kadang kita bincang dengan *hypermarket* kita cuba apa yang kita boleh tolong rakyat, kita tolongkan okey dan untuk makluman Beserah, kalau kita jual Rahmah pada satu *market*, dari awal pagi orang dah menunggu. Kalau *you* pecahkan, mungkin dalam RM5,000.00 mungkin 1 jam, 2 jam sudah habis. Itu sebab, kita… ia dari pagi sampai malam, dia kena *control*lah. Rm15,000.00 itu memang tak banyak tapi itu hanya hak kerajaan boleh membantu kepada rakyat. Terima kasih…

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Minta mencelah sedikit. Saya nak tanya Wakil Kerajaan. Okey kerajaan ada buat tak Jualan Rahmah kat Beserah. Ada tak buat?

YB TUAN SIM CHON SIANG

Setiap er… untuk terima kasih Tioman. Untuk er… sesiapa ADUN di Dewan ini banyak kali saya sudah bangkit kalau sesiapa nak buat Jualan Rahmah pada tempat dia boleh hubungi saya, kalau nak keluarkan *phone* ini mungkin sudah ke er… sudah berapa kali saya pun tak tahu la 012-9818819 hubungi saya la, saya akan aturkan.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,
Saya nak ucapkan terima kasihlah kepada Wakil Kerajaan Negeri kerana di Rompin itu semua ADUN-ADUN dapat. Terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Terima kasih. Kita akan pilih setiap Parlimen sebulan dua kali. *So,* kalau macam Parlimen Indera Mahkota kita buat *either* di Semambu atau di Beserah, kita akan buat. Okey, *so* kalau Beserah ingin nak hubungi saya, memang kita kawan lama boleh *call* la saya, kita aturkan. Okey, terima kasih Beserah. Tuan Speaker, saya sambung ya. [Ahli Dewan ketawa]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, teruskan Wakil…

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Beserah tak dapat itu marah itu sangat itu. [ketawa]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Selepas ini dia dapat dah insya-Allah.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Untuk er… KPDN telah memperkenalkan kerja er… Hero Pengguna untuk membentukkan komuniti pengguna yang berdaya upaya, menggalakkan kerjasama kementerian bersama sektor bukan kerajaan demi kepentingan pengguna er… membantu melaksanakan program aktiviti kepenggunaan dan membantu dalam memantau dan melaporkan kepada kementerian dengan saluran yang betul.

Justeru itu, para pengguna perlu memilikan… memiliki ilmu yang dan pengetahuan bagi memastikan mereka dapat membuat pilihan yang bijak dalam membuat pembelian. Pengguna perlu didedahkan dengan hak-hak pengguna termasuklah pengetahuan dalam membuat tuntutan terus guna agar tidak terus tertipu dan ditindas. Dalam hal ini, pihak KPDN secara berterusan akan meningkatkan program pendidikan kepenggunaan kepada pengguna termasuklah mereka yang di luar bandar.

Pejabat…pegawai… pelbagai program advokasi telah disusun sepanjang tahun 2023. Di antaranya adalah melalui penglibatan swasta, NGO-NGO dan komuniti di seluruh negeri Pahang serta Kelab Pengguna Sekolah. Tahniah diucapkan kepada er… Kelab Pengguna Sekolah, Sekolah Menengah Kebangsaan Kemayan, Bera kerana telah berjaya mendapat tempat ke-5 peringkat Kebangsaan anjuran KPDN yang diadakan di Miri, Sarawak pada bulan Ogos lalu. Tepuk la sedikit. [Ahli Dewan menepuk meja]

Kempen Beli Barangan Malaysia adalah langkah kerajaan melalui KPDN dalam meneruskan usaha bagi memartabatkan barangan Malaysia dikala isu kos sara hidup yang meningkat dan krisis ekonomi melara… melanda seluruh dunia ketika ini. Antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan pada tahun ini termasuklah melalui er… inisiatif langkah

memasar… memasarkan produk tempatan di dalam industri peruncitan tempatan dan platform dalam talian, inisiatif media animasi digital, inisiatif jualan bertema berdasarkan segmen khusus.
Negeri Pahang telah diberi pengiktirafan sebagai tuan rumah untuk Jelajah Mini Karnival Barangan Malaysia 2023 Zon Pantai Timur yang telah diadakan pada 25 Ogos hingga 27 Ogos 2023 bertempat di Kuantan City Mall, Kuantan, Pahang.

KPDN Pahang sentiasa memastikan hak-hak para pengguna sent… sentiasa dilindungi. Melalui aktiviti penguatkuasa, jumlah keseluruhan pemeriksaan yang dilaksanakan oleh anggota Penguatkuasa KPDN sehingga kini sebanyak 54,610 peperiksaan dari Januari hingga 5 Disember 2023. Daripada jumlah ini, sebanyak 671 kes dihasilkan untuk dibawa ke peringkat perundangan. Selain itu, sebanyak RM446,200.00 kompaun dibayar, manak… manakala denda yang dijelaskan pula berjumlah RM32,000.00 dan nilai rampasan pula berjumlah nilai RM1.856 juta. Contohnya barangan yang dirampas adalah seperti minyak diesel, minyak masak bersubsidi, lori disita dan lain-lain. Saya sendiri sebagai EXCO Hal Ehwal Pengguna telah turun padang lebih daripada 20 kali bersama anggota Penguatkuasa KPDN Pahang.

Pihak KPDN Negeri Pahang mengalu-alukan agar para pengguna untuk bersama membantu menjadi mata dan telinga Kementerian, bagi Pihak Kementerian melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan oleh peniaga melalui pelbagai medium. *So*, saya mintalah kalau sesiapa er… yang berada dalam Dewan ni, kalau kalau ingin membuat laporan boleh *call* saya atau *call* kepada Portal e-aduan KPDN okey. Nombor telefon juga? Tak payahlah, banyak kali sudah bangkit nanti orang marah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Akhirnya, saya juga ingin me… mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Pemangku Raja Pahang di atas sokongan dan dorongan tiada belah… membuat Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan selam…selama saya berkhidmat sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Dengan segala peruntukan dan perancangan yang telah disediakan akan dilaksanakan nanti, sudahlah tentu akan lebih memajukan, mensejahterakan dan memakmurkan lagi negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato' Sri, saya… saya nak *book* awal bulan Januari, Jualan Rahmah boleh buat di Kuala Sentul.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Kalau minta macam ni kenalah [Ahli Dewan ketawa]. Terima kasih, saya akan.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Terima kasih.

YB TUAN SIM CHON SIANG

…aturkan [Ahli Dewan ketawa].

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih EXCO Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Negeri Pahang. Seterusnya kita menjemput er… ni EXCO yang terakhir untuk pagi ini iaitu EXCO Komunikasi dan Multimedia Belia Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang. Silakan untuk buat penggulungan.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Bismillahirrahmanirahim, [Bahasa Arab]. Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua. Pertamanya, marilah kita memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dikurniakan kesihatan yang baik untuk sama-sama melunaskan tanggungjawab dan amanah yang disandarkan kepada kita sebagai Wakil Rakyat.

Seterusnya patik menjunjung setinggi-tinggi kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hasanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Riayatudin Al-Mustafa Billah Shah atas segala keprihatinan dan kesungguhan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negeri ini terus diberi keutamaan tertinggi.

Asah kapak tajam beliung,
Terbang mari kayu berduri,
Tuanku umpama kemuncak payung,
Patik di bawah berteduh diri.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Belanjawan Pahang 2024 yang dibentangkan dua hari lalu merupakan sebuah manifestasi kepada momentum prestasi pentadbiran yang positif dan tadbir urus yang cekap lagi efisyen sejak lima tahun kebelakangan ini yang telah berjaya mencorak pembangunan yang konsisten dan menjana komitmen serta usaha yang berterusan terhadap kemakmuran dan kesejahteraan rakyat di negeri ini. Kerana itulah, belanjawan kali ini diyakini bakal diraikan seluruh lapisan rakyat lantaran pelbagai inisiatif berbentuk bantuan dan kebajikan telah diteruskan seperti Program Bantuan Prihatin Pahang, Juadah Makmur, Program Bakul Makanan, Bantuan Jaminan Makanan, Bantuan Khas Kewangan Untuk Penjawat Awam, Program Rumah Rakyat Pahang serta pelbagai lagi bantuan menerusi pelbagai agensi termasuklah Yayasan Pahang.

Apa yang nyata, Kerajaan Negeri kekal konsisten untuk memastikan pelbagai bentuk bantuan dapat disalurkan kepada segenap lapisan masyarakat tanpa mengira warna kulit,

pegangan agama dan sudah pastilah tanpa mengira fahaman politik. Kerana itulah, setiap golongan sasar yang menerima bantuan ini merangkumi petani, nelayan, murid sekolah, pelajar IPT, anak muda, ibu tunggal, warga emas, Orang Asli, golongan UK…OKU, muaalaf, wanita, usahawan dan banyak lagi golongan, Semuanya bakal mendapat manfaat dari pakej bantuan yang digariskan dalam bejan… belanjawan kali ini.

Atas dasar ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail atas kejayaan menerajui Kerajaan Negeri Pahang dengan cekap, efisyen dan berprestasi tinggi sekaligus berupaya membentangkan satu naskhah belanjawan yang cukup komprehensif serta menyeluruh demi kepentingan rakyat [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Selanjutnya saya mengambil kesempatan dan ruang ini untuk mengulas beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh portfolio saya berkait Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang. Insya-allah saya akan cerakinkan jawapan-jawapan kepada persoalan-persoalan yang dibangkitkan kepada beberapa bahagian.

Pertamanya Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya akan mengulas berkait dengan portfolio Belia dan Sukan. Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Sungai Lembing berhubung pelaksanaan program-program kepimpinan belia khususnya program Pemerkasaan Belia atau YES dan program-program sukarelawan anak muda Pahang. Sukacitanya saya memaklumkan bahawa Program Pemerkasaan Belia YES Pahang ini adalah program yang telah diperkemas dan ditambah baik daripada modul asalnya iaitu daripada Modul Kursus Pengurusan Organisasi Kementerian Belia dan Sukan.

Melalui inisiatif ini, Kerajaan Negeri Pahang melalui Jabatan Belia dan Sukan Pahang serta Majlis Belia Negeri Pahang telah memperkemaskan model atau Modul Pembangunan Belia ini dengan pemerkasaan dan pembangunan kendiri serta jati diri bagi meningkatkan keupayaan belia untuk bersaing serta berdikari pada masa depan. Program YES Pahang ini akan melalui 3 peringkat iaitu peringkat daerah YES Pahang 1, peringkat zon YES Pahang 2 dan peringkat-peringkat ketiga iaitu di peringkat negeri, YES Pahang 3.

Pelaksanaan prog… Program YES Pahang 1 akan dilaksanakan di setiap daerah yang melibatkan 11 siri pelaksanaan dengan penyertaan seramai 330 orang bakal pemimpin belia dan anak muda yang berumur di antara 18 hingga 30 tahun. Manakala, Program YES Pahang 2 pula melibatkan tiga zon iaitu Zon Pahang Utara, Zon Pahang Tengah dan Zon Pahang Timur dengan penyertaan seramai 120 orang peserta terpilih dan terbaik, hasil daripada pelaksanaan Program YES Pahang1st.

Seterusnya di peringkat terakhir pelaksanaan iaitu Program YES Pahang 3, ianya dilaksanakan di peringkat negeri yang akan melibatkan seramai 60 orang peserta terbaik dari peringkat yang telah terpilih daripada Program YES Pahang 2. Untuk pelaksanaan kesuluruhan Program YES Pahang ini Kerajaan Negeri Pahang telah memperuntukkan belanja sebanyak RM350,000.00. *Output* daripada program ini dijangka dapat melahirkan pemimpin anak muda yang lebih dinamik, matang serta boleh berdikari dalam menangani pelbagai cabaran pada masa depan.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berkenaan program kesukarelaan di kalangan anak muda, Kerajaan Negeri sentiasa komited menggalakkan inisiatif kesukarelawanan agar menjadi amalan di kalangan masyarakat khususnya di kalangan anak muda. Minat golongan anak muda terhadap kerja-kerja sukarela dilihat semakin meningkat dengan rekod pendaftaran bagi menyertai inisiatif sukarela yang dikongsikan oleh Jabatan Belia dan Sukan Pahang pada Disember 2021 hingga November 2023, mencatatkan pendaftaran baharu belia yang terlibat dengan aktiviti sukarela ini adalah berjumlah seramai 30,000 orang.

Sukarelawan ini meliputi anak muda yang terlibat secara langsung dalam gerak kerja sukarelawan pengurusan acara sukan, dalam bencana dan juga kelestarian alam. Pembangunan aktiviti kesukarelawan di kalangan anak muda ini adalah perlu dengan menyediakan latihan-latihan dan kursus-kursus serta ins... insentif berkaitan dengan aktiviti kesukarelaan dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam, Agensi Pengurusan Bencana Malaysia atau NADMA dan juga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan...

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Minta laluan sikit... sekejap je.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Pertama ucap terima kasihlah atas kerjasama yang diberi oleh pelbagai agensi yang diberi dalam kesukarelawan ni bila berlaku bencana. Cuma saya ingin dapat sedikit penjelasan, kita tahu bahawa pelbagai agensi NGO yang turut sama sebenarnya membantu kerajaan, bantu orang ramai bila berlaku bencana. Sebahagian besar NGO ini dia ada dana masing-masinglah, dia akan turun. Apakah pihak Kerajaan tidak berhasrat untuk satu pengiktirafan pada NGO kita yang banyak menyumbang? Yang kedua, menyediakan sedikitlah peruntukan, paling tidak pun musim banjir, mereka ni angkut er... segala er... kalau boleh ada peruntukan kepada NGO dapat disalurkan, saya fikir ini lebih baik bagi kolaborasi antara pihak kerajaan.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Terima kasih er...Yang Berhormat Cheka atas soalan yang dipertanyakan. Sebenarnya memang Kerajaan Negeri Pahang ada menubuhkan satu pertubuhan ketumbukan belia yang dinamakan sebagai Sukarelawan Anak Muda Pahang yang di mana dianggotai oleh pelbagai pertubuhan belia termasuklah Majlis Tindakan Sosial Pahang dan juga belia-belia yang aktif di peringkat daerah. Dan setiap kali bencana er… Sukarelawan Anak Muda Pahang ini akan mendapat bantuan dan sokongan daripada Kerajaan Negeri Pahang. Terima kasih Yang Berhormat Cheka.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kawasan Lepar berkenaan kebajikan dan kelangsungan atlet-atlet di masa hadapan, sememangnya, Kerajaan Negeri Pahang sentiasa memberi tumpuan khusus kepada perkara ini. Selain

daripada kenaikan elaun atlet dan gaji jurulatih yang telah saya sebutkan semalam, insentif-insentif tetap turut diberikan kepada atlet yang mewakili negara di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, 4 orang atlet hoki yang sedang bertanding di Piala Dunia Remaja diberikan insentif sebanyak RM1,000.00 seorang selain daripada elaun wang saku.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mempunyai kadar tetap dalam pemberian insentif ke... kemenangan kepada atlet Pahang yang memenangi pingat di Temasa... di Temasya Sukan Antarabangsa sebagai contoh yang terkini, pembayaran insentif sebanyak RM10,000.00 diberikan kepada Nur Shazrin Mohamad Latif yang memenangi pingat emas pertama pelayaran di Temasya Sukan Asia Hangzhou yang lalu.

Bagi menjamin kebajikan dan kerjaya bekas-bekas atlet, Kerajaan Negeri telah memberi ruang dan peluang pekejaan kepada mereka. Sebagai contoh, di Majlis Sukan Pahang itu sendiri ketika ini terdapat 18 orang bekas atlet yang dilantik sebagai kakitangan pentadbiran. Selain itu, kerjasama di antara Majlis Sukan Pahang dengan pihak Suranjaya Perkhidmatan Awam Pahang, Majlis Bandaraya Kuantan, Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang juga telah membuka ruang bagi penawaran khas kepada bekas-bekas atlet dalam pengisian jawatan kosong. Kerjasama ini juga akan diteruskan bersama dengan *State GLC* Pahang dan juga badan-badan korporat yang lain.

Dalam bidang kejurulatihan pula, pada masa ini terdapat 59 orang bekas atlet yang telah dilantik sebagai jurulatih dalam pelbagai bidang sukan di negeri ini meliputi 25 atlet... meliputi 25 jurulatih sepenuh masa dan 34 jurulatih sambilan. Antara bekas atlet yang sedang menjadi jurulatih di Majlis Sukan Pahang ketika ini adalah Iskandar Arshad bagi sukan sepak takraw, Zainudin Joseph bagi sukan angkat berat, Nur Thahira Tasnim bagi sukan petangue, Sufian Mohamad bagi sukan hoki dan ramai lagi yang saya tidak dapat sebut satu persatu.

Pihak Majlis Sukan Pahang juga dalam perbincangan peringkat akhir bagi melantik juara atau jaguh silat dunia, johan tiga kali, Al-Jufferi Jamari bagi menerajui Program Pembangunan Silat di negeri Pahang. Kesemua bekas-bekas atlet ini pula akan diberi peluang dengan mengikuti kursus-kursus sains sukan dan kejurulatihan yang lebih spesifik untuk memastikan mereka menjadi jurulatih yang benar-benar berkelayakan dan berkaliber.

Kecemerlangan akademik dan kemahiran juga turut diberi perhatian bagi memastikan atlet Pahang kekal relevan dalam pasaran kerja semasa. Mer... memorandum persefahaman telah ditandatangani dengan beberapa institusi pengajian tinggi bagi memberi ruang kepada atlet melanjutkan pengajian ke peringkat universiti mahupun pengajian kemahiran.

Antara institusi yang telah bekerjasama ialah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA Jengka, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Politeknik Muadzam Shah, Kolej Komuniti dan Kolej Politek MARA. Semoga segala usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pahang ini bakal memberi nilai tambah kepada segala pengorbanan dan perjuangan atlet-atlet yang selama ini telah bertungkus lumus mengharumkan nama negeri dan negara di persada antarabangsa.

Menjawab soalan Yang Berhormat Beserah, yang bertanya mengenai apakah tindakan yang boleh dilakukan bagi meningkatkan prestasi sukan bola sepak Pahang dan memastikan pemain bola-bola sepak Pahang ini tidak berhijrah ke pasukan atau ke negeri lain, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang sememangnya sedia maklum bahawa sukan bola sepak ini adalah sukan paling popular di negeri ini, di negara malah di dunia.

Bagi memastikan bakat bola sepak Pahang tidak berhijrah ke pasukan lain, mulai tahun 2019, pihak Majlis Sukan Pahang telah memulakan langkah, mendaftar pelatih Akademi Mokhtar Dahari di Gambang sebagai atlet SUKMA negeri hasil inisiatif ini boleh dilihat apabila Negeri Pahang telah merangkul gelaran Naib Juara, Piala Presiden dan Piala Belia pada tahun lalu.

Selain Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari, negeri Pahang juga telah melaksanakan Projek Pembangunan Bola Sepak di peringkat akar umbi iaitu Akademi Tunas yang memberi fokus kepada pelatih berumur 12 tahun iaitu di Sekolah Kebangsaan Tanjung Lalang, Temerloh, Sekolah Kebangsaan Kampung Kolam Rompin, Sekolah Kebangsaan Teruntum Kuantan dan Kompleks Rakan Muda di Raub. Program ini diteruskan bagi pelatih berumur 13 hingga 17 tahun pula dengan mewujudkan pusat latihan daerah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Bahagia dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seberang di Temerloh, Sekolah Menengah Kebangsaan Pelindung Kuantan, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Rompin dan Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford di Lipis.

Kerajaan Negeri turut memberi bantuan kepada kelab-kelab bola sepak swasta dan melaksanakan program pembangunan contohnya seperti Rhino Football Academy dan juga Pahang Rangers dan pelbagai lagi kelab-kelab swasta yang lain. Justeru, adalah diharapkan kesinambungan dapat dibuat oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Pahang dan Sri Pahang FC sendiri untuk menawarkan pakej yang lebih baik ini adalah disebabkan pada peringkat lebih tinggi seperti Liga Super, Liga Perdana dan lain-lain Liga yang dikendalikan oleh FAM dan Malaysia Football League MFL. Setiap pemain bola sepak adalah tertakluk kepada tawaran kontrak dan lesen di bawah kendalian Persatuan Bola Sepak Negeri Pahang dan Sri Pahang FC sendiri.

Dato' Sri Yang di-pertua,

Saya mengucapkan terima kasih terhadap tambahan peruntukan sebanyak RM2 juta bagi persediaan Pahang untuk menghadapi SUKMA yang akan berlangsung di Sarawak pada September tahun depan. Ini merupakan peruntukan tambahan yang sangat diperlukan bagi menampung kos berjutaan ke Sarawak yang sebelum ini telah diluluskan dalam belanja mengurus berjumlah RM5.7 juta namun hanya melibatkan 26 jenis sukan sahaja. Untuk makluman, penganjuran SUKMA Sarawak telah membuat penambahan 7 jenis sukan baru yang memerlukan peruntukan tambahan. Bagi memastikan atlet Pahang terus kekal dalam persaingan di peringkat SUKMA program pembangunan akar umbi perlu terus dipertingkatkan.

Justeru, kemudahan sukan sedia ada, khususnya kemudahan-kemudahan latihan di Sekolah Sukan Negeri Pahang Seberang Temerloh, serta program penyertaan dan persediaan pasukan Majlis Sukan sekolah-sekolah Pahang di bawah kelolaan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang perlu diberi perhatian kerana ia merupakan medium penyediaan bakat-bakat atlet pelapis negeri Pahang. Majlis Sukan Pahang juga akan memberi tumpuan kepada dua jenis sukan yang menawarkan jumlah pingat yang tinggi iaitu olahraga 45 pingat dan akuatik 53 pingat.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Berhubung portfolio Komunikasi dan Multimedia, saya ingin memaklumkan bahawa inisiatif JENDELA Yang bermula pada suku kedua tahun 2020 telah menetapkan tiga aspirasi utama yang perlu dicapai. Pertamanya, meningkatkan liputan perkhidmatan 4G di kawasan berpenduduk dari 80.91% kepada 96.9%. Kedua, meningkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih sehingga 35 Mbps. Ketiga, perluasan rangkaian gentian optik dengan keupayaan

gigabyte dari 49.8% kepada 83% di premis kediaman, komersial, industri, bangunan kerajaan dan institusi pendidikan.

Justeru, untuk mencapai matlamat yang ditetapkan di bawah inisiatif JENDELA, terdapat 4 projek utama yang telah dan sedang diusahakan di seluruh negeri Pahang iaitu yang pertama pembinaan 270 menara telekomunikasi yang baru menaik taraf 932,902 stesen pemancar sedia ada rangkaian 4G ketiga menyediakan capaian internet jalur lebar teknologi satelit di 69 perkampungan Orang Asli dan yang keempat menyediakan rangkaian gentian optik di 118,260 premis di seluruh negeri Pahang.

Dato' Sri yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada pencapaian semasa, setelah inisiatif JENDELA ini dilaksanakan, kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk di negeri ini telah berjaya ditingkatkan daripada 89.1% iaitu sebelum projek JENDELA bermula kepada 94.33% pada suku ketiga tahun ini. Kadar ini dijangka akan terus meningkat apabila baki 170 lagi menara telekomunikasi disiapkan pada pertengahan tahun hadapan. Manakala, bagi pelaksanaan 5G di Pahang oleh Digital National Berhad atau DNB, iaitu anak syarikat milikan penuh Kementerian Kewangan. Ianya telah bermula pada penghujung tahun lalu bagi menyiapkan sebanyak 361 tapak di negeri Pahang. Daripada jumlah tersebut sehingga 30 September tahun ini, sebanyak 244 tapak di Pahang telah siap dibangunkan oleh DNB. Manakala baki 117 tapak lagi sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan dan dijangka siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Setiap stesen pemancar yang beroperasi mestilah memenuhi tahap piawaian kualiti yang ditetapkan berdasarkan kepada garis panduan Mandatory Standard on Quality of Service, MQ…MSQOS. Pihak MCMC juga pada masa yang sama turut menjalankan audit dan ujian kualiti dari masa ke semasa bagi mastikan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat telekomunikasi memenuhi standard yang ditetapkan. Semenjak bermulanya pandemik COVID kebergantungan pengguna kepada capaian internet merekodkan peningkatan mendadak khususnya bagi menjalani aktiviti pengajaran dan pembelajaran di rumah, bekerja dari rumah, penggunaan media sosial dan transaksi atas talian. Oleh yang demikian, dalam keadaan kapasiti yang terhad, peningkatan pemintaan yang mendadak boleh mengakibatkan kelajuan internet menurun dan kualiti perkhidmatan yang kurang memuaskan.

Sehubungan itu, pihak MCMC memohon kerjasama daripada kesemua Ahli Yang Berhormat supaya dapat menyalurkan maklumat mengenai aduan dan masalah perkhidmatan telekomunikasi di kawasan masing-masing secara terus kepada MCMC agar dapat dijadikan panduan dalam rangka pembangunan infrastruktur baru dan penambahbaikan kapasiti serta kualiti sedia ada.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Chini berkenaan kempen kesedaran jenayah *online* selain tindakan pencegahan dan penguatkuasaan di ambil oleh pihak MCMC perkara yang turut diberi keutamaan ialah meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung aktiviti yang salah di sisi undang-undang termasuklah kegiatan penipuan atas talian dan jenayah telekomunikasi. Justeru dalam usaha meningkatkan tahap kesedaran di kalangan rakyat negeri Pahang, Kerajaan Negeri Pahang bersama MCMC telah menggerakkan pelbagai program evokasi untuk pengguna yang dinamakan 'Klik dengan Bijak'.

Berdasarkan rekod sehingga 30 Oktober tahun ini, sebanyak 24 program evokasi telah dilaksanakan oleh MCMC di seluruh negeri Pahang dengan melibatkan seramai 9,200 orang *audience* yang terdiri daripada orang awam, kakitangan kerajaan, pelajar IPTA dan juga pelajar sekolah menengah. sehubungan itu, program 'Klik dengan Bijak' ini akan diteruskan pada tahun 2024 dan pihak MCMC bersedia untuk menjalinkan kerjasama dengan mana-mana agensi, jabatan kerajaan, pihak NGO dan institusi pendidikan yang memfokuskan kepada perkongsian informasi berkenaan jenayah siber, penipuan atas talian atau yang seumpama dengannya.
Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebagai penutup, dalam usaha memakmurkan negeri, perancangan dan strategi yang digarap melalui Belanjawan Pahang 2024 ini menagih kebersamaan setiap daripada kita di Dewan yang mulia ini. Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail sentiasa berusaha sehabis baik, sekaligus berjaya membuktikan bahawa Pahang mampu melonjakkan pendapatan setaraf dengan negeri maju yang lain berdasarkan prestasi ekonomi yang dicapai dua tahun kebelakangan ini.

Sesungguhnya asas kepada kemakmuran ekonomi yang membawa kepada kesejahteraan rakyat adalah berkait dengan kestabilan politik. Walaupun masih ada pihak yang terus menerus menafikan pencapaian cemerlang kerajaan negeri Pahang di bawah pimpinan Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail ini serta tanpa segan silu menghasut rakyat dengan menimbulkan pelbagai persepsi negatif. Namun sebilangan besar rakyat masih bijak menilai mana yang betul, mana yang salah.

Jika tidak ada jika ada ketidakpuasan hati untuk disampaikan, maka menegur janganlah sampai menghina, mendidik jangan sampai memaki dan meminta jangan sampai memaksa. Sesungguhnya kita semua di Dewan yang mulia ini, walau siapa pun kita, kita tetap menghirup udara yang sama di bumi Allah Yang Maha Luas ini. Demikianlah sahaja Dato' Sri Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan 2024. Assalamualaikum WBT.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Dato’ Sri Yang di-Pertua, mintak mencelah sikit boleh tak?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kasi lah satu, satu soalan.

YB TUAN MOHAMAD AYUB BIN MAT ASHRI

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat EXCO di atas respons yang isu yang saya bangkitkan semalam. Cuma saya inginkan penjelasan yang lebih terperinci berkaitan dengan 30k sukarelawan yang telah mendaftar sebagai sukarelawan… sukarelawan sebagaimana yang telah disebut oleh EXCO tadi… Yang Berhormat EXCO tadi.

Bagaimanakah soalan saya… bagaimanakah kerajaan mengkoordinasikan mereka semua ini dan jika suatu bencana ataupun program amal ini ingin dilaksanakan di kawasan saya, bagaimanakah adakah saya boleh mendapatkan khidmat mereka ini dan bagaimanakah caranya? Sekian, terima kasih.

YB TUAN FADZLI BIN MOHAMAD KAMAL

Baik, terima kasih Yang Berhormat Sungai Lembing atas soalan yang ditanya. Data yang direkodkan tadi, kalau tak silap saya adalah dalam tempoh tiga tahun melibatkan sukarelawan yang berdaftar di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang. Dan sukarelawan-sukarelawan ini adalah melibatkan sukarelawan-sukarelawan yang terlibat dalam aktiviti sukan, terlibat dengan pasca bencana atau selepas bencana dan juga sukarelawan yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti kelestarian alam dan di setiap daerah sendiri, Yang Berhormat boleh dapatkan khidmat sukarelawan-sukarelawan ini dengan berhubung terus dengan Pejabat Daerah dan Tanah di kawasan Yang Berhormat.

Sebab data-data ini juga diperolehi daripada daerah-daerah di seluruh negeri ini. Jadi saya rasa tak ada masalah untuk dapatkan khidmat mereka. Tinggal lagi, sukarela atau tidak mereka membantu Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

YB DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sikit je. Saya nak ucapkan syabas dan tahniah kepada wakil Kerajaan Negeri berhubung dengan pelancaran buat Jubli Emas Perbadanan Stadium Darul Makmur yang ke-50 dan juga pelancaran buku sejarah Perbadanan Stadium Darul Makmur. Syabas dan tahniah serta juga peruntukan yang besar yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada portfolio berkenaan khususnya untuk anak muda. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan menempohkan persidangan ini di sebelah pagi ini. Tiga orang wakil kerajaan telah pun membuat penggulungan dan insya-Allah pada petang ini, lima orang lagi akan buat penggulungan. Jadi kita insya-Allah kita akan sambung persidangan kita pada pukul 2.30 petang.

Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan pada jam 1.05 tengah hari]

[Persidangan ditempohkan semula]

SAMBUNGAN MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024) 2023

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Sambungan menimbang Rang Undang-Undang Perbekalan (2024) 2023.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Salam sejahtera dan selamat petang. Persidangan kita disambungkan semula. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat sekalian. Kita masih lagi atas perkara menimbang Rang Undang-Undang Perbekalan (2024) 2023 dan pada petang ini, pihak kerajaan akan menyambung menjawab pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan yang lepas. Saya jemput Ahli Yang Berhormat, EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Sila.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah keizinan-Nya, maka dapat kita bersama-sama di dalam Dewan yang mulia pada hari ini. Saya memulakan penggulungan ini dengan merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang telah membentangkan Belanjawan 2024 Negeri Pahang.

Ternyata ianya merupakan bajet yang sangat prihatin menyentuh pelbagai aspek demi kemam… kemamuman… kemakmuran rakyat. Ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh portfolio saya iaitu EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan juga Keluarga Negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memelihara dan memperkasa kebajikan rakyat. Ia meliputi pelbagai aspek seperti kesihatan yang baik, keselesaan, kesejahteraan dan juga kemakmuran hidup. Usaha ini perlu dilakukan berterusan agar kebajikan dan keperluan rakyat sentiasa terbela. Oleh itu, Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang akan meneruskan usaha menangani isu-isu semasa bagi memastikan agenda kemam… kemakmuran rakyat diteruskan. Pelbagai inisiatif yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Pahang sepanjang tahun 2023 diakui memberi manfaat kepada rakyat.

Antara program yang dilaksanakan oleh jabatan adalah, yang pertama bagi memperkukuhkan tadbir urus dalam pengurusan bencana negeri Pahang, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM7.6 juta kepada Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka Negeri Pahang. Selain itu, menaikkan kadar apungan tabung bantuan bencana di setiap daerah daripada RM20 ribu kepada RM50 ribu. Peruntukan ini meliputi perolehan bekalan bencana bagi tempoh simpanan keperluan bencana dan dari pangkalan hadapan. Tabung malapetaka daerah perolehan darurat semasa berlaku bencana. Pecahan penggunaan peruntukan adalah seperti berikut:

Yang Pertama, RM3 juta bekalan makanan kering untuk 159 pangkalan hadapan. Yang kedua, adalah RM2 juta melibatkan pembekalan barang keperluan asas dan *refreshment kit.* Yang ketiga, RM900 ribu bagi tabung malapetaka daerah dan yang keempat adalah RM336 ribu perolehan darurat iaitu penggunaan semasa berlaku bencana. Yang Kedua, Kerajaan Negeri juga memfokuskan kepada kesejahteraan rakyat di mana penekanan kepada aspek kebajikan dan keperluan rakyat termasuk kebajikan warga emas dan OKU. Di mana program-program berkenaan adalah seperti berikut:

Yang Pertama, perlaksanaan program Khidmat Bantu Di Rumah yang disebut KBDR ke atas warga emas dan OKU melibatkan peruntukan sebanyak RM1 juta. Program ziarah prihatin ini melibatkan JKM, Majlis Tindakan Sosial Negeri Pahang dan gabungan Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan.

Program ini merupakan satu program yang memberi khidmat sokongan sosial kepada warga emas dan OKU terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau bersama ahli keluarga yang memerlukan bantuan dan sokongan sosial. Program ini merupakan perkhidmatan yang bercorak pendampingan sosial kepada warga emas dan OKU di mana petugas KP… KBDR mengadakan lawatan ke rumah golongan sasaran yang berkehendakkan atau memerlukan perkhidmatan ini. Program KBDR Negeri Pahang disediakan kepada warga emas dan OKU sedia ada yang telah menerima perkhidmatan KBDR, persekutuan seramai 512 orang serta penambahan klien baru seramai 100 orang.

Tempoh perkhidmatan untuk KBDR sekurang-kurangnya 2 jam sekali lawatan dengan kekerapan lawatan sebanyak 4 kali sebulan pada setiap minggu yang berlainan. Ziarah prihatin adalah perkhidmatan yang disediakan kepada warga emas dan OKU berkeperluan yang berkonsepkan ziarah dan bantuan. Pemilihan klien adalah berdasarkan cadangan atau rujukan daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, pemimpin setempat dan ahli masyarakat.

Ziarah prihatin adalah tidak terikat dengan tempoh masa dan rasio antara petugas dan klien dengan kuota 600 orang klien disantuni setiap bulan untuk 14 parlimen. Secara keseluruhan, program KBDR Negeri Pahang telah berjaya menyantuni kumpulan sasar iaitu warga emas dan OKU dengan jumlah keseluruhan 3,512 klien sepanjang tempoh pelaksanaan. Semoga dari semasa ke semasa, program ini akan sentiasa ditambahbaik agar lebih ramai komuniti dapat bersama-sama dalam usaha menyantuni dan mem… membantu kumpulan sasar yang memerlukan.

Seterusnya Program Anugerah Premis Mesra OKU Negeri Pahang…

YB TUAN MOHD ZAKHWAN BIN AHMAD BADARDDIN

Minta laluan… minta laluan… er… Terima kasih Yang di-Pertua. Sebelum wakil kerajaan pergi kepada tajuk lain, saya nak er… tanya berkenaan dengan barang-barang pangkalan hadapan. Pada hujung bulan 10 yang lalu, saya dalam siri ziarah kasih saya di sebuah kampung, saya tengok, saya pergi ziarah rumah itu, di luar rumah itu tengok ada timbunan beras dan juga biskutlah. Saya tanya, "beras mana, biskut mana?" Dia kata, "beras dan biskut daripada pangkalan hadapan yang dilupuskan." Maknanya, dia kata, sebelum saya datang itu, beberapa hari, Tok Empat buat pengumuman dalam *group* kampung, siapa-siapa yang nak er… ambil beras ke, ambil biskut ke datang ke balai raya sebab nak masuk barang baru esoknya.

Jadi saya nak tanya soalan saya, berapakah kos kerugian yang ditanggung oleh pihak kerajaan setiap kali barang-barang ni dilupuskan? Kemudian yang kedua, apakah cadaman… cadangan ataupun mekanisme pihak kerajaan untuk meminimakan ataupun

untuk memastikan kerugian disebabkan pelupusan ini berlaku. Kerana kita tahu dari sudut SOPnya barang-barang ini dia ada waktu baru boleh diagihkan. Tiga hari terkepung baru boleh diagihkan. Dan kadang-kadang ada tempat yang tak berlaku banjir akhirnya sampai bulan 10 baru ini pun barulah diagihkan ataupun saya kira dilupuskan sebab ada setengah barang tu dah *expired* macam biskut bulan 8 *expired*nya. Beras itu pun sebahagiannya boleh diguna sebahagiannya telah ada bubuk. Mohon pencerahan.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih kepada sahabat yang bertanya. Setakat ini kami tidak mendapat lagi laporan tentang yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Di mana sebenarnya barang-barang ini kita hantar mengikut jangkaan. Kita tahu kadang-kadang kita cadang, di situ kita anggapkan banjir tetapi tak banjir. Mungkin inilah sebabkan barang-barang tersebut mempunyai lebihan.

Seterusnya saya menyambung lagi. Okey. Program Anugerah Premis Mesra OKU seperti negeri Pahang melibatkan peruntukan RM150,000.00 bertujuan untuk memperbanyakkan akses dan kemudahan bersifat Mesra OKU. Program ini telah berjaya menilai *accessibility* 22 premis di negeri Pahang, hasilnya sebanyak satu premis iaitu bangunan Majlis Bandaraya Kuantan memperolehi pentarafan 5 bintang. Manakala 3 premis mencapai pentarafan 4.5 bintang iaitu Klinik Kesihatan Raub, SMK Chini 2 dan SK Purun. Premis ini mampu menjadi rujukan kepada premis lain di negeri Pahang bagi memastikan persekitaran dan *accessibility* di setiap premis adalah mesra kepada golongan OKU.

Sumbangan *one-off* sebanyak RM290.00 akan diberikan kepada kepada 300 orang penyelia dan petugas Program Pemulihan Dalam Komuniti melibatkan peruntukan sebanyak RM75,000.00 sebagai menghargai tanggungjawab besar yang dipikul oleh mereka. Penerima manfaat terdiri daripada petugas yang memberi pemulihan kepada golongan OKU.

Insentif ini telah menyuntik semangat dan menaikkan motivasi kepada guru petugas-petugas Program Pemulihan Dalam Komuniti untuk kekal membantu pelatih OKU untuk berdikari. Karnival Sukan OKU PPDK negeri Pahang melibatkan peruntukan sebanyak RM250,000.00. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan OKU menyertai sukan dan menyerlahkan potensi mereka ke peringkat lebih tinggi. Karnival ini berjaya mengumpulkan keseluruhan 299 orang atlet OKU daripada 53 buah PPDK dan pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi. Kontinjen PPDK daerah Raub telah berjaya memperolehi kontinjen terbaik keseluruhan dalam penganjuran sukan pada tahun 2023.

Laporan pencapaian atlet mengikut acara, terus disalurkan kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang untuk pemantauan dan pembangunan atlet OKU. Geran pembangunan dan insentif khas OKU negeri Pahang melibatkan peruntukan RM850,000.00. Geran ini digunakan untuk melaksanakan program berbentuk latihan, pemulihan dan periktirafan kepada golongan OKU melalui Majlis Penasihat OKU Negeri Pahang dan Jawatankuasa Penasihat OKU Daerah. Sebanyak 8 program telah dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah telah dilaksanakan pada tahun 2023. Program berbentuk latihan yang dilaksanakan berjaya meningkatkan kefahaman dan kompetensi kepada penyelia perkhidmatan berkaitan OKU dari sudut kebajikan, pendidikan dan juga kesihatan.

Bantuan Perhatian Pahang 2023 secara bersasar dan melibatkan penerima yang lebih ramai iaitu yang pertama, anak yatim yang berdaftar dengan JKM akan menerima RM200.00 melibatkan 700 orang penerima dengan peruntukan RM140,000.00 golongan

ini seperti mana kanak-kanak dan remaja lain mereka juga memerlukan perhatian dan sokongan dalam membentuk masa depan.

Dengan bantuan yang diterima, ianya dapat membantu memperbaiki taraf hidup anak yatim yang miskin dalam meringankan masalah kewangan akibat kemiskinan dan tidak ada tempat bergantung. Ini merupakan satu inisiatif penting dalam usaha memastikan nasib golongan memerlukan terutamanya asnaf dan anak yatim mendapat perhatian serta bantuan yang terbaik. Sokongan dan bantuan sebegini memainkan peranan penting sebagai bantuan yang bermakna bagi mereka yang tidak ada tempat bergantung dan berada dalam kesempitan hidup.

Yang kedua rumah anak yatim yang berdaftar dengan JKM akan menerima RM10,000.00 melibatkan 14 buah pusat jagaan dengan peruntukan sebanyak RM140,000.00. Dalam usaha menyantuni anak yatim dari segi aspek perlindungan dan kebajikan. Pusat jagaan anak yatim dan miskin merupakan satu tempat yang memberi penjagaan, pelindungan dan pendidikan kepada anak-anak yatim dan miskin. Usaha oleh badan-badan kebajikan sukarela ini merupakan satu usaha yang amat murni.

Dengan adanya rumah anak yatim ini dapat mengurangkan beban kerajaan dalam menjaga dan melindungi anak yatim dan miskin ini daripada dibelenggu kemiskinan dan masalah sosial dan secara tidak langsung membantu memastikan pengoperasian pengurusan anak yatim berjalan lancar.

Program Kasih Makmur yang dahulunya disebut Pahang Pride Kasih, merupakan inisiatif khas untuk menghargai golongan waga emas dan OKU di negeri Pahang, di mana pemberian Kad Kesihatan Kasih Makmur kepada 30,600 orang penerima yang memenuhi syarat dan berkelayakan melibatkan warga emas, pesara KEMAS, JASA dan SERANTA serta bekas ketua kampung dan ketua kampung serta OKU. Penerima bantuan JKM dengan peruntukan sebanyak RM20 juta. Kad Kesihatan Kasih Makmur telah diagihkan kepada 29,771 orang. Manakala 829 kad tidak dapat diagihkan kerana penerima meninggal dunia, berpindah ditamatkan bantuan dan tidak dapat dihubungi.

Yang di-Pertua Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara LPPKN merupakan agensi Badan Berkanun, Persekutan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia. Dengan visi meneraju kesejahteraan keluarga dan misinya adalah memacu agenda kependudukan, perkahwinan dan kekeluargaan melalui penyelidikan perkhidmatan dan Program Pembangunan Keluarga yang inovatif ke arah kemakmuran bersama.

LPPKN komited untuk melaksakanan program dan perkhidmatan kepada kumpulan sasar keluarga. Bagi usaha...

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Tentang kekeluargaan, saya tak tahu sama ada EXCO Agama ataupun daripada Guai. Isunya ialah kursus perkahwinan. Er... Tahniahlah, semua peserta nak kahwin dia kena melalui kursus perkahwinan. Tapi peserta kena bayar dengan kos yang agak besar dan saya fikir sepatutnya ia dapat diberi secara percuma. Kursus-kursus begini sebab memang kita perlu melatih mereka nak keluarga supaya tahu tanggungjawab sebagainya. Tapi setiap peserta perlu bayar dengan jumlahnya tak kurang pada RM1,500.00 yang saya difahamkan begitu.

Walaupun jumlah itu lagi besar, lagi banyak bayaran dia kenakan. Jadi kalau boleh dapat dikecualikan bayaran pada kursus-kursus persijilan. Sebab siapa nak kahwin dia perlu ada sijil kursus baharu dia boleh kawin. Jadi kalau boleh dibiayai oleh pihak Kerajaan membantu anak muda kita yang kritikal masalah kewangan itu. Saya fikir lebih baiklah. Ini sebagai pandangan saya. Minta penjelasan. Terima kasih.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Yang di-Pertua,

Yang tengah menjelaskan ni, Pembangunan Wanita dan Kebajikan. Perkara yang ditanya oleh Cheka, pasal hal ehwal di bawah portfolio Agama.

Jadi saya rasa terpanggil untuk memberi penjelasan. Memanglah apa, orang kursus kahwin itu kena bayar sedikit sebabnya bukan sahaja masalah penceramah dan juga dia berkursus itu mungkin dalam masa satu ataupun dua hari perlu pada makan dan minum dia untuk dia orang apa, duduk berada di tempat kursus. Kemudian itu tidaklah sampai 1,000 dan juga rasa saya tidak pun sampai 500 tu, RM120.00 je. RM120.00 untuk dia kursus tu. Berbanding dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar beri dia pula RM300.00 sekali ganda. Jadi dia nak kahwin tak nak kahwin tak tahulah. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya... saya jelaskan. Memang kita bayar RM120.00 seorang. Bayangkan kalau peserta 40 orang RM120.00 seorang jumlah tu bagi besar bagi saya sekadar untuk kita bagi. Saya lihat gini, bila kita tengok data masalah beban yang ditanggung saya fikir jumlah tu boleh kerajaan tanggung je dengan dana, sama ada peruntukan yang sedia ada. Sebab kita nak galakkan mereka supaya mereka lepas kahwin tak ada masalahlah tak ada peceraian, tak ada kisah rumah tangga dan mereka wajib pergi. Jadi saya fikir kerajaan boleh pertimbangkan semula lah.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kita dah bagi RM300.00 kepada setiap mempelai yang berkahwin jadi dia bolehlah guna duit itu untuk dia berkursus perkahwinan dia. Ada *balance* lagi daripada RM300.00 tu RM180.00 belanja makan cendol. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya jemput wakil kerajaan.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyambung penggulungan. Bagi usaha, terima kasih juga kepada sahabat daripada Kuala Kerau, eh...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kerdau… Kerdau.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Minta maaf Yang Berhormat. Bagi usaha tindakan pencegahan dan bantuan sokongan keluarga, LPPKN Negeri Pahang merancang dan melaksanakan beberapa program seperti berikut:

Yang pertama adalah kempen penerapan nilai teras keluarga KASIH. Nilai teras keluarga KASIH merujuk kepada nilai kasih sayang, akhlak, sihat dan selamat, ilmu dan harmoni yang harus dihayati dan diterapkan dalam keluarga di Malaysia. Kempen penerapan lima nilai ini disampaikan menerusi hebahan infografik di media massa, media sosial dan papan iklan di lokasi bersesuaian. KPWKM dan LPPKN merupakan memberi keutamaan penghayatan nilai teras KASIH menerusi program utama yang dilaksanakan pada tahun 2023.

Kempen pengkayaan nilai KASIH ini dibawakan melalui program LPPKN berskala sambutan peringkat negeri seperti Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan, Sambutan Hari Ibu dan Sambutan Hari Bapa serta Program Pendidikan, Pendidikan Kekeluargaan dan Kaunseling yang dilaksanakan sepanjang tahun. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah merasmikan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan Peringkat Negeri Pahang pada 25 November 2023 yang lepas.

Di samping menerapkan nilai kasih menerusi siri ceramah dan perkongisan tips kepada masyarakat, LPPKN bersama agensi kerajaan yang lain di negeri Pahang turut menyediakan perkhidmatan lain yang memberi manfaat kepada ahli keluarga seperti perkhidmatan kaunseling, pemeriksaan kesihatan, pendaftaran subsidi mamogram dan aktiviti untuk kesejahteraan remaja di KafeTEEN.

Program Pendidikan Kemahiran Keibubapaan dan Bimbingan Kaunseling. Kerajaan Negeri Pahang mengambil berat akan kepentingan mengutamakan keluarga serta memastikan kesejahteraan keluarga sentiasa terpelihara bagi memastikan ahli keluarga terutamanya ibu bapa diberi ilmu dan kemahiran keibubapaan. Kerajaan Negeri memberi sokongan kepada LPPKN Negeri Pahang untuk melaksanakan program dan kursus keibubapaan secara bersiri dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00 pada tahun 2023.

Kursus keibubapaan tersebut merangkumi 6 program iaitu program keselamatan anak dan keluarga, program pengurusan kewangan keluarga, program keibubapaan di tempat kerja, ceramah kekeluargaan, program pengurusan stres dan sesi kaunseling kelompok. Sehingga Disember 2023, seramai 1,769 orang di kalangan ibu bapa mengikuti 39 siri kursus program keibubapaan menggunakan modul program di atas.

Pihak LPPKN berharap agar Kerajaan Negeri terus memberikan komitmen membantu pelaksanaan program ini pada tahun 2024. Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, pihak LPPKN juga akan bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk agensi di bawah Kerajaan Negeri, syarikat swasta, IPTA, IPTS, NGO, pemimpin dan komuniti setempat bagi mengenal pasti kumpulan sasar yang bersesuaian.

Yang ketiga ialah Program Psiko-Seksual Remaja. Remaja merupakan generasi penting dalam mencorakkan masa depan negara. Oleh yang demikian, golongan ini perlu dibimbing dan diberi perhatian serta sokongan untuk melalui fasa alam remaja selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan remaja yang berdaya tahan dan berkeperibadian mulia.

LPPKN menyediakan perkhidmatan dan melaksanakan program yang bersesuaian kepada remaja mencakupi kemudahan kesihatan reproduktif, kaunseling, pendidikan dan riadah supaya mereka mempunyai sikap positif terhadap kesihatan diri serta meningkatkan ilmu pengetahuan mereka dalam aspek fizikal, mental dan sosial.

Pada tahun 2023, perkhidmatan dan program kepada remaja ini dilaksanakan menerusi aktiviti KafeTEEN di UTC Kuantan, Program PEKERTI di sekolah dan komuniti serta di Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia. LPPKN Negeri Pahang juga mengadakan kolaborasi dengan pihak sekolah dan IPTA dan swasta untuk slot ceramah motivasi kekeluargaan serta kesihatan, reproduktif dan juga sosial. Seramai 25,871 orang remaja yang telah mengikuti Program Psiko-Seksual Remaja yang dilaksanakan oleh LPPKN sehingga Oktober 2023.

Seterusnya juga, Program Kesihatan Reproduktif dan Kesejahteraan Wanita. Dalam agenda memperkasa pemerkasaan wanita, LPPKN secara tidak langsung berperanan untuk memastikan kesihatan terutamanya kesihatan reproduktif wanita diberi tumpuan. Menerusi kempen Women Cancer Reproductive kepada golongan wanita untuk melakukan pemeriksaan awal bagi mengesan kanser payudara dan pangkal rahim.

Di peringkat negeri Pahang melalui program Cakna Suri, kerajaan juga telah meluluskan peruntukan tambahan kepada wanita bagi melakukan ujian mamogram dan HPV DNA secara percuma. Inisiatif secara usaha sama LPPKN dan UPWS Negeri Pahang telah memberi manfaat kepada seramai 1,415 wanita sehingga Disember 2023.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Dari segi pembangunan wanita dan keluarga, wanita Malaysia membentuk 48.5% daripada keseluruhan 32.7 juta penduduk negara. Manakala di Pahang, wanita mewakili 47% daripada keseluruhan 1.8 juta penduduk negeri Pahang. Justeru, tidak dapat dinafikan sekiranya potensi mereka diupayakan sepenuhnya. Wanita boleh menyumbang dan menyertai usaha-usaha pembangunan negara dalam aspek ekonomi, politik, budaya dan sosial dengan lebih efektif.

Tidak dinafikan dari dulu, kini dan selamanya, Kerajaan Negeri Pahang amat prihatin terhadap kebajikan wanita. Sejumlah RM9,000,070.00 diperuntukkan kepada wanita pada tahun 2024 bagi pembangunan wanita Pahang merangkumi aspek pembangunan ekonomi, sosial dan kebajikan wanita. Di antaranya yang pertama ialah dasar dan pelan tindakan wanita Pahang.

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar Pahang kerana telah merealisasikan hasrat wanita Pahang untuk mewujudkan Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Pahang yang akan mensasarkan 10,000 orang wanita pada tahun hadapan dengan memberi tumpuan kepada beberapa kluster iaitu kluster pendidikan, kluster keusahawanan, kluster kesihatan, kluster keluarga, kluster teknologi, kluster agama, kluster kepimpinan, kluster seni, budaya dan warisan, juga kluster pekerjaan dan yang terakhir ialah kluster perundangan bertanggungjawab untuk memberi maklumat dan pengetahuan undang-undang kepada wanita di negeri Pahang.

Yang kedua melalui Anggun Maju. Melalui program Anggun Maju dan Anggun Usaha Niaga pada 2022 dan 2023, Kerajaan Negeri telah membantu lebih 1,000 orang ibu tunggal dalam mengukuhkan perniagaan mereka, meneruskan lagi Program Pembangunan Ekonomi Ibu Tunggal pada tahun hadapan. Kerajaan Negeri memperkenalkan Anggun Maju yang akan menyediakan kursus dan latihan kepada 1,000 orang usahawan wanita yang terdiri daripada penerima bantuan Anggun Usaha dan juga Anggun Niaga. Dengan

latihan dan kursus ini, ianya akan lebih memberi peluang kepada mereka untuk mengembang dan mengukuhkan perniagaan mereka.

Yang ketiganya adalah Pusat Pengembangan Keusahawanan Wanita Pahang. Bagi permulaan pada tahun ini, empat Pusat Pengembangan Keusahawanan Wanita Pahang di Kuantan, Bera, Temerloh dan Cameron Highlands sedang dibangunkan dengan masing-masing akan memberi keperluan kepada industri kraf dan pelancongan, industri jahitan dan industri makanan tradisional.

Selari dengan perkembangan positif penglibatan wanita Pahang dalam keusahawanan pada tahun hadapan keusahawanan, pada tahun hadapan, negeri Pahang memperuntukkan latihan dan pengukuhan peserta kursus untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan usahawan di peringkat pengembangan ini.

Yang keempat Program Anggun Suri. Program Anggun Suri bagi membantu mereka yang menghadapi kesukaran untuk berkahwin atas kos perkahwinan yang begitu tinggi terutamanya untuk mengadakan majlis resepsi dan mengeratkan hubungan di antara orang awam dan Kerajaan Negeri. Di samping itu, ianya akan membina kepercayaan dan keyakinan kepada golongan muda apabila majlis penting mereka diraikan.

Dan yang kelima adalah Usahawan Suri Rumah. Usahawan Suri Rumah adalah individu yang menjalankan perniagaan di rumah sebagai bentuk usaha sambilan atau sepenuh masa. Mereka berperanan sebagai pengurus rumahtangga sambil menguruskan perniagaan mereka sendiri. Aktiviti yang semakin popular dengan kemajuan teknologi dan kebolehan untuk menjalankan perniagaan dalam talian.

Usahawan Suri Rumah sering terlibat dalam pelbagai bidang seperti jualan atas talian, perkhidmatan katering, menjahit atau menghasilkan produk kreatif. Melalui peruntukan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pelbagai latihan insentif dalam bidang keusahawanan dan perniagaan *online* akan diberikan kepada suri rumah-suri rumah yang berminat.

Dan yang keenam, Program Pemerkasaan Kepimpinan Wanita Muda. Melahirkan pemimpin Wanita Muda adalah perkara yang perlu dititik beratkan oleh semua pihak. Golongan ini perlu dilahirkan bagi menghasilkan pewaris kepada kepimpinan negara. Pemerkasaan Kepimpinan Wanita Muda melibatkan beberapa elemen kunci untuk memupuk kemahiran dan keyakinan mereka dalam mengambil peranan sebagai pemimpin.

Antaranya ialah pendidikan dan pengembangan diri, penekanan kepada keupayaan diri, jaringan *mentorship*, kebebasan dalam berinovasi, kesaksamaan dan keboleh tadbiran, memahami diri dan menentukan matlamat. Program ini akan memberi inisiatif untuk memberi peluang, sokongan dan pembangunan kepada 200 orang wanita muda.

Dan yang ketujuh, Geran dan Aktiviti Tahunan. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Kerajaan Negeri yang sentiasa memberi sokongan terhadap aktiviti-aktiviti tahunan Wanita Pahang seperti Sambutan Hari Wanita, Majlis Meraikan Wanita Cina dan India dalam perayaan Deepavali dan Tahun Baru Cina. Menyediakan geran tahunan kepada MPWP dan MTSP serta kos penyelenggaraan Pahang Women's Centre. Bahkan pada tahun 2023 geran tahunan MPWP dan MTSP telah dinaikkan sebanyak RM150,000.00 setahun menjadikan geran tahunan sebanyak RM290,000.00 setahun bagi menjalankan program-program kemasyarakatan dan kebajikan.

Yang kelapan adalah Program Sambungan. Program Permata Makmur yang telah bermula pada tahun 2022 dan 2023 telah dimanfaatkan kira-kira 30,000 orang bayi kelahiran tahun 2022 dan 2023. Bagi menggalakkan lagi kelahiran tahun… kelahiran anak kebanggaan Pahang pada tahun hadapan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang meneruskan program ini pada tahun hadapan dengan penambahbaikan sebanyak RM300.00 juga bagi setiap kelahiran hidup tahun 2024 di mana ianya melibatkan perbelanjaan sebanyak RM7.5 juta.

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas keprihatinan yang amat bermakna kepada wanita Pahang, "Wanita Sejahtera Rakyat Makmur".

Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai penutup penggulungan saya, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan portfolio saya, EXCO iaitu EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai serta kakitangan Kerajaan yang terlibat dalam urusan Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini. Sebagai pemimpin yang dipilih oleh rakyat, setiap dari kita telah melalui dan telah mengutip pengalaman yang berharga sebagai Yang Berhormat dan kita juga seharusnya merasa bertuah kerana di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, negeri Pahang yang kita sayangi terus aman dan makmur.

Rasa bangga sebagai rakyat Pahang ini, sewajarnyalah kita terapkan di jiwa dan sematkan di hati setiap warga di negeri bertuah ini. Permata Makmur dan Kasih Makmur adalah cetusan dan diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah manifestasi Kerajaan Negeri-negeri agar setiap golongan lapisan masyarakat di negeri Pahang berbangga sebagai anak Pahang. Saya mohon menyokong.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB CIK LEONG YU MAN

Minta laluan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB CIK LEONG YU MAN

Yang berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin menyampaikan sokongan saya. Sebagai err… sebab dalam penggal ini di sidang Dewan hanya ada dua orang wakil wanita sahaja. Dengan ini, saya ingin menyampaikan sokongan saya kepada Yang Berhormat Guai, sebab kita lihat daripada penggulungan Yang Berhormat Guai memang banyak usaha, inisiatif Kerajaan Negeri untuk memperkasakan wanita dan kita berharap bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kita turut bersama menghargai, mengiktiraf peranan wanita,

sumbangan wanita dalam pembangunan masyarakat. Sebab untuk memperkasakan wanita bukan peranan Yang Berhormat Guai ataupun wanita, perwakilan wanita sahaja tapi semua memainkan peranan. Terima kasih.

YB DATO' SABARIAH BINTI SAIDAN

Terima kasih Yang Berhormat Triang. Saya sangat menghargai.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kerajaan Negeri. Seterusnya saya menjemput EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya saya… dapat bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain err… diberi peluang mengambil bahagian membawa suara rakyat dan amanah Kerajaan Negeri di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Seterusnya Patik menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang yang juga merupakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Tuanku berperanan sebagai penyemak dan pengimbang dalam demokrasi pemerintahan negara. Walaupun negeri ini, walaupun negeri… bagi memastikan kemakmuran dan kestabilan negara tanpa mengira sempadan bangsa. Malah, Raja dan rakyat ibarat seperti "pohon dan akar" yang tidak boleh dipisahkan sama sekali. Di mana pohon memayungi rakyat dengan cara memimpin, melindungi dan menjaga kebajikan dalam apa jua keadaan sekalipun, manakala akar adalah tunjang yang mengukuhkan institusi Raja.
Tuan Yang di-Pertua,

Di Dewan ini, saya juga merakam ucapan taniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang telah membentangkan Belanjawan untuk kali ke-6 di Dewan yang mulia ini di mana 5 kali pembentangan dalam Penggal yang Ke-14 dan ditambah satu lagi pembentangan Belanjawan 2024 pada hari Isnin yang lepas bagi Penggal Ke-15 yang bertemakan "Pahang Prihatin, Rakyat Makmur".

Dalam tempoh masa 5 tahun tersebut, terutama selepas PRU-14, saya percaya sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih berada di Dewan yang mulia ini sama-sama merasai pelbagai cabaran di samping dapat menyaksikan warna-warni politik tanah air sama ada di peringkat Kerajaan Pusat, begitu juga di negeri Pahang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Di antaranya bila mana berlaku perubahan badai dan gelombang politik yang ada kalanya menghadapi gelombang yang cukup tinggi, analoginya ibarat kapal di pelayaran, ketika ribut datang membadai, ketika itulah ada di antara anak-anak kapal yang melompat keluar kerana dibimbangi kapal dinaikinya terus karam di lautan.

Kemudian disusuli pula dengan pendemik COVID-19. Semua rakyat di dunia termasuklah kita di Malaysia, di negeri Pahang ini menerima satu pengalaman pahit yang tidak pernah terfikir sebelum ini. Semuanya akan tercatat dalam sejarah untuk anak cucu, pewaris akan datang. Walau bagaimanapun, alhamdullilah, pandemik COVID-19 kian menghilang dan badai politik kembali reda sama ada di pusat mahupun negeri. Politik ini dinamik, malahan Kerajaan Perpaduan Madani semakin kukuh di pusat bila mana sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semakin bertambah dan mungkin bertambah lagi.

Manakala angin mengatakan empat Wakil Rakyat Barisan Nasional Negeri Pahang akan melompat menyeberang pun sudah senyap. Alhamdullilah.

Tuan Yang di-Pertua…

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Minta komen sikit, baru ni ada satu kajian dibuat terhadap prestasi oleh Merdeka Center dan hasil dapatan ialah hanya 26% rakyat yang berpuas hati kepada kepimpinan Perdana Menteri. Ini kajian, *survey*, 1400 orang peserta, apa komen.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih Cheka. Dia *survey* sikit, berapa? Berapa ribu Dato' Sri?

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

1,400 responden.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

1,400. Rakyat kita ada 30 juta lebih. Okey. [berdehem] Walau bagaimanapun, berbagai cabaran dan rintangan dirempuhi dan diharungi. Alhamdulillah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar tetap tabah, tenang, tekun meneraju negeri ini dengan cemerlang secara konsisten semenjak mengetuai Kerajaan Negeri pada Mei 2018 sehinggalah ke hari ini. Dalam tempoh 5 tahun lebih ini, ratusan ribu rakyat negeri Pahang menerima manfaat pelbagai bantuan secara langsung. Manakala rakyat selebihnya dapat manfaat secara tidak langsung termasuklah agenda-agenda pembangunan yang merangkumi aspek-aspek sosioekonomi yang menyeluruh serta seimbang untuk negeri Pahang.

Antara pencapaian cemerlang ialah prestasi kutipan negeri yang sentiasa meningkat setiap tahun bermula dari 2018 hinggalah ke 2023. Walaupun pada ketika itu, pada tahun 2018-2019, negeri Pahang adalah negeri pembangkang di peringkat pusat, namun kutipan hasil tetap meningkat. 2020-2021, pandemik COVID-19 menyerangi manusia di seluruh dunia termasuk negeri Pahang.

Namun kutipan hasil tetap meningkat. 2022, pasca pandemik COVID-19, kutipan hasil terus meningkat malah mencapai ke angka 1 bilion lebih. Begitu juga pada tahun 2023 rekod kutipan hasil terus meningkat dan mengekalkan angka 1 bilion lebih. Kemudian hutang yang semakin berkurangan dan terus berkurang. Pelaburan luar sentiasa yakin datang melabur ke negeri Pahang. KDNK terus meningkat, keadaan pelancong semakin

bertambah sehinggakan jumlah penginapan hotel di negeri Pahang adalah tertinggi berbanding di negeri-negeri lain di Malaysia.

Projek-projek mega seperti cadangan lapangan terbang, ECER dan pelabuhan berjalan seperti yang dirancang. Pembangunan seimbang mewujudkan Pahang Barat Plus. Program-program bantuan prihatin Pahang terus meningkat dan lain-lain bantuan lagi. Alhamdulillah.

Tuan Yang di-Pertua,

Ternyata tema Belanjawan 2024. Yang Amat Berhormat Menteri Besar ungkapkan sebagai Pahang Prihatin, Rakyat Sejahtera menghamparkan tekad dan kesungguhan Kerajaan Negeri Pahang dalam memaknai sebuah cetusan murni bagi mengangkat darjat harakat ekonomi negeri dan rakyat bertunjangkan kepada lima strategi belanjawan dengan peruntukan RM1.125 bilion perbelanjaan mengurus dan RM301.29 juta perbelanjaan pembangunan dengan sasaran kutipan hasil sebanyak RM1.13 juta… RM1.137 bilion dengan peningkatan sebanyak lima peratus berbanding tahun 2023.

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih, saya zahirkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas peringkat dasar bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2024 yang turut menyentuh portfolio saya mencakupi hal-hal FELDA, Koperasi dan Usahawan. Saya hargai pandangan dan izinkan saya memberi penjelasan berhubung soalan-soalan tambahan yang telah diajukan sepanjang perbahasan dua hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

Seramai empat orang Yang Berhormat menyentuh soal FELDA. *Sorry*, tiga orang Yang Berhormat menyentuh soal FELDA. Di antaranya ialah Yang Berhormat Cheka, Pelangai dan Kemayan. Yang Berhormat Cheka menyentuh soal isu yang masih belum mendapat kelulusan bekalan air dan elektrik bagi rumah generasi kedua FELDA yang telah dibina di atas lot pertama. Seperti mana yang saya tegaskan dalam Sidang Dewan sebelum ini, kendati pun kerajaan perlu meluaskan asas dua rumah satu lot bagi menangani isu perumahan anak-anak peneroka FELDA ini tidak akan sama sekali menggadai syarat-syarat melibatkan pengurangan tanah yang ditetapkan.

Namun begitu, kerajaan mengambil pendekatan yang progresif melalui rundingan bersama FELDA dan bersetuju memberi kebenaran penyambungan pemasangan elektrik dan air di rumah kedua dalam lot rumah peneroka dilanjutkan sehingga 31 Disember 2023 berdasarkan syarat-syarat seperti berikut.

Yang pertamanya, binaan rumah adalah dalam kawasan lot rumah yang telah diperuntukkan kepada peneroka. Keduanya, binaan oleh waris kepada lot. Binaan kepada waris…binaan oleh waris kepada pemilik lot. Yang ketiganya, binaan rumah telah siap sepenuhnya sebelum 31 Disember 2023. Keempat, binaan rumah bukan tujuan sewaan dan, yang kelimanya kos-kos penyambungan meter tambahan ini dan kos berkaitan adalah tanggungan oleh pemohon iaitu waris tersebut.

Yang Berhormat Kemayan pula telah membangkitkan soal penternakan lembu di bawah Program Pembangunan Peneroka di FELDA Sebertak bernilai RM6 juta ditangguhkan selepas PRU yang ke-15. Di sini saya telah mendapat penjelasan lanjut daripada Pihak FELDA berhubung projek tersebut dan penemuannya adalah pihak Ibu Pejabat FELDA

membuat keputusan untuk menangguhkan sementara projek tersebut bagi pelaksanaan kajian kebolehlaksanaan dan usaha wajar.

Saya juga ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Pelangai atas pandangan yang telah dikemukakan pada perbahasan hari pertama berkaitan dengan…berkaitan cadangan mewujudkan satu penyelarasan dan garis panduan yang boleh digunapakai kepada semua rancangan FELDA yang terlibat seperti isu CAC, pinjaman dan juga infrastruktur untuk dibangunkan di bawah Skim Tanah Rakyat.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Yang di-Pertua, boleh mencelah?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB DATO' AMIZAR BIN ABU ADAM

Dengan izin, terima kasih Yang di-Pertua. Terima Kasih Yang Berhormat EXCO FELDA. ADUN Pelangai, ingin mencelah sedikit. Bahawasanya kita dimaklumkan bahawasanya sehingga 31 Disember iaitu Rumah Generasi ataupun anak FELDA dibuat di tanah lot FELDA. Namun adakah sampai 31 Disember itu, dipersetujui sehingga ke hari ini ataupun perlukan ditambahkan lagi sebab memandangkan generasi FELDA ni bukanlah hidup sampai Disember ni je. Ramai lagi anak-anak yang nak balik yang ingin membantu ataupun menolong ataupun membuka lagi ruang rumah tu. Minta pandangan daripada Yang Berhormat EXCO. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya… saya nak… Cheka… Cheka. Saya nak respons benda yang sama. Saya ingat boleh jawab sekali gus. Salah satu syarat tadi saya ingat keseluruhan syarat tu saya rasa okey. Kita boleh terima tanah atau lot. Waris pada lot, tuan punya lot cuma siap sepenuhnya sebelum 31 Disember. Saya fikir kalau boleh dipertimbangkan syarat ketiga ni sebab kadang-kadang maklumlah kita… saya akui isunya GSA saya faham tapi isu besar kita ialah kalau sekiranya perlu siap, kalau dia siap tiba-tiba katalah sampai 18 haribulan Januari, dah tak boleh masuk elektrik, tak boleh masuk air. Jadi kalau boleh dipertimbangkan syarat ketiga itu dilonggarkan sedikit bagi mereka yang sedang membina rumah sebab kita tau anak-anak peneroka bukan ada duit sangat nak siapkan dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Mohon mencelah ya. Berkaitan. Saya pun membangkitkan benda yang sama semalam. Satu isunya adalah untuk masuk elektrik sehingga 31 Disember dibenarkan tapi untuk masuk air, pihak PAIP minta kebenaran daripada pejabat tanah. *So,* itu menjadi satu masalah dan jadi satu birokrasilah kepada generasi kedua FELDA yang telah membina rumah. Yang kedua, saya sokong apa yang Pelangai sebutkan tadi. Selepas 31 Disember 2023 ini, tetap ada generasi kedua yang memerlukan tempat untuk membina rumah dan adakah dengan menukar sekatan di dalam hak milik untuk membenarkan pihak generasi kedua atau waris membina dua ataupun tiga rumah lagi di dalam kawasan hak milik tersebut adalah menjadi satu menggadaikan yang dimaksudkan oleh wakil kerajaan tadi.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih kepada Pelangai, Cheka dan juga Kemayan yang menunjukkan betapa yang… Yang Berhormat amat perhatian tentang kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negeri Pahang ini khususnya di kawasan-kawasan FELDA. Sebenarnya tempoh masa yang dibagi sehingga 31 Disember ini sebenarnya adalah rumah-rumah yang dibuat sebelum ini. Rumah-rumah yang dah siap tapi masih lagi belum dapat kebenaran kemasukan api dan air. Er… bukannya rumah baru nak bina, rumah yang dah dibina, dah siap ataupun hampir-hampir nak siap mungkin dah dijangka boleh siap sebelum bulan Disember ini.

Untuk makluman sidang Dewan, rumah… dua rumah satu lot ni terpaksa sebelum ini ditangguhkan dulu sebab ada terima pihak FELDA telah menerima teguran daripada pihak Audit kerana dalam syarat nyata tanah lot tersebut hanya satu lot sahaja. Jadi bila mana buat dua lot itulah mendapat teguran daripada pihak Audit Negara. Jadi walau bagaimanapun, pihak FELDA sekarang ni dalam juga usaha. Saya dimaklumkan dah beberapa kali dibuat bengkel bagaimana untuk mengatasi masalah ini untuk jangka panjang ini jadi untuk jangka pendeknya ini dulu kita cuba selesai dulu mana-mana rumah yang kita bagi kebenaran dulu mana-mana rumah yang dah siap tapi tak dapat bekalan air untuk jangka panjangnya insya-Allah FELDA akan mencari *solution*nya nanti insya-Allah. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya teruskan lagi penggulungan saya.

Er… Yang Berhormat Chini, juga ada menyentuh soal bilakah permohonan skim Pembiayaan Usahawan Mikro Negeri Pahang atau lebih dikenali sebagai skim i-PUSH dibuka kembali. Di sini sukacita saya maklumkan bahawa tarikh pendaftaran permohonan bagi skim i-PUSH fasa ketiga akan dibuka mulai 1 Januari 2024 hingga 31 Januari 2024. Jadi, untuk maklumat kepada semua ahli Yang Berhormat, bolehlah uar-uarkan tempoh pemohonan dibuka untuk satu bulan. Ia bertujuan memastikan mereka layak atau masih tiada dalam pengkalan data Kerajaan Negeri dapat kemukakan permohonan masing-masing.

Seperti yang sedia maklum, Skim i-PUSH merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pahang yang diteruskan lagi pada tahun hadapan dengan peruntukan tambahan yang berjumlah RM5 juta yang diumumkan oleh… dalam belanjawan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Secara keseluruhannya, Skim i-PUSH yang dilaksanakan pada tahun 2022 hingga 2023 ini melibatkan dua fasa telah dapat dimanfaatkan lebih daripada 2,300 penerima usahawan mikro yang terjejas ekoran cengkaman wabak COVID-19 yang mengesankan tidak hanya aspek kesihatan tetapi hampir seluruh sendi kekuatan negara dan sistem masyarakat.

Bagi mengurangkan beban pemohon-pemohon, bayaran balik pembiayaan tanpa faedah turut diperkenalkan dalam skim i-PUSH iaitu 5 tahun tempoh pembiayaan termasuk 1 tahun moratorium… moratorium yang diberikan. Maknanya dalam tempoh setahun *free* bukan *free* maknanya tak perlu bayar balik, masuk tahun kedua baru boleh, barulah si pemohon ni ataupun peminjam ni membuat pembayaran. Dan jumlah pembayaran disalurkan di setiap permohon yang berjaya adalah di antara RM3,000.00 hingga RM10,000.00 berdasarkan syarat-syarat kelayakan dan tertakluk kepada keputusan jawatankuasa panel penemuduga skim i-PUSH yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.

Menerusi skim i-PUSH ini juga Kerajaan Negeri telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan Bank Muamalat Malaysia Berhad sebagai bank pelaksana dan percaya bantuan pembayaran ini dapat dicapai kepada kumpulan sasar yang lebih meluas melalui kerjasama strategik yang telah dijalinkan ini. Pemohon boleh merujuk panduan permohonan skim i-PUSH yang dimuat naik ke portal rasmi kerajaan melalui pautan

smu.pahang.gov.my bagi mendapat maklumat lanjut. Jadi, bolehlah melayari portal rasmi Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memperkasakan kestabilan dan keutuhan usahawan Pahang melalui perancangan bersasar bagi memastikan usahawan Pahang berada di tahap yang lebih selesa dan terjamin melalui kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Berdasarkan rekod keseluruhan pendaftaran peniagaan yang dicatatkan sehingga 31 Oktober 2023, sebanyak 112,410 peniagaan yang terdiri daripada pemilikan tunggal dan perkongsian, 99,886, Syarikat Sdn. Bhd dan 12,139 dan perkongsian liabiliti berhad atau pun PLT 385 semuanya adalah berstatus aktif.

Sebanyak 64.54% daripada 112,410 jumlah keseluruhan perniagaan merupakan pemilikan Bumiputera dan ini menunjukkan data yang signifikan bagi Kerajaan Negeri memperuntukan sejumlah 24.43 juta bagi merancanakan program-program bantuan dan inisiatif khusus untuk usahawan di negeri Pahang. Dengan peruntukan sedemikian, saya kira ianya mencakupi pelbagai aspek usahawan dari sudut pengukuhan kewangan, keupayaan dan ketersediaan cabaran mendatang dan keterjaminan daya saing pasaran, tempatan mahupun antarabangsa.

Peruntukan keseluruhan 24.43 juta dicerakinkan mengikut sektor dan kluster usaha di mana industri asas tani boleh memanfaatkan sebanyak 16.06 juta termasuk kemudahan pembiayaan di bawah inisiatif dana pusingan persijilan bagi membantu para pengusaha mendapatkan persijilan makanan selamat tanggungjawab industri, MeSTI dan persediaan halal melalui Jawatankuasa Bank Pertanian Malaysia Berhad ataupun Agrobank. Bukan itu sahaja RM7.55 juta peruntukan khusus pembangunan usahawan yang turut melibatkan kemudahan pembiayaan melalui insentif Skim i-PUSH, memperkaskan sistem usahawan, menyertai program dan pameran perdagangan antarabangsa dan mengadakan khusus bimbingan usahawan berkaitan digital.

Skop usahawan turut memfokuskan kepada golongan wanita, selaku tonggak keluarga di mana sebanyak RM820,000.00 diperuntukkan bagi bimbingan dan latihan termasuklah pelaksanaan program sebagai contohnya pembiayaan Anggun Maju, Seperti yang di dalam penggulungan EXCO daripada Guai tadi. Setelah ini membuktikan Kerajaan Negeri Pahang sangat prihatin terhadap golongan wanita dari dulu, kini dan selamanya.

Tuan Yang di-Pertua,

Belanjawan ini merupakan satu pernyataan iktizam Kerajaan Negeri bagi membangunkan ekonomi dalam bandar yang serba mencabar. Kerajaan terbuka mendengar pandangan dan kritikan dari segenap pihak namun tidak bermakna sewenangnya bebas melempar fitnah. Justru saya mengajak semua agar kita kembali kepada politik yang membina, memumpuk semangat, segulai sejalai, membangunkan negeri kita, sama-sama menggembeling seluruh niat dan kudrat bagi membantu Yang Amat Berhormat Menteri Besar, menjayakan belanjawan di 24 yang bertemakan Pahang Prihatin, Rakyat Makmur.

Di kesempatan ini juga saya memohon maaf jika terdapat soalan tambahan yang tidak dijawab hari ini, akan saya jawab secara bertulis, saya juga ingin mengucap terima kasih kepada semua pegawai kerajaan yang terlibat dalam urusan persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini. Sekali lagi, saya merakam ucapan penghargaan dan terima kasih atas pandangan dan input-input yang dikongsi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Saya yakin kita semua di sini mahukan yang terbaik.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang di-Petua…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Yang di-Pertua,

Saya nak bertanya mengenai respons kepada Usul yang saya bawa semalam berkenaan dengan rumah generasi ke-2 yang dikenali sebagai Rumah Pahang. Nampaknya Yang Berhormat tak ada bagi tahu apa-apa. Terima kasih.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Terima kasih daripada Kuala Sentul.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ MD ZAIN

Mohon laluan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Chini.

YB TUAN MOHD SHARIM BIN HJ MD ZAIN

Saya pun hendak ambil ruang juga kerana YB tadi bentang tidak juga sebut apa yang saya bangkit dalam perbahasan saya tentang kos… isu di kawasan FELDA berkaitan tentang ternakan lembu berkeliaran. Saya kira perkara ini sudah lama. Ianya seperti isu dadah juga. Saya kira FELDA ini, di Pahang ada 115 FELDA dan melibatkan 3 wilayah dan ratanya di kawasan-kawasan FELDA, memang lembu ternakan ini berkeliaran tanpa kawalan terutama di jalan-jalan besar. Terutamanya di kawasan Chini ini antara kawasan yang ternakannya melebihi 6,000 ekor. Kalau data yang ada di Veterinar Daerah, Chini ada 114 penternak dan melibatkan 4,000 ternakan. Itu yang berdaftar, yang tak berdaftar memang lagi... lagi banyak. Apa yang saya ingin bangkitkan.

Di Chini ini, dia ada satu masa bila kemalangan dalam seminggu tu 3, 4 kali. Maknanya, tiap-tiap malam ada kemalangan dan selalunya, masyarakat kita ini orang muda akan bangkitkan kata seperti saya sebut dalam perbahasan saya lembu buat masalah, YB kena kecam. Jadi saya minta juga perhatian agar isu ini pihak daripada pihak FELDA terutamanya dapat… macam mana untuk dapatkan kawal selia, data maklumat penternak peneroka dan juga generasi baru yang menternak ni untuk didaftarkan di bawah Veterinar memudahkan apabila berlaku kemalangan, apabila *report* itu lembu yang apa yang terlibat kemalangan ini ada *tagging, tag* nombor penternak jadi memudahkan pihak Veterinar dapat mengambil tindakan. Okey itu saja.

YB TUAN SHARIL AZMAN BIN ABD HALIM

Satu lagi mencelah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB TUAN SHARIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih Dato' Sri Speaker ya. Oleh kerana saya pun anak peneroka jadi minat juga buat peneroka ini. Saya nak tanya dua perkara. Yang pertama, dua hari lepas saya bangkitkan tentang isu *D-Mart* yang nak ditutup dan mungkin melepaskan saham dia waktu itu, tak ada jawapan, manalah tahu lepas dua hari ini ada jawapan. Yang kedua berhubung dengan rungutan peneroka yang ketika ini boleh dikatakan rakyat bukan sahaja peneroka tapi kita dalam keadaan pertahanan ekonomi, barang naik dan sebagainya.

Jadi peneroka yang serah kepada FELDA dia berdepan dengan potongan yang sangat banyak. Jadi adakah ada satu perancangan dalam keadaan suasana ekonomi yang tak berapa cantik ini, saya… FELDA nak mungkin separuh potongan itu menyebabkan dia ada adalah sikit belanja. Sebab sekarang peneroka kata RM4,000.00 ribu hasil dia bila dihantar potong-potong jadi RM1300.00. Jadi dia…dia orang kata nak makan apa RM1300.00 ini. Ada...adakah ada usaha daripada pihak yang berwajib ini untuk membantu mereka? Terima kasih.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Speaker, mohon?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Silakan Kemayan.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Saya rasa pihak Jengka ini kena betul-betulah. Jangan main agak-agak sebab saya pun er... anak peneroka. Saya tak fikir di Wilayah Mempaga, saya tak tahu di Wilayah Jengka, kalau di Wilayah Mempaga tak ada potong sampai RM3,000.00 itu. *So*, saya minta supaya dalam Dewan ini pihak Jengka dapatkan maklumat yang sebenar. Setakat ini, kalau saya tunjuk slip saya punya pun tak sampai RM3,000.00 dan saya rasa minta pihak Jengka bagi contoh dan juga perkara yang benarlah ya.

YB DATO' SRI TUAN HAJI IBHARIM BIN TUAN MAN

Minta maaflah, banyak pula soalan tentang FELDA. Bagus juga sekurang-kurangnya ceria petang ini. Saya nak bangkitkan isu had penghantaran ke kilang. FELDA menghadkan sebanyak 15 tan sahaja. Saya berkunjung ke beberapa FELDA, termasuk FELDA Selancar hasilnya sangat tinggi, kadang sampai 18 tan, 20 tan dan pernah sampai 21 tan.

Saya rasa ini satu pencapaian yang sangat bagus. Cuma bila dihadkan 15 tan sahaja. Jadi kepada mereka masalah sebab kalau dihasilkan 18 tan, dia terpaksa hantar 15 tan sebab dia *limit*kan oleh pihak FELDA. Saya fikir ini merugikan pihak FELDA kalau kita hadkan sebut mungkin faktor kilang untuk proses. Tapi saya fikir kalau dipertimbangkan supaya tidak ada had penghantaran ke kilang yang dapat dilaksanakan. Terima kasih.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Speaker, bukan nak *back up* Wakil Kerajaan, tapi had 20 tan itu kalau bagi 10 ekar, ratio dia itu di bawah FGV memadai dan biasanya maksimum 15 hingga 16 tan. Melainkan ada peneroka yang menggunakan tanah rizab, maknanya tanamannya melebihi 10 ekar. Mungkin nanti Cheka boleh... boleh semak betul-betul. Sebab yang melebihi biasanya peneroka akan ada tanah rizab lain yang dibangunkan dana masuk dalam akaun FELDA dan *grade* yang diberikan oleh FGV kepada peneroka adalah grade lain, *grade* yang lebih tinggi nilai perahan dan sebagainya mungkin Jenderak yang biasa dalam FGV boleh lebih mengetahui tapi memang harga yang untuk peneroka berbeza dengan harga yang ladang FGV sendiri beri pada pihak kilang FGV.

YB. DATO' SRI TUAN HAJI IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya ingat begitulah sepatutnya EXCO jawab. Tak payahlah orang lain jawab ataupun [tak jelas] nak tukar EXCO pula.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Ah... ah bukan masalah tapi saya rasa nak jawab.

YB DATO' SRI TUAN HAJI IBHARIM BIN TUAN MAN

Jawapannya kita perlu tanya EXCO.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kemayan... Kemayan duduk.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Perkara yang benar.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kemayan… Kemayan duduk. Minta duduk semua.

YB TUAN KHAIZULNIZAM BIN MOHAMAD ZULDIN

Sepatutnya benar. Saya pun. Maknanya Cheka…

YB DATO' SRI TUAN HAJI IBHARIM BIN TUAN MAN

Betul, saya setuju tapi yang patut jawabnya EXCO bukan kita ADUN-ADUN yang jawab.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Dato' Sri… Dato' Sri.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Minta duduk semua, saya jemput Cheka. Cheka teruskan.

YB DATO' SRI TUAN HAJI IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya jawab sebut tadi kerana tanah ini tanah peneroka. Kalau tanah tu melibatkan tanah *reserve* yang dia ambil itu, saya rasa saya faham situasi itu. Sebab saya pun jadi ADUN Jengka dulu lama dengan peneroka FELDA dan saya tahu. Isu yang tersebut adalah tanah peneroka FELDA. Tapi hasilnya sangat bagus. Dan kita tak nafikan ada setengah FELDA itu memang hasilnya sangat bagus. 18 tan, sampai pernah 21 tan tanah. Dan itu… yang itu yang diadu, mereka tunjuk resit kepada saya. kalau saya rasa sekian dapat ditimbang itu terbaik untuk FELDA ya. Terima kasih.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Seingat saya dia minta bukti tadi, sikit ya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ah... sila.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Dengan saya ini ada saya *payslip* potongan. 14 potongan. Jadi, potongan kepada peneroka ini sampai RM2,296.00. Jadi pendapatan bersih tinggal RM1,583.74. Ada. Itu sahajalah.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Ya, terima kasih. Ramai yang minat ya, ramai. Saya jawab dulu yang Jengka itu. Yang D-Mart ini saya pun dah maklumkan pada hari Isnin. Bahawa pandangan itu baru peringkat kajian. Belum lagi ada keputusan daripada pihak FELDA. Dan bila tak ada keputusan saya tak boleh nak bagi jawapan yang lebih lanjut, itu sahaja boleh cakap.

Kemudian berkenaan dengan rungutan, potongan. Saya ingat Jengka *whatsapp* sayalah. Boleh saya siasat? Boleh saya tanya nanti dengan pihak FELDA. Berkenaan dengan Cheka yang tanya had hantaran ke kilang, 15 tan. Saya percaya pihak FELDA pun dah setiap jumlah yang dihadkan tu mungkin dah dia dibuat kajian tapi saya percaya kalau dia lebih pun 15 tan ini saya rasa itu mungkin lah ada kes-kes tertentu lah. Tapi bukannya setiap bulan. Bukan setiap bulan sebab kita tahu sawit ini musim. Musim buahnya bagus, ada musim melawas.

Jadi dan saya juga bersetuju dengan yang diperkatakan oleh Kemayan tadi saya pun mendapat aduan bahawa adalah segelintir peneroka-peneroka ni buahnya hantar hilang banyak. Tapi sebenarnya dia juga ada menanam di kawasan-kawasan di luar kawasan tanah rancangan mana kawasan tanah-tanah pinggir, makna senang kata secara... secara tak sahlah. Jadi itu menyebabkan kadang-kadang tu jumlah tannya yang lebih. Tapi walau bagaimanapun tak apalah hari ni esok er... saya akan sekiranya ada kes-kes beginilah boleh maklumkan terus kepada saya. Pasal... pasal lembu tadi ya Chini? Pasal lembu ni saya minta nanti jabatan berkaitan lah Jabatan Veterinar ambil perhatianlah kawasan khasnya di kawasan Chini ni. Jadi saya teruskan Yang di-Pertua.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Soalan saya belum dijawab [ketawa].

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Kuala Sentul berkenaan dengan rumah. Okey, saya minta maaf nanti saya akan bagi jawapan bertulis sebab dia rumah ni dia di bawah sebenarnya di bawah portfolio Perumahan nanti, saya akan dapatkan jawapan yang bertulis walaupun dia buat di kawasan FELDA. Tapi di bawah portfolio perumahan. Insya-Allah akan dijawab secara bertulis.

YB DATO' JASRI BIN JAMALUDIN

Terima kasih.

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Tuan Yang di-Pertua,

Saya sambung balik. Saya yakin yang kita semua di sini mahukan yang terbaik buat negeri. Dan di atas kesedaran inilah kita cuba merungkai permasalahan ekonomi, pembangunan dan kebajikan rakyat dengan sebaiknya melalui Belanjawan 2024. Jadi mengakhiri penggulungan saya ini, saya mohon menyokong usul Rang Undang-Undang Perbekalan 2024 dicadangkan… yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sekian Wabillahi taufik wal hidayah Assalamualaikum WBT. Terima kasih. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil Kerajaan Negeri. Seterusnya, saya menjemput EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang.

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT selamat petang dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Usul belanjawan yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang pada Isnin yang lepas. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana telah berjaya membentangkan Belanjawan Negeri Pahang 2024 yang bertemakan Pahang Prihatin Rakyat Makmur.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perangkaan Malaysia pada laporan Keluaran Dalam Negara Kasar KDNK pada tahun 2022 telah meletakkan Pahang di kedudukan ketiga terbaik Pertumbuhan Ekonomi Nasional dengan 10.8% mengatasi kadar pertumbuhan KDNK Nasional pada 8.7% dan sehingga 28 November 2023, Negeri Pahang telah mengumpul pelaburan berjumlah RM16.441 bilion dan statistik-statistik ini telah menunjukkan dengan jelas bahawa keyakinan para pelabur-pelabur terhadap potensi-potensi serta kestabilan yang ada dalam Kerajaan Negeri Pahang kita.

Pengiktirafan Daerah Cameron Highlands baru-baru ini sebagai antara 51 tempat yang paling cantik di dunia adalah satu pengiktirafan yang sangat membanggakan negeri Pahang.

Pengurangan hutang kerajaan negeri daripada RM3.2 bilion kepada RM983.49 juta sehingga 30 November 2023 iaitu pengurangan sebanyak 69.59% hutang kerajaan negeri pada keseluruhannya sepanjang tempoh lima tahun kebelakangan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang tidak pernah melupakan jasa dan komitmen penjawat-penjawat awam negeri Pahang dalam memastikan agenda pembangunan negeri dan masyarakat ini dapat dicapai. Sebagai penghargaan dan sanjungan tinggi kepada kakitangan awam. Yang sentiasa mendukung aspirasi serta agenda kemajuan negeri Pahang.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah memberikan bantuan khas kewangan bonus sebanyak satu setengah bulan gaji kepada setiap penjawat awam di bawah pentadbiran kerajaan negeri yang melibatkan sebanyak RM39.6 juta bagi tahun 2024.

Saya di sini ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada pemimpin yang dikasihi ini. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail kerana Kerajaan Negeri Pahang telah berjaya mencatatkan kutipan hasil pendapatan sebanyak RM1.164 bilion setakat 3 Disember 2023 dengan itu dengan melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak RM1.083 billion.

Dengan kestabilan politik dan Kerajaan Negeri Pahang dan kejayaan negeri Pahang ini memperolehi pendapatan melebihi RM1 bilion ini telah menyaksikan usaha untuk menjaga kebajikan rakyat dapat dipertingkatkan dan diperluaskan lagi secara bersasar oleh Kerajaan Negeri Pahang. Kerajaan Negeri Pahang telah mewujudkan...

YB DATO' SRI TUAN HAJI IBHARIM BIN TUAN MAN

Er... Tuan Speaker. Nak ucap tahniah sikit. Tahniah kerana menjelaskan tentang kita berjaya, Pahang berjaya menghapuskan hutang yang besar. Cuma Dewan perlu dimaklumlah penghapusan sebanyak RM2.074 bilion hutang bekalan air itu berlaku waktu saya jadi Menteri Alam Sekitar dan Air. Dan saya telah pun bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada waktu itu kita selesai perjanjian bekalan air yang tertangguh tujuh tahun. Dengan ini, saya fikir RM2.7 bilion hutang luar bandar bekalan air bandar itu kita berjaya selesaikan. Jad, alhamdulillah ni nak kongsi kegembiraan bersama untuk Kerajaan Negeri tak ada masalah.

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Ya lah antara usaha-usaha itu antara usaha-usaha yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ya… yang bersama dengan Kerajaan Persekutuan pada waktu itu dan Menteri Kewangan pada waktu itu dan er... saya terus ya boleh ada lagi soalan? Ada *mileage* sikit la. Tapi kena tengok juga Perdana Menteri dan Menteri dia ya.

Untuk makluman sidang Dewan dengan kestabilan politik dan pendapatan Kerajaan Negeri Pahang yang lebih daripada RM1 bilion ini kita dapat lihatlah bagai... berbagai-bagai kebajikan rakyat dapat dipertingkatkan dan diperluaskan lagi secara bersasar oleh Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Pahang juga telah berjaya mewujudkan Bantuan Prihatin Pahang sebanyak RM38.08 juta diperuntukkan bagi tahun 2024 menerusi pelbagai bentuk inisiatif yang diwujudkan yang melibatkan empat kluster utama iaitu Kluster Pelajar Anak Muda, Kluster Golongan B40, Kluster Masyarakat Umum, Kluster Pemberian Aprisiasi.

Untuk makluman sidang Dewan, sepanjang saya berkhidmat sebagai Ahli Majlis Kerajaan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak pernah menolak setiap permohonan

bantuan dan sumbangan oleh rakyat negeri Pahang. Pelbagai bentuk bantuan telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada seluruh golongan sasar di negeri Pahang. Bermula dari bayi baru lahir, kanak-kanak, remaja, belia, warga emas. Seperti kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar, 'Tiada janji, lihatlah bukti'. Dan 'jika berbelanja, janganlah sampai boros dan jika berjimat janganlah sampai kedekut'.

Program Pahang Makmur yang merangkumi Pahang Pride Kid, Pahang Pride Student dan Pahang Pride Orang Asli, Pahang Pride Atlet, Pahang Pride Kasih dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Semua ini telah membuktikan bahawa setiap peningkatan hasil yang diterima oleh kerajaan sudah tentu akan dikembalikan semula kepada rakyat dan pembangunan negeri Pahang. Lebih banyak lagi perancangan-perancangan dan inisiatif-inisiatif akan dilaksanakan.

Sekiranya pendapatan hasil Kerajaan Negeri bertambah lagi pada masa akan datang, insya-Allah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Masuk penggal ni saya dah tiga penggal sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang dan dua penggal sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan saya telah melihat berbagai-bagai ragam dan corak dan warna yang berlaku selama tiga penggal sebagai Wakil Rakyat dan pada penggal yang lepas, kita dapat lihat bahawa kita ada zaman COVID-19, kita ada, kita ada Muafakat Nasional, dan akhirnya kita tak jadi Muafakat Nasional, tuning… tunang dengan orang lain, kahwin dengan orang lain.
Maknanya, PRU yang lepas ke peringkat ini, kita kahwin dengan orang lain pula. Tapi yang pentingnya, kita dapat melihat bahawa, sebagaimana rakan saya kata, dari Muadzam Shah, banyak perkara yang telah dicapai oleh Kerajaan Negeri Pahang kita.

Dan berbagai-bagai inisiatif-inisiatif kebajikan, yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat. Dan seterusnya memban… menjadikan negeri Pahang kita negeri yang makmur dan cemerlang. Dan antara negeri yang terbaik iaitu mencapai capaian hasil pendapatan RM1 bilion. Bukan semua dapat ya. Antara negeri seperti Johor dan juga Selangor, kita pun mencapai RM1 bilion daripada kutipan hasil.

Ini satu perkara yang sangat membanggakan. Dulu RM600 juta, RM700 juta, RM800 juta. Tapi akhirnya dua penggal yang lepas, kita telah mampu mencapai lebih daripada RM1 bilion dan menjadi kelab RM1 bilion. Inilah antara pencapaian-pencapaian dan kebajikan-kebajikan yang telah diwujudkan demi untuk rakyat negeri Pahang dan demi untuk negeri kita. Negeri yang macam mana lagi kita nak, supaya kita menjaga negeri kita ini baik-baik, supaya nikmat kita akan ditambahkan lagi, pendapatan akan lebih bertambah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Rasa nak cepat sedikit lagi dan nikmat kita lebih bertambah dan kita harapkan dengan kita bersyukur dengan apa kita dapat hari ini, mudah-mudahan hasil pendapatan negeri kita akan lebih bertambah lagi pada masa akan datang. Bukan RM1.2 bilion, insya-Allah. Kalau Tuhan izinkan RM1.5 bilion dan seterusnya pada masa akan datang. Sila.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih, Bebar. Saya cuma nak minta pandangan Kerajaan sahaja. Memang, tahniahlah banyak pemberian-pemberian diberikan kepada masyarakat kita ni. Cuma masa COVID-19, ada satu kes saya nak kongsi sikit. Bila berlaku kekurangan makanan dan sebagainya, anak ini, anak dia tak bagi pun bantuan kepada ibu bapa dia.

Jiran-jiran pun tak bagi bantuan. Bila tanya kenapa? Kita tunggulah Kerajaan hantar bantuan. Jadi, soalan sekarang macam mana kerajaan boleh bantu mendidik rakyat ini supaya jiran bantu jiran, anak bantu ayah dan sebagainya. Saya bimbang, banyak ibu-ibu ini kang, pada keadaan begini saya rasa tak baguslah untuk masyarakat ya. Terima kasih.

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang satu, anak tu kena taat kepada ibu bapalah. Jangan menjadi anak yang derhaka. Yang keduanya, kita mesti mendidik ini bukan dari sega… dari segi untuk mencapaikan untuk memerintah Kerajaan je, kita juga mesti mendidik rakyat supaya lebih berhemah, lebih beradab sopan.

Terutama kepada ibu bapa, dan juga kepada masyarakat, supaya tidak mengadakan cerita-cerita yang tak betul, mewujudkan cerita-cerita yang boleh memecah belahkan masyarakat kita. Itu yang saya harapkan kita sama-sama perananlah. Memberi ceramah-ceramah yang elok-elok supaya dapat meningkatkan lagi sahsiah, dan diri dan juga apa peribadi rakyat dalam negeri Pahang ini.

Jadi, ini apa yang saya cerita tadi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, telah membuktikan bahawa kecekapan jentera Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam menguruskan belanjawan. Banyak pembangunan yang telah kita saksikan, banyak belanja yang telah kita berikan kepada rakyat.

Dan inilah negeri Pahang. "This is Pahang, Pahang1st," "Tiada janji dan lihat bukti". Angka tidak pernah berbohong, dan kita perhatikan baik-baik Kerajaan yang macam manakah lagi yang kita perlukan untuk masa akan datang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan tambahan 14, Yang Berhormat ADUN Cheka, keperluan menaik taraf serta pembinaan baru infrastruktur jalan dalam daerah-daerah Pahang, Wilayah Pahang Barat, Lipis, Jerantut, Raub, Bentong, Cameron Highlands amatlah dititikberatkan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Pembinaan dan naik taraf infrastruktur jalan ini amat penting untuk meningkatkan lagi jaringan perhubungan *accessibility* serta *mobility* laluan antara negeri daerah-daerah dalam negeri Pahang.

Bilangan projek infrastruktur jalan dan jambatan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah KKDW dan KKR, Kementerian Kerja Raya dalam negeri Pahang pada JKR yang masih yang masih dalam peringkat perancangan dan rekabentuk adalah berjumlah 23 projek. 15 projek melibatkan Wilayah Pahang Barat dengan anggaran nilai kos berjumlah RM864 juta.

Jadi kalau Yang Berhormat Cheka, kalau nak senarai itu, boleh, saya berilah, ya. Boleh ada senarai pada saya, terdapat 13 projek yang bernilai projek bernilai RM864 juta.

Manakala, bagi... Projek infrastruktur, jalan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah KKDW dan juga KKR dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua, dalam negeri Pahang kepada JKR dalam peringkat pembinaan, bilangan projek yang terlibat adalah sebanyak 41 projek.

27 bilangan projek adalah melibatkan wilayah Pahang Barat dengan anggaran nilai kos iaitu sebanyak RM3.078 bilion. Bagi menjawab soalan tambahan 37, Yang Berhormat ADUN Jengka, Untuk makluman YB, projek menaik taraf Jalan Persekutuan FT 1533 dari persimpangan Jengka 12 hingga Persimpangan Jengka 14, 24. Jalan Utama Jengka Utara/Barat, betul YB? Sila.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Er… daripada Rumpun Makmur, hingga Bandar Jengka, daripada TNB hingga Jengka 8.

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Dia kena sebut juga FT itu kadang-kadang, lupa sokmo [ketawa]. Jadi, jalan-jalan Utama Jengka Utara/Barat yang menghubungkan Bandar Jengka dan Kuala Krau, Pahang baru diluluskan oleh Pihak Kementerian Ekonomi kepada pihak Kementerian Kerja Raya di bawah RP4, RMK ke-12 dengan anggaran siling RM50 juta.

Dan pihak JKR Malaysia telah aturkan lawatan tapak Pada 28 November 2023, bagi meneliti serta menilai keperluan skop di tapak sebelum proses pelantikan kerja ukur dan penyiasatan tanah dilaksanakan. Skop kerja yang akan dilaksanakan adalah secara *localised* dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengikut keperluan paling kritikal dan siling yang diluluskan tersebut.

Jalan daripada TNB Jengka hingga ke Jengka 8, yang dimaksudkan ini adalah Jalan Persekutuan Utama Jengka-Jerantut (FT 083). Jalan ini merupakan jalan perhubungan utama dari Maran ke Jerantut dan bagi cadangan projek naik taraf Jalan Persekutuan FT 083 Jalan Utama Jengka Utara/Selatan dari Simpang Kampung Awah (FT 002) ke Simpang Jengka 8 (FT064) ini, ianya telah diangkat permohonan kepada pihak KKR dalam Rolling Plan 1 - 4 Rancangan Malaysia ke-12. Namun ia masih belum diluluskan oleh pihak Kementerian Ekonomi dan KKR. Yang Berhormat Luit dan Jengka boleh bagi surat untuk saya buat semakan balik.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Daripada bajet RM1.87 bilion dan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kementerian Kerja Raya untuk senggaraan jalan persekutuan tahun 2023, JKR Pahang telah menerima agihan sebanyak RM286 juta sahaja iaitu 51.41% daripada jumlah keperluan yang dipohon RM559 juta. Sebanyak RM238 juta senggaraan sedang dan telah dilaksanakan di seluruh negeri Pahang.

Antara isu kerosakan-kerosakan jalan kritikal di mana Kuantan yang telah dapat diselesaikan adalah yang pertamanya, kerja-kerja pembaikan *concrete pavement* di jalan masuk ke kawasan perindustrian Semambu, bawah *flyover* Semambu, siap pada 20… 16 Oktober 2023 dengan anggaran kos RM1.2 juta merujuk soalan 25, ADUN Pulau Manis.

Yang kedua, kerja-kerja pembaikan Jalan Pintasan Gebeng secara *mill and pave*, siap pada 31 Mei 2023 dengan anggaran kos RM1.6 juta.

Ketiga, kerja-kerja pembaikan Jalan Kuantan-Pelabuhan secara m*ill and pave* dengan anggaran kos RM1.1 juta dan kerja ini siap pada Julai 2023.

Dan keempat, kerja-kerja pembaikan di Jalan Jabor-Jerangau, secara m*ill and pave* dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dengan anggaran kos RM1.67 juta dan kerja ini siap pada Julai 2023.

Itu antara projek-projek yang telah dilaksanakan dan banyak lagi kalau saya nak sebutkan di sini. Dan dalam pembentangan Belanjawan Tahun 2024, pada 13 Oktober 2023 yang lalu, Yang Berhormat… Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan RM2.8 bilion sebelum ini RM1.8 je. Akan disediakan untuk menyelenggara jalan dan jabatan persekutuan di seluruh negara kita.

Diharapkan negeri Pahang akan menerima agihan peruntukan yang secukupnya untuk tahun 2024 ini nanti. Sekiranya peruntukan diterima tidak diluluskan, sebagaimana yang permohonan kita, ianya akan memberi impak yang negatif. Seperti peningkatan bilangan jalan yang rosak. Terutama selepas kita melalui monsun timur laut dari November 2023 hinggalah Mac 2024. Peningkatan kos selenggaraan setiap tahun, peningkatan kepada kes kemalangan, peningkatan kepada aduan, peningkatan risiko tuntutan ganti rugi, dan juga saman kepada Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif dan usaha yang berterusan, daripada Yang Berhormat Menteri Besar, bagi memastikan rekod pendaftaran panjang Jalan MARRIS di negeri Pahang ini sentiasa dipertingkat dan dikemas kini. Hasil kerjasama antara agensi Negeri Pahang, JKR Pahang, JPS Pahang dan semua PBT telah berjaya menunjukkan peningkatan rekod pendaftaran panjang Jalan MARRIS. Jalan MARRIS Negeri Pahang pada setiap tahun. Untuk rekod, tahun 2020 jumlah panjang Jalan MARRIS Negeri Pahang adalah 30,000 km. Tahun 2021 meningkat kepada 37,000 km, dan tahun 2022 meningkat kepada 43,000 km, dan tahun 2023 telah meningkat kepada 43,600 km.

Diharapkan dengan pertambahan jumlah panjang yang berjaya kita daftarkan ini, Kerajaan Negeri akan bakal menerima manfaat peningkatan agihan penutupan MARRIS oleh Kerajaan Persekutuan untuk tahun berikutnya bagi memastikan jalan-jalan MARRIS ini, dalam keadaan terbaik untuk kegunaan rakyat dalam negeri Pahang kita.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, mohon mencelah sikit.

Saya ada dengar wakil Kerajaan tadi menyebut perkataan MARRIS. Jadi, er... saya terpanggil untuk bertanyakan wakil kerajaan negeri kita ini. Adakah er… pihak kerajaan bercadang selain peruntukan MARRIS yang diperuntukkan di er... Pulau Tioman sebelum ini dan sebelum ini dengan keberadaan konsesi-konsesi yang baru seperti YP Maintenance dan sebagainya disebarluaskan perkhidmatan oleh konsesi ini ke Pulau Tioman. Memandangkan Pulau Tioman juga memerlukan infra er... jalan yang sedia ada, kepada pembaikan, penambahbaikan, bina baru dan penyelenggaraan sebagainya. Satu.

Yang ke-2. Saya ingin er... bertanya kepada wakil kerajaan, adakah peruntukan-peruntukan yang disalurkan kepada er… pihak JKR, untuk membangunkan infra di Pulau Tioman sebelum ini, seperti jalan Tekek ke Kampung Juara dan juga kampung-kampung yang menghubung. Sebelum ini di Pulau Tioman tidak ada lingkaran jalan yang er... seperti di darat. Kebanyakan jalan simen. Jadi soalannya adakah Kerajaan Negeri bercadang

untuk er... membina jalan baru antara kampung Genting ke Kampung Tekek, dari Kampung Salang ke Kampung Tekek dan juga Kampung Mukut ke Kampung Genting. Tapi bukan Kampung Genting apa ni... Genting Highlands, Genting Pulau Tioman. Jadi itu soalan saya. Dua soalan. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya ingat Mukut dengan Genting je. Tak tahu dia sebut apa tadi Mukut, Genting, Salong tu benda?

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Takpe Yang di-Pertua saya boleh ulang balik. Okey.

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Cuba ulang.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Soalan pertama saya berhubung kait dengan MARRIS. MARRIS ni memang sebelum ini dah ada di Pulau Tioman disalurkan. Tapi adakah kerajaan mencadangkan pada masa akan datang peruntukan-peruntukan dari konsesi-konsesi yang sedia ada pada ketika ini di dalam negeri Pahang, yang mana terdiri daripada YP Maintenance dan lain-lain yang saya dapat sebutkan satu persatu.

Yang pertama, maknanya bukan saja di darat ni, konsesi ni juga boleh melebarluaskan perkhidmatan peruntukan membina jalan menambah baik jalan di Pulau Tioman juga. Tak bergantung semata-mata kepada MARRIS. Okey. Yang kedua, selama ini Pulau Tioman banyak juga dapat peruntukan daripada JKR bawah portfolio wakil kerajaan negeri inilah saya ucap syabas dan taniah. Tetapi adakah pada masa akan datang ada cadangan untuk membina infra baru jalan-jalan yang sedia ada dari simen ini, daripada Kampung Mukut ke Kampung Genting dan kampung Genting ke Kampung Tekek dan dari Kampung Salang ke Kampung Tekek balik. Dia ada tiga (3) *portion* di situ. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, er... kita masih lagi peringkat apa, kajian. Dan baru-baru ini juga telah diluluskan peruntukan sebanyak RM1.8 juta. Itu untuk Kampung Salang dan Kampung Mukok yang berluas 1.8 juta untuk dibinakan jalan dan diperuntukkan di bawah KKDW. Tapi untuk konsesi belum ada cadangan lagilah untuk ke Pulau Tioman dan sebelum ini memang kita ingin mengadakan lawatan ke Pulau Tioman bersama pihak JKR. Tetapi disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu, jadi kita terpaksa membatalkan yang mungkin pada tahun depan kita akan ke Pulau Tioman untuk menyaksikan sendiri suasana ataupun keadaan jalan di sana. Sebab saya dimaklumkan bahawa jalan di Pulau Tioman ini banyak kita menggunakan secara konkrit kerana keadaan muka buminya er... yang berbukit-bukau tu.

Dan juga, kita ada juga pihak JKR memohon projek infrastruktur sebagaimana yang disebutkan tadi oleh rakan saya daripada Tioman dan nilainya ataupun jumlah yang dimohon itu adalah sangat tinggi kerana memandangkan keadaan muka bumi di Pulau Tioman. Tapi kita insya-Allah kita akan dari masa ke semasa kita akan melihat perkara ini

dan kita akan membuat tindakan yang sewajarnya jika keadaan itu sangat memerlukan pada masa akan datang. Jadi boleh saya teruskan?

Jadi... saya berharap dengan pertambahan jumlah panjang yang berjaya kita daftarkan ini Kerajaan Negeri akan bakal menerima manfaat peningkatan agihan peruntukan MARRIS daripada Kerajaan Persekutuan dan memastikan jalan-jalan negeri ini ataupun jalan MARRIS ini, juga dalam keadaan terbaik untuk penggunaan rakyat dalam negeri Pahang. Termasuklah kalau sekiranya ada pengguna khas daripada Tioman, kita akan pertimbangkan. Kerajaan Negeri Pahang juga telah menerima peruntukan sebanyak RM400.72 juta pada tahun 2023 sehingga 30 November 2023.

Yang Berhormat Perdana Menteri dalam Belanjawan Tahun 2024, telah mengumumkan sejumlah RM5.4 bilion peningkatan akan diagihkan kepada semua negeri untuk menyelenggara jalan negeri. Diharapkan dengan keluasan yang bakal diterima oleh negeri Pahang ini, untuk tahun 2024, kelak akan meningkatkan lagi jumlah permohonan yang akan kita terima untuk tahun ini.

Jadi... Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan terima kasih kepada YAB. Menteri Besar dan Kerajaan Negeri, kerana telah memperuntukkan RM171.98 juta juga memastikan pembinaan dan menaik taraf pembangunan asrama pelajar, klinik haiwan, mahkamah, pengairan dan saliran serta infrastruktur lain dilaksanakan untuk penggunaan pada tahap optimal dari segi keselamatan dan keselesaan penduduk negeri Pahang.

Menjawab soalan 27, ADUN Semambu, Kementerian Ekonomi telah meluluskan pelaksanaan kajian dan reka bentuk awalan bagi projek jalan dari FELDA Utara, Jerantut ke Sungai Lembing-Kuantan kepada pihak KKDW dalam RP2, RMK Ke-12 dengan anggaran kos RM6 juta. Pihak KKDW ini dalam peringkat penyelarasan bersama pihak JKR Malaysia, bagi penyediaan dokumen teknikal untuk pelantikan perunding.

Hasil kajian ini, seterusnya akan diputuskan skop dan kos bagi tujuan permohonan di bawah program jalan luar bandar dalam *rolling plan* dengan izin, Yang Berhormat Yang di-Pertua pada masa akan datang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri melalui jawatankuasa pengangkutan. Negeri Pahang juga sentiasa mengambil berat tentang berhubung isu kesesakan di persimpangan-persimpangan utama dalam bandar Kuantan, serta di jalan utama Cameron Highlands. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh ketepuan kadar aliran trafik terutama sewaktu puncak atau cuti dengan pertambahan bilangan isi padu kenderaan yang tinggi seterusnya menyebabkan *level of service* dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua, menurun kepada E atau F.

Menjawab soalan 25, ADUN Pulau Manis. Kemajuan projek *flyover* dari persimpangan Bukit Setongkol ke Kemunting, jalan Kuantan-Gambang kini adalah *progress*nya adalah sebanyak 97% berbanding jadual sebanyak 100%. 100% projek ini dijangka dapat disiapkan menjelang Disember 20… akhir Disember 2023 dan seterusnya dapat membantu untuk menyuraikan sedikit aliran *traffic* dari 2 laluan utama di lokasi persimpangan Bukit Rangin dan persimpangan Teluk Sisek.

Pihak Kerajaan Persekutuan tahun ini telah meluluskan kerja pemasangan *traffic light*, *smart traffic light* di 4 persimpangan utama dalam bandar Kuantan iaitu persimpangan Paya Besar, persimpangan Sungai Isap, persimpangan U Tanah Putih, persimpangan Tanah Putih… dan kerja pemasangan *smart traffic light* ini telah selesai dilaksanakan oleh

Cawangan Kejuruteraan Elektrik JKR Pahang pada 15 November 2023 dalam peringkat pengujian dan pentauliahan di tapak.

Dijangka dengan pemasangan *traffic light* ini ia dapat mengurangkan lagi sebanyak 10% kadar kesesakan lalu lintas di lokasi tersebut. Kerajaan Negeri juga berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan cadangan pembinaan persimpangan bertingkat Panching… Jalan Kuala Lumpur - Kuantan FT02, daerah Kuantan, Pahang di bawah RP3 RMKe-12 dengan kos RM160 juta. Projek ini dalam peringkat penyediaan reka bentuk awalan oleh pihak JKR Malaysia dan kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan setelah kerja-kerja reka bentuk dan perolehan selesai kelak.

Manakala bagi lain-lain cadangan pembinaan persimpangan bertingkat terutama di persimpangan lampu isyarat Bukit Rangin, persimpangan lampu isyarat Jalan Semambu, Jalan Tengku Muhammad, persimpangan lampu isyarat Teluk Sisek, persimpangan lampu isyarat Taman Tas dan lain-lainnya. Pihak Kerajaan Negeri berharap ianya dapat dipertimbangkan kelulusan oleh Pihak Kerajaan Pusat dalam r*olling plan* dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua, r*olling plan, rolling plan* yang akan datang.

Bagi cadangan penyelesaian isu kesaskan... kesesakan di Cameron Highlands, menjawab soalan ADUN Tanah Rata, Kerajaan Negeri berterima kasih atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan projek pembinaan Jalan Pintasan Cameron Highlands, menaik taraf jalan dari bulatan McDonald's ke Persimpangan Brinchang, *Time Tunnel* FT59 dan membina *One-Way Loop* di Kea Farm, Cameron Highlands, Pahang dengan anggaran RM142.9 juta yang mana kini dalam fasa pembinaan dan jangkaan siap tahun 2026 dan juga pembinaan Jalan Pintasan Cameron Highlands, jalan pintasan Tanah Rata, menaik taraf Jalan Persekutuan FT59 dari Tanah Rata ke Kea Farm bagi Seksyen 63.9, 64.4, Seksyen 66 dan 67, Seksyen 69 dan 70. Serta menaik taraf Jalan Persekutuan FT434 Jalan Grider dengan anggaran RM480 juta. Projek ini kini dalam fasa penyediaan reka bentuk, konsep dan juga awalan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Menjawab soalan 38, YB ADUN Semambu, Kerajaan Negeri bersama pengendali perkhidmatan pengangkutan Rapid Bas Sendirian Berhad, Rapid Kuantan telah memperkenalkan laluan perkhidmatan percubaan untuk Bandaraya Kuantan. Perkhidmatan percubaan laluan T201 Pusat Bandaraya Kuantan mula beroperasi selama 3 bulan, 1 November 2023 hingga 31 Januari 2024 untuk menaik taraf sistem pengangkutan awam di daerah Kuantan untuk pengguna-pengguna bas dan Kerajaan Negeri untuk sementara ini.

Masih lagi tiada perancangan untuk memperkenalkan bas percuma di dalam laluan utama sekitar pusat bandar seperti bas *Smart* Selangor dan kita sama-sama berdoa mudah-mudahan dengan pendekatan hasil Kerajaan Negeri pada masa yang akan datang. Bas yang diberikan secara percuma yang bersasar akan dapat dilaksanakan di bandaraya Kuantan kita.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat, minta er... gulung ya. Masa dah singkat.

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Banyak lagi… tebal ni. Ke boleh berhenti je? Terus jalanlah ya.

Kerja-kerja pembinaan projek laluan ECRL yang telah melibatkan beberapa buah daerah negeri Pahang iaitu di daerah Kuantan, daerah dalam negeri Pahang iaitu daerah Kuantan, Maran, Temerloh, Bentong ia juga sedang rancak dilaksanakan. Kemajuan kerja projek ECRL di negeri Pahang sehingga 30 November 2023 telah mencapai sebanyak 57% menepati jadual pelaksanaan.

Projek ini dijangka siap pada Disember 2026 dan dijangka beroperasi pada tahun 2027 dan Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan RM2 juta bagi tahun 2024 untuk menaik taraf kemudahan Latihan Pahang Skills kepada pusat kecemerlangan dengan membangunkan kursus baru iaitu Penyelenggaraan Landasan Kereta Api selaras dengan projek laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Bagi mempromosikan pelancongan keretapi di laluan Wilayah Ekonomi Pahang Barat Plus, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM150,000.00 untuk tahun 2024 bagi mempromosikan pakej pelancongan keretapi yang melibatkan 5 stesen KTM iaitu Kemayan, Mentakab, Jerantut, Lipis dan Merapoh.

Pihak JKR melalui Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri akan mengangkat sekali permohonan projek iaitu projek membina baru jalan Pos Buntu, Raub, ke Ulu Slim River dan ke… untuk mengangkat sekali lagi permohonan ini di dalam r*olling plan* yang Ke-5, Rancangan Malaysia ke-12 dan selanjutnya bagi pertimbangan dan kelulusan oleh pihak Kementerian Ekonomi dan KKDW kelak.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya ni ada 4 portfolio Yang Berhormat, Ini dah masuk yang ke-2, nak masuk yang ke-3 boleh terus ke nak gulung terus?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ringkaskan… ringkaskan.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Tak boleh ringkas dah, ni semua yang penting.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ataupun lepas ni surat bertulis… apa tu jawapan bertulis.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Aa... jalan dulu?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kena singkat, ada 2 lagi EXCO belum er... gulung.

YB DATO' HAJI MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Maknanya lepas saya ni panik sikitlah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Menyentuh tentang sektor kesihatan, tahun 2023 telah melakar sejarah bagi Jabatan Kesihatan Negeri Pahang dengan bermulanya perkhidmatan bersalin yang dinaik taraf di kelihatan… di Klinik Kesihatan Tekek, Pulau Tioman. Bukan jalan je bukan apa, Yang Berhormat Yang di-Pertua, tapi Klinik Kesihatan di Tekek pun di Pulau Tioman pun dinaik taraf.

Pelaksanaan ini tidak mungkin berjaya tanpa dengan kerjasama erat dari Kerajaan Negeri Pahang. Kerajaan Negeri Pahang telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM2.93 juta melalui Majlis Ugama Islam Pahang dan Lembaga Pembangunan Tioman bagi membekalkan peralatan perubatan yang lengkap supaya penduduk Pulau Tioman mendapat akses yang lebih mudah kepada perkhidmatan bersalin bagi ibu mengandung dengan risiko yang bersesuaian tanpa perlu bersusah payah ke Rompin atau Mersing.

Pusat Bersalin Klinik Kesihatan Tekek telah menerima satu kelahiran baru yang selamat yang pertama pada 3 November 2023. Sehingga Oktober 2023, jumlah perjawatan di seluruh negeri Pahang adalah sebanyak 18,098 dengan pengisian hanya berjumlah 16,725 dan JKM Pahang juga telah menerima 408 orang pegawai perubatan baru yang akan berkuat kuasa pada 31 Julai 2023 lalu dan juga bakal menerima selama 68 orang pegawai perubatan yang akan melaporkan diri pada 18 Disember 2023.

Bagi pelaksanaan dalam *Roll Plan* ke-3, Rancangan Malaysia ke-12 dan projek sambungan, sebanyak 16 projek pembangunan fizikal dengan siling peruntukan sebanyak RM811 juta telah diluluskan untuk negeri Pahang. Projek terbaru yang telah memulakan proses pelaksanaan iaitu blok baru wanita dan kanak-kanak, Hospital Tengku Ampuan Afzan di Tanjung Lumpur ia bernilai RM513 juta.

Blok baru berkapasiti 376 katil ini diangka siap pada Januari 2028. Sehingga 30 November 2023, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang telah menerima peruntukan sebanyak RM152 juta sebanyak 112 projek pembangunan fizikal yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pahang sepanjang tahun 2023 berbanding hanya 58 projek pada tahun 2022 termasuk kerja-kerja menaik taraf, pembaikan fasiliti kesihatan demi meningkatkan lagi kualiti penyampaian kesihatan kepada seluruh rakyat dalam negeri ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Pahang juga telah memulakan proses menaik taraf perkhidmatan bersalin di Klinik Kesihatan Perwira Jaya, FELDA Selancar dan di Klinik er... Kesihatan Sungai Ular, Rompin dan peruntukan sebanyak RM1.72 juta untuk setiap fasilitis. Proses naik taraf ini merangkumi kos pembinaan bangunan pusat bersalin yang baru, pembekalan aset perubatan moden dan penempatan ambulans baru. Bagi pusat bersalin di Klinik Kesihatan Perwira Jaya, proses naik taraf ini telah mencapai 95% dan dijangka akan beroperasi pada bulan Januari 2024.

Manakala bagi pusat bersalin Klinik Kesihatan Sungai Ular pula, kemajuan proses naik taraf telah mencapai 75% dan dijangka siap pada Februari 2024. Kedua-dua pusat bersalin yang dinaik taraf oleh Kerajaan Negeri Pahang ini akan memberikan manfaat kepada seluruh penduduk yang berada berhampiran sempadan negeri supaya dapat bersalin dengan selamat di dalam negeri Pahang kita. Kerajaan Negeri Pahang telah

memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi pelaksanaan Program Komuniti Sihat Pembina Negara dan Karnival Kekal Sihat, COMBI dan KOSPEN Negeri Pahang bagi tahun 2024. Peruntukan yang diberi ini sikit sebanyak menyuntik semangat sukarelawan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan berkaitan kesihatan di peringkat akar umbi.
Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang telah berkenan berangkat ke Hospital Sultanah Hajah Kalsom, Cameron Highlands yang diiringi oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada 6 Mac 2023 yang lalu.

Susulan daripada lawatan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Permaisuri Agong telah menitahkan agar Hospital Sultanah Hajah Kalsom, Cameron Highlands dinaik taraf perkhidmatan perawatan kesihatan kepada penduduk daerah Cameron Highlands dan perkhidmatan ini telah dilaksanakan sehingga kini dan akan terus dinaik taraf agar perkhidmatan kepakaran kepada rakyat dapat disampaikan dengan baik.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang pihak kerajaan tempatan dan 16 projek pengurusan kolam takungan negeri Pahang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.5 juta. Dari kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan di atas bantuan peruntukan yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Pahang.

Melalui Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, sebanyak 483 buah projek dengan nilai keseluruhan RM59.88 juta meliputi projek bahagian pembangunan, kolam takungan, longkang, cerun dan kiosk telah diterima Kerajaan Pahang sehingga 31 Oktober 2023. Mudah-mudahan dengan kelulusan projek-projek sebut yang dapat memberi manfaat besar untuk kesejahteraan rakyat terutamanya di dalam negeri Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Dengan pelaksanaan semua inisiatif yang diusulkan oleh negeri dan persekutuan ini, PBT dapat melaksanakan tanggungjawab dengan cemerlang dan saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada PBT-PBT yang telah merangkul anugerah di peringkat antarabangsa dan juga di peringkat kebangsaan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan portfolio Kerja Raya, Pengangkutan, Kesihatan dan Kerajaan Tempatan. Sepanjang saya memegang portfolio ini, saya telah cuba melaksanakan yang terbaik untuk negeri Pahang dan berharap negeri Pahang akan terus maju dan cemerlang pada masa akan datang. Sesuai dengan *tagline* kita, “Maju Terus Pahang”, “Pahang1st.“ dan “This is Pahang”, dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah dan Pemangku Raja Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah

di atas sokongan dan dorongan yang tiada berbelah bagi buat Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Bak kata pepatah *'Raja dan rakyat berpisah tiada'* dan selama saya berkhidmat sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan segala peruntukan-peruntukan dan perancangan-perancangan yang telah disedia dan akan dilaksanakan nanti sudah tentu akan lebih memaju dan mensejahtera dan memakmurkan lagi negeri Pahang, insya-Allah.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil dari Bebar. Seterusnya saya menjemput EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang, sila.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan. Bismillahirrahmanirrahim. (bacaan dalam Bahasa Arab). Saya juga sebagaimana rakan-rakan di dalam Dewan Yang Mulia ini ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke sisi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang yang telah berjaya membentangkan bajet pada kali ini untuk tahun 2024. Bajet sebagaimana disebut kita nampak menyeluruh dan pelbagai aspek telah disebut. Saya juga bersyukur dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Alhamdulillah, banyak perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama telah dititik beratkan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya ingat lagi masa kecil-kecil dulu. Kalau nak mengaji itu, pandai-pandai awaklah sendiri nak mencari ustaz, nak mencari surau, nak mencari tok guru, rumah orang tua ke. Tetapi sekarang ini, kita tengok melalui bajet ini, benda-benda ini pun diatur oleh Kerajaan Negeri.

Sebagai tanda kesungguhan bagaimana nak melahirkan generasi rabbani yang akan zahirnya, insan-insan yang menjunjung agama Allah SWT. Ini kita lihat sendiri, kalau dulu sekolah agama ini berkurangan. Tapi sekarang ini, masya-Allah, ta'barakallah. Kita tengok sekolah agama semakin dikembangkan, maahad-maahad tahfiz semakin dibanyakkan, usul-usul murni, semakin diperkukuhkan.
Apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang sendiri bersetuju, di dalam bajetnya, menyebutkan sebanyak RM11.86 juta untuk memperkasakan Universiti Islam Pahang. Universiti Islam Pahang ini, sungguh kita rasa bangga dan gembira dengan kewujudannya.

Sebab universiti ini, Yang Berhormat Yang di-Pertua, dia telah memberikan satu sejarah baru kepada negeri Pahang dan menjadikan satu mercu tanda Kerajaan Negeri di dalam memartabatkan pendidikan Islam, ia bahkan memartabatkan agama Islam itu sendiri, sebagai mana yang difirmankan oleh Allah, Al-Islam (bacaan dalam Bahasa Arab) Islam itu dia tinggi, dia agung dan mana mungkin dapat yang lainnya mendahului dan mendepani apa yang telah didepani oleh agama Islam itu sendiri. Kemanusiaan, kesejahteraan, kemakmuran, kedamaian, keadilan, kesaksamaan telah ditonjolkan. Ini kita nampak dengan adanya UnIPSAS ini, dia telah...

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Sikit saja, pembetulan ya. Itu hadis Rasulullah, nak betulkan sikit. Bukan ayat Al-Quran ya.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Betul hadis. Terima kasih Cheka. UnIPSAS ini telah menjadi daripada 443 buah IPT, institut pengajian tinggi di Malaysia ini. 90 buah yang terbaik antaranya adalah Universiti Islam Sultan Haji Ahmad Pahang. Dulu kita nak belajar, ini anak-anak ada di atas ini.

Dulu pakcik-pakcik ini semua nak belajar, ustaz-ustaz ini termasuklah kami rakan-rakan kerajaan nak pergi belajar, kus semangat teruk. Mana yang jalan kaki, jalan kaki itu meredah denai, denai yang dibuat oleh kerbau, bukan denai yang dibuat oleh orang. Abang yang sulung ni jalan bawa kayu, pergi tetak apa... kelambu rimau, senduduk tu sebab kita keluar subuh hari bawa karok, karok tau tak? Karok ni lampu suluh yang dibuat petang-petang tadi daripada apa.. buluh kemudian sumbu itu daripada daun kelapa... cucuh.

YB Semantan dah senyum sebab dia rasa benda ni, dia duduk Kampung Loyang walaupun dia tak makan kuih loyang. Benda ini kami rasa, semua dalam Dewan ni rasa betapa peritnya nak belajar pada ketika itu nak mencari rumah sekolah.

Di Temerloh tu ada berapa butir je sekolah. Sekolah agama saya nak beritahu, bukan nak bangga. Pada tahun 1921, ada di Temerloh, di Kampung Kuala Tekal saja. Lain belum ada lagi sekolah agama pada ketika itu orang Loyang, orang Sanggang, orang Temerloh, orang apa namanya Jerantut, orang daripada Temerloh mudik ke Pekan orang daripada Jerantut berhanyut ke Tekal. Naik benda? Naik apa? Mana ada bas waktu itu, bas kalau ada pun seminggu sekali daripada Jerantut lalu ikut…tak ada dah ye, Lepar, itu apa? ADUN apa… bukan, Kuala Sentul lalu ikut ini tempat sembahyang India ni, mana cikgu Aru? Pun hilang juga dah. Lalu situ.

Makna orang yang naik bas tu kena turun dulu tempat sembahyang India tu dulu colek dulu atas dahi masa itu orang Melayu baru ini tahu ke benda tu khurafatnya. Waktu itu betapa susah, kerana apa? Kerana nak hantar anak belajar ke MRSM, Sekolah Menengah apa... Sains Pahang, mana anak-anak yang cemerlang sikit nak hantar ke Kuantan. Itu pun tebang umbut nak buat bekal anak pergi sekolah. Umbut tahu anak-anak? Betapa susahnya pada ketika itu tapi sekarang tak ada dah cerita itu semua.

Kita ada Universiti Islam Pahang kita buat, kita sediakan tempat belajar dan kita berikan peruntukan yang khusus bagi memastikan anak-anak ini belajar. Dulu kalau nak belajar ke universiti ni fikirnya UM, UKM ataupun ke Al-Azhar, nak pergi ke Al-Azhar pada ketika itu satu negeri ada berapa orang je lepas pergi ke Al-Azhar tapi sekarang ini semalam apa Panching tanya pasal apa hantar kita... punya bersungguh-sungguh kita hantar anak-anak kita ke Al-Azhar. Kita berani mengambil risiko supaya anak kita belajar dan dapat didikan agama dengan sebaik-baiknya.
Kita dengar sendiri Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Bajet sebanyak RM11.86 juta sebab itu kita tengok kita boleh buat Akademik Hadis di UnIPSAS, Akademik Hadis. Kita bukan cerita pasal hadis 40 ni yang kelahi-kelahi ni. Pahang sekarang sudah ada Akademik Hadis kita baca Sahih Bukhari, kita baca Sahih Muslim, kita baca Sahih Tirmizi dan Syamail Tirmizi, kita baca Sunan Ibnu Maja, kita baca Sunan Abi Daud. Di mana? Di bumi UnIPSAS. Kita bawa Syeikh Ulama yang muktabar kita letak di situ setiap tahun kita panggil setahun sekali 3 bulan dia duduk untuk mendidik pendakwah-pendakwah kita, guru-guru kita dan pelajar-pelajar kita di Universiti Islam Pahang. Ini satu mercu tanda yang sangat hebat.

Kita tengok lagi di mana Universiti Islam Pahang ini sehinggakan kejayaannya mendapat pengiktirafan daripada Rabitah Jamiat Al-Islamiyah, [bacaan Bahasa Arab] ini dia ada di bawah dia sebanyak 200 Universiti Islam dalam Liga Arab dan dunia Islam. Dia ikhtiraf UnIPSAS dan insya-Allah pada tahun depan kalau tidak ada aral dan jika dapat limpah

kurniaan Kebawah Duli Tuanku dan persetujuan yang… Yang Amat Berhormat Menteri Besar dia telah menawarkan untuk mengadakan satu seminar bertaraf antarabangsa di UnIPSAS dan akan mendatangkan lebih 300 orang tokoh akademik dan ulama dunia akan berkumpul di negeri Pahang Darul Makmur insya-Allah. Ini satu tanda hasil daripada kerja dan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk memartabatkan Pendidikan Islam di negeri Pahang Darul Makmur.

Selain daripada itu kita perkasakan lagi UniPSAS ini dengan mewujudkan apa namanya pengajian mesra OKU. Pengajian mesra OKU ini kita minta UniPSAS mengadakan mereka yang tak mampu melihat, tak mampu mendengar ada namanya Quran *Braille* tetapi kita perhebatkan lagi dengan e-*Braille* makna secara elektronik dan secara digital dan orang-orang yang OKU ini kita didikkan Al-Quran dan didikkan perkara-perkara yang berkaitkan fardhu ain dan mereka akan menjadi pelajar di IPTA ataupun di IPTS yang ada di negeri Pahang ni.

Tuan-tuan sidang hadirin, sidang Dewan yang dimuliakan, kita juga bersyukur melalui Bajet ini kita nampak kesungguhan…

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Minta laluan, sebelum pindah kepada topik lain. Satu kenyataan yang pernah dibuat oleh Yang Berhormat ialah tentang usaha naik taraf Kuliah Sultan Abu Bakar, Pekan ke taraf diploma. Penjelasan tentang status terkini.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Cheka. Dia sampai tu karang tu. Saya ni saja nak memanjang sikit sebab Dato' Soffi ni tak ada lagi ni [Ahli Dewan ketawa]. Kalau saya siap cepat karang.

Tuan Yang di-Pertua,

Menjawab… saya jawab teruslah. Kita jabatan agama ni kita ada apa… JAIP. JAIP ini kita ada buat di Kuliah Sultan Abu Bakar Pahang dan kita dah mulakan apa yang dipersoal ini semenjak tahun 2021. Kita ada 3... sekarang ini 13 orang pelajar kalau tak salah. 13 orang pelajar dan syukur alhamdulillah ketiga belas-ketiga belas orang pelajar ini diorang telah mendapat grad PNGK dia 3.5 ke atas. Makna berjaya tapi kita buat *twin* dengan UnIPSAS. Kita tak boleh nak berdikari lagi kerana ada kekurangan-kekurangan yang mesti kita penuhi mengikut apa yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Insya-Allah satu hari nanti, dia akan bertapak di bumi Kuliah Sultan Abu Bakar jika diizinkan oleh Allah SWT. Usaha demi usaha sedang dilakukan dengan sebaik-baiknya.

Kemudian itu kita dengar Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di dalam Bajetnya menyatakan peruntukan yang dikhususkan kepada Jabatan Agama Islam Pahang, Jabatan Mufti dan juga Jabatan Kehakiman Syarie. Begitu besar sekali diperuntukkan kepada ketiga-tiga jabatan ini. Hampir RM162 juta itu. Benda nilah yang menyebabkan kita boleh buat kerja-kerja yang sebagaimana kita sebut tadi selain daripada bantuan BPP dan sebagainya kita dapat perkasakan Jabatan Agama Islam Pahang ini dari sudut antara contohnya, antara contohnya yang terbaru sebagaimana rakan saya sebut daripada Chenor tentang pembinaan Pusat Pemulihan al-Quran.

Pusat Pemulihan al-Quran ini, rakan-rakan Dewan yang saya muliakan adalah merupakan bukan saja yang pertama di negara kita di Malaysia bahkan dia merupakan antara Pusat Pemulihan al-Quran yang terbesar di Malaysia ini. Jadi di situ, kita boleh menampung lebih

500 kilogram al-Quran untuk kita proseskan dan kita boleh muliakan al-Quran itu disebabkan dia sudah rosak ataupun tidak dapat nak dibaca maka kita laksanakan dengan secara yang teratur.

Kemudian itu kita dapat mengadakan bantuan kepada jemaah-jemaah haji. Kalau dulu kita beri RM500.00 tapi kita dengar Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah umumkan sebanyak RM700.00 akan disediakan kepada bakal-bakal haji. Jadi ini nikmat yang Allah SWT kurniakan. Mudah-mudahan Allah SWT berkati segala usaha itu dan Allah SWT limpahkan segalanya dengan kebaikan. Begitu juga Orang Asli…

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Mohon mencelah. Boleh? Terima kasih.

YB Yang di-Pertua,

Terima kasih Kerdau. Saya tak tahu bahasa apa. Terkesima ke apa. Maksudnya berbangga juga dengan apa yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk membangunkan institusi agama dalam negeri Pahang, alhamdulillah.

Sebagaimana yang kita amar makruf nahi mungkar ini mesti bergerak seiring jadi apa yang saya nak sebut di sini ialah apabila manusia ataupun pelajar ini dididik dengan agama untuk dia menjadi insan yang berguna dalam masa yang sama er... persekitaran itu juga mesti dijaga oleh kerajaan kalau dia dapat ilmu dalam pendidikan yang bagus tapi bila dia keluar daripada institusi pendidikan tersebut dengan suasana yang mungkar yang tak terkawal misalannya maka dia juga akan terpengaruh.

Saya nak sebut di sini ialah saya di Jengka boleh dikatakan 99% er... muslim. Jadi bila masuk kita kata hiburan yang melampau dia akan kata, apa ni YB Jengka senyap je tak haling. Jadi saya akan hubungi Kadi. Kadi di daerah pun dia kata dia tak pun dipanggil apabila dalam mesyuarat PBT ataupun majlis daerah bahagian pelesenan tak panggil Kadi ni untuk hadir bersama dalam mesyuarat tersebut dalam memberikan er... pencerahan yang ni boleh, yang ni tak boleh, yang ni melanggar garis panduan hiburan misalannya. Jadi saya ingat pihak EXCO boleh siasat benda ni adakah mereka-mereka bahagian pelesenan ni...

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Sampai dah maksudnya... jadilah…

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Sampai dah maksudnya. Tuan Yang di-Pertua, macam saya khabar tadilah. Zaman kita kenit dulu. Jengka ni orang dari mana? Perak. Kita orang-orang Pahang ni dulu, nak beritahu ke YB Jengka macam saya sebut tadi lah, nak pergi ke Kuantan, dia naik bas di Jerantut, dia lalu ikut Ulu Jempol, dia pergi ke Tongkiat, colek dulu dahi tu. Tapi sekarang tak buat dah benda tu Cikgu Aru, takde lagi ya. Tak buat dah benda tu apa sebab… sebab adanya nilai [bacaan dalam Bahasa Arab]. Memang yang mungkar tu kita tak khabar makruf. Mungkar-mungkar yang tak betul, tak betul tetapi bukan bererti bila ada benda tak

betul tu, kita atasi dengan agresif [bacaan dalam Bahasa Arab] ada benda yang kita memang tak... tak setuju, tak setuju tetapi tidak semua hiburan apa namanya kita tolak.

Kelmarin Luit ajak main muzik. Ajak saya bercorek main muzik. Bercorek tahu Jengka? Ajak saya bercorek main muzik. Saya tak pandai sebenarnya main muzik. Saya kerja dengan Long Nan 11 tahun tak pernah dia acu saya mikrofon suruh nyanyi. 11 tahun jadi Pegawai Khas, tak pernah dia acu saya mikrofon… Syed nyanyi. Tak pernah dia sumbat mulut saya dengan curut dan tak pernah saya nyanyi. Saya bukan... [bacaan dalam Bahasa Arab] saya bukan khabar saya bagus. Itu Quran khabar [bacaan dalam Bahasa Arab]. Jiwa kita ni kadang-kadang ada masa terdorong kepada benda tak elok. Apa nak buat kita manusia dijadikan lemah, yang tak elok tu kita atasi dengan kebaikan. Bak kata sabda Rasulullah SAW. Apa namanya dalam hadis dia [bacaan dalam Bahasa Arab]. Orang ajak buat baik itu serupa dengan orang yang buat baik. Insya-allah, benda yang baik itu akan baik. Panjanglah pula ya...

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Soalan, soalan tambahan…

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya rasa soalan Jengka tadi jelas. Dia tanya apakah boleh Kadi dimasukkan… Pegawai Agama Islam Daerah dimasukkan dalam jawatankuasa. Sekurang-kurangnya ada pandangan daripada pihak Kadi bila ada satu-satu program nak dibuat, itu sahaja. Boleh ke tak boleh? Kalau boleh, boleh. Kalau tak boleh, tak boleh. Tapi saya rasa...

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Tak, Kadi duduk dalam Majlis Mesyuarat apa… daerah sebenarnya. Kadi Temerloh duduk dalam Mesyuarat Majlis Perbandaran Temerloh, Kadi Maran duduk dalam majlis apa… Mesyuarat Majlis Daerah Maran, Kadi Jerantut duduk dalam Majlis Kadi Jerantut. Dia… dia ada dalam majlis mesyuarat itu dan dia boleh bersuara dan dia boleh mengeluar nasihat dan bila-bila pun nasihat itu boleh diberikan walaupun di dalam mesyuarat ataupun di luar mesyuarat, tidak ada halangan. Insya-Allah.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Sikit… sikit...

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, saya jemput er... Dato'...

YB DATO' SRI HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya sebenarnya... saya seronok juga bila ADUN Jengka bangkit soal mana nak mengatakan tanggungjawab kerajaan juga untuk mempastikan amal er... makruf nahi mungkar ni. Kemudian rakan saya daripada Cheka pun bangkitkan persoalan seolah-olah macam misal contohnya penglibatan pada Tuan Kadi itu tidak ada di situ menyebabkan berlakunya apa nama misal contohnya acara-acara yang tidak selaras dengan tuntutan agama. Saya... saya teringat pertama sekali masa saya dengan rakan-rakan, bukanlah cerdik sangat tapi kira kerana dasar, ini dasar kerajaan menghantar kiranya anak-anak daripada luar bandar misal contohnya belajar ke luar negara. Saya... kebetulan saya belajar di Glasgow...

Glasgow University ini Yang Berhormat Yang di-Pertua mungkin er... YB Cheka dia tahu dia pernah pergi ke Glasgow masa COP 26. Glasgow ni kalau kita pergi ke luar negara dia bukan ada satu badan JAKIM ke, JAIP ke, yang memantau kita. Kita nak puasa ke, kita nak minum ke, kita nak buat apa je ke, takde orang yang pantau tetapi alhamdulillah pelajar-pelajar kita, pelajar Malaysia yang belajar di luar negara dia tak sentuh pun,… ramai yang tak sentuh arak ni walaupun arak tu murah Lager dia panggil dalam bahasa Scottish, Lager dia murah je tak sentuh, kasino ada boleh masuk judi tak masuk ni kasino kalau kita pergi ke luar negara misal contohnya kita pergi ke Australia kasino dia bawah ni… ni hotel, *you can play* dengan izin... mana boleh pergi berjudi, tak berjudi kerana di situlah sebenarnya nilai-nilai murni yang ada di situ. Jadi saya tengok wakil kita daripada Jengka.

Wakil Rakyat menang majoriti besar di... Jengka apa salahnya, tak perlu tunggu kerajaan beritahu dengan tu, perkara ni jangan dibuat, kita buat tarbiahkan sama-sama kita ganding baru tapi saya terkejut... terkejut sebab di Kelantan baru-baru ni dalam video tak tahulah kalau sama ada betul atau tak betul. Nampak anak muda, *heavy metal* di Kelantan...di Kelantan. Jadi saya merasakan misal contohnya kalau kita katakan di Pahang ni kejadian itu berlaku sepatutnya di Kelantan tak berlaku begitu. Tetapi kita lihat anak muda kegila-gilaan masuk dengan sebagainya.

Jadi yang ini pun, kita tengok kadang-kalanya ada perkara-perkara yang kerajaan boleh buat. Tapi ada perkara-perkara ada kadangkala itu, dia tidak mengira sama ada Kerajaan Barisan Nasional atau Kerajaan Perpaduan mahupun Kerajaan PH yang diterajui oleh PAS kadang-kadang perkara seumpama ini berlaku dan tidak semestinya disalahkan pada kerajaan.

YB DATO SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang Berhormat...

YB DATO' SRI HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

...semata-mata, terima kasih.

YB DATO SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Saya, Ahli Parlimen Kubang Kerian bila dibangkitkan isu di Kelantan. Saya nak sebut itu yang berlaku baru ni sebenarnya dah ada penjelasan pun. Perkara itu berlaku dalam waktu siang di kawasan Bachok khas untuk penganut agama Buddha sahaja. Dia tidak melibatkan warga bukan me... bukan Islam... Islam yang masuk cuma diviralkan. Jadi, saya rasa saya tanggungjawab untuk mengambil penjelasan sebab itu penting supaya kita tidak sebar maklumat yang tak betul dan penjelasan pun telah dibuat saya fikir daripada sami Buddha sendiri… daripada pihak Buddha sendiri telah pun buat penjelasan tak ada isu yang dibangkitkan. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Tuan Yang di-Pertua,

Saya nak maklumkan kadang-kadang kalau kata dalam ucapan Yang Amat Dato' Sri ada menyebutkan macam mana kita buat baik pun misal contohnya… kita misal contohnya dia katakan kita ada kasino di Genting… di Pahang. Ha... inilah dia kerajaan yang dipimpin oleh misalnya contohnya sekarang ini Kerajaan Perpaduan ada di khabar pusat perjudian tapi kita ada peraturan orang Islam tak boleh masuk masuk situ kalau orang Islam masuk di situ dia akan tangkap dan kita kena... kenakan tindakan maksudnya kita ada peraturan-

peraturan yang kita laksanakan sebagai kerajaan kita ada yang bukan Islam, ada yang Islam jadi ada perkara-perkara dalam Islam tak dibenarkan. Tapi dalam agama yang bukan Islam dia dibenarkan.

Jadi, maksudnya situ jangan macam contohnya, bila kita.... kebaikan yang kita buat sebesar ini, kemudian ada perkara-perkara yang sedikit yang mungkin perlukan penambahbaikan. Jadi, jangan digambarkan seolah-olah macam kita gagal menangani isu itu… semata-mata ada pelakuan-pelakuan atau kejadian yang orang katakan ialah ni orang kata insiden-insiden yang terkecualilah. Terima kasih.

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Sikit lagi YB Speaker, sikit... okey, saya tadi bukan nak menyalahkan pihak kerajaan cuma supaya diperkemaskan iaitu contoh, saya buat contoh. Bila *funfair* masuk ke di Bandar Pusat, bila kita pergi, dia ada judi di situ. Jadi, bila saya berjumpa dengan Kadi Jengka, dia kata dia tidak dipanggil dalam mesyuarat. Dulu dipanggil dalam mesyuarat majlis daerah tapi dalam sekarang ini, tak panggil dah dia kata. Jadi, saya minta supaya pihak kerajaan er... teliti benda ni supaya benda tu dibuat semula. Makna membabitkan perkara yang hukum, kena panggil pihak Kadi untuk dia beri penerangan dalam mesyuarat tersebut.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya pun dah jelas benda ni, Dato' Sri Soffi pun dah jelas dan perkara ni terang lagi bersuluh, saya di Kerdau tak ada *fun fair*. Alhamdulillah. Jadi *fun fair* tak ada. Apa lagi benda-benda yang nasib baiknya lah syukur Alhamdulillah. Minta jauhlah bumi dengan langit. Kemudian tu kita melalui bajet ni kita nampak apa namanya ada program "Santuni Saudaraku" yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga program untuk apa untuk membina bangunan Pejabat Agama Islam Kuantan sebanyak RM4.5 juta dan juga peruntukan tambahan kepada Masjid Al-Falah, Sungai Isap RM3 juta. Kita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang.

Saya ingin berpindah kepada persoalan yang dikemukakan oleh rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini ketika perbahasan. ADUN Jenderak ada menyatakan tentang saranan beliau terhadap Tabika Tahfiz perlu diperkasakan di seluruh negeri Pahang. Sememangnya kita bersyukur Tadika Tahfiz ini, kita telah berusaha sebaik mungkin untuk memperkasakannya.

Pada asalnya dahulu kita hanya ada sebuah Maahad Tahfiz tetapi kebelakangan ini kita telah memiliki sebanyak 21 cawangan Tadika Tahfiz di negeri Pahang. Dan bukan sahaja kita telah buat pula Sekolah Rendah Tahfiz sebuah dan kita kembang pula ada satu Maahad Tahfiz Turath dan ada Maahad Tahfiz Kemahiran dan insya-Allah satu lagi Maahad Tahfiz Turath akan berdiri di Kuala Lipis dalam apa jangka masa yang terdekat insya-Allah.

ADUN Padang Tengku ada memohon supaya selesaikan masalah pembangunan projek Blok Akademik Sekolah Menengah Agama Padang Tengku dan juga isu pencahayaan di sekolah tersebut. Sebenarnya, projek Blok Akademik Sekolah Menengah Padang Tengku adalah dalam peringkat reka bentuk yang disediakan oleh pihak JKR.

Jabatan Agama tidak mempunyai kemahiran di dalam soal arkitek dan apa reka bentuk. Jadi, kita terpaksa meminta tolong kemahiran yang ada pada pihak JKR dan apabila siap,

insya-Allah satu lawatan tapak akan dilaksanakan dan juga setelah mendapat persetujuan sudah tentu projek ini akan ditawarkan kepada pemaju-pemaju yang bersedia untuk membina satu lagi bangunan akademik di Sekolah Menengah Agama Padang Tengku.

Walau bagaimanapun, mengenai berkaitan dengan pencahayaan lampu, seandainya di luar kawasan sekolah, itu terpaksa kita meminta jasa baik Majlis Daerah Lipis dan juga JKR untuk memberikan kerjasama supaya kawasan itu dicerahkan. Seandainya di dalam kawasan sekolah, saya menyarankan pihak sekolah bolehlah membuat permohonan melalui Jabatan Agama Islam Pahang dan Jabatan Agama Islam Pahang akan meneliti sewajarnya mengikut *priority* keutamaan di apa di sekolah-sekolah agama yang berada di negeri Pahang ini untuk kita bantu dari segi sudut keperluan-keperluan semasa.

Seterusnya ADUN Kemayan…

YB DATO' MUSTAPA BIN LONG

Minta laluan sedikit ya Dato, saya nak jelaskan bahawa isu er… bangunan akademik itu bukan masalah JKR berkaitan dengan reka bentuk dan sebagainya, iaitu saya difahamkan tiada masalah. Yang jadi masalah sekarang ialah isu tanah. Sebab tanah yang ada di situ adalah milik Kerajaan Persekutuan yang kita cadangkan itu. Dan Kerajaan Negeri nak ambil dan Kerajaan Negeri telah mengenal pasti tempat dan bersetuju untuk kita tukar, kita *swap* je di antara tanah mereka itu dengan tanah yang disediakan untuk err… pe… pembesaran ataupun penggunaan Jabatan Kesihatan itu isu dia.

Jadi sekarang ini, saya kalau dapat diselesaikan cepat isu itu, saya kira tak ada isu untuk dibinakan selanjutnya. Itu yang pertama. Yang keduanya berkaitan pencahayaan. Pencahayaan itu saya nak jelaskan memang di luar la eh… memang di dalam. Maksud saya di dalam. Bila masuk situ memang gelap gelita. Gelap gelita bukan gelap gelita nak kena khabar, samar-samar hah. Yang sesuainya samar-samar. Jadi itu benda yang saya nak jelaskan.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Masalah tanah saya sarankan Yang Berhormat ADUN Pulau Tawar eh… ADUN Padang Tengku boleh berbincang dengan DO untuk mencarikan tanah ganti kepada Kerajaan Persekutuan dan saya di dalam MMK akan menyarankan kepada Pengarah PTG untuk memberikan persetujuan supaya tanah ganti itu diberikan kepada kementerian yang berkenaan dan kawasan lokasi yang berkenaan. Setelah siap kerja-kerja JKR ini di dalam urusan reka bentuk dan sebagainya, kita akan apa pastikan perkara itu dapat dibinakan dengan sebaik-baiknya. Kita ada DO daripada Lipis di dalam ini, kita pun ada wakil PTG yang mendengar perbahasan kita pada petang yang penuh keberkatan ini.

Berkaitan dengan persoalan yang dibangkitkan oleh ADUN Kemayan, penyelenggaraan Tube Well di Kampung Patih, Kuala Serting, Lubuk Perah yang belum dilaksanakan. Diharapkan supaya penyelenggaraan segera dapat dilaksanakan bagi kawasan tersebut.

Saya mendapat jawapan daripada pihak JAKOA yang bertanggungjawab dalam soal penyelenggaran ini. Kampung Orang Asli Patir, Kampung Orang Asli Lubuk Perah, Kampung Orang Asli Serting Bera, JAKOA Pahang bercadang untuk melaksanakan kerja penyiasatan air alternatif, ujian geo… geofizik terlebih dahulu sebelum melaksanakan kerja pembaikan dan penyelenggaraan, memandangkan sistem sedia ada, telah rosak sepenuhnya. Dan kampung terlibat mempunyai isu bekalan air yang sangat rendah.

Penyiasatan ini bertujuan untuk mengenal pasti kehadiran air bawah tanah, meneliti struktur geologi dan keadaan geologi bagi tujuan menentukan potensi air bawah tanah di perkampungan tersebut.

Merujuk kepada persoalan yang dikemukakan oleh rakan daripada Kuala Semantan, mengenai kemudahan asas infrustruktur pembesaran jambatan lama Temerloh menyebabkan Masjid Kampung Tebal itu jadi bawah jambatan. Sebenarnya perkara ini memang di dalam maklum dan tindakan Kerajaan Negeri.

Tanah pun sebenarnya dah disediakan tidak ada masalah. Tanah tidak ada isu, DO pun ada bersama dengan kita, PTG pun ada, dapat mengesahkan. Cuma sekarang ini kita tunggu peruntukan. Kita dah sebut pihak pemaju yang membangunkan jambatan itu hanya memberikan sebanyak apa RM700,000.00. Kos itu tidak memadai untuk membina masjid. Kita sedang mendapatkan peruntukan tambahan daripada Kerajaan Persekutuan. Seandainya benda ini dapat disegerakan, sudah pasti kita akan membina masjid yang baru untuk Kampung Tebal.

Kemudian itu, ADUN Semantan juga ada menyebutkan tentang SMAN. Minta mengambil perhatian perkara yang berkaitan dengan pangkat Guru Lepasan Diploma serta naik taraf infra kelas dan asrama SMAN yang uzur. Mohon pengambilan guru gantian susulan kekosongan jawatan guru.

Sebenarnya perkara ini, seramai 52 orang guru lepasan Diploma gred DG29, 32, 34, 38 yang sedang berkhidmat di bawah SUK Pahang telah menamatkan ijazah Sarjana Muda. Pihak JAIP telah mengadakan perbincangan bersama Bahagian Sumber Manusia, BPSM SUK Pahang bagi mencari kaedah yang lebih tuntas bagi lantikkan mereka di gred DG41 dan DG42. Buat masa ini SUK dan SPA Pahang hanya boleh melantik mereka di gred 41 dan DG42. DG41 dan DG42 sekiranya terdapat kekosongan perjawatan bukan kekosongan di tempat nak mengajar, kekosongan perjawatan buat masa ini pihak SPA Pahang sentiasa memanggil guru-guru tersebut untuk menghadiri temuduga dan proses kenaikan gred.

Pihak JAIP juga sedang berbincang dengan SUK Pahang bagi melaksanakan konsep *trade off* jawatan DG29 dan ditukarkan dengan jawatan DG41. Ini akan memungkinkan peningkatan bilangan perjawatan gred DG41, insya-Allah. Maknanya usaha untuk menjaga kebajikan guru ini sedang giat dilakukan oleh Jabatan Agama, pihak SUK dan juga SPA. Insya-Allah, berkat kerjasama dan saranan bersama, benda ini akan menjadi kenyataan.

Berkaitan dengan menjaga kepentingan infra sekolah menengah agama. Kita sendiri dengar di dalam bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah sebut begitu banyak sekali tetapi maklumlah kita ada 18 buah sekolah agama sudah tentu kita kena buat secara beransur-ansur.

Setakat ini Yang Amat Berhormat telah menyatakan pembinaan Asrama Puteri SMA Al-Ihsan berjumlah RM13 juta, pembinaan Asrama Lelaki Chenor berjum… berjumlah RM11 juta, Dewan Makan SMA Guai berjumlah RM3 juta, Bangunan Kelas SMA Padang Tengku berjumlah RM6 juta, Dewan Serbaguna SMA Padang Tengku berjumlah RM3 juta sebagaimana rakan Padang Tengku ada sebut baru-baru ini, Asrama Putera SMA Pulau Tawar berjumlah RM7 juta. Selain itu, pada tahun 2023…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, minta gulung ya.

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Ya, tapi banyak sangat lagi ini. Dato' Soffi pun tengah er… tengah menulis, membelek lagi tak siap lagi. Jadi beri *chance* Dato' Soffi [Ahli Dewan ketawa]. Berkaitan dengan guru ganti mengisi kekosongan guru yang mendapat tawaran ke KPM seramai 36 orang guru yang bertugas di SMAN telah mendapat tawaran sebagai guru tetap di bawah Kementerian Pendidikan. Di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia mereka terdiri daripada guru *Contract of Service* (CoS) 20 orang, guru Bantuan Amanah Saham Pahang ASPA 10 orang, guru Kontrak DB27 2 orang, guru Bantuan MUIP 2 orang, guru Lepasan Diploma, DG29, 2 orang.

Jabatan Agama Islam Pahang akan mengambil tindakan segera bagi mengisi kekosongan guru bantuan ASPA dan MUIP. Proses lantikan guru bantuan ASPA dan MUIP hanya melibatkan proses temuduga di peringkat jabatan saja maknanya senang sikit. Manakala bagi penggantian guru CoS dan DG29, JAIP akan menghantar maklum kepada SUK Pahang bagi urusan temuduga dan lantikan.

Seandainya mendapat kelulusan daripada pihak SUK, perkara ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Manakala bagi jawatan DB27, perjawatan ini telah dikategorikan sebagai perjawatan yang jumud, yang tidak dapat diisi.

Berbangkit kepada persoalan yang dikemukakan oleh rakan saya daripada Lanchang mengenai sekolah agama di Temerloh ada dua buah. Sebuah Khairiah, sebuah Wosto. Betul, jadi sekolah ini tak cukup, tak muat kena buat di Lanchang satu. Saya kalau boleh laman tangga rumah saya pun ada sebuah sekolah juga er… Yang Berhormat Yang di-Pertua tapi kita ini cuba kita perhati betul-betul pengurusan Sekolah Agama Al Khairiah ke, Wosto ke, Al-Maarif ke, Padang Tengku ke er… Sekolah Agama Pulau Tawar ke, Sekolah Agama Al-Basriah ke, Sekolah Agama Batu Talam ke, Sekolah Agama er… Dong ke, Sekolah Agama Pelangai sebenarnya bukan duduk di bawah pentadbiran sekolah agama berkenaan… mereka hanyalah pentadbir. Bukan duduk di bawah PIBG berkenaan mereka hanya adalah NGO sekolah itu untuk menjaga kebajikan, membantu sekolah itu untuk menjaga kebajikan tetapi sebenarnya dia duduk di bawah pengurusan Jabatan Agama Islam Pahang.

Apa sebab saya sebut begini? Jabatan Agama Islam Pahang dia mengatur bila orang nak masuk sekolah mohon. Dia akan buat temuduga berapa ramai nak mohon. Katakanlah yang mohon 5,000 orang… dia agihlah. Awak keputusan yang macam ini, temuduga macam ini, masuk ke Jengka. Awak keputusan macam ini dan apa… duduk di sini masuk ke Khairiah.

Jadi, kalau kita tengok daripada er… kedudukan sekolah-sekolah ada pelajar-pelajar dia hanya memilih nak ke Khairiah sahaja, dia hanya memilih nak ke Ihsan sahaja sebab duduk Kuantan dekat dengan Stadium Darul Makmur boleh tengok orang main bola. Dia nak masuk sekolah apa Al-Attas sahaja dekat dengan Pekan boleh tengok Istana Tuanku. Bukan begitu.

Kita ada sekolah-sekolah yang lain lagi kalau disarankan oleh Jabatan Agama Islam Pahang untuk kita pergi situ ada eloknya kita pergi. Contoh Sekolah Agama Al-Basriah Tembeling ada kekosongan sebanyak 109 er… 110 orang pergilah belajar ke situ takkan tunggu nak buat dekat Kuala Tekal ataupun Bukit Seding Dato Shariff Ahmad juga atau pun SMA Al-Wosto ada kekosongan sebanyak 87 orang pelajar boleh masuk situ. Di Sekolah Menengah Agama Bukit Ibam mempunyai kekosongan sebanyak 90 orang pelajar. Kita tak boleh mengambil resolusi jalan pen er… apa potong bila tak lepas masuk Khairiah kita buat sekolah baru.

Sedangkan kita ada lagi tempat kosong di Wosto, ada di Basriah, ada di er… apa Ibam, ada di Maran, yang masih lagi kosong ada di Batu Talam yang boleh kita isikan anak-anak kita. Kerajaan Negeri mengambil maklum dengan cadangan dan walau bagaimanapun yang disebutkan oleh Lanchang tetapi kita mesti juga mengikuti apa yang disyorkan oleh jabatan-jabatan teknikal dari segi kesesuaian, keupayaan dan apa… kelayakan untuk kita meluluskan peruntukan berkenaan.

ADUN Sungai Lembing rakan saya, memohon perhatian khusus untuk jaringan jalan ke kampung Orang Asli di kawasan Sungai Lembing iaitu Kampung Sungai Mas, Bukit Bangkong yang memerlukan penyelenggaraan jalan itu dan pembesarannya. Sebenarnya jalan dah ada, cuma kampung ini peruntukan JAKOA ini dia terhad.

Kampung ini telah dibantu oleh JAKOA untuk membina dan membaik pulih sistem air dia bekalan air. Insya-Allah, akan datang kita akan bantu pula kalau ada rezeki peruntukan yang cukup untuk baik pulih dan pembesaran jalan di kampung berkenaan. ADUN Sungai Lembing juga membangkitkan tentang pembangunan materialistik Orang Asli dan pembangunan modal insan dan elek er… *inspiritual* juga perlu di er… ditekankan maknanya jangan *material* sahaja. *Spiritual* itu kena ada juga. Betul, memang itulah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri.

Sebab itu dalam bajet baru ini, bahkan tahun lepas juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah memperkenalkan peruntukan-peruntukan untuk membantu dia orang. Contohnya Baca Cepat Kawanku. Baca Cepat Kawanku itu untuk anak-anak Orang Asli ataupun bukan Asli sekalipun yang tak reti membaca, tak reti menulis, tak reti mengira. Kita minta Yayasan Pahang bantu sekolah beri peruntukan khas supaya dia reti membaca, reti menulis dan reti mengira dah selesai belajar. Kita perkenalkan pula satu program baru yang dinamakan Pintar. Pintar ini budak itu nak hala ke mana, nak belajar ke mana, nak jadi apa supaya kita pandu arah tapi maklumlah kita mengajar orang yang liar ini tak sama mengajar orang yang jinak kena sabar dan tekun. Insya-Allah, mudah-mudahan berkat kesabaran banyaklah kesan dan pengaruh yang positif kepada anak-anak kita er… Orang Asli.

ADUN Sungai Lembing juga mencadangkan peruntukan seperti yang diberikan kepada er… latihan penyembelihan profesional turut diberikan kepada sekolah agama. Sebenarnya latihan penyembelihan ini telah pun dirundingkan secara serius oleh kerajaan dengan kerjasama kombinasi di antara Jabatan Veterinar dan UnIPSAS tetapi dia memerlukan peruntukan yang begitu besar sebanyak RM17 juta. BPEN telah meneliti perkara ini insya-Allah kita akan usaha mudah-mudahan perkara ini akan menjadi satu kenyataan pada satu hari nanti.

ADUN Pulau Tawar rakan saya juga men… er… menyatakan tentang pengumuman MB, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang sebanyak RM500,000.00, Program Santunan Santuni Saudaraku dicadangkan agar Program Asas Fardu Ain perlu juga dibuat. Sebenarnya perkara ini saya dah jawab pagi tadi tentang fardu Ain yang dipersoalkan oleh rakan kita di dalam Dewan ini dengan *detail*nya. Macam mana, ada er… berapa banyak ada Sekolah Fardu Ain, di mana dan bagaimana penghasilannya.

ADUN Bukit Ibam, ada mempersoalkan tentang Briged Dakwah. Briged Dakwah ini sebenarnya berjalan ada. Kita mempunyai apa seramai 165 orang kakitangan menjalankan tugas-tugas dakwah, menyampaikan bantuan mengaji er… mengerjakan er… mengajar mengaji fardhu ain, mengadakan program-program keagamaan, korban dan sebagainya. Menjadi imam di masjid dan surau, membantu program-program MUIP dan JAIP dan menyampaikan isu-isu semasa bagi yang memerlukan.

ADUN Tahan ada mencadangkan supaya ketua-ketua kampung yang akan dilantik biarlah stabil. Janganlah berat sebelah, berat kepada parti politik yang tertentu. Sebenarnya Tok Empat ini dilantik bukan oleh Ketua Cawangan, bukan oleh Ketua Bahagian, bukan oleh Ketua Wanita UMNO tetapi dia telah mengisi borang dan akan ditemuduga oleh DO Pegawai Daerah dan dia akan dicadangkan kepada MMK untuk dipilih dan MMK akan memilih mengikut syor yang telah diberikan oleh DO kepada Kerajaan Negeri untuk er… diperakui sebagai ketua kampung. Mudah-mudahan mereka berbakti dengan sebaiknya dan sepatutnya serta sewajarnya kepada kampung mereka dan kepada orang ramai.

ADUN Panching rakan saya, apakah status pelajar kita yang kita hantar ke Mesir. Benar, kita baru-baru ini menghantar seramai 59 orang pelajar ke Mesir. Ini adalah ekoran daripada lawatan Yang Amat Berhormat…

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Menteri Besar Pahang ke Universiti Al-Azhar dan bertemu dengan Rektor Al-Azhar serta Syeikhul Azhar. Rombongan itu sungguh sungguh menggembirakan Kerajaan Negeri apabila disambut oleh Rektor Al-Azhar. Kedatangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang oleh Syeikhul Azhar, dan mereka menerima segala permohonan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang. Antara permohonannya untuk mendapatkan *twin* kerjasama di antara Universiti Al-Azhar dan UnIPSAS. Seandainya pelajar-pelajar kita belajar di UnIPSAS tahun 1 tahun 2 berjaya, dia boleh menyambungkan pelajaran mereka ke Al-Azhar tahun 3 dan tahun seterusnya. Maknanya dia akan duduk setahun setengah sahaja di Cairo.

Di sini akan berlaku… berlakunya penjimatan. Hal ini berjalan lancar dengan baik dan sempurnanya. Ada satu lagi permohonan kita kepada pihak Al-Azhar supaya anak-anak kita yang lepasan Sekolah Menengah Agama yang mengambil Sijil Tinggi Agama diterima untuk masuk ke Universiti Al-Azhar. Alhamdulillah, Syeikhul Azhar juga menyata dengan hati yang terbuka untuk menerima. Pada ketika itu, pihak-pihak er… delegasi ada bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu Sahibus Samahah Mufti, Pengarah Jabatan Agama. Kalau tak silap saya, Pengurus Besar Rektor, Rektor UnIPSAS dan juga ada bersama Duta Besar Malaysia di Cairo. Tetapi apabila kita balik, kita hantar pelajar kita seramai 60 orang masih lagi Al-Azhar dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kedutaan er… meminta beberapa syarat yang perlu kita patuhi. Jadi syarat-syarat itu sedang dipenuhi, insya-Allah.

Baru baru ini Kementerian Pengajian Tinggi telah datang ke MMK yang kita adakan menjelaskan isu ini akan diselesaikan dengan sebaiknya oleh pihak Kemu…Kementerian Pengajian Tinggi untuk memastikan anak-anak ini dapat belajar di Universiti Al-Azhar. Insya-Allah mudah-mudahan mereka menjadi satu bekalan yang akan berbakti kepada ummah di negeri Pahang Darul Makmur, insya-Allah.

ADUN Panching juga menyatakan bilakah tarikh terakhir laporan MUIP? Ini soalan ini akan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang berkenaan dengan MUIP iaitu apa soal audit dan juga laporan ke apa dalam Dewan, insya-Allah. Mudah-mudahan sedikit sebanyak apa yang telah saya jawab dapat merungkaikan apa yang telah kita bentangkan di dalam dan bahaskan di dalam Dewan ini.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan Ahli Dewan yang telah cakna dan mengemukakan persoalan yang membolehkan bagi pihak Kerajaan untuk menyatakan apa yang telah dilaksanakan dengan sebaiknya demi kepentingan rakyat dan ummah di negeri Pahang Darul Makmur, insya-Allah.

Saya juga mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Menteri Besar Pahang di atas pembentangan bajet pada tahun ini yang telah mengambil kira dengan sebaik mungkin untuk kepentingan agama di negeri Pahang Darul Makmur.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merafak sembah ke sisi Kebawah Duli Tuanku Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di atas berkat naungan Kebawah Duli Tuanku Ke ne… ke negara kita bahkan ke negeri kita, Pahang Darul Makmur. Kita sama-sama dapat membina negeri ini dengan penuh ukhwah, dengan rasa semangat dengan penuh rasa kasih sayang dengan semangat bertoleransi, bekerjasama, tidak mengira bulu, rupa, kulit, bangsa, keturunan tetapi kita berganding bahu dengan sebaik mungkin.

Mudah-mudahan Allah berkati pemerintahan Kebawah Duli Tuanku dengan taufik inayah dari ayahnya. Amin Ya Rabbal Alamin. [Bahasa Arab]. Sekian saya mohon menyokong, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil dari Kerdau. Sebelum saya menjemput EXCO er… seterusnya, saya ingin mengalu- alukan beberapa kumpulan er… pemerhati dari sekolah-sekolah yang berbeza iaitu UCYP, Universiti College of Yayasan Pahang, Kolej Komuniti Kuantan, SMK A Rahman Talib, (SMART), TARUMT, Persatuan [tidak jelas]. Mengalu-alukan dan jemput semua datang lagi di Sidang yang akan datang. Jadi seterusnya saya menjemput EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang. Sila.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum WBT, salam sejahtera, salam perpaduan, salam Pahang Pahang 1st. Pahang Maju Terus Pahang, Salam Malaysia Madani, rangkum semua. Er… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mewakili Pihak Kerajaan untuk membuat penggulungan dan juga turut menyentuh membahaskan Usul Belanjawan Negeri Pahang 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar pada 4 Disember, Isnin yang lalu dan telah pun dibahas oleh Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini. Syukur alhamdulillah saya tak ambil masa panjang sebab dia dah belah petang lebih kurang 3 jam, dak lebih kurang 3 jam je [Ahli Dewan ketawa].

Sebenarnya Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya melihat bahawasanya tahniahlah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato Sri Menteri Besar. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar er… telah pergi ke Dubai bersama-sama saya turut mengiringi Yang Amat Berhormat Menteri Besar ke Dubai. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dalam jadual yang begitu ketat tu masih ada ruang duduk bincang pasal belanjawan. Minum pagi, makan malam duduk bersama tu bincang perhalusi mengenai bajet ni kerana setiap benak pemikiran waktu yang ada sebenarnya Yang Amat Berhormat Dato' Sri memikir bagaimana caranya untuk kita ataupun Yang Amat Berhormat Dato' Sri nak bangun… majukan negeri Pahang dan juga mensejahterakan rakyatnya.

Sebab itu saya nak mengambil kesempatan di sini nak merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kerana telah membentangkan Belanjawan Negeri Pahang 2024. Saya lihat begitu komprehensif sekali. Sebenarnya dokumen ni [YB. EXCO menunjukkan kepada semua Ahli Dewan buku belanjawan] belanjawan ini kalau sesiapa saja yang er… mempunyai akseslah er… Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kepada belanjawan ni kalau dibaca

setiap muka ni termasuk Ahli Dewan yang mulia sebenarnya kita tak perlu bahas dah. Buku lengkap.

Kalau kita teliti ni cukup lengkap, saya sendiri pun saya baru dapat tu baca tu Ya Allah, apa benda yang tak disentuh? Dalam belanjawan ni. Sebab tu saya rasa terharu dan tersentuh. Apabila Yang Amat Berhormat Dato' Sri di dalam ungkapan-ungkapan terakhir er… belanjawan ini menyatakan perkara seumpama ini. Ini ini sebenarnya saya rasa ini ikhlas ni Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Dia menyebut dalam perenggan 149, Kerajaan Negeri mempunyai wawasan yang jelas untuk mencapai tahap negeri maju.

Berdasarkan prestasi tahun-tahun kebelakangan ini, bukan sesuatu yang mustahil untuk kita capai dia kata dikongsi selagi kita berganding bahu banyak sama dilapah sedikit sama dicicah segulai sejalai. Betul ke? Segulai sejalai mencari titik persamaan di sebalik perbezaan pendapat. Ini maksud dia sampaikan ni pelawaan kepada semua pihak dan er… saya lihat bahawa insan yang berwawasan adalah bak pelita yang menyuluh kegelapan… bak guru yang menerangi kejahilan dan bak umarak yang mendorong kejayaan.

Walaupun dalam persaingan politik akan sentiasa ada pihak yang menuduh kononnya mereka dizalimi. Mengamalkan politik mema… menajamkan kebencian menghasut rakyat dengan memainkan sentimen agama dan perkauman sempit. Namun, kita berharap akhirnya, akhirnya rakyat akan menilai prestasi bukan perte… persepsi.

Ini Yang Amat Berhormat Dato' Sri kongsikan ini. Malahan kalau dilihat di sini misal contohnya seikhlas apa pun kita sesayang dan secinta apa pun kita dan sebesar apa pun pengorbanan kita tak akan berharga sedikit pun di hadapan orang yang tidak pernah bersyukur memilikinya. Jangan pernah menjadi pelangi untuk orang yang buta warna. Kalau dengan segelas air boleh menghilangkan dahaga, kenapa kita mahukan selaut gelombang yang akan menenggelamkan kita? Saya baca ini saya… tersentuh. *I feel touch,* dengan izin.

Sebab itu saya mohon mencadangkan… saya mohon mencadangkan supaya dokumen Belanjawan ini dapat juga diedarkan kepada semua peringkat bukan saja setakat peringkat kepegawaian, kepada rakyat jelata, supaya jadikan sebagai bahan rujukan untuk diteliti. Saya lihat, boleh kata setiap aktiviti kehidupan disentuh. Kalau saya nak baca ini, ini sahaja saya ingat penjelasan yang cukup tuntas, sudah memadai ini jadikan sebagai dokumen, sebab ini Belanjawan dibentangkan dalam Dewan yang mulia.

Dan kita bersyukur Alhamdulillah, kerana kita mempunyai Raja kesayangan kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang juga merupakan Sultan Pahang, yang sentiasa prihatin, ambil berat, turun pandang bertemu rakyat jelata di seluruh pelosok negeri, bersemayam, beradu di kawasan-kawasan pedalaman, di hulu-hulu termasuk di… di Tahan, di kawasan-kawasan pedalaman yang lain dan sentiasa prihatin, ambil tahu dan tidak ada protokol.

Kalau sekiranya Kerajaan Negeri bertindak sebaliknya, laporan itu akan terus sampai ke Kebawah Duli Tuanku dan Kebawah Duli Tuanku akan menitahkan supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, hamba tua Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sebagai ketua pentadbir negeri untuk mengambil tindakan yang sewajarnya demi untuk kepentingan rakyat jelata yang ada di negeri Pahang.

Dan apatah pula pewaris takhta, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Pahang yang sentiasa ambil berat dan dalam keadaan kita berada di sidang Dewan yang mulia ini, Kebawah Duli Tuanku berada di Dubai menghadiri COP 28

dan saya berkesempatan, Tuan Yang di-Pertua untuk mengiring Kebawah Duli Tuanku untuk menghadiri mesyuarat, mesyuarat di peringkat antarabangsa dan mereka masyarakat antarabangsa, pemimpin, kagum dengan komitmen daripada Kebawah Duli Tuanku Pemangku Raja dan Kebawah Duli Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang terlibat sama dalam memastikan supaya agenda perubahan iklim ini dijadikan sebagai agenda utama dalam kerangka pembangunan dan kemajuan Negeri Pahang Darul Makmur.

Yang ini yang saya rasa bangga berada menjadi saksi hidup bahawasanya kita berada di landasan yang cukup hebat untuk melaksanakan agenda pembangunan tanpa mengenepikan aspek alam sekitar dan juga yang boleh menyentuh aspek perubahan iklim.

Sebab itu dalam konteks seumpama ini, saya menyeru rakan-rakan Ahli Dewan yang mulia, biarlah kita Pahang menjadi contoh teladan yang baik dalam kita mentadbir urus. Kalau sekiranya pihak kerajaan, kami di barisan pihak kerajaan di sini dan juga rakan-rakan penyokong kerajaan menjunjung agenda bersama demi untuk kemajuan negeri dan demi untuk kesejahteraan rakyat.

Saya menyeru kepada rakan-rakan Ahli-ahli Dewan yang mulia, daripada barisan… bukan kerajaan. Saya tak nak sebut pembangkang, bukan kerajaan. Sama-sama kita berganding bahu, merangka perancangan, memberi pandangan-pandangan yang hebat. Selagi kita masih menjadi Ahli Dewan yang mulia, kita belum tentu masa akan datang sama ada kita berdiri di sini sebagai Ahli Majlis ataupun mungkin insya-Allah apabila siapnya Dewan er… Dewan Undangan Negeri yang baru nanti, belum tentu kita berada di dalam Dewan Undangan Negeri yang baru itu. Marilah kita ambil kesempatan sini untuk memberikan semangat sehabis baik demi untuk kemajuan negeri dan rakyat jelata yang kita sama-sama diamanahkan untuk mencari yang terbaik.

Sebab itu dalam konteks seumpama ni saya lihat Yang Amat Berhormat Dato' Sri akan sentiasa berinteraksi, berjumpa, berdialog, datang bincang walaupun kita berbeza pandangan tapi biarlah kita sama-sama mendukung agenda untuk memajukan negeri dan mensejahterakan rakyat Negeri Pahang Darul Makmur ini dengan seikhlas mungkin, insya-Allah. Sama-samalah kita berdoa supaya Pahang akan terus dirahmati, diberkati dan diredhai oleh Allah SWT dalam usaha yang kita laksanakan insya-Allah.

Di kesempatan ini saya juga nak menyentuh sedikit sebanyak, terima kasih rakan-rakan Ahli Dewan yang mulia yang meng… mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2024. Belanjawan ini bertemakan cukup hebat ya. Temanya 'Pahang Prihatin, Rakyat Makmur'… 'Pahang Prihatin, Rakyat Makmur'. Saya nak merakam terima kasih kepada rakan-rakan pegawai yang daripada agensi-agensi di bawah portfolio saya. Saya sebenarnya tak ada di sini tetapi komitmen mereka terhadap untuk memberikan perhatian kepada setiap aspek isu yang dibangkitkan… sebenarnya, tidak perlu dipertikaikan, *not to be questioned* dengan izin.

Sebab itu, saya lihat di sini jawapan... ini jawapan yang… yang disediakan kepada saya. Bukan saya yang er… ini tapi jawapan yang disediakan oleh rakan-rakan pegawai daripada agensi-agensi di bawah portfolio saya, Kementerian Pertanian, Keterjaminan Makanan, Pendidikan, menyediakan teks ini.

Ini kalau saya nak baca satu-satu ini, saya ingat atas pada Maghrib lagi. Kebetulan, Tuan Yang di-Pertua, bila tiba giliran saya, mesti akhir dah penghujung dah. Serba salah. Dan saya lihat rakan saya daripada Kerdau, wakil kerajaan tadi menjawab saya kira banyak dah jawapan yang telah diberikan yang saya tengok ada persamaan.

Jadi saya nak tanyalah kepada rakan-rakan [ketawa] yang mulia Dewan ni, kita nak habis cepat ke ataupun kita nak tunggu saya… [Ahli Dewan ketawa]. Ha… itu je ceritanya. Kita kalau cerita panjang-panjang, kadang-kadang kita nak bertelengkah tak guna juga. Ha… cakap borak-borak sikit je YB, kita tolong *adjust* sikit lah. Ada petani sikit di Kawasan saya tadi nak…

YB TUAN SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Kejap, tadi tanya nak habis cepat ke lambat, saya nak habis cepatlah.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Rakan saya daripada Jengka ni saya [ketawa]… saya suka sebab apa antara yang membuatkan saya punya apa? Semangat tu berkobar-kobar adrenalin tu dia jadi… tapi kita kira macam, kira kalau main bola tu kira antara Manchester United. Saya Manchester United. Jadi, rakan saya daripada Jengka *team* apa? Liverpool? Allahuakbar… sama dengan YB. Speaker, Dato' Sri Speaker. Dia Liverpool, *never walk alone* [ketawa]. Tapi Liverpool sekarang dia *top* juga, saya rasa itu. Tapi dalam Dewan ni kita kira kita *fair and square*. Alhamdulillah ya. Saya mohon kalau sekiranya ada perkara-perkara yang saya sentuh ni, saya harap dia tidak, *we don't take it personally*, jangan ambil sebagai satu, apa nama er… sebagai isu peribadi, tapi semata-mata untuk saya zahirkan bagi pihak kerajaan. Mana yang boleh saya sentuh, saya sentuh dan er… yang lain itu mungkin saya minta urus setia Dewan untuk er… menjawab secara bertulislah.

Saya sentuh sikit, itu pertama sekali saya lihat ini... saya tak perlu baca satu-satulah ya. Saya… saya sentuh sedikit sebanyak. Pertama sekali, er… rakan daripada… Pulau Manis ada er… menyentuh mengenai masalah serangan perosak padi yang menjejaskan hasil tanaman. Jadi, dia tanya apa… apakah langkah yang diambil untuk menangani masalah bencana akibat serangan perosak dan penyakit padi ini. Sebenarnya, kalau padi ini dia…

Alhamdulillah, Kerajaan Persekutuan dalam Belanjawan 2024 telah memperkenalkan skim, dia panggil Skim Takaful Padi… Skim Takaful Padi. Di mana pesawah boleh memohon bantuan jika menghadapi bencana sumpama ini. Sebenarnya skim seumpama ini, Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, Pahang telah mencadangkan supaya kita wujud *safety net*, jaringan keselamatan.

Bukan saja padi, tapi bagi sektor agro. Di mana misal contohnya, pemain-pemain sektor pertanian ini tadi menanam modal. Tetapi kemudiannya kerana bencana, kerana faktor-faktor lain menyebabkan kerugian. *So*, dalam aspek yang seumpama ini, Pahang mencadangkan supaya Kerajaan Pusat memulakan gerak langkah untuk menjadikan skim takaful yang telah pun diusahakan oleh negara-negara lain. *So,* mudah-mudahan usaha kita ini bersamalah. Misal contohnya, rakan-rakan boleh maklumkan supaya satu hari nanti akan wujud skim jaringan seumpama ini.

Kalau kita misal contohnya kita ada tanam ini kelapa, ataupun nangka, ataupun durian apabila berlakunya bencana maka, kita boleh menuntut setidak-tidaknya dapat sebahagian daripada modal kita untuk yang terlibat tadi untuk mulakan semula perusahaan kita ini penting dalam memastikan agenda keterjaminan makanan ini mendapat tempat atau mendapat… mempunyai landasan yang kukuh kalau tidak nanti pelabur-pelabur atau pemain-pemain dalam sektor agro makanan ini tadi rasa serik apabila pelaburan mereka ini tadi tidak mendapat ganjaran apabila berlakunya kes-kes di luar daripada kawalan dia.

Tapi setakat ini, padi sudah ada, Skim Takaful Tanaman Padi. Jadi, pesawah boleh memohon bantuan sekiranya berlaku bencana. Kemudian, ADUN Sabai mencadangkan

supaya Sabai ini jadikan sebagai hak perancangan tanah pertanian agropreneur seperti TKPM, Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang kita ada di kawasan Sabai ini, di TKPM Lebu yang terletak kawasan Sabai. Satu-satunya TKPM di daerah Bentong. Kita ada 19 semua sekali dan TKPM ni sebenarnya ada penglibatan Pekerjaan Pusat karena kita bila nak buka TKPM kita perlukan infrastruktur, infrastruktur ini yang memerlukan modal yang tinggi sebab itu dalam kita mencadangkan TKPM Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan, kita cadang kepada pihak Kementerian, Kementerian bila dia lulus, dia akan luluskan dengan peruntukan dan ini boleh kita laksanakan.

Dan insya-Allah kita akan diikhtiarkan supaya misal contohnya kejayaan daripada TKPM yang kita ada di Pahang ini akan menjadi satu dorongan kepada pihak kementerian dalam memenuhi agenda keterjaminan makanan dapat dilaksanakan secara tuntas. Sebab apa? Kerajaan Pusat boleh umumkan dasar, tapi sebenarnya sebab tanah di bawah bidang kuasa negeri, dia kena libatkan Kerajaan Negeri. So, di sini, alhamdulillah, kerjasama yang kita ada, kerjasama yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, selaku pemimpin kita, hubungan rapat dengan pemimpin pusat termasuk PMX atau PM ke-10. Ini saya harap akan dapat menghasilkan sesuatu yang baik untuk kita, insya-Allah.

Kemudian, ADUN Luit. mencadangkan bandar Maran, bandar Maran ni sebagai kawasan pertanian moden dan pelancongan, lestari. Selaras dengan draf dokumen rancangan tempatan daerah Maran. Jadi, sebenarnya bukan saja Bandar Maran, kita meneliti dari segi aspek keseluruhan. Kita tidak boleh lagi pergi kepada pertanian tradisional, konservatif. Kerana *resources* kita sumber kita, tanah kita semakin hari semakin kurang.

Kalau kita meneruskan aktiviti pertanian secara yang dulu, saya ingat kita akan menghadapi masalah. Sekarang ini kita lihat negara-negara maju dengan negara kecil. Umpamanya kalau kita pergi ke Holland. Holland itu besar Pahang je sebenarnya. Tetapi GDP daripada sektor pertaniannya menghasilkan lebih kurang 350 bilion USD. Maknanya tetapi bagaimana pelaksanaan aktiviti pertanian di Holland? Dia dilaksanakan dengan menggunakan teknologi yang tinggi. Sebab paras bumi dia rendah daripada paras laut.

So, dia tengok, kawalan. *So*, yang ini yang sebenarnya kita nak perkenalkan. Supaya tanah yang ada sekarang ini dapat kita ketengahkan dengan input-input ataupun pengenalan teknologi yang moden. Sebab itu dalam aspek ini bukan saja bandar Maran. Bukan saja Maran. Tempat-tempat lain juga yang kita nak galakkan dan insya-Allah marilah sama-sama kita lihat, kita teliti dan kalau sekira ada idea, kadang-kadang mungkin rakan-rakan kita bukan sahaja pihak kerajaan tapi yang bukan kerajaan kadang-kadang melawat Siam contohnya.

Contoh Siam. Misal contohnya, melawat s*omewhere* berbagai aktiviti ke sana balik beritahu okey kita di Siam ni begini… begini kita belajar kita pergi melawat tengok, oh ini boleh dilaksanakan kalau boleh dilaksanakan di sana kita boleh amalkan di sini, insyaAllah malahan saya beritahu tu ada satu hamba Allah, Zaki, saya sebutkan semula Zaki Mohd Lias ni dia budak Sanggang, dia jual daging, dia jual lembu di Sanggang lah. Tapi di Melbourne, bila dia pergi ke Melbourne dia berjaya. Bila dia buat aktiviti di sini, di Temerloh, dia kata saya, saya tak percaya dia kabo 20 ekar ada tanah bawah TKPM, Lanchang dia laksanakan, dia kata tak percaya tapi bila pergi ke Cobram… bila dia pergi ke Melbourne 50 hektar padi dia usahakan dan produksi ataupun hasil padi dia 12 metrik tan satu hektar yang ini di peringkat nasional yang hebat yang kira paya di Sekinchan. Sekinchan pun kalah.

Ini contoh dia, contoh dia dan dia bersemangat mengatakan kita boleh insya-Allah. Sebab itu dalam konteks umpama ini, marilah sama-sama kita teliti bagaimana caranya untuk kita

transformasikan negara kita ini, negeri kita khususnya, Pahang kita jadikan sebagai hak pertanian moden yang hebat.

Dan ini akan kita laksanakan dengan kerjasama daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dan juga rakan-rakan petani, peladang, penternak yang menjadi pemain-pemain penting dan mempunyai *stakeholders* ataupun pemegang taruh yang penting dalam transformasi ini. Batu Talam. Rakan saya Batu Talam, dia cerita pasal durian. Dia memang hebat. Mantan Ahli EXCO, bekas Ahli EXCO kita. Dia kalau bercerita pasal pertanian, saya ingat saya boleh belajar dengan dia banyak. Dan dia mencadangkan supaya kita wujudkan Lembaga Durian Pahang.

Memang sebenarnya idea ini, dia cetuskan dari Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar tentang Lembaga Durian Pahang dan kita dah buat, *exercise* kita pergi jumpa dengan pemain-pemain, jumpa dengan petani, kita tengok lihat bagaimana cara kita nak buat, kenapa? Kerana kita berhasrat supaya Lembaga Durian Pahang ni akan bertindak sebagai satu badan yang boleh menjaga kepentingan durian kita di Pahang. Rakan saya daripada Teruntum dan juga daripada Triang. Dua-dua rakan ini pergi ke China… pergi ke China berjumpa dengan pembeli, pengusaha, peminat durian. Mereka membangkitkan dia kata, "Mengapa durian di sini tak sama macam durian yang kita beli di Pahang?" Durian Raub, durian Bentong, durian kita lah yang ada, di Jerantut dan sebagainya.

Dia rasa pelik. Dia kata, "Makan sana sedap sangat." Tapi bila beli, hantar ke China, Durian tu tidak sesedap dan saya buat apa yang pernah dia rasa di sini. Dan kita teliti bahawasanya durian yang dia beli itu bukan sahaja durian Pahang tapi dia binkan ke Pahang ini macam kira ikan lah… ikan… ikan patin, oh ikan patin Temerloh entah ikan, nauzubilah minzalik, makna maksud saya ikan patin mana tak tahu tapi dia binkan Temerloh sebab apa jenama ikan patin Temerloh tu?

Hebat. Sebab itu dalam konteks seumpama ni kita kata kita nak tubuhkan satu entiti yang kita namakan Lembaga Durian Pahang tapi bila kita buat saranan ni tu, rupanya dia bercanggah juga dengan perundangan. YB Dato' penasihat Undang-undang dia mengelak ni. Bahawasanya kita kena buat RIA… RIA… RIA. Makna bahasa Inggeris dengan izin ni, Regulatory Impact Analysis kena buat. Tengok yang mana yang tidak bercanggah dengan senarai dan juga tanggungjawab Kerajaan Pusat. Bila saya siap dah ni, bentang EXCO kita perjelaskan bawa mesyuarat dengan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Tengok Kerajaan Pusat nak buat pulak cadangan wujudkan lembaga yang merangkumi nenas, kelapa dan durian. Adoi. Ha… disinilah sekarang ni kita tengah bincang, kita lihat bagaimana caranya yang kita tidak bercanggah dengan Kerajaan Pusat tetapi mewujud satu er... entiti.

Mungkin kita ada nama atau *brand* kita rakyat Pahang dengan nama, logo, *trademark* nya dengan izin yang boleh kita lekatkan kepada durian kita, kotak dia macam itu pap… macam katalah contoh lah, bukan saya nak er... maknanya dulu dia buat di Perlis. Kerajaan dulu dia buat di Perlis. Harum Manis, Perlis ada cap gitu. Jadi kita bukan kita nak tiru dia, tidak. Tapi makna nak jaga kepentingan sebab kalau Lembaga Durian, dia merangkumi seluruh Malaysia.

Ada durian ditanam di negeri lain. Bukan kita tidak… kita nak menafikan hak daripada negeri lain. Tapi kita nak jaga kepentingan kita. Sebab itu saranan daripada rakan saya daripada Talam ni akan kita perhalusi dan perkara ini telah pun dibincangkan dalam EXCO dan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri dan minta Penasihat Undang-Undang, YB Penasihat Undang-Undang untuk memberi garis panduan yang terbaik supaya kita tidak

bercanggah. Tapi pada masa yang sama kita jaga kepentingan kita. Terima kasih ini Batu Talam. Jadi yang ini kita akan perhalusi insya-Allah.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Minta... minta laluan kejap.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB TUAN SIM CHON SIANG

Rehat dulu, rehat dulu. Terima kasih EXCO Pertanian. Sebab baru-baru ini saya ke negara China dan kita berjumpa dengan Kerajaan China dan maklumat yang saya dapati adalah untuk durian macam dari Thailand, dari Vietnam telah dikawal oleh kerajaan. Memang er... jawapan yang diberikan oleh negara China kepada saya kerajaan ini er... setiap tahun lebih kurang durian Thailand, 8,000 kontena masuk ke China. Durian Vietnam masuk ke China 5,000. Malangnya, Durian Musang King begitu cantik, hanya 3000 kontena sahaja.

Itu yang *last* sebab kualiti tidak di *control*. Ini alasan yang kenapa… durian ini kita tidak dikawal. Itu banyak kali lah saya setelah kita bincang dalam MMK pun kita memang nak. Macam mana nak kawal durian ini? Terima kasih Dato' Sri.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Terima kasihlah rakan saya daripada Teruntum. Dia suka melawat China ini. Dulu melawat Myanmar, Thailand semua dia hebat... makna dia pergi sendiri. Laporan yang kita terima terus pasal kita kena kaji, teliti bagaimana caranya. Misal contohnya ini apa nama pengimportan durian ni sebab durian ni dia tak kita tak boleh halang. Thailand malahan di Hainan, Pulau Hainan di [tidak jelas], China di Republik China pun menanam durian.

Jadi, dia ada durian dia. Ada di apa nama Darwin di Australia, Australia, Darwin cuaca dia tu dia tanam durian dan kalau kita pergi ke Peru, kita pergi Peru, Latin Amerika, cuaca dia macam dalam Malaysia ni. Besar dia berapa kali ganda negara kita. Kalau situ tanam durian, hah padu kita. Jadi, kita kena ada pendekatan. Sebab itu kita duduk kita bincang cara macam mana yang terbaik. Sebab lembaga durian ini bukan semata-mata untuk kita eksport je sebab kita nak buat kajian.

Contohnya durian kita Beserah, berapa lama dah. Saya mula-mula bekerja di kerajaan, 1979 masa itu durian Hijau ni di… di Beserah ni dekat satelit itu dia kata dah ada tapi sekarang ni masih lagi ada. Tetapi dia tidak berkembang sampai ke tempat lain. Misal contoh er… Musang King ini dia semua orang ramai yang bertanam *so,* yang itu yang kita nak lihat kerana Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar menyatakan kita kena keluar produk kita, produk Pahang.

Jadi produk-produk Pahang. Macam di Ulu Cheka, ada durian kampung yang hebat dipanggil durian kampung premium boleh di kita angkatkan. Jangan bagi nama durian Kampung Ulu Cheka. Nama la sikit. Nama-nama komersial sikit Ulu Cheka Premium pap…UK… UK… Ulu Cheka… UC… UCP… UCP… UCP… er... itu maknanya bagi nama jenama tu. *So* mungkin yang tu kita nak lihat dan insya-Allah kita akan laksana… realisasikan dengan bantuan daripada rakan-rakan.

Bukan saja pihak kerajaan tetapi bukan kerajaan sekali pun insya-Allah. Kemudian saya lihat, terima kasih ini ADUN Lanchang. Dia banyak tanya soalan yang berkaitan dengan portfolio saya. Antara lain peruntukan dia kata. RM58.93 juta ni sektor pertanian, peruntukan Kerajaan Negeri. Terima kasih Kerajaan Negeri kerana memperuntukkan RM58.93 juta untuk sektor pertanian.

Persoalan di sini kata tak boleh ke naikkan sikit peruntukan tu supaya kita lebih… lebih apa nama maknanya kita boleh mantapkan lagi sektor pertanian. Saya nak maklumkan bahawasanya bajet kita dalam tahun sudah kita peruntukkan RM26.17 juta... RM26.17 juta. Tahun ini, RM58.93 juta hampir 1 kali ganda. Bukan hampir lah melebihi 1 kali ganda iaitu er… 55.6% dia punya apa nama dia punya bezanya di situ. Kemudian tahun sudah Kerajaan Pusat memperuntukkan RM19.9 juta hampir 20 juta. Tahun ini, Kerajaan Pusat menyediakan RM29 juta makna peningkatan. Di*combine* kedua tahun 2023, RM46.148 juta. Kali ni… tahun ni 2024 bukan tahun depan 2024, RM87.93 juta. Hampir sekali ganda lah. Jadi, ada peningkatan sebanyak 47.5%. Bagi menjawab tadi lah soalan daripada Lanchang ya iaitu kita ada peningkatan dan insya-Allah kita akan manfaatkan peruntukan ini.

Tak semestinya misal contohnya saya kata dari segi pertanian. Katalah ini peruntukan kerajaan. Tetapi sebenarnya ada usaha-usaha yang kita boleh buat tanpa perlu menggunakan peruntukkan kerajaan yang banyak. Inisiatif kita pergi kepada teknologi moden, IoT, kita kurangkan apa nama penggunaan buruh misal contohnya. Jadi, ini peningkatan yang boleh kita laksanakan dan kita perkenalkan pula benih-benih misal contohnya yang lebih berkualiti, bermutu insya-Allah. Dan ini kita akan usahakan insya-Allah. Walaupun lihat nampak kecil tapi sebenarnya seganda lebih daripada tahun sudah.

Kemudian er... ADUN Lanchang juga mencadangkan silibus. Silibus berkaitan penanaman padi diwujudkan di akademi dan institusi berkaitan sektor pertanian. Jadi saya nak maklumkan sebab nak sebenarnya khusus untuk padi itu dia tak boleh dibuat satu kursus padi. Tapi sebenarnya UPM Universiti Putra Malaysia ada menyediakan Diploma Pertanian dan subjek padi itu masukkan ada masuk dalam kurikulum dia.

Begitu juga di Kompleks Bumbung 5 di Pulau Pinang, Bahagian Pembangunan Industri Tanaman ada juga program di bawah Kompleks *Farmers Field School* dia panggil FFS dengan izin untuk petani sahaja untuk petani yang menanam padi tadi kita bagi kursuskan dia bagaimana caranya untuk dipertingkatkan pengeluaran padi tadi dari 5 ke 10 metrik tan 1 hektar. Ada. Sebab itu dalam konteks seumpama ini di Pahang, kita tak boleh nak wujudkan apa nama akademi itu semata-mata padi di Pahang ini sebab kita jelapang padi kita tu terhad di Rompin dan di di apa nama di Pekan.

Namun, insya-Allah kita ada kolej vokasional di Chenor, kita ada institut pertanian di Lepih. Yang ini kita boleh masukkan dia punya dalam kurikulum tu kita cadangkan supaya ada menyentuh mengenai padi kerana kita perlukan supaya penanam padi ini tadi dapat dilaksanakan secara lebih meluas.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat, peringatan manis kepada Yang Berhormat, 6 petang… sekarang ini masa.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ya, ya. Saya ingat ada 2 jam lagi takpe insya-Allah. Inilah ujian kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia, kita mesyuarat.

Jadi, terima kasih ini saya... saya tahu hari ini kita ada, pukul 6. Saya ingat dalam 10 minit lagi ya, saya segerakan. Jadi ADUN Lanchang... ADUN Lanchang lagi ...ha... okey. berlaku beras tempatan yang yang kekurangan apabila harga beras import meningkat.

Ini sebenarnya iaitu pasal SSL, *Self Sufficial Level*. Biasa dulu, India dia eksport. Bila dia eksport beras ni, pengeksport beras yang terbesar di dunia. Jadi, bila dia jadi lebih nasionalis, dia kata okey, dia *stop*. Dia berhentikan pengeksportan ke negara- negara lain terkesan. Sebab itu kita dalam konteks seumpama ini, Kerajaan Negeri ada memperuntukkan juga iaitu peruntukan sebanyak RM500 ribu saya ingat siapa dalam ini dia sebut lima ratus ribu untuk penanam padi di luar jelapang padi. Mulakan dengan di daerah Maran, Insya-Allah.

Di tempat-tempat lain, kita cuba galakkan. Tapi sebenarnya kalau kita pergi ke Korea, kita pergi Korea, di Korea dia tak besar mana sikit yang ditanam padi, dia buat padi huma dibuat gitu. Kita boleh mulakan misalnya contohnya kita buat sikit-sikit. Kalau semua orang buat gitu, ada bantuan benih input-input pertanian. Cuba daripada dia terbiar gitu, sebenar kita ada 29 ribu hektar tanah terbiar. Kalau boleh kita gunakan. Kita jadi produktif.

Insya-Allah kita juga dapat membantu sedikit sebanyak meningkatkan bekalan beras atau padi di negara. Saya tak perlu sentuh. Kita ada IADA Pekan, IADA Rompin. *So* sekarang ini penumpuan kita ialah kepada meningkatkan pengeluaran di kawasan IADA, Pekan dan Rompin yang merupakan jelapang padi yang baru yang dimasukkan oleh kementerian di bawah senarai jelapang padi, Insya-Allah untuk memberi sumbangan kepada pengeluaran padi negara atau pengeluaran beras negara Insya-Allah.

ADUN Pulau Tawar ada bangkit pasal berlaku er... tabung bencana tanaman padi dan tanaman semula melalui input pertanian.

Jadi, saya nak maklumkan sebenarnya sedikit sebanyak ada bertanya pasal penternak dan nelayan. Sebenarnya, Kemen… Jabatan Perikanan dalam tahun 2022 bila kita ada berlaku er... banjir pada ketika itu mengeluarkan peruntukan sebanyak RM1.95 juta. Ini Kerajaan Pusat untuk 294 penternak beri bantuan sikit dari segi input pertanian khususnya makanan ikanlah dan dalam tahun 2023, saya ingat ini ekoran kepada kemarau yang berlaku di Maran dan sebagainya. Ada sebanyak 192, 470 er... dikeluarkan bantuan kepada er... penternak-penternak yang... yang terkesan ekoran daripada bencana tersebut.

Jadi itu berkaitan dengan soalan yang telah dibangkitkan. Er… tadi, ini maksud ini ADUN Beserah. Bangkitlah ADUN Beserah ada diatas. Yang menyentuh pasal er... peruntukan ... peruntukan saya dah sentuh tadi hasil peruntukan yang sebenarnya sekali ganda er... bertambahnya bandingan tahun 2023.

Rakan saya daripada Kerdau menyentuh pasal program *Professional Butcher* ini dia sebenarnya kita sebab kita ada program kita ada ini... projek yang wagyu ni. Insya-Allah er... dalam bulan Disember ni, *batch* pertama mungkin ada 135 ekor wagyu yang kita beli daripada... daripada Australia akan masuk. Selepas 45 hari kita melalui proses kuarantin. Kita akan keluarkan ke ladang yang kita kawal di Bukit Kajang di Raub dan daripada situ kita akan laksanakan satu projek yang dinamakan sebagai Projek Wagyu Pahang.

So, selepas itu, saya telah buat tinjauan er... restoran-restoran yang menyediakan er... daging ataupun masakan stik wagyu ini semuanya mengimport daripada luar. Dia takde... takde *local supplier* dengan izin, semua daripada Australia… daripada Jepun. *So,* nanti program kita ni, kita nak perkasakan restoran kita supaya pelancong-pelancong juga dapat menikmati bukan saja pelancong tapi peringkat masyarakat biasa dapat juga

menikmatinya. Tentulah bila kita sembelih, kita kena lapahkan dia dan wagyu ni dia... dia... ni... apa nama satu ni... ternakan yang cukup berharga. Jadi kalau dia tidak ada kepakaran, kemahiran, rugilah maknanya nak potong *ribeye, sirloin, tenderloin*.

Jadi, inilah yang YB rakan saya daripada Kerdau sebut tadi profesional, penyembelih profesional atau *professional butcher* yang dikerjasamakan dengan AAH Nippon iaitu satu syarikat yang dipunyai oleh anak Malaysia yang berjaya tetapi beroperasi berpusat di Tokyo dan kita keluarkan sijil *professional butcher* yang diiktiraf di peringkat antarabangsa kerana *Master butcher* itu daripada Jepun. Dia akan latih anak pelajar kita bermula dengan 60 orang dengan kerjasama daripada apa nama Kolej Yayasan Pahang Advance Skills. Dia sebenarnya Yayasan Pahang Advance Skills, tapi sebab dia nama di YPAS. Er... saya kata ni tak boleh jadilah, YPAS. Jadi, bukan apa kita nak jaga juga hati rakan-rakan kan. YPAS? Jadi YPAS. Nanti kita bagi nama lain lah. Dia sebenarnya YP Advance Skill, jadi YP Yayasan Pahang Advance Skill tapi disebut tu, YPAS?

Jadi, timbul tanda tanya. Susah kita nak jawab. Contoh. Jadi, itu pasal saya tengok yang ni penting dan kita boleh juga bekalkan sebab kita punya pusat-pusat penyembelihan, pengarah misal contohnya, saya nak beritahu Pengarah Veterinar Pahang, Dr Kamaliah dia... dia lulusan daripada Universiti UPM. Tapi *Master Degree* dia daripada Massey University New Zealand. Dia menjadi panel untuk meneliti membuat akreditasi kepada pusat-pusat sembelihan yang JAKIM dan sijil halal di Australia di tempat lain.

So, penyembelih ni, dia di situ ada ruang untuk ini anak-anak kita yang mengikuti kursus *professional butcher* ni tadi untuk kita tempatkan di pusat-pusat sembelihan. Sebabnya kita tahu halalan toyyiban. Mana dia sembelih tu, kita tahu yang sembelih ini yang ada sijilnya. Bukan main tarik…sembelih je. Itu tidak.

Jadi, maknanya dan dia akan mewujudkan peluang pekerjaan pada anak-anak muda kita, di bandar-bandar yang tak nak ni… apa ni mikir tentang bidang akademik… di segi kajian, tapi kira praktikal dia akan masuk di bawah TVET. Makmal VK dengan izin yang boleh kita ketengahkan Insya-Allah. Ini kerjasama dengan KIPSAS dengan ... dengan UnIPSAS. UnIPSAS ni tadi ada sentuh rakan saya daripada Kerdau, wakil kerajaan sentuh kita nak wujudkan *teaching* apa nama *slaughterhouse* dengan izin. Maknanya kalau hospital kita khabar keluarkan doktor dia ada *teaching* hospital.

Jadi *teaching slauther house… teaching slaughterhouse* ini dia akan tengok proses penyembelihan sekali dengan dia punya proses di *birthning* dengan izin, lapahan. Sistem dia cukup sistematik, bersih. Tapi dia menelan belanja kos RM17 juta. Sebab itu, dalam konteks seumpama ini kita mintak Kerajaan Pusat bantu untuk jadikan misal contohnya satu bidang pengajian yang hebat dan mungkin kerjasama dengan BDF. BDF itu maknya mungkin kita tak buat pusat sembelihan tu di UnIPSAS, tapi kita buat di tempat pusat penyembelihan di BDF ataupun dipanggil BDF, *sorry*. Maknanya Jabatan Veterinar. Maknanya kita ni macam hospital... hospital... Hospital Universiti Malaya, Hospital di Serdang, hospital-hospital ini dia hospital yang beroperasi sebagai hospital *so,* dia dijadikan sebagai *teaching* hospital tapi dia hospital betul.

Jadi kita tak nak menjadi contohnya wujud di KUIPSAS, ini kita ajar seolah-olah macam pusat sembelihan pengajaran tetapi padahalnya dia tidak beroperasi macam biasa. Jadi, dia buat operasi macam biasa, tetapi pada masa yang sama pelajar akan duduk di situ, lihat proses yang sebenarnya, berlaku di dalam lapangan. Insya-Allah. Dan saya rasa yang lain tu perikanan. Dia banyak juga program yang kita buat. Antara lain tu, saya nak beritahu itu yang, apa nama Baung Ekor Merah.

Baung Ekor Merah ni dia sebenarnya kita ada peruntukan sebanyak RM110 ribu. Nampak macam sikit. Tapi kita nak buat advokasi. Tuan di-Pertua. Maksud dia kalau kita nak tangkap ikan Baung, Baung Ekor Merah ni dengan peruntukan RM110 ribu, dia tak banyak mana. Tapi kalau kita boleh difahamkan kepada nelayan-nelayan darat masyarakat di kampung, ikan Baung Ekor Merah ini dia menjadi *predator*.

Kalau dia masuk dalam sungai, dia akan makan habis ikan-ikan lain. Masuk ikan Kerai, ikan Jelawat, ikan Patin dan ikan-ikan tradisi. Habis ikan dia makan. Sebab itu kita kata tanggungjawab kita bersama, nak pastikan ikan kita ini tadi tidak jadi *extinct* ataupun dia panggil tidak pupus. Jadi, betullah kita buat siapa yang dapat ikan ini, bawa ke Jabatan Perikanan, Jabatan Perikanan akan bayar. Beli mungkin RM20.00 satu kilo. Mungkin di segi itu. Tapi kalau kita fikir kepentingan masa depan.

Jadi, sama-sama kita tangkap. Kita pastikan jangan ada orang kita pula pergi lepaskan ikan ini dalam sungai ataupun beli. Ceria pula ikan ini. Ceria ikan Patin atau ikan Baung Ekor Merah, kerana dia kalau masuk ke sungai, sungai kita maknanya spesies atau *variety* baka ikan tradisional ini akan terhapus.

Jadi dalam konteks umpama ini Jabatan Perikanan keluarkan berapa juta benih-benih ikan,udang dan sebagainya masuk dalam sungai? Masuk. Dia ada statistik yang akan saya sebutkan nanti. Ataupun saya nyatakan dalam... Maksudnya Jabatan Perikanan bagi benih-benih ikan-ikan, benih ikan Kerai, ikan itulah sebagainya. Udang, udang galah supaya sungai-sungai kita ini dapat kita suburkan. Insya-Allah.

Dan sikit sebanyak saya nak sentuh juga. Tadi pasal sektor Agro. Saya rasa yang lain dia kenyit-kenyit mata. Dato' Sabariah kenyit mata ke saya? Dato' kenyit mata ke saya? Dia jarang kenyit mata ni. Tapi hari ni dia kenyit-kenyit ini lah. Faham. *Point taken* lah. Kata orang putih. Jadi, saya kira yang tu *settle*. Apa nama Guai. Guai kata ok tu.

Jadi sedikit sebanyak saya kena sentuh juga mengenai pendidikan. Pendidikan kita ni, saya nak beritahu secara umum ni lah. Anak kita dari kelahiran Pahang ada duduk di Cambridge. Saya ada sentuh, hari itu saya ingat saya sentuh. Dia Benta, anak kelahiran Benta duduk jadi pensyarah di Cambridge University.

Dia sekolah Cina, SJKC Benta. Lepas tu masuk sekolah, Sekolah Menengah Kebangsaan Benta. SMK Benta. Sekolah kerajaan. Lepas tu pergi Sekolah Menengah Clifford. Menduduki SPM, antara yang terbaik. Bank Negara bagi dia, Biasiswa Kijang Emas. Belajar di Cambridge dalam Bidang Chemical Engineering. Boleh buat master, buat PhD. Sekarang duduk di Cambridge. Budak Benta je. Masa dia menunggu *result*, menunggu keputusan. Dia duduk kedai Pak Saudara dia... bila orang *order* ini apa nama... gas, dia bawa, tarik. Bukan dia naik basikal, tarik hantar ke... ini tong gas. Sekarang duduk di Cambridge. Jadi pensyarah mengajar orang putih, termasuk anak orang putih. Belajar dalam sistem pendidikan yang ada di Malaysia. Hebat. Ada yang daripada Bentong, Dr. Syamil, anak kepada sahabat saya, Dato' Jamaludin Buyong. Sekarang jadi pensyarah di Oxford University. Di sekolah rendah, pergi sekolah menengah, biasa, masuk. Pergi ke Southtown.

Southtown? ADUN Luit, tahu Southtown di mana? Southampton, dia panggil Southtown. Southtown di England. Dari England dapat *first class honour*. Kemudian masuk ke Oxford University buat master. Buat PhD, sekarang jadi pensyarah di Oxford University. Jadi, saya nak beritahu, alhamdulillah, tahun 2022 pencapaian SPM di negeri Pahang antara *ranking* yang terbaik *ever*. Kita dapat nombor 4 di peringkat nasional. Tinggi benar-benar.

Sebab itu maknanya saya nak ucap terima kasih kepada rakan-rakan sejawatan guru. Ini, insan yang mulia, cikgu-cikgu kita yang kadang-kadang duduk jauh pergi mengajar meninggalkan keluarga, isteri jauh tinggal di negeri ini, lara belaka. Tapi tak pernah kepentingan anak murid diabaikan, insya-Allah, memudahkan kita berdoa Allah SWT berilah rahmat kepada mereka semua ini. Kadang-kadang kita lihat sedih, kita tak sempat nak berjumpa.

Malahan, Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah menengah ni, mentang-mentanglah saya EXCO Pendidikan, PIBG minta rata ni kawasan saya, di Bentong, di Kuantan berjumpa semua. Sampai saya nak buka telefon, buka je, datuk ini peruntukan tu dah adoi... masya-Allah, baharulah saya tahu. Masya Allah sahabat saya daripada Kerdau ni pernah jadi EXCO Pendidikan ni ya. Rupa dia senyum saya. Lantak kau. Rasakan. Kita, bak ilmu ni sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, MB tak pernah kata *'No'. Never say 'No'.* Betul tak?

Saya nak beritahu. Dia tak kira anak siapa. Tak ada kita tengok latar belakang, bagi semua. Sebab apa, bila dia cerdik, dia boleh berfikir secara hebat. Hari ini, kita di sini. Tak tahu masa bila. Tapi insya-Allah memudahkan terus di sini lah. Maksud saya bukanlah saya, tapi maknanya parti memerintahlah, Barisan Nasional campur dengan PH Perpaduan kita. Macam manalah buat cerita kata orang ni nak lompat sana, nak terjun sini, ada yang nak menyelam ke sana. Buatlah mana patutnya. Tapi sebenarnya, hakikatnya, kita akan teruskan sebab apa anak cucu-cicit kita ni besok, kita nak sekolah kan. Supaya ada di United Nations.

Baru ni, Dato' yang tu, saya sebut, Dato' Sri Maimunah Syarif. Fuhh, bercakap pom-pom. Orang putih dengar hari ni. Gini lah, dengar, mengutuk mana pula, tidak. Maksudnya, umpamanya, dia ternganga. Ha, dengar. orang Malaysia kata, bercakap. Tan Sri Jemilah Mahmud, Jemilah Mahmud, ya? MERCY dulu kan. Sekarang dia dekat United Nations. Oliver, suara dia. Oliver, Mat Saleh, Oliver tu, duduk sebelah. Dengar cakap dia.

Kita nak ramai lagi. Yang betul. Anak-anak kita yang hebat ni, daripada Malaysia, duduk jadi peneraju di peringkat dunia. Bukan sahaja kita cakap pasal agenda negeri, cakap pasal agenda negara. Agenda dunia. Yang ini insya-Allah. Kita nak juga tokoh-tokoh kita, misal contohnya, yang hebat-hebat dalam bidang agama, kita nak hantar ke Morocco ni. Bukanlah karana orang Morocco lawa, tidak gitu. Selalu sebab itu. orang lawa pulak ke? Ada. Orang Malaysia ada yang lawa.

YB TUAN MOHD SOFIAN BIN ABD JALIL

Terima kasih. Rancak sungguh. Saya ingin mencelah sikit. Saya nak tanya, pelajar-pelajar kita yang pun dah menjuarai *award-award* dunia, *design, innovation* dunia, sekarang masih ada di sini, apa-apa kita nak buat.

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dan itu pasal kita Kerajaan Pahang mulakan dengan satu dana dia panggil 'apresiasi'. Maksudnya Dana Apresiasi. Maksudnya kalau dia hebat, dia sukan. Sukan hebat. Kita bagi insentif ke dia. Supaya dia rasa, eh *the thoughts that come*. Macam kitalah, YB. YB pergi ke... katalah pergi ke Mekah. Beli tasbih ke, bagi ke..., masya-Allah. Jadi tanda ingat. Walaupun tasbih itu dibuat daripada China. Misalnya contohnya, kita pergi ke Dubai, beli abaya, abaya, abaya, abaya. Ini apa nama, Guai ya. abaya, oh beli oh Dubai dah, made in India. Tapi *the thoughts that count*.

Jadi, sekarang ni, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri itu sendiri, boleh dengar je pencapaian anak-anak daripada masyarakat Orang Asli yang hebat. Yang kita

ketengah kan, Dato' Sri ... Yang hebat-hebat. Bukan saya juara peringkat negara. Peringkat antarabangsa. Kita bagi. Itu yang mula dengan pelayar, pelayar wanita. Yang dunia, dia buat *sailing*. Ini apa nama, *surfing*... *surfing*. Buat gitu, kita bagi. Pahang Talent, misalnya contohnya. Pahang Talent. Ya, Pahang Talent. Dan lain-lain.

Maksudnya di sini, wakil sahabat saya... Luit, ya? Luit, ya? Kita nak tengok macam mana kita supaya dia ingat, berkasih pada yang sayang, minta kepada yang ada. Itu pasal itu. Mana kita buat, kita bagi. Supaya kita dapat ketengahkan. Bila kita ketengahkan, misal contoh saya bercakap baru ni, dengan Dato' Si Maimunah ni tadi dia Executive Chairman, Executive Director United Nations Habitat. Dia kata, saya di sini dia bawa. Dia duduk di Nairobi. Tapi dia kata kalau Malaysia minta, Pahang minta, kita akan bantu. Sebab itu kita cadangkan kita nak jadikan Sungai Pahang, nak bersihkan, nak jadikan habitat baik.

Dia kata akan bantu insya-Allah dan kita akan libatkan pihak sekolah, anak-anak pelajar Program Eco School di mana anak-anak pelajar diberi pendedahan bagaimana dia mesti menjaga kepentingan alam sekitar sebab alam sekitar ni tadi bila sakit, demam, batuk, selsema sekali. Dia sebenarnya ada kesan juga kepada perubahan iklim ni dan ini sebenarnya datang bukan daripada saya, daripada Tan Sri Jemilah Mahmood ni seorang doktor yang hebat dari segi kesihatan di Public Health atau World Health Global Health. Dia bercakap bahawasanya kita perlu tanamkan kefahaman kepada semua peringkat termasuk anak-anak pelajar kita tentang peri pentingnya kita melaksanakan agenda pembangunan yang mampan.

Jadi, pada umumnya, saya nak beritahu bahawasanya sistem pendidikan yang ada dalam negara kita antara yang terbaik dan alhamdulillah ianya seimbang antara duniawi dan aspek ukhrawi ya… makna seimbang. Jadi, ada yang datang besok wakil daripada pihak kerajaan dan ada daripada akan jadi wakil daripada pihak bukan kerajaan. Jadi, kita bersaing, bukan bersaing dari segi apa… bersaing dari segi membantu untuk memajukan negeri Pahang yang tercinta ini, insya-Allah. Jadi, saya kira cukuplah maknanya setakat ini dah lebih kurang dalam satu jam dan ada dua jam lagi.

Jadi Tuan di-Pertua, saya sebenarnya saya lihat ini. Akhir sekalilah, marilah sama-sama kita eratkan perpaduan, perbezaan agama. Saya minta maaf kepada rakan saya daripada Cheka. Apabila dia sebut kita kadang-kadang macam ni… maklumlah kita bercakap atas tiket parti. Kadang-kadang kita semangat sikit tapi kadang-kadang tersentuh juga. Jadi, sesekali kita usik jelah. Ha… biasa ni pilihan raya di mana-mana pun sama. Misal contoh, tetapi pada dasarnya, kalau kita dapat wujudkan dari segi semangat keikhlasan untuk kita sama-sama bangunkan. Macam tadi rakan saya daripada Jengka… Jengka biasa dia sebut pasal ini… ini… ini satu cabaran bila ada urbanisasi bila berlaku urbanisasi, pendedahan, kita tak boleh nak halang. Contohnya… contoh… bukanlah saya nak anu…

YB TUAN SHAHRUL AZMAN BIN ABD HALIM

Mencelah sikit, sebut Jengka tadi. Saya ni ada 3 soalan tapi tak berani nak soal. Takut panjang lagi. [Ahli Dewan ketawa]

YB DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ha… Jengka ni… dia memang selalu geletek saya… tau ni Tuan Yang di-Pertua, apa maksud geletek, tau? Geletek… Ha itulah dia *tickling,* gelilah. Sebenarnya saya lihat proses urbanisasi ini cabaran sebab internet ni, sosial media ni dia boleh di tak ada macam sekatan. Jadi, kita kena *capacity build in*, kita kena pertingkatkan. Memang ada di kalangan kita nanti akan merasa seolah-olah macam kita ada dua standard, tidak… tidak begitu. Kita, kita laksanakan. Kalau nak kaji betul-betul, nak kaji betul-betul ini, Tuan di-Pertua,

terkadang tu macam Dato' Sri MB sebutlah maknanya macam mana kita tak boleh nak jadi pelangi kepada yang buta warna. *You do whatever*, buatlah apa benda sekali pun, dia hati dah tak berkenan. Nak juga ke duit missal contohnya. Kita tengok Luit pakai *tie* macam-macam gaya juga, tak ada benda. Tak ada pakai kopiah sama macam kawan-kawan lain tapi Luit tetap Luit, contohnya kan… tapi tak semestinya yang tak ada pakai kopiah ni, ni tak lebai. Ada… waktu masa bila.

Jadi, ini Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi merakamkan tahniah penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. [Ahli Dewan menepuk meja]. Janganlah rasa kecewa, kadang-kadang dalam hidup ni *sometimes* kita rasa *down.* Rakan-rakan bersama kita usahakan kita teruskan usaha kita. Insya-Allah demi untuk kepentingan dan kemajuan Pahang dengan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kita bersama-sama besok pun kita ada Majlis Perasmian PPSAS. Kita tengok dan kita jayakan bersama. Maknanya semuanya berada di landasan yang baik. Insya-Allah dan kalau ada yang kekurangan, beri maklum kepada rakan-rakan, kita boleh duduk minum teh duduk borak. Pentas politik lain, makna duduk sana, saya kalau kira macam kita main bola, Yang Berhormat mulia. Jadi, samalah kita main bola walaupun kira *team* seberang sana tu sepupu kita… dia *team* lain-lain. Jadi, kita main bersungguh-sungguh. Habis tiup wisel, kita salamlah, yang menang tetap menang, yang kalah, mengaku jelah kalah tu, contoh.

Politik tak kira macam mana kita tubuh kerajaan tapi sebenarnya dengan rakan bantuan daripada rakan-rakan daripada PH sebenarnya kita telah dapat menubuhkan sebuah kerajaan dan lihat saya nak berkongsilah sebenarnya. Peruntukan daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Pahang ekoran daripada hubungan yang baik antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat bukan untuk anu, bukan makna turunnya bantuan daripada Kerajaan Pusat, okey ni nak bagi kepada siapa? Tidak. Kita bangunkan bersama dan kalau dalam kelompok itu tadi ada petani-petani yang daripada bukan sama aliran, kita tetap bagi, insya-Allah demi untuk agenda yang sama.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucap terima kasih dan terima kasih sekali lagi kepada rakan-rakan daripada agensilah. Saya nak sebut sikit banyak… yang telah membantu saya walaupun dalam ketiadaan. Bukan saja di sini, setiap masa daripada agensi-agensi di bawah portfolio sayalah di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Jabatan Pendidikan dan lain-lainnya yang telah memberi kerjasama yang sebaik-baiknya.

Jadi, saya dengan ini menyokong Usul Belanjawan yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar.

Terima kasih, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja] Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat Wakil dari Benta. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada 8 orang ahli daripada pihak kerajaan yang telah memberikan jawapan-jawapan dan penjelasan-penjelasan di atas permasalahan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan mahupun penjelasan semasa pihak kerajaan menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin memaklumkan sekali lagi iaitu pada pada hari esok, Khamis 7hb Disember 2023, Persidangan Dewan Negeri ditempohkan. Ini

disebabkan kerana Majlis Perasmian Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah (PPSAS) yang akan dirasmikan oleh yang… oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Semua Ahli Yang Berhormat dijemput hadir ke perasmian tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam disarankan untuk memakai baju Kebangsaan lengkap bersongkok dan bersampin. Saya ingin me… memaklumkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat juga bahawa persidangan kita pada hari Jumaat akan dimulakan lebih awal sikit iaitu pada pukul 8.30 pagi.

Oleh kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menitahkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menghadiri majlis rasmi di Istana Negara pada jam 3.00 petang.

Jadi, mesyuarat kita akan diadakan pada 8.30 pagi hari Jumaat. Jangan lewat ya rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh yang demikian, persidangan kita akan disambung semula pada hari Jumaat 8hb Disember 2023 bersamaan 24 Jamadilawal 1445H bermula 8.30 pagi. Persidangan ditempohkan.

[Persidangan ditempohkan pada jam 06.34 petang]

MESYUARAT KE-3
PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG
KE-15

HARI KEEMPAT
08 DISEMBER 2023
(JUMAAT)

KANDUNGAN

TARIKH: 08 DISEMBER 2023 (JUMAAT)

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR	1
4	SAMBUNGAN MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024) 2023	9
5	RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024) 2023	
	- DALAM JAWATANKUASA	21
	- BACAAN KALI KETIGA.	36
6	MENIMBANG USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN DAN PERBEKALAN AIR TAHUN 2024	37
7	RANG UNDANG-UNDANG SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG (PEMERBADANAN) (PINDAAN) 2023 DN 28/2023	
	- BACAAN KALI PERTAMA	37
	- BACAAN KALI KEDUA	38
	- DALAM JAWATANKUASA	40
	- BACAAN KALI KETIGA	41
8	URUSAN-URUSAN AM	42
9	PENANGGUHAN	43

MESYUARAT KE-3 PENGGAL KE-2
DEWAN NEGERI PAHANG KE-15
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.

Tarikh : 08 Disember 2023 (Jumaat)

Masa : 8.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Mohd Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, - **Jelai**
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.
EXCO Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.
EXCO Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, - **Benta**
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.
EXCO Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, - **Kerdau**
SSAP., DIMP., AMP., AMN.
EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwal Orang Asli

Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, - **Bebar**
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan
EXCO Kerajaan Tempatan

Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim. - **Muadzam Shah**
EXCO FELDA, Koperasi dan Usahawan.

Yang Berhormat Dato' Sabariah binti Saidan, - **Guai**
DIMP., SMP.
EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita Dan Keluarga

Yang Berhormat Tuan Fadzli bin Mohamad Kamal, - **Dong**
DSM., AMP.
EXCO Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan

Yang Berhormat Tuan Sim Chon Siang **EXCO Hal Ehwal Pengguna Dan Sumber Manusia**	-	**Teruntum**
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man **EXCO Perpaduan, Pelancongan Dan Kebudayaan**	-	**Triang**
Yang Berhormat Tuan Lee Chin Chen **(Timbalan Yang di-Pertua Dewan)**	-	**Bilut**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	-	**Inderapura**
Yang Berhormat Dato' Abd Aziz bin Haji Mat Kiram, DSAP., DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK.	-	**Batu Talam**
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd Johari bin Haji Hussain, SSAP., DIMP., PPA.	-	**Tioman**
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	-	**Padang Tengku**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sharim bin Haji Md Zain	-	**Chini**
Yang Berhormat Dato' Rodzuan bin Zaaba, DIMP.	-	**Jenderak**
Yang Berhormat Tuan V Arumugam a/l A Veerappa Pillai,	-	**Sabai**
Yang Berhormat Tuan Khaizulnizam bin Mohamad Zuldin	-	**Kemayan**
Yang Berhormat Dato' Amizar bin Abu Adam, DIMP., AAP.	-	**Pelangai**
Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji	-	**Tras**
Yang Berhormat Tuan Su Keong Siong	-	**Ketari**
Yang Berhormat Tuan Woo Chee Wan	-	**Mentakab**
Yang Berhormat Tuan Ho Chi Yang	-	**Tanah Rata**
Yang Berhormat Tuan Chan Chun Kuang	-	**Semambu**
Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man SSAP., SJMK., DIMP., AMP.	-	**Cheka**
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	-	**Tanjung Lumpur**
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	-	**Beserah**
Yang Berhormat Tuan Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	-	**Tahan**
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	-	**Damak**

Yang Berhormat Tuan Mohd Tarmizi bin Yahaya	-	**Panching**
Yang Berhormat Tuan Mohd Sofian bin Abd Jalil	-	**Luit**
Yang Berhormat Tuan Mujibur Rahman bin Ishak	-	**Chenor**
Yang Berhormat Tuan Shahril Azman bin Abd Halim	-	**Jengka**
Yang Berhormat Tuan Mohd Yazid bin Mohd Yunus	-	**Lepar**
Yang Berhormat Dato' Jasri bin Jamaludin, DIMP.	-	**Kuala Sentul**
Yang Berhormat Tuan Yohanis bin Ahmad	-	**Pulau Tawar**
Yang Berhormat Tuan Mohamad Ayub bin Mat Ashri	-	**Sungai Lembing**
Yang Berhormat Tuan Mohammad Rafiq Khan bin Ahmad Khan	-	**Pulau Manis**
Yang Berhormat Tuan Hasan bin Omar	-	**Lanchang**
Yang Berhormat Tuan Hassanuddin bin Salim	-	**Kuala Semantan**
Yang Berhormat Tuan Nazri bin Ahmad	-	**Bukit Ibam**

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Indera Haji Zulkifli bin Haji Yaacob,
SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato’ Saiful Edris bin Zainuddin,
DSAP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, DSAP. **EXCO Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi Dan Inovasi** **EXCO Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau**	-	**Peramu Jaya**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Encik Mohd Zukri bin Sidek, SMP., AMP.

SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Pahang Ke-15 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Jumaat, 08 Disember 2023
bersamaan 24 Jamadilawal 1445 Hijriah

DOA

Perkara Pertama: Bacaan Doa.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kita mulakan mesyuarat kita dengan membaca Ummul Khitab Al-Fatihah.

Al-Fatihah [bacaan Al-Quran]. Bismillahirrahmanirrahim [Ayat al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir maslahah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan Taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduk sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenankan. Amin, Ya Rabbal A'lamin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN KEPADA MENTERI BESAR

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri Besar.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera. Salam Perpaduan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Alhamdulillah marilah kita sama-sama memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dapat meneruskan Persidangan kita pada pagi ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat kita pada hari ini bermula awal kerana memberi laluan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang untuk bergerak ke Istana Negara bagi menghadiri majlis rasmi.

Oleh itu saya mengurangkan jumlah pertanyaan lisan pada hari ini iaitu sebanyak lima pertanyaan sahaja. Sesudah itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan meneruskan dengan ucapan penggulungan, sebabkan mesyuarat kita bermula… disebabkan mesyuarat kita bersidang terus menerus maknanya kita tidak ada *break*, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah menikmati jamuan pada secara… pada pagi ini secara bergilir-gilir mulai 9.30 pagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita meneruskan aturan urusan mesyuarat selanjutnya, saya ingin memaklumkan beberapa perkara iaitu pihak… pertamanya; pihak TNB telah mengedarkan *infopack* - Persiapan Banjir TNB Pahang 2023 yang mengandungi informasi berikut:

- Persiapan TNB sebelum, semasa dan selepas banjir;
- Keselamatan Empangan TNB di Cameron Highlands;
- Persiapan aset kelengkapan TNB di seluruh Pahang;
- Panduan keselamatan elektrik ketika musim tengkujuh; dan
- Direktori Komunikasi, Bilik Gerakan dan Pegawai Khidmat Pelanggan serta teknikal TNB.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dimohon agar dapat memuat turun dokumen berkenaan melalui *QR Code* yang diedarkan.

Yang kedua, pada tahun 2023 akan melabuhkan tirai tidak lama lagi sebagai tanda tibanya tahun 2024. Pihak Dewan Negeri telah menyediakan kalendar tahun 2024 untuk Ahli-ahli Yang Berhormat. *Infopack* TNB dan kalendar tersebut tersedia dalam beg yang diletakkan di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang terakhir, Dewan Negeri juga telah mengedarkan Borang Kajian Kepuasan Pelanggan untuk diisi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bertujuan untuk menambah baik urus tadbir dan tatakelola Dewan Negeri Pahang.

Baiklah, sebelum saya meneruskan dengan atur cara urusan mesyuarat kali ini, saya nak mengalu-alukan kehadiran pemerhati kita. Pertamanya, daripada UMNO DUN Jelai – 8 orang, UMNO Indera Mahkota, UMNO Pelangai, UMNO Cheka, UMNO Batu Talam, wakil Keadilan, wakil MCA - Parti MCA, wakil daripada Parti PAS, wakil daripada Parti Bersatu dan wakil daripada Parti Amanah.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jika ada di Persidangan akan datang yang ingin membawa rakan-rakan ataupun pihak-pihak tertentu di dalam sebagai pemerhati, maklumkan kepada urus setia untuk kita urus, kendalikan dari segi tempat duduk dan sebagainya.

Baiklah, saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Bukit Ibam untuk mengemukakan pertanyaan.

YB TUAN NAZRI BIN AHMAD

Assalamualaikum WBT dan selamat pagi. Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1.

> [Berapakah kos yang diperuntukkan oleh Kerajaan untuk menyediakan Juadah Makmur bagi setiap masjid dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini untuk seluruh negeri?]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Terima kasih kepada sahabat saya dari Beserah yang mengemukakan soalan berkenaan dengan projek bekalan air daripada tahun 2021 sehingga 2026.

Assalamualaikum WBT. Selamat Pagi. Salam Sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih kepada ADUN Ibam yang bertanyakan soalan mengenai juadah makmur yang disediakan bagi setiap masjid dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Bukit Ibam, peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi penyediaan Juadah Makmur di setiap masjid adalah sebanyak RM15,189,720,00.00 jumlah yang telah dibelanjakan sehingga 5 Disember 2023 untuk seluruh negeri Pahang adalah sebanyak RM8,349,725.00. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya dijemput Wakil dari Lanchang.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Er… saya nak bangkit soalan tambahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Terima kasih. Er… saya lihat bahawa perbelanjaan kita besar untuk Juadah Makmur ini RM15 juta setahun daripada duit rakyat. Saya fikir lebih… lebih berfokus kalau sekiranya RM15 juta ini kita belanjakan kepada mereka-mereka yang memang sangat susah dan daif. Bukan hanya kita sediakan makan, siapa mari masjid semua dapat makan. Sebahagian mereka ni golongan yang memang B40... B20 pun, jadi minta pandangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. RM19 juta belanja setahun ni, kalau boleh kita fokus kepada golongan asnaf yang sangat memerlukan. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri yang di-Pertua,

Ini kita bagi orang makan ni, apa masalah dia? Saya ingat tidak ada masalah sebab Bantuan Prihatin. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Cheka, hampir RM40 juta yang kita sediakan untuk asnaf dan pelbagai golongan. Jadi kita tidak abaikan. Boleh dikatakan setiap individu, insan, rakyat negeri Pahang, insya-Allah Kerajaan Negeri Pahang tidak abaikan dan sepertimana yang telah kita janjikan, [Ahli Dewan tepuk meja] Apa jua yang kita dapat, kita akan kembalikan kepada rakyat, selain daripada RM600 juta yang memang dah kos tetap dibayar gaji dan lain lain.

Jadi, saya ingat perkara ini tidak boleh dipertikaikan. Lagi pun daripada RM15 juta yang disediakan, cuma kita belanja RM8 juta je, makna ada penjimatan di situ Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya, Wakil dari Lanchang.

YB TUAN HASAN BIN OMAR

Assalamualaikum Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 2.

[Krisis makanan terutama beras telah berlaku agak meruncing akhir-akhir ini.

a) Apakah langkah yang diambil kerajaan dalam mengatasi perkara tersebut dalam tempoh jangka pendek?

b) Adakah kerajaan berhasrat untuk memajukan semula kawasan tanaman padi/paya terbiar untuk tanaman padi?

c) Berapakah jumlah sebenar dalam jumlah kilogram beras super tempatan yang diperlukan untuk rakyat Pahang?]

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Lanchang bertanyakan mengenai krisis makanan terutama melibatkan beras ya, yang agak meruncing agak akhir-akhir ini. Apakah langkah yang diambil kerajaan dalam mengatasi perkara tersebut dalam tempoh jangka masa pendek? Antara langkah yang diambil kerajaan dalam mengatasi masalah kekurangan beras dengan memberikan tumpuan, peningkatan pengeluaran padi di kawasan jelapang. Ini maknanya kalau kita tengok dari segi kontak ini, Kerajaan Negeri Pahang, kita ada dua kawasan IADA, IADA Pekan dan IADA Rompin. Ini dipanggil *Integrated Agriculture Development Area*. Bukan Aida, maknanya nama macam Dato' D.O. Kuantan tapi IADA ini kawasan yang beri tumpuan iaitu kita ada di Pekan dan kita ada di Rompin.

Ini jelapang padi, dan kita tingkatkan di segi menyediakan kemudahan infrastruktur yang baik bagi membolehkan kita mencapai pengeluaran hasil yang optimum. Dan juga yang keduanya kita nak realisasikan hasrat untuk menangani permasalahan bekalan yang meruncing. Ini sebab apa, kita tumpukan kepada program yang dicadang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, iaitu dinamakan program *Smart* SBB, Sawah Berskala Besar, maknanya kita tumpukan kepada kawasan-kawasan untuk kita laksanakan penanaman dan juga pengeluaran padi di kawasan yang berskala besar dan kita cadangkan misal contohnya ada syarikat-syarikat yang besar yang berkemampuan misal contohnya BERNAS yang biasanya dia akan mengambil atau mengambil tindakan dari segi giliran, iaitu padi itu dibeli dan dia proses buat beras, tapi yang ini kita libatkan dia supaya dapat dia bertanam atau mengadakan projek berskala besar dengan pajakan tanah ni PSK.

Dan apakah yang keduanya, apakah hasrat… kerajaan berhasrat untuk memajukan semula kawasan tanaman paya terbiar untuk tanaman padi ini? Maknanya sama ada kita berhasrat untuk melaksanakan. Dia… kena tengok, kawasan padi yang… paya yang terbiar ini kadang-kadang tak ekonomik sebab infrastruktur. Padi ini memerlukan infrastruktur yang baik, pengairan dan sebagainya dan, kawasan yang paya yang terbiar

ni tidak termasuk di bawah jelapang padi. *So*, yang ini memang kerajaan teliti dan kita lihat kalau sekiranya ada potensi kawasan yang boleh kita bangunkan semula, yang ini kita beri tanggungjawab kepada Jabatan Pertanian.

Dan dalam… terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, kerana dalam bajet yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar yang telah kita sokong dan kita ya, yang banyak kita bahaskan dalam Bajet 2024 itu, Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri menyediakan RM500,000.00 untuk memajukan semula kawasan paya di luar jelapang padi khususnya misal contoh dalam kontek ini, di Maran. Ini sebagai contoh… contoh.

Dan persoalan ini pula ditanya jumlah sebenarnya kilogram Beras Super Tempatan yang diperlukan oleh Rakyat Pahang. Yang ini dia perlu statistik sikit, jadi saya nak sentuhkan sikit. Pertama sekali misal contohnya, kita lihat jumlah Rakyat Pahang ini dia…dia kalau ikut 1 juta 5 ratus… ni statistik yang dia berikan oleh… 1,550,998 orang. Itu Yang Amat Berhormat Dato' Sri sebutkan itu hampir 1.6 juta. Memang tepat. Dua orang lagi maknanya cukuplah. Dua orang itu yang sambil cakap ini, saya rasa sambil kita cakap ini, dah pergi lebih dari 1.6 juta. Ada yang ibu-ibu yang bersalin di HTAA, merata tempat.

Jadi, kalau dikalikan, maknanya saya ingat yang ini Yang Berhormat Dato' Sri, sebagai bekas pegawai kanan. Pernah tahulah iaitu kita kira, misal contohnya, mengikut perangkaan ya penggunaan beras bagi seorang ialah 80 kilogram setahun bersamaan dengan 6.7 kilogram sebulan, kilogram. Jadi kalau 6.7 kilogram, kali dengan 1,550,998, dia dapat 10,391,686.6 kilogram sebulan.

Kemudian, ada yang nyatakan Beras *Super*. Beras apa nama ni…ni yang bertanya itu Beras *Super* Tempatan. Jadi sebenarnya yang itu kita susah sikit sebab apa tiada data yang mengasingkan penggunaan beras putih tempatan dengan beras putih import. Jadi beras putih tempatan ini dia…dia ada ni bila kita tanam musim err… bertanam dan kita tuai hasilnya baru dapat beras putih tempatan. Jadi beras putih tempatan ni jadi beras putih tempatan ni dia menjadi pilihan kerana dia dikawal, harga dia RM2.60 sekilogram, sebab itu dalam konteks seumpama ini sebenarnya beberapa langkah telah diambil oleh pihak kerajaan. Khususnya untuk mempastikan bagaimana kita nak seimbang atau menjamin bekalan beras dapat sampai kepada penduduk Rakyat Pahang khususnya melalui kaedah-kaedah yang telah diperkenalkan. Bukan sahaja oleh pihak rakyat negeri, tapi oleh pihak Kerajaan Pusat ya. Dia ada langkah-langkah dia, menghadkan supaya tidak guna beras putih tempatan, dia guna beras putih import dalam ini apa nama, ini *packaging* yang disediakan.

Yang keduanya kita susah nak dapat statistik ni sebab dia selalunya pembeli ni dia ikut brand, dia ikut ni jenama, dia tak ikut beras putih tempatan, ni beras import, tapi dia ikut nama ini Jasmine, ini Faiza dan sebagainya. Jadi saya rasa yang lain tu dia agak detail, saya akan maklumkan perkara ni secara bertulis kepada rakan saya daripada Lanchang, boleh gitu? YB ya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay, orang Lanchang ni dia baik baik semua termasuk yang di atas ni. Seterusnya soalan ketiga, kita minta Wakil daripada Tioman.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Dato' Sri Yang Di-Pertua, saya mohon mengemukakan soalan nombor tiga. Terima kasih.

[Kelulusan awal menaik taraf surau oleh YAB Menteri Besar di Majlis Penyerahan Suratan Hak Milik Peneroka FELDA Selendang 02 pada 5 Disember 2022 di Dataran Wisma JKKR FELDA Selendang 02.

Nilai kelulusan RM500,000.00, RM300,000.00 ditanggung oleh JAIP manakala RM200,000.00 ditanggung oleh MUIP.

Namun dimaklumkan oleh Tuan Kadi pada 28 Jun di Majlis Maal Hijrah di Surau Selendang 02 mengatakan JAIP sudah ada kewangan tersebut tetapi MUIP belum ada kewangan itu menyebabkan kelulusan itu tergantung.

Apakah status kelulusan Masjid FELDA Selendang 02 ini?]

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang Di-Pertua, saya bila Tioman ini bertanya soal masjid, kelmarin masjid, hari ini masjid. Saya teringat kepada firman Allah SWT, Dato' Sri Yang Di-Pertua yang menyatakan (Bacaan ayat Al-Quran) "Orang yang mengimarahkan, macam Tioman inilah. Sentiasa memikirkan soal masjid. Adalah orang yang beriman dengan Allah SWT dan hari akhirat (Bacaan ayat Al-Quran) "dan mendirikan sembahyang" dan (Bacaan ayat Al-Quran) "dan mengeluarkan zakat". Jadi tahniah saya ucapkan kepada Tioman dan terima kasih bertanya tentang masjid…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat…

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Selendang 02.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ni macam kita berniat untuk buat masjid ni, baguslah ya?

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Bagus, tapi ada itu, niat hakiki, ada niat kinaya. Jadi Yang di-Pertua niat hakiki ke kinaya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Dia janji niat Yang Berhormat. [Ketawa].

YB DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

[Ketawa] Jadi Dato' Sri Yang di-Pertua,

Masjid Selendang 02 ni memang Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar telah mengumumkan untuk membantu sebanyak RM500,000.00, kemudian disokong oleh Majlis sebanyak RM200,000.00 tetapi dalam waktu yang sama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berunding dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, dia nampak kos itu perlu ditambah maka diluluskan sebanyak RM2,400,000.00 dan JKR telah dapat surat kuasa daripada Pejabat Pembangunan Luar Bandar, SDO untuk membina ini pada awal September kelmarin.

Insya-Allah, insya-Allah berkat kesungguhan sahabat saya daripada Tioman, tak lama lagi usaha-usaha untuk membina masjid itu akan berlaku. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Soalan seterusnya, kita pergi kepada Wakil dari Sabai.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L A VEERAPPA PILLAI

Yang Berhormat, Dato' Sri Yang Di-Pertua. Soalan saya, soalan 4.

> [Krematorium awam yang dibina bagi pembakaran mayat di Tanah Perkuburan Hindu, Karak telah musnah teruk akibat musibah banjir Disember 2021. Difahamkan permohonan awal dana bagi kerja-kerja membaikpulih krematorium oleh Majlis Perbandaran Bentong kepada kerajaan persekutuan telah ditolak dan permohonan baru telah dibuat. Apakah perkembangan terkini projek membaikpulih krematorium berkenaan?]

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih Sabai. Permohonan peruntukan untuk membaik pulih Krematorium di Tanah Perkuburan Hindu Karak yang rosak akibat musibah banjir dan musnah teruk telah pun diluluskan oleh kerajaan negeri sebanyak RM200,000.00. Terima kasih tahniah Sabai.

YB TUAN V ARUMUGAM A/L VEERAPPA PILLAI

Dato' Sri Speaker,

Saya mewakili masyarakat India, DUN Sabai merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dan juga EXCO yang menanggung kerja atas kelulusan tersebut. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih dan kasih wakil dari Sabai dan wakil kerajaan. Soalan terakhir untuk pagi ini. Wakil dari Batu Talam.

YB DATO' ABD AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 5.

> [FELDA telah mensasarkan pencapaian hasil 25 tan sehektar setahun dan kadar perahan minyak iaitu 23% bagi buah tandan segar. Apakah usaha-usaha FELDA bagi memastikan sasaran tersebut dicapai?]

YB TUAN IR. RAZALI BIN KASSIM

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera. Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Batu Talam yang mengemukakan soalan berkenaan, berkenaan dengan er… soalannya adalah dengan FELDA mensasarkan pencapaian hasil 25 tan sehektar setahun. Kadar perahan minyak

iaitu 23% bagi buah tandan segar. Apakah usaha-usaha FELDA untuk memastikan sasaran tersebut capai?

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Pada tahun 2003, FELDA telah mensasarkan untuk melaksanakan program 2523. Program ini berkaitan dengan sasaran pencapaian hasil sebanyak iaitu 25 tan perhektar dan pencapaian kadar perahan minyak sehingga 23%. Berikut merupakan usaha-usaha untuk mencapai sasaran tersebut. Yang pertama berkenaan dengan hasil 25 tan perhektar 25 tan perhektar ini pertahun ya. Iaitu dengan penggunaan pertamanya dengan penggunaan mekanisasi dalam penuaian seperti mesin cantas untuk menuai dan badang untuk mengangkut buah tanah segar ke lori.

Yang keduanya, penglibatan buruh tempatan terutamanya dalam kerja-kerja operasi ladang seperti menuai, membaja dan menyelenggara. Yang ketiganya, penggunaan *Smart Fertilizer* dan baja organik bagi memulihkan kesuburan tanah dan meningkatkan hasil sawit. Keempat pengurusan secara *Good Agricultural Practise (GAP)*. Yang kelimanya, kawalan musuh perosak dan penyakit secara bersepadu bagi mengelakkan kerosakan tanaman sawit secara berkala, secara skala besar, dan yang keenamnya menggunakan teknologi IR 4.0. Iaitu *Smart Smart Plantation, Managment Solution.*

Ini digunakan contohnya dalam mengesan penyakit dan membuat permohonan baja. Manakala untuk kadar perahan minyak 23% pula, program pertamanya buat program penerangan kempen atau pun kempen tuaian buah masak dan kutip biji lerai kepada buruh dan peneroka. Yang keduanya, penubuhan Jawatankuasa Peningkatan Produktiviti dan Kualiti bagi membincangkan kemajuan kadar perahan minyak di rancangan pada setiap bulan. Dan terakhirnya mewujudkan pemantau atau wakil peneroka di ramp kilang bagi memastikan kaedah menggred buah dilaksanakan dengan sebaiknya. Sekian terima kasih.

YB DATO' ABD AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Satu soalan tambahan.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila, kita bagi pada yang bertanya dulu, lepas ni Yang Berhormat Cheka boleh tanya.

YB DATO' ABD AZIZ BIN HAJI MAT KIRAM

Yang Berhormat Tuan Yang di-Petua,

Boleh tak kita nak tahu manakah di antara rancangan yang telah mencapai tahap 25 tan dan kita nak tahu adakah di antara rancangan yang yang tak capai langsung tak capai tu berapa peratus, mungkin dia 20 tan sehektar setahun. Mungkin ada juga yang sepuluh tan kerana ini akan memberi kesan kepada KDNK dan juga pendapatan kepada ini peneroka. Yang keduanya, kalau boleh saya mencadangkan pihak FELDA dia buat pertandingan sikitlah. Mungkin siapa yang capai 25 tan tu bagaimana Yang Amat Berhormat Menteri besar tengok baru ni ada kereta elektrik. Jadi siapa yang capai tu bagi kereta elektriknya ini. Menggalakkan juga kepada pengendali, terima kasih.

YB TUAN IR RAZALI KASSIM

Terima kasih Batu Talam er… berkenaan dengan pertanyaan untuk er… ladang-ladang yang telah mencapai hutan dia tu data kita akan dibekalkan data saya perlukan maklumat yang dikemukakan secara bertulis manakala cuma untuk er…. untuk mencapai 23% ini pihak FELDA dengan berkolaborasi dengan FGB dan 10 kilang yang telah di pelancaran untuk 10 kilangnya dibuat ialah FELDA Chiku, Mokir, Lepar 6, Lepar Utara 6, Lepar Hilir Selancar 2B, Serting Hilir, Kechau B, Kembarau 4 Budi, Mercu Puspa Hospita. Ini antara 10 kilang untuk pelancaran pertama dan insya-Allah benda ini akan terus dibuat untuk kilang-kilang yang lain.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila wakil daripada Cheka.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Pertama saya ucap tahniah atas hasrat FELDA untuk mencapai 25 tan sehektar setahun dan perahan 23% ini satu pencapaian yang agak tinggi lah. Tadi pun telah dimaklum ada 10 kilang yang buat kolaborasi. Saya tengok salah satu faktor untuk mencapai sasaran 23% perahan sangat tinggi. Komper apa yang diyakini 18-19 peratus perahan. Salah satu faktor ialah faktor kilang. Kita akui sebahagian di antara kilang-kilang FELDA adalah kilang-kilang lama yang kadar perahan yang agak merosot disebabkan faktor tersebut tetapi telah dimaklum oleh EXCO tadi, ada 10 kilang yang dalam proses kobrasi dan saya harapkan kalau boleh dapat dinilai kilang-kilang yang lama. Ia menyebabkan kadar perahan menurun dan hasilnya merugikan dua-dua pihak FELDA dan pihak peneroka. Apa pun, terima kasih di atas inisiatif tersebut.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih.

YB TUAN IR RAZALI BIN KASSIM

Yang di-Pertua,

Usaha sedang dibuat oleh FELDA walau bagaimanapun telah ada kilang yang mencapai 23%. Sebagai contohnya, iaitu kilang di Kechau yang telah mencapai 23%, Jadi saya percaya dengan usaha yang kolaborasi antara pihak FELDA dan FGB ini, usaha dibuat untuk mencapai 23% kerana ini usaha dah ada bukti benih pencapaian contohnya di Kechau. Sekian, terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih wakil daripada kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kita telah selesai membincangkan 5 pertanyaan dan jawapan. Sekarang kita teruskan aturan urusan mesyuarat selanjutnya.

SAMBUNGAN MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024) 2023

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara ketiga: Sambungan menimbang Rang Undang-undang Perbekalan (2024) 2023

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Rang Undang undang Perbekalan (2024) 2023 telah dibentangkan dan dibahas pada 4 dan 5 Disember 2023 pada 6 Disember 2023 seramai lapan orang dari pihak kerajaan telah mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Pada hari ini, mesyuarat akan menyambung menimbang rang undang undang tersebut. Saya dengan sukacitanya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk berucap dan membuat penggulungan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua kerana telah mengizinkan saya untuk menggulung perbahasan bagi pihak kerajaan negeri dan Jawatankuasa-jawatankuasa di bawah saya. Sebelum itu, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah, terima kasih kepada 30 orang Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah menyertai sesi perbahasan pada kali ini.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seperti yang semua sedia maklum, bahawa pada hari Isnin yang lalu, saya telah membentangkan Belanjawan Negeri Pahang 2024. Di mana menerusi belanjawan ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan perbelanjaan bagi memastikan perancangan pembangunan negeri dapat dilaksanakan secara optimum demi untuk kesejahteraan rakyat. Menerusi perbelanjaan ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM1.125 bilion ringgit bagi perbelanjaan mengurus dan RM301.29 juta bagi perbelanjaan pembangunan. Malah lebih membanggakan lagi apabila Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM1.169 bilion sehingga 5 Disember 2023 yang menyaksikan kejayaan mengutip hasil melebihi RM1 bilion untuk tempoh dua tahun berturut-turut.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, [Ahli Dewan menepuk meja]

Selain dari itu, keupayaan Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan berjumlah RM16.441 bilion juga merupakan satu kejayaan yang membanggakan terutamanya dalam kelembapan ekonomi yang sedang melanda dunia. Apa yang ingin saya nyatakan di sini, bahawa pencapaian ini membuktikan kerajaan perpaduan Negeri Pahang yang dibentuk selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 terus kekal stabil baik dari aspek kestabilan politik mahupun kestabilan kaum yang wujud di negeri ini. Malah belanjawan ini juga disifatkan sebagai belanjawan terbesar dalam sejarah pembentangan belanjawan di Negeri Pahang kerana Kerajaan Negeri pada hari ini mempunyai kemampuan untuk berbuat demikian.

Alhamdulillah, saya amat bersyukur kerana sepanjang lebih 5 tahun saya mengetuai pentadbiran Kerajaan Negeri dengan dibantu oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta pegawai dan kakitangan awam Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan. Pelbagai perancangan yang dirancang telah berjaya dilaksanakan dengan cemerlang sekali.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mulakan ucapan penggulunggan saya dengan isu perkhidmatan bekalan air yang masih dibangkitkan lagi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini. Di mana yang selalu saya tegaskan, perkhidmatan bekalan air merupakan salah satu keutamaan

dan fokus utama Kerajaan Negeri. Ini dapat dibuktikan melalui peruntukan saban tahun bagi menjalankan projek-projek pembangunan ataupun CAPAC selain terus meningkatkan keupayaan operasi. Komitmen Kerajaan Negeri dan Pengurusan Air Pahang Berhad ataupun PAIP untuk memastikan 90% isu bekalan air Negeri Pahang dijangka dapat diselesaikan pada akhir tahun 2026.

Agenda air Pahang ini amat besar dan kompleks, mempunyai beberapa komponen, memerlukan perancangan yang rapi, masa dan peruntukan kewangan yang besar. Malah kini segala inisiatif berada di landasan yang betul. Kerja-kerja sedang giat dijalankan demi memastikan hasrat ini dapat dicapai secara menyeluruh. Alhamdulillah, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, segala perancangan berjalan lancar dan kini telah membuahkan hasil. Sepertimana yang telah saya bentangkan dalam pembentangan belanjawan pada Isnin lalu, sehingga November 2023.

Kerajaan Negeri Pahang dan PAIP telah berjaya menyiapkan sebanyak 226 projek perkhidmatan bekalan air di seluruh Negeri Pahang, membabitkan peruntukan bernilai RM275.1 juta daripada pelbagai sumber termasuklah 17 projek pembangunan yang telah siap sepanjang tahun 2023. Antara projek yang telah siap dilaksanakan adalah pembinaan Loji Rawatan Air Baru Karak 2, yang telah berjaya menyelesaikan isu bekalan air di kawasan Karak dan Lanchang serta menukarkan pam di Muka South Rumah Pam Kobat dan daerah Kuantan dimana telah membantu memastikan bekalan air stabil terutama ke kawasan perindustrian Gebeng serta kerja-kerja menaiktaraf Loji Rawatan Air Sungai Jelai Daerah Lipis.

Kerajaan Negeri Pahang dan PAIP juga sehingga kini mempunyai 37 buah projek yang sedang dalam peringkat pelaksanan. Di mana surat setuju terima telah diserahkan kepada kontraktor yang dilantik. Nilai keseluruhan bagi semua projek ini berjumlah RM495 juta. Satu nilai yang bagi saya cukup besar dan sudah pasti kerja-kerja pelaksanaan yang cekap, berhemah amat dituntut dan akan dipantau rapi oleh PAIP. Antara projek yang sedang dilaksanakan adalah projek pembinaan Tangki Air Baru di Gebeng, daerah Kuantan bagi meningkatkan keupayaan bekalan air ke kawasan perindustrian di Gebeng.

Projek penggantian paip lama di beberapa kawasan, seperti Pekan Tajau Daerah Maran, Kawasan Teruntum Daerah Kuantan, Kampung Tanjung Agas Daerah Pekan, Kampung Cendera ke Ulu Atuk Daerah Raub serta Kampung Terengging dan Paya Luas Daerah Temerloh. Kampung Terengging Yang di-Pertua, Yang di-Pertua, tahu Terengging yang apa dia?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Er... Yang Amat Berhormat Kampung Terengging tu dulu saya pernah jadi Ketua Pemuda Bahagian di Mentakab. Terengging tu masuk dalam Bahagian Mentakab. Jadi banyak kali dah datang ke Kampung Terengging tu.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Apa makna Terengging Tuan Yang di-Pertua?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Amat Berhormat, insya-Allah Terengging saya tak tahu tapi saya akan rujuklah ke Kamus Dewan. Saya betul tak tahu. Ada yang tahu sini? Apa makna Terengging? Ini mesti ada sejarah yang sendiri, Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Sebab dia unik sikit ini Yang di-Pertua. Macam di Langkawi ada nama Kelibang. Ada... ada sejarah Kelibang itu. Macam budu juga. Dulu peda budu ada sejarah itu. Tapi yang tu tak boleh ceritalah dalam Dewan yang mulia, Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kita dalam kamar saja. [Ahli Dewan ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Selain dari itu, projek-projek yang masih belum dilaksanakan adalah sedang di peringkat prapembinaan. Di mana kerja-kerja merancang serta mendapat keper...keperluan kelulusan pelbagai peringkat-peringkat sedang dibuat. Keseluruhan, sejumlah 87 projek sedang dirancang dan insya-Allah projek-projek ini kelak akan berpindah ke fasa pelaksanaan dalam masa terdekat. Kesemua projek-projek ini secara keseluruhan bernilai RM2.6 bilion, tambahan RM300 juta daripada jumlah peruntukan yang saya maklumkan terdahulu.

Inilah manifestasi komitmen dan fokus Kerajaan Negeri dan PAIP akan terus dari semasa ke semasa meningkatkan pengkhidmatan bekalan air di negeri ini dan seterusnya memberi keselesaan kepada semua pengguna. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mengulangi komitmen kerajaan dalam menangani isu permasalahan bekalan air di Negeri Pahang. Dan sudah pasti masa amat diperlukan bagi melaksanakan kesemua projek ini selain daripada peruntukan kewangan dan perancangan yang rapi. Berilah ruang dan peluang kepada Kerajaan Negeri dan PAIP untuk melaksanakan semua inisiatif yang telah dirancang mengikut masa yang ditetapkan. Saya juga berharap, Ahli-ahli yang Berhormat, bila mana-mana projek yang dirancang telah siap, sama-samalah kita ucapkan terima kasih dan tahniah kepada PAIP. Semoga menjadi dorongan buat mereka yang telah bersusah payah selama ini untuk terus berusaha dari semasa ke semasa meningkatkan mutu perbekalan perkhidmatan air di Negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai isu perumahan di mana daripada soalan-soalan yang dikemukakan sama ada soalan lisan atau soalan bertulis serta semasa sesi perbahasan pelaksanaan projek dan inisiatif perumahan mampu milik untuk rakyat terus menarik tumpuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kerajaan Negeri akan meningkatkan lagi kecekapan pengurusan pembangunan sektor perumahan terutamanya penyediaan rumah mampu milik kepada semua kategori rakyat sama ada yang berpendapatan sederhana, sederhana rendah dan rumah-rumah bantuan Kerajaan Negeri kepada golongan yang memerlukan sesebuah kediaman yang selesa dan kehidupan yang berkualiti.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada agensi-agensi yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung yang sentiasa memberi fokus dan perhatian kepada keperluan pembangunan perumahan di Negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Semenjak Projek PR1MA Pahang diperkenalkan sehingga 30 November 2023. Kerajaan Negeri telah berjaya menyiapkan sebanyak 7,664 unit rumah dan telah mencapai sasaran untuk menyiapkan sekurang-kurangnya 7,000 unit rumah pada penghujung tahun 2023.

Untuk makluman, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, rumah PR1MA Pahang ini harganya RM150,000.00 dan kita bagi diskaun 10% kepada semua penjawat awam. Selain daripada itu, bagi memenuhi keperluan, rakyat berpendapatan sederhana rendah pula, sebanyak 28 Projek Rumah MAKMUR Pahang melibatkan 7,804 unit telah diluluskan dan pelaksanaan yang sedang giat diusahakan [batuk]. Yang ini juga Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, dibuat setelah Kerajaan Negeri Pahang merasakan ada di kalangan rakyat Negeri Pahang yang tidak mampu membeli rumah PR1MA Pahang, kita buat Rumah MAKMUR Pahang yang harganya lebih kurang RM80 ribu sahaja.

Namun begitu masih ada rakyat Negeri Pahang yang tidak dapat membeli rumah. Oleh sebab itu, kerajaan Negeri Pahang telah memperkenalkan Rumah Rakyat Pahang yang diberikan secara percuma semenjak 2020. Sehingga kini, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua sebanyak 1,029 unit rumah PR1MA Pahang er... Rumah Rakyat Pahang dengan kos keseluruhan berjumlah RM75 juta telah pun siap dibina di Negeri Pahang. [Ahli Dewan menepuk meja]. Selanjutnya 43 juta...

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Mohon mencelah boleh? Yang Amat Berhormat, sekejap je.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Boleh… boleh, sila.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sekalian rakyat negeri Pahang menyambut baik usaha kerajaan negeri inisiatif yang terpuji untuk membantu rakyat mendapatkan rumah yang mampu milik. Cuma persoalan yang kita timbulkan adalah pelaksanaannya yang banyak kali terbengkalai atau gagal untuk disiapkan. Kerana ini akan menghampakan rakyat yang telah dengan apa orang kata hati begitu gembira dapat rumah tapi bila dah diperuntukkan rumah tak siap-siap. Dua tahun, tiga tahun menunggu. Ini yang menghampakan rakyat yang menjadi isu. Jadi kalau boleh diselesaikan peringkat pelaksanaan itu dengan baik insya-Allah Pahang akan jadi satu usaha yang terpuji dari sudut perumahan ini. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada ADUN Beserah. Saya tidak nafikan ada kelewatan. Sebab itulah semasa saya memperkenalkan Rumah Rakyat Negeri Pahang ini bermula dengan sebuah rumah, dua buah rumah, pada tahun tersebut, kalau sekiranya Rumah Rakyat Pahang ini tidak siap, kita tidak akan *proceed* yang lain. Sekarang ni kita dah bagi setiap ADUN dapat lapan buah rumah tahun 2023, mana-mana kawasan yang tidak siap lapan buah rumah tahun depan kita bagi lapan buah rumah lagi.

Sekiranya tahun ini tidak siap, kita tidak akan *proceed* dengan lapan buah rumah yang kita bagi. Ini untuk kita *control backlog*. Dan masalah ini kita akan kenal pasti, walaupun saya seringkali menegaskan supaya ianya harus disiapkan mengikut masa yang ditetapkan kerana yang akan rugi ialah rakyat apabila rumah ini tidak dapat siap dibina.

Terima kasih daripada Beserah, insya-Allah kita akan perkemaskinikan lagi. Namun begitu, saya rasa tidak mungkin untuk kita mendapat 100% dalam dunia ini. *We cannot get* Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua w*e cannot get 100% in this world.* Kadang-kadang kita dapat 80% atau 90% itu pun dah okay dah.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

86, A dah Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ya.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kalau di Amerika, markah kita 86 tu, ke atas tu dah A.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Lulus dah tu?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya lulus dah. Bukan lulus, dapat A dapat A.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Cemerlang la.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Maknanya kalau 90 tu A lah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Okey. Mengikut analisa saya, melebihi 90% Yang Behormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Kita bagi satu tepukan untuk diri kita sendiri. [Ahli Dewan menepuk meja]. Terima kasih.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Selanjutnya RM43 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah Ru'RASA di mana untuk fasa pertama sebanyak 196 unit rumah dengan peruntukan berjumlah RM17.97 juta, manakala fasa kedua sebanyak 274 unit rumah dengan peruntukan berjumlah RM25 juta yang ini seharusnya kita menjunjung kasih di atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Agong bersama dengan kerajaan Abu Dhabi UAE di mana Tuanku telah mendapatkan peruntukan daripada kerajaan tersebut untuk membantu rakyat negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi tahun hadapan Kerajaan Negeri mensasarkan untuk menyiapkan rumah mampu milik berjumlah 4,342 unit melibatkan semua program perumahan. Rakyat negeri juga akan meneruskan lebih banyak lagi perancangan perumahan yang bakal ditawarkan, seperti Projek Rumah Mesra Pahang, Rumah Penjawat Awam Pahang dan Rumah

Pahangku yang mana akan memberi kepentingan terhadap rakyat yang kurang berkemampuan dan pada masa yang sama menitikberatkan aspek lokasi, kemudahan setempat serta kepentingan sosial dalam membantu menyediakan kediaman jangka masa panjang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Bagi meneruskan lagi agenda kesejahteraan rakyat, kerajaan negeri juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan rakyat di negeri ini memiliki tanah sendiri. Antara inisiatif tersebut adalah menerusi Skim Tanah Rakyat serta pemberian suratan hak milik kepada Peneroka FELDA. Untuk makluman rakan-rakan Ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini, Skim Tanah Rakyat Kerajaan Negeri telah meluluskan di tiga tempat. Yang pertama sekali, di Mempaga, sebanyak 10 Skim Tanah Rakyat. Kemudian di Jengka, empat dan satu lagi di Pelangai sebanyak empat juga di mana Skim Tanah Rakyat ini di beri fokus untuk Generasi Kedua dan Generasi Ketiga.

Saya berharap rakan saya EXCO FELDA akan dapat melaksanakan er… Skim Tanah Rakyat ini secepat mungkin kerana kerajaan negeri telah pun meluluskan dasar ianya dapat dilaksanakan... manakala sebagai langkah serampang dua mata untuk meningkatkan bilangan pemberimilikan tanah serta meningkatkan kutipan hasil maknanya kita bagi Skim Tanah Rakyat dan pada masa yang sama kita beri pemberian suratan hak milik kepada peneroka FELDA. Dan semenjak saya dilantik sebagai Menteri Besar takdir Allahnya pada Mei 2018 sehinggalah ke hari ini sebanyak 69,451 pemberimilikan tanah telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. [Ahli Dewan menepuk meja].

Pecahan-pecahan pemberimilikan tanah mengikut daerah adalah seperti berikut, di Pekan 3,311, Kuantan 14,000, Raub 2,323, Bentong 2,743, Cameron Highlands 168, Jerantut 5,225, Maran 4,000, Rompin 4,985, Bera 1,352, Temerloh 8,511, Lipis 4,994. Manakala Pejabat Tanah dan Galian Pahang mengeluarkan pemberikan hak milik sebanyak 17,816 dan jumlah terkini hak milik tanah di negeri Pahang adalah sebanyak 742,387 hak milik dan Kerajaan Negeri telah mensasarkan bagi tempoh 3 hingga 4 tahun akan datang hak milik tanah akan ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya 1 juta hak milik [Ahli Dewan menepuk meja].

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga khususnya kepada Pengarah Tanah dan Galian Pahang yang telah mengambil inisiatif menganjurkan Karnival Tanah Pahang [Ahli Dewan menepuk meja] di kesemua daerah bermula bulan Julai sehingga Oktober 2023. Menerusi karnival ini sahaja sebanyak RM258.753 juta telah berjaya dikutip selain mendidik pemilik tanah untuk lebih bertanggungjawab menunaikan kewajipan masing-masing dengan membayar cukai tanah sebelum 31 Mei setiap tahun. Dan insya-Allah melihat kepada keberkesanan Karnival Tanah Pahang akan diteruskan lagi pada tahun hadapan. [Ahli Dewan menepuk meja].

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Er... minta.... Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila... sila.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang Berhormat Dato' Sri,

Pertama saya ucap tahniahlah. Tahniah di atas usaha-usaha yang telah pun dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan pentadbir kerajaan negeri yang telah pun menyediakan banyak Skim Perumahan pada rakyat. Cuma saya ingin dapat penjelasan apakah kita tahu bahawa kos sebenar bagi rakyat ini ialah selain daripada kos pembinaan, ialah kos tanah. Mungkin kerajaan negeri ada perancangan, cuma dapat penjelasan. Apakah pihak kerajaan berhasrat untuk menyediakan tapak perumahan yang diberi kepada rakyat bagi mengurangkan kos bagi mereka membina? Pembinaan mereka buat sendiri tapi tapak itu kerajaan sedia sama ada kadar premium yang minima atau pun dia beri subsidi kepada tapak tersebut bagi membantu meringankan rakyat membina rumah bagi pihak yang mampu membina. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat daripada Cheka. Saya rasa Yang Berhormat daripada Cheka terlepas pandang masa saya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Skim Tanah Kita Warisan. Projeknya di Kuala Medang, di mana kita bukan sahaja…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Skim Tanah Warisan. Yang Berhormat mungkin Wakil Cheka dia tak berapa dengar tadi.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Skim Tanah Warisan. Pilot projeknya di Kuala Medang.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Ya saya faham. Saya tahu dan saya dah pergi pun tapak tersebut dan saya dah pergi tapak Kuala Medang. Soalan saya tadi ialah melibatkan beberapa kawasan-kawasan lain seluruh negeri Pahang. *Pilot project* okay, saya dah pergi pun melawat kawasan tersebut. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasihlah Yang Berhormat Cheka kerana masuk kawasan Jelai [ketawa]. Tapi sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat daripada Cheka kita dah selepas Kuala Medang kita akan buat ke Pekan. Kita tidak boleh buat sekali gus. Kita ada 42 kawasan. Sebab hasil kita RM1.1 bilion lebih je setahun. Kalau hasil Kerajaan Negeri dapat RM2 billion dengan sokongan daripada rakan-rakan daripada Baju Putih belah sini Pakatan Nasional. Insya-Allah setiap DUN kita akan buat Skim Tanah Warisan, kita sediakan tapak. Bukan setakat Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, selain daripada tapak infra pun kita bagi. Air kita bagi, bekalan elektrik pun kita bagi, longkang pun kita buat [Ahli Dewan menepuk meja].

Itulah kerajaan yang ada pada hari ini. Insya-Allah pandangan daripada Cheka kita akan ambil perhatian. Kalau kita mendapat hasil yang lebih, ada yang lebih, selepas Pekan, kita akan pergi ke kawasan lain pula Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin menjelaskan kenyataan Yang Berhormat Cheka, sewaktu meminta laluan ketika ucapan penggulungan EXCO Kerja Raya, Pengangkutan, dan Kesihatan Negeri

Pahang pada Rabu lalu, berhubung penghapusan hutang Kerajaan Negeri sebanyak RM2.074 bilion.

Yang sebenarnya ialah, yang sebenar-benarnya, usaha penstrukturan semula perkhidmatan bekalan air negeri Pahang telah bermula sejak 5 September 2018 lagi, di mana pada ketika itu, saya telah bersetuju untuk memulakan semula perbincangan tawaran Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dengan menterinya pada ketika itu ialah Yang Berhormat Dr. Xavier Jayakumar.

Selain daripada itu, saya bersama dengan rakan-rakan pegawai kerajaan telah beberapa kali berjumpa dengan…

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Teruskan Yang Berhormat, Yang Berhormat semuanya berpengalaman belaka. Bangun, bercakap [ketawa].

YB DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Sri Speaker,

Seingat saya, wakil Tras masa itu merupakan Timbalan Menteri Kementerian berikut, bukan begitu?

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua,

Sebenarnya betul saya minta MB teruskanlah ucapan tu, betul.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

[Ketawa]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Tujuan saya membangkitkan ini kerana saya seharus dan wajib menceritakan fakta yang sebenarnya. Kerana kita tidak mahu persepsi mengatasi fakta. Jadi saya nak ceritakan bermula daripada 2018, Menteri Ketika itu Dr. Xavier, Yang Berhormat Dr. Xavier dan saya juga bersama dengan rakan-rakan pegawai kerajaan telah juga berjumpa dengan

Menteri Kewangan, kerana Menteri Kewangan adalah terlibat secara langsung untuk memastikan pelupusan hutang Kerajaan Negeri ini, kena mendapat juga kebenaran Yang Berhormat daripada Menteri Kewangan selain daripada Perdana Menteri untuk dibawa ke Kabinet.

Dan untuk merealisasikan perkara ini Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu pasukan *Task Force* bagi merunding dan menguruskan langkah-langkah penstrukturan. Kerana ini bukan perkara yang mudah, untuk mengurangkan hutang Kerajaan Negeri, dan untuk kerajaan menghapus kira bukan satu perkara yang mudah.

Walaupun RM0.01 sen, kita tahu kerana duit kerajaan ini, RM0.01 sen pun diaudit dan diambil kira. Dan kita menubuhkan pasukan *Task Force*. Pada 29 September 2019, hapus kira hutang projek bekalan air luar bandar yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan telah pun dimuktamadkan. Ini adalah fakta, untuk makluman rakan-rakan daripada sebelah sini dan daripada sebelah sana. Saya ulangi sekali lagi, pada 29 September 2019, hapus kira hutang projek bekalan air luar bandar yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan telah dimuktamadkan.

Dan pada 30 Mac 2020, ketika itulah, Yang Berhormat Cheka, ketika itu, baru sahaja dilantik menjadi Menteri Alam Sekitar dan Air, dan semua deraf perjanjian dikemaskini dan dimuktamadkan berdasarkan terma-terma utama yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang, termasuklah juga jumlah yang dia setuju hapus kira dan dinovasikan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM2.074 bilion.

Walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Cheka ketika itu selaku menteri, telah pun meluluskan atau pun telah pun menurunkan tandatangannya. Maknanya kalau main bola ini Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, kalau kita duduk depan gol, bila kita *passing* bola itu kepada *players* itu, dia terus tendang bola masuk gol je lah. Maknanya yang lain-lain daripada *goalkeeper, fullback*, apa lagi, apa ini, *midfield, right wing, left wing striker*, mana yang duduk depan tu?

Ketika itu analoginya, Yang Berhormat daripada Cheka dan sumbat bola itu dalam gol. Kalau [ketawa], untuk mengatakan ianya bermula daripada A sampai Z, Yang Berhormat daripada Cheka membantu adalah tidak benar sama sekali. Cuma Yang Berhormat daripada Cheka melengkapkan sahaja apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI

Boleh, boleh mencelah? Ya, sebenarnya apa yang MB cakap tadi betul. Bermakna ia bermula pada tahun 2018 lah masa zaman Pakatan Harapan juga. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Sri Speaker, saya perlu jelaskan sikit. Bagi saya, siapa-siapa jadi kerajaan, dia harus jalankan tanggungjawab. Bukan kira parti politik. Dalam perjanjian Pahang, ada saya sebut semalam dalam pencelahan, isu ni dah tujuh tahun tak selesai. Jadi kita berjaya selesai bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Salah satu syarat dalam perjanjian untuk Pahang dapat pelepas, pelupusan hutang ini ialah kerana naik tarif air. Pahang pada waktu itu, Pahang, Kedah, Perlis, tiga negeri yang

berjaya selesaikan *agreement*. Tapi Pahang tak dapat manfaat. Kenapa Pahang tak dapat manfaat pada perjanjian? Kerana salah satu syarat dalam perjanjian ialah tarif air dinaikkan kerana Pahang paling rendah sekali tarif di Malaysia. Jadi kita perlu naik tarif. Selagi tarif air tak naik, apa perjanjian dibuat pun, manfaat pada negeri tak dapat.

Sebelum berlaku peralihan kerajaan, hujung pilihan raya sebelum ini, kita telah berjaya naik tarif air untuk industri, domestik belum. Dengan, dengan naik tarif air itulah, Pahang mendapat penghapusan hutang luar bandar dan inovasi dengan Kerajaan Persekutuan. Saya fikir, bagi saya pun tidak nak panjang isu ini, cuma saya nak jalankan fakta, macam Yang Berhormat Menteri Besar bahawa terma syarat itu hanya daripada Pahang sahaja, negeri lain tidak letak syarat tersebut.

Tapi Pahang kritikal, kadar tarif air kita sangat rendah dan lepas itu kerana itulah kita luluskan untuk tarif air industri dinaikkan yang menyebabkan Pahang mendapat pelupusan hutang tersebut, terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, maknanya Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Pahang ini sangat prihatin. Kita tidak sanggup menaikkan tarif air kerana kita tahu rakyat negeri Pahang masih dibelenggu kemiskinan, itu sebab dia Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita nak naik, mudah je nak naik, tapi kita tidak naikkan. Tapi walau bagaimanapun sebab saya ingat dah 40 tahun tarif air tak naik, usaha-usaha sedang dijalankan sekarang ini untuk dibincangkan untuk menaikkan tarif air. Saya ingat Yang Berhormat daripada Benta, pernah mewakili saya masa mesyuarat dengan PM kita ada bincang. Agenda khusus berkenaan tarif air ini, insya-Allah kita akan umum. Apa pun, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Cheka, kerana membantu saya menyumbatkan bola masuk ke dalam gol. [ketawa]

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Itu Yang Amat Berhormat, orang panggil itu apa Yang Amat Berhormat, tuah badan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tuah badan [ketawa] Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan ucapan ya?

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Menjawab soalan tambahan Yang Berhormat Jengka, mengenai adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat penurunan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian atau Pentadbir Tanah bagi kelulusan tukar syarat dan pecah sempadan serentak di bawah seksyen 124A Kanun Tanah Negara.

Saya ingin menjelaskan bahawa pada masa sekarang telah ada perwakilan kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah Daerah bagi mempertimbangkan kelulusan tukar syarat nyata bagi tanah pertanian yang

berkeluasan kurang daripada 4 hektar atau pun 10 ekar, manakala perwakilan kuasa kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi tanah pertanian yang berkeluasan melebihi 4 hektar tetapi kurang daripada 40 hektar yang mana telah memudahkan pertukaran syarat bagi tanah pertanian.

Susulan pelaksanaan cukai tanah baru mulai tahun 2020, Pihak Berkuasa Negeri telah mewakilkan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian Pahang serta Pentabir Tanah Daerah untuk kelulusan tukar syarat tanah *Nil* kepada pemilik tanah yang belum membayar cukai tanah pada tahun 2020. Yang mana ini memudah dan mempercepatkan pemilik tanah untuk menukar syarat kegunaan tanah kepada pertanian, bangunan kediaman, komersial dan industri. Yang secara langsung membolehkan pemilik tanah membayar cukai tanah mengikut syarat baru yang diluluskan.

Malah, pada peringkat awal saya dilantik sebagai Menteri Besar. Antara perkara pertama yang saya lakukan ialah menurunkan kuasa kepada Pegawai Daerah dan Pengarah Tanah dan Galian Pahang bagi mendapatkan kelulusan kebenaran pindah milik gadaian dan pajakan tanah bermula 1 Ogos 2018.

Keputusan ini dibuat bagi mengurangkan kerenah birokrasi sambil menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri yang dapat memudah cara dan memendekkan tempoh bagi urusan-urusan berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Memandangkan hari ini hari Jumaat dan kita kesuntukan masa kerana saya akan beredar sebelum jam 12 bersama dengan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan kerana telah dititahkan untuk hadir di Istana Negara pukul 3 petang. Saya rasa setakat ini sajalah penggulungan saya pada kali ini. Marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah SWT sentiasa merahmati dan memberkati segala usaha yang kita laksanakan untuk kesejahteraan dan kemakmuran Negeri Pahang. Insya-Allah ditokok apa yang kurang, dicantum apa yang jarang, dihimpun apa yang kejauhan dengan sifat Rahman dan Rahimnya dihampakan segala dosa yang kita lakukan.

Semoga persidangan kita pada kali ini diterima oleh Allah SWT sebagai bukti isytihar hambanya sebagai khalifah di atas hamparan dunia ini. Yang indah itu dari ilahi dan yang kurang itu sifat insani. Marilah kita berdoa kepada Allah yang Maha berkuasa, agar ditetapkan iman kita di atas jalan kebenaran. Semoga kita sentiasa istiqomah dalam perjuangan. Semoga saya telah menjawab sebahagian besar persoalan yang diajukan kepada saya sebagai Menteri Besar, yang turut mengetuai jawatankuasa negeri-jawatankuasa negeri yang dipertanggungjawabkan ke atas saya. Jika ada soalan-soalan lain yang tidak berjawab, insya-Allah jawapan secara bertulis akan saya berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Sudah-sudahlah mencipta persepsi,
Sekarang waktu kita bekerja,
Belanjawan negeri bukti prestasi,
Elakkan sengketa, perpaduan dibaye.

Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, di atas penggulungan tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Perbekalan (24) 2024 2023 telah dibentangkan dan dibahaskan pada 4 dan 5 pada Disember 2023. Oleh itu, Majlis Mesyuarat dalam Jawatankuasa. Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

[DALAM JAWATANKUASA]

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM8,955,059.00 sahaja untuk Kepala B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli Yang Berhormat, bersetuju, nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada.

Kepala B.01 - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menjadi sebahagian daripada jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa, wang sejumlah RM127,950,488.00 sahaja. Untuk Kepala B.02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan"setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada.

Kepala B.02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.03 - Pejabat Kewangan dan Pembendaharaan Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.03 - Pejabat Kewangan dan Pembendaharaan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

Masalahnya, wang sejumlah RM225,456,263.00 sahaja. Untuk Kepala B.03 - Pejabat Kewangan dan Pembendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan"setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada.

Kepala B.03 - Pejabat Kewangan dan Pembendaharaan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM1,229,234.00 sahaja. Untuk Kepala B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan"setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada.

Kepala B.04 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri menjadi sebahagian daripada jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.05 - Dewan Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan 0 B. Kepala Bekalan B.05 minta maaf ye... banyak sangat kepala [Ketawa]- Dewan Negeri dibuka untuk dibahas. Sila wakil daripada Beserah.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih di atas peluang yang diberikan. Saya cuma ingin er... penjelasan dan pencerahan dalam Kepala B.05 - Dewan Negeri er... yang er... memperuntukkan RM12,989,530.00 dari peringkat bekalan tapi bila saya rujuk buku bajet ni, ada satu lagi ruangan tanggungan T.05. Dia tak ada muka surat ni jadi saya tidak boleh rujuk berapa muka surat. T.05 Dewan Negeri juga tanggungan Dewan Negeri, Kepala T.05 bahagian RM40,000.00 Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Pada tahun 2023, kita membelanjakan peruntukan RM20 juta. RM108,000.00 tapi 2024 diturunkan kepada RM10 juta dari sudut tanggungan itu. Apa justifikasi penurunan tersebut? Kenapa berlaku penurunan? Kalau boleh kita dapat sedikit pencerahan. Terima kasih Pengerusi.

YB PENGERUSI

Sila. Yang Amat Berhormat.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua.

Er... saya fikir perkara ni dibuat sedikit pengurangan, kerana bagi tujuan penjimatan. Kerana kita tahu, er... Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kita ni, er... YDP yang baru untuk penggal ni. Jadi, YDP ada bincang dengan saya, merasakan bahawa ianya terlalu tinggi dan beliau bercadang untuk membuat penjimatan. Dan er... Itulah sebabnya berlaku sedikit pengurangan daripada tahun sebelumnya kepada tahun ini. Itu cadangan daripada beliau lah. Dan ini satu usaha yang bagus. Lazimnya bajet ini berlaku peningkatan 5% *every year*. Sepertimana belanjawan Kerajaan Negeri. Tapi ini berlaku penjimatan. Tapi saya tak tahulah, mungkin dia kurang kat sini, dia naik sikit kat sana, mungkin saya terlepas pandang, tak tahulah, mungkin Yang Berhormat Yang di-Pertua lebih arif lagi. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YB PENGERUSI

Yang Berhormat Dato' Sri, yang penting sekali, elaun wakil rakyat tidak dipotong. Masalahnya bahawa...

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Boleh saya mencelah sikit. Terima kasih Dewan Negeri. Ada beberapa perkara yang saya hasrat untuk maklum supaya kita ada penambahbaikanlah kepada Dewan Negeri. Tahniahlah apa yang sedang berlaku. Tuan Sri Speaker. er... di antaranya ialah kalau kita tengok sidang Dewan Negeri-negeri lain, dia ada siaran langsung sidang Dewan Negeri. Zaman sekarang ini kan semua media dia buat siaran langsung. Saya fikir, Pahang boleh ke arah itu. Yang kedua penambahbaikan ialah tentang soalan-soalan. Biasa soalan diberi

pada hari kita bersidang. Jadi kita tak tahu apa soalan kita naik atau tidak besoknya. Kalau boleh diberi pada lebih awal. Ini-ini penambahbaikan saya bukan berhubungan dengan bajet. Tapi dengan bajet yang telah diperuntukkan, saya fikir Yang Amat Ketua Dewan boleh berfikir ke arah itu. Terima kasih.

YB PENGERUSI

Insya-Allah.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk cadangan yang dikemukakan oleh YB Cheka tu memang dalam perancangan Kerajaan Negeri. Memang telah pun kita rancang, kita telah pun bincang dan cuma ada beberapa perkara lagi yang perlu kita halusi. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB PENGERUSI

Ada lagi perbahasan?

Kalau tiada. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM12,989,530.00 semula-semula. RM12,989,530.00 sahaja. Untuk bekalan B.05 - Dewan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Bekalan B.05 - Dewan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Bekalan... Kepala Bekalan B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM70,189,983.00 sahaja untuk Kepala B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.06 - Jabatan Kerja Raya Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin dapat penjelasan sedikit berhubungan dengan Kepala B.07. Di bawah butiran 20 ribu perkhidmatan dan bekalan. Kalau kita lihat er... daripada tahun 2023 sebanyak RM2,645,168.00. Tapi dalam tahun 2024, dianggarkan bajet kita RM9,897,374.00. Bermakna ada tambahan hampir RM7 juta berbanding tahun lepas. Cuma saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kerajaan, penambahan RM7 juta ini er... di bawah butiran perkhidmatan bekalan ini pada apa dia, elemen sehingga RM7 juta ada peningkatan yang agak besar. Sekadar untuk dapat penjelasan. Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terima kasih. Yang Berhormat ini Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua adalah berkaitan dengan ESG, Kelestarian Alam, *Environmental, Social and Governance*. Jadi kita perlukan bajet tambahan dan kita juga ingin meneruskan kempen er... 1 juta pokok dan juga ini memerlukan peruntukan. Sebab itu ada berlaku sedikit tambahan.

YB PENGERUSI

ESG dan STG.

Tiada Perbahasan lagi.

Masalahnya bahawa wang sejumlah iaitu RM59,304,373.00 sahaja untuk Kepala B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.07 - Jabatan Perhutanan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada.

Masalahnya bahawa wang sejumlah iaitu RM21,104,373.00 sahaja untuk Kepala B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Kepala B.08 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.09 - Jabatan Pertanian Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.09 - Jabatan Pertanian Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah iaitu RM31,001,365.00 sahaja untuk Kepala B.09 - Jabatan Pertanian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.09 - Jabatan Pertanian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.10 - Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.10 - Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

YB PENGERUSI

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM27,367,898.00 sahaja untuk Kepala B.10 - Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.10 - Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.11 - Pejabat Daerah dan Tanah Bentong.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.11 - Pejabat Daerah dan Tanah Bentong dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM7,381,899.00 sahaja untuk Kepala B.11 - Pejabat Daerah dan Tanah Bentong menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.11 - Pejabat Daerah dan Tanah Bentong menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.12 - Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.12 - Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM6,435,557.00 sahaja untuk Kepala B.12 - Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.12 - Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.13 - Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.13 - Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan.

Masalahnya bahawa wang sejumlah RM8,407,183.00 sahaja untuk Bekalan B.13 - Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.13 - Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.14 - Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.14 - Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan dibuka untuk dibahas.

YB TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Yang Berhormat Pengerusi,

Saya ingin er... sedikit penjelasan sebab daerah Kuantan ini daerah saya lah. Jadi saya kena, kalau kita tengok peruntukan yang diberikan kepada daerah-daerah lain, hampir sama dengan Kuantan sedangkan Kuantan ni komposisi penduduknya, jumlah penduduknya lebih padat dan kawasannya luas. Ada 4 Parlimen dalam daerah Kuantan. Maka peruntukan kepada Pejabat Tanah daerah Kuantan ni seharusnya diberikan sedikit er... macam *ratio* penduduk kepada peruntukan tersebut.

Jadi dia lebih kurang sama, sama ada dari sudut perkhidmatan dan bekalan serta aset, lebih rendah daripada Jerantut. Pemberian peruntukan aset di Kuantan. Perbekalan dan perkhidmatan sama dengan daerah-daerah lain. Jadi saya rasa, ianya memberi sedikit kekangan kepada Pejabat Tanah daerah Kuantan untuk melaksanakan tugasan mereka dengan komposisi ataupun bilangan penduduk yang besar, daerah yang luas, dengan bajet yang kita beri sama dengan daerah lain. Jadi saya harap ada sedikit pertimbangan mengikut jumlah penduduk dan keluasan kawasan bila kita menganggarkan peruntukan untuk Pejabat Daerah dan Tanah. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih. Rakan saya daripada ADUN Beserah. Saya ingin memaklumkan di Dewan Yang Mulia ini bahawa setiap bajet yang kita buat ini, kita mengadakan perbincangan. Maknanya bukan er... Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri dia teringat bangun pagi ini nak letak RM12 juta, RM11 juta tidak dan ini bajet yang ingin dikemukakan ini adalah daripada Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan juga dan mereka memberikan cadangan kemungkinan pada masa itu kita ada perbincangan, ada yang kita tambah, ada yang kita kurang tetapi lazimnya kita akan ikut apa yang dicadangkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Kuantan.

Jadi saya ingat yang ini tidak ada isu dan lebih lagi pula Kuantan ni dia ada Majlis Bandaraya Kuantan. Dia ada *feeder* untuk membantu dan melihat keadaan di daerah Kuantan ini, terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB PENGERUSI

Ada lagi perbahasan? Kalau tiada perbahasan, masalahnya bahawa wang sejumlah RM11,093,872.00 sahaja. Untuk Kepala B.14 - Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan menjadi sebahagian daripada Jadual, hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.14 - Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM8,612,719.00 sahaja. Untuk Kepala B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.15 - Pejabat Daerah dan Tanah Lipis menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM9,316,480.00 sahaja. Untuk Kepala B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.16 - Pejabat Daerah dan Tanah Pekan menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.17 - Pejabat Daerah dan Tanah Raub.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.17 - Pejabat Daerah dan Tanah Raub dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM7,231,600.00 sahaja. Untuk Kepala B.17 - Pejabat Daerah dan Tanah Raub menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.17 - Pejabat Daerah dan Tanah Raub menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB PENGERUSI

Jadual B.18 - Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.18 - Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM10,305,686.00 sahaja. Untuk Kepala B.18 - Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.18 - Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.19 - Pejabat Daerah dan Tanah Rompin.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.19 - Pejabat Daerah dan Tanah Rompin dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM8,064,618.00 sahaja. Untuk Kepala B.19 - Pejabat Daerah dan Tanah Rompin menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.19 - Pejabat Daerah dan Tanah Rompin menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.20 - Pejabat Daerah dan Tanah Maran.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.20 - Pejabat Daerah dan Tanah Maran dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM7,910,351.00 sahaja. Untuk Kepala B.20 - Pejabat Daerah dan Tanah Maran menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.20 - Pejabat Daerah dan Tanah Maran menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.21 - Pejabat Daerah dan Tanah Bera.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.21 - Pejabat Daerah dan Tanah Bera dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM6,563,209.00 sahaja. Untuk Kepala B.21 - Pejabat Daerah dan Tanah Bera menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.21 - Pejabat Daerah dan Tanah Bera menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.22 - Pejabat Tanah dan Galian Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.22 - Pejabat Tanah dan Galian Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM19,150,524.00 sahaja. Untuk Kepala B.22 - Pejabat Tanah dan Galian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.22 - Pejabat Tanah dan Galian Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.23 - Jabatan Mineral dan Geosains Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.23 - Jabatan Mineral dan Geosains Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM409,755.00 sahaja. Untuk Kepala B.23 - Jabatan Mineral dan Geosains Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.23 - Jabatan Mineral dan Geosains Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.24 - Jabatan Agama Islam Negeri.
YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.24 - Jabatan Agama Islam Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM132,103,474.00 sahaja. Untuk Kepala B.24 - Jabatan Agama Islam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.24 - Jabatan Agama Islam Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.25 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.25 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM5,404,047.00 sahaja. Untuk Kepala B.25 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Kepala B.25 - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.26 - Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.26 - Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah

RM22,413,444.00 sahaja. Untuk Kepala B.26 - Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.26 - Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian dariapda jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.28 - Jabatan Mufti Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM3,724,157.00 sahaja. Untuk Kepala B.28 - Jabatan Mufti Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.28 - Jabatan Mufti Negeri menjadi sebahagian daripada jadual

SETIAUSAHA

Jadual B.29 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.29 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan.Masalahnya bahawa wang sejumlah RM9,020,796.00 sahaja. Untuk Kepala Bekalan B.29 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.29 - Jabatan Kehakiman Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.31 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.31 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan, masalahnya bahawa wang sejumlah RM2,435,285.00 sahaja untuk Kepala B.31 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.31 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual B.32 - Kumpulan Wang Terkanun.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Bekalan B.32 - Kumpulan Wang Terkanun dibuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM125,982,716.00 sahaja. Untuk Kepala B.32 - Kumpulan Wang Terkanun menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju, sila nyatakan setuju

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan tidak. Tiada. Kepala B.32 - Kumpulan Wang Terkanun menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1(1);
Fasal 1(2); dan
Fasal 2.

YB PENGERUSI

Fasal 1(1);
Fasal 2 (2); dan
Fasal 2
menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB PENGERUSI

Ini Wakil daripada Tioman yang sokong ni.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HAJI HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mohon maaf terlepas pandang sikit.

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (2024) 2023 dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan semula]

[BACAAN KALI KETIGA]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon memaklumkan bahawa Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu, telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HAJI HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan (2024) 2023 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan setuju.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan tidak. Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2024) 2023 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

Perkara keempat: Menimbang Usul Anggaran Pembangunan dan Perbekalan Air Tahun 2024.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Perbekalan Air 2024 telah dibentang, disokong dan dibahas pada 4 dan 5 Disember 2023. Seramai 30 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Soalannya sekarang ialah usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapatkan kelulusan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Tiada. Usul diluluskan. Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang kita teruskan dengan aturan urusan selanjutnya.

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kelima: Rang Undang-undang Setiausaha Kerajaan, Pahang (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 DN 28/2023.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

[BACAAN KALI PERTAMA]

YAB DATO’ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Setiausaha Kerajaan Pahang dalam (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023.

YB DATO’ RODZUAN BIN ZAABA

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Setiausaha Kerajaan Pahang (Pemerbadanan) 1959.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya memohon izin menyokong cadangan tersebut.

[BACAAN KALI KEDUA]

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Setiausaha Kerajaan, Pahang (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023, dibaca bagi kali yang kedua.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan,

> **"Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Setiausaha Kerajaan, Pahang (Pemerbadanan) 1959"**,

dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Enakmen dipinda bagi memantapkan urus tadbir dan penyampaian perkhidmatan serta mencerminkan pelaksanaan sebenar operasi PSK, antara ianya melibatkan bagi memantapkan urus tadbir dan penyampaian perkhidmatan serta mencerminkan pelaksanaan sebenar operasi PSK dengan tiga (3) pindaan telah dicadangkan seperti berikut yang pertama menambah seksyen baharu Seksyen 5A kepada Enakmen ini iaitu memberikan kuasa kepada PSK untuk menubuhkan anak syarikat dan menyediakan bantuan kewangan kepada anak syarikat dengan kebenaran dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Kedua pemegang saham dalam mana-mana anak syarikat oleh PSK tidak boleh dijual, dipindahkan atau selainnya dilupuskan dalam apa-apa cara sekali pun kecuali dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan Dewan Undangan Negeri.

Dan akhirnya memasukkan Jadual Baharu 1 selepas Seksyen 14 seperti jadual berikut Pahang Water and Energy Resources, Pahang Mining Corporation Sdn Bhd, Pahang Orang Asli Corporation. Meminda Seksyen 8(7) Enakmen ini dengan memotong perkataan *"with the approval of the State Authority"* di mana perlantikan baru kakitangan PSK hanya kelulusan di pihak Ahli Lembaga Pengarah PSK tanpa perlu mengangkat ke Pihak Berkuasa Negeri kecuali perlantikan Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai

Operasi dan Pegawai Eksekutif perlu kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon sikit penjelasan saja Enakmen ni, secara keseluruhannya saya menyokong pindaan tersebut sebagai mana disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi melicinkan lagi pindaan PSK. Cuma kalau tengok pada Enakmen ini pada muka surat 1 perkara 2 er... Enakmen ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai berkuasa pada 1 Januari 2023, sedangkan kita baru bentang hari ini. Apakah ini kesilapan teknikal ataupun memang begitu prosedur dia, terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya fikir itu *typo*lah tu... *typo*... Terima kasih rakan saya daripada Cheka.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Kita boleh perbetulkanlah, terima kasih Wakil dari Cheka. Nampak teliti, kita suka ada *check and balance* ni Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan Majlis ialah "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Setiausaha Kerajaan, Pahang (Pemerbadanan) 1959", dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahaskan. Patutnya ini baru bahas tapi takpe lah, awal sikit... sah, mesyuarat sah.

YB TUAN HAJI ANDASURA BIN RABU

Tuan Yang di-Pertua,

Er... saya cuma mohon pencerahan sedikit tentang Enakmen ini. Dengan jadual baru er... yang dikeluarkan ada 3 syarikat yang dinamakan dalam jadual itu *schedule* 54A. Er… mengikut pemahaman saya, Pahang Water & Energy Resources serta Pahang Orang Asli Corporation ini berada di bawah Pahang Corp, Syarikat Pahang Corp. Apa justifikasi yang dibuat untuk nak memindahkan kedua-dua syarikat ini kepada PSK? Sehingga adakah ia akan mengganggu pengurusan ataupun perjalanan transaksi syarikat tersebut atau untuk tujuan kawal selia yang lebih ketat kepada kedua-dua syarikat itu dipindahkan kepada PSK ini? Terima kasih.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya suka memaklumkan di Dewan yang mulia ini, bahawa apa jua perubahan yang Kerajaan Negeri laksanakan adalah untuk tujuan menambah baik dan er... yang lebih

pentingnya ialah supaya mana-mana anak syarikat yang ditubuhkan itu dapat melaksanakan dan menjalankan tugasnya di mana yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri. Jadi dengan adanya memasukkan jadual baru ini untuk Pahang Water & Energy Resources, Pahang Mining Corporation dan Pahang Orang Asli ini adalah yang pertama sekali untuk memudahkan er... kita memantau dan yang kedua untuk memendekkan birokrasi.

Kerana sebagai contohnya Pahang Orang Asli Corporation ini kita dapati di kalangan masyarakat Orang Asli masih tertinggal jauh kalau berbanding dengan kita jadi saya yakin dan percaya sekiranya kita letak di bawah PSK ianya akan memudahkan lagi urusan dan memendekkan birokrasi dan ini boleh mempercepatkan lagi proses untuk kita meningkatkan pembangunan untuk masyarakat Orang Asli, itulah antara tujuannya Yang Berhormat Dato' Sri di-Pertua. Itu lebih baik dari apa yang ada sekarang ini. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Amat Berhormat atas penjelasan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "Setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "Tidak". Tiada. Rang Undang-Undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

"Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Setiausaha Kerajaan, Pahang (Pemerbadanan) 1959."

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.
.

[DALAM JAWATANKUASA]

[Cokmar diturunkan]

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1 (1); Fasal 1 (2); Fasal 2; Fasal 3; dan Fasal 4.

YB PENGERUSI

Fasal 1 (1); Fasal 1 (2); Fasal 2; Fasal 3; dan Fasal 4. Dibuka untuk perbahasan sekarang. Tiada perbahasan.

Fasal 1 (1); Fasal 1 (2); Fasal 2; Fasal 3... oh sila...

YB DATO' SRI HAJI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN

Yang Berhormat Dato' Sri,

Saya rasa er... kita kalau nak kalau... saya setuju kalau sekiranya kita boleh buat terus pindaan supaya nanti kita lulus kepada... atau lulus dengan pindaan sebab tarikh tadi lah, perkara 1(2) tadi tentang perubahan tarikh. Kalau kita terima bererti akan terima dengan pindaan. Kalau kita boleh buat perubahan di peringkat jawatankuasa, saya fikir kita boleh terus terima tanpa ada pindaan.

YB PENGERUSI

Boleh maknanya kita akan buat pindaan dari segi tarikh tu lah daripada tahun 2024. Tiada perbahasan. Fasal 1 (1); Fasal 1 (2); Fasal 2; Fasal 3; dan Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Undang-undang hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Yang tidak bersetuju, sila nyatakan "Tidak". Tiada. Fasal 1 (1); Fasal 1 (2); Fasal 2; Fasal 3; dan Fasal 4; menjadi sebahagian daripada Undang-undang.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Yang Berhormat Dato’ Sri Pengerusi,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Pemerbadanan) (Pindaan) (2023) dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB PENGERUSI

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[*Cokmar dinaikkan semula*]

[BACAAN KALI KETIGA]

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa,

> **“Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Setiausaha Kerajaan Pahang (Pemerbadanan) 1959”**

telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Tadi ada sedikit pindaan ataupun *error* tadilah…

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Dengan pindaan tahun lah…

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN ISMAIL

Ya, dengan sedikit pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Setiausaha Kerajaan, Pahang (Pemerbadanan) (Pindaan) (2023) dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “Setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “Tidak”. Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca untuk kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB DATO' RODZUAN BIN ZAABA

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong cadangan tersebut.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Setiausaha Kerajaan, Pahang (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023, disifatkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

URUSAN-URUSAN AM

Perkara Keenam: Urusan-Urusan Am

Kertas-kertas Mesyuarat.

Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang berakhir 31 Disember 2022. DN 30/2023.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2022 – Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Pahang. DN 31/2023.

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang berakhir 31 Disember 2022. DN 32/2023.

Penyata Kewangan Yayasan Pahang Berakhir 31 Disember 2022. DN 33/2023.

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands Berakhir 31 Disember 2022. DN 34/2023.

Penyata Kewangan Perbadanan Muzium Negeri Pahang Berakhir 31 Disember 2022. DN 35/2023.

Penyata Kewangan Majlis Sukan Pahang Berakhir 31 Disember 2022. DN 36/2023.

Penyata Kewangan Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) Berakhir 31 Disember 2022. DN 37/2023.

Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Negeri Pahang Tahun 2018. DN 38/2023.

Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Terhadap Laporan Ketua Audit Negara Negeri Pahang Tahun 2019. DN 39/2023.

Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Darul Makmur Berakhir 31 Disember 2022. DN 40/2023.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022. DN 41/2023.

PENANGGUHAN

Perkara Ketujuh: Penangguhan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Alhamdulillah syukur kepada Allah kerana kita sudah pun tiba ke penghujung Persidangan pada kali ini. Saya sangat bersyukur kerana perjalanan Persidangan kita pada kali ini berjalan dengan lancar dan teratur sekali. Sudah pastinya saya memberi pujian ini kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua [Ahli Dewan tepuk meja] dan juga Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua [Ahli Dewan tepuk meja] kerana mengendalikan aturan Persidangan kita dengan begitu baik sekali. Syabas dan tahniah. [Ahli Dewan tepuk meja].

Kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian baik daripada blok kerajaan maupun blok membangkang saya mengucapkan syabas, tahniah dan terima kasih atas penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Persidangan hari ini yang berlangsung dengan suasana yang aman dan tenteram. Dan sudah pastinya saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana telah bersetuju menyokong Belanjawan Negeri Pahang untuk tahun 2024 dengan sebulat suara.

Menerusi Belanjawan ini juga, Pembangunan Negeri akan terus dapat dipacu dengan lebih baik lagi. Selain agenda rakyat akan terus diangkat menjadi keutamaan dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dan bantuan secara berterusan selaras dengan tema belanjawan iaitu "Pahang Prihatin Rakyat Makmur".

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Negeri kita sedang mengalami monsun timur laut yang lazimnya akan berlaku bencana banjir. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menjaga kawasan masing-masing dengan sebaik-baiknya dan berilah nasihat kepada penduduk terutamanya mereka yang tinggal di kawasan berisiko agar sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa untuk berpindah ke pusat-pusat pemindahan. Kita tidak mahu berlakunya tragedi yang tidak diingini terutamanya yang melibatkan kematian akibat kedegilan penduduk yang enggan berpindah hanya semata-mata untuk menjaga harta benda.

Ingatlah, nyawa itu lebih berharga daripada harta benda kerana harta yang rosak boleh diganti manakala nyawa yang hilang akan pergi selama-lamanya. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri serta agensi-agensi bertanggungjawab telah dari awal melakukan pelbagai persediaan bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya banjir termasuklah menghantar barangan keperluan ke pengkalan-pengkalan hadapan serta menyelenggara pusat-pusat pembinaan.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri Pahang telah pun mengadakan pusat pembinaan tetap yang pertama di Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua iaitu di Luit. Dan insya-Allah kita akan panjangkan lagi kepada empat daerah iaitu di Pekan, Kuantan, Temerloh dan juga di Lipis.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Sebelum saya akhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas keterlibatan Ahli-ahli Yang Berhormat semua dalam persidangan kita pada kali ini. Insya-Allah jika ada umur panjang, kita akan bertemu lagi pada Persidangan yang akan datang yang akan ditetapkan oleh Yang di-Pertua setelah mendapat perkenan daripada Tuanku Sultan Pahang. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat selamat pulang ke kawasan masing-masing dan laksanakanlah tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita dengan sebaik-baiknya.

Di kesempatan ini juga, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua penjawat awam di negeri ini dan juga persekutuan. Pasukan Polis Diraja Malaysia, petugas kesihatan, anggota RELA, pasukan bomba, petugas media serta mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kelancaran sepanjang Persidangan pada kali ini berlangsung.

Saya berdoa semoga negeri Pahang terus dilimpahi dengan kedamaian, kemakmuran dan kebersamaan dengan setiap layaknya hidup dalam suasana yang harmoni, saling hormat menghormati dan bertoleransi serta dilindungi dari segala bencana dan malapetaka. .

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua, saya memohon membawa cadangan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

YB DATO’ SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Hormat Dato’ Sri Yang di-Pertua, saya memohon menyokong usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Menteri Besar sebentar tadi. Terima kasih.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Masjlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Berhormat sekalian. Alhamdulillah, kita telah pun selesai ke penghujung Persidangan Mesyuarat Ke-3 Penggal Ke-2 Dewan Negeri Ke-15. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan kerjasama, sokongan dan komitmen yang amat baik kepada saya yang lebih penting lagi dan lebih mustahak lagi menghormati, menghargai, memahami, menepati masa yang meletakkan Dewan yang mulia ini di atas landasan yang betul dan penuh integriti. Syabas dan tahniah.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan dan pihak-pihak yang terlibat yang memberikan kerjasama yang tinggi dalam menjayakan Persidangan Dewan pada kali ini. [Ahli Dewan tepuk meja].

Selepas ini, kita semua akan pulang ke kawasan masing-masing untuk berkhidmat dengan rakyat. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi bahawa di hujung tahun di awal tahun adalah musim hujan dan kita akan menghadapi banjir dan kita berdoa kepada Allah SWT agar pada tahun ini air tidaklah naik setinggi seperti tahun-tahun yang kita mengalami sebelumnya. Insya-Allah.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian err agar terus bersedialah jika air Sungai Pahang naik dan sekiranya berlaku banjir. Tapi untuk kawasan Maran ini, dia dah ada pusat perpindahan yang tetap ya. Insya-Allah saya yakin bahawa usaha untuk kita

Kerajaan Negeri membina pusat perpindahan yang tetap ini sangat bermanfaat selain daripada ianya adalah merupakan *multi-purpose* yang boleh digunakan untuk perkara-perkara lain.

Tahniah ya kita ucapkan kepada Kerajaan Negeri kerana telah mengemukakan Belanjawan 2024 yang tinggi dalam sejarah. Teruskan usaha kita untuk membangunkan negeri ini dan membantu rakyat agar negeri Pahang akan terus makmur dan maju. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, marilah kita sama-sama suburkan ukhwah sesama kita. Walaupun kita berbeza wadah tetapi matlamatnya sama iaitu memperlihatkan kepada rakyat bahawa wadah kita adalah yang terbaik untuk membela dan memajukan negeri yang tercinta ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua saya yang telah menjalankan tugas beliau dengan baik ketika ketiadaan saya dan kami memohon salah dan silap. Mohon maaf jika terdapat salah dan silap maklumlah ini adalah merupakan kali pertama kita menguruskan Belanjawan Negeri dan insya-Allah di masa-masa yang akan datang kita akan perbaiki lagi dari masa ke semasa yang boleh kita perbaiki. Terima kasihlah kepada semua cadangan-cadangan tadi yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk penambahbaikan bagi Dewan yang mulia ini.

Insya-Allah dalam masa setahun dua lagi, kita akan berada di Dewan yang baru dan kita harap supaya di antara masa tersebut tidak berlaku Pilihan Raya Umum lah. Kalau berlaku Pilihan Raya Umum, maknanya mungkin ada sebahagian daripada kita tak akan ada di sini. Jadi sekali lagi saya ucap terima kasih. Sekian, persidangan Dewan Negeri ditangguhkan.

Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[*Persidangan ditangguhkan pada jam 10.39 pagi*]